



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGGUNAAN KELAS BERBALIK (FLIPPED CLASSROOM) DALAM  
PERKEMBANGAN DIMENSI MORAL GURU PRAPERKHIDMATAN OPSYEN  
PENDIDIKAN MORAL**

**SHASITHARAN RAMAN KUTTY**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN MORAL)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka potensi Kelas Berbalik (*Flipped Classroom*) dalam memperkembangkan dimensi moral guru praperkhidmatan (GPP) opsyen Pendidikan Moral di institut pendidikan guru. Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian tindakan. Model kajian tindakan Zuber-Skerritt digunakan untuk mengkaji keupayaan kaedah Kelas Berbalik (KB) dalam mengembangkan aspek pemikiran, emosi dan amalan moral GPP opsyen Pendidikan Moral. Seramai 18 orang peserta kajian telah dipilih dari institut pendidikan guru untuk tujuan pengumpulan data. Data dikumpul dengan menggunakan teknik temu bual kumpulan berfokus, pemerhatian, catatan jurnal, rakaman video dan data dianalisis menggunakan kaedah analisis tema Braun dan Clarke. GPP terlibat dalam aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran dalam tiga gelung kajian tindakan. Dapatan kajian dalam Gelung 1 menunjukkan perkembangan tiga unsur pemikiran iaitu pemikiran moral yang rasional, penelitian dalam membuat keputusan moral dan justifikasi terhadap tindakan yang diambil. Dapatan kajian dalam Gelung 2 pula menunjukkan KB dapat mencetuskan emosi sendiri GPP seperti emosi sedih, gembira, menyesal dan bangga selain membangkitkan perasaan seperti belas kasihan, perasaan empati, benci, malu dan kasih sayang. Manakala Gelung 3 menunjukkan amalan moral yang dikenal pasti adalah berupaya melaksanakan tugas, bekerja bersama-sama, bertolak-ansur, berketrampilan, berani, berdikari, saling-menolong, menepati masa, pekerti mulia dan rajin. Dapatan keseluruhan kajian dalam Gelung 1, 2 dan 3 merumuskan teknik KB dapat mengembangkan aspek pemikiran, emosi dan amalan moral GPP institut pendidikan guru. Kajian ini mempunyai implikasi penting terhadap pedagogi Pendidikan Moral iaitu sumbangannya terhadap budaya instruksional dan amalan pengajaran pemudahcaraan Pendidikan Moral dalam struktur kurikulum di IPG.





## **THE USAGE OF FLIPPED CLASSROOM IN MORAL DEVELOPMENT DIMENSIONS AMONG MORAL EDUCATION PRE-SERVICE TEACHERS**

### **ABSTRACT**

This study aimed to explore the potential of Flipped Classroom in developing moral dimensions of Moral Education pre-service teachers in teachers training institutes. This study employs an action research design using the qualitative approach. The action research explored by Zuber-Skerritt was used to explore the potential of Flipped Classroom technique in developing moral thinking, moral emotion and moral behaviour among the Moral Education pre-service teachers. The participants consist of 18 preservice teachers from teachers training institutes for the purpose of data collection. The data collected using focus group interview techniques, observation, journal writing, video recordings and the thematic method by Braun & Clarke was used for data analysis. The preservice teachers were required to follow steps of Flipped Classroom namely pre-teaching activity, face-to-face session and post-teaching activity in three cycle of action research. The results in Cycle 1 showed the process of moral thinking involves three developmental thinking elements which are rational thought, careful consideration in decision making and justification for action taken. The findings in Cycle 2 also indicate that Flipped Classroom technique can stimulate emotions such as sadness, pleasure, guilt, pride, sympathy, empathy, hatred, shame and love toward others. Besides, the findings in Cycle 3 showed the moral behaviour identified are responsibility in performing task, being courage, being independent, helping each other, being punctual, courteous and hard working. The overall results in Cycle 1,2 and 3 concluded that the Flipped Classroom technique is able to develop moral thinking, moral emotion and moral behaviour among pre-service teachers. This study has its implication in Moral Education pedagogy and contributed to instructional culture and practice of teaching and facilitating in curriculum structure in IPG.



**KANDUNGAN**

	Muka surat
<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xix
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Kelas Berbalik	9
1.3 Rasional Kelas Berbalik	12
1.4 Pernyataan Masalah	14
1.5 Objektif Kajian	22
1.6 Soalan Kajian	22
1.7 Kepentingan Kajian	22
1.8 Batasan Kajian	24



1.9	Kerangka Konsep	25
1.10	Definisi Istilah	28
1.10.1	Guru Praperkhidmatan	28
1.10.2	Pendidikan Moral	29
1.10.3	Kelas Berbalik	29
1.10.4	Dimensi Moral	30
1.11	Penyusunan Tesis Kajian	31
1.12	Rumusan Bab	31
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>32</b>
2.1	Pendahuluan	32
2.2	Peranan Pendidikan dan Pedagogi	33
2.3	Pedagogi dalam Pendidikan Guru	37
2.4	Pedagogi Pendidikan Guru dan Kelas Berbalik	37
2.5	Moral dan Pengertian Kemoralan	39
2.6	Pemikiran, Emosi dan Amalan Moral	44
2.7	Pemikiran Moral	45
2.8	Emosi Moral	47
2.9	Amalan Moral	50
2.10	Kesepaduan Pemikiran, Emosi dan Amalan Moral	52
2.11	Pendekatan Pengajaran Pendidikan Moral	55
2.12	Pendekatan Pemupukan Nilai	57

2.13 Pendekatan Pembinaan Rasional	59
2.14 Pendekatan Penjelasan Nilai	60
2.15 Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral	62
2.16 Teknik Pengajaran Pendidikan Moral	64
2.17 Kelas Berbalik ( <i>Flipped Classroom</i> )	66
2.18 <i>Schoology</i> dan Pembelajaran Teradun	92
2.19 Konstruktivisme Vygotsky dan Kelas Berbalik	94
2.20 Rumusan Bab	108
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	109
3.1 Pendahuluan	109
3.2 Pemilihan Sampel Kajian	109
3.3 Pemilihan dan Penentuan Peserta Kajian	110
3.4 Rakan Kolaborasi	114
3.5 Reka bentuk Kajian	116
3.6 Kajian Tindakan	116
3.6.1 Justifikasi kajian tindakan	119
3.7 Rangka Kerja Penyelidikan	124
3.7.1 Model Kerja	124
3.7.2 Pengisian Aktiviti Dalam dan Luar Bilik Darjah	126
3.7.3 Pelaksanaan Kelas Berbalik dalam Reka Bentuk Kajian Tindakan	129
3.8 Kategori Data	130

3.9	Instrumen Kajian	131
3.9.1	Protokol pemerhatian di dalam bilik darjah	132
3.9.2	Protokol Temu Bual	134
3.9.3	Jurnal	138
3.9.4	Rakaman Video	141
3.10	Proses Pengumpulan Data	142
3.10.1	Fasa Pertama- Peringkat Prakajian	143
3.10.2	Fasa Kedua- Proses Kajian Sebenar	145
3.11	Teknik Pengumpulan Data	145
3.11.1	Temu Bual	146
3.11.2	Teknik Pemerhatian	148
3.11.3	Catatan Jurnal Peserta	150
3.11.4	Catatan Jurnal Refleksi Penyelidik	150
3.11.5	Rakaman Video	151
3.12	Prosedur Kajian	151
3.12.1	Gelung 1	152
3.12.2	Gelung Kedua	155
3.12.3	Gelung Ketiga	159
3.13	Jadual Prosedur Kajian	162
3.14	Pengurusan Data	166
3.14.1	Transkripsi	166

3.14.2	Penyaringan data	168
3.14.3	Pengkodan	168
3.14.4	Penghasilan Tema dan Kategori	169
3.15	Analisis Data	170
3.16	Tatacara Analisis Data	173
3.17	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	174
3.17.1	Triangulasi	175
3.17.2	Penilaian Pakar	177
3.17.3	Semakan Peserta Kajian	178
3.17.4	Penelitian Rakan Sebaya	179
3.17.5	Jejak Audit	181
3.18	Etika Penyelidikan	182
3.19	Rumusan Bab	185
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	186
4.1	Pendahuluan	186
4.2	Perkembangan Pemikiran Moral	188
4.3	Tema 1: Pemikiran Moral yang Rasional	190
4.3.1	Mengenal Pasti Isu	192
4.3.2	Memerihalkan Isu	204
4.3.3	Memperincikan Sebab Musabab	210
4.4	Tema 2: Penelitian Dalam Membuat Keputusan Moral	219



4.4.1	Menaakul Isu Moral	220
4.4.2	Menilai Sebab Musabab	228
4.4.3	Strategi Penyelesaian	238
4.5	Tema 3: Justifikasi Terhadap Tindakan Yang Diambil	249
4.5.1	Isihan Tindakan	250
4.5.2	Kewajaran Tindakan	259
4.6	Perkembangan Emosi Moral	269
4.6.1	Tema 4: Kewujudan Pelbagai Perasaan Kendiri	271
4.6.1.1	Perasaan Malu	273
4.6.1.2	Rasa Menyesal/ Bersalah	283
4.6.1.3	Sedih	293
4.6.1.4	Seronok/ Gembira	304
4.6.1.5	Marah/Geram	314
4.6.1.6	Bangga	324
4.6.1.7	Takut dan Berani	335
4.6.2	Tema 5: Kesedaran Terhadap Perasaan Orang Lain	346
4.6.2.1	Belas Kasihan	347
4.6.2.2	Empati	357
4.6.2.3	Benci/Meluat	367
4.6.2.4	Kasih Sayang/Menyayangi	376
4.7	Perkembangan Amalan Moral	386
4.7.1	Amalan Melaksanakan Tugas	387
4.7.2	Bekerja Bersama-Sama	395
4.7.3	Amalan Berkompromi	403
4.7.4	Berketerampilan Dalam Menyelesaikan Konflik Moral	410
4.7.5	Bersikap Berani	419
4.7.6	Menunjukkan Sikap Berdikari	427

4.7.7 Saling Tolong Menolong	435
4.7.8 Menepati Masa	444
4.7.9 Berbudi Pekerti Mulia	452
4.7.10 Rajin Berusaha	460
4.8 Rumusan Bab	466
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	467
5.1 Pendahuluan	467
5.2 Nota Refleksi Penyelidik	468
5.2.1 Hasil Refleksi Gelung Pertama	468
5.2.1.1 Masalah Penglibatan Peserta Dalam Aktiviti Prapengajaran	468
5.2.1.2 Sesi Intervensi Yang Tidak Efektif	469
5.2.1.3 Penggunaan <i>Schoology</i> Yang Kurang Memuaskan	470
5.2.2 Hasil Refleksi Gelung Kedua	472
5.2.2.1 Capaian Internet Yang Lemah	472
5.2.2.2 Aktiviti Interaksi Bersemuka Yang Kurang Efektif	473
5.2.2.3 Kesukaran Untuk Merancang Pengajaran	473
5.2.3 Hasil Refleksi Gelung Ketiga	474
5.3 Perkembangan Pemikiran Moral	474
5.3.1 Pemikiran Moral Yang Rasional	475
5.3.2 Penelitian Yang Teliti Dalam Membuat Keputusan	483
5.3.3 Kewajaran Terhadap Tindakan Yang Diambil	486
5.3.4 Dapatan Soalan Kajian 1	489
5.4 Perkembangan Emosi Moral Guru	490

5.4.1	Kewujudan Pelbagai Perasaan Kendiri	490
5.4.2	Kesedaran Terhadap Emosi Orang Lain	497
5.4.3	Dapatan Soalan Kajian 2	499
5.5	Perkembangan Amalan Moral	500
5.5.1	Dapatan Soalan Kajian 3	505
5.6	Cabaran Yang Dilalui	506
5.6.1	Sikap Peserta	506
5.6.2	Akses Kepada <i>Schoolology</i>	507
5.6.3	Budaya Belajar	507
5.6.4	Faktor Bahasa	508
5.7	Strategi Menangani Cabaran	509
5.8	Implikasi Dapatan Kajian	510
5.8.1	Implikasi Terhadap Matlamat Pendidikan Moral	510
5.8.2	Implikasi Terhadap Aktiviti Perbincangan Dalam Kelas	511
5.8.3	Implikasi Terhadap Teknik Pengajaran	513
5.8.4	Implikasi Terhadap GPP	514
5.9	Cadangan Kajian Lanjutan	517
5.10	Kesimpulan	520

**RUJUKAN** 521

**LAMPIRAN** 558

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
3.1	Bilangan Peserta Kajian	112
3.2	Profil Rakan Kolaborasi	115
3.3	Model CRASP. Sumber dari Zuber-Skerritt (1995)	123
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	146
3.5	Fasa dalam Gelung Pertama	153
3.6	Fasa dalam Gelung Kedua	158
3.7	Fasa dalam Gelung Ketiga	161
3.8	Jadual Prosedur Kajian Tindakan di Tiga Buah IPG	162
3.9	Kegiatan Sepanjang Tempoh Penyelidikan di Sebuah IPG	163
3.10	Pengekodan kepada Sub-tema dan Tema	169

**SENARAI RAJAH**

<b>No. Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
1.1. Kemahiran abad ke-21. Sumber dari Kementerian Pendidikan Malaysia (2015).	6
1.2. KB dalam Bilik Darjah. Sumber dari Bergmann & Sams (2012).	10
1.3. Dimensi Kompetensi Profesional Guru. Sumber dari Kementerian Pendidikan Malaysia (2015).	15
1.4. Kerangka Konsep Pelaksanaan KB. Adaptasi dari Bergmann dan Sams (2012), Gibbs (2010) dan Zuber-Skerritt (1995).	26
2.1. Tunjang KB. Sumber dari Bergmann dan Sams (2014)	96
2.2. Konstruktivisme Vygostky. Sumber dari Vygotsky (1978)	102
2.3. Zon Perkembangan Proksimal (ZPD). Sumber dari Vygotsky (1978)	103
3.1. Kolaborasi dalam Kajian Tindakan. Sumber dari Creswell (2012)	114
3.2. Model Kajian Tindakan. Diadaptasi dari Model Zuber-Skerritt (1995)	121
3.3. Model KB. Sumber dari Bergmann & Sams (2012)	125
3.4. Pengisian Aktiviti. Adaptasi dari Bergmann & Sams (2012) dan Gibbs (2010).	127
3.5. Pelaksanaan KB dalam Reka Bentuk Kajian Tindakan. Adaptasi dari Zuber-Skerritt (1995) dan Bergmann & Sams (2012).	129
3.6. Kategori Data. Sumber dari Creswell (2012).	131



3.7.	Pelaksanaan Temu bual Kumpulan Berfokus. Diadaptasi dari Hennink (2013)	136
3.8.	Panduan Penulisan Jurnal. Sumber dari Janesick (1999)	140
3.9.	Gelung pertama. Sumber dari Zuber-Skerritt (1995)	152
3.10.	Gelung Kedua. Sumber dari Zuber-Skerritt (1995)	156
3.11.	Gelung ke-tiga. Sumber dari Zuber-Skerritt (1995)	159
3.12.	Kaedah Analisis Tema. Sumber dari Braun & Clarke, (2006)	172
4.1.	Rangka Kerja Pelaksanaan Kelas Berbalik	187
4.2.	Pemikiran Moral	189
4.3.	Ciri-Ciri Dalam Pemikiran Moral	191
4.4.	Ciri-Ciri Dalam Proses Penelitian Dalam Membuat Keputusan	219
4.5.	Ciri-ciri Dalam Proses Justifikasi Tindakan	249
4.6.	Perkembangan Emosi Moral	270
4.7.	Perkembangan Pelbagai Perasaan Kendiri	271
4.8.	Kesedaran Terhadap Perasaan Orang Lain	346
4.9.	Amalan Moral Peserta Kajian	387

## SENARAI SINGKATAN

IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
EPRD	<i>Economic Planning Research Division</i>
FPG	Falsafah Pendidikan Guru
GPP	Guru praperkhidmatan
KB	Kelas Berbalik
KSG	Kualiti Siswa Guru
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
RMK	Ringkasan Maklumat Kursus
SGM	Standard Guru Malaysia

## SENARAI LAMPIRAN

- A E-mel pelaksanaan KB dalam Pendidikan Moral
- B Protokol Pemerhatian Bilik Darjah
- C Surat Penilaian Pakar
- D Protokol Temu bual
- E Panduan Penulisan Jurnal
- F Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (KPM)
- G Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (IPGM)
- H Sinopsis Klip Video Gelung 1
- I Sinopsis Klip Video Dalam Gelung 2
- J Rancangan Pengajaran Harian Kelas Berbalik
- K Sinopsis Klip Video Dalam Gelung 3
- L Sinopsis Klip Video Berdasarkan Tema
- M Transkripsi Temu Bual





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pendahuluan

Moral merupakan tunjang kepada kehidupan individu. Nilai moral dapat menjadikan kehidupan seseorang berkualiti, selain memupuk rasa hormat dengan diri sendiri dan orang lain. Elemen penting di dalam kehidupan yang membentuk watak individu adalah mengetahui apa yang betul dan apa yang salah. Nilai moral dalam diri seseorang individu membantu mereka untuk membuat keputusan yang betul dalam kehidupan (Gewirtz & Kurtines, 1991). Sering kali kita terdengar insiden individu yang membuat keputusan yang salah atau tidak tepat dan seterusnya gagal dalam percaturan kehidupan. Kes rasuah, penderaan kanak-kanak, lumba haram, gangguan seksual atau buli merupakan contoh individu yang gagal membuat pertimbangan yang tepat dalam kehidupan.

Pembangunan modal insan yang berkualiti bergantung pada pendidikan yang berkualiti (Santos, 2011; Selvaratnam, 2016). Pendidikan berkualiti merujuk kepada individu yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Pendidikan yang berkualiti bukan





sahaja melibatkan individu yang berfikiran kritis dan kreatif, berupaya menyelesaikan masalah dan berkeupayaan mencipta peluang baharu malah mempunyai daya tahan serta berkebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran global yang semakin mencabar (Schleicher, 2015).

Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025 yang diterbitkan pada bulan September 2012 memberi peringatan bahawa dalam persekitaran global yang mencabar, guru memainkan peranan penting dalam merencanakan agenda pembangunan pendidikan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Hanya guru yang berkualiti mampu melahirkan pendidikan mapan (Hanushek, 2011). Guru yang berkualiti bukan semata-mata bergantung pada keupayaan pedagogi yang dilaksanakan, tetapi juga bergantung pada sifat peribadi, tingkah laku dan contoh suri teladan dan mencerminkan kualiti profesional (Butt, Townsend, & Raymond, 1990).

Tatkala sekolah sedang berhadapan dengan cabaran yang besar, guru mempunyai tanggungjawab yang tinggi untuk mendidik pelajar. Penekanan kepada guru berkualiti bukan sahaja dihasratkan dalam sistem pendidikan di Malaysia tetapi juga disuarakan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) yang dianggotai oleh 30 buah negara.

Laporan OECD (2018) merumuskan bahawa guru berkualiti perlu menjadi teras kepada usaha penambahbaikan di sekolah.

*as the most significant and costly resource in schools, teachers are central to school improvement efforts. Improving the efficiency and equity of schooling depends, in large measure, on ensuring that competent people want to work as teachers, that their teaching is of high quality, and that all students have access to high quality teaching. (p. 18)*





Lantaran kepada penekanan laporan OECD tersebut, Aslan (2015) merumuskan tugas guru dalam mengembangkan elemen kognitif, sosial dan emosi pelajar menjadi semakin mencabar. Guru perlu menyediakan diri dengan pelbagai cabaran yang mendatang dalam pendidikan. Schleicher (2018) merumuskan bahawa:

*Teachers act as caregivers, models and mentors, treating students with love and respect, setting a good example, supporting pro-social behavior and correcting hurtful actions. The teacher creates a moral community, helping students respect and care about each other and feel valued within the group, and a democratic classroom environment, where students are involved in decision-making. (p.153)*

Justeru guru mempunyai peranan yang besar dalam melahirkan modal insan yang berkualiti. Negara Malaysia memberi penekanan yang tinggi terhadap pembangunan modal insan (Selvaratnam, 2016). Pelaburan dalam modal insan, seperti yang disarankan oleh pemenang anugerah Nobel Laureate, Theodore W. Schultz menjadi pendorong kepada Malaysia untuk menitikberatkan pembangunan modal insan. Modal insan yang berkualiti penting ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju (Rowley, 2012). Agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah untuk menjadikan sistem pendidikan Malaysia berkualiti tinggi. Justeru, guru perlu menunjukkan iltizam yang tinggi bagi meningkatkan kualiti pendidikan (Ismail & Awang, 2017). Kualiti pendidikan yang tinggi akan dapat membantu meningkatkan kualiti guna tenaga kerja di Malaysia. Pelajar sebagai bakal guna tenaga kerja merupakan aset yang tidak ternilai kepada negara.



Dalam konteks pendidikan di Malaysia, transformasi dalam bidang pengajaran merupakan kunci kepada sistem pendidikan berkualiti. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), 2013-2025 menggariskan 11 anjakan yang mana transformasi pendidikan memerlukan pendekatan dan strategi yang baharu agar pelajar memiliki kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Transformasi pendidikan ini bermatlamat untuk melengkapkan setiap orang pelajar di negara kita dengan segala kemahiran baharu yang diperlukan oleh mereka untuk menangani cabaran abad ke-21. Keadaan ini semakin mendesak dengan prestasi Malaysia dalam *Trend in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) yang menurun antara tahun 1999 dan tahun 2007. Keputusan *Programme for International Student Assessment* (PISA) pada tahun 2009 pula menunjukkan daripada 74 buah negara peserta, Malaysia berada dalam kelompok sepertiga terbawah dan lebih rendah daripada purata antarabangsa dan OECD.

Keputusan TIMSS dan PISA ini mengejutkan. Pelajar-pelajar yang tidak berupaya menguasai kemahiran intelektual dan kemahiran berfikir aras tinggi akan kurang berpeluang untuk berjaya dalam perubahan persekitaran global kini di samping terjejas dari segi perkembangan intelektual, emosi dan amalan (Ab Kadir, 2017).


Institusi keguruan sebagai pusat yang melatih guru harus peka dengan situasi ini. Maka sistem pengajaran di institusi keguruan perlu dilihat semula keberkesannya (Hamid, Nadzar, & Dollah, 2015). Institusi keguruan perlu memantapkan pengajaran agar guru-guru yang bakal dilahirkan mantap, cekap dan berpengetahuan luas. Ia juga sejajar dengan inti pati Standard Guru Malaysia (SGM) yang menitikberatkan 3



standard iaitu Standard 1- Amalan Nilai Profesional Keguruan, Standard 2- Pengetahuan dan Kefahaman, dan Standard 3- Kemahiran Pengajaran (Bahagian Pendidikan Guru, 2009).

Standard 3 menekankan keperluan untuk guru mahir dalam menyediakan perancangan pembelajaran berdasarkan Sukatan Pelajaran. Guru yang prihatin juga harus mengambil kira perbezaan kebolehan, pengetahuan sedia ada dan pencapaian pelajar (Bahagian Pendidikan Guru, 2009). Selain itu, guru juga harus melaksanakan pengajaran dengan menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik (Cherubini, 2009). Berdasarkan senario ini, guru praperkhidmatan perlu dilatih agar mereka dapat turut serta dalam membangunkan transformasi pendidikan abad ke-21. Cara pengajaran guru yang konvensional perlu diubah agar mereka dapat memenuhi tuntutan dan cabaran pengajaran abad ke-21 (Henry et al., 2013). Rujuk Rajah 1.1.





Rajah 1.1. Kemahiran abad ke-21. Sumber dari Kementerian Pendidikan Malaysia (2015).

Berdasarkan Rajah 1.1, guru abad ke-21 perlu mempunyai kemahiran belajar dan inovasi, kemahiran hidup dan kerjaya dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai teras untuk melaksanakan pengajaran. Guru praperkhidmatan perlu bersedia untuk melakukan perubahan agar proses pengajaran mereka dalam bilik darjah memenuhi kehendak pembelajaran abad ke-21. Perubahan harus dilakukan ke atas corak pengajaran guru agar bidang kemahiran tersebut dapat diterapkan ketika guru melaksanakan pengajaran. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang diperkenalkan pada



tahun 2011 dan 2014 bertujuan memastikan pelajar dibekalkan dengan kemahiran dan pengetahuan abad ke-21. Bermula tahun 2017, semakan KSSR untuk tahun 1 telah mula dilaksanakan untuk menambah baik elemen kurikulum agar sesuai dengan keperluan abad ke-21.

Di samping itu juga, isu pendidikan abad ke-21 yang menuntut pelajar untuk mempunyai kebolehan komunikasi, menyelesaikan masalah, kemahiran refleksi dan menguruskan diri sendiri (OECD, 2018) juga perlu diberi perhatian oleh guru. Amalan pedagogi bilik darjah perlu relevan dengan perubahan dan kehendak semasa. Perubahan dan kehendak semasa dalam pendidikan tersebut relevan sekiranya bilik darjah 'diterbalikkan' (*flipped*). Justeru, Kelas Berbalik (*Flipped Classroom*) merupakan satu bentuk pendekatan yang relevan dalam konteks pendidikan abad ke-21 (Mohamed Amin, 2013). Flumerfelt & Green (2013) yakin bahawa KB merupakan satu bentuk pedagogi moden yang perlu disuntik dalam program keguruan.

Penggunaan KB dalam bidang pendidikan kian berkembang selaras dengan perkembangan teknologi pada masa kini. Idea tentang KB bukanlah satu idea yang baharu tetapi telah berkembang pada masa kin kerana wujudnya elemen teknologi yang lebih menjimatkan kos dan masa. Kualiti pendidikan juga dapat ditingkatkan dengan penggunaan KB (Gökçe, 2017). Tambahan pula, pendidikan abad ke-21 menekankan elemen teknologi dalam kehidupan manusia. Kemunculan pelbagai alatan teknologi baharu seperti *I-pad*, telefon pintar, *PDA* serta pelbagai aplikasi yang lain telah menyebabkan kehidupan manusia turut berubah. Percambahan alatan teknologi baharu ini juga telah menyebabkan cara manusia belajar turut berubah (Delgado, Wardlow,





McKnight, & O'Malley, 2015). Ramai sarjana pendidikan mula meneroka potensi teknologi dalam bidang pengajaran.

Fokus kepada KB juga bertepatan kerana abad ke-21 menyaksikan perubahan dimensi pendidikan daripada pembelajaran berpusatkan guru kepada pembelajaran berpusatkan pelajar (Mohamed Amin, 2013). Sejak sekian lama guru sering dianggap sebagai '*sage on the stage*' (Morrison, 2014). Walaupun usaha melatih guru dengan menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran. Namun pengajaran yang dilaksanakan masih berpusatkan guru (Wanner & Palmer, 2015). Sekiranya fenomena ini berterusan, maka banking education seperti yang dicanangkan oleh Freire (1972) akan berterusan. Pelajar akan berterusan terdedah kepada apa yang digambarkan oleh Paulo Freire sebagai '*the pedagogy of the oppressed*' yang akan terus menjadikan pelajar jumud dan tidak kreatif. Guru abad ke-21 memerlukan pengetahuan dan kemahiran untuk mengajar pelajar yang berhadapan dengan corak pembelajaran yang baharu. Perubahan corak pembelajaran ini menuntut pelajar untuk menyesuaikan diri dengan kebolehan untuk berfikir dan menyelesaikan masalah di dalam kehidupan seharian. Jelas bahawa peranan guru telah berubah menjadi '*guide on the stage*' (Morrison, 2014).








## 1.2 Kelas Berbalik

KB telah diperkenalkan pada tahun 2007 oleh Bergmann & Sams (2012) menerusi usaha awal mereka dengan mencuba pengajaran video untuk pelajar yang tidak hadir ke kelas. KB telah digunakan sebagai pengganti kepada kelas bersemuka (Rujuk Rajah 1.2). Bergmann & Sams (2012) telah menggunakan video-video pendek yang diberikan kepada pelajar yang tidak hadir ke kelas. Video ini berfungsi untuk menggantikan pelajaran yang pelajar tertinggal di dalam kelas. Idea Bergmann & Sams (2014) bertitik tolak daripada pengalaman pelajar di dalam kelas mereka yang terpinga-pinga akibat tidak hadir ke kelas lantaran menyebabkan mereka tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan kepada mereka. Dengan menggunakan video sebagai bahan asas, KB menuntut pelajar untuk melihat video berulang kali dan membuat tugas yang



diberikan kepada mereka.





Rajah 1.2. KB dalam Bilik Darjah. Sumber dari Bergmann & Sams (2012).

Menerusi pembelajaran sebegini, Bergmann, Overmyer, & Wilie (2013) mendapati bahawa KB telah dapat meningkatkan interaksi pelajar di dalam kelas. Pengalaman Sams & Bergmann (2013) mendapati bahawa video dan bahan yang diberikan kepada pelajar membolehkan mereka menggunakan lebih banyak masa di dalam bilik darjah untuk berinteraksi tentang kandungan pelajaran. Suasana pembelajaran tradisional tidak lagi dilaksanakan, sebaliknya bilik darjah menjadi tempat berlakunya pembelajaran yang aktif (Roehl, Reddy, & Gayla Jett Shanon, 2013).



Dengan berinteraksi, guru dapat membimbing pelajar untuk pergi lebih jauh dan potensi pembelajaran mereka dapat ditingkatkan lagi. Sams & Aglio (2017) mendapati cara ini membolehkan pelajar mempunyai pemilikan sendiri terhadap proses pembelajaran. Pelajar bukan lagi penerima yang pasif sebaliknya adalah pemikir yang aktif (Keengwe et al., 2014).

Di samping itu juga, tahap masa belajar pelajar juga dapat dikawal. Di dalam kelas, Bergmann & Sams (2012) mendapati percakapan mereka laju atau terlalu cepat. Namun dengan terlaksananya KB, masa pembelajaran dapat dikawal. Pelajar dapat menonton semula video yang diberikan oleh guru. Mereka boleh menghentikan video tersebut pada bila-bila masa, serta gulung semula (*rewind*) bahagian yang dikehendaki mereka. Maka pelajar boleh belajar pada kadar masa yang sesuai kepada mereka.



Pelaksanaan KB juga dapat membantu guru sekiranya mereka tidak hadir ke kelas. Kadang kala guru terlibat di dalam pelbagai urusan pentadbiran sekolah serta program pembangunan profesional yang lain. Masa guru juga digunakan untuk membimbing pelajar yang lain atau guru ganti. Video pengajaran dapat digunakan sebagai alternatif untuk mengelakkan pelajar membazirkan masa mereka. Video yang pendek dapat membantu guru menebus masa senggang yang dihabiskan untuk perkara lain.





Bergmann & Sams (2014) juga mendapati KB meningkatkan pembelajaran masteri dan telah membantu membina hubungan yang lebih baik di antara guru dengan pelajar. Dengan berinteraksi dengan pelajar, guru sedang melakukan soal-jawab bagi menguji kefahaman dan melihat tahap kognitif dan emosi mereka. Hubungan guru dengan pelajar dapat mengembangkan emosi mereka (Luo, Sun, Wu, & Gu, 2014).

### 1.3 Rasional Kelas Berbalik

KB merupakan satu pendekatan pedagogi di mana pelajar terdedah kepada pembelajaran di luar bilik darjah. Matlamat *Flipping Learning* adalah untuk mengoptimumkan masa belajar agar pengetahuan yang dipelajari lebih bermakna.

Mengikut LaFee (2013) ciri sebuah bilik darjah *flipped* ialah:

1. Bilik darjah dipenuhi dengan aktiviti soalan dan pelajar cuba untuk mendapatkan kefahaman yang lebih tentang topik yang telah dipelajari;
2. Pelajar diwajibkan untuk menonton video pembelajaran yang berfungsi sebagai kerja rumah;
3. Pelajar memanfaatkan masa di kelas untuk melakukan tugas penyelesaian masalah, pembangunan konsep dan terlibat di dalam pembelajaran kolaboratif; dan
4. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan di dalam kelas agar dapat saling bantu-membantu.

Di dalam KB, pelajar dapat menggunakan bahan-bahan kuliah pada kadar mereka sendiri. Ini berbanding dengan kaedah tradisional di mana pelajar terpaksa mengganggu dan meminta penjelasan tambahan di dalam kelas. Pelajar juga terpaksa bersaing dengan pelajar lain untuk mendapatkan petunjuk daripada guru. Di dalam KB, pelajar boleh memainkan semula kuliah atau pengajaran yang telah dilaksanakan dengan bantuan video atau bahan teknologi yang lain. Pelajar juga boleh berbincang





tentang isu yang dibangkitkan semasa mereka menghadiri perjumpaan bersemuka dengan guru. Ini akan dapat membantu mereka untuk memperkukuhkan konsep-konsep yang tidak difahami. Video digunakan oleh pelajar di luar waktu pengajaran. Masa di dalam kelas dikhaskan untuk latihan atau perbincangan. KB sering menggunakan video atau elemen pembelajaran secara talian yang lain seperti *Blogspot*, *ScreenCast-O-Matic*, *Slideshare*, *Edmodo*, *Schoology* dan lain-lain (Phillips & Trainor, 2014).

Di dalam KB, penglibatan pelajar adalah ditekankan. Bilik darjah diumpamakan sebagai sebuah bengkel yang mana pelajar boleh mengemukakan soalan, menguji kemahiran dan pengetahuan serta berinteraksi di antara satu sama lain. Aktiviti *hands-on* juga dapat dilaksanakan. Guru berfungsi sebagai seorang fasilitator dengan membantu dan memandu pelajar untuk mencapai hasil pembelajaran. KB akan berupaya melahirkan guru yang menggalakkan pembelajaran sendiri dan pembelajaran aktif (Nouri, 2016). Kajian yang dilakukan oleh Smallhorn (2017) ke atas pelajar muzik di Australia mendapati bahawa pelajar dapat belajar secara sendiri dan melibatkan diri secara aktif di dalam proses pengajaran. Kajian Chung & Khe (2017) juga mendapati bahawa dengan menggunakan video di dalam pengajaran, masa pembelajaran dapat dioptimumkan di dalam kelas dengan berinteraksi bersama pelajar. Di samping itu, KB juga didapati telah meningkatkan mutu pengajaran mata pelajaran Pendidikan Muzik.

Kajian yang dijalankan oleh Salleh & Dol Karim (2016) ke atas pelajar Tingkatan 3 pula mendapati bahawa penggunaan perisian Padlet telah menjadi wahana utama di dalam menyampaikan pengajaran kerana pelbagai jenis media seperti video dan audio digunakan di dalam pengajaran, seterusnya menggalakkan minat pelajar.





Dapatan kajian Salleh & Dol Karim (2016) mendapati bahawa pelajar dapat memperbaiki kemahiran mereka dalam pembelajaran secara sendiri.

Justeru KB membantu guru untuk mewujudkan suasana pembelajaran, abad ke-21 yang berpusatkan kepada pelajar selain mengukuhkan pembelajaran sendiri pelajar (Strayer, 2012). Dengan menggunakan KB, minat pelajar juga meningkat apabila pelajar menggunakan pelbagai jenis media baru yang bukan sahaja memperkukuhkan konsep tetapi juga menarik serta pelbagai. Justeru itu, KB akan membantu melahirkan guru yang kompeten dari segi kemahiran pedagogi sebagai menyahut cabaran pendidikan abad ke-21. Dengan menggunakan pendekatan pedagogi abad ke-21 menjelang tahun 2025, Malaysia sedang bergerak untuk memenuhi keperluan abad ke-21 iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran kepimpinan, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional (S. A. Rahman & Manaf, 2017).

#### 1.4 Pernyataan Masalah

Moral guru praperkhidmatan (GPP) merupakan elemen yang dititikberatkan di dalam bidang pendidikan guru. GPP berperanan mendidik pelajar dengan menunjukkan moral dan tata-adab yang sesuai (O'Flaherty & Gleeson, 2017). Selain mempunyai pemikiran moral dan emosi moral, GPP opsyen Pendidikan Moral juga perlu menunjukkan amalan moral yang terbaik kepada pelajar.



Kepentingan dimensi moral ini telah juga diperincikan di dalam Kod Etika Perguruan Malaysia dan SGM. Pegangan GPP terhadap Kod Etika Perguruan Malaysia dan SGM akan memastikan pelajar mendukung standard moral yang tinggi. Selain itu di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), 2013-2025 bukan sahaja keberhasilan akademik ditekankan tetapi juga ditekankan sikap, amalan dan nilai moral pelajar. Bertitik tolak daripada asas ini, Kementerian Pelajaran Malaysia juga memperincikan nilai profesional di dalam Pelan Pembangunan Guru Baharu pada tahun 2016 yang bersandarkan kepada kemahiran dan pengetahuan (Rujuk Rajah 1.3). Hal ini bertujuan untuk terus memperkasakan elemen nilai dan moral dalam kalangan GPP.



*Rajah 1.3.* Dimensi Kompetensi Profesional Guru. Sumber dari Kementerian Pendidikan Malaysia (2015).

Dimensi di atas relevan memandangkan GPP perlu mempunyai kefahaman yang tinggi terhadap aspek moral. Sebagai seorang bakal guru, moral dan akhlak mereka perlu mantap (Strasser, 2014). GPP opsyen Pendidikan Moral yang melaksanakan pengajaran perlu memastikan moral mereka berada di tahap yang tinggi. GPP opsyen Pendidikan Moral perlu memahami bahawa pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral merupakan asas kepada kehidupan manusia khususnya dalam profesion keguruan yang bertanggungjawab memelihara tradisi dan budaya masyarakat Malaysia (Ngang & Chan, 2015).

Namun perkara yang berlaku adalah sebaliknya. Dalam pengajaran GPP gagal membuat pertimbangan dengan sendiri ketika berhadapan dengan tugas pengajaran. GPP tidak dapat membuat pertimbangan yang teliti ketika membuat keputusan. GPP gagal membangunkan pemikiran pelajar disebabkan cara pengajaran mereka. Kajian Lumpkin (2008) merumuskan bahawa pemikiran moral GPP berada di tahap yang rendah berbanding dengan guru di dalam perkhidmatan. Pemikiran moral positif GPP sangat penting, memandangkan pemikiran dan hubungan guru mempengaruhi cara pelajar berfikir (Lee & Manning, 2013). Begitu juga dengan emosi moral guru. Guru yang penyayang, mengambil berat atau empati dapat mengambil menambat hati pelajar. Namun GPP masih terikat kepada cara pengajaran yang konvensional. Di dalam kaedah pengajaran konvensional, hubungan antara guru dan pelajar terbatas. Selain tidak kreatif dan membosankan, corak pengajaran yang ortodoks ini menjadikan guru *burn-out*.





Hubungan yang renggang di antara guru dan pelajar menjadikan guru tidak dapat membuat justifikasi ke atas keputusan yang diambil. Keputusan moral yang diambil oleh guru tidak konsisten dan tidak mencerminkan pandangan sebenar. Kajian Johnston (1989) pula mendapati GPP baharu sering terkeliru ketika membuat keputusan moral disebabkan keterikatan dengan struktur sosial atau budaya mereka sendiri. Ketiadaan keharmonian antara guru dan pelajar itu yang menyebabkan pedagogi konvensional dianggap sebagai “*The Pedagogy of the Oppressed*” (Freire, 1972). Menurut Breslow (2015) pelajar akan kurang seronok untuk belajar akibat ketiadaan keharmonian tersebut. Dalam abad ke-21, GPP opsyen Pendidikan Moral tidak boleh mengajar secara monolog dan menjadikan pelajar kurang seronok serta pasif (Chi, Kang, & Yaghmourian, 2017). Justeru, dialog berfungsi untuk membuka persekitaran belajar yang baharu dan menyisihkan konsep *oppressed* dalam kalangan pelajar agar mereka mampu mengetengahkan idea. (Thompson & Kleine, 2016), seterusnya menjadikan proses pembelajaran lebih seronok, bermakna dan efisien.

Kegagalan GPP opsyen Pendidikan Moral membuat pertimbangan yang betul ketika membuat keputusan juga menyebabkan emosi moral mereka terjejas. Kesannya pengajaran GPP tidak berupaya meningkatkan potensi pelajar. Guru dan pelajar berada di dalam keadaan tertekan. Beberapa kes yang berlaku yang melibatkan guru seperti berat sebelah, ponteng kelas, diskriminasi terhadap pelajar, menampar, merotan dan memukul pelajar hingga pengsan merupakan isu emosi guru yang menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap guru. Laporan guru menampar pelajar Tingkatan 3 di sebuah sekolah di Tanah Merah, Kelantan pada 24 Julai 2016 lalu menyebut guru gagal mengawal emosi lalu mengambil tindakan yang bertentangan dengan etika keguruan (The Star, Julai 2016). Pelajar tersebut cedera di leher setelah didakwa di tampar





sebanyak 3 kali oleh seorang guru. Natiujahnya, pelajar tersebut mengalami masalah saraf.

Manakala pada Jan 2014, akhbar melaporkan tindakan guru yang mendenda 2 orang pelajar sekolah rendah yang tidak menyiapkan kerja sekolah di Sungkai, Perak. Pelajar tersebut didenda makan rumput dengan loceng digantung di leher (Berita Harian, Jan 2014). Pada tahun 2012, kes yang lebih tragik berlaku kepada seorang pelajar berusia 7 tahun yang dipukul hingga mati atas kesalahan mencuri RM7. Pelajar tersebut dipukul selama 2 jam menyebabkan beliau pingsan akibat kecederaan di kepala dan tubuh badan (The Star, Jan 2012). Guru tersebut telah dijatuhi hukuman 20 tahun penjara pada bulan Mac 2016. Justeru, masalah emosi dalam kalangan GPP kian membimbangkan. GPP tidak dapat mengawal perasaan diri Sekiranya GPP gagal mengawal emosi dengan pelajar, berkemungkinan situasi yang buruk bakal berlaku (Mazer, McKenna-Buchanan, Quinlan, & Titsworth, 2014).

Moral guru juga tercalar dengan isu perhubungan guru dengan pelajar yang melangkaui batasan dan tutur-kata guru yang menyinggung perasaan pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Polat (2015) mendapati GPP bertindak menunjukkan tingkah laku yang tidak diinginkan seperti melakukan hukuman fizikal, menghina, mengancam atau melakukan diskriminasi terhadap pelajar. Walaupun tugas guru berhadapan dengan karenah pelajar yang pelbagai, tindakan tidak bermoral sebegini mampu menggugat profesion keguruan. Kajian Staats (2016) pula melahirkan kebimbangan terhadap guru yang berat sebelah (*bias*) di dalam proses pengajaran. Beliau membuat andaian bahawa salah tafsir terhadap tingkah laku yang dipaparkan oleh pelajar di dalam bilik darjah akan menyebabkan GPP membuat keputusan yang salah. Kebimbangan Staats, (2016)





ini agak kritikal sehingga beliau mencadangkan ujian diadakan kepada guru terutamanya GPP bagi mengelakkan guru mempunyai perasaan berat sebelah. Jelas bahawa guru gagal untuk membuat pertimbangan moral yang baik ketika melaksanakan tugas.

Guru stress dan beremosi sehingga mendera pelajar kerana terikat kerana kekangan pedagogi konvensional. Guru masih beranggapan bahawa mereka perlu mendominasi pengajaran dan pelajar perlu terikat dengan *banking education* (Freire, 1972) serta tidak boleh bersuara di dalam bilik darjah. Sedangkan kajian oleh Giannakaki & Batziakas (2016) mendapati kawalan yang berlebihan oleh guru ke atas pelajar menjadikan pelajar mempunyai pandangan yang sangat negatif terhadap sekolah dan guru. Hal ini kerana pelajar mempunyai peluang yang minimum untuk mengemukakan idea dan pendapat dalam bilik darjah. Di dalam konteks Malaysia masyarakat memandang tinggi kedudukan guru di dalam bilik darjah dan tidak mudah mencabar apa yang diperkatakan oleh guru (Kassim & Abdullah, 2011). Kontradiksi yang berlaku di antara guru dan pelajar berakhir dengan peristiwa beremosi.

Guru wajar dipertanggungjawabkan kerana sebagai agen moral mereka tidak mendukung standard moral yang telah dicanangkan (Barone, 2004). Jelas bahawa guru tidak dapat membuat pertimbangan yang betul terhadap pelajar. Sekiranya GPP tidak berupaya membuat pertimbangan moral yang wajar, adalah dikhuatiri usaha negara untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi emosi dan intelek akan terbantut. Institusi sekolah akan turut dianggap sebagai agen moral yang tidak bertanggungjawab (Walker, Roberts, & Kristjánsson, 2015). Oleh itu, teknik pengajaran Pendidikan Moral perlu diperbaiki. Pendedahan pedagogi abad ke-21 seperti KB akan membantu GPP





mengatasi masalah emosi. Guru yang mempunyai emosi yang stabil berupaya mengembangkan moral pelajar.

Pelaksanaan pengurusan bilik darjah abad ke-21 menghendaki GPP opsyen Pendidikan Moral untuk mengajar modul pedagogi yang kreatif dan inovatif. GPP opsyen Pendidikan Moral seharusnya berupaya menyelesaikan masalah yang berlaku di dalam bilik darjah dengan berdasarkan pemikiran moral yang waras dan berhemah. Justeru itu KB dilihat sebagai satu pendekatan pedagogi yang berupaya mengembangkan moral GPP. KB merupakan satu platform kepada GPP untuk mengoptimumkan masa interaksi pelajar di dalam bilik darjah. Kajian yang dijalankan oleh Broderick (2016) ke atas mahasiswa Amerika Syarikat mendapati bahawa mahasiswa meluangkan masa yang lebih untuk interaksi bersama rakan dan guru di dalam bilik darjah. Di Stanford pula, pelajar yang meluangkan masa di luar bilik darjah dengan menonton video dan menghabiskan tugas yang diberikan dapat menunjukkan pencapaian yang lebih baik (Mok, 2014). Hasil kajian menunjukkan bahawa 77% pelajar berpendapat bahawa KB telah membantu mereka belajar dengan lebih baik berbanding dengan kelas tradisional.

KB akan mampu mengembangkan pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral apabila pelajar berupaya meningkatkan interaksi di dalam proses pembelajaran mereka. GPP opsyen Pendidikan Moral boleh menggunakan KB untuk memberi peluang kepada pelajar untuk bertukar-tukar pandangan dan idea di dalam bilik darjah. Persediaan yang dilakukan oleh pelajar di luar bilik darjah membolehkan pelajar menggunakan masa untuk berbincang di dalam bilik darjah. Pelajar juga akan lebih yakin apabila mengendalikan pelbagai aktiviti yang dijalankan di dalam bilik darjah.





Persekitaran pembelajaran KB memberi peluang kepada pelajar visual dan pelajar verbal. Persediaan awal di dalam KB seperti pendedahan kepada teks, video, dan elemen teknologi yang lain membolehkan pelajar mengembangkan moral dari aspek pemikiran, emosi dan amalan moral mereka. Kelemahan pedagogi di dalam pendidikan moral akan menjadi lompong (*gap*) yang seterusnya akan menggagalkan aspirasi Pendidikan Moral untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral. Justeru, KB akan berperanan sebagai jambatan (*bridge*) untuk mencapai hasrat moral yang diinginkan.

Justeru, KB dilihat sebagai wadah yang mampu memekarkan strategi instruksional, seterusnya meningkatkan intelektual, afektif dan amalan moral pelajar. Apatah lagi pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Moral sejak 1983 telah mengalami pelbagai masalah dari segi matlamat dan kurikulum itu sendiri (Aroff, 1999) termasuk dari segi latihan guru (Mukherjee, 1983), pengajaran guru serta pelajar (Abd. Shatar, 2007; Vishalache Balakrishnan, 2011). Mayer et al. (2017) merumuskan bahawa keberkesanan pengajaran amat bergantung kepada sesiapa yang mengajar dan juga bagaimana pengajaran itu dikendalikan. Justeru itu, pelaksanaan KB dilihat sebagai satu strategi untuk mendekati diri GPP opsyen Pendidikan Moral kepada pengajaran baharu.

Oleh itu, satu kajian yang komprehensif dan mendalam perlu dilakukan untuk mengenal pasti potensi KB untuk memperkembangkan moral GPP opsyen Pendidikan Moral berdasarkan tunjang pembelajaran KB yang menjadi asas amalan pedagogi abad ke-21.





## 1.5 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini ialah untuk:

- a. Meneroka pemikiran moral GPP opsyen Pendidikan Moral yang terlibat di dalam KB;
- b. Mengkaji potensi KB dalam mengembangkan emosi moral dalam kalangan GPP opsyen Pendidikan Moral;
- c. Mengkaji perkembangan amalan moral GPP yang terlibat di dalam KB opsyen Pendidikan Moral.

## 1.6 Soalan Kajian

Secara khususnya, penyelidikan ini berusaha menjawab soalan-soalan kajian berikut:

- a. Sejauh manakah KB dapat mengembangkan pemikiran moral dalam kalangan GPP opsyen Pendidikan Moral?
- b. Sejauh manakah KB dapat mengembangkan emosi moral dalam kalangan GPP opsyen Pendidikan Moral?
- c. Sejauh manakah KB dapat mengembangkan amalan moral dalam kalangan GPP opsyen Pendidikan Moral?

## 1.7 Kepentingan Kajian

Lebih satu dasawarsa yang lalu, pelbagai kajian telah dilaksanakan tentang teknik pengajaran di Malaysia. Kajian tersebut menjurus kepada pelaksanaan dan keberkesanan teknik pengajaran. Kajian tentang perkembangan moral di Malaysia pula telah bermula sejak 1995 yang bertujuan membangunkan perspektif moral di Malaysia. Kajian tersebut dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, institut pendidikan tinggi awam mahupun swasta serta orang perseorangan.



Antara kajian tersebut melibatkan kurikulum, sukatan pelajaran, pedagogi mahupun isu dasar. Kajian tentang penggunaan dan pelaksanaan KB agak terbatas di dalam konteks pengajaran di Malaysia (Rahman, Aris, Mohammed, Zaid, & Abdullah, 2014). Apatah lagi kajian yang melibatkan aspek perkembangan dimensi moral. Maka, kajian ini telah dilaksanakan untuk meninjau potensi KB terhadap perkembangan dimensi moral GPP dalam aspek pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral. KB dapat memantapkan pendekatan pengajaran di dalam konteks pembelajaran abad ke-21. Kajian ini juga unik memandangkan GPP meneroka proses pembelajaran di luar bilik darjah dan bersedia ketika sesi interaksi bersemuka dalam bilik darjah.

Kajian ini akan menambah koleksi epistemologi KB terutama di dalam konteks pengajaran di Malaysia. Kajian tentang penggunaan KB sebagai strategi pengajaran dalam bidang pendidikan moral khususnya untuk GPP di Malaysia masih kurang dan terhad. Manakala tentang KB di luar negara membuktikan bahawa proses perkembangan pelajar mantap dan sesuai digunakan di dalam proses pembelajaran pelajar. Memandangkan kajian dalam bidang KB masih baharu di Malaysia, kajian ini mampu memberi nafas kepada corak pelaksanaan pengajaran Pendidikan Moral abad ke-21.

Kajian ini juga penting kerana dapatan kajian ini akan membantu pihak KPM membuat keputusan tentang pelaksanaan KB di sekolah atau institusi pendidikan yang lain. Bahagian Kurikulum yang bertanggungjawab menyelaraskan kurikulum Pendidikan Moral dapat merangka strategi pengajaran KB untuk membangunkan moral pelajar di dalam kurikulum di IPG. Di samping itu, Institut Pendidikan Guru (IPG) dapat



menyediakan bahan yang berkaitan dengan KB agar pelaksanaan pengajaran lebih mantap dan relevan di dalam konteks pengajaran abad ke-21.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka penggunaan KB terhadap perkembangan moral GPP dari aspek pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral. Penggunaan KB di dalam pengajaran merupakan corak pembelajaran baharu yang relevan untuk memperkembangkan moral pelajar di dalam konteks pembelajaran abad ke-21 (Abdul Rahman & Chang, 1994).



Kajian ini adalah terhadap kepada penggunaan KB di tiga buah Institut Pendidikan Guru (IPG); yakni IPG Saujana, IPG Melodi dan IPG Putra. Dapatan tentang penggunaan KB hanya dapat digunakan di dalam konteks IPG yang berkaitan sahaja.


Pemilihan peserta kajian tidak berdasarkan jantina dan bangsa. Maka, aspek perbezaan budaya tidak relevan di dalam kajian ini. Tempoh kajian ini dijalankan adalah selama empat bulan. Dapatan kajian ini relevan di dalam konteks masa, peserta dan situasi kajian dijalankan sahaja. Kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada keadaan, peserta dan situasi yang lain memandangkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tindakan digunakan dalam kajian ini. Kajian ini juga hanya menggunakan tiga alat untuk mengumpul data iaitu temu bual, catatan jurnal dan pemerhatian.





## 1.9 Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian meliputi secara keseluruhan konstruk kajian yang melibatkan penggunaan KB dan perkembangan moral GPP. Berdasarkan objektif dan soalan kajian, berikut dibincangkan kerangka konsep kajian ini. Rajah 1.4 menunjukkan kerangka konsep yang mengandungi konstruk yang dikaji.



Rajah 1.4. Kerangka Konsep Pelaksanaan KB di dalam Pendidikan Moral. Adaptasi dari Bergmann dan Sams (2012), Gibbs (2010) dan Zuber-Skerritt (1995).

Bagi membentuk insan yang berakhlak mulia, GPP perlu melaksanakan pembaharuan di dalam amalan pedagogi Pendidikan Moral. KB merupakan satu wadah untuk mengembangkan pemikiran, emosi dan amalan guru. Keterlibatan GPP di dalam



pedagogi KB membolehkan mereka melalui proses pembelajaran aktif. Menerusi KB, pelajar terlibat dengan aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah. Proses meneroka ilmu pengetahuan di luar bilik darjah membolehkan pelajar mengetahui isi kandungan pelajaran yang akan diajar oleh guru. Menerusi klip video, pelajar dapat mempelajari awal konsep berkaitan dengan pelajaran. Klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology*, selain menjadi bahan tontonan juga membolehkan pelajar melakukan aktiviti kolaboratif dengan pelajar lain. Pengalaman belajar di luar konteks bilik darjah membolehkan pelajar mengetahui apa yang akan dipelajari di dalam kelas.

Justeru, masa interaksi di dalam bilik darjah dapat dioptimumkan apabila pelajar bersedia di dalam bilik darjah. Bilik darjah boleh menjadi tempat interaksi yang aktif apabila pelajar bersedia sebelum sesuatu pelajaran bermula. Pembelajaran aktif dan sesi soal jawab dapat dilaksanakan di dalam bilik darjah. Perbincangan pelbagai isu-isu moral di dalam bilik darjah akan membolehkan mereka menjadi penerima yang aktif. Sesi soal-jawab dan dialog di antara pelajar dan pelajar serta guru akan membolehkan pelajar menguasai isi kandungan pelajaran dengan lebih berkesan.

Pendekatan ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk merealisasikan anjakan ke-7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Penggunaan KB dengan bersandarkan klip video dan *Schoology* akan berupaya menjadikan guru konstruktivis dan melonjakkan kualiti pendidikan negara. Dengan menggunakan KB di dalam mata pelajaran Pendidikan Moral, adalah diharapkan guru lebih berupaya untuk berfikir dan menaakul isu moral. Persekitaran KB yang menggalakkan aktiviti





penerokaan, koperatif dan kolaboratif akan mendedahkan GPP untuk menaakul isu-isu moral.

## 1.10 Definisi Istilah

Berikut dikemukakan beberapa definisi yang berkaitan dengan masalah kajian, rasional dan tujuan kajian ini.

### 1.10.1 Guru Praperkhidmatan

GPP sering dirujuk sebagai guru permulaan yang mengikuti kursus sebelum mereka menceburi profesion keguruan (Rolling, 2018). Shively & Palilonis (2018) berpendapat bahawa kursus perguruan oleh GPP menjadikan mereka layak untuk mengajar murid sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah. Choy, Yim, & Tan (2017) pula berpendapat objektif kursus ini adalah untuk memberi ilmu pengetahuan tentang kandungan mata pelajaran, amalan pedagogi dan memberi pendedahan berinteraksi kepada murid-murid di sekolah menerusi kursus praktikum atau internship.

Dalam kajian ini, GPP merujuk kepada kumpulan guru yang sedang mengikuti latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG). Guru tersebut merupakan GPP opsyen Pendidikan Moral yang akan ditempatkan di sekolah kebangsaan apabila mereka tamat pengajian. GPP ini merupakan kumpulan guru yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Perguruan selama 4 tahun di Institut Pendidikan Guru.





### 1.10.2 Pendidikan Moral

Pendidikan Moral merupakan satu bentuk kurikulum yang menerangkan perkara-perkara yang baik atau buruk tentang sesuatu isu atau konflik moral (Chang, 2013). Pendidikan Moral juga menerapkan amalan-amalan dalam kehidupan yang bertujuan memperkayakan nilai kehidupan (Johnson, 2015). Tunjang Pendidikan Moral meliputi aspek seperti pembentukan watak, penekanan kepada individu dan komuniti, Pendidikan Sivik dan budaya masyarakat (Turiel, 2002).

Dalam kajian ini, Pendidikan Moral merupakan satu bentuk kurikulum yang diajar di Institut Pendidikan Guru kepada GPP opsyen Pendidikan Moral. Kurikulum ini bertujuan untuk mendidik GPP opsyen Pendidikan Moral supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan elemen pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Pendidikan Moral merupakan pendidikan nilai yang diajar sebagai mata pelajaran teras di sekolah. Pendidikan Moral juga bertujuan untuk membantu pelajar untuk menjadi insan yang bermoral.

### 1.10.3 Kelas Berbalik

Menurut Bergmann & Sams (2014), KB merupakan satu konsep pembelajaran baharu yang menekankan penglibatan pembelajaran pelajar di luar bilik darjah dengan menggunakan elemen teknologi. Pelajar yang terlibat dalam pembelajaran di luar bilik darjah akan menggunakan pengalaman pembelajaran di dalam sesi interaksi bilik darjah (Coyne, Lee, & Petrova, 2017). Manakala menurut Winter (2016), KB merupakan





proses pembelajaran abad ke-21 yang memberi peluang pelajar meneroka perkara-perkara yang tidak diketahui mereka di dalam bilik darjah menerusi integrasi teknologi.

Dalam kajian ini, KB merupakan konsep pedagogi yang menggabungkan pendekatan pembelajaran tradisional dan pembelajaran yang menggunakan teknologi. Teknik ini merupakan salah satu inovasi dalam sistem pendidikan abad ke-21 yang mana waktu pengajaran di dalam kelas digantikan dengan aktiviti yang lebih memberangsangkan. Dalam konsep KB, pelajar melibatkan diri dalam aktiviti pra-pengajaran seperti menggunakan platform secara talian *Schoology*. Pelajar juga melibatkan diri dalam sesi interaksi bersemuka seperti aktiviti soal-jawab, *think-pair-share*, *hot seats* dan *trade a problem*. Pelajar juga melibatkan diri dalam penerokaan dalam proses pembelajaran dengan menggunakan *QR Code*. Dalam peringkat pasca-pengajaran pula, pelajar terus menggunakan platform secara talian *Schoology* untuk memperkukuh dan memperkayakan pengalaman pembelajaran.

#### 1.10.4 Dimensi Moral

Menurut Blasi (1980), moral melibatkan aspek penaakulan dan tindakan. Elemen pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral digunakan untuk mengupas isu-isu yang berlaku dalam bidang pendidikan, ekonomi mahupun politik (Kurtines & Gewirtz, 1995). Manakala menurut Chang (2013) ketiga-tiga aspek ini penting dalam menjadikan seseorang individu itu manusia, terutama dalam konteks pendidikan. Dimensi pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral penting dalam menjadikan seseorang matang dan menentukan perkara yang baik atau buruk.





Dalam kajian ini, dimensi moral merujuk kepada pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral seperti yang wujud dalam program Pendidikan Moral (Chang, 2013) dan ianya dapat dipraktikkan dalam realiti bilik darjah menerusi teknik KB.

### **1.11 Penyusunan Tesis Kajian**

Tesis ini disusun dalam lima bab. Bab satu ialah bab pengenalan tentang latar belakang kajian, rasional KB di dalam bilik darjah, program pendidikan Moral di institut pendidikan guru, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konsep, definisi istilah, penyusunan cadangan penyelidikan dan kesimpulan bab. Bab dua membincangkan tentang sorotan kajian iaitu kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk. Bab tiga membincangkan metodologi yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini termasuklah reka bentuk kajian, prosedur kajian, peserta kajian, instrumen kajian, teknik pengumpulan data, kesahan dan kebolehpercayaan. Bab empat pula membentangkan aspek analisis dan dapatan kajian. Aspek perbincangan, implikasi dan cadangan dibentangkan dalam Bab lima.

### **1.12 Rumusan Bab**

Secara ringkas, bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, objektif kajian, soalan kajian dan kepentingan penggunaan KB dalam pengajaran Pendidikan Moral di institut pendidikan guru. Tiga soalan kajian diutarakan oleh pengkaji dan soalan tersebut menjadi pandu-arah dalam menentukan metodologi kajian. Bab seterusnya akan membincangkan tentang kajian literatur yang berkaitan dengan peranan pendidikan, pedagogi, konsep moral dan KB





## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pendahuluan

Bab ini memberi fokus kepada kajian literatur. Sejumlah kajian literatur yang berkaitan dengan tajuk kajian ditinjau dan dapatan setiap kajian dibincangkan. Selain menjadi bukti yang memandu hala tuju kajian, kajian literatur juga dapat memperluaskan pengetahuan dan kefahaman tentang tajuk kajian. Kajian literatur dalam bab ini dibincangkan dalam beberapa aspek utama. Antaranya ialah fungsi pendidikan dan pedagogi, dimensi moral (elemen pemikiran moral, emosi dan amalan moral), pendekatan dan teknik pengajaran Pendidikan Moral. Selain itu, konsep KB (*Flipped Classroom*), komponen yang berkaitan dengan KB dalam pendidikan sebagai teknik pengajaran juga dibincangkan.





## 2.2 Peranan Pendidikan dan Pedagogi

Istilah pendidikan berasal daripada perkataan Latin (*educatus*) yang bermaksud proses asuhan kanak-kanak secara fizikal dan mental, membela dan mendidik. Asas epistemologi kini tertumpu pada menggunakan pendidikan untuk mengubah dan membentuk individu menjadi insan yang berguna. Pendidikan dilihat sebagai satu unsur yang berkebolehan untuk menjadikan manusia berguna dan menyumbang kepada masyarakat. Pendidikan berfungsi sebagai alat yang mencungkil potensi manusia (Mustakova-Possardt, 2004). Pendidikan adalah cara untuk menyedarkan pemikiran dan menggilap unsur intrinsik hati nurani manusia (Thambu & Balakrishnan, 2014).

Pendidikan berperanan sebagai satu bentuk penerimaan pelajar terhadap apa yang diajar oleh guru (Janardan Ghimire, 2013). Persoalannya ialah adakah pelajar itu sebagai seorang penerima yang pasif dan semata-mata menerima bentuk pengetahuan yang diajar oleh guru. Pendukung pendidikan era moden pula berpendapat bahawa hubungan antara guru dan penerima yang pasif ini perlu dilaksanakan menerusi pedagogi dan aktiviti pengajaran harus menyuburkan kemoralan pelajar kerana pelajar adalah “subjek” autonomi moral (Thambu, 2014).

Ahli falsafah pendidikan telah mengetengahkan idea bahawa fungsi pendidikan ialah untuk menanamkan nilai moral dalam kalangan pelajar. Penekanan kepada nilai seperti keadilan individu dan keadilan sosial sangat ditekankan agar mereka dapat mengembangkan elemen ini dalam kehidupan mereka kelak (Miller, 2009). Setiap manusia mahu keadilan ditegakkan dan layanan sama rata dalam kalangan semua orang menjadi harapan setiap warganegara (P. E. Bell & Liu, 2015). Namun, matlamat moral



dalam kerangka pendidikan adalah menjadi satu elemen yang penting untuk membentuk individu yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi menjadi ‘manusia’ (Musgrave, 1978). Bagi Arawi (2002), pendidikan di sekolah mengajar nilai kemanusiaan dan menghormati antara satu sama lain. Menyedari kepentingan nilai dan moral dalam pendidikan, guru di sekolah perlu menekankan pembelajaran nilai moral agar nilai menjadi pengalaman penting yang berguna dalam perkembangan diri pelajar (Milner & Delale-O’Connor, 2016; Uysal & Bardakci, 2014). Pendidikan menjadi agen yang utama untuk membolehkan individu mengambil tindakan mengatasi penindasan (Freire, 1972). Kajian berbentuk kajian kes yang dilakukan oleh Churcher, Downs, & Tewksbury (2014) mendapati penggunaan platform secara talian dan media sosial merupakan elemen pedagogi kritis yang menggalakkan pelajar menjana ilmu kerana pelajar ‘membawa pengalaman mereka ke dalam bilik darjah’.



Dalam hal ini, Martin (2017) pula berpendapat hubungan antara masalah yang dibicarakan dan pengalaman yang dilalui dalam konteks sosial merupakan pengukuhan kepada pedagogi kritis. Guru menjadi agen utama yang membentuk moral individu menerusi pedagogi yang diajar di dalam bilik darjah (Panti & Wubbels, 2012). Ini adalah kerana sebahagian daripada peranan guru dalam bilik darjah ialah menangani isu yang melibatkan nilai dan moral pelajar. Nilai-nilai sejagat seperti tolong-menolong, hormat-menghormati, kasih sayang dan prihatin terhadap orang lain merupakan teras kehidupan yang harmoni (Lapsley & Woodbury, 2016). Justeru, guru perlu merangka satu pedagogi yang dapat digunakan di dalam mengembangkan moral pelajar.





Aktiviti dalam pendidikan merupakan aktiviti untuk mengembangkan kemenjadian pelajar. Reka bentuk kurikulum dan proses pengajaran oleh guru merupakan agen utama yang mampu merangsang pemikiran pelajar. Pendidikan menerusi kurikulum yang relevan memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka ilmu baharu, menganalisis, membuat keputusan dan berkomunikasi (Gallagher, 1994). Model yang dipelopori oleh (Gallagher, 1994) memberi saranan agar perspektif guru yakni sebagai pembekal maklumat kepada pelajar berubah kerana guru sahaja ‘mahir di dalam bidang pedagogi’. Peranan guru untuk mengasah pemikiran, emosi dan amalan pelajar sangat ketara sehingga struktur pedagogi perlu sentiasa diperhalusi oleh guru (O’Flaherty & Gleeson, 2017). Pedagogi pengajaran yang dilaksanakan oleh guru mampu untuk mewujudkan persekitaran sosiobudaya dalam membentuk cara pelajar berfikir dan bertindak sebagai agen sosial dalam konteks masyarakat pelbagai budaya di Malaysia (Thambu, 2014).



Pengajaran guru merupakan elemen yang penting di dalam pendidikan guru. Pedagogi dalam pendidikan guru memerlukan guru untuk berkemahiran, berpengetahuan dan mempunyai kepakaran agar mereka menjadi lebih pakar di dalam bidang pengajaran (Loughran, 2006). Pengajaran guru bukan sahaja perlu jelas tetapi bermakna kepada pelajar. Guru harus berupaya mewujudkan pengalaman pembelajaran yang menarik kepada pelajar. Artikulasi pengetahuan perlu sejajar dengan nilai yang diterapkan dalam kalangan pelajar agar pelajar dapat mengembangkan potensi diri dan potensi moral (Harris, 2017). Menurut Harris (2017) lagi guru dan pelajar harus mencari ‘titik noktah’ sehingga akhir agar prinsip kemoralan dapat diterima oleh kedua-dua pihak.



Ternyata guru berperanan sebagai agen sosial yang aktif untuk mengubah masyarakat agar kritis terhadap fenomena yang berlaku di sekeliling mereka. Ini selaras dengan pandangan Freire (1972) bahawa masyarakat hanya dapat diubah apabila mereka sedar tentang kebejatan sosial yang sedang berlaku di persekitaran mereka. Masyarakat akan celik kepada perubahan apabila mereka bergelumang dengan ilmu pengetahuan, teknologi, budaya dan modenisasi (Author & Lewis, 2012). Maka pendidikan menjadi teras kepada proses perubahan tersebut dan pendidikan merupakan senjata yang sangat berkuasa untuk melakukan transformasi sosial yang akan memperkukuhkan konteks sosial pelajar (Author & Lewis, 2012).

Keadaan ini menjadi sangat mendesak pada masa kini gara-gara sistem pendidikan dikatakan membosankan dan tidak berupaya 'bergerak sama aras' dengan kebolehan dan kepandaian pelajar. Kajian menunjukkan hampir 7000 pelajar tersingkir daripada persekolahan dan kebosanan dikatakan sebagai faktor yang menyumbang kepada trend tersebut (Lenart, 2016). Menurut Doerksen (2016), guru perlu mengubah pedagogi pengajaran untuk abad ke-21 agar pelajar lebih berminat untuk mengikuti pengajaran. Maka pedagogi seperti KB sesuai untuk melatih pelajar memahami, menyedari, bersuara dan bertindak (Keengwe et al., 2014) demi membaiki amalan buruk dalam masyarakat. Kajian deskriptif dan analisis falsafah oleh Ouda & Ahmed (2016) merumuskan bahawa KB satu bentuk pembelajaran yang dinamik, aktif dan membantu pelajar untuk meneroka di luar waktu pengajaran dan dalam waktu pengajaran. Bentuk pedagogi ini sesuai memandangkan pelajar pada masa sekarang berupaya meneroka sendiri ilmu pengetahuan pada bila-bila masa dan ia sangat berguna untuk pendidikan berterusan (Canter, 2012).



### 2.3 Pedagogi dalam Pendidikan Guru

Pedagogi pendidikan guru bukan sahaja melibatkan guru tetapi juga tindakan yang dilakukan oleh pelajar apabila mereka mengamati guru mereka. Guru perlu mempertimbangkan kepercayaan pelajar mereka tentang pengajaran mereka. Guru sebenarnya sedang membenarkan pelajar untuk menonton dirinya menjadi agen masyarakat. Zeichner (2005) menyatakan bahawa “*we know very little about the nature of instructional interactions between teacher educators and their students in teacher education classroom*” (p.748).

Berdasarkan realiti ini, maka pedagogi guru harus tertumpu pada elemen pemikiran dan emosi yang melibatkan pedagogi pendidikan guru. Pedagogi guru harus berbentuk sesuatu yang artistik. Pedagogi guru yang kritis mampu untuk mencorakkan pemikiran yang baharu dalam kalangan pelajar.

### 2.4 Pedagogi Pendidikan Guru dan Kelas Berbalik

Sehubungan dengan itu, aliran neo-liberalisme yang dipelopori Freire (1972) mampu mengubah pemikiran pendidikan supaya pelajar tidak terus tertindas dengan paradigma pedagogi lama yang ‘menekan’ pelajar. Maka di dalam membebaskan konteks untuk membebaskan pemikiran pelajar agar menjadi lebih kritis, berani dan terbuka, pedagogi dan teknik seperti KB sesuai untuk melatih pelajar untuk meneroka dan mencari maksud pendidikan demi memperbaiki kepincangan masyarakat. Pelaksanaan KB di dalam pedagogi dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari sesuatu yang bersifat meneroka selain menterjemahkan pemikiran mereka supaya lebih terbuka.





Gagasan globalisasi dalam konteks pendidikan di Malaysia telah meletakkan pelajar sebagai *global players*. Pelajar telah turut melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara langsung. Sehubungan dengan itu, guru terpaksa menggunakan pendekatan pengajaran yang baharu dan berpusatkan pelajar. Pendekatan berpusatkan pelajar dengan perancangan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti '*hands-on*' menjadikan pelajar lebih berminat untuk melakukan penerokaan terhadap ilmu. Hmelo-Silver & Cindy (2004) berpendapat bahawa pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar telah membantu pelajar bukan sahaja menyelesaikan masalah tetapi juga memupuk semangat berdikari di dalam kehidupan mereka. Jelas bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan pelajar semakin menunjukkan kesan yang positif. Pelajar mula menggunakan pengalaman seharian untuk menyelesaikan pelbagai aktiviti yang diberikan kepada mereka.



Di samping itu, gerak hati kehidupan, pengalaman dan aktiviti di dalam kelas juga perlu diambil kira dalam pedagogi pengajaran (Thambu, 2014). Ini akan menjadikan proses pembelajaran sebagai satu proses yang dinamik dan mampu diaplikasikan di dalam dunia pekerjaan kelak. Maka, KB yang memberi kepentingan kepada usaha meneroka ilmu pengetahuan perlu digerakkan oleh guru. Guru perlu menggunakan pedagogi yang bersifat penerokaan, fleksibel dan menarik. Guru perlu menggunakan teknik KB memandangkan ia mencabar pemikiran dan membina unsur-unsur yang positif dalam proses pembelajaran (Chen, She, Kameda, & Ohno, 2015; Hutchings & Quinney, 2015).





Teknik KB yang dilaksanakan dalam proses pengajaran ternyata boleh mencabar pemikiran pelajar dan membina unsur-unsur yang positif seperti yakin dan bekerjasama. Kajian yang dilakukan oleh Brunsell & Horejsi (2013) ke atas 30 orang pelajar yang mengikuti KB mendapati mereka berupaya menunjukkan sifat positif dan berupaya memperkukuhkan hubungan semasa rakan sebaya. Kajian yang sama juga menjelaskan bahawa KB berupaya meningkatkan komunikasi dalam kelas.

Tidak dapat dinafikan bahawa pengajaran yang berkualiti bergantung pada pedagogi, teknik dan proses pengajaran yang dilaksanakan (Grossman & McDonald, 2008). Oleh itu, guru wajar menggunakan pedagogi teknik KB yang dapat membekalkan pengalaman yang menekankan kemahiran komunikasi pelajar dan memantapkan elemen kognitif, sosial dan kematangan emosi.



## 2.5 Moral dan Pengertian Kemoralan

Guru yang mengajar Pendidikan Moral perlu mengetahui definisi moral (Weissbourd, 2003). Moral berasal daripada perkataan Latin “*moralitas*” yang membawa pengertian ajaran atau pegangan berkenaan dengan baik buruknya sesuatu perbuatan. Moral juga merujuk kepada sikap, kelakuan dan tingkah laku yang diterima. Konsep moral sering dikaitkan dengan tingkah laku “baik”, “buruk”, “patut” (Bull, 1969). Kemoralan pula merujuk kepada nilai yang menjadi pilihan individu, nilai harus dan patut, nilai sejagat dan nilai budaya, agama, atau falsafah yang dikongsi bersama dengan masyarakat (Abdul Rahman & Chang, 1994). Pendidikan Moral pula bertujuan untuk membantu pelajar untuk berakhlak mulia, jujur, bertanggungjawab dan mempunyai belas kasihan.





Pendidikan Moral juga bertujuan untuk membantu pelajar untuk memantapkan diri dengan isu semasa dan membuat keputusan yang wajar.

Istilah kemoralan sering digunakan untuk memberi kefahaman tentang cara hidup dalam masyarakat. Kemoralan merupakan bentuk peraturan masyarakat yang bertujuan memupuk nilai-nilai murni yang dirangka berdasarkan prinsip autonomi, keadilan dan altruisme (Aroff, 1999). Terdapat empat prinsip kemoralan yakni berfikir tentang pihak lain, mempunyai emosi seperti empati dan kasih sayang terhadap orang lain, mempunyai fakta tentang situasi keberadaan seseorang dan mengambil keputusan untuk bertindak secara bermoral. Walaupun begitu, kemoralan sering tidak menjanjikan jawapan yang sama dan bergantung pada situasi tertentu (Cullity, 2018).



Moral juga berfungsi sebagai kod tingkah laku yang diterima dalam sesuatu masyarakat (Bull, 1969). Maka, moral harus dikongsi sebagai satu matlamat untuk mencetuskan rasa aman dan harmoni dalam kalangan masyarakat (Turiel, 2002). Dalam konteks di Malaysia, istilah moral, pendidikan nilai, pendidikan karakter, etika moral menampilkan maksud penggunaan yang sama dengan Pendidikan Moral di sekolah atau universiti.

Kemoralan melibatkan inisiatif untuk menentukan bagaimana manusia seharusnya melangsungkan kehidupan. Masalah kebejatan sosial dalam kalangan remaja dan dewasa menjadi perhatian khusus oleh Socrates.







Kemoralan bukan sahaja membabitkan usaha untuk membentuk tingkah laku individu tetapi juga perlu mengambil kira kepentingan dan faedah orang lain (Rachels, 1993). Dalam hal ini, meletakkan kepentingan orang lain termasuk menghormati status yang sama rata, dan mampu bersama dengan orang lain sebagai rakan kongsi sebagai satu bentuk kesedaran (*concern*) (Cullity, 2018). Mereka tidak boleh memikirkan diri sendiri dan bersikap skeptikal ketika berhadapan dengan isu moral (Pollock, 2015). Di dalam konteks di Malaysia, kemoralan seseorang akan terserlah apabila beliau mematuhi peraturan, undang-undang dan mengikuti norma masyarakat (Vishalache Balakrishnan, 2010).

Ahli falsafah telah berdebat tentang pendidikan moral dan kemoralan. Kemoralan ialah perkara yang berkaitan dengan autoriti dan peraturan (Durkheim, 1961). Beliau berhujah bahawa masyarakat memainkan peranan membentuk perwatakan dan kemoralan seseorang individu. Manusia juga bergantung pada beberapa peraturan, adat dan amalan kebiasaan yang membantu mereka untuk membentuk pola tingkah laku terhadap orang lain (Emmet, 1979). Peraturan masyarakat melibatkan fakta-fakta kehidupan sosial sebagai prinsip yang perlu dalam interaksi dan kelakuan orang lain serta hubungan sesama manusia (Hemming, 1980).

Perspektif tradisional ini yang menekankan kepada peraturan dan norma masyarakat merupakan manifestasi terhadap peraturan moral yang kekal dan telah diterima oleh masyarakat (Durkheim, 1961). Peraturan moral ini perlu bagi menjamin tingkah laku moral yang diingini oleh masyarakat demi mengekalkan kesantunan sosial (Abdul Rahman & Chang, 1994).





Para pendukung perspektif rasional pula berhujah bahawa kemoralan adalah berdasarkan pertimbangan dan keputusan yang diambil berdasarkan sesuatu konteks. Rawls (1971) sebagai pendukung perspektif rasional menegaskan elemen kerasionalan sebagai asas tindakan moral. Alasan dan sebab yang munasabah digunakan dalam membuat sesuatu keputusan.

Aliran perspektif rasional berpendapat bahawa walaupun peraturan wujud dan bertujuan untuk membentuk tingkah laku tetapi akal manusia berupaya berfikir secara kritis (Abdul Rahman & Chang, 1994). Aliran ini melihat keperluan peraturan yang rasional dalam masyarakat sebelum keputusan moral diambil. Prinsip dan peraturan moral yang untuk mengkaji sesuatu secara objektif perlu diambil sebelum menerima atau menolak peraturan tersebut. Jelas, aliran ini telah terpengaruh dengan pertimbangan moral Piaget dan pendekatan Socratic berhubung pendekatan aliran falsafah moral rasional ini.

Selain itu, pendidikan juga harus mengembangkan aspek autonomi moral iaitu keupayaan berfikir dan bertindak sendiri (Halstead, 2011). Kebebasan autonomi tidak pula bermaksud kebebasan yang tiada had (Huttunen, 2012). Autonomi moral harus berlandaskan prinsip keadilan dan kesamarataan iaitu dalam konteks pemikiran yang berdisiplin dan bersifat objektif (Halstead, 2011).

Penyokong falsafah aliran rasional berpendapat keputusan moral dan tindakan moral harus bersandarkan kepada prinsip kewajipan (Kant, 1964). Seseorang mesti bertindak sebagaimana orang lain bertindak atas diri mereka dan ciri kemanusiaan harus menjadi matlamat dan bukan sebagai perlakuan individu. Semua pertimbangan dan





keputusan moral hendaklah bersifat khusus dengan berpaksikan kepada prinsip rasional dan berpegang kepada prinsip moral yang asas (Kant, 1964).

Kemoralan juga berdasarkan kepada peranan emosi (Nancy Eisenberg, 2000). Perspektif ini menghuraikan bahawa pertimbangan moral harus berlandaskan kepada emosi, sikap dan perasaan, dan bukan berdasarkan kepada pemikiran semata-mata (Nucci & Narvaez, 2008). Pertimbangan moral ini bertitik tolak daripada perasaan dahulu sebelum meminta orang lain berkongsi emosi tersebut (Hoffman, 2001). Namun, elemen ini adalah subjektif bagi aliran pemikiran “*emotivisme*” (Eisenberg, 2000). Mereka mendakwa pertimbangan moral tidak memerlukan kerangka teori yang mendukung perlakuan moral (Abdul Rahman & Chang, 1994).



Pendidikan moral telah mendapat sumbangan penting berdasarkan perspektif emosi ini. Kemoralan bukan hanya bersandarkan kepada perspektif rasional tetapi juga elemen emosi dititik beratkan (Nancy Eisenberg, 2000). Penggunaan pendekatan seperti “*care ethics*”, “*attachment theory*”, pendidikan “*spiritual*” mula berkembang dalam elemen emosi (Nucci & Narvaez, 2008).

Konsep pengalaman yang luas telah mendasari kemoralan seseorang individu (Dewey, 1963). Aktiviti harian manusia melibatkan elemen moral. Pandangan ini lebih menuntut agar kesan sesuatu tindakan diambil kira dan bukannya niat atau tujuan sesuatu tindakan. Sebagai contoh (Bourne, 1992) berhujah bahawa peperangan yang berlaku harus mengambil kira tentang akibat peperangan yang berlaku terhadap nyawa manusia dan bukan niat atau tujuan peperangan tersebut. maka, tindakan moral harus diadili berdasarkan kepada implikasi terhadap penyelesaian yang dibuat dan bukan ke



atas niat pelaku (Kang & Glassman, 2010). Maka, setiap masalah perlu dilihat dalam konteks implikasi moral yang perlu diselesaikan mengikut niat yang betul.

Dalam pada itu, Haidt, Rozin, McCauley, & Imada (1997) berpendapat pengalaman manusia semata-mata tidak menentukan kemoralan. Kemoralan wujud secara bersepadu dalam semua kegiatan manusia. Setiap masalah moral dikaji berdasarkan sifat ingin tahu sama ada masalah itu sukar atau pun tangani dengan menggunakan pendekatan yang lebih wajar (Kaspar, 2015).

## 2.6 Pemikiran, Emosi dan Amalan Moral

Kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia adalah gabungan idea daripada falsafah Pendidikan Moral tradisional, etika perspektif rasional dan idea daripada prinsip kemoralan berdasarkan emosi (Vishalache Balakrishnan, 2010). Dalam menangani masalah moral (Abdul Rahman & Chang, 1994) Pendidikan Moral perlu mengembangkan elemen pemikiran, emosi dan autonomi moral individu (Kant, 1964).

Perkembangan moral merangkumi tiga elemen penting iaitu pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral (Gibbs, 2010). Ketiga-tiga aspek ini disepadukan dalam dimensi moral. Walaupun ketiga-tiga komponen ini berbeza namun ia saling berkait. Amalan moral individu dipengaruhi oleh elemen pemikiran dan emosi moral.



Selain aspek pemikiran dan amalan moral, elemen emosi juga penting di dalam perkembangan seseorang individu (Abdul Rahman Md Aroff & Chang Lee Hoon, 1994). Proses pembuatan keputusan dan tindakan moral, aspek emosi akan turut terlibat (Nancy Eisenberg, 2000). Dalam Pendidikan Moral, aspek emosi membolehkan seseorang memahami diri mereka dan mempunyai kesedaran terhadap orang lain (Nancy Eisenberg & Mussen, 1989). Justeru itu, Pendidikan Moral harus memberi penekanan kepada kebolehan individu berfikir secara bebas dan rasional serta penyuburan emosi yang sihat di dalam membuat keputusan moral (Kalle & Suls, 1978). Namun keputusan moral yang dibuat haruslah yang diterima berlandaskan norma masyarakat.

Berdasarkan senario masyarakat di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara mendasari amalan peraturan masyarakat (Vishalache Balakrishnan, 2010). Program Pendidikan Moral di Malaysia memberi tumpuan kepada ketiga-tiga aspek dimensi moral (Abdul Rahman & Chang, 1994). Guru perlu memahami dan menghayati konsep-konsep ini agar proses pembentukan pelajar berlangsung dengan sempurna.

## 2.7 Pemikiran Moral

Pemikiran moral merupakan elemen penting dalam Pendidikan Moral. Pemikiran moral merujuk kepada kebolehan menentukan sama ada sesuatu pertimbangan atau keputusan dibuat secara matang tanpa dipengaruhi oleh orang lain. Pemikiran moral juga merujuk kepada proses yang dilalui oleh seseorang dalam mencapai keputusan yang matang





berdasarkan dilema moral (James Rest, Narvaez, Bebeau, & Thoma, 1999). Individu yang mampu berfikir berupaya mengenal pasti isu moral dan memberikan alasan-alasan yang munasabah.

Seseorang individu perlu mengetahui dahulu situasi moral dan mengenal pasti pelbagai pilihan serta kesan pilihan tersebut sebelum membuat keputusan secara konsisten (Colby & Kohlberg, 2011). Pemikiran moral juga harus berlandaskan kepada prinsip moral yang sejagat (Lawrence Kohlberg, Levine, & Hower, 1983). Ini bermaksud keputusan moral yang diambil harus konsisten, objektif dan diguna pakai bagi situasi yang sama (Abdul Rahman & Chang, 1994).

Proses pemikiran moral seseorang individu berlaku secara berperingkat (Piaget, 1932; Thoma, 2014). Peringkat ini bermula daripada peringkat seseorang mematuhi peraturan moral sehingga supaya tidak dikenakan hukuman oleh pihak yang berkuasa (Lawrence Kohlberg, 1984) sehingga kepada individu yang menerima peraturan moral selaras dengan prinsip moral sejagat (Colby & Kohlberg, 2011). Guru Pendidikan Moral bertanggungjawab untuk mengetahui peringkat ini agar mereka dapat menggunakan kaedah atau teknik yang sesuai bagi merangsang pelajar bergerak ke peringkat pemikiran yang lebih tinggi (Heydenberk & Heydenberk, 2000; Loganathan, 1995); Yiqi, 2012).

Pemikiran moral ialah satu kemahiran yang boleh diajar oleh guru dan dipelajari oleh pelajar (Wilson, 1972). Maka guru Pendidikan Moral harus mengajar cara berfikir sesuatu situasi kepada pelajar sehingga pelajar mempunyai nilai-nilai tersebut. Penggunaan teknik pengajaran seperti KB bukan sahaja berunsur teknologi tetapi juga





meningkatkan kemahiran interaksi sosial selain mewujudkan peluang untuk berfikir dengan giat dalam proses pembelajaran.

## 2.8 Emosi Moral

Manusia juga mempunyai emosi. Emosi yang betul dan rasional dalam menghadapi sesuatu situasi diterima sebagai emosi moral (Abdul Rahman & Chang, 1994). Kebolehan mengawal emosi adalah elemen penting dalam perkembangan emosi. Bebeau, Rest, & Narvaez (1999) mengingatkan tentang keperluan individu untuk mengawal emosi untuk melahirkan suasana kehidupan yang sihat.



Salah satu unsur emosi ialah kecerdasan emosi. Kebolehan mengawal emosi diri sendiri dan orang lain merupakan komponen di dalam kecerdasan emosi. Emosi merupakan reaksi terancang terhadap peristiwa yang relevan dengan keperluan, matlamat dan minat individu. Aspek pengawalan emosi juga bergantung pada kecerdasan emosi seseorang.

Emosi seseorang individu akan terserlah menerusi reaksi atau bahasa badan yang ditunjukkan seperti memek muka, ekspresi wajah, postur badan, gerak isyarat dan pergerakan mata. Hasil integrasi elemen pemikiran, moral, rohani dan emosi manusia mencetuskan kesedaran (Mustakova-Possardt, 2004).





Emosi moral bukan sahaja memberi rangsangan kepada seseorang untuk bertindak secara moral tetapi juga mempengaruhi pembuatan keputusan moral (Gibbs, 2010). Ini kerana manusia sebenarnya mempunyai emosi (Garrison & Boler, 1999). Namun, emosi moral hanya merujuk kepada emosi yang betul yang melibatkan kerasionalan dalam situasi yang dihadapi (Abdul Rahman & Chang, 1994).

Emosi moral yang terbit merupakan empati seseorang individu yakni mempunyai rasa bersalah sekiranya tidak melakukan sesuatu yang patut dan atau wujud perasaan gembira apabila melihat sesuatu yang patut dilakukan telah dilakukan (Wilson, 1972). Empati menjadi emosi moral yang dikenal pasti terbukti menggerakkan tingkah laku moral dan prososial seperti memberi bantuan secara langsung dan memberi sokongan moral (Nancy Eisenberg, 2000). Empati ini sebenarnya penggerak kepada



altruisme (Eisenberg, 2000; Flick, 2007; Hoffman, 2001).

Terdapat dua jenis emosi moral iaitu emosi peraturan dan emosi altruistik (Spiecker, 1988). Emosi peraturan melibatkan individu yang akan mempunyai rasa bersalah, rasa malu, rasa keadilan dan menyesal kerana telah melanggar peraturan moral. Rakyat mahukan agar peraturan dipatuhi dan diikuti bagi membolehkan semua orang dilayan sama rasa (Moate & Sullivan, 2015). Belas kasihan, perasaan belas hati, murah hati, simpati dan empati pula merupakan contoh emosi altruistik. Sekiranya kedua-dua elemen emosi moral ini dicapai, maka seseorang itu boleh dianggap sebagai agen moral yang berjaya (Thambu & Balakrishnan, 2014). Komponen emosi yang terdapat dalam Pendidikan Moral bertujuan melahirkan individu yang berakhlak mulia (Arawi, 2002). Emosi moral perlu dikawal agar kemoralan sosial masyarakat terpelihara







(Bull, 1969). Perasaan marah sekiranya tidak dibendung akan menyebabkan kehancuran diri sendiri dan masyarakat.

Pendidikan Moral akan menjadi dangkal dan kurang berkesan jika elemen pemikiran ditekankan tanpa disogokkan aspek emosi (Roebben, 1995). Terdapat hubungan yang intim antara empati dan penglibatan tingkah laku prososial seperti berkongsi (*sharing*) dan memberi sokongan kepada orang lain. Maka guru perlu mendidik pelajar untuk bersimpati dan mempunyai sifat empati kerana emosi tersebut berupaya menggerakkan amalan moral (Downey & Kelly, 1985).

Individu yang mempunyai sifat empati berkecenderungan untuk melibatkan diri dalam tingkah laku yang altruistik, dan menganggap kewajipan sosial penting serta ingin menolong orang lain secara sukarela. Terdapat korelasi yang positif antara empati dan pemikiran moral. Aroff (2005) berpandangan bahawa penyuburan emosi moral penting dalam pembawaan tingkah laku bermoral.

Emosi moral dapat memperkukuhkan Pendidikan Moral individu kerana emosi dapat menghubungkan perasaan dan pembuatan keputusan moral (Hoffman, 2001). Elemen emosi juga dapat merapatkan jurang antara keputusan dan tingkah laku bermoral. Maka, emosi moral dan pemikiran moral merupakan elemen yang penting kepada individu (Blasi, 1980). Bull (1969) berpendapat bahawa emosi sebagai pengawal kepada tingkah laku yang ditunjukkan oleh seseorang. Tingkah laku prososial yang dibentuk adalah hasil rangsangan emosi yang ditunjukkan seperti empati dan rasa puas hati yang ditunjukkan oleh seseorang itu.





Elemen emosi moral dalam Pendidikan Moral dapat dibentuk agar mereka berupaya untuk memahami perasaan diri sendiri dan perasaan orang lain dalam sesuatu situasi moral, menyatakan dengan jelas perasaan yang timbul dalam sesuatu situasi dan membuat keputusan berdasarkan perasaan yang betul (Aroff & Chang, 1994).

## 2.9 Amalan Moral

Segala tingkah laku manusia yang selaras dengan peraturan moral adalah amalan moral. Amalan moral penting sebagai panduan kepada seseorang individu pada masa akan datang dan dijadikan sandaran untuk menilai tingkah laku seseorang (Aroff & Chang, 1994). Jadi amalan moral dilihat sebagai kepatuhan seseorang terhadap suatu peraturan



Sesuatu tingkah laku itu dianggap sebagai bermoral berdasarkan niat atau motifnya (Kant, 1964). Jika motifnya adalah untuk menunaikan kewajiban maka tindakan tersebut dianggap sebagai bermoral. Jika tindakan tersebut dipengaruhi oleh sifat dan kepentingan diri sendiri, maka ia bukan tingkah laku bermoral.

Peraturan juga merupakan elemen yang penting dalam kemoralan (Eisenberg dan Mussen, 1989) untuk menjamin tingkah laku moral yang boleh diterima masyarakat. Peraturan juga berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan kepatuhan terhadap peraturan dan pemahaman terhadap peraturan tersebut (Williams, 1993). Tingkah laku moral merupakan komponen kemoralan yang wujud selepas elemen pemikiran dan emosi berlaku. Justeru, tidak ada guna sekiranya seseorang





individu mempunyai pemikiran dan emosi yang tinggi tetapi gagal untuk menterjemahkan dalam bentuk tingkah laku. Untuk menjamin kesejahteraan masyarakat, apa yang difikirkan harus disusuli dengan emosi dan diterjemahkan dalam bentuk tindakan.

Individu mengenali apa yang betul dan kemahiran ini merupakan aspek penting dalam perkembangan pemikiran moral (Downey & Kelly, 1978). Penekanan kepada elemen pemikiran yang rasional ini menyebabkan akal diberi status yang tinggi berbanding emosi. Tafsiran terhadap akal ialah ia mempunyai sifat yang unggul manakala emosi perlu dikawal dan dijinakkan. Aristotle (1925) berpandangan bahawa kawalan diri dan emosi penting dan tingkah laku yang dilakukan secara sukarela dianggap sebagai tingkah laku bermoral.



Namun, amalan moral sebenarnya bukanlah wujud secara semula jadi. Eisenberg (2000) mencadangkan kebiasaan diri sebagai elemen yang akan menjadikan tingkah laku dibiasakan dalam diri seorang individu. Ini bermakna di dalam kehidupan seharian, tingkah laku dan nilai-nilai murni perlu diajar dan diterapkan agar tingkah laku yang bermoral dibentuk. Justeru, guru perlu menggunakan teknik KB bagi menerapkan nilai kemoralan dalam kalangan pelajar di sekolah.

Maka, Pendidikan Moral perlu menggabungkan elemen pemikiran, emosi dan amalan (Abdul Rahman, 1984). Konsep-konsep ini penting kerana ia menjadi pemula dalam pengajaran Pendidikan Moral di dalam kelas. Guru harus memahami dengan jelas komponen ini agar mereka dapat menyediakan pedagogi yang sesuai yang merangkumi ketiga-tiga elemen ini. Pemahaman ini berguna kepada guru kerana ia





berupaya meningkatkan pemantapan, amalan dan penghayatan terhadap nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.

## 2.10 Kesepaduan Pemikiran, Emosi dan Amalan Moral

Insan yang bermoral ialah individu yang mempunyai autonomi, rasional, altruistik dan bertanggungjawab (Nancy Eisenberg, 2000). Insan bermoral mempunyai kekuatan moral dan mengawal kelemahan moralnya. Kelemahan moral merujuk kepada kes-kes di mana pemikiran moral dan pertimbangan moral hanya di peringkat teori sahaja dan tidak diamalkan. Pemikiran moral tidak semestinya membawa kepada tingkah laku moral yang dikehendaki sebaliknya boleh juga membawa kepada kelemahan moral.

Individu yang gagal untuk mengawal kelemahan moral dan gagal melaksanakan pemikiran moral tidak boleh dikatakan sebagai insan yang bermoral. Guru sebagai agen moral harus mewujudkan etos guru yang mempunyai pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral yang berkesan. Justeru, di sekolah guru harus menjadi “*role model*” yang aktif agar murid dapat menghindari aktiviti yang negatif (Weinstock, Assor, Galia Broide, & Broide, 2009).

Kelemahan moral berlaku disebabkan oleh wujudnya perbezaan antara sebab-sebab menjustifikasikan amalan moral. Individu tidak akan melakukan apa yang sepatutnya dilakukan kerana terhadap perbezaan dalam cara menjustifikasikan tindakannya.





Dalam pada itu, tujuan Pendidikan Moral ialah untuk mengajar pelajar bertindak secara bermoral dan kita perlu mengajar mereka untuk bertindak secara bermoral dan bukan secara paksaan. Pendidik harus mengemukakan tingkah laku bermoral sebagai suatu amalan yang diingini, dihargai dan disanjung tinggi agar ia dapat menggalakkan pelajar untuk menunjukkan tingkah laku bermoral.

Kajian Bergman (2002) dan Blasi (1980) menunjukkan perkaitan antara pemikiran moral dan amalan moral. Aktiviti moral akan memandu kepada perkembangan moral dan ia membantu mengembangkan amalan moral (Lawrence Kohlberg, 1984). Elemen perkembangan kognitif berkait dengan pemikiran moral dan proses sosialisasi seseorang individu dengan kumpulannya akan membantu elemen kognitif (Rosenberg, 2011). Maka ada kemungkinan proses sosialisasi yang dilalui oleh seseorang individu akan meningkatkan tahap pemikiran moral mereka. Maka perkembangan pemikiran moral seseorang adalah melalui kombinasi perkembangan kognitif dan pengalaman.

Aktiviti perbincangan dapat menjadi pemangkin kepada proses penyertaan sosial dalam kalangan individu (Dewey, 1963). Dalam hal ini, perbincangan dianggap sebagai aktiviti yang berupaya menggalakkan penyertaan aktif. Kebolehan sosialisasi akan menjadikan proses perbincangan sebagai suatu proses yang aktif. Aktiviti pengajaran yang aktif perlu dilibatkan dalam kalangan individu bagi merangsang aspek kognitif, emosi dan psikomotor (Prince, 2004). Aktiviti pengajaran yang aktif boleh dilaksanakan menerusi teknik pembelajaran koperatif seperti *trade a problem*, *think-pair-share* atau *hot seats*. Dalam aktiviti *trade a problem*, setiap kumpulan akan membina masalah atau soalan dan menghantar kepada kumpulan lain untuk dicari jalan





penyelesaian. Dalam aktiviti *think-pair-share*, setiap pelajar (secara berpasangan) akan berkongsi pengalaman atau mencari jalan penyelesaian dalam masa yang ditetapkan. Manakala, dalam aktiviti *hot seats* pula, aktiviti susulan akan dibuat setelah aktiviti bacaan atau kajian dilakukan oleh kumpulan atau individu. Seorang pelajar akan duduk di kerusi yang disediakan dan menjadi 'pakar' dan menjawab segala soalan yang dilontarkan oleh pelajar lain. Aktiviti pembelajaran yang aktif sebegini merangsang elemen kognitif, emosi dan psikomotor pelajar.

Dalam pada itu, Eisenberg (2000) melahirkan kekusaran bahawa pemikiran moral yang tinggi tidak semestinya menjamin amalan moral. Spiecker (1988) pula tidak sealiran dengan Kohlberg (1984) yang mengesampingkan komponen emosi dalam pembentukan insan yang bermoral. Pemikiran yang matang semata-mata tidak mencukupi dalam perkembangan moral. Untuk mewujudkan tingkah laku bermoral, elemen kepekaan emosi, motivasi dan keinginan perlu wujud dalam diri seseorang. Proses mempersepsi peristiwa penderitaan seseorang tidak memadai sebaliknya perlu disusuli dengan komponen empati yang merupakan sebahagian dari perkembangan emosi (Thambu, 2014). Tindak balas empati akan membawa kepada sifat menolong (Lawrence, 2008).

Kesimpulannya, pemikiran moral dan empati sebagai komponen moral memberi sumbangan terhadap pembentukan amalan tingkah laku. Pemikiran moral boleh dipelajari (Lawrence Kohlberg, 1984) dan begitu juga dengan empati (Spiecker, 1988). Penggunaan teknik seperti KB memberi pengalaman pembelajaran untuk mengembangkan aspek pemikiran, emosi dan tingkah laku moral. Perkembangan ketiga-tiga domain ini bertujuan melahirkan insan yang berakhlak mulia.



## 2.11 Pendekatan Pengajaran Pendidikan Moral

Di dalam pendidikan, cara mendekati sesuatu pembelajaran dikenali sebagai pendekatan. Pendekatan merupakan cara bagaimana sesuatu mata pelajaran diajar berpandukan kepada objektif yang ditetapkan. Pendekatan merupakan set pengajaran yang digunakan untuk mengembangkan moral individu. Pendekatan harus berlandaskan kepada model, prinsip atau teori pembelajaran.

Pendekatan perkembangan moral kognitif yang dikembangkan oleh Kohlberg (1984), pendekatan penjelasan nilai oleh Rest (1984) menjadi pendekatan pengajaran Pendidikan Moral yang popular di Malaysia. Pendekatan Pendidikan Moral bertujuan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan berkesan.

Terdapat elemen-elemen pengajaran dan pembelajaran yang sering diberikan penekanan yakni membina kefahaman terhadap nilai, membina kesedaran emosi dan menjelaskan dan menghuraikan nilai, serta membuat keputusan berdasarkan justifikasi (Wan Hasmah Wan Mamat, 2000).

Pendekatan tersebut telah membantu guru untuk melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran di bilik darjah. Pelaksanaan aktiviti ini menerusi teknik pengajaran yang sesuai juga membantu guru untuk menerapkan nilai murni dalam kalangan pelajar (Lee Hoon Chang, 2013). Antara pendekatan yang digunakan dalam pengajaran Pendidikan Moral ialah penjelasan nilai, analisis nilai, tindakan sosial, refleksi sendiri dan bertimbang rasa (Chang, 2002).



Perkembangan dalam pengajaran telah menyebabkan kemunculan pelbagai pendekatan baharu yang diperkenalkan. Antaranya pendekatan berasaskan kemahiran, pendekatan domain dan pendekatan *caring* (Chang, 2003). Namun mengikut De Ruyter & Kole (2010) tiada kaedah pengajaran yang dapat dianggap terbaik yang dapat digunakan dalam semua keadaan. Guru mungkin menggabungkan beberapa teknik pengajaran bagi mendapatkan hasil yang berkesan kepada pelajar. Dalam Pendidikan Moral, gabungan beberapa teknik dan pendekatan merupakan amalan yang biasa (Chang, 2002).

Antara pendekatan dalam Pendidikan Moral ialah pendekatan pemupukan nilai, pendekatan penjelasan nilai dan pendekatan pembinaan rasional (Koo & Tang, 1990). Pendekatan pemupukan nilai bertujuan untuk menanam nilai yang harus dimiliki oleh pelajar (Foot, 2012). Pendekatan pemupukan rasional bertujuan untuk menggunakan pemikiran yang rasional ketika membuat keputusan moral (Kohlberg, 1984) manakala pendekatan penjelasan nilai bertujuan untuk membantu pelajar menyedari nilai diri sendiri dan nilai orang lain.

Ketiga-tiga pendekatan yang dibincangkan terdapat di dalam teknik KB. Elemen-elemen di dalam KB seperti aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran boleh digunakan untuk memupuk elemen pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral. Dalam hal ini, Prancisca & Rizqi (1998) percaya bahawa perbincangan isu-isu moral yang melibatkan masyarakat akan dapat menjadi pemangkin untuk membentuk individu yang bermoral.





Bagi Ahmet Basal (2015), pengalaman dalam KB dapat memberikan pengalaman moral melalui perbincangan dalam aktiviti secara talian dan menonton klip video. Perbincangan yang dilaksanakan berpandukan tontonan klip video dan hasil maklum balas yang didapati daripada perbincangan tersebut adalah latihan kepada pelajar untuk membina amalan, sikap dan pemikiran yang positif. Ciri-ciri seperti emosi yang ditonjolkan ketika aktiviti tontonan video juga merupakan elemen penting di dalam pembinaan nilai moral kerana menurut MacIntyre (1967), individu akan mempelajari nilai-nilai yang baik menerusi interaksi dengan orang lain atau media yang lain. Maka, di dalam keadaan sedemikian, ciri-ciri KB ternyata sesuai dengan pendekatan yang dibincangkan. Berikut digalurkan perbincangan tentang pendekatan tersebut.

## **2.12 Pendekatan Pemupukan Nilai**

Pendekatan pemupukan nilai bertujuan untuk menjadikan nilai-nilai murni sebagai amalan masyarakat (Durkheim, 1961). Proses pembentukan nilai pekerti yang baik dalam diri individu menjadi elemen penting pendekatan ini. Set nilai yang wujud dalam diri seseorang individu dijadikan sebagai ukuran untuk membina perkembangan sendiri atau memantapkan hubungan dengan orang lain (Aroff, 1999). Ini bersesuaian dengan matlamat Pendidikan Moral untuk memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat Malaysia.



Di dalam pendekatan ini, guru harus berhati-hati untuk menggunakan pendekatan ini agar guru tidak terlalu autokratik sehingga matlamat masyarakat diabaikan (Arthur & Revell, 2005). Aliran ini percaya bahawa minat individu tidak dipentingkan sebaliknya kehendak masyarakat terhadap nilai ditekankan (Abdul Rahman & Chang, 1994).

Teknik KB boleh digunakan dalam pendekatan pemupukan nilai, kerana nilai masyarakat menjadi ukuran moral seseorang (Wan Hasmah, 2000). Nilai-nilai masyarakat seperti hormat-menghormati, bertoleransi, bertanggungjawab terhadap keluarga, taat kepada ibu bapa menjadi inti pati kehidupan masyarakat Malaysia (Sabilan & Lip, 2018). Dalam aktiviti KB, elemen-elemen ini boleh diterapkan berdasarkan isu moral yang dikemukakan. Aktiviti tontonan klip video secara talian akan membolehkan mereka memahami dan menghayati nilai murni yang terdapat dalam aktiviti prapengajaran sebelum berbincang di dalam sesi interaksi bersemuka (Patanwala, Erstad, & Murphy, 2017). Dengan cara ini, pemupukan nilai yang dikehendaki akan dapat dilaksanakan.

Menurut Uysal & Bardakci (2014) perbincangan dalam aktiviti secara talian juga akan menggalakkan penerapan nilai apabila nilai dibincangkan dan dianalisis mengikut perspektif yang berbeza. Individu yang mengikut perbincangan dalam aktiviti secara talian akan meletakkan diri mereka ke dalam watak yang dipertontonkan dan empati akan dijana ketika proses interaksi individu dengan peserta sehingga unsur-unsur ini menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka (Arawi, 2002).





### 2.13 Pendekatan Pembinaan Rasional

Pemikiran yang rasional dalam membuat keputusan akan digunakan dalam pendekatan ini (Rest, 1984). Pendekatan ini memandu pelajar untuk mencari jalan penyelesaian berdasarkan prinsip rasional (Lickona, 1983). Pelajar perlu mengkaji sebab musabab dan memikirkan akibat ke atas diri mereka dan diri orang lain sebelum mengambil sesuatu keputusan. Dalam hal ini ternyata elemen interaksi seperti yang terdapat dalam KB, telah menjadi wadah yang berguna untuk meletakkan kepentingan masyarakat (Crowe & Cuenca, 2016).

Di dalam pendekatan ini guru perlu membantu dan membimbing pelajar untuk membuat keputusan ketika menangani isu moral (Lickona, 1983). Pelajar akan mengkaji makna dan menganalisis nilai dari perspektif masyarakat. Sesuatu nilai bukan sahaja melibatkan pertimbangan tertentu tetapi juga dilihat berdasarkan nilai yang lain (Walker et al., 2015). Namun, konflik nilai masih berlaku dan tidak dapat dielakkan dalam pendekatan ini serta perlu diselesaikan sebelum pertimbangan dibuat (Bebeau et al., 1999).

Di dalam pendekatan pembinaan rasional, guru mengemukakan isu-isu yang kritis bagi membolehkan pelajar membuat pertimbangan (Teroni & Bruun, 2011). Dalam hal ini, guru perlu membantu pelajar untuk menjelaskan dan melihat nilai dalam konteks demokrasi (Parker, 2003). Dimensi nilai masyarakat demokratik seperti meneliti makna dan menganalisis sifat diutamakan (Veugelers, 2008) dan guru perlu mengambil kira keperluan ini ketika terlibat dalam proses pengajaran. Malah prinsip demokrasi menjadi tunjang utama di dalam melahirkan insan yang bermoral dalam





program Pendidikan Moral (Mohamad Khairi & Asmawati, 2010). Selain berfikiran kritis dalam Pendidikan Moral, pendekatan ini juga menghendaki guru untuk membantu pelajar menilai dan menyelesaikan konflik nilai (Bebeau et al., 1999).

Teknik KB dapat digunakan memandangkan pelajar berupaya untuk menganalisis dan menyatakan pendapat (McNally et al., 2017). Kesesuaian pendekatan pembinaan rasional untuk menggarapkan teknik KB juga dapat dikukuhkan dengan pendapat (Joyce, Weil, & Calhoun, 2000) dalam membincangkan peranan aktif pelajar ketika melakukan aktiviti penerokaan sendiri. Ciri-ciri dan potensi KB sesuai dengan objektif pembinaan rasional.

#### 2.14 Pendekatan Penjelasan Nilai



Pendekatan ini telah dipelopori oleh Raths, Harmin, & Simon (1966) menekankan tentang keperluan pelajar untuk sedar tentang nilai diri dan nilai orang lain. Menurut Kirschenbaum (1976) dalam proses pembentukan dan perkembangan nilai seseorang individu, penggunaan pemikiran rasional dan kesedaran emosi merupakan elemen yang penting di dalam pendekatan ini. Nilai tidak diberikan kepada pelajar di dalam pendekatan ini sebaliknya mereka diajar untuk menghargai atau memberi nilai. Individu tidak boleh dipaksa menerima nilai dan tumpuan kehidupan adalah bersandarkan kepada individu sendiri atau melibatkan orang lain. Individu juga diajar menerima pandangan, sikap dan keputusan orang lain. Pendekatan ini juga menggalakkan individu untuk membuat penerokaan sendiri yang membantu proses pemikiran.





Pendekatan ini mengajak individu untuk memilih nilai yang sesuai dengan diri mereka (Raths et al., 1966). Individu adalah agen moral yang dihormati dan tahu tentang nilai yang sesuai dengan diri mereka. Individu diajar tentang pilihan nilai mereka dan mereka menghargai nilai tersebut yang digunakan sebagai panduan dalam kehidupan (Kirschenbaum, 1976).

Dalam pendekatan ini, peranan guru adalah sebagai seorang fasilitator yang mampu meneroka pemikiran pelajar (Huss & Patterson, 1993). Pelajar perlu membuat refleksi terhadap sikap dan pegangan mereka dan guru harus berupaya untuk mencetuskan soalan-soalan kritis yang mencabar pemikiran mereka. Pendekatan ini mengajar pelajar untuk mempertimbangkan sesuatu keputusan setelah mengambil kira kesan-kesan setiap pertimbangan (Raths et al., 1966). Pilihan itu sebenarnya merupakan satu kepuasan kepada mereka dan mereka berpuas hati dengan pilihan tersebut. Guru memainkan peranan dengan menunjukkan penerimaan dan persetujuan tentang apa yang telah diperkatakan atau dibincangkan.

Teknik KB menuntut peserta untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti prapengajaran yang dilaksanakan di luar waktu interaksi kelas. Peserta dalam KB mengambil bahagian di dalam aktiviti secara talian (Cargile & Harkness, 2014) dan menuntut mereka untuk melihat klip video yang memaparkan sikap baik dan buruk yang terdapat dalam masyarakat. Klip video tersebut, menggarapkan perlakuan watak dan si pelaku yang membantu peserta untuk mengenali nilai, emosi dan amalan yang patut dilakukan dengan lebih jelas (Wilson, 1972). Melalui perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka, aktiviti bilik darjah yang dijalankan berfungsi sebagai mekanisme untuk mengurangkan kekeliruan tentang nilai yang dipelajari oleh pelajar di samping





memperkuat mereka kepada nilai yang lebih jelas yang bakal digunakan dalam kehidupan.

Pendekatan penjelasan nilai juga sesuai dengan pendapat Joyce et al. (2000) bahawa aktiviti perbincangan yang aktif di dalam bilik darjah berupaya untuk mengubah tingkah laku. Pendapat ini sesuai dengan elemen yang terdapat dalam KB untuk membantu individu untuk faham akan nilai-nilai di samping memperoleh satu nilai yang boleh diguna pakai dalam kehidupan. Maka peranan guru dalam bilik darjah ialah untuk merealisasikan pendekatan ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.

## 2.15 Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral



Pengajaran Pendidikan Moral perlu berlandaskan kepada elemen pengetahuan, pemikiran dan domain emosi (Abd Rahim Abd Rashid, 2001). Guru perlu prihatin dalam membantu pelajar belajar dengan menggunakan teknik yang sesuai dan bermakna. Pelajar meletakkan kepercayaan yang sangat tinggi kepada guru untuk menggunakan pedagogi yang relevan agar mereka memperoleh pengetahuan dan kemahiran (Löfström & Poom-Valickis, 2013). Abd Rahim Abd Rashid (2001) menekankan kepada beberapa pendekatan yang fleksibel seperti pembelajaran reflektif, main peranan, penemuan sendiri dan penaakulan nilai moral. Maka pedagogi Pendidikan Moral perlu diadun supaya pelajar dapat memahami nilai dan berfikir dengan kritis tentang isu moral. Perspektif pengajaran nilai yang mementingkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar perlu dirangka.





Antara teknik yang digunakan dalam pengajaran Pendidikan Moral di sekolah ialah perbincangan dan dilema nilai, dilema moral, analisis dan perbandingan nilai. Ternyata pedagogi pengajaran Pendidikan Moral bermatlamatkan melatih pelajar agar lebih kritis, berkemampuan untuk berhujah dan dapat mempertahankan hujah selain dapat mempengaruhi keputusan yang telah dibuat.

Kajian yang dilakukan oleh Szeto, Cheng, & Hong (2016) telah membuat satu kajian untuk mengetahui bagaimana penggunaan pembelajaran teradun dengan berpandukan kepada pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar mempengaruhi pertimbangan pelajar dalam konteks bilik darjah. Seramai 110 orang pelajar dijadikan responden kajian tersebut. Kajian dengan menggunakan reka bentuk eksperimen tersebut mendapati pembelajaran teradun yang dijalankan telah mempengaruhi pertimbangan moral pelajar. Kajian ini jelas membuktikan perlunya strategi pedagogi yang pelbagai untuk mengembangkan elemen pemikiran pelajar. Kajian Njie-Carr et al. (2017) yang dilakukan terhadap 13 model kajian empirikal di dalam program kejururawatan juga mengetengahkan bukti bahawa KB merupakan satu bentuk inovasi di dalam bilik darjah yang menjana pemikiran kritis di dalam bilik darjah.

Di samping itu juga, kajian yang dijalankan oleh Liau, Liau, Teoh, & Liau (2003) terhadap kaitan kecerdasan emosi dengan masalah tingkah laku mendapati kecerdasan emosi mempunyai kaitan langsung dengan masalah tingkah laku dalam kalangan pelajar. Dengan menggunakan sampel seramai 203 pelajar sekolah menengah Tingkatan 4 di empat kawasan bandar di Malaysia, kajian ini mengetengahkan bahawa kecerdasan emosi yang rendah mempunyai pertalian dengan masalah tingkah laku seperti tekanan, sikap agresif dan masalah disiplin.



Pedagogi Pendidikan Moral juga memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan kemahiran emosi. Jiang, Vauras, Volet, & Wang (2016) berhujah bahawa guru perlu memainkan peranan dengan membina aspek emosi pelajar dan mendedahkan mereka kepada interaksi dalam kalangan pelajar lain dan guru. Guru perlu juga meletakkan pelajar di dalam suasana pembelajaran yang berbeza. Guru perlu sedar bahawa emosi adalah elemen penting dalam perkembangan moral seseorang individu dan mereka perlu menekankan perkembangan afektif dan kognitif.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa pendekatan yang dibincangkan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral memberi tumpuan kepada elemen pemikiran, emosi dan amalan moral dalam kalangan individu. Penggunaan teknik KB dapat melancarkan proses pemupukan elemen-elemen kognitif dan afektif

## 2.16 Teknik Pengajaran Pendidikan Moral

Guru yang prihatin terhadap teknik pengajaran dapat merangsang dan mengekalkan minat pelajar terhadap kandungan pelajaran. Antara strategi yang lazim digunakan dalam Pendidikan Moral ialah penceritaan, kuliah dan perbincangan (Chang, 2003). Namun terdapat juga teknik lain yang sesuai digunakan dalam Pendidikan Moral seperti main peranan, penyelesaian masalah, analisis situasi, perbincangan dilema, projek atau lawatan yang digunakan untuk menarik minat pelajar. Di dalam pedagogi Pendidikan Moral, Vishalache (2011) telah memperkenalkan teknik perbincangan dilema sebenar





(*real-life dilemma*), manakala Thambu (2014) telah memperkenalkan penggunaan teater forum dalam pengajaran.

Selain itu, penggunaan teknik kajian terbimbing, teknik *jigsaw* dan teknik sebab akibat Koo & Tang (1990), teknik pengajaran secara talian juga digunakan oleh guru di sekolah. Kajian yang dijalankan oleh Bell, Kerfoot, & Gauferg (2014) mendapati perkakasan secara talian (*online tools*) mula digunakan untuk mengajar pelajar untuk membuat pertimbangan dan keputusan moral. Dengan menggunakan responden seramai 85 orang, kajian Bell et al. (2014) mendapati teknik belajar secara talian membolehkan pelajar meneroka pelbagai maklumat yang membolehkan mereka membuat keputusan tentang isu moral.



Pelbagai teknik digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kebanyakan teknik yang digunakan mengambil kira keperluan untuk menjadikan pelajar sebagai peserta yang aktif (Shryock, 2015).

Dalam pada itu, penggunaan pelbagai teknik pengajaran akan memantapkan proses pembelajaran pelajar, selain menjadikan mereka sebagai peserta yang aktif (Balakrishnan & Claiborne, 2012).





## 2.17 Kelas Berbalik (*Flipped Classroom*)

Bergmann & Sams (2012) telah mempopularkan istilah KB apabila mereka mendapati klip video pendek digunakan terhadap pelajar yang tidak hadir ke kelas. Dengan menggunakan klip video sebagai bahan asas, pelajar dikehendaki untuk menonton klip video secara berulang kali dan melaksanakan tugas yang diberikan kepada mereka. Amalan bilik darjah sebegini telah meningkatkan penglibatan dan interaksi dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah (Sams & Aglio, 2017).

Pengalaman menonton klip video dan bahan yang diberi kepada pelajar sebelum proses pembelajaran bermula menyebabkan pelajar dapat menggunakan lebih banyak masa di dalam bilik darjah sebenar (Cargile & Harkness, 2014). Pendekatan pengajaran sebegini telah menyebabkan suasana pembelajaran tradisional tidak lagi menjadi kegemaran pelajar (Yu & Zhu, 2016), lantaran menjadikan pembelajaran KB sebagai suatu yang menarik minat dan mengubah struktur pembelajaran yang baharu. Pelajar di dalam KB merupakan pelajar “*self-directed learners*” yang menjadikan mereka aktif dalam proses pembelajaran (Schleicher, 2015). Pengalaman menjadi “*self-directed learners*” menjadikan pelajar lebih berautonomi di dalam bilik darjah dan menjadi pemangkin kepada proses pembelajaran yang menyeluruh (Knowles, Holton, & Swanson, 2005). Knowles et al. (2005) menambah;

*Autonomy means taking control of goals and purpose of learning and assuming ownership of learning. This leads to internal change of consciousness in which learner sees knowledge as contextual and freely questions what is learners (p 186).*





Dengan berinteraksi dengan pelajar di dalam bilik darjah, guru dapat membimbing pelajar untuk bergerak jauh, dan potensi pelajar dalam pemikiran dapat digilap lagi memandangkan mereka sudah mempunyai pengetahuan di peringkat prapengajaran (Chung & Khe, 2017). Proses pembelajaran di dalam KB membolehkan pelajar sudah mula mempunyai pemilikan sendiri terhadap proses pembelajaran mereka (Abdullah, Yaacob, & Rahim, 2013). Justeru itu pelajar bukan lagi merupakan penerima yang pasif sebaliknya peserta aktif yang sentiasa meneroka maklumat, dan menggunakan dalam bilik darjah bagi mengukuhkan kefahaman mereka terhadap pelbagai isu moral (Uskoković, 2018).

Kajian yang dilakukan oleh Zainuddin & Perera (2017) pula meneroka tentang penggunaan KB yang telah membebaskan pelajar daripada belunggu pembelajaran konvensional apabila pelajar mula melaksanakan tugas secara sendiri, tanpa bergantung pada guru. Kajian ini yang berpandukan kepada *Self Determination Theory* (SDT) dilaksanakan terhadap 61 orang pelajar dengan menggunakan reka bentuk survey mendapati persekitaran pembelajaran KB lebih menggalakkan proses autonomi. Pelajar lebih berupaya untuk meneroka secara sendiri dalam aktiviti secara talian dan berupaya mengawal hasil pembelajaran mereka. Pelajar lebih berupaya untuk menunjukkan keterampilan diri apabila mereka melaksanakan tugas yang diberi (Zainuddin & Perera, 2017). Persekitaran ini membantu untuk memperkukuhkan peranan *self-directed learners* (Green & Schlairet, 2017).





Dalam pada itu, kepentingan KB dalam mengawal tingkah laku juga ketara kerana pelajar mendapatkan banyak kefahaman tentang masyarakat sebelum terlibat dalam aktiviti dalam bilik darjah (Hsu, Chen, Chang, & Hu, 2016). Kajian mereka yang dilakukan terhadap 39 pelajar doktor pelatih dengan 43 doktor pelatih kawalan di Hospital Taiwan mendapati terdapat korelasi yang tinggi ( $r=0.491$ ,  $P<0.01$ ) dalam aspek efikasi sendiri pelajar dan tingkah laku ( $r=0.365$ ,  $P<0.01$ ). KB didapati telah dapat membantu mengubah tingkah laku pelajar daripada pelajar pasif kepada pelajar aktif (Hsu et al., 2016). Justeru KB ternyata telah menjadi satu wadah pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dalam mengubah tingkah laku pelajar.

Bergmann & Sams (2012) telah mengkategorikan proses pembelajaran KB kepada tiga peringkat yakni peringkat prapengajaran, aktiviti bersemuka yang dijalankan dalam bilik darjah dan peringkat pasca pengajaran. Tiga peringkat dalam KB ini menjadi pelengkap kepada proses pembelajaran teradun.

Kajian yang dijalankan oleh Renfro (2014) mendapati KB telah digunakan secara meluas dalam mata pelajaran Matematik. Kajian Renfro (2014) yang dijalankan terhadap pelajar di *Robert Morris University* dengan reka bentuk kajian kes mendapati penggunaan kaedah KB telah memberi manfaat pembelajaran dari aspek penyelesaian masalah dan pemahaman konsep pelajaran, berbanding dengan rakan mereka di kelas tradisional yang lain. Kajian yang sama mengetengahkan manfaat KB dari segi interaksi sosial dan penglibatan aktif dalam kalangan pelajar berupaya meningkatkan pemikiran. Namun kajian berbentuk eksperimental terhadap 263 orang peserta kursus Psikologi yang dilakukan oleh Yough, Merzdorf, Fedesco, & Cho (2017) mendapati KB tidak memberi kesan yang memberangsangkan kepada di dalam proses pembelajaran.





Motivasi intrinsik pelajar juga tidak berubah setelah mereka menggunakan KB (Yough et al., 2017).

Kajian Dusenbury (2016) terhadap kesan KB dalam kalangan mahasiswa pula mendapati pelajar mempunyai pemikiran kritis terhadap mata pelajaran Kemanusiaan di Universiti Midwestern. Kajian Dusenbury (2016) yang dijalankan terhadap 81 orang responden selama 16 minggu mendapati penglibatan pelajar di dalam proses pembelajaran KB telah meningkatkan sifat keterbukaan mereka terhadap pemikiran seperti mana yang terdapat inventori “*California Critical Thinking Disposition Inventory*” (CCTDI). Kajian yang sama juga mendapati pengalaman penglibatan dalam KB telah meningkatkan rasa yakin dalam kalangan peserta di samping memberi emosi yang positif terhadap proses pembelajaran.



Kajian berdasarkan model instruksional oleh Fauzi & Hussain (2016) terhadap 24 orang pelajar dengan menggunakan kaedah kualitatif (pemerhatian) mendapati penglibatan pelajar dan motivasi pelajar meningkat selepas menggunakan KB. Pelajar yang menggunakan model KB dapat berfikir secara rasional dan mengemukakan justifikasi terhadap tindakan mereka (Fauzi & Hussain, 2016). Pemikiran rasional dengan elemen penerokaan merupakan satu bentuk pembelajaran mendalam (*deep learning*) yang membantu pelajar untuk mendapatkan perspektif yang berbeza (Danker, 2015). Kajian kualitatif tersebut yang menggunakan reka bentuk kajian tindakan terhadap 19 orang pelajar mendapati mereka cuba mencari makna dalam proses pembelajaran mereka, cuba memahami menggunakan sepenuhnya untuk meneroka perspektif pengetahuan. Dalam hal ini, pandangan Abeysekera & Dawson (2015) bahawa penerimaan pelajar terhadap perspektif yang berbeza membantu mereka untuk





memilih nilai kehidupan sebenarnya relevan dalam konteks Pendidikan Moral. Corak pemikiran ini membantu seseorang individu untuk membuat keputusan moral (Chang, 2013).

Kajian yang dijalankan oleh Roach (2014) pula mendapati KB sebagai satu daripada kaedah pengajaran baharu yang mewujudkan pola pemikiran yang kritis dan kreatif dalam kalangan mahasiswa pendidikan tinggi. Kajian tersebut mendapati pelajar berasa tertarik dengan penggunaan klip video daripada *YouTube* yang merangsang minat mereka terhadap proses pembelajaran. Namun, KB bukanlah satu pengajaran yang berpaksikan kepada klip video atau platform secara talian semata-mata kerana interaksi dalam kelas berfungsi sebagai mekanisme untuk melakukan aktiviti *hands-on* dan pembelajaran aktif yang lain (Sams & Aglio, 2017). Kajian DeRuisseau (2016)



umpamanya, merumuskan pelajar tidak mensia-siakan peluang belajar aktiviti *hand-ons* dalam kelas, walaupun mereka terpaksa membuat persediaan rapi untuk prapengajaran. Justeru, penggunaan KB di dalam bilik darjah perlu dirancang agar pelajar dapat berinteraksi secara aktif dengan menggunakan pengetahuan secara ada yang boleh diperoleh secara talian atau kaedah lain.

Kajian yang dilakukan oleh (G. S. Mason, Shuman, & Cook, 2013) mendapati bahawa teknologi telah menjadi penggerak utama dalam KB. Integrasi teknologi walaupun dalam skala yang kecil telah menjadikan KB sebagai medium pengajaran yang berkesan bagi membantu pelajar meneroka maklumat dan menggunakannya dalam konteks bilik darjah. Kajian yang dilakukan oleh Cassidy et al. (2016) pula mendapati penggunaan teknologi dalam KB telah menjadikan proses pembelajaran semakin fleksibel dan semakin diminati. Kajian tersebut yang dilakukan terhadap





penggunaan *iclickers*, kuiz secara talian, blog kumpulan mendapati bahawa corak pembelajaran ini digemari oleh pelajar. Ada yang menggunakan blog dan *YouTube* sahaja dalam proses pengajaran. Kajian Johnson (2012) mendapati penggunaan *YouTube* dalam pengajaran dapat merangsang minat pelajar kerana klip video yang digunakan merupakan rangsangan audio dan video.

Justeru sarjana pendidikan berhujah bahawa KB merupakan satu gerakan baharu dalam pendidikan kerana guru telah menggalakkan pelajar mereka untuk membuat persiapan di luar waktu kelas dan menggalakkan mereka mengambil bahagian di dalam aktiviti kelas (Davies, Dean, & Ball, 2013). Walaupun ada pendidikan yang menggunakan televisyen pendidikan, namun bantuan komputer dengan teknologi yang interaktif telah menjadi pilihan pendidik untuk mengembangkan konsep KB. Satu kelebihan KB ialah ia tidak terhad kepada satu kumpulan tertentu yang menggunakan kurikulum yang spesifik tetapi ia lebih fleksibel kepada penerokaan banyak maklumat pada masa yang sama.

Strategi ini, menurut Bishop & Verleger (2013) merupakan kaedah pedagogi yang baharu memandangkan kuliah secara talian dapat dijalankan, seterusnya menyelesaikan masalah kerja rumah yang sering diberi kepada pelajar. Penerokaan maklumat secara talian (*asynchronous*) membantu pelajar untuk melaksanakan aktiviti *hands-on* dalam bilik darjah (Butt, 2014).





Di dalam pendidikan tinggi, penggunaan KB sudah semakin berkembang dan terdapat kajian keberkesanan KB yang dilaksanakan. Kajian Butt (2014), McLaughlin et al. (2013) dan Findlay-Thompson & Mombourquette (2014) telah dilaksanakan untuk melihat keberkesanan KB berdasarkan skor peperiksaan pelajar di peringkat pengajian tinggi. Dapatan kajian McLaughlin et al. (2013) umpamanya mengetengahkan pencapaian 28 responden yang pencapaian akademik mereka meningkat untuk mata pelajaran Statistik setelah KB digunakan terhadap pengajaran berbanding dengan bilik darjah tradisional. Kajian Renfro (2014) juga mengetengahkan penemuan tentang pengalaman pembelajaran yang memaparkan sikap positif dalam kalangan pelajar menerusi aktiviti secara talian.

Pengalaman pembelajaran KB melibatkan aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran (Bergmann & Sams, 2014). Penglibatan individu dalam pembelajaran KB merupakan interaksi antara manusia yang melibatkan pemikiran, emosi dan tingkah laku. Aktiviti prapengajaran merupakan pengalaman untuk meneroka ilmu pengetahuan dengan menggunakan forum perbincangan secara talian. Pengalaman pembelajaran secara talian merupakan satu bentuk penyertaan sosial dalam kalangan pelajar.

Pelajar memberikan respons di dalam komputer sama seperti cara mereka memberikan respons kepada orang lain. Individu tidak akan melindungi pendapat mereka dalam internet. Mereka membentuk rangkaian dan lebih bersifat terbuka ketika terlibat dalam platform secara talian (Chiappe & Lee, 2017). Mereka tidak melindungi perasaan mereka. Individu tidak dapat melepaskan diri daripada bersuara terhadap pemikiran mereka dan meluahkan emosi mereka.





Manusia bertindak balas terhadap wajah. Klip video yang ditonton memberi kefahaman dalam bentuk pengetahuan dan memberi pengalaman emosi dan membantu mereka untuk membuat keputusan yang betul, tidak betul, wajar atau tidak wajar. Wajah-wajah yang kelihatan dalam aktiviti secara talian juga memberi emosi. Individu bergerak dengan pantas menerusi penerimaan terhadap video, gambar dan bahan di dalam proses pembelajaran mereka (Patanwala et al., 2017). Mereka turut sama menyumbang idea dan fikiran dalam bentuk pengalaman setelah melihat video, gambar dan bahan. Pengalaman KB juga memberikan peluang mereka merakam klip video mudah dan memuat naik ke dalam forum dengan menggunakan Sistem Pengurusan Pembelajaran (*Learning Management System*) seperti *Schoology*. Guru menggalakkan penyertaan sosial dalam kalangan pelajar mereka.

memanfaatkan secara optimum. Komen, pendapat, perbincangan dan maklum balas sebenarnya mengukuhkan pengalaman pembelajaran. Komponen secara talian juga menggalakkan interaksi sosial yang lebih dalam bilik darjah. Dalam pengajaran Pendidikan Moral, elemen interaksi merupakan aspek yang penting dan ditekankan. Pengetahuan yang diperoleh oleh pelajar dalam proses KB menggalakkan mereka berbincang menerusi aktiviti perbincangan. Hubungan pelajar dengan proses yang diperoleh di luar bilik darjah akan menyumbang proses pembelajaran.

Di dalam program pendidikan guru, guru harus memainkan peranan untuk memindahkan pengetahuan kepada amalan. Guru perlu dididik dari segi keperluan sosial. Program pendidikan guru harus tertumpu pada usaha untuk memenuhi keperluan masyarakat. Pelajar telah dilatih untuk menggunakan ilmu pengetahuan.

KB membantu pelajar untuk menggunakan pengalaman pembelajaran mereka untuk meneroka secara sendiri dan mempunyai autonomi yang lebih di dalam proses pembelajaran. KB telah digunakan di dalam mengkaji elemen moral, emosi dan amalan. Penggunaan elemen secara talian dan aktiviti dalam bilik darjah memberi kesan kepada pemikiran pelajar. Mereka bukan sahaja dapat menguasai ilmu pengetahuan tetapi juga berupaya menghubungkan kait antara ilmu yang diperoleh dengan pengalaman sendiri mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Chootongchai & Songkram (2018) mendapati perisian *Moodle* dan *LMS* yang digunakan dalam pengajaran telah membantu pelajar untuk mengenal pasti isu, berfikir secara rasional dan meningkatkan kemahiran inovasi mereka dalam menyelesaikan masalah. Responden dalam kajian Chootongchai & Songkram (2018) juga mendapati bahawa mereka berkeupayaan untuk berkongsi bahan pembelajaran, melakukan aktiviti pembelajaran berasaskan projek dan dapat menyelesaikan masalah yang diberikan. Kajian ini juga mengetengahkan pandangan bahawa pelajar seronok menggunakan aktiviti secara talian kerana mereka boleh meningkatkan kemahiran kolaboratif dengan rakan mereka di alam maya.

Kajian yang dijalankan oleh Chootongchai & Songkram (2018) mendapati perisian *Moodle* dan *LMS* yang digunakan dalam pengajaran telah membantu pelajar untuk mengenal pasti isu, berfikir secara rasional dan meningkatkan kemahiran inovasi mereka dalam menyelesaikan masalah. Responden dalam kajian Chootongchai & Songkram (2018) juga mendapati bahawa mereka berkeupayaan untuk berkongsi bahan pembelajaran, melakukan aktiviti pembelajaran berasaskan projek dan dapat menyelesaikan masalah yang diberikan. Kajian ini juga mengetengahkan pandangan

bahawa pelajar seronok menggunakan aktiviti secara talian kerana mereka boleh meningkatkan kemahiran kolaboratif dengan rakan mereka di alam maya.

Kajian yang dilaksanakan oleh Beckmann, Weber, Beckmann, & Weber (2016) juga menarik memandangkan pembelajaran secara kolaboratif berlaku secara talian. Responden kajian dapat menggunakan pengetahuan mereka untuk menyelesaikan masalah di samping berupaya memberikan justifikasi ke atas tindakan mereka (Beckmann et al., 2016). Dengan menggunakan 80 orang responden, kajian yang dijalankan dengan menggunakan “*Net Economy*” ini mendapati responden kerap menggunakan pengetahuan yang mereka dapati daripada luar bilik darjah untuk menyelesaikan masalah.

Namun kajian yang dijalankan oleh Rusdi & Umar (2015) memberikan dapatan yang berbeza tentang penggunaan pembelajaran secara talian terhadap proses pemikiran pelajar. Kajian yang dilaksanakan ke atas 41 mahasiswa pasca siswazah di universiti awam di Malaysia mendapati daripada 190 “*posting*” yang diperoleh, pelajar menunjukkan aras pemikiran yang rendah. Kajian Rusdi & Umar (2015) penting memandangkan mahasiswa sepatutnya berkebolehan untuk mengenal pasti isu, berupaya mengenal pasti jalan penyelesaian, dan berupaya untuk mentafsir sesuatu isu atau dilema dengan betul.

Namun, kajian Costley (2016) memberi dapatan yang berbeza mengenai pemikiran pelajar. Kajian yang dilakukan terhadap 900 “*posting*” di dalam pembelajaran secara talian mendapati proses berfikir secara rasional dalam kalangan pelajar meningkat, tetapi penglibatan sosial pula merosot memandangkan pelajar hanya



belajar secara talian. Seramai 219 responden terlibat dalam forum secara talian untuk kursus Bahasa Inggeris dalam kalangan guru Korea, dan penglibatan tenaga pengajar menjadi elemen penting untuk menggerakkan pemikiran kritis dalam kalangan peserta.

Kajian yang dijalankan oleh Kurubacak (2007) juga menentengahkan bukti empirikal tentang kesan pembelajaran secara talian ke atas proses pembelajaran. Kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes ke atas 11 orang peserta kajian, mendapati penggunaan aktiviti kolaboratif juga meningkatkan pemikiran kritis peserta. Peserta berkebolehan untuk melaksanakan aktiviti penyelesaian masalah dengan menggunakan sumber daripada Internet apabila guru mengajukan soalan berbentuk isu dan masalah (Kurubacak, 2007). Kebolehan peserta melaksanakan aktiviti penyelesaian masalah kerana berjaya mengolah pengetahuan dan teliti ketika membuat keputusan.



Kajian berbentuk eksperimen yang dijalankan ke atas 223 maha siswa di Kanada pula memberi nafas kepada keupayaan peserta ketika melakukan aktiviti refleksi di dalam pembelajaran (Chen, Wang, Kinshuk, & Chen, 2014). Kajian ini memberi implikasi bahawa pembelajaran menerusi talian dapat mencungkil pemikiran rasional pelajar menerusi aktiviti refleksi dalam bilik darjah.

Kajian yang dijalankan oleh Yang, Gamble, Hung, & Lin (2014) terhadap pengaruh pembelajaran secara talian ke atas proses pemikiran kritis mendapati penglibatan peserta yang aktif dikenal pasti sebagai penggerak sistem *Moodle*. Hasil dapatan kajian ke atas 83 responden kajian yang menggunakan *Yahoo*, *MSN* dan *Skype* mendapati maklum balas yang diberikan oleh fasilitator dalam pengajaran membantu





memperkuat justifikasi ke atas tindakan yang dilakukan oleh peserta (Yang et al., 2014).

Memandangkan ciri pemikiran moral membabitkan proses membuat keputusan dan membuat penelitian dalam situasi yang berkonflik (Bonneton, 2017), ternyata KB telah dapat menjadi alat yang berguna untuk membuat keputusan yang rasional. Proses berfikir yang berpandukan kepada pelbagai situasi dan isu moral memberi peluang kepada pelajar untuk mengetahui dan memahami isu moral sebelum bertindak menilai sebab musabab konflik yang berlaku, seterusnya mengambil jalan penyelesaian untuk menyelesaikan konflik tersebut.

Dalam hal ini, Zainuddin & Attaran (2016) berpandangan bahawa KB menyediakan satu platform yang mudah kepada pelajar untuk mentafsir situasi dengan mudah. Proses penaaakulan terhadap situasi yang berkonflik dapat membolehkan seseorang individu menaaakul sesuatu isu dengan lebih kritis (Kraus, Sears, & Burke, 2013). Perbincangan yang dijalankan dalam aktiviti sebelum sesi interaksi dan sesi interaksi bersemuka dapat membantu individu untuk berfikir dengan lebih kritis terhadap isu yang dilontarkan. Pendedahan terhadap isu-isu moral daripada peringkat aktiviti prapengajaran dan perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka membolehkan individu membuat pertimbangan yang wajar untuk menyelesaikan konflik (Al-Zahrani, 2015). Pada masa yang sama, individu juga menjadi peserta yang aktif di dalam proses pembelajaran, dan sedang melakukan transformasi pembelajaran (Freire, 1972).





Dalam proses pembelajaran, pelajar yang didedahkan dengan pelbagai maklumat sedang belajar secara mendalam dan terperinci, tambahan pula apabila mereka menggunakan pelbagai kisah kehidupan mereka untuk menyelesaikan masalah (Mitra & Dangwal, 2010). Kisah kehidupan digunakan untuk menjadikan proses pembelajaran lebih autentik (Lewis, McCullough, Maxwell, & Gormley, 2016), kerana dalam Pendidikan Moral, kisah kehidupan dan isu moral merupakan elemen yang autentik kerana ia berkaitan dengan diri individu sebagai salah seorang ahli masyarakat.

Luahan isu yang berkaitan dengan budaya dan masyarakat serta realiti sosial (Kim, 2013) menjadikan proses pembelajaran di dalam KB menarik dan bermakna (Largo, 2017). Bertitik tolak daripada penekanan ini, maka penyelesaian konflik merupakan suatu aspek yang ditekankan kerana ia membantu seseorang individu untuk berfikir (Kohlberg, Levine, & Hewer, 1983b). Maka, KB menjadi alat yang membantu seseorang untuk berfikir untuk menyelesaikan konflik (McLean et al., 2016). Maka, sebagai guru menguasai teknik KB adalah merupakan satu kemahiran pedagogi yang penting memandangkan dalam Pendidikan Moral, pelajar harus berupaya untuk menyelesaikan isu moral. Guru harus meneroka potensi KB (Gunyou, 2015) bagi membantu pelajar untuk menyelesaikan konflik moral.

Kajian yang dijalankan oleh Winter (2016) terhadap pelajar perempuan di Hawai'i dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif mendapati pelajar berupaya untuk menyelesaikan konflik apabila mereka terlibat dalam aktiviti pembelajaran kolaboratif berbantuan komputer. Dengan menggunakan komputer dan melaksanakan aktiviti kolaboratif dalam kelas, pelajar berupaya membina rangkaian





yang menyediakan alternatif kepada mereka untuk menyelesaikan masalah (Winter, 2016).

Di samping itu, KB juga membantu individu untuk melihat dari perspektif yang berbeza dan hal ini, membantu mereka untuk membuat keputusan. Pelajar belajar menerusi pengalaman, refleksi dan interpretasi, yang bertujuan untuk membantu mereka memilih tindakan yang wajar atau tidak wajar. Apabila rangsangan diberi, maka individu boleh berfikir dari kaca mata yang berbeza (Clark, 2015). Kajian yang dilakukan oleh Fauzi & Hussain (2016) terhadap 24 orang pelajar dengan menggunakan kaedah pemerhatian mendapati pengupayaan pelajar berlaku apabila mereka melibatkan diri dalam aktiviti KB.



Pelajar juga mempunyai keterlibatan dalam proses pembelajaran yang tinggi apabila rangsangan tambahan di dalam sesi interaksi bersemuka (Fauzi & Hussain, 2016). Proses ini membantu pelajar untuk mengembangkan kemahiran berfikir, apabila mereka mengenal pasti dan menilai pilihan-pilihan berlandaskan prinsip moral (Meyers & Feeney, 2016). Pendekatan ini bukan sahaja membantu pelajar untuk menyelesaikan masalah, sebaliknya membantu pelajar untuk berfikir secara kritis untuk menangani sesuatu masalah (Barr, Harrison, & Conery, 2011).

Di samping itu, apabila membabitkan sesuatu isu moral, setiap orang akan cuba untuk berfikir tentang implikasi sesuatu isu (Parker, 2003). Di dalam Pendidikan Moral, kepentingan diri orang lain juga diambil kira untuk membuat keputusan moral. Maka, proses KB membantu pelajar untuk turut sama memikirkan tentang kepentingan orang lain sebelum mereka membuat keputusan moral. Hal ini bertepatan dengan pendapat





Njie-Carr et al. (2017) yang berlandaskan kajian yang dilakukan terhadap 13 kajian empirikal tentang model KB di dalam program kejururawatan. Kajian tersebut mengetengahkan pandangan bahawa individu akan cuba untuk membuat pilihan yang terbaik setelah mengambil kira situasi orang lain.

Di samping membantu dalam pemikiran moral, KB juga berupaya meningkatkan emosi seseorang individu. Kajian impak KB yang dilaksanakan oleh Smallhorn (2017) terhadap 328 orang pelajar mendapati KB bukan sahaja memberi kesan positif terhadap penglibatan pelajar, tetapi juga meningkatkan rasa gembira dan memupuk semangat kerjasama dalam kalangan pelajar. Kajian tersebut juga mendapati pelajar mempunyai sifat berani untuk mengemukakan sesuatu pendapat apabila sesuatu isu dibangkitkan. Justeru, penglibatan aktif dalam aktiviti KB mampu mengetengahkan



emosi moral seseorang pelajar.

Kajian yang dilakukan oleh Winter (2016) terhadap pelajar gred 6 untuk kursus Kajian Sosial dengan menggunakan reka bentuk survey mendapati pelajar bukan sahaja mempamerkan sikap sendiri ketika tugas diberikan di dalam sesi KB, tetapi juga membantu mengukuhkan sikap bekerjasama serta meningkatkan emosi sendiri apabila terlibat dalam aktiviti secara talian.

Kajian yang dilakukan oleh Luo et al. (2014) pula mendapati proses pembelajaran dalam KB memberikan pengalaman bermakna selain mengubah kesedaran emosi sendiri. Kajian tersebut yang dijalankan terhadap 21 orang pelajar universiti di China mendapati pelajar mempamerkan emosi sendiri yang positif apabila didedahkan dengan elemen pembelajaran secara talian. Sikap kerjasama, bertoleransi





dan berani mengemukakan pendapat terserlah apabila inovasi KB dilaksanakan dalam pengajaran (Luo et al., 2014).

Dapatan kajian ini bertepatan dengan hasrat Standard Pendidikan Guru Malaysia yang inginkan guru yang menunjukkan emosi sendiri apabila melaksanakan pengajaran mereka. Dalam konteks Pendidikan Moral, sikap kerjasama dan berketerampilan seiring dengan Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang menghendaki guru untuk mempunyai pemikiran emosi yang positif di dalam melaksanakan tugas mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Beilstein, Perry, & Bates (2017) pula mendapati aktiviti dalam atau luar kelas yang menggunakan vignette video dalam pengajaran mampu memberi kesan emosi yang positif selain merangsang pemikiran 'dunia luar'.

Kajian tersebut yang dijalankan terhadap 94 orang GPP di Kolej Pendidikan di Amerika Syarikat mendapati *posting* pendapat GPP di dalam *Everyday Mathematics Virtual Learning Community* mendapati emosi mereka positif setelah terlibat dalam aktiviti tontonan video yang dilakukan secara talian. Kajian yang sama, mengetengahkan bahawa perasaan seronok muncul apabila GPP melaksanakan aktiviti kolaboratif secara talian dengan rakan maya mereka.

Di samping itu, kajian oleh Smith (2015) pula menunjukkan aktiviti dalam KB menunjukkan emosi sendiri yang positif dalam kalangan peserta. Kajian terhadap pelajar gred 5 ini mendapati kesan emosi di dalam pembelajaran KB ketara apabila pelajar menunjukkan emosi sendiri seperti gembira dengan penglibatan mereka dalam aktiviti sebelum prapengajaran dan interaksi bersemuka yang dilakukan secara talian. Justeru, kajian ini membuktikan bahawa penglibatan pelajar dalam KB telah membantu



mereka untuk berinteraksi secara positif selain meningkatkan emosi sendiri mereka dalam proses pembelajaran.

Kajian yang dilakukan oleh Wang (2017) pula mengetengahkan sistem pembelajaran secara talian yang dapat menggalakkan penyertaan sosial dengan individu lain selain memupuk perasaan emosi sendiri pelajar. Penggunaan pelajar dalam aktiviti secara talian seperti *Moodle* dapat membangkitkan perasaan sendiri pelajar terhadap nilai dalam kehidupan (T. Wang, 2017). Kajian ini yang dijalankan terhadap 488 orang mahasiswa universiti di Taiwan juga mendapati bahawa aktiviti secara talian juga, selain berupaya mencungkil keupayaan pelajar untuk menyelesaikan masalah dapat juga membangkitkan emosi sendiri pelajar.



Selain daripada aktiviti secara talian, aktiviti dalam bilik darjah juga dapat membangkitkan emosi sendiri pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Jeong, González-Gómez, & Cañada-Cañada (2016) terhadap guru pelatih di Universiti Extremadura, Sepanyol untuk mata pelajaran Sains mendapati guru pelatih menunjukkan emosi sendiri yang positif apabila mereka terlibat dalam aktiviti yang melibatkan watak. Kajian ini juga mengetengahkan pandangan guru pelatih yang menghargai penggunaan elemen kehidupan yang sebenar di dalam proses pembelajaran mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Asher & Beam (2017) pula mendapati penerapan elemen kehidupan dalam proses perbincangan dalam kelas telah meninggalkan kesan emosi yang positif dalam kalangan pelajar. Kajian tersebut yang menggunakan kaedah pemerhatian terhadap peserta yang mahir dalam pelaksanaan KB di Mississippi



mendapati peserta menunjukkan emosi sendiri yang positif selain menunjukkan kesedaran emosi orang lain (Asher & Beam, 2017).

Kajian oleh Choi & Lee (2018) yang dijalankan terhadap 79 orang GPP di Universiti Korea Selatan juga mendapati bahawa peserta menunjukkan emosi sendiri yang positif apabila terlibat dalam aktiviti KB. Peserta berupaya untuk bekerjasama dan menunjukkan nilai-nilai diri yang positif ketika terlibat dalam aktiviti prapengajaran dan sesi interaksi bersemuka yang dijalankan (Choi & Lee, 2018). Hasil kajian ini bertepatan dengan pemupukan nilai murni yang disarankan oleh KPM menerusi manifesto Kualiti Siswa Guru (KSG) untuk GPP.

Dalam pada itu, KB berupaya untuk memupuk nilai bertanggungjawab dalam kalangan pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Shryock, (2015) terhadap 64 orang pelajar di Universiti Texas A&M, Amerika Syarikat dengan menggunakan reka bentuk survey mendapati pelajar dapat menerapkan nilai bertanggungjawab apabila terlibat dalam aktiviti di luar bilik darjah. Penggunaan iClickers yang digunakan sebagai model pedagogi KB telah dapat merangsang rasa tanggungjawab terdapat diri sendiri dan diri orang lain.

Pada masa yang sama, kajian Hajera Bibi (2018) di sekolah rendah di Singapura tidak menafikan kepentingan KB dalam memupuk nilai murni dalam kalangan pelajar. Dengan menggunakan kaedah kualitatif bersandarkan reka bentuk pemerhatian dan analisis dokumen, pelajar didapati telah berinteraksi secara positif dan menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain apabila terlibat dalam aktiviti KB (Hajera Bibi, 2018).



Maka, di dalam konteks keguruan, guru harus membekalkan pengalaman emosi dan mengembangkan empati terhadap orang lain di dalam proses pengajaran yang dijalankan (Shaughnessy & Boerst, 2018).

Tidak dapat dinafikan bahawa KB merupakan bentuk pedagogi yang menyeronokkan kerana ia melibatkan kombinasi kognitif, emosi dan amalan. Foldnes, (2016) telah berhujah bahawa KB bermanfaat dalam proses pembelajaran kerana ia mengukuhkan emosi individu, dan berupaya merangsang emosi orang lain kerana individu lain juga berinteraksi dalam proses pembelajaran.

Kajian Foldnes (2016) yang menggunakan reka bentuk kajian kes ke atas pelajar Norway dengan menggunakan klip video, buku teks dan bahan sokongan pembelajaran yang lain mendapati pelajar berupaya untuk bekerjasama dengan rakan mereka yang lain, 'memahami perasaan rakan mereka yang tidak berdaya' dan bersikap membantu di dalam proses pembelajaran KB. Penggunaan KB bukan sahaja menggalakkan sikap perkongsian ilmu malah memupuk emosi sendiri dan kesedaran terhadap perasaan orang lain.

Dalam pada itu, kajian Graziano (2017) pula mengenal pasti KB sebagai wahana yang memupuk perasaan sendiri pelajar. Kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk pemerhatian dan perbualan informal terhadap 24 orang GPP telah digunakan oleh Graziano (2017). Kajian ini mendapati walaupun KB berjaya mewujudkan rasa seronok dan membentuk emosi sendiri pelajar namun gagal mengembangkan proses pembelajaran yang bermakna. Pelajar gagal untuk melaksanakan aktiviti yang



dijalankan di dalam KB kerana kurang bersedia di dalam aktiviti prapengajaran di dalam platform secara talian (Graziano, 2017).

Di samping itu, penggunaan KB juga dapat meningkatkan imaginasi dan melahirkan sensitiviti terhadap orang lain. Kajian yang dilakukan oleh Bolotin (2003) merumuskan tentang kesedaran terhadap perasaan orang lain yang penting dalam Pendidikan Moral bagi mewujudkan keharmonian dalam kehidupan. Peranan guru ialah untuk menerapkan kesedaran terhadap perasaan orang lain di dalam bilik darjah.

Seseorang individu berupaya menjadi manusia apabila hasil refleksi intelek digabungkan dengan aksi dan emosi. Luahan terhadap perasaan orang lain seperti empati, simpati dan menyayangi orang lain merupakan contoh perasaan yang lahir daripada seseorang individu. Dalam konteks keguruan, KSG menekankan peranan guru yang membangkitkan perasaan yang selaras dengan murni masyarakat Malaysia.

Dalam bilik darjah, KB melibatkan perkongsian maklumat dalam bentuk interaksi yang menggabung jalin antara pengetahuan dan emosi. Kajian Brevik, Gunnulfsen, & Renzulli (2018) merumuskan tentang pengalaman yang dilalui oleh seseorang pelajar di dalam proses pembelajaran berupaya membangkitkan emosi, dan keadaan ini lebih ketara apabila guru mencungkil emosi pelajar dalam pengajaran.

Kajian Lo, Lie, & Hew (2018) terhadap 382 orang pelajar dan 5 orang guru Matematik, Fizik, Bahasa Cina dan Teknologi Maklumat di dua buah kelas di Hong Kong mendapati elemen emosi dan perasaan berlaku apabila pelajar membuat transmisi data menerusi pelbagai aktiviti secara talian mahupun bukan talian. Kajian yang sama

mencadangkan agar aktiviti yang berorientasikan emosi dilaksanakan oleh guru untuk mencungkil elemen perasaan di dalam bilik darjah.

Kajian yang dilakukan oleh Gough, DeJong, Grundmeyer, & Baron (2017) pula mendapati KB melibatkan keupayaan individu untuk mendekati diri dengan emosi orang lain. Kajian yang menggunakan reka bentuk survey yang dijalankan ke atas 44 orang peserta di Minnesota, Amerika Syarikat mendapati interaksi yang dilalui oleh peserta di dalam teknik KB menjadikan mereka berupaya memahami perasaan orang lain, di samping meningkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti bilik darjah (Gough et al., 2017). Malah, Nouri (2016) turut sependapat bahawa KB dapat melahirkan pemahaman terhadap aspek kemanusiaan dan nilai dan seterusnya membantu individu untuk memahami diri mereka dan orang lain.

Kajian yang dijalankan ke atas 240 orang pelajar dengan menggunakan reka bentuk survey terhadap penggunaan *Moodle* (Sistem Pengurusan Pembelajaran) mendapati elemen secara talian juga mampu membentuk kefahaman terhadap perasaan orang lain. Selain daripada penglibatan pelajar di dalam aktiviti di dalam bilik darjah, pelajar juga berupaya meningkatkan motivasi sendiri dan memahami emosi orang lain (apabila klip video digunakan dalam proses pembelajaran) (Nouri, 2016).

Pelaksanaan KB dalam bilik darjah juga mampu menerapkan amalan moral dalam kalangan pelajar. Di dalam manifesto KSG, kompetensi profesional yang perlu dicapai oleh guru termasuk penerapan amalan moral dalam kalangan guru. Ini selaras dengan FPG yakni:



Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin pembangunan individu dan memelihara satu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.

KSG menggariskan kompetensi profesional aspek pendidikan yang merangkumi elemen pendidikan abad ke-21, kemahiran insaniah, aspek nilai dan sosial yang perlu dicapai oleh GPP bagi membantu mereka mencapai tahap kompetensi tersebut. Berikutan itu, KSG bermatlamatkan memastikan tahap penyediaan dan pelaksanaan keperluan latihan oleh Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi menjamin tahap kompetensi GPP yang dihasilkan. Justeru, hasrat ini akan tercapai sekiranya guru mengamalkan pedagogi abad ke-21 yang menekankan amalan nilai murni.



Kajian oleh Pathanasetpong (2016) ke atas pelajar-pelajar perubatan di University Khon Kaen dengan menggunakan reka bentuk analisis fenomena dan quasi eksperimen mendapati dalam tempoh beberapa minggu pelaksanaan kajian pelaksanaan KB, peserta menunjukkan adaptasi terhadap tingkah laku. Peserta kajian berupaya menerapkan nilai-nilai kehidupan yang sesuai, walaupun tahap kesediaan mereka terhadap penglibatan dalam KB rendah (Pathanasetpong, 2016).

Dalam Pendidikan Moral, pelajar dihasratkan supaya mempunyai nilai sendiri yang membantu mereka untuk mempunyai sikap tanggung jawab sosial. Ini selaras dengan hasrat di dalam SGM dan KGS yang bermatlamat untuk menyediakan guru yang mampu mengubah diri sendiri, murid, keluarga dan ahli masyarakat. Dalam hal ini, Rosenberg (2011) berpendapat bahawa individu yang mempunyai tanggung jawab





sosial juga akan mempunyai tanggung jawab terhadap diri sendiri. Pendekatan KB mampu ‘menarik’ guru untuk mempunyai sikap tanggung jawab sosial dan diri sendiri.

Brandenburg, Glasswell, Jones, & Ryan (2017) pula berpandangan bahawa aktiviti yang berbentuk refleksi di dalam bilik darjah menyedarkan pelajar tentang peranan dan tanggung jawab mereka. Pandangan ini selaras dengan kajian Xu (2018) bahawa KB merupakan rantai yang mengaitkan teori dan amalan seseorang individu. Kajian konseptual yang dijelaskan oleh Xu (2018) bertitik tolak daripada premis bahawa aktiviti yang berlandaskan konstruktivisme akan menjadi ‘pusat’ kepada perubahan tingkah laku pelajar dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Dalam Pendidikan Moral, aktiviti berpusatkan pelajar dan penglibatan aktif pelajar dalam kelas akan berupaya menjadi pemangkin untuk mengubah tingkah laku pelajar.



Kajian yang dijalankan oleh Raffaghelli (2017) ke atas 17 kertas literatur yang berkaitan dengan KB merumuskan bahawa KB berupaya mengembangkan amalan tingkah laku seperti keupayaan pelajar untuk bekerjasama dalam aktiviti kelas. Pelajar-pelajar mempunyai sikap membantu dan kolaboratif dalam melaksanakan tugas mereka menerusi pelbagai aktiviti prapengajaran dan pasca pengajaran (Raffaghelli, 2017). Pandangan yang sama juga diutarakan oleh Mazur, Brown, & Jacobsen (2015) merupakan satu teknik pedagogi yang berupaya menerapkan amalan kerjasama dan mengubah tingkah laku pelajar untuk berkolaborasi dengan pelajar lain.







Kajian Gubbiyappa, Barua, Das, Vasudeva Murthy, & Baloch (2016) pula mendedahkan bahawa pelajar yang terlibat dalam KB, bukan sahaja boleh berfikir secara matang tetapi juga boleh bertindak secara matang apabila berhadapan dengan situasi berkaitan kehidupan. Kajian yang dijalankan terhadap 112 orang pelajar Semester 5 di jurusan Farmasi dengan menggunakan reka bentuk survey mendapati penggunaan audio dan video dalam pembelajaran KB mengubah sikap pelajar terhadap rakan mereka yang lain (Gubbiyappa et al., 2016).

Maka di dalam konteks Pendidikan Moral di Malaysia, hasrat untuk melahirkan guru yang berfikiran matang menjadi keutamaan kerana guru yang akan menghasilkan pendidikan yang berkualiti. Teknik KB mampu menjadi satu wahana yang akan mengembangkan amalan moral guru.



Pembinaan guru yang matang dari segi kognitif, emosi dan amalan boleh dicapai kerana di dalam KB, pelajar mempunyai ‘suara’ kerana telah terdedah kepada pelbagai pengetahuan di peringkat aktiviti prapengajaran, aktiviti bersemuka dan pasca pengajaran. Kajian Patterson, McBride, & Gieger (2018) mendapati peserta dalam KB boleh berbincang dengan ‘panjang lebar’ mahupun tidak terlibat dalam aktiviti secara talian kerana mereka mempunyai akses terhadap bahan pembelajaran.

Kajian Patterson et al. (2018) yang dijalankan terhadap 1200 pelajar di Amerika Syarikat dalam mata pelajaran Matematik mendapati pelajar masih boleh mengambil bahagian secara aktif dalam bilik darjah meskipun hanya didedahkan kepada konsep secara umum. Dalam Pendidikan Moral, perbincangan tentang isu moral akan





membantu pelajar untuk ‘bersuara’ terutama apabila mereka diberikan bahan pembelajaran di peringkat prapengajaran.

Pandangan Lee (2018) pula agak optimistik tentang pelaksanaan KB memandangkan KB akan mengembangkan keyakinan dan membentuk keterampilan individu untuk menyelesaikan masalah. Kajian Lee (2018) dengan menggunakan reka bentuk kajian kes terhadap Sekolah Pertengahan di Busan, Korea Selatan menggunakan sampel pelajar dan guru untuk mengetengahkan dapatan bahawa KB berupaya mengubah tingkah laku pelajar untuk melibatkan diri secara bersungguh-sungguh dan positif.

Pelajar menjadi lebih demokratik dan berkemungkinan untuk mempamerkan sikap yang lebih baik berbanding dengan sebelum penggunaan KB. Kajian ini menyamai perbincangan dapatan kajian Fauzi & Hussain (2016) bahawa kemahiran penyelesaian masalah bukan sahaja membantu menyelesaikan masalah tetapi juga mengubah nilai pelajar.

Dalam pada itu Wink (2010) turut merumuskan bahawa aktiviti dalam bilik darjah seperti perbincangan dan aktiviti *hands-on* mampu menjadikan individu untuk bertindak berani melakukan perubahan. Dalam hal tersebut, KB memberi nafas baharu di dalam pedagogi Pendidikan Moral kerana ia merangsang individu untuk memperbaiki amalan diri dan tingkah laku. Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Fauzi & Hussain (2016) bahawa KB menuntut individu untuk mencari penyelesaian sendiri terhadap permasalahan yang wujud dalam kehidupan dengan menilai amalan diri sendiri dahulu. Eisenberg & Strayer (1987) mengaitkan penilaian sendiri individu





dengan amalan berdikari yang menjadikan KB digemari sebagai pedagogi yang mampu menjadikan pelajar berdikari di dalam kehidupan mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Sage & Sele (2015) pula memberi panduan tentang tindakan kolektif dalam kalangan pelajar yang menggunakan pedagogi KB. Jurnal reflektif dalam teknik KB telah digunakan terhadap 34 orang pelajar untuk 2 kursus yang berbeza dengan menggunakan reka bentuk survey dan pendekatan kualitatif. Kajian Sage & Sele (2015) ini merumuskan bahawa pelajar lebih terarah untuk memperbaiki amalan sendiri tentang tingkah laku mereka.

Dapatan kajian ini selari dengan pandangan yang disuarakan oleh Baytiyeh, (2017) bahawa KB membantu mengembangkan kemahiran komunikasi mereka dan membantu mereka untuk rajin meneroka pelbagai maklumat secara talian. Kajian Baytiyeh (2017) yang dijalankan di Fakulti Kejuruteraan, *University Lebanon* mendapati pelajar berupaya menonjolkan nilai-nilai positif di dalam tingkah laku mereka setelah KB diperkenalkan dalam proses pembelajaran mereka.

Dalam pada itu, Ohtake et al. (2018) turut bersetuju bahawa KB menggalakkan pelajar untuk bersikap positif dalam aspek komunikasi, personaliti dan budi pekerti. Kajian Ohtake et al. (2018) yang dijalankan terhadap pelajar-pelajar Program Kesihatan di Amerika Syarikat mendapati aktiviti secara talian memahami peranan mereka terhadap pesakit apabila mereka benar-benar tahu maklumat tentang pesakit dan berupaya memperbaiki tingkah laku mereka.



Pandangan ini memberi implikasi bahawa perubahan positif terhadap tingkah laku dikesan apabila pedagogi KB dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru teknik KB berpotensi menjadi alat pendidikan yang merangsang naluri pelajar untuk berusaha mencapai matlamat dan mengubah tingkah laku mereka (Smith, 2015).

## 2.18 *Schoology* dan Pembelajaran Teradun

Pengalaman pembelajaran menerusi talian semakin mendapat perhatian dalam kalangan pelajar kerana penggunaan visual terutama video dan pembentangan. Menurut Martin & Schwartz (2014), audio dan video dalam proses pembelajaran akan menjana idea kreatif. Idea kreatif menerusi aktiviti tontonan klip video dan meneroka maklumat sebenarnya melibatkan proses mental yang menyatukan idea baharu dengan pengalaman sedia ada. Pendapat yang diutarakan oleh Martin & Schwartz (2014) ini juga seiring dengan pandangan Hargrove & Nietfeld (2015) bahawa kesatuan dalam idea baharu dan pengalaman mampu menghasilkan idea baharu yang kritis.

Dalam pada itu, Jackson et al. (2012) berpendapat perkembangan dalam aktiviti secara talian seperti platform secara talian, permainan video dan interaksi dalam talian, selain meningkatkan potensi teknologi tersebut telah menyusun semula pemikiran manusia untuk merobohkan benteng pemikiran pengajaran yang lama. Dalam hal ini, Doughty, Francksen, Huxley, & Leach (2008) juga berpendapat keupayaan teknologi bukan sahaja mengubah pemikiran pelajar tetapi berupaya membantu pergerakan psikomotor seperti yang dikaji dalam aspek tarian.



Penggunaan platform secara talian seperti *Schoology* juga dapat meningkatkan proses penglibatan pelajar di dalam bilik darjah, dan meningkatkan keupayaan mereka untuk berfikir dan mengemukakan idea selain mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dikemukakan oleh Suana, Maharta, Nyeneng, & Wahyuni (2017). Kajian tersebut yang dilaksanakan terhadap pelajar di Universiti Lampung, Indonesia dengan menggunakan kajian keperluan (*needs analysis*) mendapati KB berupaya untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan oleh guru dalam bilik darjah. Kajian tersebut juga mengetengahkan dapatan bahawa platform secara talian seperti *Schoology* berupaya merangsang minat pelajar di dalam proses pembelajaran. Kajian yang dilakukan oleh Treepuech (2011) pula mendapati penggunaan platform secara talian seperti *Schoology* bukan sahaja menggalakkan interaksi dalam kalangan pelajar tetapi meningkatkan minat mereka untuk melakukan proses penerokaan sendiri.



Konsep pembelajaran teradun merupakan gabungan antara elemen pembelajaran tradisional dan penggunaan teknologi (Tshabalala, Ndeya-Ndereya, & van der Merwe, 2014) . Di dalam pembelajaran teradun, platform pembelajaran interaktif yang dapat digunakan sebagai sokongan kepada proses pembelajaran ialah *Schoology*. *Schoology* merupakan salah satu laman web yang berbentuk web sosial di mana ia menawarkan pembelajaran secara percuma dan mudah digunakan, seperti penggunaan media sosial *Facebook*.

Kajian oleh Fuller (2016) pula mendapati penggunaan platform secara talian *Schoology* di Sekolah Tinggi Politeknik Amerika lebih berbentuk sistem sokongan info struktur terhadap proses pembelajaran pelajar yang memberi kesan positif kepada tahap pencapaian pelajar. Ujian ANOVA dalam kajian ini mendapati bahawa *Schoology*





mempunyai potensi besar untuk digunakan dalam proses pembelajaran kerana keupayaan komunikasi dalam kalangan pelajar menerusi ciri interaksi.

Kajian Ahmet Basal (2015) pula mendapati platform secara talian *Schoology* merupakan pendekatan yang tepat untuk melaksanakan KB kerana guru boleh menghantar video, melaksanakan aktiviti secara talian, memberi tugas secara talian, menghubungi pelajar, menyemak gred pelajar dan membuat capaian terhadap bahan pengajaran yang lain. Kajian berbentuk tinjauan yang dijalankan terhadap 47 orang guru Bahasa Inggeris di Turkey ini mendapati guru berupaya untuk belajar secara sendiri apabila diberikan klip video dan berupaya membuat penaaakulan apabila klip video ditonton berulang kali (Ahmet Basal, 2015). Dapatan kajian ini relevan memandangkan pemikiran kritis dianggap sebagai elemen menjadi lompong di dalam pendidikan guru



(Ab Kadir, 2017). Sekiranya keadaan ini berterusan, maka peranan guru yang bertanggungjawab untuk menjadikan pelajar mereka kritis dan kreatif tidak akan terlaksana.

## 2.19 Konstruktivisme Vygotsky dan Kelas Berbalik

Pelaksanaan KB untuk memperkembangkan moral GPP adalah bersandarkan kepada 4 tunjang *Flipped Learning* iaitu pembelajaran yang fleksibel, budaya belajar, kandungan terancang dan pendidik yang profesional. Rujuk Rajah 1.4. Tunjang di dalam *Flipped Learning* yang digunakan dalam KB akan membantu proses perkembangan moral seseorang pelajar. Berdasarkan tunjang *Flipped Learning*, penglibatan pelajar adalah paksi utama kepada pelaksanaan KB. Penglibatan pelajar di dalam KB adalah ciri yang penting di dalam pembelajaran abad ke-21. Penglibatan pelajar juga merupakan ciri






penting di dalam proses pembinaan ilmu iaitu bersandarkan kepada teori konstruktivisme yang dipelopori Piaget. Piaget yang sering kali dikaitkan dengan perkembangan kanak-kanak, telah memberi sumbangan yang besar dalam konsep pembentukan ilmu pengetahuan dalam kalangan kanak-kanak.

Pembentukan pengetahuan dalam kalangan kanak-kanak sebenarnya sudah bermula dengan pengetahuan fizikal, pengetahuan sosial dan pengetahuan logika Matematik (Vygotsky, 1962). Namun Vygotsky (1978) telah mengembangkan konsep konstruktivisme dan menekankan persekitaran pembelajaran yang lebih mesra pelajar. Pendekatan yang mesra pelajar ini memerlukan penglibatan aktif pelajar di dalam kelas (Mikell, 2018). Penglibatan aktif pelajar, seperti melakukan aktiviti pemetaan, perbincangan, penulisan refleksi, pembinaan portfolio telah menggerakkan aras pemikiran pelajar dan berguna sebagai unsur provokasi yang membantu mengeluarkan idea yang bernas (Mikell, 2018).

Komponen *Flipped Learning* yang digunakan dalam KB adalah berdasarkan penglibatan aktif pelajar di dalam kelas. Kejayaan pembelajaran abad ke-21 bergantung kepada 4 tunjang di dalam *Flipped Learning* tersebut, yakni pembelajaran yang fleksibel, budaya belajar, kandungan terancang dan pendidik yang professional (Rujuk Rajah 2.1).





Rajah 2.1. Tunjang KB. Sumber dari Bergmann dan Sams (2014)

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teori pembelajaran konstruktivisme (Vygotsky, 1978) yang berasaskan pandangan bahawa proses pembelajaran adalah aktif dan dinamik dan akan berkembang sedikit demi sedikit (Karpov & Bradford, 1995). Teori yang dipelopori oleh Vygotsky (1978) ini menekankan bahawa seseorang individu akan membina ilmu pengetahuan sendiri dan bukan dikuasai daripada orang





lain. Premis teori ini adalah pembelajaran merupakan satu proses yang aktif dan individu membina konsep baharu berasaskan pengalaman dan pengamatan mereka sendiri. Setiap individu mempunyai konsepsi sendiri berdasarkan kepada pengalaman yang mereka lalui.

Pembelajaran berlaku apabila ketidakseimbangan berlaku di antara kerangka dengan maklumat baharu. Vygotsky (1978) menekankan bahawa apabila manusia berhadapan dengan perkara yang tidak diketahui, mereka akan cuba memahaminya. Pengetahuan adalah produk minda yang dibina berdasarkan pengalaman dan input baharu yang diterima melalui deria-deria sebagai hasil persepsi. Justeru, pembelajaran konstruktivisme adalah pembelajaran aktif dan dinamik (Pardjono, 2002). Ia merupakan proses yang dinamik kerana berlaku pengubahsuaian idea-idea yang sedia ada dengan input baharu melalui proses asimilasi dan akomodasi dalam skema.

Di dalam prinsip konstruktivisme, setiap individu menerima maklumat dan memprosesnya secara kognitif untuk mencerminkan pemikiran moral dan sikap serta perasaannya sendiri. Vygotsky (1978) percaya bahawa pengetahuan tidak wujud di luar minda tetapi dibina dalam minda berdasarkan pengalaman sebenar. Ilmu pengetahuan yang dibina melalui proses saling mempengaruhi di antara pembelajaran baharu dan pembelajaran lampau.

Dalam konteks pembelajaran Pendidikan Moral, individu adalah bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka. Individu bukan sebuah tin kosong tetapi mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang boleh dikongsi bersama di dalam bilik darjah (Rodriguez, 2012). Malah Rodriguez (2012) terus beranggapan bahawa





guru yang harus memberi pengalaman pembelajaran yang menarik kepada pelajar. Dalam konteks Pendidikan Moral guru harus sedar tentang corak mental pelajar untuk membantu mereka mengenal dunia dan membuat andaian-andaian yang menyokong pemikiran moral mereka. Pembelajaran bukan sama sekali satu proses hafalan sebaliknya proses perkongsian pengalaman dan ilmu baharu. Berkongsi pengalaman dan membentuk idea baharu ini merupakan satu bentuk pembelajaran yang menggalakkan pelajar untuk meneroka amalan berbanding dengan aspek teori (Keyte & Richardson, 2011).

Berhadapan dengan proses pengajaran abad ke-21, seseorang guru Pendidikan Moral tidak boleh bergantung kepada pengajaran di dalam kelas semata-mata. Kaedah tradisional yang diguna pakai oleh guru tidak relevan di dalam konteks pembelajaran abad ke-21 (Maclean, 2017). Guru Pendidikan Moral harus menggunakan pedagogi abad ke-21 yang menitik beratkan penggunaan teknologi. Penggunaan teknologi dalam pengajaran Moral akan meluaskan *world view* atau *Weltanschauung* mereka. Di dalam KB, tunjang pembelajaran yang fleksibel penggunaan teknologi seperti klip video, *YouTube*, *Schoology* dan *Facebook* akan dapat meningkatkan masa belajar seseorang individu.

Dalam pada itu corak pembelajaran individu juga sudah berubah. Pelajar sudah mula belajar untuk meneroka *world view* yang lebih luas bagi memperluaskan perspektif moral mereka (Mayhew, Seifert, Pascarella, Laird, & Blaich, 2012). Individu kini dapat belajar di mana sahaja memandangkan di dalam KB terdapat nota, bahan-bahan pengajaran berkaitan serta tugas yang telah diberikan sebagai persediaan awal





kepada mereka. Pembelajaran tidak terhad berlaku semata-mata di dalam kelas tetapi di mana sahaja.

Pelaksanaan KB di dalam Pendidikan Moral merupakan satu budaya pembelajaran yang tidak akan menjadikan pelajar pasif kerana mereka terlibat di dalam proses pencarian, penerokaan dan pembinaan ilmu pengetahuan. Pelajar memainkan peranan sebagai individu yang aktif di dalam proses mencari dan memproses maklumat. Proses mencari dan meneroka maklumat baharu (*exploration*) di dalam aktiviti KB menjadikan individu terdedah kepada kandungan pembelajaran yang lebih luas (Wang, 2017). Tunjang KB ke-tiga yang menitik beratkan kepada kandungan terancang ketika mempelajari sesuatu yang baru adalah corak pembelajaran baharu. Pelajar tidak semata-mata bergantung kepada bahan yang diberikan oleh guru di dalam kelas. Penerokaan ilmu membolehkan pelajar terdedah ilmu baharu yang dapat diterjemahkan kepada proses pembinaan ilmu sendiri menerusi Teori Sosio-Budaya (Lee & Hung, 2012).

Menerusi kandungan terancang, pelajar dapat berkongsi bahan dan maklumat. Interaksi yang berlaku di dalam kelas membolehkan berlaku proses sosial dalam kalangan pelajar. Gabungan di antara elemen sosial dan budaya dalam proses pembelajaran akan memberi kesan kepada perkembangan moral seseorang individu. Bertitik tolak dari idea konstruktivis, atmosfera sosio moral mempengaruhi perkembangan moral seseorang pelajar (DeVries & Zan, 1994). Pelajar yang berinteraksi dengan idea menerusi pelbagai bahan di dalam proses pembelajaran berupaya mengemukakan pelbagai idea dan mampu mengubah perspektif moral mereka (Kamii & Ewing, 1996).





Proses pembelajaran KB adalah berpaksikan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) (Correa, 2015). Hasil pemikiran ini sangat relevan di dalam konteks pendidikan masa kini yang menggalakkan pelajar untuk meneroka, berkomunikasi, kolaboratif dan membuat refleksi semula ke atas pembelajaran mereka (Lee & Hung, 2012). ZPD menekankan bahawa perkembangan aktiviti mental seseorang individu adalah akibat pengaruh sosial dan budaya. Adalah wajar teori ini diperkembangkan di dalam aliran pemikiran moral memandangkan kepentingannya di dalam perkembangan pemikiran seseorang individu (Balakrishnan & Claiborne, 2012). Tunjang *Flipped Learning* di dalam KB menuntut pelajar untuk berada di dalam konteks pembelajaran yang fleksibel dan berubah kepada corak pembelajaran yang baharu. Corak pembelajaran inilah yang ditekankan yang mana individu sendiri membina ilmu pengetahuan berdasarkan kepada apa yang dilihat dan dialami (Eun, 2010). Pembelajaran yang sebenar adalah berlaku kepada individu. Domain pemikiran, emosi dan tingkah laku yang berlaku di dalam proses pembelajaran itu penting untuk membangunkan moral manusia (Rosenberg, 2011). Aktiviti yang dilakukan oleh pelajar pada hari ini akan dilakukan semula oleh pelajar; tetapi ketika itu pelajar melakukannya bersendirian.


Budaya dan amalan pembelajaran ini sangat relevan dengan apa yang dipraktikkan oleh guru di dalam bilik darjah. Di dalam bilik darjah, guru bertanggungjawab untuk memastikan pelajar menguasai konsep dengan berpandukan kepada apa yang sudah diketahui oleh pelajar itu sendiri. Pembelajaran adalah merupakan satu proses perkembangan pelajar. Pada masa yang sama, Steiner & Mahn (1996) pula mengetengahkan pandangan bahawa proses perkembangan tidak berlaku seiring dengan proses pembelajaran pelajar. Guru harus menggunakan teknik pengajaran yang sesuai untuk mengembangkan potensi perkembangan pelajar. Rujuk





Rajah 2.2. Dengan menggunakan ZPD, Levykh (2008) berpandangan bahawa terdapat tingkat perbezaan antara tahap perkembangan pelajar yang menyelesaikan tugas sendiri dengan tahap potensi pelajar yang menyelesaikan tugas dengan bimbingan guru atau kolaborasi dengan rakan sebaya yang lain. Lebih tinggi ZPD pelajar, maka lebih tinggi potensi pembelajaran pelajar tersebut (Roth & Jornet, 2017). Wertsch (1985) pula yakin bahawa sekiranya pelajar melakukan tugas dengan bantuan dan bimbingan guru atau rakan pada masa sekarang, pelajar dapat melakukannya sendiri pada masa akan datang. Ringkas kata, sekiranya ada rakan sebaya atau guru yang berkaliber, pelajar boleh bergerak ke aras yang lebih tinggi.






Rajah 2.2. Konstruktivisme Vygostky. Sumber dari Vygotsky (1978)

Peranan ZPD dalam bilik darjah adalah untuk meningkatkan tahap potensi pelajar. Rujuk Rajah 2.3. Perkembangan sebenar pelajar akan dimantapkan dengan aktiviti yang berlaku di dalam bilik darjah. Di antara aktiviti bilik darjah yang meningkatkan tahap potensi pelajar ialah pembelajaran koperatif. Di samping itu juga, pembelajaran aktif di dalam bilik darjah akan membina minda yang aktif. Elemen ini dapat dicapai apabila wujud aktiviti sokongan seperti kolaboratif, *scaffolding* dan

bimbingan oleh guru. Vygotsky (1978) di dalam memperincikan ZPD menekankan dua andaian asas tentang perkembangan manusia di dalam pendekatan sosio-budaya. Andaian pertama ialah fungsi pemikiran dapat ditingkatkan dengan penggunaan kata-kata, bahasa dan bentuk wacana yang berfungsi sebagai instrumen psikologi. Penggunaan kata-kata, bahasa dan wacana akan mengubah tindakan mental. Andaian kedua ialah fungsi mental mempunyai kaitan di dalam hubungan sosial. Orang lain akan cuba mentafsirkan apa yang digerakkan menerusi percakapan, atau simbol.



Rajah 2.3. Zon Perkembangan Proksimal (ZPD). Sumber dari Vygotsky (1978)

Untuk membolehkan pelajar membina ilmu pengetahuan, pelajar perlu menggunakan dialog dan interaksi di dalam kelas. Guru perlu memastikan terdapat unsur dialog dan interaksi ketika mereka menyampaikan pengajaran. Dengan cara



menekankan elemen dialog dan interaksi, pelajar sedang berusaha untuk meningkatkan tahap perkembangan sebenar. Dengan menggunakan dialog dan interaksi, pelajar membina makna daripada bahasa yang dipertuturkan di dalam bilik darjah. Peranan guru ialah untuk membantu pelajar membina makna tersebut. Konsep inilah yang diterjemahkan oleh sebagai *scaffolding* (Smit, Van Eerde, & Bakker, 2013). *Scaffolding* berfungsi sebagai ‘alat sokongan sementara’ kepada pelajar (Smit et al., 2013). *Scaffolding* penting kepada pelajar untuk meningkatkan kualiti *obucheniye* (istilah yang digunakan oleh Vygotsky (1978) untuk menggambarkan pendidikan secara keseluruhan). Walaupun tidak menggunakan istilah *scaffolding* di dalam tulisan Vygotsky (1978), Alkurtehe & Dzakiria (2018) berpendapat bahawa *scaffolding* akan membantu pelajar untuk bergerak kepada fungsi mental dan afektif yang lebih tinggi.



Di dalam bilik darjah guru boleh menggunakan *scaffolding* di dalam pelbagai bentuk seperti penggunaan media seperti video, perisian komputer, bahan maujud dan sebagainya untuk membolehkan pelajar mencari rakan sebaya atau guru bagi membantu mereka melaksanakan tugas tersebut. Kajian Kaur & Kaur (2001) menyarankan agar guru menggunakan agen teknologi pintar atau pembelajaran secara talian untuk mencapai ZPD. Pelaksanaan KB di dalam bilik darjah akan membantu guru Pendidikan Moral untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif. Guru yang mewujudkan suasana pembelajaran aktif sebenarnya membantu pelajar mencari makna kepada *obucheniye* tersebut. Andaian ini memberi makna besar kepada guru agar menyediakan tugas yang sedikit mencabar kepada pelajar tetapi berguna untuk mereka bekerja di dalam kumpulan.







ZPD merupakan satu proses yang dinamik konteks sosial membina moral seseorang pelajar. Fungsi moral melibatkan amalan budaya atau aktiviti yang diselesaikan oleh kata-kata, bahasa dan bentuk-bentuk wacana. Justeru moral harus diletakkan dalam konteks sosio budaya dan sejarah. Fungsi moral difahami sebagai aktiviti sosio budaya, yang mana akan turut mempengaruhi cara di mana orang berfikir, merasa dan bertindak. Fungsi aktiviti sosio budaya mempunyai implikasi yang mendalam untuk kita memahami bagaimana hubungan antara proses pendidikan moral dan pembangunan manusia. Berdasarkan kepada perspektif Vygotsky (1978), pendidikan moral melibatkan proses penyertaan berpandu di mana kanak-kanak dibantu oleh ibu bapa, guru dan rakan sebaya. Pendekatan ini akan membantu individu untuk beralih kepada tahap baru dan lebih tinggi fungsi moral (Eun, 2010). Di dalam ZPD, individu dibantu untuk membolehkan mereka menerima satu pemikiran moral, perasaan dan tindakan baharu yang diperkenalkan kepada mereka. Hal ini merupakan inti pati Pendidikan Moral yang mendorong pembangunan moral.

Perkembangan moral berlaku apabila kanak-kanak mula menghayati bentuk aktiviti yang praktikal kerana mereka dibantu di dalam bilik darjah, lantaran mengubah bentuk pemikiran dan emosi moral mereka. Kanak-kanak perlu memasuki dan merentasi ZPD yang mengandungi proses pendidikan dan pembangunan dan mereka akan beransur-ansur menghayati dan memahami sendiri proses tersebut. Bagi membolehkan proses pembangunan ini berlaku, ZPD menyokong proses perbincangan dan dialog di dalam pendidikan sebagai cara memperkembangkan kognitif individu. Vygotsky (1978) juga menekankan penggunaan naratif seperti kisah moral, cerita, mitos dan puisi untuk menyediakan model tingkah laku moral yang mempunyai kesan positif terhadap pembangunan moral kanak-kanak. Menerusi interaksi sosial yang berterusan,





ibu-bapa, guru-guru, orang dewasa dan rakan sebaya dapat membantu kanak-kanak untuk bergerak merentasi ZPD.

Justeru di dalam bilik darjah, guru perlu menitik-beratkan hubungan di antara guru dan pelajar. Perbincangan dua hala di antara pelajar dan guru menjadi asas untuk memperkembangkan interaksi di dalam bilik darjah. Pelaksanaan KB menitikberatkan elemen konstruktivisme sosial di mana setiap individu membina ilmu pengetahuan berdasarkan konteks sosial. Konteks sosial berlaku di luar dan di dalam bilik darjah. Proses pengajaran bukan sahaja berkait rapat dengan kepercayaan terhadap guru tetapi juga memperkembangkan minat, penghargaan dan komited terhadap kandungan subjek yang dipelajari. Suasana bilik darjah yang selamat dan harmonis ini akan membantu meningkatkan potensi pembelajaran dalam ZPD. Guru perlu memastikan wujud kerjasama dalam kalangan pelajar ketika melakukan aktiviti kumpulan. Aktiviti kolaboratif dengan rakan sebaya juga berupaya membentuk sahsiah pelajar. Motivasi dan intelek pelajar akan meningkat sekiranya sahsiah terpelihara.

Petanda kejayaan sesebuah bilik darjah bukan sahaja tertumpu kepada intelek pelajar tetapi melibatkan juga keterbukaan guru terutama pada awal pengajaran. Guru yang bersifat terbuka dapat mengharapkan pelajar untuk jujur pada masa akan datang. Proses emosi yang terjalin ini adalah berkaitan dengan pembinaan sosial (Churher et al., 2014). Internalisasi akan menyebabkan motivasi dan pemikiran pelajar berubah. Di dalam hal ini, Vygotsky (1978) mengaitkan ZPD dengan analogi gelombang lautan yang mana beliau berhujah bahawa perkembangan manusia adalah bersifat progresif dan regresif (Wink & Putney, 2002). Analogi gelombang manusia tersebut mengaitkan perkembangan manusia sebagai satu proses yang bergerak ke hadapan atau ke belakang.





Perkembangan manusia juga, menurut Meacham (2001) akan bergerak ke hadapan mahupun ke belakang. Di dalam konteks perkembangan moral, setiap individu akan mengalami dan merasai pengalaman yang berbeza dan akan membabitkan kelangsungan individu tersebut dari segi emosi, pemikiran dan amalan (Meacham, 2001).

Proses ZPD juga dinamik dan melibatkan perubahan kepada personaliti individu. Hasil pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah adalah refleksi kepada pendidikan. Apa yang berlaku di dalam proses pembelajaran perlu mempunyai hasil. Sekiranya tiada sebarang perubahan, tiada apa-apa yang telah diajar (Silverman, 2017). ZPD berguna sebagai satu kerangka teoretikal pedagogi yang kritis kerana menitik beratkan elemen bahasa dan komunikasi. Memandangkan sifatnya sebagai pedagogi yang kritis, ia mampu untuk mengembangkan perkembangan moral seseorang individu.

Dalam konteks keguruan, ZPD telah menjadi sandaran penting kepada guru untuk bersifat luwes dan kreatif di dalam proses pengajaran. Dengan sifatnya yang luwes dan kreatif, guru menggunakan pelbagai elemen pedagogi yang kreatif untuk menarik minat pelajar untuk berinteraksi di dalam kelas.

Di dalam konteks pembelajaran, perkembangan moral individu akan lebih sistematik jika menggunakan unsur pedagogi yang luwes dan kreatif. Perkembangan moral individu memerlukan individu yang memainkan peranan aktif di dalam proses menginternalisasikan ilmu pengetahuan yang diberikan oleh guru. Pelajar yang aktif di dalam bilik darjah akan berupaya untuk membincangkan dan mencari penyelesaian kepada isu moral. Guru yang berupaya membincangkan secara kritis akan berupaya meningkatkan penaakulan moral pelajar. Inilah kekuatan ZPD di mana ia menekankan





tentang pengalaman yang dipertingkatkan setelah melalui proses pembelajaran aktif. Di dalam konteks pembelajaran abad ke-21, guru harus akur bahawa tugas melaksanakan pengajaran merupakan cabaran besar di dalam profesion keguruan (Lee, 2014). Guru bukan sahaja harus bergantung kepada diri mereka untuk memimpin pelajar tetapi juga perlu melibatkan rakan pelajar yang lain untuk menjadikan suasana pembelajaran menarik.

Penekanan kepada elemen KB di dalam bilik darjah akan membantu mewujudkan individu yang mempunyai moral tinggi dari aspek emosi, kognitif dan amalan. Ini sememangnya merupakan hasrat pendidikan untuk mengembangkan moral individu berdasarkan pedagogi yang sesuai. Di dalam kajian ini KB akan berfungsi sebagai satu wahana untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi pemikiran, emosi dan amalan seperti mana harapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan FPG.

## 2.20 Rumusan Bab

Bab ini telah menggalurkan perbincangan tentang peranan pendidikan dalam masyarakat dan kesedaran kritis. Pengertian moral sebagai autoriti, emosi, unsur rasional dan autonomi moral juga dibincangkan. Elemen dimensi moral (pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral) juga dibincangkan. Di samping itu, KB sebagai elemen pembelajaran yang membantu proses perkembangan moral juga dibincangkan.

Bab seterusnya akan membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini.





## BAB 3

### METODOLOGI

#### 3.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik penggunaan KB sebagai teknik pengajaran Pendidikan Moral di Institut Pendidikan Guru (IPG). Penyelidik telah meneroka penggunaan KB sebagai alat pedagogi dalam mengembangkan aspek pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral peserta (GPP opsyen Pendidikan Moral) di IPG.

#### 3.2 Pemilihan Sampel Kajian

Sampel di dalam kajian ini adalah GPP yang sedang mengikuti program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG. Peserta yang dipilih adalah terdiri daripada GPP opsyen Pendidikan Moral yang berada dalam Semester 1 Tahun 2 pengajian. Penyelidik menggunakan persampelan bertujuan atau *purposive sampling*. Creswell (2012) menyatakan bahawa pemilihan peserta dalam persampelan bertujuan (*purposive sampling*) memerlukan peserta yang berpengetahuan dalam bidang kajian





penyelidik. Etikan (2016) pula menegaskan penyelidik boleh memilih sampel yang berkualiti kerana penyelidik yang “menentukan apa yang perlu diketahui”.

Noraini (2013) juga bersetuju bahawa persampelan ini melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel iaitu berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidikan tersebut. Ini wajar kerana selaku GPP opsyen Pendidikan Moral, peserta terdedah kepada pengetahuan tentang pelbagai isu moral di dalam pengajian mereka.

### 3.3 Pemilihan dan Penentuan Peserta Kajian

Sebanyak tiga buah IPG terlibat di dalam kajian ini. Tiga IPG yang terlibat di dalam kajian ini merupakan pusat latihan guru yang menempatkan GPP opsyen Pendidikan Moral. Kumpulan peserta adalah berasal daripada pelbagai latar belakang keluarga, budaya, agama, tempat tinggal dan status sosioekonomi. Bahasa pengantar yang digunakan di IPG ini adalah bahasa Melayu. Tiga IPG ini dipilih memandangkan ia menepati kriteria peserta yang mengambil opsyen Pendidikan Moral. Penyelidik menggunakan GPP sebagai peserta untuk memudahkan urusan pengutipan data memandangkan penyelidik bebas untuk memilih mana-mana peserta yang dekat dengannya. Menurut Farrokhi & Mahmoudi-Hamidabad (2012) persampelan mudah (*convenient sampling*) dengan menggunakan peserta yang dekat dengan penyelidik sesuai digunakan dalam temu bual. Perjumpaan dengan peserta sebelum sesi temu bual akan menentukan kriteria yang sesuai untuk memilih peserta (Seliger & Shohamy, 1989).





Penyelidik memilih peserta bersandarkan kepada beberapa kriteria yang bersesuaian dengan reka bentuk kajian tindakan (Creswell, 2012). Kaedah secara persampelan bertujuan atau '*purposive sampling*' (Creswell & Clark, 2007) digunakan oleh penyelidik di dalam kajian ini. Meskipun Oppong (2013) berpendapat akan timbul isu membabitkan pemilihan peserta di dalam persampelan *purposive sampling*, pertimbangan yang teliti telah membantu penyelidik untuk tidak berat sebelah terhadap sampel. Justeru, penyelidik menggunakan beberapa pertimbangan dan kriteria yang ditetapkan.

Peserta yang dipilih ialah GPP opsyen Pendidikan Moral Semester 1 Tahun 2 yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Pemilihan peserta ini adalah berdasarkan kriteria mereka yang terpilih mempunyai maklumat yang kaya dan terperinci mengenai sesuatu isu atau fenomena yang hendak dikaji (Creswell, 2012; Walliman, 2010). Maka, pemilihan peserta sesuai untuk mendapatkan maklumat tentang penggunaan KB sebagai pedagogi Pendidikan Moral.

Pemilihan peserta juga adalah atas keperluan peserta yang terpilih mesti terlibat di dalam pembelajaran atas talian (*online learning*), terlibat di dalam aktiviti kolaboratif secara atas talian dan memberi idea yang kritis. Tambahan pula, pelaksanaan KB mudah untuk difahami dan disertai oleh peserta memandangkan mereka mempunyai pencapaian akademik yang baik. Namun, peserta tidak semestinya mempunyai kemahiran teknikal atau pengetahuan tentang perisian komputer apabila melibatkan diri di dalam aktiviti KB. Mereka telah mempunyai pemikiran yang positif untuk melibatkan diri di dalam mencernakan pengetahuan dan matang ketika melibatkan diri di dalam aktiviti KB.



Penyelidik mengajar tiga kelas opsyen Pendidikan Moral di tiga buah IPG. Setiap kelas mempunyai 15 hingga 25 orang GPP. Di dalam setiap kelas, penyelidik membentuk kumpulan berfokus yang terdiri daripada 6 orang peserta. Rujuk Jadual 3.1. Bilangan peserta yang dipilih ini selaras dengan cadangan Krueger & Casey (2009) bahawa saiz kumpulan tidak melebihi tujuh orang mencukupi untuk tujuan pengumpulan data untuk temu bual kumpulan berfokus.

Jadual 3.1

*Bilangan Peserta Kajian*

IPG	Opsyen	Bilangan GPP di dalam Kelas	Bilangan peserta yang membentuk kumpulan berfokus
IPG Putra	Pendidikan Moral	21	6
IPG Saujana	Pendidikan Moral	17	6
IPG Melodi	Pendidikan Moral	18	6
Jumlah peserta yang terlibat			18

Temu bual berfokus telah digunakan untuk pengumpulan data. Temu bual berfokus sangat sesuai untuk mengkaji pemahaman individu yang dikaitkan dengan pengalaman mereka yang dilihat dari perspektif mereka sendiri (Kvale, 2006). Merriam (2002) mencadangkan soalan separa berstruktur di dalam temu bual berfokus digunakan agar kefahaman peserta tentang sesuatu perkara diperoleh secara terperinci. Soalan separa berstruktur juga mampu memberikan kefahaman yang jelas tentang pengalaman yang dilalui oleh peserta, selain mengaitkan dengan kisah kehidupan mereka (Kvale, 2006).





Peserta dipilih secara rawak untuk mewakili kumpulan GPP dari sesebuah kelas di dalam sesi temu bual. Berdasarkan pandangan Cockburn (2014) jenis soalan yang ditanya di dalam sesi temu bual separa berstruktur perlu dibuat secara berhati-hati tetapi menjurus kepada objektif kajian. Bilangan peserta yang kecil memadai memandangkan setiap orang mempunyai peluang untuk memberikan pendapat dan pandangan (Robinson, 2014).


Creswell (2015) pula berpendapat bilangan peserta yang kecil memudahkan penyelidik untuk mendapatkan pandangan secara terperinci. Mason (2010) pula berpendapat bilangan peserta yang kecil membantu penyelidik untuk mendapatkan gambaran yang holistik dan bermakna dalam proses pembelajaran. Pada masa yang sama, Robinson (2014) pula berpendapat di dalam kajian kualitatif, tidak ada penetapan bilangan peserta secara khusus. Burmeister & Aitken (2012) juga bersetuju bahawa bilangan peserta tidak penting di dalam kajian kualitatif tetapi yang penting ialah '*the depth of the data*' dan data yang tepu (*saturated*) diperoleh dalam kajian.

Menurut Meng (2012) pula, di dalam kajian tindakan tujuan utama adalah untuk memahami sesuatu fenomena. Konteks kajian ini ialah penggunaan KB dalam pengajaran Pendidikan Moral. Maka reka bentuk kajian ini tidak memerlukan jumlah peserta yang ramai kerana tujuan penyelidik bukan untuk mencapai generalisasi umum tentang dapatan kajian (Suri, 2011).



### 3.4 Rakan Kolaborasi

Penyelidik menggunakan rakan kolaborasi di dalam kajian ini. Kajian tindakan memerlukan penyelidik untuk berkolaborasi dengan rakan guru yang juga dikenali sebagai rakan penyelidik (Creswell, 2012; Altrichter, Kemmis, Mctaggart, & Zuber-Skerritt (2002). Rakan kolaborasi ialah peserta lain yang mempunyai minat, peka dan sensitif terhadap bidang kajian penyelidik. Mereka telah membantu penyelidik dalam proses pengumpulan data dan memperkukuhkan kesahan serta kebolehpercayaan dapatan kajian (Ferguson-Patrick, 2007). Rujuk Rajah 3.1.



Rajah 3.1. Kolaborasi dalam Kajian Tindakan. Sumber dari Creswell (2012)



Penyelidik telah menggunakan seorang pensyarah yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral sebagai rakan kolaborasi dari setiap IPG. Rujuk Jadual 3.2. Rakan kolaborasi telah membantu penyelidik dalam proses pengumpulan data. Pemilihan rakan kolaborasi ini penting memandangkan mereka berupaya memberikan maklum balas tentang apa yang berlaku di dalam bilik darjah kepada penyelidik. Rakan kolaborasi juga merupakan sumber utama kepada peserta sebagai mentor.

Jadual 3.2

*Profil Rakan Kolaborasi*

Bil	Jantina>Nama	Pengalaman Mengajar	Jawatan	Kelayakan akademik
IPG Putra	Perempuan	15 tahun	Pensyarah	M.ED
IPG Saujana	Lelaki	13 tahun	Pensyarah	M.ED
IPG Melodi	Lelaki	18 tahun	Pensyarah	PhD



Di dalam kajian tindakan, kehadiran rakan kolaborasi mempunyai kekuatan kerana ia menggalakkan peserta untuk mendapatkan bantuan sekiranya terhadap kemusykilan (Butt, Townsend & Raymond, 1990). Peserta yang berinteraksi dengan rakan kolaborasi dapat mengukuhkan lagi fungsi kognitif, komunikasi dan emosi mereka. Kehadiran rakan kolaborasi bukan sahaja membantu pengumpulan data tetapi juga menggerakkan perbincangan yang lebih efektif di antara peserta dan pensyarah. Rakan kolaborasi juga telah memberi maklum balas tentang proses pengajaran penyelidik dan proses pembelajaran GPP. Rakan kolaborasi telah membuat pemerhatian dan melengkapkan borang pemerhatian terhadap proses pengajaran penyelidik selain membantu penyelidik untuk mengesahkan data.





### 3.5 Reka bentuk Kajian

Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian tindakan digunakan di dalam kajian ini. Sebagai seorang pengamal reflektif, penyelidik menggunakan kajian tindakan untuk mengkaji penggunaan KB dalam Pendidikan Moral. Kajian tindakan merupakan kajian yang sesuai dan efektif selain mempunyai sifat integratif di dalam kajian pendidikan dan amalan pengajaran di dalam bilik darjah (Hine, 2013; Oja Lisa, 1989; Zuber-Skerritt, 1995). Pemahaman amalan pedagogi pula dapat meningkatkan kualiti amalan pedagogi di dalam bilik darjah (Watkins & Mortimore, 1999). Pandangan ini selari dengan apa yang diutarakan oleh Kemmis, McTaggart, & Nixon (2014) bahawa kajian tindakan akan mengubah tiga perkara utama iaitu praktis pengamal, pemahaman praktis atau keadaan sesuatu praktis tersebut.



refleksi sendiri peserta bagi meningkatkan rasional bidang pendidikan dan kemasyarakatan. Keupayaan untuk membuat refleksi, mengaitkan refleksi dan amalan dan berkolaborasi merupakan inti pati yang menjadikan kajian tindakan sebagai sebuah kajian empirikal (Altrichter et al., 2002). Tambahan pula, uniknya kajian tindakan sebagai kajian yang empirikal ialah penyelidik akan menjadikan peserta sebagai rakan sama taraf dalam kajian (*equal partners*) (Meng, 2012).

Oleh itu pendekatan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian tindakan dianggap wajar digunakan kerana tujuan kajian ini ialah untuk meneroka dan mengkaji penggunaan KB dalam pedagogi Pendidikan Moral. Pendekatan kualitatif yang menitikberatkan proses untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian berupaya memberikan keterangan, interpretasi dan makna penggunaan KB dalam





pedagogi Pendidikan Moral. Pendekatan kualitatif juga memerlukan peranan penyelidik untuk berinteraksi dengan peserta. Menerusi interaksi tersebut, penyelidik dapat menginterpretasikan penggunaan KB dan kaitannya dengan pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral.

Kajian Moate & Sullivan (2015) mendapati analisis kualitatif bukan sahaja menggalurkan kefahaman moral tetapi juga mampu menggarap memori kehidupan menerusi pedagogi dialog. Justeru itu reka bentuk kajian tindakan sesuai kerana sumber data di dalam kajian secara kualitatif adalah tindakan-tindakan GPP yakni tindakan terhadap penggunaan KB di dalam memperkembangkan pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral.



Reka bentuk kajian tindakan membantu guru untuk memperkenalkan kaedah baru, bersifat kritikal dan menguji keberkesanan kaedah tersebut (Mackay, 2016). Sebagai guru, penyelidik menggunakan 2 asas utama KB iaitu ruang individu dan ruang kumpulan. Menerusi ruang individu, peserta berpeluang untuk menonton video dan melakukan aktiviti kolaboratif di dalam platform secara talian *Schoology*. Manakala di dalam ruang kumpulan, penyelidik telah mengendalikan aktiviti bilik darjah seperti perbincangan menerusi aktiviti *trade a problem*, *hot seats*, *think-pair-share* dan *QR Code* untuk menyelidik pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral peserta.

Pemilihan kaedah tindakan juga relevan di dalam konteks pengajaran kerana guru bebas untuk mengutip data dan membuat keputusan penambahbaikan dalam pedagogi kelas (Vaughan & Burnaford, 2016). Oleh itu reka bentuk kajian tindakan merupakan reka bentuk yang paling sesuai untuk melihat pelaksanaan amalan pedagogi.



Dapatan dan penambahbaikan dalam pengajaran telah diimplementasikan dalam gelung yang kedua dan seterusnya. Di dalam kajian ini, KB telah dilaksanakan dalam beberapa fasa gelungan sehingga teknik KB nyata berkesan dan sesuai digunakan untuk mencapai matlamat pembelajaran peserta.

Penyelidik merupakan seorang pensyarah di IPG yang sedang berusaha untuk memperbaiki amalan dan memperkenalkan pembaharuan di dalam pengajaran Pendidikan Moral. Maka, penyelidik perlu mengkaji, meneroka dan membuat interpretasi tentang penggunaan KB dalam mengembangkan aspek pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral yang menjadi matlamat program pendidikan guru untuk Pendidikan Moral di Malaysia. Maka reka bentuk kajian tindakan membolehkan penyelidik untuk memerhatikan secara teratur penggunaan KB, membuat refleksi, menilai, membuat pembaharuan dan menyediakan pelan tindakan untuk mempertingkatkan amalan pedagogi Pendidikan Moral.

Reka bentuk kajian tindakan membantu penyelidik memahami proses dan masalah pembelajaran semasa penggunaan KB dan membuat tindakan untuk memperbaiki kualiti pengajaran melalui penambahbaikan terhadap teknik tersebut.

### **3.6 Kajian Tindakan**

Pihak berkepentingan di dalam pendidikan seperti guru, pentadbir sekolah atau penggubal dasar sering menggunakan kajian tindakan sebagai proses mendapatkan maklumat memandangkan sifat kajian ini sebagai proses penyiasatan sendiri (Zuber-Skerritt, 1995). Salah satu ciri kajian tindakan ialah penyelidik banyak menggunakan sifat bercerita, menghurai, memerhati dalam pengumpulan data dan menilai semula



bagaimana sesuatu peristiwa itu berlaku. Penyelidik telah cuba memahami sebab musabab peristiwa itu berlaku dan melakukan tindakan susulan dengan merancang pelan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Souto-Manning (2012) mendapati kajian tindakan sesuai kepada penyelidik, terutamanya guru memandangkan sifatnya sebagai:

- i. Membangunkan idea atau pengetahuan baru mengenai kelas yang diajar;
- ii. Menggalakkan pengajaran dan pemikiran dari aspek refleksi;
- iii. Meluaskan pengalaman guru daripada aspek pedagogi;
- iv. Mengukuhkan hubungan antara pengajaran dan prestasi murid; dan
- v. Mengembangkan idea baharu serta belajar perkara yang baharu.



Memandangkan kajian tindakan adalah usaha untuk melakukan refleksi maka penyelidik bertanggungjawab untuk membuat refleksi terhadap setiap gelungan dan mengumpul data sebelum beralih kepada gelungan yang seterusnya (Kemmis et al., 2014).

### 3.6.1 Justifikasi kajian tindakan

Kajian ini dilaksanakan dalam reka bentuk kajian tindakan. Kajian ini menggunakan model Zuber-Skerritt (1995) memandangkan penambahbaikan berterusan dilaksanakan dalam proses intervensi pengajaran. Rujuk Rajah 3.2. Model Kajian Tindakan Zuber-Skerritt (1995) sesuai terhadap GPP kerana menekankan elemen penambahbaikan dalam proses pengajaran. Di samping itu model ini memperkembangkan individu




sebagai seorang yang profesional dan berfungsi sebagai “*personal scientist*” (Wood, Louw, & Zuber-Skerritt, 2017).

Zuber-Skerritt (1995) berpendapat bahawa kajian tindakan menyebabkan penambahbaikan yang praktikal setelah sesuatu masalah dikenal pasti. Pandangan ini juga menyamai kesimpulan Kemmis & McTaggart (1988) yang berpendapat bahawa penyelidik berpeluang untuk melaksanakan idea baharu di dalam kajian tindakan. Di dalam kajian ini, penggunaan KB adalah berteraskan *medium-tech flip* dengan penggunaan platform secara talian *Schoology* dalam ruang individu pengajaran Pendidikan Moral.

Di dalam ruang individu juga, penyelidik berpeluang untuk menggunakan klip video di dalam pengajaran dan membuat pemerhatian dalam proses melaksanakan pembaharuan tersebut. Penyelidik membuat refleksi terhadap tindakan dan melaksanakan penambahbaikan untuk digunakan di dalam gelung yang kedua.

Penggunaan Model Zuber-Skerritt (1995) memberi peluang kepada penyelidik untuk mengkaji penggunaan dua asas KB (ruang individu dan ruang kumpulan) secara terperinci. Penyelidik bebas untuk membuat keputusan mengikut kefahaman dan dapatan kajian sehingga isu tersebut dapat diselesaikan (Altrichter et al., 2002).





Rajah 3.2. Model Kajian Tindakan. Diadaptasi dari Model Zuber-Skerritt (1995)

Zuber-Skerritt (1995) berpendapat kajian tindakan sesuai untuk dilaksanakan dalam pendidikan memandangkan perkembangan profesional di peringkat pengajian tinggi semakin berkembang. Tambahan pula model Zuber-Skerritt (1995) lebih sistematik dan teratur di samping mengutamakan akauntabiliti di dalam penyelidikan. Paksi utama kepada kajian tindakan di dalam model Kajian Tindakan Zuber-Skerritt, (1995) ialah:

- i. Kolaborasi kritikal (atau kritis-kendiri);
- ii. Pengamal yang reflektif;
- iii. Tanggungjawab tinggi untuk menghebahkan hasil kajian;
- iv. Penilaian-kendiri terhadap amalan dan keterlibatan; dan
- v. Penyelesaian masalah secara partisipatif dan perkembangan profesional secara berterusan.

Berdasarkan Jadual 3.3 Zuber-Skerritt (1995) telah mengemukakan model CRASP yang menekankan kepada lima komponen utama kajian tindakan iaitu kolaborasi atau kerjasama kritikal yang dilakukan oleh pengamal yang reflektif, sentiasa bertanggungjawab menyebarkan dapatan mereka dan menilai diri dalam amalan dan terlibat dalam menyelesaikan masalah secara bersama demi pembangunan profesional yang berterusan. Model ini menunjukkan ciri utama yang perlu ada di dalam kajian tindakan, seperti yang dicadangkan oleh (Kemmis et al., 2014).

Model ini juga memberi kebebasan kepada penyelidik di dalam melaksanakan kajian tindakan. Suatu penyelidikan dianggap sebagai kajian tindakan sekiranya penyelidik melakukan penyelidikan secara kolaboratif, mengamalkan refleksi secara bersama, bertanggungjawab terhadap data yang dikemukakan kepada orang lain yang

mempunyai kepentingan, melakukan penilaian terhadap diri sendiri serta bersama-sama menyelesaikan masalah demi peningkatan profesionalisme secara berterusan. Menerusi kajian tindakan, penyelidik mempunyai tanggungjawab tinggi ketika melaksanakan kajian sebelum menghebahkan kepada umum.

### Jadual 3.3

*Model CRASP. Sumber dari Zuber-Skerritt (1995)*


Elemen	Peranan Penyelidik
Sikap yang kritikal	Mengkritik amalan dan konteks pengajaran
Penyelidik dalam Pengajaran	Mengenal pasti dan menyelesaikan masalah di dalam kurikulum dan proses pembelajaran menerusi gelung kajian tindakan (Rancang-Bertindak- Memerhati-Reflek)
Akauntabiliti	Sikap bertanggungjawab terhadap sesuatu tindakan, mempunyai justifikasi terhadap amalan akademik dan menghebahkan hasil kajian kepada umum
Penilaian sendiri	Refleksi sendiri dan penilaian sendiri sebagai sebahagian daripada proses membuat kajian; mempelawa pelajar untuk memberikan refleksi dan komen

## 3.7 Rangka Kerja Penyelidikan

### 3.7.1 Model Kerja

Keseluruhan kajian ini telah memberi tumpuan kepada penggunaan KB sebagai teknik dalam pengajaran Pendidikan Moral di dalam bilik darjah. Penyelidik telah menggunakan model KB dikemukakan oleh Bergmann & Sams (2012). Rujuk Rajah 3.3. Pengasas KB, Jon Bergmann telah mengesahkan pelan perancangan untuk melaksanakan KB di dalam bilik darjah menerusi e-mel yang dibalas kepada penyelidik. Rujuk Lampiran A. Di dalam model ini, pelajar menonton video di luar bilik darjah (prapengajaran) dan sesi interaksi bersemuka dilaksanakan dalam bentuk aktiviti pembelajaran aktif seperti *trade a problem*, *think-pair-share*, *hot seats* dan *QR Code*.


Di dalam peringkat pasca pengajaran pula, peserta melaksanakan aktiviti seperti memberi komen, maklum balas dalam platform secara talian *Schoology*, selain memperkukuhkan pembelajaran menerusi aktiviti lembaran kerja.



Rajah 3.3. Model KB. Sumber dari Bergmann & Sams (2012)

### 3.7.2 Pengisian Aktiviti Dalam dan Luar Bilik Darjah

Berdasarkan model ini, bahan pembelajaran dari Internet (*YouTube*, gambar, keratan akhbar dan dokumen dalam bentuk *Portable Document Format*) telah digunakan oleh penyelidik untuk melaksanakan aktiviti prapengajaran. Rujuk Lampiiran L. Penyelidik juga menambah koleksi klip video untuk proses pembelajaran peserta dengan menghasilkan sendiri klip video dengan menggunakan perisian *Video Maker* dan *iMovie*. Tiga tema iaitu tema penganiayaan terhadap manusia, tema keprihatinan masyarakat dan tema jenayah siber digunakan sebagai asas perbincangan dalam 3 peringkat pelaksanaan KB. Tema-tema tersebut dipilih daripada Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) untuk kursus Pendidikan Moral yang dikeluarkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).




Rajah 3.4. Pengisian Aktiviti. Adaptasi dari Bergmann & Sams (2012) dan Gibbs (2010).

Berdasarkan Rajah 3.4, penyelidik telah menggunakan bahan pembelajaran berkaitan dengan tema daripada sumber Internet dan memuat naik bahan-bahan tersebut ke dalam platform secara talian *Schoology*. Di dalam sesi interaksi bersemuka pula, selain soal jawab dengan peserta, aktiviti *trade a problem*, *think-pair-share*, *hot seats* dan *QR Code* juga telah dilaksanakan untuk membolehkan peserta menguasai isu moral tentang tema. Pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh oleh peserta telah membantu mereka untuk berbincang dan mengemukakan jalan penyelesaian tambahan di dalam peringkat pasca pengajaran.

Peserta telah menggunakan platform secara talian *Schoology* untuk mengemukakan pendapat dan memuat naik hasil penerokaan sendiri mereka terhadap tema. Di samping itu, peserta juga memuat naik bahan lain seperti lembaran kerja dan



### 3.7.3 Pelaksanaan Kelas Berbalik dalam Reka Bentuk Kajian Tindakan




Rajah 3.5. Pelaksanaan KB dalam Reka Bentuk Kajian Tindakan. Adaptasi dari Zuber-Skerritt (1995) dan Bergmann & Sams (2012).

Rajah 3.5 menunjukkan pelaksanaan KB dengan menggunakan reka bentuk kajian tindakan. Dalam Gelung 1, fasa merancang, melaksana, memerhati dan refleksi dilaksanakan. Data daripada Gelung 1 didapati daripada instrumen temu bual, penulisan jurnal dan pemerhatian. Penambahbaikan yang dilakukan di dalam Gelung 1 telah menghasilkan Pelan A yang digunakan dalam Gelung 2. Fasa merancang, melaksana, memerhati dan refleksi dilaksanakan dalam Gelung 2. Data daripada temu bual, penulisan jurnal dan pemerhatian telah digunakan untuk menghasilkan Pelan B. Dalam Gelung 3, fasa merancang (berdasarkan Pelan B) dilaksanakan, diikuti dengan fasa melaksanakan dan fasa pemerhatian sebelum refleksi dilaksanakan.

### 3.8 Kategori Data

Kategori data yang digunakan dalam kajian ini didapati daripada peserta, penyelidik dan rakan kolaborasi. Peserta telah memberikan sumber data menerusi jurnal di luar bilik darjah dan jurnal dalam bilik darjah. Peserta juga telah memberi data dalam bentuk temu bual. Data daripada penyelidik dan rakan kolaborasi pula diperoleh dari penulisan jurnal. Rujuk Rajah 3.6.



Rajah 3.6. Kategori Data. Sumber dari Creswell (2012).

### 3.9 Instrumen Kajian

Kajian ini telah dijalankan di dalam bilik darjah di mana penyelidik menjadi guru Pendidikan Moral yang menggunakan platform secara talian *Schoology*, melaksanakan aktiviti perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka dan menggunakan *Schoology* dalam aktiviti pasca pengajaran. Oleh itu, pendekatan kajian secara kualitatif dianggap wajar kerana tujuan kajian ini ialah untuk memahami penggunaan teknik pengajaran KB. Menurut Hansen (1959) kajian tindakan mementingkan konsep penyelidikan yang berasaskan kepada pembelajaran dalam pelaksanaan. Satu protokol yang direka bentuk khas perlu dibentuk memandangkan amalan pengajaran dan penyelidik yang berjalan secara serentak dalam kajian tindakan (Creswell, 2012). Protokol ini penting sebagai

panduan untuk mengumpul dan merekodkan data secara kualitatif semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Pelbagai instrumen sesuai digunakan dalam kajian kualitatif kerana pengumpulan data yang banyak membantu kefahaman penyelidik tentang peristiwa yang dikaji (Bogdan & Biklen, 2006). KB telah dilaksanakan sebagai teknik pengajaran dalam tiga gelungan kajian tindakan. Penyelidik telah memurnikan amalan pengajarannya sebagai guru dalam setiap gelung tersebut.

Empat jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini untuk mengutip data ialah:

i. Protokol pemerhatian dalam bilik darjah

ii. Protokol temu bual

iii. Jurnal

iv. Rakaman Video

### 3.9.1 Protokol pemerhatian di dalam bilik darjah

Fenomena yang berlaku di tempat kajian boleh dikaji menerusi pemerhatian (Merriam, 2009). Pemerhatian membolehkan penyelidik menghuraikan keadaan sebenar dengan menggunakan lima pancaindera. Pemerhatian menjadi kaedah yang digunakan untuk mengumpul data sekunder, mengkaji dan mengumpul pemikiran serta idea peserta

kajian (Creswell, 2012). Penyelidik menggunakan protokol pemerhatian untuk mengumpul pemikiran dan idea peserta.

Pemerhatian digunakan bagi memerhati aktiviti, kelakuan, perbualan dan interaksi peserta ketika KB dilaksanakan. Seorang penyelidik harus memastikan pemerhatian yang dilaksanakan adalah relevan dengan kehendak kajian. Tumpuan juga harus diberikan kepada apa yang berlaku ketika kerja lapangan terutama tingkah laku yang menjadi asas di dalam sesuatu kajian kemanusiaan. Penyelidik telah menggunakan soalan kajian sebagai tunjang untuk pemerhatian. Protokol pemerhatian telah digunakan supaya penyelidik tidak tersasar daripada skop kajian dan berfokus kepada soalan kajian. Instrumen pemerhatian dapat menjamin data yang berlaku pada sesuatu masa tanpa dipengaruhi faktor masa sekarang mahupun akan datang (Kothari, 2004). Rujuk

Penyelidik telah menggunakan pemerhatian yang berstruktur. Pemerhatian berstruktur telah membolehkan penyelidik melakukan penelitian teliti dengan memilih data yang relevan sahaja.

Protokol pemerhatian yang disediakan telah melalui proses penilaian dan pengesahan tiga orang pakar yang berpengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Pengesahan dari tiga orang pakar bertujuan untuk memastikan kesahan kandungan instrumen protokol pemerhatian yang digunakan di dalam bilik darjah. Rujuk Lampiran C. Manual *Moral Judgement Review* (MJI) oleh Kohlberg (Colby & Kohlberg, 2011) untuk pemikiran moral telah digunakan dalam kajian ini.



Manakala untuk emosi moral, kajian oleh Downey & Kelly (1978), Hoffman (2001), Eisenberg (2000) dan Spiecker (1988) digunakan sebagai rujukan teknikal.

Protokol pemerhatian terhadap elemen-elemen pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral telah membantu penyelidik untuk memastikan penyelidik tidak tersasar daripada matlamat kajian semasa melaksanakan pemerhatian.

Protokol pemerhatian di dalam bilik darjah merupakan satu instrumen yang membantu penyelidik dan rakan kolaborasi untuk memerhatikan pelaksanaan teknik KB dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Pemerhatian kepada penggunaan teknik KB ini diperhatikan di dalam tiga peringkat pelaksanaan KB dalam mengembangkan ketiga-tiga elemen moral yang telah dilaksanakan dalam tiga gelung

kajian tindakan.




### 3.9.2 Protokol Temu Bual

Pengumpulan data yang bertujuan mendapatkan maklumat secara terperinci dapat dilakukan menerusi temu bual (Merriam, 2009). Penyelidik berpeluang untuk mengumpulkan data yang disampaikan oleh peserta kajian di samping memberi peluang kepada peserta untuk memberi penerangan secara terperinci tentang peristiwa yang dialami (Kvale, 2006). Temu bual merupakan cara yang berkesan untuk mendapatkan data secara langsung daripada peserta kajian. Temu bual kumpulan berfokus lebih berkesan dalam kajian ini memandangkan objektif utama kajian ini ialah untuk melihat aspek pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral.



Temu bual kumpulan berfokus bertujuan untuk membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat, pandangan atau cadangan tentang perkara yang dikaji. Penyelidik menggunakan temu bual kumpulan untuk meneroka bidang baharu (Kvale & Brinkmann, 2009) dan di dalam konteks kajian ini ialah KB. Dengan cara temu bual kumpulan berfokus, penyelidik berupaya memahami apa yang ingin disampaikan oleh peserta. Temu bual telah membantu penyelidik bagi mendapatkan pengalaman GPP. Penyelidik menggunakan temu bual kumpulan berfokus untuk melihat penggunaan KB dalam memperkembangkan moral peserta. Temu bual berfokus telah diadakan sebaik sahaja setiap gelungan berakhir. Sesi temu bual kumpulan berfokus telah diadakan di sebuah bilik khas agar peserta selesa dan bebas untuk memberikan maklum balas tanpa sebarang gangguan. Maka, penyelidik berupaya untuk menanyakan soalan-soalan yang lebih terperinci untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

Instrumen temu bual kumpulan berfokus juga digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini kerana kaedah ini kefahaman yang mendapat dapat diperoleh tentang pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral peserta terhadap KB. Justeru, instrumen ini sesuai digunakan untuk melihat pengaruh KB dalam perkembangan moral peserta. Penyelidik telah menggunakan protokol temu bual kumpulan berfokus agar penyelidik mengemukakan soalan yang relevan dengan skop kajian. Ini bertujuan mengelakkan penyelidik tersasar arah ketika melakukan kajian. Pengendalian temu bual kumpulan berfokus lebih sistematik dengan menggunakan protokol temu bual kumpulan berfokus. Rujuk Lampiran D. Panduan pelaksanaan temu bual berfokus seperti berikut (Rujuk Rajah 3.7).



Rajah 3.7. Pelaksanaan Temu bual Kumpulan Berfokus. Diadaptasi dari Hennink (2013)





Kajian ini menggunakan protokol temu bual yang dicadangkan oleh Creswell, (2012) bagi membantu penyelidik untuk meneroka, merekodkan data dan mendapat maklumat secara luas tentang penggunaan teknik KB dalam pengajaran. Sesi temu bual telah digunakan secara optimum oleh penyelidik untuk mengesahkan maklumat yang dipungut melalui kaedah pemerhatian, catatan jurnal dan rakaman video.

Protokol temu bual telah digunakan untuk mengumpulkan maklumat lisan untuk memerihalkan segala aktiviti, peristiwa dan pengalaman yang dilalui. Temu bual juga telah membolehkan penyelidik mendapatkan pandangan, pemikiran dan refleksi peserta di lokasi kajian. Temu bual telah memberi peluang kepada penyelidik untuk memahami apa yang dilalui oleh peserta kajian (Kvale & Brinkmann, 2009).



Instrumen temu bual dalam konteks kajian ini menjadi alat yang berkesan untuk mendapatkan persepsi peserta tentang penggunaan KB dalam pengajaran Pendidikan Moral. Perbualan dengan peserta telah memberi gambaran yang jelas tentang peristiwa yang dilalui oleh mereka (Vaughn, Sinagub, & Schumm, 1996) tentang teknik KB dari perspektif mereka sendiri. Keikhlasan seseorang peserta dalam memberikan jawapan yang benar dapat dilihat menerusi perbincangan sesi temu bual dengan penyelidik.

Protokol temu bual mengandungi empat bahagian. Rujuk Lampiran D. Bahagian awal melibatkan butiran seperti masa, tempat, tarikh, nama kumpulan dan gelung kajian. Penyelidik telah memberikan penjelasan kepada peserta kajian tentang objektif kajian, jaminan kerahsiaan, tempoh masa temu bual dan kegunaan data yang dikutip daripada peserta kajian.



Sebanyak sepuluh soalan separa berstruktur telah dikemukakan bagi mendapatkan jawapan daripada peserta kajian. Soalan '*probe*' juga diajukan kepada peserta untuk mendapatkan maklumat terperinci (Snyder, 1996). Soalan temu bual menjurus kepada pemikiran, pendapat, refleksi peserta terhadap kelebihan dan kekurangan teknik KB sebagai teknik pengajaran Pendidikan Moral. Instrumen ini telah digunakan dalam kajian rintis sebelum digunakan dalam kajian sebenar.

### 3.9.3 Jurnal

Jurnal sebagai satu instrumen dalam bentuk catatan juga membantu merekod peristiwa dan idea bagi tujuan refleksi (Bogdan & Biklen, 2006). Penggunaan jurnal ini menjadi bukti penting dalam pengutipan data kajian tindakan (Creswell, 2015) khasnya untuk mendapatkan bukti tentang elemen pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral ketika pelaksanaan teknik KB. Jurnal digunakan untuk merekodkan peristiwa dan idea untuk memperkukuhkan amalan refleksi (Richards & Lockhart, 1996). Jurnal menjadi data sokongan kepada kajian ini selepas data temu bual dan data pemerhatian digunakan oleh penyelidik (Merriam & Tisdell., 2015). Data catatan jurnal penting kerana ia berkebolehan untuk memainkan peranan untuk mengetengahkan pengalaman peserta dalam KB (Sage & Sele, 2015).

Di dalam proses pengajaran guru, penulisan jurnal merupakan refleksi pengajaran guru, pemahaman peserta terhadap pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam bilik darjah. Bain, Ballantyne, Packer, & Mills (1999) berpendapat penggunaan catatan jurnal di dalam pengajaran merupakan satu cara


mengajak pembaca untuk melihat proses yang berlaku di dalam bilik darjah, seterusnya menghayati permasalahan dan cara menyelesaikan masalah di dalam bilik darjah. Catatan jurnal reflektif merupakan satu kaedah pedagogi untuk melahirkan pemikiran aras tinggi (Ruiz-López et al., 2015).

Data telah diperoleh dengan menggunakan dua bentuk jurnal iaitu jurnal refleksi penyelidik dan jurnal GPP. Bogdan & Biklen (2006) berpendapat jurnal refleksi penyelidik dapat berfungsi sebagai rekod bertulis kepada pemerhatian yang berupaya merakamkan perasaan, amalan dan suasana yang dialami oleh penyelidik ketika pengajaran berlangsung. Jurnal GPP telah digunakan oleh penyelidik untuk merekodkan segala pemerhatian dan mencatat refleksi pengajaran. Jurnal GPP juga bertujuan sebagai refleksi kepada proses pembelajaran mereka dan mendapatkan maklumat tentang tindak balas peserta terhadap teknik pengajaran yang digunakan (Dart, Boulton-Lewis, Brownlee, & McCrindle, 1998). Catatan jurnal memberi maklumat kepada penyelidik dalam bentuk bahasa dan perkataan yang menjadi sumber maklumat yang kaya untuk dianalisis tanpa bergantung kepada transkripsi (Creswell, 2012).

Penerangan telah diberikan kepada peserta untuk menulis catatan jurnal dengan berkesan di dalam buku catatan memandangkan penulisan jurnal merupakan suatu yang baharu kepada peserta. Buku catatan jurnal dibekalkan oleh penyelidik kepada semua peserta kajian pada hari pertama penyelidik bersama dengan peserta. Peserta telah menyimpan buku catatan jurnal sepanjang kajian dijalankan. Arahan diberikan oleh penyelidik untuk menulis jurnal setiap hari sejurus selepas sesuatu pengajaran disempurnakan. Peserta telah diminta untuk mencatatkan maklumat seperti tarikh,

peristiwa, lokasi dan sesi pengajaran setiap kali mereka menulis jurnal untuk memudahkan rujukan silang ketika proses analisis data.

Penyelidik menggunakan panduan penulisan jurnal yang dicadangkan oleh (Janesick, 1999). Senarai peristiwa telah dicatatkan dan diolah dalam bentuk peta minda bagi memudahkan penyelidik mendapat gambaran tentang peristiwa yang berlaku di tempat kajian. Rujuk Rajah 3.8. Rujuk Lampiran E untuk format jurnal peserta/penyelidik.



Rajah 3.8. Panduan Penulisan Jurnal. Sumber dari Janesick (1999)

Jurnal refleksi penyelidik dan jurnal peserta digunakan untuk memperoleh data. Jurnal refleksi penyelidik berfungsi untuk merekodkan perasaan, amalan, pengalaman dan suasana yang dialami oleh pengkaji sewaktu pengajaran dijalankan (Bogdan & Biklen, 2006). Jurnal peserta pula merakamkan pengalaman pembelajaran peserta dan

tindak balas peserta terhadap teknik pengajaran yang digunakan. Jurnal menjadi sumber maklumat yang kaya untuk dianalisis tanpa sebarang transkripsi (Creswell, 2012). Catatan jurnal reflektif merupakan juga satu kaedah pedagogi untuk melahirkan pemikiran aras tinggi (Ruiz-López et al., 2015).

### 3.9.4 Rakaman Video

Rakaman video digunakan oleh penyelidik untuk melihat kelakuan peserta semasa pengajaran dijalankan. Rakaman video digunakan sebagai satu instrumen yang membantu proses pemungutan data dan analisis data di mana pemerhatian dapat dilakukan secara berulang kali (Banks, 2007; Harris, 2016). Rakaman video telah dijalankan bagi melihat kelakuan peserta ketika pengajaran dijalankan oleh penyelidik.

Rakaman video membantu mengurangkan kemungkinan data tercicir sepanjang penyelidikan dijalankan (Heath, Hindmarsh, & Luff, 2010).

Penggunaan rakaman video merupakan kaedah yang sesuai untuk mengumpul maklumat dalam bentuk suara dan pergerakan. Kadang-kala ia mampu untuk mengatasi kelemahan penyelidik mendapatkan data daripada instrumen lain (Heath et al., 2010). Rice & Pinnegar (2012) pula berpendapat penggunaan rakaman video dapat membantu penyelidik untuk mendapatkan data yang tepat kerana rakaman video boleh dilihat berulang-kali. Tingkah laku yang dipaparkan juga benar dan berguna untuk merekodkan amalan penyelidik dan peserta.

Penyelidik telah berkolaborasi dengan rakan sejawat untuk merakam video bagi menyokong data-data yang dikutip daripada instrumen lain. Rakaman video juga telah membantu penyelidik untuk melihat semula langkah-langkah pengajaran ketika KB dilaksanakan, dan membantu penyelidik untuk membuat refleksi serta memperbaiki kaedah pengajaran dalam gelungan yang seterusnya. Selain daripada melihat ekspresi muka dan kelakuan peserta, rakaman video juga menyetengahkan situasi asli yang tidak dapat digambarkan di dalam bentuk instrumen yang lain (Harris, 2016). Video juga membantu memberikan gambaran tentang keadaan fizikal dan gambaran sebenar peserta di lokasi kajian yang tidak dapat dihuraikan dalam perkataan.

Rakaman video juga membantu penyelidik untuk merekodkan interaksi lisan yang berlaku antara peserta kajian (Bogdan & Biklen, 2006). Bahasa tubuh dan isyarat bukan lisan yang dipaparkan berguna untuk memahami proses pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah (Cahn & Renandya, 2017). Bahasa badan menjadi elemen yang berguna untuk mentafsir aspek pemikiran, emosi dan amalan peserta tentang penglibatan mereka dalam KB. Jelasnya, rakaman video menjadikan proses pengumpulan data lebih terperinci.

### **3.10 Proses Pengumpulan Data**

Penyelidik sebagai seorang guru telah terlibat secara langsung di dalam kajian ini. Penyelidik menggunakan tiga buah IPG iaitu IPG Putra, IPG Melodi dan IPG Saujana. IPG tersebut dipilih memandangkan terdapatnya peserta yang mengambil opsyen Pendidikan Moral. Selain itu, IPG ini juga terletak berdekatan dengan tempat tinggal penyelidik. Ini membantu penyelidik untuk bergerak antara ketiga-tiga IPG tersebut.

Penyelidik membahagikan proses pengumpulan data kepada dua fasa. Fasa pertama membabitkan persiapan awal di lokasi kajian manakala fasa kedua melibatkan proses kajian sebenar yang melibatkan pemungutan data.

### 3.10.1 Fasa Pertama- Peringkat Prakajian

Sebelum memulakan kajian penyelidik telah mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, (EPRD) KPM dan IPGM. Setelah menerima surat kelulusan, penyelidik telah memohon kebenaran dari pihak institut untuk membuat kajian di IPG tersebut. Rujuk surat-surat kebenaran dari pihak EPRD dan IPGM (Lampiran F dan Lampiran G).

Fasa ini memberi peluang kepada penyelidik untuk membiasakan diri dengan proses kajian tindakan dan membina hubungan dengan peserta di lokasi kajian. Penyelidik telah menggunakan peluang ini juga untuk mengenali peserta dan menjalin silaturahim dengan peserta bagi memudahkan urusan pemungutan data. Fasa ini bermula pada bulan Mei 2017.

Perancangan kerja juga telah dibuat oleh penyelidik sebelum melibatkan diri di dalam kajian sepenuhnya. Perancangan kerja telah membantu penyelidik untuk melakukan kajian tanpa sebarang halangan ketika proses pengumpulan data dan analisis data. Penyelidik telah berbincang dengan rakan kolaborasi supaya kajian yang dibuat oleh penyelidik tidak bertindan dengan mana-mana program institut.

Penyelidik telah membuat jadual perancangan kerja lebih awal bagi melicinkan proses pelaksanaan kajian yang sebenar. Kajian tindakan telah dijalankan dalam beberapa gelungan dan data telah dikutip dan dianalisis dalam setiap gelungan. Perancangan kerja yang rapi dalam setiap gelung memudahkan tugas mengumpul dan menganalisis data bagi merancang satu pelan tindakan yang akan digunakan dalam gelung yang seterusnya. Perancangan kerja dilaksanakan dengan persetujuan rakan kolaborasi dan peserta kajian.

Perancangan kerja juga mengambil kira takwim IPG yang melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, program-program *ad-hoc* yang dijalankan dan perkara-perkara yang berlaku di luar jangkaan agar kajian ini tidak mengganggu dan mendesak peserta kajian.

Penyelidik juga telah melakukan persediaan rapi sebelum ke lokasi kajian. Penyelidik menggunakan rakaman audio dan rakaman video untuk tujuan pengumpulan data. Alat perakan suara dan kamera telefon pintar telah dipastikan agar berfungsi dalam keadaan baik dan sedia untuk digunakan di lokasi kajian. Peralatan lain seperti alat tulis, komputer riba, buku catatan jurnal peserta, buku log, instrumen protokol pemerhatian di bilik darjah dan instrumen temu bual telah disediakan dengan lengkap sebelum penyelidik ke lokasi kajian.



### 3.10.2 Fasa Kedua- Proses Kajian Sebenar

Pelaksanaan fasa prakajian telah membantu peringkat kajian sebenar. Ini memandangkan penyelidik telah menguasai prosedur kajian dengan jelas. Beberapa prosedur awal dalam peringkat prakajian yang dilaksanakan menyebabkan prosedur tersebut tidak perlu dilakukan semula dalam kajian sebenar.

### 3.11 Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah berdasarkan data yang dikutip menerusi temu bual kumpulan berfokus, catatan jurnal dan pemerhatian. Data primer yang dikumpul di dalam kajian ini ialah menerusi temu bual. Data sekunder ialah menerusi teknik pemerhatian manakala catatan jurnal dan rakaman video telah digunakan sebagai data sokongan. Konsep “3E” dalam teknik mengutip data kajian tindakan iaitu “*experiencing*”, “*enquiring*” dan “*examining*” yang dipopularkan oleh Mills (2003). Penyelidik menggunakan konsep “*experiencing*” apabila mengutip data pemerhatian dan nota lapangan tentang apa yang dilalui oleh penyelidik di lokasi kajian. Dengan bertanyakan maklumat daripada peserta kajian, penyelidik menggunakan konsep “*enquiring*”. Manakala dengan menguji sesuatu strategi atau teknik pengajaran, penyelidik menggunakan konsep “*examining*”. Jadual 3.4 menunjukkan kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3.4

*Kaedah Pengumpulan Data*

Jenis Data	Instrumen	Teknik Pengumpulan Data	Jenis item	Peserta kajian
Primer	Protokol temu bual	Temu bual kumpulan berfokus	Soalan separa berstruktur	GPP
Sekunder	Protokol Pemerhatian dalam Bilik Darjah	Pemerhatian turut serta Pemerhatian tidak turut serta	Soalan separa berstruktur	GPP
Sokongan	Jurnal Jurnal Peserta Jurnal Refleksi Penyelidik Bahan audiovisual	Catatan jurnal Rakaman video	Soalan bimbingan Penulisan jurnal	GPP

Nota: GPP= Guru praperkhidmatan

**3.11.1 Temu Bual**

Penyelidik menggunakan temu bual kumpulan berfokus yang dikendalikan secara rigid (Creswell, 2015; Merriam, 2009). Kaedah ini lebih relevan kerana para peserta biasanya tidak kekok ketika mengemukakan pandangan. Individu juga dapat berinteraksi bersama-sama dan tidak keberatan untuk menjelaskan pandangan mereka (Morgan, 1997). Menurut Sim (1998), peserta berupaya untuk bercakap secara bebas tentang tingkah laku, sikap dan pandangan mereka dalam temu bual kumpulan berfokus.



Temu bual kumpulan berfokus telah dijalankan di bilik darjah, perpustakaan dan di dalam bilik mesyuarat. Penyelidik telah memastikan peserta berada dalam keadaan selesa agar mereka dapat berfikir dengan tenang dan membuat tafsiran tentang perasaan, pandangan, pemahaman situasi dan implikasi penggunaan teknik KB sebagai alat pedagogi. Penyelidik juga telah memerhatikan tingkah laku peserta kajian dan mengemukakan soalan-soalan secara spontan untuk mengutip data bagi menjawab soalan kajian dari lensa peserta sendiri. Penyelidik telah mendapatkan persetujuan peserta untuk merakamkan temu bual dengan menggunakan alat perakam dalam telefon pintar.

Teknik temu bual intensif yang menggunakan soalan-soalan temu bual yang bersifat separa berstruktur telah digunakan dalam kajian ini. Penyelidik memastikan soalan-soalan temu bual separa berstruktur yang dikemukakan membantu peserta memberi jawapan yang sesuai. Soalan yang disediakan oleh penyelidik berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Teknik temu bual intensif ini mengandungi kesahan dan kebolehpercayaan soalan separa berstruktur yang dibina.

Temu bual kumpulan berfokus telah dilaksanakan dalam dua fasa. Setiap fasa mengambil masa antara 20 hingga 30 minit. Kualiti maklumat temu bual bergantung pada sejauh mana peserta masih ingat dan mahu berkongsi maklumat tersebut dengan penyelidik. Maka, penyelidik telah menjalankan temu bual sebaik sahaja pengajaran selesai bagi menjamin kualiti maklumat. Fasa pertama temu bual dilaksanakan di akhir setiap gelung (di bahagian refleksi) iaitu sebaik sahaja pengajaran yang menggunakan teknik KB dilaksanakan dalam satu-satu gelungan. Dua sesi temu bual dilaksanakan





dalam fasa pertama untuk mendapatkan data. Temu bual dilaksanakan dalam beberapa sesi untuk mendapatkan maklumat yang berulang-ulang sehingga maklumat tepu.

Alat rakaman digunakan untuk merekodkan maklumat yang diperoleh. Semasa temu bual penyelidik juga merekodkan jawapan dan kata-kata peserta secara ringkas sebagai bahan sokongan kajian temu bual. Setelah selesai sesi temu bual, transkripsi data dilaksanakan pada hari yang sama. Proses ini dilakukan agar maklumat yang kurang jelas dapat ditanya semula kepada peserta pada fasa temu bual yang berikutnya.

### 3.11.2 Teknik Pemerhatian

Pemerhatian turut serta dan pemerhatian tidak turut serta digunakan sebagai teknik pengumpulan data (Creswell, 2015; Meng, 2012; Yin, 2009) dalam kajian ini. Menurut Yin (2009), kajian kualitatif sesuai untuk menggunakan kedua-dua teknik pemerhatian ini. Di dalam kajian kualitatif, penyelidik memainkan peranan sebagai '*insider*' dan pemerhati lain berfungsi sebagai '*outsider*' (Thomas, Blacksmith, & Reno, 2000). Penyelidik dan rakan kolaborasi telah merekodkan segala tingkah laku peserta kajian teknik KB. Segala tingkah laku dan amalan moral yang dilihat, didengar, dan diperhatikan juga direkodkan. Berdasarkan protokol pemerhatian bilik darjah yang telah dibina untuk mendapatkan maklumat, pemerhatian yang lebih khusus, berfokus, spontan dan tersusun (Hopkins, 2008; Patton, 1990) telah dilaksanakan.





Dua pihak iaitu penyelidik dan tiga orang pensyarah (rakan kolaborasi) yang mengajar Pendidikan Moral telah mengutip data kajian ini. Penyelidik merupakan instrumen utama dalam kajian kualitatif (Patton, 1990). Pemerhatian secara aktif, langsung dan terbuka dilaksanakan oleh penyelidik untuk mengutip data yang mendalam dan terperinci. Penyelidik menggunakan teknik pemerhatian turut serta kerana beliau sendiri yang terlibat dalam pengajaran Pendidikan Moral dengan menggunakan teknik KB. Penyelidik, sebenarnya telah masuk ke dalam kumpulan peserta kajian dan peserta menyedari tujuan dan fokus kajian. Menerusi cara ini, pengumpulan data lebih objektif (Denzin & Lincoln, 2000). Pengalaman yang diterima di lokasi kajian direkodkan oleh penyelidik dan pendekatan ini membolehkan penyelidik mendapat maklumat yang lebih tepat. Selepas sahaja sesuatu sesi pengajaran tamat, penyelidik berpeluang untuk mencatatkan segala aspek yang diperhatikan.



Teknik pemerhatian tidak turut serta digunakan oleh rakan kolaborasi. Mereka telah duduk di belakang kelas sewaktu pengajaran berlangsung. Mereka juga telah hadir dan melihat cara peserta menjalankan aktiviti prapengajaran. Mereka tidak campur tangan dalam sesi pengajaran yang dikendalikan oleh penyelidik. Data yang dikutip oleh rakan kolaborasi bertujuan mengesahkan lagi data yang dikumpul oleh penyelidik yang menggunakan pemerhatian turut serta.

Pemerhatian ini telah dilaksanakan kepada semua peserta yang terlibat dalam aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Pemerhatian juga melibatkan isu yang dibincangkan oleh peserta semasa terlibat dalam platform secara talian *Schoology*. Pemerhatian dilakukan dalam ketiga-tiga gelungan





kajian tindakan untuk mengutip data tentang pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral.

### 3.11.3 Catatan Jurnal Peserta

Peserta telah menulis jurnal sejak hari pertama pelaksanaan pengajaran. Tarikh jurnal ditulis merupakan bukti bahawa catatan ini dilakukan. Penyelidik juga telah mengingatkan peserta untuk menulis jurnal pada setiap hari selepas tamat sesuatu sesi pengajaran. Peserta juga telah menulis jurnal setelah terlibat di dalam aktiviti prapengajaran. Di dalam pengajaran, penyelidik telah diberikan masa sepuluh minit untuk menulis jurnal. Jurnal peserta telah dikumpulkan seminggu sekali untuk memastikan peserta menulis jurnal tersebut. Penerangan telah diberikan kepada peserta yang tidak faham tentang penulisan jurnal. Peserta mencatatkan pemerhatian, pemahaman, perasaan dan implikasi tentang KB di dalam jurnal.

### 3.11.4 Catatan Jurnal Refleksi Penyelidik

Segala pemerhatian, pendapat, perasaan, implikasi dan refleksi telah dicatatkan oleh penyelidik dalam jurnal peribadi. Sebaik sahaja berakhirnya pengajaran pada hari tersebut, penyelidik menulis jurnal. Penyelidik juga membuat catatan selepas fasa 4 kajian tindakan iaitu refleksi dalam setiap gelungan kajian tindakan. Pelaksanaan teknik KB, kelebihan dan implikasi teknik dicatatkan. Penyelidik telah menggunakan rekod bertulis untuk refleksi sebagai bahan bukti dalam kajian ini.



### 3.11.5 Rakaman Video

Proses pengajaran dan pembelajaran telah direkodkan secara terperinci dengan menggunakan perakam telefon pintar (*IPhone 6s Plus*). Rakaman ini digunakan untuk menyelidiki pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian. Prosedur ini membolehkan tingkah laku peserta yang terlibat dalam tiga gelung kajian tindakan diperhatikan menerusi rakaman.


Rakan kolaborasi juga telah membantu penyelidik untuk merakam segala aktiviti sebenar semasa pengajaran. Rakan kolaborasi telah membantu penyelidik dengan mengubah suai fokus rakaman ketika penyelidik melakukan perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka yang melibatkan pergerakan. Rakaman video membolehkan penyelidik mengenal pasti kekuatan, kelemahan teknik KB serta melihat bagaimana peserta berinteraksi dengan penyelidik dan peserta yang lain.

### 3.12 Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan dalam tiga Gelung yakni Gelung Pertama, Gelung Kedua dan Gelung Ketiga.

### 3.12.1 Gelung 1

Rajah 3.9 menunjukkan Gelung Pertama kajian tindakan. Tiga peringkat pelaksanaan KB telah digunakan dalam Gelung Pertama. Tiga peringkat tersebut ialah peringkat aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan peringkat pasca pengajaran. Perbincangan dalam ketiga-tiga peringkat ini melibatkan tema penganiayaan terhadap manusia. Rujuk Lampiran H.



Rajah 3.9. Gelung pertama. Sumber dari Zuber-Skerritt (1995)



Di dalam gelung pertama ini, fasa merancang, fasa melaksana, fasa memerhati dan fasa refleksi telah digunakan untuk melaksanakan pengajaran. Rujuk Jadual 3.5. Dalam peringkat prapengajaran, aktiviti menggunakan platform secara talian *Schoology* telah digunakan untuk membolehkan peserta menguasai ilmu pengetahuan. Peserta telah mendaftar di dalam platform secara talian *Schoology.com* dan mencipta kata laluan bagi membolehkan mereka mempunyai akses kepada platform tersebut.

Jadual 3.5

*Fasa dalam Gelung Pertama*

Bil	Fasa	Pelaksanaan
1	Merancang	Objektif pengajaran ditentukan. Bahan pengajaran dari Internet digunakan ( <i>YouTube</i> , keratan akhbar, dokumen, gambar). Fungsi platform secara talian <i>Schoology</i> diteroka. Peserta mendaftar dan mencipta kata laluan dalam <i>Schoology</i> .
2	Melaksana	Peserta akan melibatkan diri dalam platform secara talian <i>Schoology</i> . Peserta meneroka secara sendiri. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka. Perbincangan dalam peringkat pasca pengajaran.
3	Memerhati	Pelaksanaan aktiviti secara talian <i>Schoology</i> , sesi interaksi bersemuka dan pasca pengajaran
4	Refleksi	Penambahbaikan terhadap peringkat prapengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Pelan A dicadangkan.

Penerangan khas diberikan oleh penyelidik tentang cara penggunaan platform secara talian ini. Penyelidik juga telah memberi penerangan tentang cara menonton klip video dan melakukan aktiviti penerokaan sendiri. Bimbingan kepada peserta juga dilakukan di luar waktu interaksi agar peserta jelas tentang apa yang perlu dilaksanakan dalam peringkat prapengajaran. Dalam peringkat prapengajaran, peserta telah menonton klip video pendek berdasarkan tema penganiayaan terhadap manusia (isu buli fizikal, buli mental, buli pekerjaan, buli siber dan buli jalanan) yang dimuat naik oleh penyelidik dalam platform secara talian *Schoology*. Setiap klip video pendek berdurasi antara 1 minit hingga 7 minit. Rujuk Lampiran I. Peserta telah membuat catatan jurnal ketika menonton klip video tersebut. Selain menggunakan klip video yang dimuat turun daripada *YouTube*, penyelidik juga telah menghasilkan sendiri klip video berkaitan tema dengan menggunakan perisian *Video Maker* dan *iMovie*.


Dalam peringkat sesi interaksi bersemuka, penyelidik telah menggunakan kaedah soal jawab, perbincangan kumpulan dan aktiviti lembaran kerja untuk memperkukuhkan kefahaman peserta tentang tema penganiayaan manusia. Seterusnya, dalam peringkat pasca pengajaran, aktiviti lembaran kerja dan memberi maklum balas tentang apa yang telah dipelajari dalam sesi interaksi bersemuka telah dilaksanakan oleh peserta dalam platform secara talian. Fasa refleksi dalam Gelung Pertama membantu penyelidik untuk mengetahui sejauh mana teknik KB dapat mengembangkan elemen pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral peserta. Refleksi juga telah digunakan untuk menilai kekuatan dan kelemahan Gelung Pertama dalam menggunakan teknik KB agar penambahbaikan dapat dilakukan dalam Gelung Kedua.



### 3.12.2 Gelung Kedua

Berdasarkan refleksi dalam Gelung Pertama, penyelidik telah menambah baik pengajaran dengan mengemukakan Pelan A. Penyelidik telah melakukan penambahbaikan di dalam Rancangan Pelajaran untuk KB. Rancangan Pengajaran Harian disediakan untuk membolehkan pelaksanaan aktiviti KB berjalan lancar. Rujuk Lampiran J. Di dalam Pelan A, fasa merancang, fasa melaksana, fasa memerhati dan fasa refleksi digunakan terhadap tiga peringkat pelaksanaan KB yakni peringkat aktiviti pengajaran, sesi interaksi bersemuka dan peringkat pasca pengajaran. Rujuk Rajah 3.10.





Rajah 3.10. Gelung Kedua. Sumber dari Zuber-Skerritt (1995)

Peringkat prapengajaran melibatkan aktiviti menganalisis bahan-bahan pembelajaran (klip video daripada *YouTube*, keratan akhbar, dokumen dalam bentuk PDF dan gambar). Rujuk Lampiran L. Aktiviti ini digunakan untuk membolehkan peserta mendapat input pembelajaran sebelum mereka melaksanakan aktiviti bersemuka. Penyelidik telah mengingatkan peserta untuk menonton klip video dan membuat catatan tentang kandungan klip video di luar waktu interaksi (ruang individu). Strategi baharu telah digunakan untuk memantapkan lagi penggunaan video dalam gelung ini. Penyelidik juga telah cuba meningkatkan kualiti penghasilan klip video



pendek. Peringkat prapengajaran ini juga melibatkan aktiviti penerokaan sendiri peserta berkaitan tema yang ditentukan. Tema keprihatinan masyarakat telah digunakan untuk membolehkan peserta memahami isu moral yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Penyelidik telah memuat naik lapan klip video tentang tema keprihatinan masyarakat yang melibatkan isu jenayah jalanan. Setiap klip video berdurasi antara 1 hingga 7 minit. Tiga keratan akhbar juga digunakan oleh penyelidik untuk membolehkan peserta menguasai isu jenayah jalanan.

Di samping itu, bagi membolehkan peserta menguasai tema keprihatinan masyarakat, penyelidik telah menggunakan tiga buah klip video dan tiga keratan akhbar untuk isu Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT). Penggunaan klip video dan keratan akhbar untuk isu LGBT bertujuan memantapkan penguasaan peserta terhadap tema keprihatinan masyarakat. Dalam gelung ini, penyelidik terus memberi bimbingan kepada peserta untuk menulis komen dan maklum balas berdasarkan klip video yang ditonton. Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta telah dilibatkan dengan aktiviti pembelajaran abad ke-21 yang dilaksanakan di dalam bilik darjah.

Di antara aktiviti yang dijalankan untuk mengukuhkan kefahaman peserta terhadap tema keprihatinan masyarakat ialah aktiviti *hot seats*, *trade a problem*, *think-pair-share* dan lakonan. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka ini telah digunakan oleh peserta untuk melibatkan diri dalam aktiviti pasca pengajaran. Peserta telah memberi komen dan maklum balas dalam platform secara talian *Schoology*. Peserta juga melengkapkan lembaran kerja berkaitan tema bagi mengukuhkan lagi pemahaman mengenai isu jenayah jalanan dan isu LGBT. Peserta telah membuat catatan jurnal ketika melaksanakan aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan



peringkat pasca pengajaran. Fasa merancang, fasa melaksana, fasa memerhati dan fasa refleksi dilaksanakan dalam Gelung kedua ini. Rujuk Jadual 3.6.


Jadual 3.6

*Fasa dalam Gelung Kedua*

Bil	Fasa	Pelaksanaan
1	Merancang	Penambahbaikan daripada Gelung 1 Objektif pengajaran ditentukan. Kip video dihasilkan. Bahan pengajaran dimuat turun daripada Internet ( <i>YouTube</i> , dokumen dalam bentuk PDF, keratan akhbar, gambar).
2	Melaksana	Peserta melaksanakan aktiviti prapengajaran menerusi platform secara talian <i>Schoology</i> . Sesi interaksi bersemuka dilaksanakan dengan menggunakan aktiviti <i>trade a problem, think-pair-share</i> dan <i>hot seats</i> . Lembaran kerja dan platform secara talian <i>Schoology</i> digunakan di peringkat pasca pengajaran.
3	Memerhati	Platform secara talian <i>Schoology</i> , sesi interaksi bersemuka dan maklum balas di platform <i>Schoology</i> . Lembaran kerja juga dianalisis.
4	Refleksi	Penambahbaikan terhadap peringkat prapengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Pelan B dicadangkan.

### 3.12.3 Gelung Ketiga

Berdasarkan refleksi dalam Gelung Kedua, penyelidik telah menambah baik pengajaran dengan mengemukakan Pelan B. Di dalam Pelan B, fasa merancang, fasa melaksana, fasa memerhati dan fasa refleksi digunakan terhadap tiga peringkat pelaksanaan KB yakni peringkat aktiviti pengajaran, sesi interaksi bersemuka dan peringkat pasca pengajaran. Rujuk Rajah 3.11.



Rajah 3.11. Gelung ke-tiga. Sumber dari Zuber-Skerritt (1995)



Rancangan Pengajaran Harian disediakan untuk membolehkan pelaksanaan aktiviti KB berjalan lancar. Rujuk Lampiran J. Peringkat prapengajaran melibatkan pemilihan bahan-bahan pengajaran yang mantap di dalam Gelung kedua. Peringkat ini juga melibatkan aktiviti menganalisis bahan-bahan pembelajaran (klip video daripada *YouTube*, keratan akhbar, dokumen dalam bentuk PDF dan gambar). Aktiviti ini digunakan untuk membolehkan peserta mendapat input pembelajaran sebelum mereka melaksanakan aktiviti bersemuka. Peserta juga telah melakukan aktiviti kolaborasi dengan komuniti maya dalam platform secara talian *Schoology*. Di peringkat ini juga peserta telah dapat mengemukakan pendapat dan memberi maklum balas tentang isu tanpa bimbingan penyelidik. Tema jenayah siber telah digunakan untuk membolehkan peserta memahami isu moral yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Rujuk Lampiran K. Penyelidik telah memuat naik lima klip video tentang tema jenayah siber yang melibatkan isu perniagaan siber dan jenayah seksual siber.



Sepuluh keratan akhbar juga digunakan oleh penyelidik untuk membolehkan peserta menguasai tema jenayah siber. Rujuk Lampiran K. Penggunaan klip video dan keratan akhbar untuk isu perniagaan siber dan jenayah seksual siber bertujuan memantapkan penguasaan peserta terhadap tema jenayah siber. Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta telah dilibatkan dengan aktiviti pembelajaran abad ke-21 yang dilaksanakan di dalam bilik darjah. Di antara aktiviti yang dijalankan untuk mengukuhkan kefahaman peserta terhadap tema jenayah siber ialah aktiviti *hot seats*, *trade a problem*, *think-pair-share*, *QR Code* dan lakonan. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka ini telah digunakan oleh peserta untuk melibatkan diri dalam aktiviti pasca pengajaran.





Peserta telah memberi komen dan maklum balas dalam platform secara talian *Schoology*. Peserta juga melengkapkan lembaran kerja berkaitan tema bagi mengukuhkan lagi pemahaman mengenai isu jenayah siber. Peserta telah membuat catatan jurnal ketika melaksanakan aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan peringkat pasca pengajaran. Fasa merancang, fasa melaksana, fasa memerhati dan fasa refleksi dilaksanakan dalam Gelung ketiga ini. Rujuk Jadual 3.7.

Jadual 3.7

*Fasa dalam Gelung Ketiga*

Bil	Fasa	Pelaksanaan
1	Merancang	Penambahbaikan berdasarkan Gelung kedua Objektif pengajaran dirancang. Klip video dimuat naik dalam platform secara talian <i>Schoology</i> . Sesi interaksi bersemuka berdasarkan tema.
2	Melaksana	Peserta melibatkan diri dalam aktiviti secara talian <i>Schoology</i> . Sesi interaksi bersemuka melibatkan aktiviti <i>trade a problem</i> , <i>think-pair-share</i> , <i>hot seats</i> dan <i>QR Code</i> .
3	Memerhati	Platform secara talian <i>Schoology</i> , sesi interaksi bersemuka dan maklum balas di platform <i>Schoology</i> . Lembaran kerja juga dianalisis.
4	Refleksi	Penambahbaikan terhadap peringkat prapengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Pelan B dicadangkan.

### 3.13 Jadual Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan di tiga buah institut pendidikan guru. Penyelidik telah menggunakan jadual prosedur kajian yang sama untuk ketiga-tiga buah institut pendidikan guru. Rujuk Jadual 3.8. Seterusnya Jadual 3.9 pula menunjukkan satu contoh jadual prosedur kajian yang telah dilaksanakan di sebuah IPG.

Jadual 3.8

#### *Jadual Prosedur Kajian Tindakan di Tiga Buah IPG*

IPG	Gelung 1	Gelung 2	Gelung 3
IPG Saujana	19.7.2017 (Rabu)	13.9.2017 (Rabu)	22.11.2017 (Rabu)
Jadual hari Rabu	Refleksi Gelung 1	Refleksi Gelung 2	Refleksi Gelung 3
11.00-12.00 tengahari & hari Jumaat (9.00- 10.00 pagi)	21.7.2017 (Jumaat) Sesi temu bual 10 pagi	15.9.2017 (Jumaat) Sesi temu bual 10 pagi	24.11.2017 (Jumaat) Sesi temu bual 10 pagi
IPG Melodi	20.7.2017 (Khamis)	13.9.2017 (Khamis)	23.11.2017 (Khamis)
Jadual hari Khamis	Refleksi Gelung 1	Refleksi Gelung 2	Refleksi Gelung 3
11.00-12.00 tengahari & hari Isnin (9.00-10.00 pagi)	24.7.2017 (Isnin) Sesi temu bual 10 pagi	17.9.2017 (Jumaat) Sesi temu bual 10 pagi	24.11.2017 (Isnin) Sesi temu bual 3 petang
IPG Putra	18.7.2017 (Selasa)	11.9.2017 (Selasa)	21.11.2017 (Selasa)
Jadual hari Selasa	Refleksi Gelung 1	Refleksi Gelung 2	Refleksi Gelung 3
11.00-12.00 tengahari & hari Jumaat (3.00-4.00 petang)	21.7.2017 (Jumaat) Sesi temu bual 4 petang	14.9.2017 (Jumaat) Sesi temu bual 4 petang	24.11.2017 (Jumaat) Sesi temu bual 5 petang

Jadual 3.9

*Kegiatan Sepanjang Tempoh Penyelidikan di Sebuah IPG*

Minggu	Tarikh	Hari/Waktu	Aktiviti di dalam Kelas
1	19.7.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Sesi suai kenal dengan peserta kajian tentang tujuan kajian, cara pengumpulan data serta penerangan tentang teknik KB  Peserta dibekalkan buku catatan/jurnal, surat kebenaran untuk menyertai kajian.
2	26.7.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Pengajaran dengan menggunakan teknik KB dalam gelung 1 Fasa 1 (Merancang)
	28.7.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	Refleksi Fasa 1 bersama peserta kajian  Strategi menangani masalah
3	2.8.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Pengajaran dengan menggunakan teknik KB dalam Gelung 1 Fasa 2 (Melaksana)
	4.8.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	Refleksi Fasa 2 bersama peserta kajian  Strategi menangani masalah
4	9.8.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Pengajaran dengan menggunakan teknik KB dalam Gelung 1 Fasa 2 (Melaksana)
	11.8.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	Refleksi Fasa 2 bersama peserta kajian  Strategi menangani masalah
5	16.8.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Hasil refleksi Gelung 1  Pembentukan Pelan Tindakan
	18.8.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	Hasil refleksi Gelung 1  Pembentukan Gelung 1

*(Bersambung)*

Minggu	Tarikh	Hari/Waktu	Aktiviti di dalam Kelas
6	13.9.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Pengajaran dengan menggunakan teknik KB dalam gelung 2 Fasa 1 (Merancang)
	15.9.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengajaran berdasarkan pelan tindakan hasil refleksi gelung pertama</li> </ul> Refleksi Fasa 1 bersama peserta Strategi menangani masalah/kutip data
7	20.9.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Pengajaran dengan menggunakan teknik KB dalam gelung 2 Fasa 2 (Melaksana)
	22.9.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	Refleksi Fasa 2 bersama peserta Strategi menangani masalah/kutip data
8	4.10.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Pengajaran dengan menggunakan teknik KB dalam gelung 2 Fasa 2 (Melaksana)
	6.10.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	Refleksi Fasa 2 bersama peserta Strategi menangani masalah/kutip data
9	11.10.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Hasil refleksi Gelung Kedua Pemantapan Pelan Tindakan
	13.10.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	Hasil refleksi Gelung Kedua Pemantapan Pelan Tindakan
10	25.10.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Pengajaran dengan menggunakan teknik KB dalam gelung 3 Fasa 1 (Merancang) <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengajaran berdasarkan pelan tindakan hasil refleksi gelung kedua</li> </ul>

(Bersambung)



Minggu	Tarikh	Hari/Waktu	Aktiviti di dalam Kelas
	27.10.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	Refleksi Fasa 2 bersama peserta Strategi menangani masalah/kutip data
11	1.11.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Pengajaran dengan menggunakan teknik KB dalam gelung 3 Fasa 2 (Melaksana)
	3.11.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	Refleksi Fasa 2 bersama peserta Strategi menangani masalah/kutip data
12	8.11.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Pengajaran dengan menggunakan teknik KB dalam gelung 3 Fasa 2 (Melaksana)
	10.11.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	Refleksi Fasa 2 bersama peserta Strategi menangani masalah/kutip data
13	15.11.2017	Rabu (11.00-12.00 tengahari)	Hasil refleksi Gelung ketiga, Kumpul Data dan Analisis Data
	17.11.2017	Jumaat (10.00-11.15 pagi)	Hasil refleksi Gelung ketiga, Kumpul Data dan Analisis Data





### 3.14 Pengurusan Data

Pengurusan data melibatkan aktiviti mengemas kini data, memahami data, penyimpanan data dan memberi indeks kepada data (Creswell, 2015; Marohaini, 2001). Data daripada pelbagai sumber seperti temu bual, catatan jurnal dan pemerhatian telah direkodkan, disusun dan diuruskan dengan teliti dengan menggunakan perisian Nvivo versi 11. Semua data diberikan indeks. Data yang dikumpul dari audio dan video disimpan ke dalam komputer riba, *thumb drive*, *CD* dan *external hard disc* dengan memberi indeks yang dicatatkan dalam buku log.

Bagi tujuan semakan semula atau jejak audit, data pemerhatian dan temu bual telah ditaip dan diberikan indeks. Penyelidik berupaya untuk mendapatkan semula maklumat yang dianalisis dengan pengurusan data secara sistematik (Olsen, 2012).

#### 3.14.1 Transkripsi

Data kualitatif dalam bentuk perkataan memerlukan proses transkripsi, menaip dan penyuntingan (Miles & Huberman, 1994). Transkripsi membawa maksud memindahkan data dalam bentuk teks bertaip (Creswell, 2015). Semua data yang dikutip melalui instrumen temu bual kumpulan berfokus, pemerhatian dan jurnal telah ditranskripsikan. Data juga telah diberikan indeks bagi membantu penyelidik membuat analisis data seterusnya.



Untuk menghasilkan data verbatim, transkripsi telah dibuat patah demi patah perkataan. Rujuk Lampiran. Transkripsi yang berkaitan dengan soalan kajian sahaja yang dilaksanakan.

Indeks diberikan ke atas kepada setiap transkripsi. Indeks untuk transkripsi data pemerhatian tidak turut serta ialah (IPGX/propemer/Gel2/Tamil/7.7.2017) iaitu IPG, pemerhatian tidak turut serta, gelungan kedua, nama rakan kolaborasi dan tarikh. Indeks cacatan jurnal peserta ialah (IPGX/jur/Gel1/9.7.2017) iaitu IPG, catatan jurnal, gelung pertama dan tarikh. Manakala indeks untuk temu bual kumpulan berfokus ialah (IPGX/temkumfokus/gel3/3.8.2017) iaitu untuk IPG, kumpulan berfokus, gelung tiga dan tarikh. Indeks rakaman video ialah (rakamvdo/Gel1/IPGX/22.8.2017) iaitu rakaman video, gelung pertama, nama IPG dan tarikh.

Proses melaksanakan transkripsi juga melibatkan analisis awal. Ini bermaksud penyelidik telah mengenal pasti ayat yang menjurus kepada elemen pemikiran moral, emosi dan amalan moral ketika data temu bual dan rakaman video ditranskripsikan. Ketiga-tiga aspek telah dikenal pasti bagi memudahkan tumpuan penyelidik ketika mengkaji ketiga-tiga soalan kajian.

### 3.14.2 Penyaringan data

Pencarian tema dan sub tema telah dilakukan dengan menyaring data. Segala maklumat penting telah disaring dan diinterpretasikan kepada data yang lebih bermakna. Data bermakna ini telah dijadikan tema dan sub tema. Data juga telah dibaca dengan teliti dan berulang-ulang oleh penyelidik bagi mengenal pasti tema dan sub tema. Setiap ayat yang dikodkan merupakan satu unit analisis. Unit analisis yang dipilih ini diberi nama kategorinya sebagai tentatif. Di dalam kajian ini, penyelidik akan mengeksport data ke dalam perisian yang dapat membantu dalam pengurusan data kualitatif yang dikenali sebagai NVIVO Versi 11.

### 3.14.3 Pengkodan

Pengkodan merupakan proses pensegmenan dan pemberian tag atau melabelkan teks yang bertujuan memberi makna kepada teks data (Creswell, 2012). Kod berperanan untuk memudahkan penyelidik untuk mendapatkan semula dan menyusun data ke dalam pelbagai kategori berkaitan dengan tema dan soalan kajian. Penyelidik telah memastikan agar kod yang dibentuk mempunyai maksud yang sama dengan data seperti yang dicadangkan oleh Boeije (2014). Proses pengkodan ini akan dilaksanakan dengan bantuan perisian NVIVO Versi 11. Penyelidik telah menyediakan satu senarai kod seperti dalam Jadual 3.10.



## Jadual 3.10

*Pengekodaan kepada Sub-tema dan Tema*

Pengekodaan	Sub -tema	Tema
<p>...pelajar perempuan menendang guru. Malu dengan sikap ibu bapa yang asuh anak-anak tu...</p> <p>....saya perlu menghormati guru dan lebih beradab di dalam tingkah laku saya...</p> <p>...rasa malu pun ada kerana mengaku diri mereka terbuka..</p> <p>..malu dengan masyarakat yang tamak mengejar kemewahan.</p>	Kewujudan perasaan sendiri	Emosi Moral
<p>...saya simpati dengan nasib yang menimpa mangsa buli...saya cukup simpati..</p> <p>...saya simpati dengan nasib yang menimpa mangsa buli...saya cukup simpati..</p> <p>...perasaan kasihan pun ada terhadap golongan LGBT..</p>	Kesedaran terhadap perasaan orang lain	

**3.14.4 Penghasilan Tema dan Kategori**

Pembentukan kategori telah dilakukan sejak dalam gelung pertama sehingga gelung ketiga. Analisis perbandingan tekal digunakan dalam kajian ini. Beberapa langkah telah diikuti dalam proses pembentukan kategori. Pertama, penyelidik telah membaca secara berulang kali data verbatim dan mengenal pasti ayat atau petikan yang menggambarkan sesuatu tema secara ringkas. Kedua, pembacaan diteruskan sama ada daripada data yang sama atau berlainan. Ayat yang memberi gambaran yang sama akan dimasukkan di dalam kategori yang sama. Menurut Yin (2009), proses ini dinamakan “*pattern matching*”. Ketiga, sekiranya ayat yang dikenal pasti tidak sesuai dengan kategori sedia



ada, maka pembentukan kategori yang baharu akan dibuat. Keempat, proses pengkodan ini terus dilakukan sepanjang analisis kategori bagi setiap data. Proses pembacaan berulang kali dilakukan bagi membolehkan ayat-ayat diletakkan dalam kategori-kategori yang dibina.

Pelbagai cara digunakan untuk membentuk kategori. Antaranya, dengan cara menggunakan perkataan yang timbul daripada data, menggunakan gerak hati pengkaji, menggunakan idea hasil penjelasan daripada peserta kajian dan perkataan berdasarkan kajian lampau. Semua perkara ini adalah tentatif dan telah dimurnikan serta diperhalusi ketika proses penelitian bersama-sama rakan sebaya dan perbincangan dengan penyelia.




### 3.15 Analisis Data

Penganalisan data dalam kajian kualitatif perlu bergerak seiring dengan pengumpulan data (Merriam, 2009). Maka, proses analisis data telah bermula sejak awal lagi yakni daripada pemerhatian dalam gelung kajian tindakan dan proses tersebut berterusan bagi setiap teknik pengumpulan data. Tumpuan dilakukan ketika membuat interpretasi respons peserta yang terlibat dalam teknik KB untuk melihat perkembangan elemen pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral mereka. Data mentah daripada pelbagai sumber telah dibaca, dikodkan dan dikategorikan secara sistematik dalam beberapa sub-tema dan tema yang selari dengan fokus kajian (Braun & Clarke, 2006; Miles & Huberman, 1994).



Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema yang berpandukan kepada langkah-langkah yang disyorkan oleh (Braun & Clarke, 2006). Penyelidik telah melaksanakan proses analisis data kualitatif yang melibatkan langkah seperti pengurusan dan penyediaan data, transkripsi, penyaringan data, pengekodan, penghasilan tema dan sub tema serta paparan hasil (Boeije, 2014; Braun & Clarke, 2006; Miles & Huberman, 1994). Langkah-langkah yang terlibat dalam analisis data ini menggunakan kaedah “*bottom-up*” (Creswell, 2012) dan bertimbal balik antara satu sama lain. Langkah-langkah berpandukan kaedah analisis tema seperti yang disarankan oleh (Braun & Clarke, 2006) digunakan dalam kajian ini. Rujuk Rajah 3.12.



Rajah 3.12. Kaedah Analisis Tema. Sumber dari Braun & Clarke, (2006)

### 3.16 Tatacara Analisis Data

Proses analisis data dan analisis dalam kajian kualitatif tidak berlaku secara linear tetapi secara bertindan (Noraini, 2013). Enam langkah yang terdapat dalam proses analisis data kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga peringkat utama iaitu:

- i. Peringkat pengumpulan dan pengurusan data;
- ii. Peringkat penyaringan dan mengenali data; dan
- iii. Peringkat penghasilan tema.

Untuk tujuan analisis data, pengurusan data daripada pelbagai sumber yang dikumpul dan dikemaskinikan. Untuk memahami data yang dikumpulkan, penyelidik telah mendengar rakaman temu bual dan menonton rakaman video. Indeks diberikan untuk melancarkan proses pengurusan data. Data disediakan dalam bentuk teks (transkripsi) untuk memudahkan analisis data (Braun & Clarke, 2006).

Data dalam bentuk teks telah dibaca dan diteliti untuk mendapatkan tema-tema yang berkaitan dengan soalan kajian. Penyelidik memberikan tema sementara berdasarkan idea yang timbul daripada sorotan kajian dan gerak hati sendiri (Boyatzis, 1998). Penyelidik “membenarkan” tema-tema terbit daripada data yang ada (Braun & Clarke, 2006). Ayat-ayat dalam teks telah dibaca secara berulang kali untuk membuat pertimbangan bagi mendapatkan maklumat. Maklumat yang diperoleh dikategorikan dalam tema-tema utama. Setiap tema utama dan sub-tema diberikan kod (Boeije, 2014; Strauss & Corbin, 1998).

Pada peringkat penghasilan tema, proses membentuk sub-tema dan pengkodan semula masih diteruskan (Braun & Clarke, 2006). Penyelidik membuat rujukan daripada kajian lain untuk mendapatkan konsep dan mengkategorikan respons peserta kepada tema-tema tertentu. Bacaan kali kedua dilakukan untuk mengesahkan tema sementara dengan sorotan kajian dan soalan kajian. Penyelidik terus mencari situasi, peristiwa atau data yang berkaitan dengan tema utama. Ciri data telah dikenal pasti, digabung dan dikategorikan dalam sub tema dan tema yang sesuai.

Kod-kod digunakan untuk memudahkan penyelidik menyusun data mengikut kategori tema. Cara analisis yang digunakan ini memudahkan analisis data. Perkaitan dapat dilihat dengan cara membandingkan data (Strauss & Corbin, 1998). Data-data yang dikodkan dan dikategorikan dalam tema utama tersedia untuk dianalisis bagi

menjawab soalan kajian.

### 3.17 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan elemen penting dalam menentukan kejituan kajian kualitatif (Lincoln & Guba, 1986). Kesahan merujuk kepada pengukuran ketepatan kajian iaitu setakat mana sesuatu kajian memberi gambaran yang sebenar tentang apa yang dikaji (Bailey, 2007; Lincoln & Guba, 1986). Merriam (2002) pula melihat kesahan sebagai bagaimana dapatan kajian itu dipadankan dengan realiti sebenar. Kebolehpercayaan pula merujuk kepada setakat mana data diulang semua (Merriam, 2009) bagi memberikan hasil yang sama.

Aspek keesahan dan kebolehpercayaan merupakan elemen penting bagi memastikan hasil kajian dipercayai dan memperkukuh dapatan. Sejauh mana dapatan kajian itu menggambarkan fenomena yang dikaji itu bergantung kepada kesahan dan kebolehpercayaan (Othman, 2012).

Dalam kajian ini, kesahan dan kebolehpercayaan diperoleh menerusi proses triangulasi (*triangulation*), penilaian pakar (*expert judgment*), semakan dan persetujuan peserta kajian (*members checking*), penelitian rakan sebaya (*peer review*), jejak audit (*audit trail*) dan mengatasi bias penyelidik. Keesahan dan kebolehpercayaan juga diperoleh berdasarkan peranan pengkaji sebagai seorang ‘*insider*’ dan ‘*outsider*’ dalam kajian (Merriam et al., 2001).

### 3.17.1 Triangulasi

Teknik triangulasi digunakan untuk menjamin kesahan dan kebolehpercayaan data kajian ini. Triangulasi merupakan penggunaan pelbagai sumber data, kaedah pemungutan data dan analisis (Bailey, 2007; Merriam, 2002; Othman, 2012). Triangulasi telah menjadi strategi yang digunakan untuk memperbaiki kesahan dan kebolehpercayaan kajian kualitatif untuk menilai dapatan kajian (Patton, 1990). Dalam menghuraikan hal ini, Oliver-Hoyo & Allen (2006) menyatakan bahawa “*triangulation involves the careful reviewing of data collected through different methods in order to achieve a more accurate and valid estimate of qualitative results for a particular constructs*” (p.42).

Pengumpulan data melalui teknik triangulasi telah menjadi sokongan dan pengukuhan terhadap dapatan kajian. Perbandingan data daripada pemerhatian, temu bual, catatan jurnal peserta, jurnal refleksi penyelidik, jurnal refleksi rakan kolaborasi dan rakaman video telah digunakan oleh penyelidik ketika membandingkan data. Proses mengutip data yang menggunakan lebih daripada satu teknik relevan memandangkan ia dapat menampung lompang terhadap kelemahan yang ada. Triangulasi juga berupaya memperlihatkan hasil dapatan kajian yang lebih tekal dan diyakini berbanding dengan penggunaan satu kaedah pungutan data sahaja.

Pengumpulan data yang pelbagai telah memperkukuhkan antara satu maklumat dengan maklumat yang lain. Data daripada pemerhatian disokong dengan data daripada catatan jurnal dan temu bual. Data temu bual pula diperkukuh melalui rakaman video.

Penggunaan pelbagai teknik ini memberi peluang kepada proses pengesahan data yang lebih baik dan boleh dipercayai. Penyelidik dapat membuat pengesahan data daripada tiga penjuru yang berbeza. Cara ini membantu penyelidik untuk membandingkan perspektif dan interpretasi sesuatu fenomena daripada tiga pihak yang berbeza iaitu penyelidik, peserta kajian dan rakan kolaborasi. Satu teknik diperkuatkan dengan teknik yang lain.





### 3.17.2 Penilaian Pakar

Teknik penilaian pakar (*expert judgement*) digunakan untuk membuktikan ketepatan dan kesahan kandungan ketika menilai instrumen. Kaedah “*content-related evidence*” telah digunakan untuk menentukan kesahan instrumen kajian iaitu protokol pemerhatian bilik darjah dan protokol temu bual (Fraenkel & Wallen, 2009). Ketepatan format dan kandungan instrumen, sifat komprehensif instrumen dan kecukupan kandungan item yang boleh memberi kefahaman kepada peserta kajian untuk menjawabnya telah digunakan dalam kaedah *content-related evidence*.

Kaedah *content-related evidence* juga merujuk kepada ketekalan kandungan untuk diukur dan dinilai oleh peserta kajian (Fraenkel & Wallen, 2009). Proses ini menjamin standard dan kualiti instrumen yang akan diuji kepada peserta (Berk, 1990).

Maklum balas sekumpulan pakar rujuk telah diperoleh untuk memelihara kesahan dan kebolehpercayaan kedua-dua instrumen. Maklum balas, cadangan dan komen pakar rujuk diambil kira dan modifikasi dilakukan oleh penyelidik. Pakar rujuk yang terdiri dari pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaya (UM) telah dirujuk untuk mengesahkan kandungan konstruk instrumen kajian.





### 3.17.3 Semakan Peserta Kajian

Teknik semakan atau persetujuan peserta kajian (*members check*) telah digunakan untuk memelihara kesahan data kajian. Data dan tafsiran dapatan kajian telah dirujuk kepada peserta kajian untuk diperiksa bagi membolehkan mereka mengesahkan ketepatan dan kebenaran maklumat dan laporan kajian (Merriam, 2009). Persetujuan ini merupakan satu bukti kebolehpercayaan dapatan kajian (Bogdan & Biklen, 2006). Teknik ini juga dapat meningkatkan kebolehpercayaan terhadap data kajian (Birt, Scott, Cavers, Campbell, & Walter, 2016). Penyelidik telah memberi peluang kepada peserta kajian untuk melihat dan membaca data yang diperoleh memandangkan ada kemungkinan kesilapan pungutan terjadi. Hal ini mungkin berlaku disebabkan oleh kekaburan penyelidik memahami situasi yang dimaksudkan oleh penyelidik.



Dalam kajian ini, persetujuan peserta kajian dilakukan menerusi tiga proses iaitu membuat pengesahan transkripsi, pengesahan terhadap pemahaman dan pentafsiran konstruk soalan dan pengesahan untuk memastikan kesahan dalaman terhadap beberapa kategori yang dibentuk oleh penyelidik (Miles & Huberman, 1994).

Pengesahan transkripsi dilakukan terhadap data mentah dengan cara menunjukkan transkripsi temu bual kepada peserta kajian berserta borang pengesahan yang perlu ditandatangani. Proses ini memberi peluang kepada peserta kajian untuk menambah, menolak, memberi komen, membaiki sekiranya terdapat kekeliruan dan seterusnya mendapatkan pengesahan daripada mereka. Transkripsi yang diterima telah dibetulkan berdasarkan komen peserta kajian.



Penyelidik telah mendapat kerjasama daripada semua peserta untuk menelaah, dan memberi pengesahan terhadap data temu bual tersebut. Peserta kajian telah memberi komen menerusi perbincangan bersama pengkaji dan pada masa yang sama membetulkan apa yang dimaksudkan oleh mereka. Sebahagian peserta memberi komen menerusi e-mel setelah penyelidik menghantar data mentah ke e-mel mereka. Rujuk Lampiran M. Penyelidik telah memberi masa yang secukupnya kepada peserta kajian untuk membuat semakan dan memberi komen dengan sebaik mungkin.

Pengesahan terhadap interpretasi yang dibuat oleh peserta bertujuan untuk mendapatkan penjelasan terhadap perkara yang kurang jelas. Penyelidik juga telah meminta peserta kajian untuk memberikan komen terhadap ketepatan ayat yang dimaksudkan oleh peserta. Proses ini dilaksanakan ketika penyelidik membuat sesi temu bual lanjutan. Penyelidik juga telah membuat pengesahan terhadap beberapa kategori yang dibentuk oleh beliau sendiri, Peserta telah diminta untuk memberikan komen dan ulasan terhadap beberapa kategori bagi mendapatkan kepastian dari sudut peserta kajian. Proses ini telah dapat meningkatkan keyakinan penyelidik ketika penganalisan dan pembentukan kategori dilaksanakan.

#### **3.17.4 Penelitian Rakan Sebaya**

Penelitian rakan sebaya merupakan teknik penyemakan yang digunakan oleh rakan sekerja atau orang yang biasa dengan penyelidikan atau fenomena yang dikaji (Merriam, 2009). Idea yang bernas tentang kategori yang dibentuk dan dapatan kajian dapat ditentukan menerusi proses ini. Ternyata rakan sebaya memainkan peranan

sebagai sebagai ‘*outsider*’ dengan menyaring dan memantapkan pendapat yang dikemukakan oleh peserta (Merriam et al., 2001). Percambahan pelbagai idea dalam kalangan rakan sebaya berupaya untuk memantapkan proses pembentukan kategori dan kualiti data (Devotta et al., 2016).

Dalam kajian ini, penelitian rakan sebaya dilakukan dengan berbincang dengan penyelia, perbincangan secara tidak formal dengan rakan se pengajian dan membuat perbincangan secara formal. Data yang dikutip juga telah diuji kebolehpercayaan dengan tiga orang rakan sebaya yang berfungsi sebagai pengekod. Mereka merupakan pensyarah yang mempunyai pengalaman mengajar Pendidikan Moral. Penyelidik telah memberi salinan tentatif kategori yang muncul bersama petikannya kepada rakan pensyarah. Kesemua data yang dikumpul disusun berdasarkan tema.

Kategori yang diperoleh telah didefinisikan bagi memberi gambaran tentang apa yang dimaksudkan oleh penyelidik bagi memudahkan proses pengesahan. Pandangan orang lain telah diperoleh di samping meminta bantuan mereka untuk melakukan semakan terhadap kategori tentatif yang dibuat oleh penyelidik. Hal ini perlu untuk menentukan kategori yang ditentukan oleh penyelidik diterima setelah menerima cadangan dan maklum balas daripada rakan sebaya dan penyelia.



### 3.17.5 Jejak Audit

Jejak audit merupakan satu proses menentukan langkah yang sistematik yang dilalui oleh penyelidik bagi tujuan melaporkan penceritaan penyelidikan secara terperinci (Bailey, 2007). Merriam (2002) pula berpendapat jejak audit merupakan proses penerangan secara terperinci tentang bagaimana data dipungut, kategori dibentuk dan bagaimana keputusan dibentuk menerusi proses penyelidikan.

Pembinaan jejak audit pula dilakukan dengan mendokumenkan proses yang dilalui menerusi penulisan jurnal, penyimpanan log terhadap semua aktiviti yang dilakukan, membentuk kronologi pengumpulan data dan merekodkan prosedur analisis data dengan jelas. Cara ini membolehkan penyelidik mengesan pemikiran, ramalan, idea, gerak hati di sepanjang proses penyelidikan. Jejak audit juga merupakan proses pengauditan data yang membolehkan proses pencarian semula dan menjejaki peristiwa yang berlaku di lokasi kajian. Jejak audit juga membantu menjadikan data kajian lebih diyakini (Wolf, 2003).

Beberapa cara telah digunakan untuk melakukan jejak audit. Antaranya ialah dengan mencatatkan segala aktiviti seharian terutama yang berkaitan dengan pengumpulan data sehingga kepada dapatan kajian. Buku log juga telah disediakan oleh penyelidik untuk mendokumenkan kronologi pengumpulan data serta penyimpanan data dalam komputer riba dengan mencatatkan tarikh, masa dan memberi indeks kepada data yang dikumpul.





Data dalam bentuk petikan yang dijadikan bukti dinyatakan puncanya dengan menulis indeks dan penomboran. Kejelasan bukti-bukti ini bertujuan untuk menjejaki dan mendapatkan semula data asal. Proses jejak audit secara tidak langsung boleh meningkatkan kesahihan data.

### 3.18 Etika Penyelidikan

Beberapa etika penyelidikan telah diikuti oleh penyelidik sepanjang melaksanakan kajian ini agar persoalan moral, undang dan kesahihan penyelidikan terpelihara (Lichtman, 2006). Etika sebelum, semasa, dalam proses menjalankan kajian atau melaksanakan prosedur kajian juga sangat penting untuk mengesahkan dapatan kajian

(Israel & Hay, 2007).



Etika penyelidikan termasuklah memastikan tempat dan lokasi kajian dihormati (Creswell, 2012). Sebelum memulakan kajian, penyelidik telah mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD), KPM dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Rujuk Lampiran F dan Lampiran G. Maklumat seperti instrumen yang digunakan, cara pengumpulan data dan fungsi penyelidik dalam kajian telah dijelaskan dalam surat berkenaan. Penyelidik telah memberikan jaminan bahawa biodata peserta kajian, identiti IPG dan data yang dikutip adalah sulit dan dirahsiakan.



Penyelidik juga telah memberi jaminan bahawa penyelidikan yang dijalankan tidak akan mengganggu rutin institut dan tiada unsur paksaan dalam mendapatkan data daripada peserta.

Di samping itu, etika seperti menghormati hak peserta kajian juga dipatuhi (Creswell, 2012). Peserta telah dimaklumkan tentang hak mereka sebelum menyertai kajian ini. Penyelidik telah memastikan kebenaran telah diperoleh secara sukarela daripada peserta kajian tanpa sebarang paksaan. Penerangan yang secukupnya telah diberikan oleh penyelidik kepada peserta kajian tentang matlamat kajian dan prosedur pengumpulan maklumat. Peserta juga dimaklumkan tentang tujuan pemerhatian, masalah atau risiko yang mungkin dihadapi sepanjang menjadi peserta kajian dan kuasa yang ada pada peserta untuk menarik diri pada bila-bila masa. Cara ini membolehkan peserta diberikan hak untuk membuat pilihan secara rasional.

Penyelidik juga telah memberi hak keuntungan kepada peserta (Creswell, 2012). Penyelidik telah melibatkan peserta kajian dalam teknik KB di samping mengajar mereka menggunakan platform secara talian *Schoology* dan berinteraksi di dalam perbincangan serta menggunakan teknik *trade a problem*, *think-pair-share* dan *hot seats* dalam aktiviti pembelajaran. Semua maklumat ini diperoleh oleh peserta dalam kajian ini. Maklumat dan kemahiran yang diperoleh melalui teknik KB menjadi nilai tambah kepada peserta untuk merangka pengajaran KB pada masa hadapan.

Penyelidik juga telah memberikan surat pengakuan yang merupakan persetujuan berpengetahuan yang ditandatangani oleh peserta dan rakan kolaborasi. Rujuk Lampiran. Pengakuan ini merupakan etika dalam penyelidikan yang bertujuan memisahkan diri peserta daripada unsur-unsur desakan, paksaan, penipuan atau tekanan atau apa-apa pengaruh lain (Bailey, 2007).

Penyelidik juga telah berlaku adil, jujur dan ikhlas dalam menjalankan kajian ini. Kajian ini tidak mengganggu waktu pembelajaran peserta kajian dan peserta diberikan kebebasan untuk menyertai kajian ini. Penyelidik juga sentiasa meminta kebenaran dan berbincang dengan mereka tentang masa yang sesuai sebelum diadakan sesi temu bual untuk tujuan pengumpulan data.

Selain itu, nama IPG, nama peserta kajian dan nama rakan kolaborasi yang dinyatakan dalam penulisan tesis hanya merupakan nama samaran. Ini bertujuan untuk menjaga hak dan kerahsiaan identiti semua peserta yang terlibat dalam kajian ini.

Penyelidik juga memastikan bahawa jadual kerja, cara komunikasi, pergaulan dan soalan temu bual yang dikemukakan tidak mengganggu emosi atau menyinggung perasaan, mendatangkan kesan atau menimbulkan ketidakselesaan kepada peserta. Teknik KB dan prosedur mengumpul data telah dijelaskan secara terperinci agar peserta dapat memainkan peranan masing-masing. Maka, penyelidik telah menghormati hak individu peserta keadilan sejajar dengan konsep keadilan dan keikhlasan terutama apabila membicarakan elemen-elemen yang mencabar (Aluwihare-Samaranayake, 2012).



### 3.19 Rumusan Bab

Bab ini telah membincangkan aspek kaedah kajian, pemilihan tempat kajian, kaedah pemilihan peserta kajian, saiz peserta, rasional pemilihan peserta kajian, profil rakan kolaborasi, reka bentuk kajian dan justifikasi pemilihan kajian tindakan sebagai reka bentuk kajian.

Kajian ini dijalankan dalam pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tindakan. Model Zuber-Skerritt (1995) dipilih sebagai model asas kajian ini. Tiga gelung kajian tindakan dan tiga fasa dalam setiap gelungan (merancang, melaksana, memerhati dan refleksi) telah dihuraikan secara terperinci.

Selain itu, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, teknik pengumpulan data dan prosedur kajian tindakan dalam bentuk gelungan juga diperincikan. Di samping itu, tata cara pengurusan data, teknik dan tata cara analisis data juga dipersembahkan. Bab ini diakhiri dengan aspek kesahan dan kebolehpercayaan yang juga dinyatakan bersama-sama dengan etika penyelidikan.


Bab seterusnya akan membincangkan tentang analisis dan dapatan yang telah diperoleh dalam kajian ini.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pendahuluan

Bab ini bertujuan untuk melaporkan analisis dan dapatan kajian. Objektif kajian ini ialah untuk meneroka dan mengkaji penggunaan KB (*Flipped Classroom*) sebagai teknik dalam pengajaran di institut pendidikan guru. Tiga instrumen telah digunakan untuk mengumpul data bagi melihat perkembangan aspek pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral dalam kalangan GPP institut pendidikan guru. Rujuk Rajah 4.1 untuk melihat rangka kerja pelaksanaan KB dalam reka bentuk kajian tindakan.



Rajah 4.1. Rangka Kerja Pelaksanaan Kelas Berbalik

Dapatan kajian dilaporkan dalam lima tema dan sepuluh amalan moral. Tema satu hingga tema tiga menjawab soalan kajian yang pertama iaitu “Sejauh manakah KB dapat mengembangkan pemikiran moral dalam kalangan GPP?” Tema empat dan lima pula kepada menjawab soalan kajian yang kedua iaitu “Sejauh manakah KB dapat mengembangkan emosi moral dalam kalangan GPP?” Soalan kajian yang ketiga iaitu “Sejauh manakah KB dapat mengembangkan amalan moral dalam kalangan GPP” pula



membincangkan sepuluh amalan moral peserta kajian. Peserta kajian telah menunjukkan amalan ini secara kerap dalam ketiga-tiga gelung kajian tindakan.

## 4.2 Perkembangan Pemikiran Moral


Bagi mengesan elemen pemikiran moral, data yang diperoleh daripada instrumen temu bual, catatan jurnal dan pemerhatian telah dikodkan dan dibaca secara teliti secara berulang-ulang. Respons peserta kajian daripada ketiga-tiga sumber ini ditriangulasi untuk mengupas pemikiran dan keupayaan untuk membuat pertimbangan dan justifikasi yang menjadi unsur utama di dalam proses pemikiran moral (Chang, 1998). Tiga tema telah dikenal pasti dalam membincangkan proses pemikiran moral peserta kajian yang

terlibat di dalam KB. Ketiga-tiga tema tersebut ialah:

1. Pemikiran moral yang rasional;
2. Penelitian dalam membuat keputusan moral; dan
3. Justifikasi terhadap tindakan yang diambil.

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian berupaya menjana pemikiran moral yang munasabah. Peserta kajian juga mampu membuat pertimbangan yang rasional dan teliti dalam membuat sesuatu keputusan moral. Selain itu, peserta juga mampu memberikan kewajaran terhadap tindakan yang diambil dalam sesuatu isu moral. Rujuk Rajah 4.2.





Rajah 4.2. Pemikiran Moral


Perbincangan seterusnya mengupas tiga unsur yang membantu mengembangkan aspek pemikiran moral peserta kajian yang terlibat dalam KB. Data-data tersebut dipersembahkan dalam bentuk analisis deskriptif.



### 4.3 Tema 1: Pemikiran Moral yang Rasional

Unsur penting dalam perkembangan moral seseorang individu ialah berfikir secara munasabah dan rasional (Abdul Rahman & Chang, 1994). Seseorang individu perlu berfikir sebelum membuat keputusan moral. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti KB seperti prapengajaran (menonton klip video, perbincangan secara talian menerusi *Schoology*), interaksi bersemuka (aktiviti *hot seats*, *trade a problem*, *think-pair-share*, pembentangan dengan menggunakan *Web 2.0*) dan pasca pengajaran (perbincangan secara talian menerusi *Schoology* dan lembaran kerja) dapat mencetuskan pemikiran moral yang rasional dalam kalangan peserta. Rujuk Rajah 4.3.





Rajah 4.3. Ciri-Ciri Dalam Pemikiran Moral

Ciri-ciri seperti mengenal pasti isu, memerihalkan isu dan memperincikan sebab musabab sesuatu isu moral telah membentuk pemikiran moral yang rasional dalam kalangan peserta. Pemikiran moral yang rasional dijana menerusi tiga sub tema yakni mengenal pasti isu, memerihalkan isu dan memperincikan sebab-musabab. Berikut ialah analisis dapatan daripada ketiga-tiga sub tema yang mendasari tema 1.



### 4.3.1 Mengenal Pasti Isu

Hasil temu bual yang dijalankan dalam ketiga-tiga gelung menunjukkan peserta kajian dapat berfikir secara rasional dalam mengenal pasti isu moral. Mereka dapat mengenal pasti sama ada isu yang dilontarkan adalah melibatkan isu moral atau sebaliknya. Menerusi teknik KB, peserta kajian dapat mengenal pasti isu moral melalui aktiviti prapengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran dalam setiap gelung. Peserta kajian bukan sahaja dapat mengenal pasti isu yang dilontarkan sebaliknya dapat menyatakan dengan jelas perkaitan isu tersebut dengan senario masa kini.

Hasil temu bual di dalam Gelung Pertama menunjukkan peserta dapat mengenal pasti isu utama daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti prapengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti prapengajaran penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan dalam alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat menganalisis klip video yang dimuat naik dan mengenal pasti isu buli fizikal yang berlaku dalam tema penganiayaan terhadap manusia. Hasil temu bual Gelung Pertama mendapati peserta kajian mengenal pasti bahawa isu buli fizikal merupakan isu kritikal yang sudah menular dalam kehidupan harian murid di sekolah.





Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta juga dapat memberikan respons yang kritis tentang implikasi tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta berupaya mengaitkan isu moral dengan senario murid masa kini. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta mengenal pasti isu buli fizikal dan pemikiran moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Apa isu utama yang anda dapat kenal pasti?

Peserta 2 : Isu buli sinonim dengan kehidupan sebagai murid di sekolah. Emm..macam murid lelaki dibuli secara fizikal atau emosi..yang paling teruk apabila mereka dibuli secara fizikal. Tetapi ada juga yang suka membuli secara emosi...emm yang itu lebih teruk kerana melibatkan emosi. Berdasarkan klip video yang saya tonton, saya dapat kenal pasti sikap buruk pembuli..emmm...macam kata-kata yang dilemparkan..saya kurang selesa dengan video itu..ada pembuli yang gunakan kata-kata seperti hey..kau...sial..kan perkataan seperti itu kan mencarut.

Peserta 1 : Isunya ialah perbuatan memukul atau buli yang berleluasa di sekolah. Kadangkala kita tidak nampak masalah buli di sekolah. Paparan klip video adalah bukti jelas bahawa isu buli fizikal adalah isu yang serius di sekolah.

(IPGKP/PK6/temkumfokus/gelu1/21.7.2017)

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan) peserta dapat menyatakan dengan jelas tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti prapengajaran membolehkan mereka mengenal pasti isu utama. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli bukan melibatkan pelajar sekolah tetapi melibatkan ahli masyarakat yang lain juga. Peserta juga dapat mengenal pasti isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid sekolah (murid lelaki dan perempuan), buli mental, buli pekerjaan, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian menunjukkan komitmen dengan memberikan pelbagai cadangan yang diutarakan



menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau luar bilik darjah. Pemikiran moral individu bergantung kepada keupayaan mereka untuk mengenal pasti isu moral.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan tema tentang pemikiran moral yang rasional. Peserta kajian dapat mengenal pasti isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti prapengajaran). Peserta kajian dapat mengenal pasti tentang peri pentingnya sikap dan nilai dalam kehidupan seseorang individu. Nilai kehidupan seseorang individu mempengaruhi cara pemikiran mereka. Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat mengenal pasti isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang kerap dibincangkan di dalam akhbar sejak kebelakangan ini (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan di dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk mengenal pasti isu LGBT dari kaca mata rakyat Malaysia. Peserta berpendapat bahawa keberadaan seseorang individu di sesuatu tempat akan mempengaruhi nilai yang dipegang. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Peserta 1 : Saya fikir isu LGBT di Malaysia agak sensitif untuk dibincangkan. Ramai ahli akademik dan ahli masyarakat yang bincang...mungkin agak sensitif. Tapi perlu dibincangkan di dalam konteks masyarakat Malaysia. Lagipun di akhbar, sudah ada banyak laporan tentang isu ini..emm..mungkin serius juga. Memandangkan banyak kes dan laporan kes yang berlaku..

Peserta 2 : Ya. Saya dapat mengenal pasti isu LGBT ini semakin menjadi-jadi di Malaysia. Jadi kena lihat semula didikan ibu bapa. Ia penting untuk kita membentuk suasana didikan yang sihat...emm..sejak dua tiga tahun kebelakangan ini isu ini menjadi 'panas' di Malaysia..

(IPGKS/PK5/ temkumfokus/gelu12/25.7.2017)



Kedua-dua sedutan temu bual Gelung Kedua ini menunjukkan peserta sedar bahawa keberadaan seseorang individu menentukan tingkah laku moral yang perlu diikuti. Seseorang individu perlu menerima pakai tindakan bermoral yang diamalkan oleh ahli masyarakat. Tindakan yang tidak bermoral akan mengundang tingkah laku yang tidak sihat.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti prapengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa isu jenayah siber telah menjadi bahan mulut segenap masyarakat sejak kebelakangan ini. Peserta dapat mengenal pasti isu jenayah siber berlaku dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan aktiviti *online*. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Adakah anda faham isu yang ditonton di dalam klip video bertajuk *Jenayah Siber- Short Story*?

Peserta 5 : Isu jenayah siber banyak melibatkan ahli masyarakat kita yang tidak sedar bahawa aktiviti secara talian boleh menyebabkan mereka terperangkap...ok..kena tau bahawa siber bukan sahaja mengakses internet tetapi mendedahkan diri kepada perangkap..  
(IPGKS/PK3/temkumfokus/gelu3/19.9.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘*Jenayah Siber- Short Story*’ (Gelung Ketiga-interaksi bersemuka) membantu peserta kajian mengenal pasti isu jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk mengenal pasti isu moral. Perbincangan dalam interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian memahami isu tersebut secara jelas. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.



- Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR-Code* dan lembaran kerja mengembangkan pemikiran moral anda?
- Peserta 2 : Ia membolehkan saya tahu banyak perkara tentang jenayah siber. Saya dapat mengenal pasti bahawa jenayah siber akan menjadi semakin popular pada tahun mendatang...Benda semacam ini dilakukan oleh orang yang sangat bijak..emm..mereka halakan terutama kepada golongan remaja untuk melakukan perbuatan jenayah. Mungkin sama dengan jenayah terancang. Mereka merupakan kumpulan yang tidak bermoral. Mereka bakal merosakkan masyarakat pada masa akan datang. Mereka bakal melumpuhkan ekonomi negara.  
(IPGKS/PK4/temkumfokus/gelu3/19.9.2017)

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti prapengajaran-menonton klip video dan perbincangan) menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk mengenal pasti isu moral dan tindakan baik serta buruk. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta mengenal pasti isu buli fizikal yang bukan sahaja berlaku di sekolah tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka juga menunjukkan peserta bersetuju bahawa setiap individu harus berupaya mengekalkan keharmonian dan mengelakkan sengketa ketika berhadapan dengan isu moral. Catatan jurnal berikut menunjukkan pemikiran moral yang dipaparkan oleh peserta kajian.

Ketika menonton klip video, saya dapat mengenal pasti dan memahami nilai-nilai moral seperti saling menghormati dan menyayangi. Buli bukan sahaja berlaku di sekolah tetapi di mana-mana sahaja. Aktiviti buli yang diamalkan oleh majikan di tempat kerja merupakan perbuatan keji dan tidak berperikemanusiaan. Buli bukan sahaja boleh berlaku secara fizikal tetapi juga boleh dalam bentuk bahasa dan perkataan.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)



Setelah terlibat dalam aktiviti prapengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat perbuatan yang menyusahkan orang lain dan menyebabkan trauma terhadap diri seseorang ternyata tidak boleh diterima dalam masyarakat. Manusia perlu belajar untuk mendisiplinkan diri mereka sekiranya mereka ingin mengharapkan kasih sayang daripada orang lain. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa setiap individu bertanggungjawab untuk menjaga imej mereka dan cinta akan keamanan.

Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui aktiviti perbincangan tadi, saya dapat mengenal pasti dan mentafsir isu buli yang berlaku di tempat kerja. Namun, klip video tersebut agak keterlaluan. Majikan menggunakan kuasa mereka untuk membuli pekerja. Bahasa yang diucapkan agak kasar. Saya fikir sifat buli ternyata tidak dapat diterima oleh manusia yang rasional.

(IPGKM/PK5/JurP/Gel1/14.7.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa hal sebegini telah mendasari pemikiran moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, pegangan agama perlu dititikberatkan ketika berhadapan dengan krisis identiti. Pemikiran positif yang dimiliki oleh peserta kajian juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Aktiviti menonton klip video telah memberi saya peluang untuk mengenal pasti isu LGBT di dalam masyarakat Malaysia. Sebagai seorang guru, saya perlu memastikan setiap murid itu menguatkan diri dengan ilmu keagamaan agar mereka bersedia apabila berhadapan dengan situasi yang sukar. Saya perlu membimbing mereka agar mereka tidak terpengaruh dan tergugat untuk menuju ke jalan yang benar.

(IPGKM/PK1/JurSCH/Gel 2/21.7.2017)



Peserta kajian juga dapat mengenal pasti isu moral berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti prapengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara terancang oleh *hackers* di dalam gelung ketiga membolehkan peserta mengenal pasti isu siber sebagai isu yang harus diberikan perhatian serius oleh pihak berkuasa. Semasa sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video ‘Awat! Jenayah Siber’ memberi mereka peluang untuk mengenal pasti senario terkini jenayah siber.

Klip video yang ditonton tentang isu jenayah siber membolehkan saya memahami isu siber. Isu siber harus dipantau. Teknologi semakin canggih menyebabkan dunia dikawal oleh komputer. Telefon pintar dengan banyak aplikasi moden menyebabkan isu siber semakin meruncing.

(IPGKP/PK2/ JurSc/ Gel3/21.9.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka)

menyokong perkembangan pemikiran moral yang rasional oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk mengenal pasti isu moral dengan lebih mendalam dan dapat membentuk pemikiran rasional mereka. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Saya terlibat di dalam aktiviti *hot seats* hari ini. Aktiviti *hot seats* membantu saya untuk mengenal pasti peranan saya sekiranya privasi dicerobohi. Saya dapat mengetahui tentang Cyber999. Cyber999 adalah pusat tindak balas insiden keselamatan siber. Saya perlu melaporkan kepada Cyber999 sekiranya privasi siber saya dicerobohi. Saya juga dapat memuat kesimpulan bahawa banyak tindakan yang perlu dibanteras untuk mencegah jenayah siber.

(IPGKP/PK1/ JurSc/ Gel3/21.9.2017)





Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi prapengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat mengenal pasti elemen-elemen moral yang perlu di dalam kehidupan seperti keperluan untuk mengasihi antara satu sama lain, ketidakadilan yang berlaku di dalam kehidupan dan penindasan terhadap kumpulan yang lemah. Peserta kajian dapat mengenal pasti isu buli siber (sesi prapengajaran) yang bertujuan mengaibkan orang lain. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian dapat mentafsir buli siber sebagai satu tindakan yang tidak berperikemanusiaan (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian menganggap buli sebagai satu bentuk penindasan moden yang secara terang-terangan mencabul hak seseorang individu. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu isu buli siber ditangani segera oleh pihak berkuasa sebelum menjadi parah.



Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti prapengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik mendapati dalam klip video bertajuk ‘Samun Di Stesen Petrol’, peserta dapat mengenal pasti isu jenayah jalanan yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini. Peserta kajian mendapati klip video tersebut memberikan konotasi tentang isu jenayah jalanan yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini. Peserta kajian berpendapat bahawa isu jenayah jalanan perlu ditangani segera kerana mendatangkan kesusahan dan menjejaskan keharmonian masyarakat.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Bard/25.8.2017)



Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila peserta kajian melaksanakan perbincangan terhadap isu LGBT. Keratan akhbar bertajuk ‘LGBT Bencana Kepada Sistem Keluarga’ telah digunakan untuk menggerakkan perbincangan aktiviti *think-pair-share*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa sekolah perlu memainkan peranan yang lebih aktif untuk membendung kegiatan yang tidak bermoral. Peserta kajian mencadangkan bahawa guru di sekolah perlu tenang dan bersikap terbuka ketika mengendalikan masalah yang berkaitan dengan orientasi seksual murid (isu LGBT).

(IPGKP/pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)

Pemerhatian penyelidik (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats*- interaksi bersemuka) dalam Gelung Ketiga untuk tema jenayah siber pula membuktikan bahawa individu sendiri perlu mempunyai sikap berhati-hati dan bertanggungjawab ketika mengendalikan aktiviti siber. Penyelidik mendapati perbincangan aktiviti *think-pair-share* menjurus kepada klip video bertajuk ‘R.A.G.E Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur’. Peserta kajian dapat mengenal pasti isu jenayah siber yang berlaku dalam kalangan individu bawah umur (aktiviti prapengajaran). Menerusi aktiviti *think-pair-share* juga, pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian mengenal pasti isu kelalaian individu sendiri sebagai punca berlakunya jenayah siber. Implikasinya, menurut peserta kajian (interaksi bersemuka), aplikasi media sosial disalahgunakan dan menyebabkan pemangsa (*predators*) mengambil peluang ke atas gadis bawah umur. Peserta kajian mencadangkan agar pengguna siber menanam sikap berhati-hati ketika menggunakan media sosial seperti *WeChat*, *Whatsapp*, *Instagram* dan *Facebook*.

(IPGKS/pemer/Gel 3/Tamil/ 18.9.2017)



### 4.3.2 Memerihalkan Isu

Hasil temu bual di dalam Gelung Pertama menunjukkan peserta berupaya memerihalkan isu daripada senario, peristiwa dan aktiviti dalam aktiviti prapengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Aktiviti memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan (aktiviti prapengajaran) telah dilaksanakan oleh penyelidik. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat menerangkan inti pati klip video yang dimuat naik dan memerihalkan isu buli fizikal yang berlaku dalam tema penganiayaan terhadap manusia. Hasil temu bual Gelung Pertama mendapati peserta kajian berupaya memerihalkan bahawa buli fizikal juga berpunca daripada tindakan keterlaluan pelajar *senior* terhadap pelajar *junior* di sekolah. Peserta juga mengaku bahawa perlakuan sadis

juga merupakan punca pelajar sekolah dibuli.

Dalam interaksi bersemuka, peserta juga memberikan maklum balas yang kritis tentang kesan tingkah laku buli fizikal. Peserta berupaya menjelaskan isu moral dan menjangkakan kesan jangka panjang yang timbul kepada mangsa buli. Petikan temu bual berikut menunjukkan keupayaan peserta memerihalkan isu buli fizikal dan pemikiran moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Peserta 1 : Isu buli bukan hanya berlaku di dalam video..Macam dulu..Sekolah saya belajar dahulu pun banyak kes buli. Buli oleh pelajar *senior* dan *junior* . Kawan saya yang tinggal di asrama sering dibuli kerana dia lembut sedikit (ketawa). Dia jadi mangsa. Kadang buli dibuat untuk melepaskan dendam. Itu punca buli secara fizikal. Lebih berbentuk sadis. Bahaya juga..

Penyelidik : Apa kesan perbuatan ini?



- Peserta 2 : Kesan jangka panjang. Mungkin ada yang alami kesan psikologi secara berpanjangan...emm..Contohnya *disorder*. Mungkin mereka memberontak secara dalaman..Lebih buruk jika ibu bapa tidak ambil kisah.  
(IPGKS/PK3/temkumfokus/gel 1/21.7.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta dapat memerihalkan isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dalam klip video kedua yang ditonton oleh mereka (aktiviti prapengajaran). Peserta dapat memerihalkan perlakuan buli yang dilakukan oleh pelajar perempuan. Klip video yang mendedahkan perlakuan memukul dan mengugut berpunca daripada perasaan dendam. Peserta mengakui bahawa buli fizikal merupakan tindakan yang berpunca daripada balas dendam, sadis dan inginkan perhatian. Rujuk temu bual berikut.



- Penyelidik : Pada pandangan anda mengapakah murid perempuan tersebut membuli?

- Peserta 1 : Murid tersebut membuli dengan begitu bersemangat (ketawa)..macam dia dah biasa membuli..mungkin dia sadis kot..terajang, pukul...mungkin nak kan perhatian daripada rakannya yang lain. Nampak kawan yang lain...semua tengok sahaja. Mungkin dia ketua geng buli..

- Peserta 2 : Mungkin ada masalah jiwa. Cara dia pukul dan tendang begitu kuat..Sampaikan mangsa tergolek..Dalam klip video tersebut nampak murid perempuan tersebut tidak dapat menahan kesakitan. Biasa yang ada masalah keluarga juga boleh buat begini..Ni kena rujuk pakar bimbingan dan psikologi..  
(IPGKS/PK2/temkumfokus/gel 1/21.7.2017)

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat memerihalkan dengan jelas tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti prapengajaran membolehkan isu mereka memerihalkan isu berbangkit.





Peserta juga telah berkongsi pandangan bahawa isu moral seperti isu buli merupakan isu yang kian menjadi-jadi dan semakin mendapat perhatian serius daripada ahli masyarakat. Peserta telah dapat memerihalkan isu buli fizikal yang berlaku di sekolah (murid lelaki dan perempuan), buli mental, buli pekerjaan, buli siber dan buli jalanan. Menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau di luar bilik darjah, peserta telah memberikan kesungguhan dengan menghuraikan dengan panjang lebar perihal isu moral yang dibincangkan. Pemikiran moral individu bergantung kepada keupayaan mereka untuk memerihalkan isu moral.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan tema tentang pemikiran moral yang rasional. Peserta kajian dapat memerihalkan isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti prapengajaran). Peserta kajian dapat memerihalkan tentang kepentingan mempunyai sikap menghormati hak asasi bagi menjamin kehidupan seseorang individu. Pemikiran yang lahir pada seseorang individu bergantung kepada keupayaan mereka untuk menghormati hak orang lain. Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian telah memerihalkan isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT)* sebagai isu yang hangat diperkatakan oleh masyarakat pada masa kini. Peserta berpendapat bahawa pengaruh media juga mempengaruhi cara sesuatu isu dipaparkan. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Peserta 1 : Mungkin kalau kita tidak mendalami isu LGBT..emm..macam..kita mungkin tidak faham tentang kehendak mereka dan apa keperluan mereka..Mungkin kita tidak tahu apa yang dirasakan oleh mereka. Tetapi setelah kita melihat video dan mendengar keluhan mereka...kita tahu...emm..maka kita tahu bahawa mereka sebenarnya golongan yang tersisih dari segi emosi....kita dapat tahu bahawa kita mungkin perlu menghormati mereka.

(IPGKM/ PK4/ temkumfokus/gel 2/25.8.2017)



Peserta 3 : Terbuka maksudnya bukan kita menerima benda itu, benda itu mungkin tetap salah tetapi keterbukaan saya bukan setakat mengatakan benda itu betul. Keterbukaan itu adalah lebih *open* untuk mengenali dan menerima dia orang apa masalah mereka sebenarnya. Mungkin sebelum ini..macam baru-baru ini saya terjumpa dengan orang yang terkenal di dalam dunia mak andam.

(IPGKS/PK5/ temkumfokus/gel 2/25.7.2017)

Kedua-dua sedutan temu bual Gelung Kedua ini membuktikan bahawa peserta kajian memerihalkan kesan jangka panjang jika manusia menghindarkan nilai moral di dalam kehidupan. Mereka juga mempunyai pemikiran bahawa setiap individu perlu mempunyai perasaan kasih sayang terhadap individu yang lain dan mengelakkan perbuatan menganiaya sesama manusia.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti prapengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian telah memerihalkan bahawa jenayah siber merupakan jenayah terancang yang bergiat aktif sejak kebelakangan ini.

Peserta dapat memerihalkan isu jenayah siber yang berlaku dalam segenap kehidupan secara talian. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Pada pendapat anda, adakah isu jenayah siber kritikal?

Peserta 1 : Jenayah siber masih baharu dan dijangka akan terus bertambah kerana ramai orang guna aktiviti melibatkan talian. Dulu tak *famous*..sekarang ramai dah kena kot.. Saya juga pernah terkena..Ye la..suka beli-belah secara *online*..mula tu yakin dengan aktiviti *online* tapi lepas terkena sekali serik pula..Dengar juga ramai kena tipu.tapi saya kena tipu sedikit sahaja..

(IPGKM/PK3/ temkumfokus/gel 1/27.9.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Data Jenayah Siber’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) membantu peserta kajian untuk memerihalkan isu jenayah siber dengan lebih terperinci. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk memerihalkan isu moral. Perbincangan dalam interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian berupaya memerihalkan isu tersebut dengan jelas. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.

Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja membantu mengembangkan pemahaman anda mengenai isu moral tersebut?

Peserta 1 : Banyak maklumat dan data yang saya peroleh daripada pencarian maklumat menerusi Internet..yang paling banyak ialah data jenayah siber...bila saya gunakan *QR Code* maklumat yang saya peroleh lebih tersusun. Saya dapat lebih banyak data yang diperlukan. Bukan sahaja di luar negara tetapi di Malaysia..yang banyak saya lihat ialah kes penipuan cinta menerusi talian..

(IPGKS/PK3/temkumfokus/gel 1/21.10.2017)

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti prapengajaran- menonton klip video dan perbincangan) mendapati peserta kajian berupaya untuk memerihalkan isu moral dan dapat menjangka tindakan baik serta buruk. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta memerihalkan isu buli fizikal yang bukan sahaja berlaku di sekolah tetapi juga di alam siber dan persekitaran kerja. Perbincangan dalam sesi bersemuka juga menunjukkan peserta bersetuju bahawa individu dalam masyarakat perlu mengelakkan sengketa ketika berhadapan dengan isu moral. Catatan jurnal berikut menunjukkan pemikiran moral yang dipegang oleh peserta kajian.

Di dalam klip video tersebut, guru ditendang dan berlaku pertikaman lidah antara guru dan murid. Sebabnya ialah kerana murid gagal menyiapkan kerja sekolah dan menulis perkataan gila babi. Saya mempelajari bahawa tindakan murid bergaduh dengan guru merupakan tindakan yang tidak wajar dilakukan sama sekali oleh murid. Guru ibarat Tuhan dalam masyarakat kita.

(IPGKM/PK3/JurP/Gel1/14.7.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti prapengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat buli mental merupakan satu bentuk perbuatan yang sangat menyakitkan walaupun kesannya tidak kelihatan secara luaran. Tindakan membuli secara mental, menurut peserta kajian merupakan tindakan yang tidak boleh diterima dalam masyarakat. Masyarakat harus belajar cara berkomunikasi dengan orang lain dengan menggunakan bahasa yang sopan, dan diterima umum. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan

bahawa setiap individu perlu menghormati orang lain dan beradab ketika berkomunikasi dengan orang lain. Rujuk catatan jurnal berikut.

Saya terlibat di dalam aktiviti soal jawab hari ini. Aktiviti soal jawab pada hari ini membuka perbincangan tentang cara berkomunikasi supaya buli secara mental dapat dicegah. Setiap orang perlu berfikir sebelum bercakap, apatah lagi ketika emosi mereka kurang stabil. Klip video yang dipaparkan merupakan gambaran perasaan memberontak yang ada di dalam diri individu tersebut.

(IPGKP/PK1/ JurP/ Gel3/29.10.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat hal sebegini telah mendasari pemikiran moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu jenayah jalanan, masyarakat perlu patuh kepada undang-undang-undang dan turut membantu untuk mengurangkan jenayah jalanan di Malaysia. Pemikiran positif yang dimiliki oleh peserta kajian juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Saya terlibat di dalam aktiviti *trade a problem* hari ini. Aktiviti penyelesaian masalah ini membantu saya untuk mengetahui perkara pokok yang berlaku di dalam isu jenayah jalanan. Pokoknya undang-undang harus dipatuhi oleh masyarakat. Kita terikat kepada undang-undang. Kedaulatan undang-undang bermaksud kita wajib mematuhi undang-undang. Sekiranya manusia tidak patuh kepada undang-undang, kita tidak dapat mengharapkan keamanan dalam kehidupan.

(IPGKP/PK6/ JurSc/ Gel3/21.10.2017)

Peserta kajian juga dapat memerihalkan isu moral berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton dalam Gelung Ketiga (aktiviti prapengajaran). Klip video tentang ‘Klik Dengan Bijak- Buli Siber’ membolehkan peserta kajian memerihalkan isu tentang masyarakat yang sudah mula melakukan urus niaga secara online, lantaran menyebabkan *hackers* mula mencari ruang untuk menipu pengguna. Semasa sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video tersebut

memberi mereka peluang untuk memerihalkan isu jenayah siber ketika aktiviti beli-belah dilaksanakan.

Klip video yang ditonton tentang isu jenayah siber ketika membeli belah merupakan isu terbaharu semenjak kehadiran Internet dan dunia perbankan. Memandangkan aktiviti *online* semakin berkembang, orang ramai perlu berjaga-jaga. Masih ramai yang was-was terhadap beli-belah secara *online*.

(IPGKP/PK6/ JurSc/ Gel3/21.10.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan moral yang rasional oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *trade a problem* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berupaya untuk menggambar dan memerihalkan isu moral yang berlaku dengan lebih mendalam dan dapat membentuk pemikiran rasional mereka. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.



Aktiviti *trade a problem* hari ini memberi peluang kepada saya untuk mengetahui pelbagai masalah yang berlaku di dalam urus niaga siber. Pelbagai undang-undang diwujudkan untuk mencegah jenayah siber. Antaranya Akta Percetakan, Akta Penyiaran, Akta Hasutan dan Akta Komunikasi. Laman web *E-Security* turut dibangunkan untuk membimbing masyarakat tentang ancaman siber.

(IPGKP/PK3/ JurSc/ Gel3/21.10.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi prapengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat memerihalkan aspek moral yang perlu wujud di dalam kehidupan seseorang individu. Peserta kajian dapat memerihalkan isu buli pekerjaan (sesi prapengajaran) yang bertujuan mengambil kesempatan ke atas kelemahan orang lain. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian dapat memerihalkan buli pekerjaan sebagai satu isu yang kritikal kerana boleh menyebabkan kematian (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian menganggap buli pekerjaan sebagai serius kerana tiada data empirikal di Malaysia yang dipaparkan kepada umum sebagai masalah yang perlu ditangani. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu isu buli pekerjaan ditangani oleh kesatuan sekerja sebelum menjadi parah.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti prapengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik mendapati klip video bertajuk ‘ Samun Di Luar Kompleks Beli-Belah’, peserta dapat memerihalkan isu jenayah jalanan yang berlaku tidak sama dengan indeks jenayah jalanan yang dilaporkan di dada akhbar. Peserta kajian mendapati klip video tersebut memberi gambaran bahawa jenayah





jalan di Malaysia semakin meningkat. Peserta kajian berpendapat bahawa isu jenayah jalan merupakan cabaran utama kepada pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandangkan kebanjiran pendatang tanpa izin di kebanyakan tempat di Malaysia.

(IPGKP/Pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *think-pair-share* dan *Hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian berupaya memerihalkan situasi moral dengan jelas apabila mereka melaksanakan perbincangan terhadap isu LGBT. Keratan akhbar bertajuk 'Penularan Gejala LGBT' telah digunakan untuk menggerakkan aktiviti *think-pair-share*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa gejala LGBT telah berkembang sejak kebelakangan ini, dan ada golongan yang menganggap isu tersebut sebagai isu remeh. Bukti pemerhatian

di dalam aktiviti *hot seats* (interaksi bersemuka), mendapati di dalam persekitaran masyarakat yang liberal, terdapat kecenderungan masyarakat untuk membicarakan isu tersebut dengan lebih terbuka. Peserta menyatakan bahawa tindakan dan keputusan yang dilakukan harus berlandaskan kepada undang-undang agar masyarakat dapat hidup aman.

(IPGKP/Pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) juga mendapati bahawa peserta kajian memahami bahawa aktiviti jenayah siber semakin berkembang dan masyarakat perlu peka terhadap data peribadi mereka. Peserta memberi penerangan tentang maklumat peribadi individu yang dicuri daripada telefon pintar dan peranti komputer yang lain, sebagai bukti bahawa individu harus berwaspada dengan jenayah



ini. Peserta kajian berpandangan isu jenayah siber memerlukan penguatkuasaan undang-undang yang tegas.

### 4.3.3 Memperincikan Sebab Musabab

Hasil temu bual di dalam Gelung Pertama menunjukkan peserta dapat memperincikan isu utama daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik klip-klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan dalam alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat menganalisis klip video yang dimuat naik dan memperincikan sebab musabab yang berlaku dalam tema penganiayaan terhadap manusia. Hasil temu bual Gelung Pertama mendapati peserta kajian memperincikan sebab musabab bahawa isu buli fizikal melibatkan faktor-faktor seperti kelemahan asuhan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan kelemahan penguatkuasaan peraturan di sekolah.

Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta dapat memberikan respons yang kritis tentang sebab musabab tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta berupaya menerangkan dengan terperinci tentang punca berlakunya isu moral dan kaitannya dengan senario masa kini. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta memperincikan sebab musabab isu buli fizikal dan pemikiran moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.





- Penyelidik : Pada pandangan anda mengapakah murid suka membuli?
- Peserta 1 : Saya rasa mungkin ada kaitan dengan asuhan ibu bapa..mungkin ibu bapa manjakan anak mereka..tak tau la..tapi sejak kebelakangan ini ramai pula yang macam *psycho*..mereka golongan antisosial..ada gangguan personaliti kot..
- Penyelidik : Bagaimana implikasi kepada pelajar?
- Peserta 2 : Buli bukan sahaja melemahkan semangat pelajar yang dibuli malah ada di antara mereka yang dibuli mental sehingga mereka menyebabkan keputusan peperiksaan semakin merosot dan malah guru yang tidak mengetahui isu tersebut akan menyalahkan pelajar yang mempunyai keputusan yang lemah itu, padahal mereka tidak mengetahui tentang apa yang berlaku. Hal ini adalah kerana tindakan sekolah yang inginkan reputasi atau nama sekolah mereka sentiasa naik sehingga meletakkan isu-isu buli yang berlaku sebagai remeh tanpa memikirkan kesan yang berlaku kepada murid.
- (IPGKS/PK1/temkumfokus/gel 1/21.7.2017)



menunjukkan peserta kajian berupaya memperincikan isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dalam klip video kedua yang ditonton oleh mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat memperincikan sebab musabab perlakuan buli dalam kalangan murid perempuan. Klip video yang dimuat naik dalam platform *Schoology* mendedahkan perlakuan memukul secara bertubi-tubi seorang murid perempuan yang diperhatikan juga oleh rakan murid yang lain. Peserta mengakui bahawa buli fizikal dalam kalangan murid perempuan mungkin berpunca daripada cemburu terhadap kecantikan pelajar. Rujuk temu bual berikut.

- Penyelidik : Anda rasa kecantikan sebab faktor murid perempuan dibuli?
- Peserta 1 : Ya..ada kalanya begitu. Murid perempuan kuat cemburu. Ada kalanya buli tu berlaku kerana pasangan mereka direbut (ketawa). Tapi betul juga...gosip selalu berlaku kat budak perempuan. Itu sebabkan mereka marah..ya la..benda kecil pun boleh jadi isu.. Salah tu..



Peserta 2 : Budak perempuan cepat bosan..kadang mereka tunjukkan rasa dendam tu kat orang lain..  
(IPGKS/PK2/ temkumfokus/gel 1/21.7.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka dapat memperincikan sebab musabab isu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Mereka bukan sahaja dapat memperincikan sebab musabab isu buli fizikal dalam kalangan murid perempuan malahan dapat mengaitkan isu tersebut dengan gangguan personaliti seseorang individu yang bermasalah. Peserta berupaya untuk memperincikan tentang isu buli fizikal yang melibatkan murid lelaki dan perempuan. Peserta juga mengakui bahawa isu buli fizikal berkait rapat dengan kisah lampau seseorang individu dan memerlukan pemantauan berterusan dari pihak sekolah.

Selain itu, temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan tema tentang pemikiran moral yang rasional. Peserta kajian dapat memperincikan sebab musabab jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian dapat memperincikan tanggungjawab individu di dalam masyarakat untuk membentuk kehidupan yang aman. Nilai tanggungjawab seseorang individu mempengaruhi pemikiran mereka. Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat memperincikan sebab musabab individu terlibat dengan isu LGBT (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan di dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk memperincikan sebab musabab isu LGBT dan implikasinya kepada masyarakat Timur. Peserta berpendapat bahawa nilai kasih sayang seseorang individu



mempengaruhi pemikiran mereka. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

- Penyelidik : Pada pendapat anda, mengapa isu LGBT dianggap sebagai isu moral yang penting di Malaysia?
- Peserta 1 : Di Malaysia..tau kan..kita negara yang mementingkan adat..nilai ketimuran..hubungan sesama jenis semacam *taboo*..kadang nak cakap pun payah..apatah lagi mengaku diri mereka LGBT..di barat..lebih terbuka..isu kebebasan dan hak asasi manusia dipentingkan. Jadi kita perlu berlaku adil kepada sistem dan individu..
- Peserta 2 : Isu LGBT penting dibincangkan..ada golongan yang anggap benda ini sebagai benda tidak bermoral...sedangkan ada lagi golongan yang menganggap isu ini tidak ada kesan pada sesiapa kerana golongan LGBT tidak mendatangkan kesan..tak cederakan sesiapa..  
(IPGKM/PK1/ temkumfokus/gel 2/17.8.2017)



Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa jenayah siber tidak mungkin akan berkurangan dalam masa terdekat kerana sikap tidak peduli masyarakat. Peserta dapat memperincikan sebab musabab isu jenayah siber semakin meningkat kerana penglibatan masyarakat dalam aktiviti online. Rujuk temu bual berikut.

- Penyelidik : Adakah anda faham isu yang ditonton di dalam klip video 'Jenayah Siber- *Short Story*'?
- Peserta 1 : Ya..isu jenayah siber berpunca daripada sikap tidak acuh masyarakat terhadap aktiviti *online*. Mereka mudah percaya..ya..kalau orang telefon tanya nombor telefon bank..jangan la terus bagi..siasat dulu dengan bank..
- Peserta 2 : Jenayah tetap jenayah...emm..dulu ada yang datang ke rumah dan tipu jual barang..sekarang tidak lagi sebab dah ada teknologi..lagi banyak boleh dikaut sebab boleh ceroboh akaun bank..penjenayah siber tahu kelemahan mangsa..mereka kaji dahulu..  
(IPGKP/PK5/ temkumfokus/gel 1/21.10.2017)



Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Awas- Jenayah Siber’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) membantu peserta untuk memperincikan sebab musabab jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk memperincikan sebab musabab isu moral. Perbincangan dalam interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian berupaya memperincikan sebab musabab isu tersebut secara jelas. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.

Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja dapat mengembangkan pemikiran moral anda?

Peserta 1 : Saya dapat tahu..dalam isu jenayah siber...ada dalang besar di sebalik kes jenayah siber..*hackers*..pakar IT..Mereka boleh lumpuhkan negara..aktiviti *terrorist*, pencurian wang, pengedaran dadah, senjata haram..barangan haram dan sebagainya..manusia menjadi semakin tamak..

Peserta 2 : Ancaman teroris yang paling ditakuti..mereka mampu haru-  
birukan kehidupan individu, masyarakat..ada yang buka akaun media sosial berpuluh-puluh dengan guna nama samaran..susah nak kesan..nak kaut keuntungan dengan cara mudah..

(IPGKS/PK6/ temkumfokus/gel 3/21.10.2017)

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-  
menonton klip video dan perbincangan) menunjukkan peserta kajian berupaya untuk memperincikan sebab musabab isu moral dan tahu tindakan yang baik serta buruk. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta memperincikan sebab musabab isu buli fizikal yang kian berlaku di premis sekolah dan kawasan persekitaran kerja seseorang individu. Perbincangan dalam interaksi bersemuka juga menunjukkan peserta bersetuju bahawa setiap individu harus patuh kepada undang-undang dan mengelakkan sengketa ketika berhadapan

dengan isu moral. Catatan jurnal berikut menunjukkan pemikiran moral yang dipaparkan oleh peserta kajian.

Ketika menonton klip video, saya dapat faham bahawa ramai murid pernah dibuli. Data dari klip video menyebut 84% murid mengaku pernah dibuli. Mangsa yang dibuli mengalami trauma. Pembuli membuli untuk menunjukkan kuasa dan bangga apabila berjaya menundukkan orang lain. Buli perbuatan yang tidak bermoral. Kadang kala keluarga pincang pembuli juga mempengaruhi tindakan mereka.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat perbuatan buli di persekitaran kerja ternyata merupakan perbuatan yang menyumbang kepada tekanan perasaan dan rasa rendah diri dalam kalangan pekerja. Manusia perlu belajar menghormati orang lain dan tidak bertindak menjatuhkan maruah seseorang. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap

manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa setiap individu bertanggungjawab untuk menghormati orang lain dan tidak memperlekehkan kemampuan individu lain. Rujuk catatan jurnal berikut.

Saya terlibat di dalam aktiviti perbincangan hari ini. Perbincangan tentang buli di tempat kerja membolehkan saya memahami layanan yang diberikan oleh majikan terhadap pekerja. Tindakan majikan yang membuli pekerja, seperti yang dipaparkan di dalam klip video. Majikan tidak mahu dicabar oleh pekerja. Hanya kerana pekerja memberikan cadangan yang tidak digemari oleh majikan, mereka bertindak menggunakan kata kesat.

(IPGIK/PK5/JurP/Gel1/14.7.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa ketidakpatuhan terhadap undang-undang telah mendasari pemikiran moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, walaupun golongan tersebut menuntut hak asasi yang lebih bebas, tindakan yang lebih berhemah perlu

diambil agar tidak mendatangkan kecederaan atau kemudaratan terhadap mereka. Pemikiran positif yang dimiliki oleh peserta kajian juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Aktiviti menonton klip video pada hari ini telah memberi saya peluang untuk mengetahui tentang hukuman yang dijatuhkan kepada golongan LGBT oleh sesetengah negara. Walaupun golongan LGBT menuntut hak asasi, tindakan keras ke atas mereka seperti ditangkap dan dimalukan di khalayak ramai merupakan tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Mereka wajar diberikan kaunseling daripada dimalukan. Ada yang dibunuh.

(IPGIK/PK1/JUrSCH/Gel2/21.8.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong pemikiran moral yang rasional oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan membaca keratan akhbar (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk memperincikan sebab musabab dengan lebih mendalam dan membentuk pemikiran moral mereka. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Perbincangan berdasarkan keratan akhbar bertajuk ‘Pedofil guna internet wujud rangkaian’ hari ini membolehkan saya mengetahui bahawa isu jenayah siber yang mengumpun kanak-kanak lelaki merupakan tindakan yang tidak dijangka. Tidak ramai yang boleh menjangka siapa pedofil kerana watak mereka tidak dapat dikesan. Mereka tidak tunjukkan sebarang tindakan agresif. Kini mula ada kegiatan mencari mangsa dengan menggunakan rangkaian internet. Manusia perlu lebih menyayangi antara satu sama lain.

(IPGIK/PK1/JurSCH/Gel3/21.10.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat memperincikan sebab musabab tindakan moral di dalam kehidupan manusia. Peserta kajian berpendapat penindasan terhadap golongan lemah seperti kanak-kanak merupakan satu bentuk





tindakan tidak bermoral. Peserta kajian juga dapat memperincikan sebab musabab (aktiviti pra pengajaran) tentang kepentingan tingkah laku yang seiring dengan peraturan yang sesuai dan rasional. Salah seorang rakan kolaborasi penyelidik dapat memerihalkan sebab musabab isu buli mental sebagai ketiadaan tanggungjawab sendiri terhadap orang lain (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian menganggap buli mental sebagai satu bentuk peri laku yang bermotif jahat, mengaibkan orang lain dan tidak boleh diterima akal.

(IPGKP/Pemer/Gel1/Bard/21.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian dapat memperincikan sebab musabab isu moral dengan jelas. Peserta dapat berkongsi pendapat (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku bukan sahaja berlaku di sekolah tetapi boleh berlaku juga kepada individu lain. Peserta kajian berpendapat buli pekerjaan memberi kesan kepada pekerja yang tertekan dengan sikap majikan. Peserta kajian berpendapat kecenderungan majikan yang memperlekehkan pendapat pekerja atau membuat lawak lucu terhadap pandangan pekerja memberi implikasi yang negatif. Pemerhatian penyelidik terhadap peserta kajian dalam isu buli pekerjaan juga mendapati mereka menolak perlakuan buli pekerjaan dengan mengemukakan kritikan dan pandangan di dalam platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, pemikiran moral individu bergantung pada kemampuan mereka untuk memperincikan sebab musabab isu moral.

(IPGKP/Pemer/Gel1/Bard/25.8.2017)



Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats* - interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila peserta kajian terlibat di dalam perbincangan tentang isu LGBT. Keratan akhbar bertajuk 'LGBT Bencana Kepada Sistem Keluarga' telah digunakan untuk mengerakkan perbincangan aktiviti *think-pair-share*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa institusi keluarga harus memainkan peranan penting di dalam memastikan remaja sedar kecelaruan identiti diri mereka. Peserta turut memberi pengakuan bahawa kegagalan institusi keluarga untuk memainkan peranan aktif boleh meruntuhkan institusi sosial. Pemerhatian penyelidik di dalam aktiviti *hot seats* (interaksi bersemuka) pula mendapati individu harus berupaya membuat keputusan yang betul agar tidak berlaku konflik di dalam kehidupan. Peserta menyatakan bahawa tindakan dan keputusan yang diambil harus bersandarkan kepada lunas-lunas moral agar tidak mengganggu rukun kehidupan.


(IPGKS/Pemer/Gel2/Tamil/25.8.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) di dalam tema jenayah siber pula mendapati bahawa peserta kajian menjelaskan judi internet berpunca daripada perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) yang diterima menyebabkan individu tidak dapat mengambil keputusan moral yang betul. Peserta kajian yakin jenayah siber seperti judi internet berpotensi menjadi barah di dalam kehidupan sekiranya tidak dibendung dari awal. Peserta kajian berpendapat kewujudan pelbagai perkakasan teknologi baharu seperti telefon pintar, peranti tab atau komputer menyebabkan aktiviti jenayah siber ini dapat dilakukan tanpa mengira waktu dan lokasi.

(IPGKP/Pemer/Gel3/Ramesh/13.11.2017)

#### 4.4 Tema 2: Penelitian Dalam Membuat Keputusan Moral

Tema 2 iaitu penelitian dalam membuat keputusan dihasilkan menerusi tiga sub tema yakni menaakul isu moral, menilai sebab-musabab dan berfikir tentang strategi penyelesaian yang wajar. Berikut ialah analisis dapatan daripada ketiga-tiga sub tema yang menjana tema 2. Rujuk Rajah 4.4.



Rajah 4.4. Ciri-Ciri Dalam Proses Penelitian Dalam Membuat Keputusan Moral



#### 4.4.1 Menaakul Isu Moral

Hasil temu bual di dalam Gelung Pertama menunjukkan peserta dapat menaakul isu moral daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan dalam alam pekerjaan telah dimuat naik oleh penyelidik dalam aktiviti pra pengajaran. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat menganalisis klip video yang dimuat naik dan menaakul isu buli fizikal yang berlaku dalam tema penganiayaan terhadap manusia. Hasil temu bual Gelung Pertama mendapati peserta kajian dapat menaakul bahawa isu buli fizikal merupakan yang tidak patut dilakukan oleh seseorang individu. Tindakan membuli dan mencabul hak asasi orang lain adalah tindakan yang tidak bermoral.



Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta juga dapat memberikan maklum balas yang kritis tentang implikasi tingkah laku yang tidak bermoral. Peserta berupaya mengaitkan isu moral dengan kepentingan orang lain. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta menaakul isu buli fizikal dan pemikiran moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

- Penyelidik : Apa pendapat anda tentang isu buli fizikal?
- Peserta 2 : Berdasarkan klip video yang saya tonton, isu buli tidak sepatutnya berlaku..saya tak pasti macam mana sekolah terlepas pandang isu tersebut walaupun berlaku di kawasan sekolah.
- Peserta 1 : Patutnya sekolah tegas menguatkuasakan peraturan..nampak di dalam bilik darjah..ramai yang terlibat..bagaimana benda macam ini boleh berlaku? Tidak ada guru ke? Nampak macam buli itu berlaku dalam waktu persekolahan..

(IPGKP/PK4/temkumfokus/gelu1/21.7.2017)





Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat menaakul isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dalam klip video kedua yang ditonton oleh mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat mentafsir bahawa perlakuan membuli terhadap murid perempuan merupakan tindakan yang tidak wajar. Klip video ini juga telah mendedahkan situasi murid perempuan yang melakukan kekerasan fizikal dengan diperhatikan oleh rakan perempuan mereka yang lain. Peserta mengakui bahawa buli fizikal yang melibatkan murid perempuan merupakan tindakan yang tidak wajar kerana bertentangan dengan peraturan dan nilai masyarakat. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Bagaimana anda mentafsir isu buli fizikal murid perempuan?

Peserta 1 : Emm...(menggeleng kepala)..patut buli itu sendiri salah..ini kan pula pelajar perempuan membuli..rasa budak perempuan itu dalam lingkungan 13-14 tahun..tergamak dia terajang..tendang..Masyallah..

(IPGIK/PK2/temkumfokus/gelu1/21.7.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka dapat menaakul isu moral iaitu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Mereka bukan sahaja dapat memperincikan sebab musabab isu buli fizikal malahan dapat menaakul isu tersebut. Peserta berupaya untuk menaakul tentang isu buli fizikal yang melibatkan murid lelaki dan perempuan. Peserta juga mengakui bahawa isu buli fizikal tanpa mengira gender tidak wajar berlaku di sekolah. Peserta kajian berpendapat sepatutnya sebagai pelajar, mereka menunjukkan adab dan disiplin yang tinggi ketika berada di sekolah.



Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan tema tentang penelitian dalam membuat keputusan moral. Peserta kajian dapat menaakul isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian dapat menerima bahawa sikap dan nilai merupakan elemen penting di dalam kehidupan seseorang individu. Nilai kehidupan yang dipegang oleh seseorang individu mempengaruhi cara pemikiran mereka. Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menaakul isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang kerap berhadapan dengan konflik masyarakat (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan di dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk menaakul isu LGBT dari kaca mata rakyat Malaysia. Peserta berpendapat bahawa nilai ketimuran yang sebatu dalam diri masyarakat telah menjadi asas kepada masyarakat untuk mengkritik golongan LGBT. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Penyelidik : Bagaimana anda melihat isu LGBT?

Peserta 2 : Kalau nak ikutkan memang tak boleh..kat Malaysia nilai berbeza..masyarakat Timur..ramai juga yang belum *open minded*. Mereka tak kisah tentang hak asasi. Tapi kalau diikuti dengan agama..memang la tak boleh..Masa Zaman Nabi Luth ada juga golongan homoseksual..dalam Quran dan Hadis juga..jadi hukum agama..salah melakukan hubungan jenis..

(IPGKM/PK5/ temkumfokus/gelu2/25.9.2017)

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa isu jenayah siber merupakan perbuatan terkutuk yang tidak patut dilakukan oleh sesetengah anggota masyarakat. Peserta dapat menaakul isu jenayah siber berlaku dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan aktiviti online. Rujuk temu bual berikut.



- Penyelidik : Bagaimana anda mentafsir isu jenayah siber?
- Peserta 5 : Jenayah siber merupakan percubaan orang yang menyambil kesempatan ke atas orang lain..Banyak kes yang berlaku..mengakibatkan kerugian kepada individu. Tak patut sama sekali. Sindiket mencuri bermaharajalela. Kalau dahulu merompak secara fizikal. Sekarang mencuri atas kealpaan orang lain. Semua silap!  
(IPGKS/PK4/temkumfokus/gelu3/9.11.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Jenayah Siber- Short Story’ (Gelung Ketiga-interaksi bersemuka) membantu peserta kajian menaakul isu jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk menaakul isu moral. Perbincangan dalam interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian dapat menaakul isu moral. Berikut



- Penyelidik : Bagaimana anda dapat faham isu atau konflik dalam aktiviti *QR Code* tadi?
- Peserta 2 : Kami boleh faham.. contohnya pengguna siber yang tidak peduli terhadap kerahsiaan kata laluan mereka..Patutnya mereka simpan *username* dan *password* mereka. Itu pengetahuan asas ketika gunakan alam siber. Kalau selalu lupa *password* susahlah. Lagi teruk kalau suruh orang simpan *password*.
- Penyelidik : Bolehkah kalian dapat faham situasi dan nilai yang dipaparkan melalui aktiviti *QR Code*?
- Peserta 3 : Boleh...Aktiviti *QR Code* merupakan aktiviti *scan*..bayangkan kalau *scan* kad tanpa kad fizikal..hanya guna telefon bimbit. Berlaku tetapi membahayakan. Kalau ribuan dicuri? Bagaimana? Teknologi disalahgunakan..Orang juga tamak..  
(IPGKM/PK2/temkumfokus/gelu3/9.11.2017)





Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk menaakul isu moral dan mengambil keputusan ke atas tindakan baik serta buruk. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta menaakul isu buli fizikal yang bukan sahaja berlaku di premis kerajaan tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka juga menunjukkan peserta bersetuju bahawa setiap individu harus berupaya mengekalkan kemananan dan mengelakkan sengketa ketika berhadapan dengan isu moral. Catatan jurnal berikut menunjukkan pemikiran moral yang dipaparkan oleh peserta kajian.

Ketika menonton klip video, saya dapat mengenal pasti dan memahami nilai-nilai moral seperti saling menghormati dan menyayangi. Buli bukan sahaja berlaku di sekolah tetapi di mana-mana sahaja. Aktiviti buli yang diamalkan oleh majikan di tempat kerja merupakan perbuatan keji dan tidak berperikemanusiaan. Buli boleh menyebabkan kesengsaraan. Buli bukan sahaja boleh berlaku secara fizikal tetapi juga boleh dalam bentuk bahasa dan perkataan.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/17.7.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpandangan perbuatan yang menyusahkan orang lain dan menyebabkan trauma terhadap diri seseorang ternyata tidak boleh diterima dalam masyarakat. Manusia perlu belajar untuk mendisiplinkan diri mereka sekiranya mereka ingin mengharapkan kasih sayang daripada orang lain. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa setiap individu bertanggungjawab untuk menjaga imej mereka dan cinta akan keamanan. Rujuk catatan jurnal berikut.







Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui aktiviti perbincangan tadi, saya dapat faham dan kaji isu buli yang berlaku di tempat kerja. Namun, klip video tersebut agak keterlaluan. Majikan menggunakan kuasa mereka untuk membuli pekerja. Bahasa yang diucapkan agak kasar. Saya fikir sifat buli ternyata tidak dapat diterima oleh manusia yang rasional.

(IPGKM/PK5/JurP/Gel1/14.7.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat hak asasi seseorang individu telah mendasari pemikiran moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, individu yang terlibat perlu memikirkan bahawa mereka tinggal di dalam kelompok masyarakat yang belum boleh menerima golongan gay, lesbian, biseksual dan transgender. Pemikiran terhadap masyarakat yang dimiliki oleh peserta kajian juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Aktiviti menonton klip video telah memberi saya peluang untuk mengenal pasti isu LGBT di dalam masyarakat Malaysia. Sebagai seorang guru, saya akan pastikan bahawa pelajar saya yang mengaku diri mereka gay atau lesbian tahu tentang kedudukan mereka di dalam masyarakat. Saya akan menerangkan kepada mereka pro dan kontra pengakuan mereka. Saya akan jelaskan kepada mereka bahawa sebagai seorang individu yang hidup bermasyarakat, setiap orang ada pandangan mereka sendiri.

(IPGKM/PK1/JurSCH/Gel 2/21.7.2017)

Menerusi klip video yang saya tonton, saya dapat kaji dengan lebih lanjut isu LGBT di luar negara dan Malaysia. Di luar negara konteks berbeza. Di Malaysia, kepatuhan kepada nilai masyarakat penting. Tidak boleh terlalu terbuka. Ada agama dan peraturan masyarakat. Setiap orang perlu tahu batas mereka. Pandangan setiap orang dihargai, tetapi sentimen kemasyarakatan perlu diambil kira.

(IPGKS/PK2/Jur/Gel 2/21.7.2017)

Peserta kajian juga dapat menaakul isu moral berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara terancang menerusi *phishing e-mail* dalam Gelung Ketiga membolehkan peserta menaakul isu jenayah siber sebagai





jenayah yang dilakukan menerusi bentuk komunikasi baharu seperti e-mel atau media sosial. Peserta dapat menaakul isu jenayah siber sebagai percubaan menipu yang dilakukan oleh penjenayah siber dengan mengecek butiran peribadi seperti nombor kad pengenalan, nombor akaun bank, akaun kerja, storan *cloud* dan butiran peribadi lain yang bernilai untuk mengaut keuntungan. Semasa sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video ‘Klik dengan bijak’ memberi mereka peluang untuk mengenal pasti senario terkini jenayah siber.

Klip video yang ditonton tentang isu jenayah siber membolehkan saya mengetahui bahawa kita jangan sekali-kali klik secara membuta tuli. Kalau nak klik *website* pastikan ia *website* yang sah. Laman web palsu sukar dikesan dan ia datang menerusi e-mel. Individu harus berhati-hati apabila mereka mengakses pautan *link* yang dihantar menerusi e-mel.

(IPGKP/PK2/ JurSc/ Gel3/21.10.2017)



Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat menaakul isu moral yang perlu di dalam kehidupan seperti keperluan untuk menjalani kehidupan yang baik dan mengelakkan perasaan ego, balas dendam atau cepat marah. Peserta kajian dapat menaakul isu buli siber (sesi pra pengajaran) yang bertujuan memberi tekanan kepada seseorang. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian dapat menaakul isu buli siber sebagai satu tindakan yang memberi kesan kepada orang lain (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian menganggap buli siber sebagai perbuatan yang dilakukan tanpa izin dan disebarikan sedangkan perbuatan tersebut telah melewati sempadan privasi seseorang individu. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu isu buli siber difahami oleh masyarakat sebagai perkara yang salah dan menyalahi privasi individu.





(IPGKS/ Pemer/Gel1/Tamil/ 14.7.2017)

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik mendapati dalam klip video bertajuk 'Jenayah Di Jalan', peserta dapat menaakul isu jenayah jalanan yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini. Peserta kajian mendapati klip video tersebut memberi gambaran kepada mereka tentang keselamatan individu di jalan raya atau di kawasan perumahan. Peserta kajian berpendapat bahawa isu jenayah jalanan merupakan ukuran terhadap tahap keselamatan di Malaysia dari kaca mata orang awam. Peserta juga beranggapan sesetengah individu yang lebih selesa duduk di rumah daripada keluar rumah merupakan petunjuk tentang ketakutan mereka terhadap jenayah jalanan.



(IPGKP/pemerh/Gel2/Bard/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila peserta kajian melaksanakan perbincangan terhadap isu LGBT. Keratan akhbar bertajuk 'Penularan Gejala LGBT' telah digunakan untuk menggerakkan perbincangan aktiviti *think-pair-share*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa golongan LGBT berhak untuk menikmati hak yang sama seperti warganegara yang lain dan tidak harus wujud sebarang diskriminasi terhadap mereka. Peserta kajian mencadangkan bahawa pendekatan secara efektif perlu digunakan untuk membantu individu yang terlibat di dalam LGBT.

(IPGKM/pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)





Pemerhatian penyelidik (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats*- interaksi bersemuka) dalam Gelung Ketiga untuk tema jenayah siber pula membuktikan bahawa individu harus sentiasa berwaspada apabila dihampiri oleh golongan yang menawarkan ganjaran yang lumayan. Penyelidik mendapati perbincangan aktiviti *think-pair-share* menjurus kepada keratan akhbar dalam platform *Schoology* bertajuk ‘Data Jenayah Siber’. Peserta kajian dapat menaakul isu jenayah siber melibatkan penipuan skim cepat kaya atau Skim *Ponzi* (interaksi bersemuka). Menerusi aktiviti *think-pair-share* juga, pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian berupaya menaakul isu penipuan menerusi Skim *Ponzi* sebagai tindakan terdesak sesetengah golongan untuk mengaut keuntungan dengan cepat. Implikasinya, menurut peserta kajian (interaksi bersemuka), ramai mangsa tidak sedar mereka ditipu kerana terpedaya dengan janji penganjur yang menawarkan faedah tinggi selain mereka ‘tidak perlu berbuat apa-apa’. Peserta kajian mencadangkan agar mangsa membuat muhasabah diri selain membuat pelaburan di dalam skim pelaburan yang disahkan oleh kerajaan.

(IPGKS/pemer/Gel 3/Shasi/ 18.10.2017)

#### 4.4.2 Menilai Sebab Musabab

Hasil temu bual di dalam Gelung Pertama menunjukkan peserta dapat menilai sebab musabab isu utama daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan dalam alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat menganalisis klip video yang dimuat naik dan menilai sebab musabab isu buli fizikal yang berlaku dalam tema penganiayaan terhadap





manusia. Hasil temu bual Gelung Pertama mendapati peserta kajian berupaya menilai sebab musabab bahawa isu buli fizikal merupakan isu yang harus diberi perhatian oleh ibu bapa, sekolah dan masyarakat.

Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta juga dapat memberikan respons yang kritis tentang implikasi tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta berupaya menilai punca, kesan dan akibat perbuatan moral yang bertentangan dengan undang-undang. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta menilai sebab musabab isu buli fizikal dan pemikiran moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Apa isu utama yang anda dapat kenal pasti?

Peserta 2 : Macam dalam klip video tu..buli dilakukan oleh pelajar di sekolah. Mungkin dia orang tak puas hati dengan rakan mereka..atau mungkin juga sekolah...undang-undang di sekolah yang tidak tegas..kadang-kala sekolah tak peduli dengan masalah murid..jadi murid lain ambil kesempatan..

Peserta 1 : Tidak mengejutkan berita buli tu..Buli memang dah lama berlaku..tak de yang baru sangat..Cuma ada murid yang nak tunjuk kuasa..tu benda yang lazim..di asrama lagi teruk..ada yang dipukul dan dibuli..tapi kadang warden tak kisah sangat..undang-undang mungkin tak memihak kepada pembuli..kecuali bila dah ada laporan..

(IPGKP/PK4/temkumfokus/gel1/21.7.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat menilai sebab musabab isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dalam klip video kedua yang ditonton oleh mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat menilai sebab musabab perlakuan membuli dalam kalangan murid perempuan. Klip video ini juga telah mendedahkan perlakuan memukul, menendang atau mengugut yang bukan sahaja berlaku dalam kalangan murid





lelaki tetapi juga melibatkan murid perempuan. Peserta mengakui bahawa buli fizikal yang melibatkan murid perempuan adalah perbuatan yang tidak beradab dan perlu ditangani segera. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Apa yang dapat anda tafsir daripada klip video ‘ Buli fizikal dalam kalangan budak perempuan’?

Peserta 1 : Budak perempuan pun...sama *brutalnya*...ada yang ada masalah di rumah..ibu bapa tak jaga mereka...di sekolah..ada yang berlagak tunjuk kuasa..jangan fikir sekolah perempuan tidak ada kes buli..mungkin lebih banyak tapi tak dilaporkan..di sekolah perempuan tidak ada persaingan..persaingan mereka ialah cemburu..(gelak)..

(IPGKP/PK1/temkumfokus/gel1/21.7.2017)

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan) peserta dapat menilai sebab musabab dengan memberikan alasan-alasan tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka menilai sebab musabab isu buli. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli bukan sahaja berpunca daripada sikap individu tetapi kegagalan ibu bapa memberi didikan agama. Peserta juga dapat menilai sebab musabab isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid sekolah (murid lelaki dan perempuan), buli mental, buli pekerjaan, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian juga menunjukkan komitmen dengan mengajukan pelbagai cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau luar bilik darjah. Pertimbangan dalam membuat keputusan seseorang individu bergantung kepada keupayaan mereka untuk menilai sebab musabab isu moral.



Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan tema tentang penelitian dalam membuat keputusan moral. Peserta kajian dapat menilai sebab musabab isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian dapat menilai sebab musabab berlakunya jenayah jalanan dan impak jenayah tersebut kepada masyarakat umum. Nilai kehidupan seseorang individu mempengaruhi cara pemikiran mereka.

Di dalam aktiviti *hot seats* pula, peserta kajian dapat menilai sebab musabab amalan *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang kerap dibincangkan di dalam akhbar sejak kebelakangan ini (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan di dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk menilai sebab musabab amalan LGBT dari kaca mata rakyat Malaysia.

Peserta berpendapat bahawa individu yang terlibat di dalam LGBT berkemungkinan mempunyai sejarah silam buruk yang menyebabkan mereka terjebak ke dalam kancah LGBT . Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Peserta 1 : Ada juga kawan lelaki gay saya..dia kata dia diliwat oleh saudara ketika kecil..dia tak rasa apa pun ketika itu..dan dia tak rasa bersalah pun. Lagipun saudara beliau tu masih rapat dengan dia..Jadi benda tu berlarutan sampai sekarang..jadi saya tak fikir yang mereka bersalah sebab jadi gay..dia menjadi mangsa disebabkan oleh perbuatan orang lain..dan juga dia tak berasa kesal dengan apa yang berlaku..jadi apa isunya sekarang?

Peserta 2 : Ada yang suka menyembunyikan identiti mereka..mereka hanya menyorok di sebalik perasaan mereka..mereka tak mahu meluahkan perasaan mereka kerana mereka tahu masyarakat akan protes...jadi mereka tak membuat pengakuan terbuka..yang jujur membuat pengakuan terbuka disisih dan dikecam..so mana yang betul? Mana yang salah? Orang yang hipokrit atau orang yang jujur?

(IPGKS/PK5/ temkumfokus/gel12/25.7.2017)

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoolology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa isu jenayah siber semakin mendapati perhatian dalam anggota masyarakat yang menggunakan telefon pintar. Peserta dapat menilai sebab musabab jenayah siber berlaku dalam kalangan masyarakat. Peserta kajian juga menyalahkan masyarakat yang berlumba-lumba dalam penggunaan *Facebook, Twitter, Whatsapp, Skype atau Yahoo Messenger*. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Apa pandangan anda tentang isu jenayah siber?

Peserta 5 : Sekarang ni..ada tabiat terutama dalam kalangan muda-mudi..mereka cuai ketika gunakan media sosial..asyik berlumba-lumba buat *posting* di dalam *Facebook*, ambil *selfie, wefie*..lepas tu paparkan di dalam *Facebook* mereka..sampaikan tukar kasut atau selipar pun nak tunjukkan di dalam *Facebook*..ini perbuatan cuai..sengaja mendedahkan maklumat peribadi kita diceroboh..kita bagi ruang kepada pencuri untuk masuk ke rumah kita..kita bekalkan maklumat kepada mereka bila mereka boleh curi..

(IPGKS/PK3/temkumfokus/gelu3/19.10.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Awat! Jenayah Siber’ (Gelung Ketiga-interaksi bersemuka) membantu peserta kajian menilai sebab musabab isu jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk menilai sebab musabab isu moral. Perbincangan dalam interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian memahami isu tersebut secara jelas. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.





- Penyelidik : Apa pandangan anda terhadap punca jenayah siber?
- Peserta 2 : Kini, zaman dah berubah..semua urusan *online*..shopping *online*..*banking online*...maklumat semua ada dalam komputer..beli belah buku boleh buat kat *amazon.com*..beli tiket kapal terbang kat internet sahaja..semua urus niaga dah boleh buat kat komputer..maklumat dan data kita ada dalam sistem dia orang...termasuk data kad kredit..tambah lagi kalau mereka bagi kata laluan dan *password* kat orang lain..habis la..  
(IPGKS/PK5/temkumfokus/gel3/19.9.2017)

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk menilai sebab musabab sesuatu isu moral dan menjangka kesan yang berlaku sekiranya nilai moral diabaikan. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta mengenal pasti isu buli fizikal yang bukan sahaja berlaku di sekolah tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka juga menunjukkan peserta bersetuju bahawa setiap individu harus berupaya mengekalkan keharmonian dan mengelakkan sengketa ketika berhadapan dengan isu moral. Catatan jurnal berikut menunjukkan pemikiran moral yang dipaparkan oleh peserta kajian.

Ketika menonton klip video, saya dapat menilai kesan yang berlaku sekiranya buli berlaku di tempat kerja. Majikan tidak mendapat kesan tetapi kesan lebih kepada pekerja. Mereka hilang motivasi, rasa rendah diri dan tidak mampu meneruskan kehidupan dengan baik, Setiap orang berhak untuk mendapat kehidupan yang baik. Ada yang dipaksa untuk melaksanakan kerja yang tidak relevan. Ada pekerja *junior* disuruh sediakan minuman untuk pekerja *senior*. Tidak wajar mereka diperlakukan sedemikian.  
(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)





Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat individu perlu belajar untuk mempertahankan hak mereka apatah lagi ketika berhadapan dengan tindakan zalim manusia yang mempunyai kuasa. Manusia perlu belajar mempertahankan hak mereka sekiranya mendapati hak mereka diceroboh. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa setiap individu perlu dihormati dan perlakuan seperti pemuluan, pengasingan atau reaksi bahasa tubuh badan yang menyakiti orang lain akan hanya merugikan diri sendiri. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui aktiviti perbincangan tadi, saya dapat menilai perlakuan yang ditunjukkan oleh majikan yang menggunakan bahasa kasar. Perbuatan buli psikologi ini lebih 'berkuasa'. Ia merupakan satu bentuk tekanan emosi yang hanya merugikan majikan atau diri sendiri. Sesetengah majikan mengabaikan pandangan pekerja. Ia mungkin berpunca daripada sifat ego yang ingin dipertahankan. Ada juga individu yang ingin menunjukkan pengaruh mereka.

(IPGKM/PK5/JurP/Gel1/14.7.2017)



Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa hal sebegini telah mendasari penelitian dalam membuat keputusan moral. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, perbincangan tentang isu tersebut hendaklah dilakukan tanpa prejudis dan prasangka buruk kepada golongan tersebut. Pemikiran positif yang dimiliki oleh peserta kajian juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.





Aktiviti menonton klip video telah memberi saya peluang untuk menilai sebab isu LGBT di dalam masyarakat Malaysia. Sebagai seorang guru, isu ini tidak boleh dianggap ganjil sebaliknya wajar ditangani secara adil dan berhemah. Di dalam agama sendiri, kita tidak wajar untuk melayan atau mempedulikan perbuatan yang dianggap dosa peribadi seseorang itu kerana itu adalah urusan di antara dirinya dan Allah semata-mata.

(IPGKM/PK5/JurP/Gel 2/21.7.2017)

Peserta kajian juga dapat menilai sebab musabab isu moral berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan di dalam urusan online di dalam gelung ketiga membolehkan peserta menilai sebab musabab isu moral ini sebagai isu yang harus diberikan perhatian serius oleh semua anggota masyarakat. Semasa sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video 'Klik Dengan Bijak' memberi mereka peluang untuk menilai senario terkini jenayah siber.

Klip video yang ditonton tentang isu jenayah siber membolehkan saya menilai kesan jenayah siber. Aktiviti menggodam maklumat sulit untuk membantutkan operasi syarikat dapat melumpuhkan ekonomi. Transaksi pemindahan wang menerusi laman web yang tidak sah, seperti yang pernah berlaku dahulu melibatkan kerugian dalam kalangan pengguna selain mencemarkan imej sistem perbankan.

(IPGKP/PK2/ JurSc/ Gel3/21.9.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat menilai sebab musabab tentang keperluan menghormati orang lain dan menghindari peri laku negatif di dalam kehidupan. Peserta kajian dapat menilai sebab musabab isu buli siber (sesi pra pengajaran) yang berkesudahan menjadi punca kepada kemurungan dan keinginan untuk membunuh diri. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian dapat mentafsir buli siber sebagai satu tindakan dikhuatiri memberi kesan lebih besar





berbanding dengan buli fizikal (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian menganggap buli sebagai satu tindakan yang boleh menjadi pemusnah kepada nilai kemanusiaan. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu sekolah menjadi tempat untuk memupuk perkembangan kanak-kanak yang holistik. Justeru, peserta berpandangan bahawa segala bentuk penyebaran bahan secara tidak bertanggungjawab di dalam media sosial perlu dihentikan sama sekali.

(IPGKS/ Pemer/Gel1/ Tamil/ 14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoolology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian dapat menilai sebab musabab isu moral dengan jelas. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku menjejaskan nama baik masyarakat yang mementingkan nilai ketimuran. Peserta kajian berpendapat buli siber juga berpunca daripada kelangsungan penggunaan teknologi lantaran perkembangan dunia tanpa sempadan yang berpaksikan peluasan teknologi di dalam segenap kehidupan. Peserta kajian berpendapat didikan anak-anak oleh ibu bapa agar tidak terjerumus ke kancuh gejala sosial siber boleh membantu menyedarkan anak-anak perkara yang betul dan salah. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli siber mendapati mereka berupaya memberikan maklum balas, cadangan dan kritikan menerusi platform secara talian *Schoolology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, penelitian dalam membuat keputusan moral bergantung pada keupayaan mereka untuk menilai sebab musabab isu moral.

(IPGKS/ Pemer/Gel1/Shasi/ 13.7.2017)





Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila peserta kajian melaksanakan perbincangan terhadap isu LGBT. Keratan akhbar bertajuk '*LGBT entitled to be treated*' telah digunakan untuk menggerakkan perbincangan aktiviti *think-pair-share*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa golongan LGBT merupakan salah seorang daripada anggota masyarakat yang tidak tertakluk kepada diskriminasi, keganasan atau dianiaya semata-mata kerana perbezaan keinginan seksual. Peserta kajian beranggapan stigma untuk menjatuhkan hukuman kepada individu hanya akan mengundang perbalahan yang tidak sudah kerana mereka 'juga manusia' (isu LGBT).

(IPGKP/pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)



Pemerhatian penyelidik (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats*- interaksi bersemuka) dalam Gelung Ketiga untuk tema jenayah siber pula membuktikan bahawa peserta kajian berpandangan manusia semakin bobrok kerana bertindak mempergunakan gadis bawah umur untuk kepentingan komersial. Penyelidik mendapati perbincangan aktiviti *think-pair-share* menjurus kepada klip video bertajuk 'R.A.G.E Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur'. Peserta kajian dapat menilai sebab musabab isu jenayah siber yang berlaku dalam kalangan individu bawah umur (aktiviti pra pengajaran). Menerusi aktiviti *think-pair-share* juga, pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian menilai sebab faktor kemiskinan sebagai punca berlakunya jenayah siber. Implikasinya, menurut peserta kajian (interaksi bersemuka), ada pemangsa (*predators*) yang mengambil peluang ke atas gadis bawah umur lantaran menjadikan mereka sebagai objek komersial untuk diperdagangkan. Peserta kajian mencadangkan agar manusia kembali ke pangkal jalan dengan menanam nilai



keagamaan di dalam setiap penjurukan kehidupan mereka agar mereka dapat membezakan di antara tindakan yang betul dan tidak betul.

(IPGKS/pemer/Gel 3/Shasi/ 18.9.2017)

Pada keseluruhannya, peserta dapat menilai sebab musabab isu moral yang dipaparkan dengan baik. Dapatan pemerhatian terhadap sesi *hot seats* dan *think-pair-share* (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) mendapati peserta mempunyai keupayaan untuk menilai sebab musabab isu moral yang berkaitan dengan masyarakat. Bukti pemerhatian di dalam aktiviti *hot seats* (interaksi bersemuka) mendapati individu harus tahu membezakan antara perkara yang baik dan buruk ketika berhadapan dengan konflik di dalam kehidupan. Peserta menyatakan bahawa tindakan dan keputusan yang dilakukan harus difikirkan secara mendalam agar tidak mendatangkan kemudaratan

kepada orang lain.

#### 4.4.3 Strategi Penyelesaian

Hasil temu bual di dalam Gelung Pertama menunjukkan peserta dapat mencadangkan strategi penyelesaian daripada isu utama daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan dalam alam pekerjaan telah dimuat naik oleh penyelidik dalam aktiviti pra pengajaran. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat menganalisis klip video yang dimuat naik dan mencadangkan strategi penyelesaian terhadap isu buli fizikal yang berlaku dalam tema penganiayaan terhadap manusia. Hasil temu bual Gelung Pertama

mendapati peserta kajian mengemukakan strategi penyelesaian bahawa isu buli fizikal merupakan kombinasi usaha antara guru, ibu bapa dan masyarakat.

Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta juga dapat memberikan cadangan yang kritis untuk membendung tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta berupaya mengaitkan isu moral dengan trend semasa. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta mencadangkan strategi penyelesaian isu buli fizikal dan penelitian dalam membuat keputusan moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Bagaimana cara untuk mengatasi masalah ini?

Peserta 2 : Kes buli semakin ketara..jadi langkah awal harus diambil..ia memerlukan gandingan usaha bersama semua pihak berkepentingan..individu tersebut harus ubah sikap..Guru kaunseling harus ambil tindakan tegas ke atas pelajar yang terlibat dengan buli..

Peserta 1 : Pengurusan sekolah juga harus main peranan..jangan sembunyi masalah..kalau nak jaga nama sekolah..sekolah akan sembunyi masalah..Ibu bapa juga harus bantu..jangan letakkan masalah di bahu sekolah semata-mata..Jalan penyelesaian bersama perlu dicari..

(IPGKP/PK6/temkumfokus/gel1/21.7.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat mencadangkan strategi penyelesaian isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dalam klip video kedua yang ditonton oleh mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat menganalisis dan mengemukakan jalan penyelesaian perlakuan buli yang juga dilakukan terhadap murid perempuan. Klip video ini juga telah mendedahkan perlakuan memukul atau mengugut yang melibatkan murid perempuan. Peserta mengakui bahawa buli fizikal yang melibatkan murid perempuan merupakan insiden yang tidak dijangka. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Bagaimana dengan isu buli yang membabitkan pelajar perempuan?

Peserta 1 : Jangan disangka pelajar perempuan tidak akan membuli..sekolah harus memantau sepanjang masa walaupun di *girls school*...buli boleh wujud dalam pelbagai bentuk...mungkin bentuk verbal dan psikologi..media juga perlu main peranan...wanita yang paparkan aksi ganas juga boleh mempengaruhi..media seperti ini perlu dielakkan..

(IPGKP/PK1/temkumfokus/Gel1/21.7.2017)

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan) peserta dapat mencadangkan strategi penyelesaian yang wajar tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka mencadangkan strategi penyelesaian yang konkrit. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli bukan melibatkan seseorang individu tetapi melibatkan ahli masyarakat yang lain juga. Peserta juga dapat mencadangkan strategi penyelesaian untuk isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid sekolah (murid lelaki dan perempuan), buli mental, buli pekerjaan, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian menunjukkan komitmen dengan memberikan pelbagai cadangan yang diutarakan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau luar bilik darjah. Keupayaan mereka untuk mencadangkan strategi penyelesaian bergantung kepada penelitian dalam membuat keputusan moral.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan tema tentang penelitian dalam membuat keputusan moral. Peserta kajian dapat mencadangkan strategi penyelesaian terhadap isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti



pra pengajaran). Peserta kajian dapat mencadangkan strategi penyelesaian tentang peranan masyarakat sebagai individu yang hidup bersama dengan anggota masyarakat yang lain. Nilai kehidupan seseorang individu di dalam kelompok masyarakat mempengaruhi cara pemikiran mereka. Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat mencadangkan strategi penyelesaian terhadap polemik yang berlaku (sesi interaksi bersemuka) dalam isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT)*. Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan di dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk mencadangkan strategi penyelesaian tentang isu LGBT dari kaca mata rakyat Malaysia. Peserta berpendapat bahawa individu harus menghormati hak individu lain di dalam kelompok masyarakat tanpa wujud sikap diskriminasi dan penindasan. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Peserta 1 : Kita harus *study* balik kesan golongan LGBT kepada masyarakat lain..kita perlu melindungi mereka kerana mereka dikancam dan diperlekehkan dari segi emosi..Bagaimana dengan emosi mereka? Bagaimana transgender dilayan? Kita tidak perlu menjadi golongan LGBT untuk mempertahankan hak asasi mereka.. anggapan orang yang menyebabkan mereka disisih..mereka tidak mungkin dapat tukar orientasi mereka walau macam mana khutbah orang sekali pun..

Peserta 2 : Golongan LGBT mahu berlaku jujur dengan menjadi diri mereka..apa salahnya? Hanya golongan minoriti sahaja..adakah golongan homoseksual berpenyakit? Betul ker fakta ini? Kita perlu fikir masalah ini secara rasional bukan tuduh sembarangan...

(IPGKM/PK5/ temkumfokus/Gel12/25.7.2017)

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa isu jenayah siber telah menunjukkan peningkatan dan semakin bercambah dari semasa ke semasa. Peserta dapat mencadangkan strategi penyelesaian terhadap isu jenayah siber berlaku dalam kalangan masyarakat yang menggunakan telefon pintar. Rujuk temu bual berikut.



- Penyelidik : Bagaimana cara untuk mencegah jenayah siber daripada menular?
- Peserta 5 : Kita perlu pastikan..penggunaan telefon pintar secara berhemah..jangan sekali kali mendedahkan *username* dan *password* kepada orang lain...yang tu bahaya..jangan gunakan *open network*..yang tu lagi bahaya..penjenayah siber boleh *trace* dan curi data kita apabila guna *open network*..biasakan diri dengan guna *private network*..itu lebih selamat.  
(IPGKS/PK3/temkumfokus/Gel3/19.9.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Jenayah Siber- Short Story’ (Gelung Ketiga-interaksi bersemuka) membantu peserta kajian mencadangkan strategi penyelesaian isu jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa

peserta kajian berupaya untuk mengemukakan strategi penyelesaian isu moral. Perbincangan dalam interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian dapat mengemukakan strategi penyelesaian dengan konkrit.

Berikut ialah bukti temu bual tersebut.

- Penyelidik : Pada pandangan anda, bagaimana jenayah siber dapat dibendung?
- Peserta 2 : Perlu ada *computer knowledge* sikit..Sebab teknologi sedang berkembang pesat..Kalau kita setakat jadi user saje..susah..Cara lindungi komputer ialah aktifkan *Window Firewall*..Kena ada anti-virus. Bukan setakat ada..tapi pastikan ia aktif..Ada macam-macam perlindungan anti-virus. Ia perlindungan kepada komputer kita agar orang tak boleh *hack*..  
(IPGKS/PK4/temkumfokus/Gel3/19.10.2017)





Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya mencadangkan strategi penyelesaian dan mengharapkan penglibatan semua anggota masyarakat untuk berganding bahu membendung gejala buli. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta mencadangkan strategi penyelesaian terhadap isu buli fizikal yang bukan sahaja berlaku di sekolah tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka juga menunjukkan peserta bersetuju bahawa setiap individu harus memainkan peranan dan bekerjasama dengan anggota masyarakat yang lain untuk mengatasi isu moral. Catatan jurnal berikut menunjukkan penelitian dalam membuat keputusan moral yang dipaparkan oleh peserta kajian.

Ketika menonton klip video, saya dapat memikirkan strategi untuk mengatasi masalah buli. Setiap individu harus mempunyai perasaan kasih sayang dan saling hormat-menghormati. Hanya dengan amalan, sebegini buli dapat dihindarkan. Kejadian buli harus dilaporkan segera kepada pihak berkuasa. Ibu bapa juga harus memainkan peranan memantau pergerakan anak-anak mereka.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat individu dan masyarakat harus berganding bahu bagi menyelesaikan gejala buli bagi menjamin keharmonian dalam kehidupan. Setiap individu perlu menghayati nilai moral dan tidak melakukan perbuatan yang boleh menyebabkan kecederaan dan kesakitan kepada orang lain. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa setiap individu perlu menghayati nilai moral dan agama dan sedar akan tindakan baik atau buruk yang dilakukan oleh mereka. Rujuk catatan jurnal berikut.





Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui aktiviti perbincangan tadi, saya dapat mengemukakan cara untuk menyelesaikan masalah buli. Murid atau remaja yang terlibat di dalam buli perlu menghayati nilai-nilai moral dan agama di dalam kehidupan mereka. Hanya dengan menghayati pegangan agama, mereka mampu untuk memahami perasaan dan tidak mendatangkan kesakitan kepada orang lain.

(IPGKM/PK5/JurP/Gel1/14.7.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa mereka melakukan penelitian dalam membuat keputusan moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, masyarakat perlu terbuka dan saling hormat-menghormati perasaan dan hak asasi individu lain. Pemikiran positif yang dimiliki oleh peserta kajian juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Aktiviti menonton klip video telah memberi saya peluang untuk mengemukakan pandangan saya terhadap isu LGBT. Masyarakat tidak perlu gopoh ketika berhadapan dengan isu ini. Mereka harus menghormati perbezaan individu dan hak asasi manusia. Mereka perlu menerima dengan hati terbuka bahawa LGBT bukan satu perlakuan jenayah.

(IPGKM/PK1/JurSCH/Gel 2/21.7.2017)

Peserta kajian juga dapat mengemukakan strategi penyelesaian isu moral berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara terancang oleh *hackers* di dalam Gelung Ketiga membolehkan peserta dapat mengemukakan strategi penyelesaian bagi memastikan data-data peribadi individu tidak digodam. Semasa sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video 'Awat! Jenayah Siber' memberi mereka peluang untuk mengemukakan strategi penyelesaian untuk mengatasi jenayah siber.





Klip video yang ditonton tentang isu jenayah siber membolehkan saya tahu tentang peranan *scam blocker*. Bagi mengelakkan diri saya digodam, saya akan menghidupkan fungsi *scam blocker* untuk mencegah mesej-mesej yang tidak perlu seperti *spam* atau *phishing e-mel* yang masuk ke dalam *inbox*.

(IPGKP/PK2/ JurSc/ Gel3/21.10.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menyokong tema penelitian dalam membuat keputusan moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk merungkai pelbagai strategi penyelesaian terhadap isu moral dengan lebih jelas dan membolehkan mereka membuat keputusan moral. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Saya terlibat di dalam aktiviti *hot seats* hari ini. Aktiviti *hot seats* membantu saya untuk mengkaji pelbagai cadangan untuk menyelesaikan isu jenayah siber. Saya harus berhati-hati dengan laman web yang meminta maklumat peribadi. Selain itu juga saya harus memastikan proses pembayaran yang saya lakukan untuk aktiviti *online* selamat. Saya perlu tahu tentang format *http://* sebagai format rasmi laman web. Saya akan tinggalkan laman web jika saya ragu-ragu dengan transaksi tersebut.

(IPGKP/PK1/ JurSc/ Gel3/21.9.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat mengemukakan strategi penyelesaian yang relevan di dalam menangani isu moral. Peserta kajian dapat mengemukakan peranan yang dimainkan oleh ibu bapa untuk membendung isu buli siber (sesi pra pengajaran). Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa ibu bapa perlu menampilkan teladan yang baik kepada anak-anak agar anak-anak mereka dapat mencontohi kelakuan ibu bapa (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian menganggap ibu bapa tidak harus memaparkan imej yang buruk kepada anak-





anak dengan mengejek atau menghina orang lain. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu isu buli ditangani oleh ibu bapa dengan memberi kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak agar mereka tidak merasa sunyi dan terasa diabaikan.

(IPGKS/ Pemer/Gel1/Tamil/ 14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian dapat mengemukakan strategi penyelesaian yang relevan terhadap isu moral. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku memerlukan gandingan usaha dalam kalangan ibu bapa, anggota masyarakat dan agensi penguatkuasaan. Peserta kajian melahirkan rasa khuatir bahawa buli siber bakal memberi kesan negatif kepada ahli masyarakat apabila Internet digunakan untuk menanam rasa benci terhadap orang lain.

Peserta kajian berpendapat kecenderungan sesetengah individu lain untuk memulau seseorang daripada senarai kawan *Instant Messenger* atau kumpulan *Whatsapp* memberi implikasi yang negatif dan perlu dihindarkan. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli siber mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberi cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, penelitian dalam membuat keputusan moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk merangka strategi penyelesaian yang wajar.



Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik mendapati dalam klip video bertajuk '*Road Crime in Malaysia*', peserta dapat mengemukakan strategi penyelesaian bagi membendung isu jenayah jalanan yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini. Peserta kajian berpendapat klip video tersebut mendedahkan kepada kelemahan agensi penguatkuasaan di dalam melaksanakan tugas. Peserta kajian berpendapat bahawa pasukan penguat kuasa perlu menggunakan sistem pemantauan yang berkesan bagi mengenal pasti kawasan *hotspot* jenayah dengan menggunakan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), rondaan dan *Geographic Information System* (GIS). Pasukan penguat kuasa, menurut peserta kajian perlu berwaspada dengan taktik penjenayah jalanan yang sudah mula menggunakan taktik yang berbeza bagi mengelirukan agensi

(IPGKP/pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila peserta kajian melaksanakan perbincangan terhadap isu LGBT. Keratan akhbar bertajuk 'Penularan Gejala LGBT' telah digunakan untuk mencari penyelesaian di dalam aktiviti *think-pair-share*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa kaunselor bertauliah perlu membantu golongan LGBT untuk memahami kecelaruan seksual yang dihadapi dan membantu emosi golongan ini.

Peserta kajian mencadangkan bahawa kajian semula terhadap ‘*Sexual Orientation and Gender Identity*’ (SOGI) perlu dilakukan untuk mengiktiraf hak-hak golongan LGBT dan menilai semula hak asasi mereka.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)


Pemerhatian penyelidik (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats*- interaksi bersemuka) dalam Gelung Ketiga untuk tema jenayah siber pula membuktikan bahawa ibu bapa harus memantau aktiviti online anak-anak mereka bagi mengekang tingkah laku yang tidak bermoral. Penyelidik mendapati perbincangan aktiviti *think-pair-share* menjurus kepada keratan akhbar bertajuk ‘Pedofil Guna Internet Wujud Rangkaian’ membolehkan peserta mengemukakan strategi penyelesaian terhadap ibu bapa untuk membendung jenayah siber. Peserta kajian mengemukakan pandangan bahawa ibu bapa harus menggunakan aplikasi yang sesuai untuk memantau komputer atau telefon pintar anak-anak mereka agar mereka tidak mudah percaya kepada ‘*strangers*’ (aktiviti pra pengajaran). Menerusi aktiviti *think-pair-share* juga, pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian mengemukakan cadangan bahawa ibu bapa perlu menghadkan masa yang sesuai untuk menggunakan komputer atau telefon pintar. Implikasinya, menurut peserta kajian (interaksi bersemuka), tindakan sebegini membantu mengurangkan risiko anak-anak untuk terjebak dengan perkara yang tidak sihat. Peserta kajian mencadangkan agar ibu bapa menggunakan aplikasi yang membolehkan mereka untuk ‘*block*’ penggunaan *Wi-Fi* dan internet secara automatik akan terputus sehingga ibu bapa memberi kebenaran untuk menggunakannya semula.

(IPGKS/pemer/Gel 3/Shasi/ 18.10.2017)



### 4.5 Tema 3: Justifikasi Terhadap Tindakan Yang Diambil

Pertimbangan moral seseorang individu adalah berdasarkan kepada konteks yang dilalui (Gilligan, 1982). Ciri-ciri seperti isihan tindakan dan kewajaran pilihan yang dibuat mendasari justifikasi tindakan yang diambil. Ketika penyelesaian masalah dibuat, peserta telah memilih dan menjelaskan nilai-nilai yang difikirkan relevan. Rujuk Rajah 4.5.



Rajah 4.5. Ciri-ciri Dalam Proses Justifikasi Tindakan

#### 4.5.1 Isihan Tindakan

Hasil temu bual di dalam Gelung Pertama menunjukkan peserta memilih tindakan daripada isu utama yakni berdasarkan senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan dalam alam pekerjaan dalam aktiviti pra pengajaran digunakan untuk menganalisis sub tema isihan tindakan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat menganalisis klip video yang dimuat naik dan menentukan isihan tindakan terhadap isu buli fizikal yang berlaku dalam tema penganiayaan terhadap manusia. Hasil temu bual Gelung Pertama mendapati peserta kajian berupaya menentukan isihan tindakan yang sesuai dilakukan ketika berhadapan dengan isu buli.

Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta juga dapat membuat isihan tindakan terhadap cadangan untuk membendung tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta berupaya memilih tindakan yang sesuai dengan nilai moral. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta membuat pilihan tindakan terhadap isu buli fizikal dan penelitian dalam membuat keputusan moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

- Penyelidik : Bagaimana kita perlu menangani isu buli fizikal di sekolah?
- Peserta 2 : Peranan sekolah tu yang penting...sekolah tidak boleh jadi kaku..tutup mata seolah tidak ada kes..sekolah mungkin tak nak lapor..bila ada kes buli..perlu laporkan kepada polis kalau isu tersebut berat. Kalau boleh diberikan surat amaran, panggil ibu bapa..Kita perlu bertanggungjawab membentuk manusia. Tak boleh tutup kes..
- Peserta 1 : Kita nampak buli berlaku di kawasan sekolah....waktu itu ramai orang..nampak macam ramai yang tak peduli. Itu tak betul. Patut kita prihatin terhadap benda buruk yang berlaku di

sekeliling kita. Bagaimana dengan peranan sekolah? Sekolah perlu ambil kisah tentang aktiviti murid..

(IPGKP/PK6/temkumfokus/Gel1/21.7.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat membuat pilihan tindakan terhadap isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dalam klip video kedua yang ditonton oleh mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat menganalisis perlakuan membuli yang dilakukan juga terhadap murid perempuan dan mencadangkan pilihan tindakan yang sesuai. Peserta kajian mendapati klip video yang menonjolkan gejala buli dalam kalangan pelajar perempuan mengetengahkan tingkah laku murid yang terpinggir. Peserta mengakui bahawa buli fizikal yang melibatkan murid perempuan berkait rapat dengan tingkah laku sosial murid itu sendiri. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Jadi murid perempuan yang membuli itu ada masalah ker?

Peserta 1 : Kadang ada murid yang mempunyai motivasi yang rendah untuk berada di sekolah..tempat mereka bukan di sekolah..mereka perlu dibantu untuk menceburkan diri dalam bidang yang mereka suka..mungkin bidang sukan atau muzik..itu mungkin cara mereka memberontak..jadikan orang lain sebagai mangsa..

(IPGKM/PK3/temkumfokus/Gel1/21.7.2017)

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan) peserta dapat menentukan isihan tindakan tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Peserta dapat menentukan isihan tindakan yang sesuai setelah menonton klip video (isu buli) di dalam aktiviti pra pengajaran. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli memerlukan tindakan seperti pemantauan oleh rakan sebaya dan penguatkuasaan peraturan oleh pihak sekolah. Peserta juga dapat memberikan justifikasi ke atas pilihan tindakan ke atas isu



buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid sekolah (murid lelaki dan perempuan), buli mental, buli pekerjaan, buli siber dan buli jalanan. Menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau luar bilik darjah, peserta kajian telah mengutarakan cadangan dan komen tentang isu moral. Isihan tindakan peserta kajian membuktikan mereka mempunyai keupayaan mereka untuk memberikan justifikasi ke atas tindakan yang telah diambil.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan tema tentang justifikasi terhadap tindakan yang diambil. Peserta kajian dapat menentukan isihan tindakan terhadap isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian memilih untuk memberi tumpuan kepada usaha untuk memerangi jenayah jalanan. Aspek keselamatan masyarakat digunakan sebagai asas untuk membuat justifikasi ke atas tindakan yang diambil. Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menentukan pilihan tindakan terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan di dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk memberikan isihan tindakan tentang isu LGBT dari perspektif individu yang terlibat di dalam isu ini. Peserta berpendapat bahawa golongan LGBT harus diberikan privasi untuk menjalani kehidupan seperti individu lain. Peserta kajian berpendapat kebebasan di dalam menentukan corak hidup mereka dan tidak dikawal oleh mana-mana pegangan hidup merupakan hak asasi setiap orang. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.



Peserta 1 : Kebebasan asasi mungkin merupakan aspek yang diperjuangkan oleh golongan LGBT. Itu pilihan mereka. Dari segi perundangan tak salah pun...mereka berhak untuk menjalani kehidupan seperti warga negara yang lain.  
(IPGKS/PK2/ temkumfokus/Gel112/25.7.2017)

Peserta 2 : Kan setiap orang ada hak...hak setiap rakyat tidak boleh dinafikan..itu termaktub dalam Perlembagaan Malaysia  
(IPGKS/ PK6/ temkumfokus/Gel2/25.7.2017)

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa kesedaran masyarakat terhadap isu-isu dalam tema siber masih kurang dan perlu dipertingkatkan. Peserta dapat memberikan isihan tindakan terhadap isu jenayah siber berlaku dalam kalangan masyarakat yang menggunakan pelbagai jenis aktiviti online. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Adakah anda rasa aktiviti *online* perlu disekat?

Peserta 5 : Tak mungkin kita dapat menyekat aktiviti *online* memandangkan kebanyakan urus niaga melibatkan *online*.. Kita perlu menanam sikap bertanggungjawab terhadap data..menyekat urus niaga secara *online* tidak akan membantu..setiap individu harus dididik untuk prihatin dan peka terhadap data yang mereka gunakan...itu lebih membantu..  
(IPGKS/PK5/temkumfokus/Gel3/19.10.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Klik dengan Bijak’ (Gelung Ketiga-interaksi bersemuka) membantu peserta kajian menentukan isihan tindakan terhadap isu jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk berupaya menentukan isihan tindakan terhadap penyelesaian isu moral. Perbincangan dalam interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi



bukti bahawa peserta kajian dapat menentukan isihan tindakan dengan jelas. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.

Penyelidik : Pada pandangan anda, bagaimana kerajaan memainkan peranan di dalam membendung jenayah siber?

Peserta 2 : Ada unit yang uruskan ancaman keselamatan siber..badan seperti Agensi Keselamatan Siber Negara akan berfungsi sebagai badan yang dianggotai oleh pakar..tindakan ini tepat memandangkan urus niaga pada masa sekarang bergantung pada aktiviti *online...even* angkasa negara juga perlu dijaga agar tidak berlaku pencerobohan siber..

(IPGKS/PK3/temkumfokus/Gel3/19.11.2017)

Kedua-dua sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga memperlihatkan justifikasi oleh peserta untuk memilih tindakan yang wajar bagi menangani isu moral. Perbincangan terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu menentukan pilihan tindakan sebagai jalan penyelesaian terhadap isu moral yang berlaku dalam masyarakat dan mengharapkan agar kerajaan turut sama berganding bahu bagi membendung jenayah siber (sesi interaksi bersemuka).

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk menentukan pilihan tindakan mereka dan mengharapkan agar sekolah menjadi agen yang bertanggungjawab bagi membendung gejala buli. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta menentukan isihan tindakan terhadap isu buli fizikal yang bukan sahaja berlaku di sekolah tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka juga menunjukkan peserta bersetuju bahawa peranan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah yang perlu ditingkatkan. Catatan jurnal berikut menunjukkan justifikasi tindakan yang diambil oleh peserta kajian.





Ketika menonton klip video, saya merasakan bahawa mangsa buli perlu dibimbing oleh guru kaunseling di sekolah. Peranan guru kaunseling tidak begitu meluas kerana mereka kerap terlibat dengan tugas lain. Kebolehan dan kemampuan mereka mengurus masalah juga kerap dipersoalkan. Jadi, pihak sekolah perlu menyediakan tugas khusus kepada guru kaunseling agar mereka dapat membimbing mangsa buli kerana mangsa buli biasanya tidak mahu berkongsi masalah dengan orang lain.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat individu, sekolah dan masyarakat harus berganding bahu bagi menyelesaikan gejala buli bagi menjamin keharmonian dalam kehidupan. Setiap individu perlu menghayati nilai moral dan tidak melakukan perbuatan penganiayaan yang menyebabkan kecederaan fizikal dan mental. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa tindakan yang lebih tegas harus dikenakan terhadap pembuli kerana ada kalangan mereka yang menyebabkan kematian. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui aktiviti perbincangan tadi, saya berpendapat tindakan disiplin dan undang-undang hendaklah dikaji semula agar perlakuan buli tidak berlarutan. Hukuman sedia ada agak longgar. Kerja kemasyarakatan yang diberikan kepada mereka juga tidak berkesan. Hukuman gantung persekolahan juga tidak menyelesaikan masalah ini. Cara terbaik ialah tidak ampunkan mereka sebaliknya mengajar mereka mematuhi undang-undang.

(IPGKM/PK5/JurP/Gel1/14.7.2017)

Peserta kajian juga dapat memberikan justifikasi terhadap tindakan yang diambil berhubung isu moral berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan oleh *hackers* di dalam gelung ketiga membolehkan peserta menentukan pilihan tindakan bagi membendung jenayah siber. Semasa sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video 'Awat! Jenayah Siber' memberi mereka peluang untuk memilih tindakan yang sesuai untuk mengatasi jenayah siber.





Klip video yang ditonton tentang isu jenayah siber menyebabkan saya melihat perlunya pelajaran komputer dan kursus komputer dalam kalangan pelajar diwujudkan sebagai persediaan kepada mereka tentang ancaman siber. Kerajaan juga perlu memperbanyakkan lebih banyak kursus komputer kepada penjawat awam sebagai persediaan menangkis ancaman siber terhadap data-data sulit kerajaan.

(IPGKP/PK5/ JurSc/ Gel3/21.9.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menyokong tema justifikasi terhadap tindakan yang diambil oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk menentukan pilihan tindakan terhadap isu moral dengan lebih jelas dan membolehkan mereka membuat keputusan moral. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Saya terlibat di dalam aktiviti *hot seats* hari ini. Aktiviti *hot seats* telah membantu untuk menentukan tindakan yang wajar. Umpamanya membangunkan forensik komputer bagi menjaga keselamatan dokumen penting negara. Saya dapat mempelajari bahawa terdapat *kit* yang bertujuan untuk mengesan kehilangan semua jenis fail komputer yang bermotifkan jenayah. Sistem Amaran Awal Siber (CEWS) juga merupakan pilihan tindakan yang wajar untuk menangkis ancaman siber di pejabat kerajaan.

(IPGKP/PK1/ JurSc/Gel3/21.9.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat menentukan pilihan tindakan yang relevan di dalam menangani isu moral. Peserta kajian dapat memberikan justifikasi terhadap peranan individu untuk membendung isu buli siber (sesi pra pengajaran). Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa individu perlu bertanggungjawab ke atas apa yang ditulis atau dihantar dengan menggunakan Internet atau media sosial (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian menganggap setiap individu







harus memahami risiko menggunakan Internet dan telefon pintar, dan mengelakkan diri daripada 'terjerat' dengan mudah akibat kegagalan mengawal diri sendiri. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu setiap individu lebih bertanggungjawab untuk menjaga komunikasi di dalam alam siber.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/ 14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian dapat menentukan pilihan tindakan terhadap isu moral dengan jelas. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku memerlukan penguatkuasaan undang-undang kerana pada masa sekarang tiada undang-undang yang khusus bagi menjaga keadilan individu yang terjerat dengan masalah buli siber. Peserta kajian berpendapat langkah penguatkuasaan terhadap pembuli siber ini sesuai memandangkan ada mangsa buli siber yang membunuh diri seawal usia 14 tahun kerana tidak tahan dibuli di dalam laman web *Facebook*. Peserta kajian berpendapat buli siber juga memberi kesan negatif kerana pembuli siber tidak mendedahkan diri mereka sebaliknya bebas bergerak dengan tag 'anonymous' dengan hanya menekan butang *keyboard*. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli siber mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberi cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, peserta kajian berupaya menentukan pilihan tindakan yang sesuai dan menjustifikasikan tindakan yang diambil terhadap isu moral yang dikemukakan.

(IPGKS/ Pemer/Gel/ Shasi/ 14.7.2017)



Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila peserta kajian melaksanakan perbincangan terhadap isu LGBT. Keratan akhbar bertajuk 'Penularan Gejala LGBT' telah digunakan untuk menentukan pilihan tindakan yang wajar terhadap penyelesaian yang dicadangkan di dalam aktiviti *think-pair-share*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa peranan ibu bapa untuk peka dengan keadaan dan tingkah laku anak-anak mereka mampu mengubah mereka daripada terpengaruh dengan gejala ini. Peserta kajian juga menyarankan agar ibu bapa sentiasa memeriksa kandungan telefon anak-anak dan kenalan rapat mereka supaya mereka lebih peka dengan apa yang dilakukan oleh anak-anak mereka.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)

Pemerhatian penyelidik (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats*- interaksi bersemuka) dalam Gelung Ketiga untuk tema jenayah siber pula membuktikan bahawa mangsa jenayah siber perlu memahami taktik yang digunakan di dalam jenayah siber agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan ganjaran 'luar biasa' yang kerap dijadikan umpan oleh sindiket jenayah siber. Penyelidik mendapati perbincangan aktiviti *think-pair-share* menjurus kepada keratan akhbar bertajuk 'Pengawasan jenayah siber' membolehkan peserta menentukan pilihan terhadap kesan jenayah siber. Peserta kajian mengemukakan pandangan bahawa kurangnya maklumat dalam penggunaan teknologi dengan selamat telah menyebabkan pelaku jenayah siber mudah mengumpan mangsa (aktiviti pra pengajaran). Menerusi aktiviti *think-pair-share* juga, pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian mengemukakan cadangan bahawa setiap individu tidak perlu gah di dalam mempamerkan maklumat peribadi mereka di dalam perkakasan komputer mereka sebaliknya harus berhati-hati dan mengurangkan risiko berkongsi



pelbagai ‘cerita’ tentang diri mereka. Implikasinya, menurut peserta kajian (interaksi bersemuka), tindakan sebegini mengurangkan risiko kecurian data peribadi dan membolehkan individu menjalani kehidupan yang lebih selamat. Peserta kajian juga mencadangkan agar pengguna dididik untuk mengurangkan aktiviti online di tempat terbuka (*open network*) kecuali apabila mereka yakin bahawa aktiviti secara talian mereka selamat .

(IPGKS/pemer/Gel 3/Shasi/ 18.11.2017)

#### 4.5.2 Kewajaran Tindakan

Hasil temu bual di dalam Gelung Pertama menunjukkan peserta dapat menjelaskan kewajaran tindakan daripada senario dan peristiwa dalam isu moral yang diajukan ketika berlangsung aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan dalam alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat menganalisis klip video yang dimuat naik dan menjelaskan kewajaran tindakan terhadap isu buli fizikal yang berlaku dalam tema penganiayaan terhadap manusia. Hasil temu bual Gelung Pertama mendapati peserta kajian menjelaskan kewajaran bahawa isu buli fizikal merupakan isu yang harus dihadapi bersama antara guru, ibu bapa dan masyarakat.

Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta juga dapat menjelaskan kewajaran pilihan tindakan terhadap cadangan untuk membendung tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta berupaya mengaitkan isu moral dengan jangkaan dan harapan masyarakat. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta menjelaskan kewajaran



pilihan tindakan terhadap isu buli fizikal dan justifikasi terhadap tindakan yang diambil peserta kajian berkaitan isu tersebut.

- Penyelidik : Tindakan tegas akan menyebabkan masalah bertambah buruk?
- Peserta 2 : Kes buli semakin meningkat..perlu ada jalan penyelesaian. Kita tak boleh ambil pendekatan sambil lewa...mesti ada titik noktah..ramai yang tak nak mengaku secara terbuka..kesnya banyak..jadi pelaku buli harus menerima akibatnya..berani buat berani tanggung..
- Peserta 1 : Kalau sekolah tidak memainkan peranan siapa lagi? Sekolah sebagai tempat mendidik anak-anak..justeru peranan sekolah lebih berbanding dengan tempat lain...tambahan sekarang jangkaan masyarakat terhadap sekolah sangat tinggi. Jadi sekolah tempat terbaik memupuk nilai kepada anak-anak..  
(IPGKP/PK6/temkumfokus/ Gel 1/21.7.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat memberikan kewajaran tindakan terhadap isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dalam klip video kedua yang ditonton oleh mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat menganalisis perlakuan membuli yang dilakukan juga terhadap murid perempuan dan menentukan kewajaran tindakan. Klip video ini juga melibatkan tingkah laku yang bertujuan mencederakan murid perempuan. Peserta mengakui bahawa buli fizikal yang melibatkan murid perempuan merupakan satu bentuk tindakan yang wajar. Rujuk temu bual berikut.

- Penyelidik : Jadi kamu marah ke orang yang membuli perempuan?
- Peserta 1 : Tindakan membuli budak perempuan..oleh perempuan..tidak betul tu....kita kena hormati mereka..kalau salah..ajak berbincang..bagi tau kepada guru..beri tahu kepada kaunselor sekolah..budak perempuan selalu ada watak lembut..dalam klip video nampak watak budak perempuan kasar dan ganas..tak wajar murid perempuan menunjukkan perangai sebegitu..  
(IPGKP/PK1/temkumfokus/Gel1/21.7.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka dapat memberikan kewajaran tindakan terhadap isu moral iaitu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Mereka bukan sahaja dapat memahami peristiwa buli yang berlaku malahan dapat memberikan kewajaran tentang pilihan tindakan mereka. Peserta berupaya untuk memberikan kewajaran pilihan tindakan tentang isu buli fizikal yang melibatkan murid lelaki dan perempuan. Peserta juga mengakui bahawa isu buli fizikal tanpa mengira gender merupakan tindakan yang perlu diperbetulkan oleh ibu bapa sejak dari rumah lagi. Justifikasi peserta adalah kerana ibu bapa merupakan individu yang sepatutnya rapat dengan anak-anak.

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan) peserta dapat memberikan kewajaran pilihan tindakan tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka menjelaskan kewajaran tindakan ke atas strategi penyelesaian. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli memerlukan tindakan pemantauan oleh rakan sebaya dan pihak sekolah. Justifikasi juga dapat diberikan oleh peserta terhadap isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid sekolah (murid lelaki dan perempuan), buli mental, buli pekerjaan, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian menunjukkan komitmen dengan memberikan pelbagai cadangan yang diutarakan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau luar bilik darjah. Keupayaan peserta untuk menjelaskan kewajaran terhadap tindakan menunjukkan mereka dapat mengetengahkan justifikasi ke atas tindakan yang diambil.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan tema tentang justifikasi terhadap tindakan yang diambil. Peserta kajian dapat memberi kewajaran tindakan terhadap isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra-pengajaran). Peserta kajian dapat memberi kewajaran tindakan tentang perlunya usaha agensi penguatkuasaan dan masyarakat dalam memerangi jenayah jalanan. Elemen keselamatan kehidupan masyarakat pada masa sekarang digunakan sebagai asas untuk menjustifikasikan tindakan yang diambil. Di dalam aktiviti *hot seats* pula, peserta kajian dapat memberikan kewajaran tindakan terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan di dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk memberikan kewajaran tindakan tentang isu LGBT dari perspektif individu yang terlibat di dalam isu ini. Peserta berpendapat bahawa individu harus diberikan kebebasan di dalam menentukan corak hidup mereka dan tidak dikawal oleh mana-mana pegangan hidup. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Peserta 1 : Golongan LGBT tidak menyusahkan sesiapa..Itu adalah pilihan mereka untuk menentukan seksual mereka..sama ada mereka suka lelaki..suka perempuan...atau suka kedua-dua atau menjadi transgender..itu adalah pilihan mereka..kita hanya terikut-ikut kepada norma..tetapi adakah norma yang diikuti itu adalah betul?

Peserta 2 : Golongan gay contohnya...mereka bebas untuk menentukan siapa yang mereka cintai..kita tidak boleh melakukan diskriminasi hanya kerana kelainan seksual mereka.setiap orang harus dilayan sama rata..golongan gay tidak pernah menjadi golongan yang mempunyai risiko tinggi kepada kehidupan manusia..

(IPGKS/PK5/ temkumfokus/Gel 2/25.9.2017)

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa isu jenayah siber telah menjadi jenayah yang meruncing terutama dalam kalangan pengguna komputer dan telefon pintar. Peserta dapat memberikan kewajaran tindakan terhadap isu jenayah siber berlaku dalam kalangan masyarakat yang menggunakan telefon pintar. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Adakah anda rasa aktiviti *online* perlu disekat?

Peserta 5 : Tidak mungkin kita dapat menyekat aktiviti *online* kerana urusan niaga secara *online* berkembang pesat. Aktiviti *online* telah mewujudkan banyak peluang perniagaan. Banyak organisasi sudah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan sekuriti terhadap laman web mereka. Orang ramai perlu prihatin dengan tindakan mereka..

(IPGKS/PK3/temkumfokus/Gel 3/19.11.2017)

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video dan perbincangan) menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk menjelaskan kewajaran tindakan mereka dan mengharapkan para pelajar untuk berganding bahu dengan pihak sekolah bagi membendung gejala buli. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta menjelaskan kewajaran tindakan terhadap isu buli fizikal yang bukan sahaja berlaku di sekolah tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka juga menunjukkan peserta bersetuju bahawa kerjasama setiap individu adalah penting untuk memastikan keharmonian di dalam kehidupan. Catatan jurnal berikut menunjukkan justifikasi terhadap tindakan yang diambil oleh peserta kajian.

Ketika menonton klip video, saya memahami dengan jelas seorang majikan di tempat kerja. Majikan mungkin ada sebab mereka melakukan sesuatu. Pekerja harus tahu hak mereka. Mereka harus melaporkan kes buli pekerja kepada pengurusan tempat mereka bekerja atau kepada pihak polis. Organisasi juga perlu ambil berat kes buli kera ia membabitkan isu keselamatan dan kesihatan pekerja. Majikan juga perlu bertanggungjawab menjaga kebajikan pekerja.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat individu, sekolah dan masyarakat harus berganding bahu bagi menyelesaikan masalah buli bagi menjamin keharmonian dalam kehidupan. Setiap individu perlu menghayati nilai moral dan tidak melakukan perbuatan penganiayaan yang menyebabkan kecederaan fizikal dan mental. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa setiap pihak sekolah perlu berusaha untuk mengatasi masalah demi kesejahteraan semua murid. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui aktiviti perbincangan tadi, saya berpendapat bahawa sekolah harus mencari jalan untuk menyelesaikan masalah buli. Mereka tidak boleh menutup kes yang dilaporkan sebaliknya harus bekerjasama dengan kaunselor dan polis untuk menjadikan kawasan sekolah sebagai bebas buli. Dengan cara ini, pelajar mungkin tahu akan akibat sekiranya mereka cuba membuli pelajar lain.

(IPGKM/PK5/JurP/Gel1/14.7.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mengetengahkan justifikasi terhadap tindakan yang diambil dalam isu moral. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, masyarakat perlu membebaskan pemikiran bahawa golongan LGBT merupakan golongan yang perlu disisihkan. Pemikiran positif yang dimiliki oleh peserta kajian juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.





Aktiviti menonton klip video telah memberi saya peluang untuk memahami bahawa isu LGBT merupakan isu yang memerlukan keterbukaan pendapat. Sekiranya di Amerika sendiri, golongan LGBT masih ditentang, apatah lagi di Malaysia yang mana masyarakat berpegang kuat kepada fahaman agama. Sebagai seorang Muslim, saya memikirkan tentang perkahwinan dan zuriat. Namun, saya juga berpendapat bahawa sukar untuk pasangan lesbian untuk melepaskan diri daripada perangkap kecelaruan seksualiti mereka.

(IPGKM/PK1/JurSCH/Gel 2/21.7.2017)

Peserta kajian juga dapat menjelaskan kewajaran tindakan terhadap isu moral berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan oleh *hackers* di dalam gelung ketiga membolehkan peserta menjelaskan kewajaran pilihan tindakan bagi membendung jenayah siber. Semasa sesi interaksi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video ‘Awas! Jenayah Siber’ memberi mereka peluang untuk menjelaskan kewajaran tindakan mereka untuk mengatasi jenayah siber.



Klip video yang ditonton tentang isu jenayah siber membolehkan tahu tentang apa yang *hackers* lakukan dalam sektor kewangan. Sektor kewangan perlu membuat pelaburan besar bagi menjamin sekuriti laman web bank. Mereka perlu menitikberatkan aspek sekuriti ketika melakukan transaksi secara *online*. Mereka perlu memulihkan keyakinan orang ramai terhadap urus niaga secara *online*.

(IPGKP/PK2/ JurSc/ Gel3/21.10.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menyokong tema justifikasi terhadap tindakan yang diambil oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk membuat kewajaran terhadap pilihan tindakan terhadap isu moral dengan lebih jelas dan membolehkan mereka membuat keputusan moral. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.



Saya terlibat di dalam aktiviti *hot seats* hari ini. Aktiviti *hot seats* membantu untuk membuat tindakan yang wajar ketika berhadapan dengan isu siber. Individu harus mengelakkan diri mereka memuat turun aplikasi percuma yang meragukan. Individu harus mengambil langkah berjaga-jaga dengan install antivirus yang sesuai agar maklumat di dalam komputer mereka tidak dicerobohi.

(IPGKP/PK1/ JurSc/ Gel3/21.11.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat menjelaskan kewajaran tindakan di dalam menangani isu moral. Peserta kajian dapat memberikan justifikasi terhadap peranan individu untuk membendung isu buli siber (aktiviti pra pengajaran). Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa individu perlu bersedia untuk ‘dicemuh atau dimalukan’ sekiranya tidak berhati-hati menggunakan Internet atau media sosial (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian menganggap ibu bapa harus sentiasa memantau tingkah laku anak-anak dan memberitahu mereka akan risiko menggunakan Internet dan telefon pintar. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu ibu bapa sentiasa mengingatkan anak-anak mereka tentang potensi negatif Internet dan aktiviti yang dijalankan secara talian.

(IPGKS/ Pemer/Gel1/Tamil/ 14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoolology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian dapat menjelaskan kewajaran pilihan tindakan terhadap isu moral dengan terperinci. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku memerlukan kerjasama pihak kerajaan sebagai agensi penguatkuasaan. Peserta kajian berpendapat langkah penguatkuasaan

terhadap pembuli siber ini wajar memandangkan mangsa buli siber kehilangan fokus selain menunjukkan simptom kemurungan. Peserta kajian berpendapat buli siber juga memberi kesan negatif kerana pembuli siber sering mempamerkan sikap yang agresif di alam siber berbanding kehidupan sebenar. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli siber mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberi cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, keputusan moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk memberi kewajaran pilihan tindakan mereka dan menjustifikasikan tindakan mereka terhadap sesuatu isu moral.

(IPGKS/ Pemer/Gel1/Shasi/ 14.7.2017)

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik mendapati dalam klip video bertajuk 'Langkah Penyelesaian Jenayah Siber', peserta dapat menjelaskan kewajaran tindakan bagi membendung isu jenayah jalanan yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini. Peserta kajian menjustifikasikan tentang perlunya anggota polis beruniform dan berpakaian preman yang perlu ditempatkan di lokasi 'panas' jenayah jalanan. Peserta kajian juga menjustifikasikan tindakan untuk meletakkan ratusan CCTV di kawasan hot spot untuk memantau dan mencegah jenayah bagi membolehkan pihak polis mengenal pasti penjenayah. Selain pasukan penguat kuasa, menurut peserta kajian lagi, para penduduk sendiri perlu membuat rondaan. Penubuhan persatuan dan Rukun Tetangga, menurut peserta kajian, dapat menggalakkan penyertaan masyarakat secara aktif dan padu bagi mencegah jenayah jalanan.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Bard/25.8.2017)



Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *think-pair-share* dan *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila peserta kajian melaksanakan perbincangan terhadap isu LGBT. Keratan akhbar bertajuk 'Penularan Gejala LGBT' telah digunakan untuk memberi kewajaran terhadap penyelesaian yang dicadangkan di dalam aktiviti *think-pair-share*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) pengakuan secara terbuka oleh golongan transgender terhadap identiti seksual mereka mungkin memberi persepsi buruk kepada imej atau perniagaan mereka. Peserta kajian cuba menjustifikasikan tindakan tersebut dengan penerimaan masyarakat yang bercampur-campur terhadap golongan transgender menyebabkan kepayahan golongan tersebut melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan.

(IPGKM/pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)



Pada keseluruhannya, peserta dapat menjelaskan kewajaran tindakan terhadap isu moral yang dibincangkan dengan baik. Dapatan pemerhatian terhadap sesi *hot seats* dan *think-pair-share* (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) mendapati peserta mempunyai keupayaan untuk menjelaskan kewajaran tindakan terhadap isu moral yang berkaitan dengan masyarakat. Bukti pemerhatian di dalam aktiviti *hot seats* (interaksi bersemuka) mendapati peserta berupaya mengaitkan peranan individu, anggota masyarakat dan agensi penguatkuasaan yang relevan bagi membendung tingkah laku yang tidak bermoral. Peserta menyatakan bahawa kesungguhan semua individu dan anggota masyarakat untuk mematuhi peraturan penting untuk membendung gejala sosial agar melangsungkan kehidupan yang harmoni.






Rumusan awal untuk menjawab soalan kajian 1, dapat dijelaskan bahawa KB sesuai digunakan untuk mengkaji aspek pemikiran moral seseorang guru. Menerusi ketiga-tiga langkah KB, seseorang guru berupaya untuk mencerna pemikiran moral mereka. Dapatan kajian ini menyerlahkan ciri-ciri pemikiran, pertimbangan dan justifikasi dalam sesuatu situasi moral dan tindakan yang diambil untuk menangani konflik moral. Pemikiran peserta dimulakan dengan analisis situasi yang melibatkan isu moral, membuat pertimbangan yang teliti dan akhirnya membuat justifikasi terhadap tindakan yang diambil.

#### 4.6 Perkembangan Emosi Moral



Untuk menjawab soalan kajian kedua, analisis data melibatkan dapatan daripada temu bual, catatan jurnal, pemerhatian dan rakaman video. Tema yang dikenal pasti untuk membuktikan perkembangan emosi guru ialah kewujudan pelbagai emosi sendiri dan kesedaran terhadap perasaan orang lain. Dapatan kajian menunjukkan KB boleh mengembangkan emosi moral peserta. Penglibatan GPP dalam KB mencetuskan kesedaran tentang emosi yang wujud dalam diri sendiri dan terhadap orang lain. Rujuk Rajah 4.6.






Rajah 4.6. Perkembangan Emosi Moral

Emosi peserta kajian terpancar menerusi reaksi dan bahasa badan yang ditunjukkan seperti memek muka, ekspresi, wajah, postur badan, gerak isyarat dan pergerakan mata. Analisis emosi peserta dipersembahkan dalam dua bahagian iaitu kewujudan pelbagai perasaan diri sendiri dan kesedaran tentang perasaan orang lain. Perbincangan seterusnya menjelaskan unsur kewujudan pelbagai perasaan sendiri peserta kajian.

#### 4.6.1 Tema 4: Kewujudan Pelbagai Perasaan Kendiri

Elemen emosi moral seperti malu, menyesal, sedih, gembira dan bangga telah membentuk emosi moral dalam kalangan peserta. Perbincangan seterusnya menjurus kepada emosi moral peserta kajian. Rujuk Rajah 4.7.



Rajah 4.7. Perkembangan Pelbagai Perasaan Kendiri



Peserta kajian menterjemahkan perasaan yang ada di dalam diri mereka apabila mereka terlibat di dalam aktiviti KB yakni di dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Peserta mengaku semasa terlibat di dalam aktiviti pra pengajaran dan interaksi bersemuka, mereka berasa malu, menyesal, sedih, dan insaf, terhadap kebejatan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Mereka mengaku setelah terlibat di dalam aktiviti menonton klip video, perbincangan secara talian dan sesi bersemuka di dalam kelas serta aktiviti pasca pengajaran, mereka dapat merasai perkara yang sedang berlaku di dalam kehidupan sebenar. Mereka turut mengaku bahawa perbincangan tentang isu moral memberi mereka peluang untuk merasai sendiri isi kandungan yang ditonton dalam klip video. Selepas itu, perasaan watak di dalam aktiviti menonton klip video dapat dilahirkan melalui aktiviti sesi interaksi bersemuka seperti *hot seats*, *trade a problem*, *think-pair-share* dan lakonan. Peserta juga berpendapat aktiviti lakonan dan penghasilan klip video memberi peluang kepada mereka untuk merasai sendiri watak dan emosi watak yang dilakonkan. Hasil temu bual di bawah menunjukkan perkara ini.

- Penyelidik : Jelaskan mengapa KB membantu anda untuk faham emosi diri sendiri?
- Peserta 5 : Di dalam aktiviti menonton klip video, saya dapat merasakan apa yang dilalui oleh watak di dalam klip video. Menonton klip video memberi satu gambaran tentang kejadian..watak yang jahat..watak yang dianiaya..ada juga watak yang lurus bendul..
- Peserta 3 : Apabila kita terlibat di dalam perbincangan secara talian, saya dapat faham emosi orang lain..saya tahu apa pendirian mereka terhadap isu..ada yang gembira...ada yang sedih..mereka gunakan *icon smiley* untuk gambarkan perasaan mereka dalam perbincangan *Schoolology*..

(IPGKS/PK2/temkumfokus/Gel1/19.9.2017)







Perbincangan seterusnya ialah tentang kewujudan perasaan sendiri yang dipamerkan oleh peserta kajian. Berikut ialah analisis dapatan daripada sub tema yang mendasari tema emosi moral.

#### 4.6.1.1 Perasaan Malu

Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta berupaya meluahkan perasaan malu daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat meluahkan perasaan malu setelah menonton klip video yang dimuat naik tentang buli fizikal dalam tema penganiayaan terhadap manusia.

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga dapat meluahkan perasaan malu setelah terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta berupaya meluahkan perasaan malu ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta untuk meluahkan perasaan malu peserta ketika berbincang isu buli fizikal dan emosi moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.





- Penyelidik : Jelaskan mengapa KB memudahkan anda untuk faham perasaan anda sendiri?
- Peserta 5 : Dalam sesi interaksi bersemuka, banyak idea yang dilontarkan. Dan setiap peristiwa mempunyai kisah tersendiri. Macam dalam buli fizikal..pelajar perempuan menendang guru. Malu dengan sikap ibu bapa yang asuh anak-anak tu...Tunjukkan sikap ibu bapa sendiri..
- Penyelidik : Apakah kesan penglibatan dalam KB?
- Peserta 5 : Saya sedar bahawa dengan melibatkan diri di dalam interaksi bersemuka, saya perlu menghormati guru dan lebih beradab di dalam tingkah laku saya. Saya juga perlu menghormati ibu bapa..  
(IPGKS/PK1/temkumfokus/ Gel 1/17.7.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat meluahkan perasaan malu terhadap pelajar yang tidak hormat terhadap guru dalam klip video kedua yang ditonton mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat melahirkan perasaan malu mereka terhadap pembuli yang merupakan seorang pelajar kerana tidak menghormati guru. Klip video juga mendedahkan perlakuan pembuli yang menggunakan kekerasan terhadap murid lain. Peserta kajian mendedahkan bahawa wujud perasaan malu dalam diri mereka terhadap segelintir murid yang tidak segan silu memukul individu lain dan mengaibkan mereka. Peserta mengakui bahawa buli fizikal yang melibatkan murid lelaki juga agak keterlaluan. Rujuk temu bual berikut:

- Penyelidik : Apa perasaan anda tentang klip video yang mengisahkan murid lelaki ditendang dan disepak?
- Peserta 5 : Saya dapat gambarkan...malu pun ada kerana sekolah sepatutnya menjadi tempat selamat..tapi malang sekolah pula jadi tempat melahirkan *gangster*..sebagai guru saya malu kalau benda macam ini berlaku..bagaimana dengan tugas cikgu, guru besar? Apa yang mereka buat?  
(IPGKM/PK1/temkumfokus/ Gel 1/19.9.2017)



Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka dapat meluahkan perasaan malu terhadap isu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Mereka bukan sahaja dapat melahirkan emosi mereka malahan dapat mengaitkan dengan peranan mereka sebagai seorang bakal guru di sekolah. Peserta berupaya untuk meluahkan emosi moral yang melibatkan buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta juga mengaku bahawa isu buli fizikal perbuatan yang memalukan tetapi juga memberi impak negatif kepada negara.

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat meluahkan perasaan mereka dengan jelas tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka meluahkan emosi mereka. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli bukan sahaja mempamerkan sikap individu sendiri tetapi juga mempamerkan sikap ibu bapa yang mengasuh mereka. Peserta dapat meluahkan perasaan malu dalam isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dan lelaki, buli mental, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian juga meluahkan perasaan mereka ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau di luar bilik darjah. Emosi moral individu bergantung kepada keupayaan mereka meluahkan perasaan ketika berhadapan dengan isu moral.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang kewujudan perasaan sendiri. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan malu terhadap isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran).

Peserta kajian dapat meluahkan perasaan malu terhadap sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri ketika berhadapan dengan masalah yang dihadapi oleh orang lain. Peserta kajian meluahkan rasa malu terhadap sikap masyarakat yang mengejar kehidupan duniawi semata-mata tanpa memikirkan kesusahan yang dihadapi oleh orang lain.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang memerlukan perhatian oleh masyarakat (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap individu LGBT dan masyarakat. Peserta berpendapat bahawa masyarakat tidak harus terlalu mengikut perasaan ketika mengendalikan isu LGBT. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Penyelidik : Apa kesan penglibatan dalam aktiviti *hot seats*?

Peserta 5 : Nampak masyarakat di Malaysia menyisihkan golongan LGBT. Rasa malu pun ada kerana mengaku diri mereka terbuka..tetapi tidak dapat menerima golongan LGBT. Ada yang kena bunuh pun kerana mengaku sebagai transgender. Patut kita rasa malu kerana ada masyarakat kuno sebegini..

(IPGKM/PK4/temkumfokus/ Gel1/21.7.2017)

Sedutan temu bual Gelung Kedua ini menunjukkan peserta prihatin tentang sikap malu terhadap anggota masyarakat yang mempersendakan golongan LGBT. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka tidak berasa malu terhadap golongan LGBT tetapi terhadap ahli masyarakat yang tidak memberi sokongan moral sebaliknya mencemuh mereka.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa isu jenayah siber telah menyebabkan Malaysia terkenal sebagai pusat cyber *hackers* sejak kebelakangan ini. Peserta dapat meluahkan perasaan malu terhadap isu jenayah siber dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan aktiviti online. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Apakah yang dapat anda pelajari di dalam sesi interaksi platform *Schoology*?

Peserta 5 : Aktiviti di dalam platform *Schoology* bantu saya..banyak video dan keratan akhbar diupload..Malu dengan masyarakat yang tamak mengejar kemewahan. Yang dituju masyarakat maju..yang berlaku masyarakat tamak..ini tak sepatutnya berlaku..  
(IPGKM/PK2/temkumfokus/ Gel 1/27.7.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Anda Berjaya Menang’

(Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) menyebabkan peserta kajian meluahkan perasaan malu terhadap isu jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk meluahkan perasaan sendiri mereka. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian berupaya meluahkan perasaan malu terhadap anggota masyarakat yang tidak mempamerkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.



- Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja mengembangkan emosi anda?
- Peserta 5 : Keratan akhbar ‘Anda Berjaya Menang’ bukan benda baru..Cuma beritanya baru..isinya lama.,kisah penipuan terhadap masyarakat sejak sekian lama. Orang tamak cari duit tidak halal. Memalukan masyarakat Malaysia..  
(IPGKM/PK4/temkumfokus/ Gel 1/27.7.2017)

Kedua-dua sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan emosi moral yang dilahirkan oleh peserta. Perbincangan terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu meluahkan emosi moral tentang isu moral yang berlaku dalam masyarakat dan menilai kesan yang bakal berlaku kepada diri, keluarga dan masyarakat sekiranya amalan yang salah dilakukan (sesi interaksi bersemuka).

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) mendapati bahawa peserta kajian berupaya untuk meluahkan perasaan malu terhadap isu moral yang dikemukakan. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta meluahkan perasaan sendiri mereka yang bukan sahaja di sekolah tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Catatan jurnal berikut menunjukkan emosi moral yang dipamerkan oleh peserta kajian.

Aktiviti menonton klip video membolehkan saya faham tentang *sexual harrasment* merupakan satu bentuk buli. Buli menyebabkan seseorang rasa rendah diri. *Say No to Bully*. Buli di tempat kerja merupakan satu bentuk penindasan yang memalukan. Buli boleh menyebabkan staf tidak yakin dengan majikan dan prestasi kerja mereka merosot.  
(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/10.8.2017)





Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat perbuatan penindasan oleh majikan merupakan satu bentuk buli yang memalukan dan tidak boleh diterima oleh masyarakat. Manusia perlu menerima kelebihan dan kekurangan yang ada pada diri orang lain. Mereka tidak berhak untuk memalukan orang lain dengan apa cara sekalipun. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa setiap individu bertanggungjawab untuk menghormati orang lain dan mempamerkan budi pekerti yang tinggi. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui perbincangan tadi, saya dapat berpendapat adalah tidak beradab seseorang mengeluarkan kata-kata kesat apabila mengemukakan buah fikiran mereka. Mereka sepatutnya berfikir dahulu sebelum bercakap. Terlajak perahu boleh diundur terlajak kata buruk padahnya.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/10.8.2017)



Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mendapati hal sebegini telah mendasari emosi moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, masyarakat perlu lebih terbuka dan tidak memandang jijik ketika berhadapan dengan individu yang mengaku diri mereka sebagai LGBT. Emosi moral yang betul juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Aktiviti menonton klip video telah mendedahkan saya kepada sikap sesetengah masyarakat yang alpa terhadap diri sendiri. Sebagai seorang guru saya akan memastikan golongan LGBT tidak disisih, tidak dimalukan. Saya akan mengajar murid saya supaya tidak membenci golongan yang mempunyai krisis identiti seperti LGBT.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel2/14.10.2017)





Peserta kajian juga dapat meluahkan perasaan malu terhadap masyarakat berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara sistematik terhadap gadis bawah umur di dalam Gelung Ketiga membolehkan peserta meluahkan perasaan malu terhadap anggota masyarakat yang mengambil kesempatan ke atas gadis bawah umur. Semasa sesi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video “R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur” merupakan tindakan memalukan yang dilakukan oleh golongan yang rakus mengejar kemewahan hidup. Peserta kajian juga mengaku bahawa klip video tersebut memberi peluang untuk memahami kisah perit yang dialami oleh mangsa jenayah bawah umur.

Klip video R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur menyebabkan saya rasa malu pada masyarakat masa kini yang mengejar wang. Mereka sanggup mempergunakan gadis bawah umur untuk kepentingan perniagaan mereka. Saya berasa malu dengan golongan ini yang tidak segan silu menggunakan gadis untuk mengaut keuntungan.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan emosi moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk menghayati isu moral dengan lebih baik dan dapat membentuk emosi moral mereka. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Pada hari ini saya terlibat dengan aktiviti *hot seats*. Aktiviti *hot seats* membantu saya untuk memahami isu jenayah siber. Saya rasa malu dengan individu yang menipu gadis hanya untuk mendapatkan wang. Mangsa siber tertipu dari segi emosi dan wang ringgit. Mereka mempermainkan perasaan gadis.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)







Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat meluahkan elemen-elemen emosi yang perlu ada di dalam kehidupan seperti kasih sayang kepada orang lain dan menghormati antara satu sama lain. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan malu terhadap isu buli siber (sesi pra pengajaran) yang secara terang-terangan mengeksploitasi individu lain. Peserta kajian meluahkan perasaan malu terhadap individu yang sengaja mengaibkan orang lain dengan menularkan gambar atau klip video yang disunting. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian meluahkan rasa malu dengan tindakan individu yang menularkan video yang diedit dan dialih suara (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian melahirkan kebimbangan terhadap masyarakat yang menerima berita palsu tanpa soal selidik. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu masyarakat lebih bertanggungjawab ketika menerima berita yang tular di media sosial.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan malu tanpa segan silu. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku bukan sahaja melibatkan ibu bapa sebaliknya ahli masyarakat yang lain. Peserta kajian berpendapat buli siber boleh memberi gambaran yang buruk kepada anggota masyarakat apabila mereka tidak prihatin kepada persekitaran mereka sedangkan persekitaran hidup mereka terdedah kepada keadaan yang lebih mencabar. Peserta kajian berpendapat ketiadaan rasa prihatin anggota masyarakat membahayakan



kehidupan mereka dan memberi implikasi yang negatif. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, emosi moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk mengetengahkan pelbagai perasaan sendiri.

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik dalam klip video bertajuk ‘ Statistik Jenayah Jalanan’, peserta mendapati isu jenayah jalanan yang berlaku sejak kebelakangan ini memberi imej buruk kepada negara. Peserta kajian mendapati bahawa klip video tersebut memberikan gambaran memalukan seolah-olah Malaysia sebuah negara yang tidak selamat. Peserta kajian berpendapat isu jenayah jalanan perlu ditangani dengan sebaik mungkin agar imej negara pulih di kaca mata masyarakat.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Bard/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Keratan akhbar bertajuk ‘*LGBT entitled to be treated*’ telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa masyarakat tidak perlu memberikan komen dan kritikan yang berlebih-lebihan terhadap golongan LGBT. Kritikan sedemikian, menurut peserta kajian hanya memalukan masyarakat kerana menunjukkan mereka tidak faham diri mereka sendiri. Perasaan malu dengan

sikap masyarakat yang melemparkan kritikan yang berlebihan dapat dilihat dalam kalangan peserta.

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) juga mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap isu jenayah siber. Peserta kajian menyatakan mereka berasa malu terhadap masyarakat apabila masyarakat tidak mengendahkan nilai-nilai murni di dalam menjalankan kehidupan mereka sebaliknya bertindak mencuri, memalukan orang lain dan melakukan kemungkaran hidup dengan terlibat dalam jenayah siber. Peserta kajian berpandangan masyarakat harus saling menyayangi antara satu sama lain dan mengelakkan daripada terlibat dalam aktiviti yang menjejaskan keharmonian masyarakat.

(IPGKP/pemerh/Gel3/Ramesh/13.11.2017)

#### **4.6.1.2 Rasa Menyesal/ Bersalah**

Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta berupaya meluahkan rasa bersalah daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat meluahkan rasa menyesal dan bersalah setelah menonton klip video yang dimuat naik tentang buli fizikal dalam tema penganiayaan terhadap manusia.

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga dapat meluahkan rasa bersalah setelah terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta berupaya meluahkan rasa bersalah ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta untuk meluahkan rasa bersalah peserta ketika berbincang isu buli fizikal dan emosi moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Jelaskan mengapa KB memudahkan anda untuk faham perasaan sendiri?

Peserta : Dalam sesi interaksi bersemuka, banyak peristiwa yang bermain dalam fikiran saya...emm..macam peranan kita sebagai cikgu di sekolah..tak ramai yang memegang tanggungjawab dengan jujur. Patut sebagai cikgu kena la tau masalah yang dihadapi oleh murid...

Penyelidik : Apakah kesan penglibatan dalam KB?

Peserta 3 : Saya sedar bahawa sebagai cikgu, saya perlu sentiasa perhatikan pegerakan murid...ada murid yang..emm..macam lembut..ada jugak yang badan kecil..boleh dibuli..ini sebenarnya yang saya kena tengok...

(IPGKM/PK2/temkumfokus/gelu2/27.9.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat meluahkan rasa bersalah terhadap sikap guru yang mengendahkan tingkah laku murid dalam klip video kedua yang ditonton mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat melahirkan rasa bersalah mereka terhadap kekurangan pengawasan guru di sekolah yang menyebabkan buli berlaku. Klip video juga mendedahkan perlakuan pembuli yang menggunakan kekerasan terhadap murid lain. Peserta kajian mendedahkan bahawa wujud perasaan rasa menyesal dalam diri mereka mereka terhadap segelintir guru yang tidak memainkan peranan penting untuk



mencegah keganasan di sekolah. Peserta mengakui bahawa buli fizikal yang melibatkan murid lelaki juga agak keterlaluan. Rujuk temu bual berikut:

- Penyelidik : Klip video yang mengisahkan murid lelaki melakukan kekerasan itu bagaimana?
- Peserta 5 : Saya rasa bersalah tengok video tu..pelajar boleh dibuli dalam kawasan sekolah..tak de cikgu ke..kadang saya rasa guru di sekolah pun buat tak tau kalau ada budak bergaduh..mungkin mereka sibuk tapi ini berlaku di dalam kelas..macam mana tu..  
(IPGKS/PK3/temkumfokus/Gel1/19.9.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka dapat meluahkan rasa menyesal terhadap isu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Mereka bukan sahaja dapat melahirkan emosi mereka malahan dapat mengaitkan dengan peranan mereka sebagai seorang bakal guru di sekolah. Peserta berupaya untuk meluahkan emosi moral yang melibatkan buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta juga mengaku bahawa isu buli fizikal perbuatan yang perlu dibanteras sejak awal lagi.

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat meluahkan perasaan mereka dengan jelas tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka meluahkan emosi mereka. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli bukan sahaja memberi kesan kepada mangsa tetapi juga merosakkan imej sekolah. Peserta dapat meluahkan rasa menyesal dalam isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dan lelaki, buli mental, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian juga meluahkan perasaan mereka ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau di luar bilik darjah. Emosi moral



individu bergantung kepada keupayaan mereka meluahkan perasaan ketika berhadapan dengan isu moral.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang kewujudan perasaan sendiri. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan menyesal terhadap isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra-pengajaran). Peserta kajian dapat melahirkan rasa menyesal terhadap sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri ketika berhadapan dengan masalah yang dihadapi oleh orang lain. Peserta kajian melahirkan rasa menyesal terhadap sikap masyarakat yang tidak mengendahkan peristiwa yang berlaku di persekitaran mereka.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang memerlukan perhatian oleh masyarakat (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap individu LGBT dan masyarakat. Peserta berpendapat bahawa masyarakat perlu berhemah apabila menyuarakan kritikan terhadap orang lain. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Penyelidik : Apa kesan penglibatan dalam aktiviti *hot seats*?

Peserta 5 : Kalau nak kutuk orang gay..tengok dulu apa yang orang gay buat pada kamu..ada kah dia orang mencuri, merompak? Tak de kan..dia orang lahirkan perasaan mereka terhadap kaum lelaki..so what? Mengapa masyarakat *busy body* hal orang lain?

(IPGKS/PK3/temkumfokus/ Gel1/19.9.2017)



Sedutan temu bual Gelung Kedua ini menunjukkan peserta menyuarakan rasa menyesal terhadap sikap masyarakat yang mempersendakan golongan LGBT sedangkan mereka wajar melalui kehidupan yang normal seperti orang lain. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka berasa menyesal terhadap nasib yang menimpa golongan LGBT.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoolology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa isu jenayah siber telah menyebabkan imej Malaysia tercalar. Peserta dapat meluahkan rasa menyesal terhadap segelintir individu yang bertindak merosakkan nama Malaysia. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Apakah yang dapat anda pelajari di dalam sesi interaksi platform *Schoolology*?

Peserta 5 : Aktiviti di dalam platform *Schoolology* bantu saya..banyak video dan keratan akhbar diupload..Rasa menyesal kerana ada segelintir rakyat Malaysia yang rakus mengejar kemewahan dan menjatuhkan imej Malaysia..

(IPGKM/PK3/temkumfokus/ Gel1/19.11.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Data jenayah siber’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) menyebabkan peserta kajian meluahkan rasa menyesal terhadap isu jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk meluahkan perasaan sendiri mereka. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian berupaya meluahkan rasa menyesal terhadap mangsa jenayah siber yang terlibat dengan fitnah Berikut ialah bukti temu bual tersebut.





- Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja mengembangkan emosi anda?
- Peserta 5 : Keratan akhbar ‘Data jenayah siber’ membuka mata tentang maruah orang yang jatuh kerana mereka dimalukan di dalam alam maya..teks..*Whatsapp* dan media sosial..*cyber stalking*..juga menjatuhkan maruah..patutnya orang lebih sensitif..Kadang kala menyesal guna media sosial kerana mudah diattack oleh orang..tak fasal-fasal..  
(IPGKM/ PK2/temkumfokus/ Gel1/19.11.2017)

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) mendapati bahawa peserta kajian berupaya untuk meluahkan perasaan rasa menyesal terhadap isu moral yang dikemukakan. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta meluahkan perasaan sendiri mereka yang bukan sahaja di sekolah tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Catatan jurnal berikut menunjukkan emosi moral yang dipamerkan oleh peserta kajian.

Aktiviti menonton klip video membolehkan saya faham tentang buli di tempat kerja. Saya kesal kerana majikan mengambil kesempatan. Kadang ada kes yang menyebabkan kematian. Saya kesal kerana perbuatan membuli sebabkan kematian. Remaja juga terlibat sebab mereka baru menceburkan diri dalam alam pekerjaan. Saya kesal kerana peluang mereka menjalani kehidupan musnah kerana ada orang yang mengambil kesempatan.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat timbul perasaan menyesal kerana pekerja menjadi mangsa buli sehingga menyebabkan kematian. Manusia perlu bertanggungjawab dan menunjukkan nilai murni terhadap orang lain. Mereka tidak berhak untuk menzalimi orang lain sehingga menyebabkan kematian. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa majikan perlu lebih





bertanggungjawab dan berpegang kepada amanah ketika menjalankan tugas. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Saya dapat faham bahawa majikan sebagai ‘penjaga’ pekerja perlu lebih bertanggungjawab. Saya kesal kerana sepatutnya majikan membantu pekerja tetapi daripada perbincangan, ada kes di mana remaja bunuh diri kerana tidak tahan didera majikan.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mendapati hal sebegini telah mendasari emosi moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, timbul rasa menyesal terhadap layanan yang diberikan ke atas golongan LGBT. Emosi moral yang betul juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Aktiviti menonton klip video telah mendedahkan saya kepada sikap sesetengah individu yang bertindak keterlaluan terhadap golongan transgender. Timbul perasaan menyesal terhadap sikap masyarakat terhadap Sameera kerana dia dibuli dan dibunuh kerana dia transgender. Tidak wajar seseorang dibunuh hanya kerana dia seorang transgender. Saya kesal dengan sikap masyarakat yang tidak berlaku adil.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel2/14.10.2017)

Peserta kajian juga dapat meluahkan rasa menyesal terhadap sikap masyarakat berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara sistematik terhadap gadis bawah umur di dalam Gelung Ketiga membolehkan peserta meluahkan rasa menyesal terhadap anggota masyarakat yang mengambil kesempatan ke atas gadis bawah umur. Semasa sesi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video “R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur” mempamerkan sikap masyarakat yang ghairah memperdagangkan manusia. Peserta



kajian juga mengaku bahawa klip video tersebut memberi peluang untuk memahami isu seksual bawah umur yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak.

Klip video R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur menyebabkan saya rasa menyesal terhadap sikap masyarakat. Ada ramai orang yang mengambil kesempatan. Mereka tidak mengenal sasaran. Gadis bawah umur pun dijadikan sebagai modal niaga. Masyarakat perlu berubah. Bagaimana mereka tergamak mengambil kesempatan ke atas kesusahan orang lain?

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan emosi moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *trade a problem* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk menghayati isu moral dengan lebih baik dan dapat membentuk emosi moral mereka. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Pada hari ini saya terlibat dengan aktiviti *trade a problem*. Aktiviti *trade a problem* membantu saya untuk memahami isu jenayah siber. Saya rasa menyesal terhadap helah yang digunakan di dalam internet. Ramai peniaga menangguk ikan di air keruh. Hanya dengan klik, semua hilang dalam sekelip mata.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat meluahkan elemen-elemen emosi yang perlu ada di dalam kehidupan seperti bersikap amanah dan bertanggungjawab. Peserta kajian dapat meluahkan rasa menyesal terhadap isu buli alam pekerjaan (sesi pra pengajaran) yang secara terang-terangan mengeksplotasi





individu lain. Peserta kajian meluahkan rasa menyesal terhadap rakan sekerja yang sering menjadikan seseorang individu objek untuk melepaskan kemarahan. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian meluahkan menyesal dengan tindakan individu yang menunjukkan sikap talam dua muka. Peserta kajian melahirkan kebimbangan dengan budaya membodek majikan dengan memberi gambaran yang negatif pekerja lain. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu individu lebih amanah dan mengelakkan kritikan yang berlebih-lebihan sehingga boleh menjatuhkan air muka seseorang.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian meluahkan rasa kesal terhadap ahli masyarakat. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku bukan sahaja melibatkan ibu bapa sebaliknya ahli masyarakat yang lain. Peserta kajian berpendapat kebebasan di dalam alam siber tidak harus dijadikan alasan untuk mengeluarkan kata-kata yang tidak beradab, terutama untuk kaum wanita. Peserta kajian berpendapat perlakuan menjatuhkan seseorang di belakang tabir tidak membantu sebaliknya memberi persepsi yang buruk kepada masyarakat Malaysia. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, emosi moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk mengetengahkan pelbagai perasaan sendiri.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Shasi/14.7.2017)



Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik dalam klip video bertajuk ‘ Video Jenayah Jalanan’, peserta mendapati isu jenayah jalanan menyebabkan mereka berasa menyesal terhadap sikap segelintir individu yang mencari wang mudah dengan mencuri. Peserta kajian mendapati bahawa klip video tersebut memberikan persepsi bahawa Malaysia sebuah negara yang tidak selamat. Peserta kajian berpendapat isu jenayah jalanan perlu ditangani dengan sebaik mungkin agar imej negara pulih di kaca mata masyarakat.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Keratan akhbar bertajuk ‘Penularan gejala LGBT’ telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa media perlu lebih bertanggungjawab ketika membuat kritikan terhadap golongan LGBT. Pelaporan media yang berat sebelah terhadap komuniti LGBT memberi gambaran seolah-olah mereka melakukan keganasan dan jenayah terancang. Perasaan rasa menyesal terhadap sikap media yang memberi gambaran buruk terhadap golongan LGBT dapat dilihat dalam kalangan peserta.

(IPGKS/Pemer/Gel2/Tamil/14.9.2017)



Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) juga mendapati peserta kajian dapat meluahkan rasa menyesal mereka terhadap isu jenayah siber. Peserta kajian menyatakan mereka rasa menyesal terhadap sikap masyarakat apabila masyarakat tidak prihatin dengan keselamatan penggunaan komputer dan transaksi perbankan melalui internet. Peserta kajian berpandangan undang-undang sedia ada dan agensi yang terlibat perlu bekerjasama menangani jenayah komersial memandangkan pertambahan di dalam bilangan kes jenayah siber yang dilaporkan.

(IPGKP/pemerh/Gel3/Ramesh/13.11.2017)

#### 4.6.1.3 Sedih



Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta meluahkan rasa sedih daripada isu-isu moral yang dikemukakan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Dalam beberapa klip video yang dimuat naik oleh penyelidik berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan, peserta berupaya meluahkan emosi sendiri mereka. Hasil kajian menunjukkan peserta meluahkan rasa sedih setelah menonton klip video yang dimuat naik tentang buli fizikal dalam tema penganiayaan terhadap manusia. Peserta juga meluahkan rasa sedih ketika terlibat dalam aktiviti lakonan (interaksi bersemuka).





Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta meluahkan rasa sedih setelah terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta meluahkan rasa sedih ketika terlibat di dalam perbincangan situasi moral yang membabitkan tindakan moral dicabuli. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta untuk meluahkan rasa sedih peserta ketika berbincang isu buli fizikal dan emosi moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Jelaskan mengapa KB memudahkan anda untuk faham perasaan sendiri?

Peserta 5 : Dalam sesi perbincangan, saya rasa sedih kerana mangsa buli dcederakan, dipukul, diterajang tanpa belas kasihan..Manusia jenis apa yang kita sedang perhatikan..Mereka sanggup memperlakukan perbuatan terkutuk di khalayak murid lain..

Penyelidik : Apakah kesan penglibatan dalam KB?

Peserta 5 : Saya sedar bahawa mangsa buli tentu trauma setelah mereka dibuli..Sedih melihat mereka diperlakukan sedemikian rupa. Sesi lakonan yang dilakukan dalam kelas membuatkan saya teringat kepada kes dalam video..Sedih juga bila fikirkan kesan buli pada orang yang dibuli.. sebabnya kesannya berpanjangan...  
(IPGKS/PK3/temkumfokus/Gel2/19.9.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian meluahkan perasaan sedih terhadap sikap segelintir murid yang tidak hormat kepada guru mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat melahirkan perasaan sedih mereka terhadap pembuli yang tidak menghormati guru. Klip video juga mendedahkan perlakuan pembuli yang menggunakan kekerasan terhadap murid lain dan hal ini menyebabkan peserta sedih. Peserta kajian mendedahkan bahawa wujud rasa sedih dalam diri mereka terhadap segelintir murid yang tidak segan silu memukul individu lain dan mengaibkan mereka. Peserta mengakui





bahawa buli fizikal yang melibatkan murid lelaki juga agak keterlaluan. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik : Apa perasaan anda tentang klip video yang mengisahkan murid lelaki ditendang dan disepak?

Peserta 5 : Saya dapat gambarkan...saya sedih dengan keadaan mangsa dibelasah dengan teruk..menyebabkan dia...berdarah..dia kesakitan dan cuba mengesat darah di hidungnya..satu keadaan pula apabila murid lelaki melemparkan *flying kick* pada budak lain..mengapa sampai begitu?

(IPGKS/PK6/temkumfokus/Gel1/19.9.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka dapat meluahkan perasaan sedih terhadap isu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Mereka bukan sahaja dapat melahirkan emosi mereka malahan dapat mengaitkan dengan peranan mereka sebagai seorang bakal guru di sekolah. Peserta berupaya untuk meluahkan emosi moral yang melibatkan buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta juga mengaku isu buli fizikal bakal menyebabkan trauma dan kesan negatif kepada mangsa.

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat meluahkan perasaan mereka dengan jelas tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran menyebabkan mereka meluahkan emosi mereka. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli bukan melukakan, menyakitkan dan memberi kesan yang berterusan kepada mangsa. Peserta dapat meluahkan perasaan sedih dalam isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dan lelaki, buli mental, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian juga meluahkan perasaan sedih mereka ketika mengemukakan komen dan



cadangan menerusi platform *Schoology*, perbincangan di dalam atau di luar bilik darjah dan dalam sesi lakonan di dalam kelas. Emosi moral individu bergantung kepada keupayaan mereka meluahkan perasaan ketika berhadapan dengan isu moral.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang kewujudan perasaan sendiri. Peserta kajian meluahkan perasaan sedih terhadap isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian dapat meluahkan perasaan sedih terhadap mangsa jenayah jalanan kerana ada mangsa yang bukan sahaja dcederakan tetapi juga mengakibatkan kehilangan nyawa. Peserta kajian meluahkan rasa sedih terhadap mangsa jenayah jalanan yang terpaksa mengharungi kehidupan yang tidak selamat apabila berada di atas jalan raya.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang memerlukan perhatian oleh masyarakat (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap individu LGBT dan masyarakat. Peserta berpendapat bahawa golongan LGBT kerap diboikot oleh masyarakat apatah lagi ketika mereka bersikap terbuka dengan identiti seksual mereka. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.





- Penyelidik : Apa kesan penglibatan dalam aktiviti *hot seats*?
- Peserta 5 : Penglibatan saya di dalam aktiviti *hot seats* ini menyebabkan saya sedih dengan nasib yang menimpa golongan LGBT ini..Macam ada buday gay yang mengaku diri mereka sebagai gay..sedih la kerana mereka pun manusia biasa..tak perlu diperlakukan macam tu..kalau gay..gay la..kenapa mahu dimaki mereka..begitu juga dengan kes transgender..  
(IPGKM/PK1/temkumfokus/ Gel2/19.9.2017)

Sedutan temu bual Gelung Kedua ini menunjukkan peserta sedih terhadap anggota masyarakat yang memboikot golongan LGBT. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka berasa sedih dengan golongan LGBT kerana tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada masyarakat.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian sedih kerana anggota masyarakat kehilangan wang ringgit setelah ditipu gara-gara jenayah siber. Peserta dapat meluahkan perasaan sedih terhadap isu jenayah siber dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan aktiviti online. Rujuk temu bual berikut.

- Penyelidik : Apakah yang dapat anda pelajari di dalam sesi interaksi platform *Schoology*?
- Peserta 5 : Aktiviti di dalam platform *Schoology* bantu saya..video dan keratan akhbar menunjukkan masyarakat kehilangan wang ringgit begitu sahaja..duit melesap hanya dengan satu klip..sangat merugikan...orang susah-susah cari duit..duit hilang macam tu saje..  
(IPGKS/PK5/temkumfokus/ Gel3/19.11.2017)





Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Anda Berjaya Menang’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) menyebabkan peserta kajian meluahkan perasaan sedih terhadap isu jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian meluahkan perasaan sendiri mereka dengan yakin. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian meluahkan perasaan sedih terhadap kesan psikologi yang terpaksa dihadapi oleh mangsa jenayah siber. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.

Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja mengembangkan emosi anda?

Peserta 5 : Keratan akhbar ‘Guru ditipu kekasih siber’ sangat menyedihkan..manusia dikurniakan dengan akal..tapi tengok macam mana mereka ditipu..sedih dengan nasib yang menimpa kaum wanita yang diperdaya..kadang kala wanita tidak perasan mereka ditipu oleh penjenayah siber..

(IPGKS/PK3/temkumfokus/ Gel3/19.11.2017)

Kedua-dua sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan emosi moral yang dilahirkan oleh peserta. Perbincangan terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu meluahkan emosi moral tentang isu moral yang berlaku dalam masyarakat dan menilai kesan yang bakal berlaku kepada diri, keluarga dan masyarakat sekiranya amalan yang salah dilakukan (sesi interaksi bersemuka).

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video dan perbincangan) mendapati bahawa peserta kajian meluahkan perasaan sedih terhadap isu moral yang dikemukakan. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia dan lakonan dalam kelas membolehkan peserta meluahkan perasaan sendiri mereka yang bukan sahaja di





sekolah tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Catatan jurnal berikut menunjukkan emosi moral yang dipamerkan oleh peserta kajian.

Aktiviti menonton klip video membolehkan saya faham emosi yang dialami oleh mangsa buli di tempat kerja. Sedih kerana mungkin mereka pekerja yang aktif tetapi buli ini menyebabkan mereka ada aura negatif. Saya juga sedih dengan sikap majikan yang sentiasa kritik atau salahkan pekerja walaupun pekerja telah melakukan yang terbaik.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat tindakan majikan mencari kesalahan pekerja merupakan suatu yang menyedihkan. Manusia perlu menerima hakikat bahawa setiap individu mempunyai perbezaan dan tidak menjadikan seseorang pekerja sebagai kambing hitam. Mereka tidak boleh menyalahkan seseorang tanpa bukti yang kukuh.

Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa majikan perlu menghormati hak pekerja dan tidak mendatangkan kecederaan emosi kepada pekerja. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti lakonan. Melalui aktiviti lakonan tadi, rasa sedih dengan tindakan *workplace mobbing* merupakan tindakan penganiayaan oleh orang yang berkuasa. Perlakuan mencaci, menyakitkan hati, mencerna tidak berperikemanusiaan. Saya berasa sedih dengan pekerja yang kurang mempunyai kemahiran sosial. Sedih dengan nasib mereka.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mendapati hal sebegini telah mendasari emosi moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, golongan seperti gay perlu dibantu kerana mereka sering memendam perasaan mereka lantaran stigma sosial masyarakat ke atas mereka. Emosi moral yang betul juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.





Aktiviti menonton klip video telah mendedahkan saya kepada golongan gay yang kerap berhadapan dengan masalah kesunyian dalam kehidupan mereka. Saya berasa sedih dengan nasib mereka kerana mereka terpaksa menyembunyikan perasaan mereka. Golongan gay juga merasa terbeban dengan identiti diri mereka.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel2/14.9.2017)

Peserta kajian juga meluahkan perasaan sedih terhadap mangsa berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara sistematik terhadap gadis bawah umur di dalam Gelung Ketiga membolehkan peserta meluahkan perasaan sedih terhadap individu yang sanggup merosakkan kehidupan gadis bawah umur. Semasa sesi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video “R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur” merupakan satu kisah sedih yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Peserta kajian juga mengaku bahawa klip video tersebut

menyedarkan mereka tentang permintaan terhadap gadis bawah umur untuk diperdagangkan dan keperitan yang terpaksa dialami oleh gadis tersebut. Ada yang dijanjikan dengan kata-kata manis dan bentuk barangan.

Klip video R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur menyebabkan saya sedih kerana permintaan yang tinggi terhadap gadis bawah umur untuk diperdagangkan. Ada kisah gadis yang dirogol ketika berumur 12 tahun. Ia sangat menyedihkan kerana berlaku pada masyarakat kita. Klip video tersebut merupakan tindakan yang dilakukan selama beberapa bulan oleh pasukan *spy*. Jadi sedih kerana ia isu benar.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan emosi moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk menghayati isu moral dengan lebih baik dan dapat membentuk emosi moral mereka. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.





Pada hari ini saya terlibat dengan aktiviti *hot seats*. Aktiviti *hot seats* membantu saya untuk memahami isu jenayah siber. Saya rasa sedih dengan tindakan tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh *scammers*. Kadangkala mereka sengaja telefon dan menipu. Kononnya mereka daripada pihak bank. Sedih kerana asyik-asyik pengguna jadi mangsa.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat meluahkan elemen-elemen emosi yang perlu ada di dalam kehidupan seperti kasih sayang kepada orang lain dan menghormati antara satu sama lain. Peserta kajian meluahkan perasaan sedih terhadap mangsa buli siber (sesi pra pengajaran) yang tertipu walaupun ada yang memegang jawatan tinggi dan berpelajaran. Peserta kajian meluahkan perasaan sedih terhadap individu mengambil jalan mudah dengan mencari rezeki. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian meluahkan rasa sedih dengan tindakan individu yang tidak mengambil masa yang lama untuk mencipta e-mel palsu atau laman web bank dan melesapkan wang dalam masa yang pantas. Peserta kajian melahirkan rasa sedih terhadap masyarakat yang kehilangan ribuan ringgit. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu kerajaan memberi lebih banyak pendedahan dan kempen tentang bahaya jenayah siber.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan sedih. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku bukan





sahaja melibatkan ibu bapa sebaliknya ahli masyarakat yang lain. Peserta kajian berpendapat buli siber menyedihkan kerana ia berlaku 24 jam sehari, 7 hari seminggu atau sepanjang tahun. Peserta kajian berpendapat mangsa buli siber mungkin mengalami keresahan, murung serta terdedah kepada penyakit lain yang berkaitan dengan tekanan. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Ternyata, emosi moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk mengetengahkan pelbagai perasaan sendiri.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Shasi/14.7.2017)

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik dalam klip video bertajuk 'Wanita Diragut', peserta mendapati isu jenayah jalanan yang berlaku sejak kebelakangan ini menyedihkan kerana wanita warga emas tersebut dcederakan selain kehilangan dokumen dan wang. Peserta kajian mendapati bahawa klip video tersebut menyedihkan kerana mangsa cedera teruk di kepala dan tangan. Peserta kajian berpendapat isu jenayah jalanan semakin membimbangkan dan masyarakat terdedah kepada risiko keselamatan terutama apabila mereka berada keseorangan.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)





Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Keratan akhbar bertajuk 'Penularan Gejala LGBT' telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa adalah menyedihkan apabila isu LGBT dibongkar semata-mata untuk mengaibkan golongan LGBT. Peserta berpendapat adalah menyedihkan apabila serangan bertubi-tubi dilemparkan terhadap komuniti LGBT. Cercaan dan makian terhadap golongan LGBT, menurut peserta kajian hanya memalukan masyarakat kerana menunjukkan mereka tidak melihat isu besar lain yang berkaitan dengan kehidupan mereka. Perasaan sedih dengan sikap masyarakat yang memaki dan mencerca ini dapat dilihat dalam kalangan peserta.



Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) juga mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap isu jenayah siber. Peserta kajian menyatakan mereka sedih terhadap masyarakat apabila masyarakat tidak mengendahkan nilai-nilai murni di dalam menjalankan kehidupan mereka sebaliknya bertindak melakukan hendap siber ke atas mangsa yang leka dengan peranti atau media sosial mereka. Peserta kajian berpandangan masyarakat harus saling hormat menghormati dan mengelakkan daripada terlibat dalam aktiviti hendap siber atau menggodam akaun di media sosial.

(IPGKP/pemerh/Gel3/Ramesh/13.11.2017)





#### 4.6.1.4 Seronok/ Gembira

Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta mempamerkan rasa gembira dan seronok daripada aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran yang dijalankan. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat meluahkan rasa gembira dan seronok setelah terlibat di dalam aktiviti berkaitan dengan tema penganiayaan terhadap manusia.

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga dapat meluahkan rasa gembira dan seronok setelah terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta berupaya meluahkan rasa gembira dan seronok ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta untuk meluahkan rasa gembira dan seronok peserta ketika terlibat di dalam aktiviti berkaitan tema buli dan emosi moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Jelaskan mengapa KB memudahkan anda untuk faham perasaan sendiri?

Peserta 5 : Dalam sesi pra pengajaran, saya rasa gembira dan seronok kerana saya menonton klip video. Klip video yang ditonton pendek dan mesejnya jelas. Kemudian saya rasa seronok bila saya melakukan aktiviti tambahan seperti mencari sendiri maklumat lain di dalam internet. Ini pengalaman belajar yang baharu untuk saya....

Penyelidik : Apakah kesan penglibatan dalam KB?

Peserta 5 : Saya sedar bahawa saya belajar dengan mencari maklumat tambahan. Saya meneroka ilmu..saya mencari sendiri keratan akhbar, media..media lain seperti dalam *YouTube*..saya seronok mencari bahan tambahan, dan kemudian saya *postkan* semula dalam *Schoology*..







(IPGKS/PK5/temkumfokus/ Gel1/19.7.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat meluahkan perasaan seronok dan gembira terhadap pengalaman pembelajaran mereka di dalam *Schoolology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat melahirkan perasaan gembira dan seronok kerana banyak klip video tentang gejala buli yang diteroka. Peserta mengaku dapat mengakses banyak klip video dengan menggunakan enjin pencari *Google Chrome* dan *Internet Explorer*. Peserta kajian mendedahkan bahawa wujud rasa gembira dan seronok dalam diri mereka kerana dapat belajar dengan menggunakan komputer dan telefon bimbit. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik : Apa pengalaman belajar anda dengan menggunakan klip video yang mengisahkan pelajar dibuli?

Peserta 5 : Saya seronok dan gembira belajar dengan menggunakan internet. Saya juga ada gunakan telefon bimbit saya..saya dapati ia menyeronokkan kerana tiada rakan lain yang belajar cara begini. Saya dapat teroka banyak maklumat. Kemudian saya bincang dalam bilik darjah..Saya gunakan *Whatsapp* untuk berhubung dan berbincang dengan rakan saya yang lain. Saya suka kepada cara ini..

(IPGKM/PK3/temkumfokus/gelu1/19.7.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka seronok dan gembira terhadap keterlibatan mereka di dalam KB. Mereka bukan sahaja dapat melahirkan emosi mereka malahan dapat mengaitkan dengan pengalaman belajar mereka sebagai seorang bakal guru di sekolah. Peserta berupaya untuk meluahkan emosi moral yang melibatkan aktiviti pencarian klip video berkaitan dengan buli di sekolah. Peserta juga mengaku pengalaman menonton klip video juga menghiburkan kerana mereka berpeluang mencari klip video dari pelbagai sumber.



Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat meluahkan perasaan mereka dengan jelas apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Pengalaman menonton klip video dan berbincang di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka meluahkan emosi mereka. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa penerokaan ilmu menerusi Internet mencetuskan perasaan seronok. Peserta meluahkan rasa gembira mencari pelbagai bahan menerusi Internet tentang isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dan lelaki, buli mental, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian juga meluahkan perasaan gembira ketika melibatkan diri di dalam platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau di luar bilik darjah. Emosi moral individu bergantung kepada keupayaan mereka meluahkan perasaan melibatkan diri di dalam proses pembelajaran KB.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang kewujudan perasaan sendiri. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan gembira dan seronok apabila mereka menggunakan Internet untuk meneroka isu jenayah jalanan yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian dapat meluahkan perasaan gembira kerana dapat memuat naik klip video dan gambar yang sesuai dengan tema jenayah jalanan ke dalam platform *Schoology*. Peserta kajian meluahkan rasa seronok terhadap pelbagai bahan media yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology*. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Apa pengalaman belajar anda dengan menggunakan klip video yang mengisahkan jenayah jalanan?

Peserta 6 : Banyak klip video dan bahan yang saya peroleh dengan gunakan *Google*. Saya cari dokumen kajian dengan gunakan perpustakaan digital. Seronok gunakan Perpustakaan Negara sebab ada banyak koleksi bahan digital yang membantu saya. Cara ini seronok sebab saya tidak hanya depend dalam kelas tetapi saya boleh *explore* benda lain..

(IPGKM/PK6/temkumfokus/Gel2/19.9.2017)

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang terkini dan sering dianggap *taboo* (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap individu LGBT dan masyarakat. Peserta berpendapat bahawa aktiviti *hot seats* telah menjadikan pengalaman berbincang isu LGBT sebagai pengalaman yang menyeronokkan. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Penyelidik : Apa kesan penglibatan dalam aktiviti *hot seats*?

Peserta 5 : Penglibatan saya di dalam aktiviti *hot seats* ini menyebabkan saya seronok dan gembira berbincang dalam suasana yang terbuka. Selama ini isu LGBT, macam isu gay merupakan isu yang janggal untuk dibincangkan secara terbuka..tapi di dalam aktiviti *hot seats* ini isu LGBT telah dibincangkan dengan begitu baik sekali....

(IPGKS/PK5/temkumfokus/ Gel2/19.9.2017)

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian seronok dan gembira kerana mengetahui pelbagai kisah cinta siber yang menjadi ikutan masyarakat pada masa kini. Peserta dapat meluahkan perasaan gembira dan seronok untuk meneroka di dalam alam siber tentang urus niaga online. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Apakah yang dapat anda pelajari di dalam sesi interaksi platform *Schoology*?

Peserta 5 : Aktiviti di dalam platform *Schoology* menyeronokkan sebab saya bebas kemukakan pendapat saya. Bila saya *postkan* isu siber..ramai *respond*..sebab semua ada pengalaman melakukan urus niaga *online*.

Peserta 4 : Kisah cinta *online* menarik..sebab gunakan mesej..*chatting*...dan lain-lain..semua macam ada pengalaman..guna *Whatsapp*..guna *Facebook*..jadi semua cerita bagaimana ada yang mesej katakan “*I love you*” dan sebagainya..Topik ini *best* sebab ada juga *member* yang dapat mesej umpan dari luar negara..  
(IPGKS/PK2/temkumfokus/ Gel3/19.11.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Anda Berjaya Menang’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) menyebabkan peserta kajian meluahkan perasaan seronok dan gembira terhadap cara mereka mendapatkan maklumat menerusi Internet. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk meluahkan perasaan sendiri mereka. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian berupaya meluahkan perasaan seronok dan gembira dengan cara mereka menggunakan *QR Code* untuk mencari maklumat dan menonton klip video.

Berikut ialah bukti temu bual tersebut.

Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja mengembangkan emosi anda?

Peserta 5 : Saya rasa seronok gunakan *QR Code* kerana saya dapat terus mengakses maklumat dan mencari klip video yang sesuai..ini kerana *QR Code* dah ada tajuk..dah ada URL untuk klip video yang sesuai dengan tema siber. Jadi tak perlu buang masa..seronok bila gunakan *QR Code* sebab macam belajar *bershopping*...*scan* macam tu je...  
(IPGKM/PK4/temkumfokus/Gel3/19.9.2017)



Kedua-dua sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan emosi moral yang dilahirkan oleh peserta. Perbincangan terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu meluahkan emosi moral tentang isu moral yang berlaku berdasarkan cara mereka meneroka maklumat dengan menggunakan *QR Code* (sesi interaksi bersemuka).

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) mendapati bahawa peserta kajian berupaya untuk meluahkan perasaan seronok dan gembira ketika aktiviti menonton klip video dilaksanakan. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta meluahkan perasaan sendiri mereka yang bukan sahaja berkaitan dengan perkara yang berlaku di sekolah tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Catatan jurnal berikut menunjukkan emosi moral yang dipamerkan oleh peserta kajian.

Aktiviti menonton klip video membolehkan rasa seronok kerana saya diberi peluang untuk mencari bahan lain di dalam internet. Aktiviti dengan menggunakan internet menyeronokkan kerana saya dapat mencari klip video yang lain. Saya juga dapat akses kepada pelbagai media lain di dalam internet.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat buli di alam pekerjaan membolehkan mereka mencari lebih banyak kisah yang berlaku di alam pekerjaan di dalam Internet. Penerokaan klip video dan media lain di dalam internet mencipta proses pembelajaran yang baharu. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa klip video lain seperti '*Workplace bullying: What to do if you are a victim*'. Rujuk catatan jurnal berikut.





Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui perbincangan tadi, saya rasa seronok dan gembira kerana saya dapat berkongsi kisah yang saya tonton di dalam *YouTube* bertajuk *Workplace bullying: What to do if you are a victim*. Klip video ini membantu saya untuk mencegah diri saya daripada buli oleh orang yang berkuasa. Saya berasa seronok kerana rakan saya dapat tahu hak mereka dan mereka boleh bersuara sekiranya orang lain mengganggu hak mereka.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mendapati hal sebegini telah mendasari emosi moral mereka. Setelah perbincangan dan aktiviti lakonan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, mereka berasa seronok dan gembira kerana isu LGBT merupakan isu yang jarang dibincangkan. Peserta kajian mengaku bahawa pengalaman berbincang tentang isu LGBT merupakan pengalaman yang menyeronokkan kerana jarang anggota membincangkan isu tersebut dengan terbuka.

Emosi moral yang betul juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.



Aktiviti menonton klip video menyeronokkan dan saya berasa gembira kerana banyak klip video tentang isu LGBT yang saya tidak pernah jumpa sebelum ini. Klip video bertajuk '*I am gay, I'm Malaysian and I'm not living in denial*' agak menarik kerana ia memaparkan pengakuan terbuka seorang gay.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel2/14.9.2017)

Aktiviti lakonan hari ini menyeronokkan kerana ada rakan lelaki yang terpaksa jadi transgender. Dia berpura-pura menjadi perempuan. Aktiviti ini menarik sebab kami terpaksa mencari jalan penyelesaian untuk membantu Amir dan keluarga Amir yang tidak mahu menerima anak mereka sebagai transgender. Saya seronok sebab saya belajar cara menangani isu ini dengan lebih berhemah.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel2/14.9.2017)

Peserta kajian juga meluahkan perasaan seronok dan gembira terhadap klip video tambahan yang diteroka tentang tema jenayah siber yang diteroka di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara sistematik terhadap gadis bawah umur di dalam Gelung Ketiga





membolehkan peserta mencari lebih banyak maklumat tentang pedofil. Semasa sesi bersemuka, peserta kajian menyatakan bahawa klip video “R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur” merupakan pengalaman yang menyeronokkan kerana ia merungkai kisah pedofil. Peserta kajian juga mengaku bahawa klip video tambahan yang diteroka membawa kepada penemuan kisah pedofil yang berleluasa di negara Barat, dan juga di Malaysia. Berikut ialah pengakuan peserta.

Setelah saya menontom klip video R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur, saya meneroka lagi kisah pedofil. Penemuan saya yang menyeronokkan ialah bagaimana golongan pedofil ini beroperasi dan mencekup mangsa mereka. Klip video berita di *YouTube* tentang cara pedofil memerangkap mangsa membuka mata saya.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan emosi moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berasa seronok dan gembira di dalam proses pembelajaran. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Pada hari ini saya terlibat dengan aktiviti *hot seats*. Aktiviti *hot seats* menyeronokkan kerana ‘ketua’ mempunyai banyak cerita tentang jenayah siber. Malah, pengalaman peribadi beliau melakukan urus niaga secara talian juga menyeronokkan. Saya gembira dengan cara beliau memberikan fakta moral.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap peserta menunjukkan rasa seronok dan gembira apabila mereka terlibat di dalam sesi menonton video. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan seronok dan gembira kerana mereka dapat menggunakan telefon pintar dalam







proses pembelajaran mereka. Peserta kajian meluahkan perasaan seronok dan gembira dengan pengalaman mereka mencari bahan di dalam Internet. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian meluahkan perasaan seronok dan gembira kerana ini merupakan pengalaman baharu beliau menggunakan telefon pintar di dalam bilik darjah. Peserta kajian melahirkan rasa seronok dan gembira mendengar kisah isu moral daripada rakan mereka. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian berasa seronok apabila mereka dibenarkan untuk mencari dan meneroka media di dalam internet di dalam proses pembelajaran mereka.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian meluahkan perasaan seronok dan gembira hasil penglibatan secara talian. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa penglibatan mereka di dalam aktiviti secara talian membolehkan mereka bebas memberikan pendapat. Peserta kajian berpendapat pendapat berkaitan isu jenayah siber menyeronokkan kerana peserta kajian menggunakan *emotikon* untuk menyampaikan mesej. Peserta kajian berpendapat penggunaan *emotikon* menyeronokkan kerana gabungan simbol yang digunakan mencerminkan pendirian peserta. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam platform secara talian *Schoology* mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran dengan menggunakan pelbagai *emotikon*. Ternyata, emosi moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk mengetengahkan pelbagai perasaan sendiri.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Shasi/14.7.2017)





Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik dalam klip video bertajuk ‘Ditetak Enggan Mengalah’, peserta mendapati pengalaman mencari bahan media di dalam YouTube menyeronokkan kerana banyak klip video yang diperoleh berkaitan dengan jenayah tetak. Peserta kajian mendapati bahawa pengalaman meneroka klip video tersebut menggembirakan kerana ia memberi peluang kepada mereka untuk memperoleh idea tentang isu jenayah jalanan. Peserta kajian berpendapat pengalaman meneroka isu jenayah jalanan menyeronokkan kerana banyak pendapat bernas dikemukakan ketika aktiviti soal jawab dan *hot seats*.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Keratan akhbar bertajuk ‘Penularan Gejala LGBT’ telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa adalah penglibatan di dalam aktiviti *hot seats* menyeronokkan kerana ia kali pertama mereka berbincang isu LGBT secara terbuka. Peserta berpendapat bahawa pendapat yang dikemukakan oleh ketua di dalam ‘*hot seats*’ menyeronokkan kerana ada kalangan rakan mereka yang ‘dikenakan’ sebagai golongan LGBT. Perasaan seronok dan gembira dengan pengalaman bertukar idea dan pandangan tentang isu LGBT ini dapat dilihat dalam kalangan peserta.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) juga mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan seronok dan gembira mereka pengalaman mereka menggunakan komputer, *Schoology* dan telefon pintar di dalam isu jenayah siber. Peserta kajian menyatakan mereka gembira mereka dapat bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman ketika terlibat di dalam aktiviti bilik darjah.

(IPGKP/pemerh/Gel3/Ramesh/13.9.2017)

#### 4.6.1.5 Marah/Geram

Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran)

menunjukkan peserta meluahkan rasa marah dan geram daripada situasi moral yang dikemukakan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta meluahkan rasa marah dan geram setelah menonton klip video yang dimuat naik tentang buli fizikal dalam tema penganiayaan terhadap manusia.

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga meluahkan rasa marah dan geram setelah terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta meluahkan rasa marah dan geram ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral yang melibatkan individu yang dianiayai. Petikan temu bual menunjukkan

peserta meluahkan rasa marah dan geram peserta ketika berbincang isu buli fizikal dan emosi moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

- Penyelidik : Jelaskan mengapa KB memudahkan anda untuk faham perasaan sendiri?
- Peserta 5 : Dalam sesi perbincangan, saya rasa marah dan geram dengan tindakan pembuli yang tidak berperikemanusiaan...tak kan di dalam sekolah boleh ada aktiviti tumbuk, *flying kick*..Marah dengan pihak sekolah..marah juga dengan pembuli..
- Peserta 4 : Apakah kesan penglibatan dalam KB?
- Peserta 3 : Saya sedar bahawa sebagai guru kita harus sentiasa prihatin dengan aktiviti yang dilakukan oleh murid-murid. Di hadapan kita mungkin mereka tak tunjukkan siapa diri mereka..tapi mungkin dendam merupakan punca mereka buli..  
(IPGKS/PK3/temkumfokus/Gel1/19.7.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat meluahkan perasaan marah dan geram terhadap sikap segelintir murid yang tidak hormat kepada guru mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat melahirkan perasaan marah dan geram mereka terhadap pembuli yang secara terang-terangan tidak menghormati guru. Klip video juga mendedahkan perlakuan pembuli yang menggunakan kekerasan terhadap murid lain. Peserta kajian mendedahkan bahawa wujud rasa marah dan geram dalam diri mereka terhadap tindakan segelintir murid yang memukul individu lain dan menggunakan kekerasan. Peserta mengakui bahawa buli fizikal yang melibatkan murid lelaki juga agak keterlaluan. Rujuk temu bual berikut:

- Penyelidik : Apa perasaan anda tentang klip video yang mengisahkan murid lelaki ditendang dan disepak?
- Peserta 5 : Saya marah juga..geram kerana dia tidak beradab..masih belajar di sekolah tapi perangai..emm..macam tidak beradab..juga marah kepada penonton perlakuan tu..saya tak nampak pun ada yang



nak menghentikan tindakan pembuli tu..semua macam jadi penonton..itu tindakan yang tidak betul..

(IPGKM/PK2/temkumfokus/Gel1/19.9.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka meluahkan perasaan marah dan geram terhadap isu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Mereka bukan sahaja dapat melahirkan emosi mereka malahan dapat mengaitkan dengan peranan mereka sebagai seorang bakal guru di sekolah. Peserta berupaya untuk meluahkan emosi moral yang melibatkan buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta juga mengaku isu buli fizikal merupakan tindakan yang keterlaluan dan biadab.

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan),

peserta meluahkan perasaan mereka dengan jelas tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka meluahkan emosi mereka. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli merupakan perbuatan yang tidak bertamadun dan tidak sesuai dengan adab masyarakat Malaysia. Peserta telah meluahkan perasaan marah dan geram dalam isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dan lelaki, buli mental, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian juga meluahkan perasaan mereka ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau di luar bilik darjah. Emosi moral individu bergantung kepada keupayaan mereka meluahkan perasaan ketika berhadapan dengan isu moral.





Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang kewujudan perasaan sendiri. Peserta kajian meluahkan perasaan marah dan geram terhadap isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian dapat meluahkan perasaan marah dan geram terhadap mangsa jenayah jalanan kerana mangsa dcederakan dan dimaki dengan kata-kata bersifat memaki dan mencerca. Peserta kajian meluahkan rasa marah dan geram terhadap mangsa jenayah jalanan yang diheret di atas jalan raya dan mendapat kecederaan parah.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang memerlukan perhatian oleh masyarakat (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap individu LGBT dan masyarakat. Peserta berpendapat bahawa golongan LGBT kerap dipulaukan oleh masyarakat selain mengejek dan memperlekehkan golongan LGBT. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Penyelidik : Apa kesan penglibatan dalam aktiviti *hot seats*?

Peserta 5 : Penglibatan saya di dalam aktiviti *hot seats* ini menyebabkan saya berang dengan sesetengah masyarakat yang tidak bertopengkan kepalsuan..jangan hipokrit..golongan LGBT bukannya mengganggu sesiapa..mereka ada kehidupan sendiri..itu pun *privacy* mereka..

(IPGKP/PK4/temkumfokus/Gel2/19.9.2017)





Sedutan temu bual Gelung Kedua ini menunjukkan peserta marah dan geram terhadap anggota masyarakat yang menyisihkan golongan LGBT. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka berasa marah dan geram dengan masyarakat yang tidak memberikan pembelaan sewajarnya terhadap golongan LGBT.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian marah dan geram kerana privasi anggota masyarakat terganggu gara-gara jenayah siber. Peserta dapat meluahkan perasaan marah dan geram terhadap isu jenayah siber dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan aktiviti perbankan. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Apakah yang dapat anda pelajari di dalam sesi interaksi platform *Schoology*?

Peserta 5 : Aktiviti di dalam platform *Schoology* bantu saya..video dan keratan akhbar yang saya teliti..marah dan geram tengok orang tipu melalui internet..daripada kes cinta sampailah curi duit orang..berang dengan dia orang...

(IPGKM/PK4/temkumfokus/Gel3/19.11.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Penipuan cinta siber’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) menyebabkan peserta kajian meluahkan perasaan marah dan geram terhadap individu yang menipu wanita di alam maya. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian meluahkan perasaan sendiri mereka tanpa segan silu. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian meluahkan perasaan marah dan geram terhadap perbuatan tidak bertanggungjawab individu yang mempermainkan perasaan wanita untuk mengaut keuntungan.

Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja mengembangkan emosi anda?



Peserta 5 : Keratan akhbar ‘Penipuan cinta siber’ menyebabkan saya marah dan geram..wanita ditipu dan wang dikorek daripada mereka..memang marah juga tengok kaum wanita ditipu...nak salahkan wanita sahaja tak adil juga...

(IPGKP/PK3/temkumfokus/Gel3/19.11.2017)

Kedua-dua sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan emosi moral yang dilahirkan oleh peserta. Perbincangan terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu meluahkan emosi moral tentang isu moral yang berlaku dalam masyarakat dan menilai kesan yang bakal berlaku kepada diri, keluarga dan masyarakat sekiranya amalan yang salah dilakukan (sesi interaksi bersemuka).

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) mendapati bahawa peserta kajian berupaya untuk meluahkan perasaan marah dan geram terhadap isu moral yang dikemukakan. Klip video ‘Buli fizikal dalam kelas’ yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap penganiayaan yang berlaku. Catatan jurnal berikut menunjukkan emosi moral yang dipamerkan oleh peserta kajian.

Aktiviti menonton klip video menyebabkan saya geram terhadap pembuli dalam klip video tersebut. Marah kerana murid tidak berdisiplin di dalam bilik darjah. Murid tidak menghargai masa yang diberikan kepada mereka. Tiada peraturan di sekolah yang mengawal aktiviti masa senggang murid. Peraturan sekolah tidak dikuatkuasakan secara berkesan.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)



Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat tindakan majikan mencari kesalahan pekerja merupakan suatu yang menjelikkan. Manusia perlu menerima hakikat bahawa kesalahan sebagai suatu yang boleh diperbetulkan menerusi latihan atau kursus. Mereka tidak boleh memaki pekerja dengan menggunakan kata kesat. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa majikan tidak perlu melemparkan kata kesat dan membuli pekerja. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui perbincangan tadi, rasa marah dan geram dengan tindakan majikan yang menggunakan kata kesat. Buli secara verbal ini menyakitkan hati. Kata seperti bodoh atau sial harus dielakkan oleh majikan. Majikan tidak ada hak merendahkan maruah pekerja. Pekerja ada hak untuk melaporkan kepada pihak berkuasa.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)



Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mendapati hal sebegini telah mendasari emosi moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, masyarakat tidak perlu memberikan komen yang berlebihan yang merendahkan golongan tersebut. Emosi moral yang betul juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Aktiviti menonton klip video telah mendedahkan saya kepada golongan gay. Saya tidak salahkan golongan gay atau lesbian. Atau transgender. Saya bukan gay. Tetapi saya merasa marah dan geram kepada sesetengah anggota masyarakat yang memperbesarkan kelemahan orang lain. Tidak adil memberi aib kepada orang lain. Kita bukan manusia sempurna.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel2/14.9.2017)







Peserta kajian juga meluahkan perasaan marah dan geram terhadap individu yang menyamar di dalam internet berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara sistematik terhadap gadis bawah umur di dalam Gelung Ketiga membolehkan peserta meluahkan perasaan marah dan geram terhadap individu yang menjerat gadis bawah umur. Semasa sesi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video “R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur” merupakan satu kisah yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat. Peserta kajian juga mengaku bahawa klip video tersebut menyedarkan mereka tentang ketiadaan nilai murni terhadap manusia sehingga sanggup memperdagangkan gadis bawah umur. Ada yang dijanjikan dengan kata-kata manis dan bentuk barangan.



Klip video R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur menyebabkan saya marah dan geram kerana tindakan tidak berperikemanusiaan individu yang mengumpan gadis bawah umur di dalam internet. Cara memperdayakan gadis bawah umur licik. Saya geram kerana maksiat berleluasa. Malaysia negara Islam. Wajar bendung perlakuan penindasan.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan emosi moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk memahami situasi moral yang berlaku dengan lebih baik. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Pada hari ini saya terlibat dengan aktiviti *hot seats*. Aktiviti *hot seats* membantu saya untuk memahami isu jenayah siber. Saya rasa marah dan geram terhadap penggodam internet kerana mereka merupakan seorang penyangak yang mengambil kesempatan ke



atas orang lain. Penggodam pencuri moden yang sentiasa ambil peluang ke atas sikap alpa orang lain. Wajar penggodam dihukum berat.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta meluahkan elemen-elemen emosi yang perlu ada di dalam kehidupan seperti bersikap amanah, jujur dan saling hormat-menghormati untuk menjalani kehidupan yang harmoni. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan marah dan geram terhadap isu buli siber (aktiviti pra pengajaran) yang bukan sahaja menipu 'cinta' sebaliknya juga songlap wang ringgit. Peserta kajian meluahkan perasaan marah dan geram terhadap individu yang tidak peduli nasib orang lain. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian meluahkan rasa marah dan geram dengan individu yang cuba untuk mencuri kata laluan orang lain. Peserta kajian melahirkan rasa marah dan geram terhadap ribuan orang yang kehilangan wang ringgit. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu undang-undang yang lebih tegas dikenakan ke atas pencuri maklumat siber.

(IPGKS/Pemer/Gel3/Tamil/14.11.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoolology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian meluahkan perasaan marah dan geram. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku bukan sahaja melibatkan ibu bapa sebaliknya keseluruhan ahli masyarakat yang celik siber. Peserta kajian berpendapat buli siber membuat mereka geram kerana data siber tidak menunjukkan pengurangan kes sebaliknya kes semakin bertambah dari setahun ke

setahun. Peserta kajian berpendapat mangsa buli siber mungkin mencerooboh laman web serta media sosial dan mencuri data penting. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Ternyata, emosi moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk mengetengahkan pelbagai perasaan sendiri.

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik dalam klip video bertajuk ‘ Samun di stesen petrol’, peserta mendapati isu jenayah jalanan membuatkan mereka marah dan geram kerana tiada jalan penyelesaian konkrit yang diambil setakat ini. Peserta kajian mendapati bahawa klip video tersebut membuatkan mereka berasa marah kerana penjenayah tidak menunjukkan perasaan simpati langsung ke atas mangsa. Peserta kajian berpendapat isu jenayah jalanan merupakan petanda bahawa keselamatan warganegara tidak dilindungi terutama di tempat-tempat awam.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Ramesh/25.9.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Keratan akhbar bertajuk ‘LGBT bencana kepada sistem keluarga’ telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa mereka marah dan geram kerana ada ahli politik yang menggunakan isu LGBT untuk meraih sokongan politik. Peserta marah dan geram apabila golongan LGBT dilabel

sebagai pemusnah sistem kekeluargaan . Cercaan dan makian terhadap golongan LGBT, menurut peserta kajian hanya menjadikan golongan ini disisihkan. Perasaan marah dan geram dengan sikap masyarakat yang memaki dan mencerca golongan ini dapat dilihat dalam kalangan peserta.

(IPGKS/pemerh/Gel2/Tamil/25.8.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) juga mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap isu jenayah siber. Peserta kajian menyatakan mereka marah dan geram terhadap individu yang cuba untuk menipu di dalam internet dengan mewujudkan pelbagai rangkaian sulit. Peserta kajian berpandangan setiap individu harus memainkan bersama memainkan peranan untuk mewujudkan kehidupan yang harmoni.

(IPGKP/pemerh/Gel3/Ramesh/13.11.2017)

#### **4.6.1.6 Bangga**

Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta berupaya melahirkan rasa bangga daripada situasi moral yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat meluahkan rasa bangga setelah menonton klip video yang dimuat naik tentang buli fizikal dalam tema penganiayaan terhadap manusia.



Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta melahirkan rasa bangga setelah terlibat di dalam aktiviti situasi moral. Peserta melahirkan rasa bangga ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan melahirkan perasaan bangga peserta ketika berbincang isu buli fizikal dan emosi moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Jelaskan kesan KB kepada diri anda?

Peserta 1 : Kesannya...saya bangga dengan tindakan rakan sebaya yang mahu menyelesaikan masalah yang berlaku dalam kalangan kawan mereka..mereka cuba ambil tahu apa yang berlaku pada kawan mereka..ini sikap yang baik..mereka tidak lepas tangan..macam seorang dalam video tu..

Penyelidik : Apakah kesan penglibatan dalam KB?

Peserta 5 : Saya sedar bahawa mangsa buli perlu pembelaan. Saya fikir itu tugas sebagai pelajar untuk ambil tahu apa yang berlaku..itu tunjukkan kita prihatin terhadap nasib orang lain..bangga dengan kawan yang suka tolong ketika orang lain mempunyai masalah..  
(IPGKM/PK2/temkumfokus/Gel1/17.7.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat meluahkan perasaan bangga terhadap rakan di dalam kumpulan buli yang mengambil berat usaha untuk membanteras masalah buli (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat melahirkan perasaan bangga mereka terhadap usaha yang dicadangkan untuk mengatasi masalah buli. Peserta kajian mendedahkan bahawa wujud rasa bangga dalam diri mereka dalam perbincangan yang menyentuh tentang sikap orang ramai ketika membantu mangsa buli jalanan. Peserta mengakui bahawa buli jalanan yang berlaku juga dipandang serius oleh orang yang cintakan keamanan. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik : Apa perasaan anda tentang bantuan yang cuba diberikan kepada



mangsa buli?

- Peserta 5 : Saya *respect* dengan orang yang bantu...tunjukkan masyarakat kita merupakan masyarakat berani..dia boleh bantu ketika orang lain mengalami kesusahan..itu tindakan yang baik dan terpuji..sebagai guru saya akan galakkan murid untuk bantu-membantu ketika orang lain menghadapi kesusahan..  
(IPGKS/PK4/temkumfokus/Ge11/17.7.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka dapat meluahkan perasaan bangga di dalam isu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Mereka bukan sahaja dapat melahirkan emosi mereka malahan dapat mengaitkan dengan peranan mereka sebagai seorang bakal guru di sekolah. Peserta berupaya untuk meluahkan emosi moral yang melibatkan buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta juga mengaku bahawa isu buli di sekolah tidak dapat ditangani secara bersendirian sebaliknya memerlukan peranan bersama rakan sebaya.

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat meluahkan perasaan mereka dengan jelas tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka meluahkan emosi mereka. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli merupakan tindakan yang menyebabkan emosi seseorang terganggu. Peserta dapat meluahkan perasaan bangga dalam isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dan lelaki, buli mental, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian juga meluahkan perasaan mereka ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoolology* dan perbincangan di dalam atau di luar bilik darjah. Emosi moral individu

bergantung kepada keupayaan mereka meluahkan perasaan ketika berhadapan dengan isu moral.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang kewujudan perasaan sendiri. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan bangga terhadap cara jenayah jalanan ditangani berdasarkan paparan dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian dapat meluahkan perasaan bangga terhadap anggota masyarakat yang turut membantu apabila berhadapan dengan jenayah jalanan. Peserta kajian meluahkan rasa bangga terhadap anggota masyarakat yang sanggup menghulurkan bantuan apabila wanita yang diragut diheret di atas jalan raya. Perlakuan anggota masyarakat, menurut peserta kajian merupakan tindakan terpuji yang membanggakan.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang memerlukan perhatian oleh masyarakat (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap individu LGBT dan masyarakat. Peserta berpendapat bahawa tindakan golongan LGBT yang diboikot oleh segelintir masyarakat tidak menyebabkan mereka luntur semangat sebaliknya kental memperjuangkan hak asasi mereka. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Penyelidik : Apa kesan penglibatan dalam aktiviti *hot seats*?

Peserta 5 : Penglibatan saya di dalam aktiviti *hot seats* ini saya rasa kagum dengan tindakan yang dilakukan oleh kelompok LGBT. Mereka ini disisih..dikeji..dicerca tetapi mereka masih memperjuangkan



hak mereka.. tambahan pula sekarang mereka memperjuangkan hak mereka secara terbuka..Ini merupakan satu tindakan yang luar biasa..

(IPGKM/PK4/temkumfokus/Gel2/19.9.2017)

Sedutan temu bual Gelung Kedua ini menunjukkan peserta bangga terhadap tindakan sesetengah badan bukan kerajaan yang mempertahankan golongan LGBT. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka berasa bangga dengan badan bukan kerajaan kerana mereka menggunakan hak asasi sebagai wadah untuk memperjuangkan golongan LGBT.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian bangga kerana timbul pelbagai kesedaran di dalam bentuk penulisan dan nebahan maklumat secara elektronik untuk menyedarkan anggota masyarakat tentang bahaya jenayah siber. Peserta dapat meluahkan perasaan bangga terhadap usaha yang diambil oleh sesetengah individu untuk mencegah jenayah siber daripada menular. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Apakah yang dapat anda pelajari di dalam sesi interaksi platform *Schoology*?

Peserta 5 : Aktiviti di dalam platform *Schoology* bantu saya..bahawa terdapat anggota masyarakat yang sudah mula sedar bahawa jenayah siber sangat berbahaya..mereka sudah ambil usaha untuk menyedarkan orang ramai tentang jenayah siber..macam..dalam *Whatsapp* ada yang *viral* kan tentang kejadian curi secara *online*..  
(IPGKM/PK3/temkumfokus/Gel3/19.11.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Anda Berjaya Menang’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) menyebabkan peserta kajian meluahkan perasaan bangga terhadap masyarakat yang mula sedar tentang *modus operandi* penyangak siber.





Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk meluahkan perasaan sendiri mereka. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian berupaya meluahkan perasaan bangga terhadap masyarakat yang mula prihatin terhadap sesuatu yang menimbulkan syak wasangka. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.

Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja mengembangkan emosi anda?

Peserta 5 : Keratan akhbar ‘Data jenayah siber’ agak membimbangkan..tetapi saya rasa orang ramai mula tahu bahawa ada sindiket curi yang mula beroperasi dengan menggunakan cara baru..sebab benda ini bukan baharu...dah lama dah..tapi masyarakat dah celik mata..bagus la..mereka dah sedar bahawa ada ramai orang yang ada niat menipu..  
(IPGKM/Pk3/temkumfokus/Gel3/19.11.2017)

Kedua-dua sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan emosi moral yang dilahirkan oleh peserta. Perbincangan terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu meluahkan emosi moral tentang isu moral yang berlaku dalam masyarakat dan menilai kesan yang bakal berlaku kepada diri, keluarga dan masyarakat sekiranya amalan yang salah dilakukan (sesi interaksi bersemuka).

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) mendapati bahawa peserta kajian berupaya untuk meluahkan perasaan bangga terhadap isu moral yang dikemukakan. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta meluahkan perasaan sendiri mereka yang bukan sahaja di



sekolah tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Catatan jurnal berikut menunjukkan emosi moral yang dipamerkan oleh peserta kajian.

Aktiviti menonton klip video membolehkan saya rasa bangga dengan tindakan rakan sekerja yang mempertahankan kawan mereka daripada dibuli. Mereka memberi sokongan moral. Mereka galakkan rakan mereka supaya terus bekerja dan tidak patah semangat. Pertolongan daripada rakan sebaya merupakan satu bentuk sokongan yang sangat diperlukan.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat sokongan moral rakan sekerja penting untuk menjamin suasana kerja yang harmoni. Manusia perlu sokongan daripada rakan sebaya dan ahli organisasi bagi membolehkan mereka bekerja di dalam suasana yang harmoni. Mereka tidak boleh menggunakan kekurangan diri seseorang untuk membuli. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan

bahawa sokongan daripada ahli organisasi dan rakan sekerja penting untuk meningkatkan produktiviti kerja. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui perbincangan tadi, rasa bangga kerana rakan sekerja dan ahli organisasi mempunyai sifat saling membantu ketika ada masalah dalam kalangan pekerja. Rakan sekerja mempunyai peranan penting untuk membantu rakan mereka yang dibuli atau dimaki. Mereka perlu berikan sokongan moral. Sokongan ini akan membantu produktiviti kerja.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mendapati hal sebegini telah mendasari emosi moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, sesetengah badan bukan kerajaan yang memperjuangkan hak golongan ini merupakan tindakan yang membanggakan walaupun menyedari bahawa mereka berhadapan dengan kritikan masyarakat. Emosi moral yang betul juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.





Aktiviti menonton klip video telah mendedahkan saya kepada golongan transgender yang terang-terangan dibantah. Namun, ada badan bukan kerajaan yang tampil ke hadapan memperjuangkan golongan ini. Badan bukan kerajaan ini bertindak sedemikian atas rasa kemanusiaan dan hak asasi. Itu tindakan yang membanggakan. (IPGKM/PK1/JurP/Gel2/14.9.2017)

Peserta kajian juga dapat meluahkan perasaan bangga terhadap pendedahan berani berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah seksual yang terhadap gadis bawah umur di dalam Gelung Ketiga membolehkan peserta meluahkan perasaan bangga terhadap wartawan muda yang sanggup menyamar dan bergadai nyawa untuk mengetengahkan isu tersebut untuk paparan masyarakat. Semasa sesi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video “R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur” merupakan satu inisiatif padu oleh wartawan muda

untuk mengetengahkan isu masyarakat. Peserta kajian juga mengaku bahawa temu ramah dan lakonan (gadis bawah umur) yang dibuat di dalam klip video tersebut merupakan satu dokumentasi ilmiah jenayah bawah umur yang membanggakan kerana berjaya menarik perhatian masyarakat terhadap jenayah seksual bawah umur. Peserta kajian berpendapat tindakan wartawan muda di dalam klip video itu juga membanggakan masyarakat Malaysia kerana berani mengambil risiko untuk berlakon di dalam klip video tersebut.

Klip video R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur merupakan satu dokumentasi yang dihasilkan menerusi *research*. Saya bangga dengan penghasilan video tersebut kerana ia merupakan satu bentuk video yang mendedahkan perilaku jenayah seksual bawah umur. Saya bangga kerana wartawan muda di dalam klip video tersebut berani mempertaruhkan nyawa berlakon sebagai gadis bawah umur yang diperdagangkan.

(IPGKM/PK4/JurP/Gel3/14.11.2017)



Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan emosi moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk menghayati isu moral dengan lebih baik dan dapat membentuk emosi moral mereka. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Pada hari ini saya terlibat dengan aktiviti *hot seats*. Aktiviti *hot seats* menyebabkan saya berasa bangga dengan tindakan yang dilakukan oleh industri perbankan untuk mencegah jenayah siber daripada merebak. Penglibatan di dalam aktiviti *hot seats* membolehkan saya mengetahui bahawa negara Malaysia berada di dalam *ranking* ke-3 negara yang mempunyai sekuriti siber yang kukuh.

(IPGKM/PK3/JurP/Gel3/14.11.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi

pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka)

untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat meluahkan elemen-elemen emosi yang perlu ada di dalam kehidupan seperti kasih sayang, kerjasama dan hormat kepada undang-undang. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan bangga terhadap tindakan yang diambil oleh ibu bapa di dalam isu buli siber (sesi pra pengajaran). Peserta kajian meluahkan perasaan bangga terhadap ibu bapa yang terlibat sama mendidik anak mereka dengan memberi tahu anak mereka tentang bahaya Internet dan aktiviti online. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian meluahkan rasa bangga dengan ibu bapa pada masa kini yang sanggup meluangkan masa dan mengambil tahu tentang apa yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Peserta kajian juga melahirkan perasaan bangga dengan ibu bapa yang bertungkus-lumus memenuhi kehendak anak-anak mereka seiring dengan perkembangan teknologi. Peserta kajian melahirkan rasa bangga terhadap ibu bapa yang sanggup memenuhi



permintaan anak-anak mereka dengan membelikan *gadgets* terkini bagi membolehkan anak-anak mereka terlibat di dalam pembelajaran secara online. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian beranggapan bahawa ibu bapa sanggup untuk membelanjakan wang ringgit untuk membeli *gadgets* asalkan anak mereka mendapat pendidikan terbaik.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan bangga. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku bukan ditangani secara bersama oleh ibu bapa dan pihak sekolah. Peserta kajian berpendapat tindakan yang diambil oleh ibu bapa membanggakan kerana mereka sanggup datang ke sekolah untuk mengambil tahu peri laku anak mereka. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, emosi moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk menengahkan pelbagai perasaan sendiri.

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik dalam klip video bertajuk 'Wanita Diragut', peserta mendapati tindakan yang dilakukan oleh masyarakat untuk membendung jenayah jalanan membanggakan kerana mereka prihatin dan turut bergadai nyawa untuk menyelamatkan mangsa. Peserta kajian mendapati bahawa tindakan anggota





masyarakat di dalam klip video tersebut membanggakan kerana memberi pertolongan segera kepada mangsa buli. Peserta kajian berpendapat penglibatan masyarakat dalam mencegah jenayah jalanan merupakan satu tindakan yang membanggakan dan terpuji.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Keratan akhbar bertajuk ‘Penularan gejala LGBT’ telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa perbincangan isu LGBT secara terbuka merupakan tindakan yang membanggakan kerana masyarakat sudah mula berbincang secara terbuka tentang isu LGBT . Peserta berpendapat bahawa

adalah sesuatu yang membanggakan apabila badan bukan kerajaan mengemukakan hujah dari perspektif hak asasi manusia untuk mempertahankan golongan LGBT.

Peserta kajian juga bangga dengan tindakan berani badan bukan kerajaan yang memperjuangkan isu LGBT sehingga semua pihak mula berpandangan ‘tidak salah membincangkan isu tersebut secara terbuka’. Peserta kajian juga bangga dengan tindakan segelintir alim ulama yang sudah mula menerima hujah yang dikemukakan oleh badan bukan kerajaan tersebut.

(IPGKS/pemerh/Gel2/Tamil/25.8.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) juga mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap isu jenayah siber. Peserta kajian menyatakan mereka bangga terhadap masyarakat yang sudah mula mengambil tindakan untuk membendung jenayah siber. Peserta kajian berpandangan masyarakat





sudah mula menerima cabaran kehidupan secara online dan mengambil tindakan untuk mencegah diri mereka terjerat dengan jenayah siber.

(IPGKP/pemerh/Gel3/Ramesh/13.11.2017)

#### 4.6.1.7 Takut dan Berani

Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta berupaya meluahkan rasa takut, berani dan malu yang silih berganti daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat meluahkan rasa takut dan berani setelah memahami isu yang berkaitan dengan klip video buli fizikal dalam tema penganiayaan terhadap manusia.

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga dapat meluahkan rasa takut dan berani setelah terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta berupaya meluahkan rasa takut dan berani ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta untuk meluahkan perasaan takut dan berani peserta ketika berbincang isu buli fizikal dan emosi moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Jelaskan kesan KB kepada diri anda?

Peserta 1 : Kesannya...saya takut dengan nasib yang menimpa mangsa buli..macam lagu *Hopeful* oleh *Bars* dan *Melody*..tragik kisah mereka sebab buli tinggalkan kesan mendalam pada diri



seseorang..kalau dengar lagu itu mesti takut kesan buli yang membawa kepada kemurungan..tangisan akibat tidak mahu ke sekolah hanya kerana takut dibuli..

Penyelidi : Apakah kesan penglibatan dalam KB?

Peserta 5 : Saya sedar bahawa mangsa buli perlu berani..sama juga macam kumpulan *Bars and Melody*..berani kepada harapan yang bakal muncul dalam hidup..harapan itu yang menjadi nadi dalam hidup supaya bangun menentang pembuli dan individu yang sengaja menimbulkan ketakutan..

(IPGKM/PK1/ temkumfokus/Gel1/17.8.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat meluahkan perasaan takut dan berani terhadap rakan di dalam kumpulan yang mengambil berat usaha untuk membanteras masalah buli (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat melahirkan perasaan berani dengan tindakan

terhadap pembuli. Peserta kajian mendedahkan bahawa wujud rasa takut dalam diri mereka terhadap perbincangan tentang nasib yang menimpa murid-murid sekolah.

Peserta mengakui bahawa buli jalanan yang berlaku juga dipandang serius oleh orang yang cintakan keamanan. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik : Apa perasaan anda tentang bantuan yang cuba diberikan kepada mangsa buli?

Peserta 5 : Saya *respect* dengan orang yang bantu...tunjukkan masyarakat kita merupakan masyarakat penyayang..dia boleh bantu ketika orang lain mengalami kesusahan..itu tindakan yang baik dan terpuji..sebagai guru saya akan galakkan murid untuk bantu-membantu ketika orang lain menghadapi kesusahan..

(IPGKS/PK1/temkumfokus/Gel1/19.7.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka dapat meluahkan perasaan bangga di dalam isu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Mereka bukan sahaja dapat melahirkan emosi mereka malahan dapat mengaitkan dengan



peranan mereka sebagai seorang bakal guru di sekolah. Peserta berupaya untuk meluahkan emosi moral yang melibatkan buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta juga mengaku bahawa isu buli di sekolah tidak dapat ditangani secara bersendirian sebaliknya memerlukan peranan bersama rakan sebaya.

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat meluahkan perasaan mereka dengan jelas tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka meluahkan emosi mereka. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli merupakan tindakan yang menyebabkan emosi seseorang terganggu. Peserta dapat meluahkan perasaan bangga dalam isu buli fizikal yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dan lelaki, buli mental, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian juga meluahkan perasaan mereka ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau di luar bilik darjah. Emosi moral individu bergantung kepada keupayaan mereka meluahkan perasaan ketika berhadapan dengan isu moral.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang kewujudan perasaan sendiri. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan bangga terhadap cara jenayah jalanan ditangani berdasarkan paparan dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian dapat meluahkan perasaan bangga terhadap anggota masyarakat yang turut membantu apabila berhadapan dengan jenayah jalanan. Peserta kajian meluahkan rasa bangga terhadap anggota masyarakat yang sanggup

menghulurkan bantuan apabila wanita yang diragut diheret di atas jalan raya. Perlakuan anggota masyarakat, menurut peserta kajian merupakan tindakan terpuji yang membanggakan.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang memerlukan perhatian oleh masyarakat (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap individu LGBT dan masyarakat. Peserta berpendapat bahawa tindakan golongan LGBT yang diboikot oleh segelintir masyarakat tidak menyebabkan mereka luntur semangat sebaliknya kental memperjuangkan hak asasi mereka. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Penyelidik : Apa kesan penglibatan dalam aktiviti *hot seats*?

Peserta 5 : Penglibatan saya di dalam aktiviti *hot seats* ini saya rasa kagum dengan tindakan yang dilakukan oleh kelompok LGBT. Mereka ini disisih..dikeji..dicerca tetapi mereka masih memperjuangkan hak mereka.. tambahan pula sekarang mereka memperjuangkan hak mereka secara terbuka..Ini merupakan satu tindakan yang luar biasa..

(IPGKM/PK3/temkumfokus/Gel2/19.9.2017)

Sedutan temu bual Gelung Kedua ini menunjukkan peserta bangga terhadap tindakan sesetengah badan bukan kerajaan yang mempertahankan golongan LGBT. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka berasa bangga dengan badan bukan kerajaan kerana mereka menggunakan hak asasi sebagai wadah untuk memperjuangkan golongan LGBT.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian bangga kerana timbul pelbagai kesedaran di dalam bentuk penulisan dan hebahan maklumat secara elektronik untuk menyedarkan anggota masyarakat tentang bahaya jenayah siber. Peserta dapat meluahkan perasaan bangga terhadap usaha yang diambil oleh sesetengah individu untuk mencegah jenayah siber daripada menular. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Apakah yang dapat anda pelajari di dalam sesi interaksi platform *Schoology*?

Peserta 5 : Aktiviti di dalam platform *Schoology* bantu saya..bahawa terdapat anggota masyarakat yang sudah mula sedar bahawa jenayah siber sangat berbahaya..mereka sudah ambil usaha untuk menyedarkan orang ramai tentang jenayah siber..macam..dalam *Whatsapp* ada yang *viral* tentang kejadian curi secara *online*..  
(IPGKP/PK3/temkumfokus/ Gel3/19.11.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang 'Anda Berjaya Menang' (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) menyebabkan peserta kajian meluahkan perasaan bangga terhadap masyarakat yang mula sedar tentang *modus operandi* penyangak siber. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya untuk meluahkan perasaan sendiri mereka. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian berupaya meluahkan perasaan bangga terhadap masyarakat yang mula prihatin terhadap sesuatu yang menimbulkan syak wasangka. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.

Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja mengembangkan emosi anda?

Peserta 5 : Keratan akhbar 'Data jenayah siber' agak membimbangkan..tetapi saya rasa orang ramai mula tahu bahawa ada sindiket curi yang mula beroperasi dengan menggunakan cara baru..sebab benda ini bukan baharu...dah lama dah..tapi



masyarakat dah celik mata..bagus la..mereka dah sedar bahawa ada ramai orang yang ada niat menipu..

(IPGKP/PK5/temkumfokus/ Gel3/19.11.2017)

Kedua-dua sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan emosi moral yang dilahirkan oleh peserta. Perbincangan terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu meluahkan emosi moral tentang isu moral yang berlaku dalam masyarakat dan menilai kesan yang bakal berlaku kepada diri, keluarga dan masyarakat sekiranya amalan yang salah dilakukan (sesi interaksi bersemuka).

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) mendapati bahawa peserta kajian berupaya untuk meluahkan perasaan bangga terhadap perbincangan dalam isu moral yang dikemukakan. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta meluahkan perasaan sendiri mereka yang bukan sahaja di sekolah tetapi juga di persekitaran kerja seseorang individu. Catatan jurnal berikut menunjukkan emosi moral yang dipamerkan oleh peserta kajian.

Aktiviti menonton klip video membolehkan saya rasa bangga dengan tindakan rakan sekerja yang mempertahankan kawan mereka daripada dibuli. Mereka memberi sokongan moral. Mereka galakkan rakan mereka supaya terus bekerja dan tidak patah semangat. Pertolongan daripada rakan sebaya merupakan satu bentuk sokongan yang sangat diperlukan.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat sokongan moral rakan sekerja penting untuk menjamin suasana kerja yang harmoni. Manusia perlu sokongan daripada rakan sebaya dan ahli organisasi bagi membolehkan mereka bekerja di dalam suasana yang harmoni . Mereka





tidak boleh menggunakan kekurangan diri seseorang untuk membuli. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa sokongan daripada ahli organisasi dan rakan sekerja penting untuk meningkatkan produktiviti kerja. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui perbincangan tadi, rasa bangga kerana rakan sekerja dan ahli organisasi mempunyai sifat saling membantu ketika ada masalah dalam kalangan pekerja. Rakan sekerja mempunyai peranan penting untuk membantu rakan mereka yang dibuli atau dimaki. Mereka perlu berikan sokongan moral. Sokongan ini akan membantu produktiviti kerja.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/14.7.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mendapati hal sebegini telah mendasari emosi moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, sesetengah badan bukan kerajaan yang memperjuangkan hak golongan ini merupakan tindakan yang membanggakan walaupun menyedari bahawa mereka berhadapan dengan kritikan masyarakat. Emosi moral yang betul juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Aktiviti menonton klip video telah mendedahkan saya kepada golongan transgender yang terang-terangan dibantah. Namun, ada badan bukan kerajaan yang tampil ke hadapan memperjuangkan golongan ini. Badan bukan kerajaan ini bertindak sedemikian atas rasa kemanusiaan dan hak asasi. Itu tindakan yang membanggakan.

(IPGKP/PK1/JurP/Gel2/14.9.2017)

Peserta kajian juga dapat meluahkan perasaan bangga terhadap pendedahan berani berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah seksual yang terhadap gadis bawah umur di dalam Gelung Ketiga membolehkan peserta meluahkan perasaan bangga terhadap wartawan muda yang sanggup menyamar dan bergadai nyawa untuk mengetengahkan isu tersebut untuk paparan masyarakat. Semasa sesi





bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video “R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur” merupakan satu inisiatif padu oleh wartawan muda untuk mengetengahkan isu masyarakat. Peserta kajian juga mengaku bahawa temu ramah dan lakonan (gadis bawah umur) yang dibuat di dalam klip video tersebut merupakan satu dokumentasi ilmiah jenayah bawah umur yang membanggakan kerana berjaya menarik perhatian masyarakat terhadap jenayah seksual bawah umur. Peserta kajian berpendapat tindakan wartawan muda di dalam klip video itu juga membanggakan masyarakat Malaysia kerana berani mengambil risiko untuk berlakon di dalam klip video tersebut.

Klip video R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur merupakan satu dokumentasi yang dihasilkan menerusi ‘research’. Saya bangga dengan penghasilan video tersebut kerana ia merupakan satu bentuk video yang mendedahkan perilaku jenayah seksual bawah umur. Saya bangga kerana wartawan muda di dalam klip video tersebut berani mempertaruhkan nyawa berlakon sebagai gadis bawah umur yang diperdagangkan.



Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan emosi moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk menghayati isu moral dengan lebih baik dan dapat membentuk emosi moral mereka. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Pada hari ini saya terlibat dengan aktiviti *hot seats*. Aktiviti *hot seats* menyebabkan saya berasa bangga dengan tindakan yang dilakukan oleh industri perbankan untuk mencegah jenayah siber daripada merebak. Penglibatan di dalam aktiviti *hot seats* membolehkan saya mengetahui bahawa negara Malaysia berada di dalam ranking ke-3 negara yang mempunyai sekuriti siber yang kukuh.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)





Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat meluahkan elemen-elemen emosi yang perlu ada di dalam kehidupan seperti kasih sayang, kerjasama dan hormat kepada undang-undang. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan bangga terhadap tindakan yang diambil oleh ibu bapa di dalam isu buli siber (sesi pra pengajaran). Peserta kajian meluahkan perasaan bangga terhadap ibu bapa yang terlibat sama mendidik anak mereka dengan memberi tahu anak mereka tentang bahaya Internet dan aktiviti *online*.

Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian meluahkan rasa bangga dengan ibu bapa pada masa kini yang sanggup meluangkan masa dan mengambil tahu tentang apa yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Peserta kajian juga melahirkan perasaan bangga dengan ibu bapa yang bertungkus-lumus memenuhi kehendak anak-anak mereka seiring dengan perkembangan teknologi. Peserta kajian melahirkan rasa bangga terhadap ibu bapa yang sanggup memenuhi permintaan anak-anak mereka dengan membelikan *gadgets* terkini bagi membolehkan anak-anak mereka terlibat di dalam pembelajaran secara online. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian beranggapan bahawa ibu bapa sanggup untuk membelanjakan wang ringgit untuk membeli *gadgets* asalkan anak mereka mendapat pendidikan terbaik.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)



Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan bangga. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku bukan ditangani secara bersama oleh ibu bapa dan pihak sekolah. Peserta kajian berpendapat tindakan yang diambil oleh ibu bapa membanggakan kerana mereka sanggup datang ke sekolah untuk mengambil tahu peri laku anak mereka. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, emosi moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk mengetengahkan pelbagai perasaan sendiri.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Shasi/14.7.2017)

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik dalam klip video bertajuk ‘Wanita Diragut’, peserta mendapati tindakan yang dilakukan oleh masyarakat untuk membendung jenayah jalanan membanggakan kerana mereka prihatin dan turut bergadai nyawa untuk menyelamatkan mangsa. Peserta kajian mendapati bahawa tindakan anggota masyarakat di dalam klip video tersebut membanggakan kerana memberi pertolongan segera kepada mangsa buli. Peserta kajian berpendapat penglibatan masyarakat dalam mencegah jenayah jalanan merupakan satu tindakan yang membanggakan dan terpuji.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Ramesh/25.8.2017)





Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Keratan akhbar bertajuk 'Penularan gejala LGBT' telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa perbincangan isu LGBT secara terbuka merupakan tindakan yang membanggakan kerana masyarakat sudah mula berbincang secara terbuka tentang isu LGBT. Peserta berpendapat bahawa adalah sesuatu yang membanggakan apabila badan bukan kerajaan mengemukakan hujah dari perspektif hak asasi manusia untuk mempertahankan golongan LGBT. Peserta kajian juga bangga dengan tindakan berani badan bukan kerajaan yang memperjuangkan isu LGBT sehingga semua pihak mula berpandangan 'tidak salah membincangkan isu tersebut secara terbuka'. Peserta kajian juga bangga dengan tindakan segelintir alim ulama yang sudah mula menerima hujah yang dikemukakan oleh badan bukan kerajaan tersebut.


Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) juga mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan sendiri mereka terhadap isu jenayah siber. Peserta kajian menyatakan mereka bangga terhadap masyarakat yang sudah mula mengambil tindakan untuk membendung jenayah siber. Peserta kajian berpandangan masyarakat sudah mula menerima cabaran kehidupan secara online dan mengambil tindakan untuk mencegah diri mereka terjerat dengan jenayah siber.

(IPGKP/pemerh/Gel3/Ramesh/13.9.2017)



### 4.6.2 Tema 5: Kesedaran Terhadap Perasaan Orang Lain

Dapatan kajian menunjukkan KB berupaya membangkitkan kesedaran tentang emosi orang lain. Antara perasaan yang ditimbulkan oleh peserta ialah perasaan simpati, belas kasihan, empati dan menyayangi orang lain. Rujuk Rajah 4.8.



Rajah 4.8. Kesedaran Terhadap Perasaan Orang Lain

#### 4.6.2.1 Belas Kasihan

Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta berupaya menyatakan perasaan belas kasihan terhadap orang lain daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat meluahkan perasaan belas kasihan terhadap orang lain setelah menonton klip video yang dimuat naik tentang buli fizikal dalam tema penganiayaan terhadap manusia.

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga dapat menunjukkan perasaan belas kasihan terhadap orang lain setelah terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta berupaya meluahkan perasaan belas kasihan terhadap orang lain ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta untuk meluahkan perasaan belas kasihan peserta ketika berbincang isu buli fizikal dan emosi moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Jelaskan mengapa KB memudahkan anda untuk faham perasaan orang lain?

Peserta 5 : Dalam sesi interaksi bersemuka, banyak klip video lain yang menunjukkan kesan buli terhadap mangsa. Mangsa telah didera dan dipukul. Saya simpati dengan nasib yang menimpa mangsa buli...saya cukup simpati..saya juga kasihan dengan cara beliau dibuli sehingga begitu teruk sekali..

Penyelidik : Apakah kesan penglibatan dalam KB?

Peserta 5 : Saya sedar bahawa dengan melibatkan diri di dalam perbincangan interaksi bersemuka, saya perlu mempunyai kasih sayang terhadap orang lain. Hubungan sesama manusia perlu

dihargai dan dihormati..kita tidak boleh sewenang-wenangnya mencederakan seseorang..

(IPGKS/PK1/temkumfokus/Gel1/17.7.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat menunjukkan perasaan belas kasihan terhadap guru yang dcederakan oleh pelajar dalam klip video kedua yang ditonton mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat menunjukkan perasaan belas kasihan mereka terhadap guru yang ternyata tidak berdaya dan terpaksa menangkis perlakuan pelajar. Klip video juga mendedahkan mangsa yang terpaksa menahan kesakitan akibat dibelasah oleh pelajar. Peserta kajian mendedahkan bahawa wujud perasaan belas kasihan terhadap mangsa buli yang tidak bersalah sebaliknya terpaksa menanggung kesakitan. Peserta mengakui bahawa perbuatan buli merupakan perbuatan yang keterlaluan. Rujuk temu

bual berikut.

Penyelidik : Apa perasaan anda tentang klip video yang mengisahkan guru yang dcederakan?

Peserta 5 : Saya kasihan guru tersebut..Guru itu melopong sahaja melihat perbuatan pelajar itu yang tidak rasa bersalah langsung setelah menendang guru..satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab langsung..saya kasihan sangat pada guru itu..tugas dia mengajar tetapi disebabkan oleh pelajar..mungkin emosinya terganggu..  
(IPGKS/PK3/temkumfokus/ Gel1/19.9.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka dapat menunjukkan perasaan belas kasihan terhadap isu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain dan dapat mengaitkan dengan peranan mereka sebagai seorang bakal guru di sekolah. Peserta berupaya untuk menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang melibatkan buli fizikal yang



berlaku di sekolah. Peserta juga mengaku bahawa isu buli fizikal perbuatan yang memalukan tetapi juga memberi impak negatif kepada negara.

Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain dengan jelas tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli merupakan perbuatan yang menjejaskan reputasi masyarakat Malaysia. Peserta juga menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dan lelaki, buli mental, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian juga meluahkan perasaan mereka ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau di luar bilik darjah. Emosi moral individu bergantung kesedaran terhadap perasaan orang lain ketika berhadapan dengan isu moral.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang kewujudan kesedaran terhadap perasaan orang lain. Peserta kajian dapat menunjukkan perasaan belas kasihan terhadap isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian dapat menunjukkan perasaan belas kasihan terhadap individu yang menjadi mangsa jenayah jalanan. Peserta kajian menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang terpaksa menanggung kesakitan dan trauma setelah terlibat dalam jenayah jalanan.



Penyelidik : Apa perasaan anda tentang klip video yang mengisahkan wanita yang diheret atas jalan raya?

Peserta 5 : Saya kasihan mangsa kejadian ini..sungguh malang..barang dicuri..lepas tu dcederakan pula..Perbuatan yang tidak bertanggung jawab...kecederaan wanita itu mungkin teruk sebab dia diheret atas jalan raya..CCTV rakan jelas penjenayah..bagaimana dengan keluarga mangsa itu? Hukuman yang berat harus dikenakan terhadap penjenayah tersebut..  
(IPGKS/ Amin/temkumfokus/gelu1/19.9.2017)

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang memerlukan perhatian oleh masyarakat (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap individu LGBT dan masyarakat. Peserta berpendapat bahawa mangsa LGBT memerlukan pembelaan daripada terus dimaki serta dikritik secara berlebihan. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Penyelidik : Apa kesan penglibatan dalam aktiviti *hot seats*?

Peserta 5 : Perasaan kasihan pun ada terhadap golongan LGBT. Macam dalam kes Sameera dia dibunuh kerana transgender..Golongan bapak selalu dicemuh kerana tidak sama dengan orang lain...Perlu pembelaan, sekurang-kurangnya tidak cemuh mereka sehingga mereka tidak dapat menjalani kehidupan yang normal..  
(IPGKM/PK1/temkumfokus/Gel2/21.9.2017)

Sedutan temu bual Gelung Kedua ini menunjukkan peserta sedar terhadap perasaan orang lain yang mempersendakan golongan LGBT. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) sedar bahawa golongan LGBT sama seperti manusia yang lain yang perlu diberikan hak untuk menjalani kehidupan yang normal.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa isu jenayah siber telah menyebabkan kerugian wang dan harta benda mangsa. Peserta dapat menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan aktiviti online. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Apakah yang dapat anda pelajari di dalam sesi interaksi platform *Schoology*?

Peserta 5 : Aktiviti di dalam platform *Schoology* bahawa jenayah siber merupakan satu bentuk jenayah moden yang tidak mengenal mangsa...Kasihannya mangsa yang percaya kepada sistem perbankan..mereka tertipu..Kasihannya mereka yang kumpul wang tetapi ditipu..

(IPGKM/PK4/temkumfokus/Gel3/19.11.2017)

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video dan perbincangan) mendapati bahawa peserta kajian mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu moral yang dikemukakan. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta meluahkan perasaan belas kasihan terhadap mangsa buli di sekolah dan mangsa buli di persekitaran kerja seseorang individu. Catatan jurnal berikut menunjukkan emosi moral yang dipamerkan oleh peserta kajian.

Aktiviti menonton klip video membolehkan saya sedar tentang kesan buli terhadap mangsa kerja. Mangsa buli kerja mengalami *post-traumatic stress*. Mereka tidak dapat bekerja secara normal. Saya berasa kasihan kerana perkara ini membantu mereka berasa cemas menjalani kehidupan harian mereka. Buli tempat kerja membawa kesan negatif.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/10.8.2017)



Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat perbuatan penindasan oleh majikan merupakan satu bentuk perlakuan yang tidak ada rasa belas kasihan. Manusia perlu menunjukkan perasaan kasih sayang sesama insan. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa setiap individu bertanggungjawab untuk menghormati orang lain dan mempamerkan budi pekerti yang tinggi. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui perbincangan tadi, saya dapat berpendapat adalah tidak beradab seseorang mengeluarkan kata-kata kesat apabila mengemukakan buah fikiran mereka. Kasihan pada orang yang memberi buah fikiran. Mereka sepatutnya berfikir dahulu sebelum bercakap. Terlajak perahu boleh diundur terlajak kata buruk padahnya.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/10.8.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mendapati hal sebegini telah mendasari emosi moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, masyarakat perlu lebih terbuka dan tidak menyalahkan individu yang mengaku diri mereka sebagai LGBT. Emosi moral yang betul juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Aktiviti menonton klip video telah mendedahkan saya kepada sikap sesetengah masyarakat yang alpa terhadap diri sendiri. Sebagai seorang guru saya akan memastikan golongan LGBT tidak disisih, tidak dimalukan. Saya kasihan apabila ada orang yang dimalukan di khayalak ramai. Saya akan mengajar murid saya supaya tidak membenci golongan yang mempunyai krisis identiti seperti LGBT.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel2/14.9.2017)







Peserta kajian juga dapat meluahkan perasaan belas kasihan terhadap gadis bawah umur berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara sistematik terhadap gadis bawah umur di dalam Gelung Ketiga membolehkan peserta meluahkan perasaan belas kasihan terhadap gadis bawah umur yang diumpun untuk melibatkan diri dalam kegiatan seksual. Semasa sesi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video “R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur” merupakan tindakan yang tidak patut dilakukan oleh golongan kapitalis.. Peserta kajian juga mengaku bahawa klip video tersebut menyayat hati kerana mangsa yang terdiri daripada gadis bawah umur mudah diperangkap dan dijadikan komoditi komersial.

Klip video R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur menyebabkan saya rasa belas kasihan terhadap gadis yang diperangkap masuk dalam sindiket perniagaan seksual. Saya kasihan terhadap mangsa yang dijadikan bahan perniagaan. Saya berasa kasihan terhadap ibu bapa gadis tersebut yang terpaksa berhadapan dengan cemuhan masyarakat.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan emosi moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk faham tentang perasaan yang dilalui oleh orang lain dan dapat membentuk emosi moral mereka. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.



Pada hari ini saya terlibat dengan aktiviti *hot seats*. Aktiviti *hot seats* membantu saya untuk memahami isu jenayah siber. Saya rasa kasihan terhadap mangsa yang diperangkap. Saya rasa belas kasihan terhadap ibu bapa yang tahu aktiviti yang dilakukan oleh gadis tersebut. Mereka mungkin mengalami trauma kerana anak mereka terlibat dengan aktiviti itu. Tambah pula, wajah gadis itu ditayangkan dalam video.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan belas kasihan terhadap mangsa isu buli siber (sesi pra pengajaran) yang ditipu tanpa disedari. Peserta kajian meluahkan perasaan belas kasihan terhadap mangsa individu yang terlibat dengan gambar atau klip video mereka yang disunting. Salah seorang pemerhati

menyatakan bahawa peserta kajian meluahkan rasa belas kasihan dengan mangsa yang terlibat dengan video yang diedit dan dialih suara (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian melahirkan rasa belas kasihan terhadap individu yang menerima berita palsu secara tiba-tiba dan memberi kesan kepada mereka. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu individu bertindak matang dengan menyiasat dan tidak sewenang-wenangnya berkongsi gambar atau video mereka di alam siber.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan belas kasihan terhadap ibu bapa. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku memberi kesan kepada ibu bapa kerana mereka berpendapat ‘hati ibu bapa



mana tidak terguris'. Peserta kajian berpendapat buli siber boleh memberi gambaran yang buruk kepada ibu bapa kerana ibu bapa seolah-olah dilihat tidak bertanggungjawab mengasuh anak mereka 'walhal mereka melakukan yang terbaik demi anak-anak mereka'. Peserta kajian berpendapat buli siber memberi implikasi yang negatif kepada ibu bapa kerana mereka tidak mungkin perasan apa yang berlaku pada anak-anak mereka. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan kepada ibu bapa menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, emosi moral individu bergantung pada kesedaran mereka tentang perasaan terhadap orang lain.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Shasi/14.7.2017)



Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra-pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik dalam klip video bertajuk 'Statistik Jenayah Jalanan' mengulas komen peserta yang mendapati isu jenayah jalanan yang berlaku sejak kebelakangan ini yang dilihat semakin parah. Peserta kajian mendapati bahawa klip video tersebut memberi kesan kepada usaha yang dilakukan oleh pasukan penguat kuasa. Peserta kajian berpendapat pencegahan jenayah jalanan merupakan usaha bersama antara masyarakat dan pasukan penguat kuasa.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Tamil/25.8.2017)



Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Keratan akhbar bertajuk ‘LGBT bencana kepada keluarga’ telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian menunjukkan rasa belas kasihan (interaksi bersemuka) terhadap keluarga yang disisih kerana ada anggota keluarga mereka yang dilabel sebagai gay, lesbian, transgender atau biseksual. Cemuan sedemikian, menurut peserta kajian tidak memberi manfaat kepada sesiapa sebaliknya hanya akan meninggalkan kesan yang mendalam kepada mangsa dan keluarga. Perasaan belas kasihan terhadap ahli keluarga dapat dilihat dalam kalangan peserta, apabila peserta dengan tegas mahu isu lain yang lebih penting diutamakan.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Tamil/25.8.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) juga mendapati peserta kajian mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu jenayah siber. Peserta kajian menyatakan mereka berasa kasihan terhadap masyarakat yang menjadi mangsa dalam jenayah siber. Peserta kajian berpandangan ramai ahli masyarakat yang gigih mencari pendapatan dan ada yang ‘kais pagi makan pagi kais petang makan petang’. Peserta juga menyatakan, adalah malang dan kasihan sekiranya keringat mereka ‘hilang’ dalam sekelip mata gara-gara kecuaiian yang tidak disengajakan.

(IPGKP/pemerh/Gel3/Ramesh/13.11.2017)



#### 4.6.2.2 Empati

Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta menunjukkan perasan empati daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta meluahkan perasaan empati setelah menonton klip video yang dimuat naik tentang buli fizikal dalam tema penganiayaan terhadap manusia.

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga dapat menunjukkan perasaan

empati terhadap individu yang mengalami penderitaan setelah terlibat dalam perbincangan isu moral. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta untuk meluahkan perasaan empati ketika berbincang isu buli fizikal dan emosi moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Jelaskan mengapa KB memudahkan anda untuk faham perasaan orang lain?

Peserta 5 : Dalam sesi interaksi bersemuka, mangsa telah dipukul. Tergamak mereka untuk pukul anak orang..mangsa cedera parah....tak patut mereka diperlakukan sedemikian..

Penyelidik : Apakah kesan penglibatan dalam KB?

Peserta 5 : Saya sedar bahawa hak orang perlu dihormati..tak boleh nak pukul orang sesuka hati..kan kasihan apabila mangsa diperlakukan begitu..

(IPGKS/PK1/temkumfokus/Gel1/17.7.2017)





Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat menunjukkan perasaan empati terhadap guru yang dcederakan oleh pelajar dalam klip video kedua yang ditonton mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat menunjukkan perasaan empati mereka terhadap guru yang ternyata tidak berdaya dan terpaksa menangkis perlakuan pelajar. Klip video juga mendedahkan mangsa yang jatuh terjungkang apabila ditolak oleh pelajar. Peserta kajian mendedahkan bahawa wujud perasaan empati terhadap mangsa sedangkan mangsa merupakan seorang guru. Peserta mengakui bahawa perbuatan buli tersebut tidak boleh diterima. Rujuk temu bual berikut:

- Penyelidik : Apa perasaan anda tentang klip video yang mengisahkan guru yang dcederakan?  
 Peserta 5 : Saya dapat rasakan betapa sakit hati guru tersebut pada murid yang diajar. Sanggup murid tersebut menolak guru...perbuatan yang terkutuk. Ilmu tidak akan berkat apabila kita menganiaya orang..saya sebagai guru tak sanggup diperlakukan begitu.  
 (IPGKM/PK2/temkumfokus/Gel1/19.7.2017)



Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka dapat menunjukkan perasaan empati terhadap isu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain dan dapat mengaitkan dengan peranan mereka sebagai seorang bakal guru di sekolah. Peserta berupaya untuk menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang melibatkan buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta juga mengaku bahawa isu buli fizikal terhadap guru merupakan perbuatan yang tidak dapat diterima sama sekali.





Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain dengan jelas tentang isu moral apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka menunjukkan empati terhadap perasaan orang lain. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli merupakan perbuatan yang terkutuk. Peserta juga menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dan lelaki, buli mental, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian juga meluahkan perasaan mereka ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau di luar bilik darjah. Emosi moral individu bergantung kesedaran terhadap perasaan orang lain ketika berhadapan dengan isu moral.



Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang kewujudan kesedaran terhadap perasaan orang lain. Peserta kajian dapat menunjukkan perasaan empati terhadap mangsa jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian dapat menunjukkan perasaan empati terhadap individu yang menjadi mangsa jenayah jalanan. Peserta kajian menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang terpaksa menanggung penderitaan setelah terlibat dalam jenayah jalanan.





Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang memerlukan perhatian oleh masyarakat (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap individu LGBT dan masyarakat. Peserta berpendapat bahawa mangsa LGBT memerlukan pembelaan daripada terus dimaki serta dikritik secara berlebihan. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Penyelidik : Apa kesan penglibatan dalam aktiviti *hot seats*?

Peserta 5 : Saya dapat rasakan apabila kita melakukan perkara yang di luar norma masyarakat..kesannya sangat parah..ada kalanya kita boleh diboikot..malah ada yang didera..macam kes Naveen...begitu bencinya mereka pada individu lembut? Apa salah mereka?

(IPGKM/PK2/temkumfokus/Gel2/21.9.2017)



Sedutan temu bual Gelung Kedua ini menunjukkan peserta sedar terhadap perasaan orang lain yang melakukan tindakan ekstrem terhadap golongan yang lemah. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) sedar bahawa golongan yang 'berbeza' tidak perlu dijadikan sebagai satu perkara yang perlu diperbesarkan sebaliknya boleh ditangani secara berhemah.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa isu jenayah siber telah menyebabkan kerugian wang dan harta benda mangsa. Peserta dapat menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan aktiviti online. Rujuk temu bual berikut.







- Penyelidik : Apakah yang dapat anda pelajari di dalam sesi interaksi platform *Schoology*?
- Peserta 5 : Saya simpati...simpati kepada orang yang mahu berjinak-jinak dengan internet.. lupa *password* boleh menyebabkan kerugian wang ringgit..alam siber mengajar kita supaya tidak percaya kepada sesiapa....  
(IPGKP/PK4/temkumfokus/Gel3/14.11.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Anda Berjaya Menang’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) menyebabkan peserta kajian menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai perasaan empati terhadap golongan wanita yang menjadi mangsa kepada penipuan kes siber di Malaysia.

Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian berupaya menunjukkan perasaan empati terhadap mangsa jenayah siber terpaksa menanggung malu gara-gara terjebak dalam cinta siber. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.

- Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja mengembangkan emosi anda?
- Peserta 5 : Saya dapat faham perasaan wanita yang tertipu dengan mamat Negro tu...dia kehilangan beribu-ribu ringgit..ketika dia membuat kenyataan akhbar dia menutup wajahnya..bayangkan dia tertipu dengan orang asing dan maruah tergadai...  
(IPGKM/PK2/temkumfokus/Gel3/14.11.2017)

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video dan perbincangan) mendapati bahawa peserta kajian mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu moral yang dikemukakan. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia





mbolehkan peserta meluahkan perasaan empati terhadap mangsa buli di sekolah dan mangsa buli di persekitaran kerja seseorang individu. Catatan jurnal berikut menunjukkan emosi moral yang dipamerkan oleh peserta kajian.

Aktiviti menonton klip video mbolehkan saya sedar apa yang dialami oleh mangsa buli di tempat kerja. Kadangkala mereka terpaksa akur dengan majikan kerana tiada pilihan. Bukan mudah untuk berhadapan dengan situasi begini kerana melibatkan periuk nasi. Tidak mudah untuk mencari pekerjaan pada masa sekarang. Mempertahankan hak pekerja bukan mudah di Malaysia. Banyak hak diraih oleh majikan sendiri.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/10.8.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat perbuatan penindasan oleh majikan merupakan satu bentuk buli yang berbentuk sengaja kerana majikan tahu pekerja tidak mempunyai pilihan. Manusia perlu menunjukkan perasaan kasih sayang sesama insan. Sebagai



contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa setiap individu mempunyai nilai menghormati orang lain agar kita juga dihormati. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui perbincangan tadi, saya dapat rasakan perasaan mangsa buli di tempat kerja. Majikan mempunyai wang dan kuasa. Pekerja mengharapkan wang untuk menyara kehidupan. Kadangkala mangsa memendam perasaan kerana dia tahu dia akan kalah.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/10.8.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mendapati hal sebegini telah mendasari emosi moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, masyarakat harus memahami golongan ini dari kaca mata diri individu tersebut dan bukan dari segi agama, kepercayaan moral atau ideologi politik. Emosi moral yang betul juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.





Aktiviti menonton klip video telah memberi satu kefahaman kepada diri saya tentang golongan LGBT. Kita harus melihat siapa yang terjebak dengan isu ini. Fikirkan tentang diri individu yang terlibat dengan isu itu. Jangan jatuhkan pengadilan moral kepada mereka hanya disebabkan oleh agama, kepercayaan moral atau ideologi politik.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel2/14.9.2017)

Peserta kajian juga dapat menunjukkan perasan empati terhadap gadis bawah umur berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara sistematik terhadap gadis bawah umur di dalam Gelung Ketiga membolehkan peserta menunjukkan perasaan empati terhadap gadis bawah umur yang terjebak dalam kegiatan seksual. Semasa sesi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video “R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur” merupakan tindakan memalukan yang dilakukan oleh golongan yang rakus mengejar kemewahan hidup. Peserta kajian

juga mengaku bahawa klip video tersebut memberi peluang kepada mereka untuk memahami kisah perit yang dialami oleh mangsa jenayah bawah umur.

Klip video R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur membolehkan saya faham nasib yang menimpa gadis bawah umur. Gadis ini terlibat dalam kegiatan seksual ini kerana inginkan wang. Lebih menyedihkan mereka diumpam oleh sindiket. Sepatutnya gadis ini berada di bangku sekolah, tetapi lihat nasib mereka.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan emosi moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk menghayati isu moral dengan lebih baik dan





mbolehkan mereka sedar tentang perasaan orang lain. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Pada hari ini saya terlibat dengan aktiviti *hot seats*. Aktiviti *trade a problem* membantu saya untuk memahami nasib yang menimpa mangsa jenayah siber. Saya dapat memahami tindakan yang perlu diambil oleh ibu bapa ketika aktiviti secara talian dilakukan oleh anak-anak. Saya juga dapat faham tentang perasaan ibu bapa yang terlibat dengan salah laku anak.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta menyedari perasaan orang lain seperti keperluan kasih sayang terhadap orang lain dan menghormati antara satu sama lain. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan empati terhadap mangsa buli

siber (sesi pra pengajaran) yang dieksploitasi oleh individu lain. Peserta kajian menunjukkan perasaan empati terhadap mangsa yang diaibkan menerusi gambar yang di tular atau klip video yang disunting. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian menunjukkan perasaan empati terhadap individu yang terlibat dengan penularan gambar yang diaibkan (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian melahirkan kebimbangan terhadap masyarakat yang menerima mesej tanpa tapisan. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu individu lebih berhati-hati ketika melakukan aktiviti secara talian atau melakukan posting di *Facebook*.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)



Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian mempunyai perasaan empati terhadap ibu bapa. Peserta kajian berpendapat buli siber boleh memberi gambaran yang buruk kepada ibu bapa kerana mereka juga ingin anak mereka membesar secara berhemah tanpa terjebak dengan tingkah laku yang tidak bermoral. Peserta kajian berpendapat anggota masyarakat perlu memberi ibu bapa ruang untuk membetulkan kesilapan mereka. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, emosi moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk sedar perasaan orang lain.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Shasi/14.7.2017)

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik dalam klip video bertajuk ‘ Statistik Jenayah Jalanan’, peserta mendapati isu jenayah jalanan yang berlaku sejak kebelakangan ini mendatangkan kesusahan kepada masyarakat. Peserta kajian mendapati bahawa klip video tersebut memberikan gambaran memalukan seolah-olah negara Malaysia tidak selamat untuk dihuni. Peserta kajian berpendapat isu jenayah jalanan perlu ditangani dengan sebaik mungkin agar masyarakat dapat menjalani kehidupan yang aman.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Bard/25.8.2017)



Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Keratan akhbar bertajuk 'Penularan gejala LGBT' telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa perasaan individu yang terlibat dalam gejala LGBT perlu diambil kira. Peserta menyatakan bahawa usaha perlu diambil untuk membolehkan golongan LGBT menjalani kehidupan yang sama seperti orang lain. Peserta melahirkan perasaan empati terhadap golongan ini kerana menurut peserta 'mereka sahaja yang tahu perasaan mereka apabila dicemuh'.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Bard/25.8.2017)



Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) juga mendapati peserta kajian dapat menunjukkan perasaan empati terhadap mangsa yang terlibat dalam jenayah siber. Peserta kajian menyatakan mereka berasa kasihan terhadap mangsa *sexual predators* yang tidak mengendahkan nilai-nilai murni di dalam menjalankan kehidupan mereka sebaliknya mengambil peluang terhadap kelemahan orang lain. Peserta kajian berpandangan masyarakat harus saling hormat-menghormati dan sayang menyayangi antara satu sama lain bagi menjamin kehidupan yang aman.

(IPGKP/pemerh/Gel3/Ramesh/13.11.2017)





### 4.6.2.3 Benci/Meluat

Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta menyatakan perasaan benci dan meluat terhadap individu yang melakukan penindasan daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta menunjukkan rasa benci dan meluat setelah menonton klip video yang dimuat naik tentang buli fizikal dalam tema penganiayaan terhadap manusia.

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta melahirkan perasaan benci dan meluat setelah terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta melahirkan rasa benci ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral yang berkaitan dengan penindasan. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta untuk meluahkan rasa benci dan meluat peserta ketika berbincang isu buli fizikal dan emosi moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Jelaskan mengapa KB memudahkan anda untuk faham perasaan orang lain?

Peserta 5 : Dalam sesi interaksi bersemuka, klip video yang dipaparkan menunjukkan penindasan. Saya rasa benci melihat tingkah laku individu yang menindas golongan yang lemah. Mangsa telah didera dan dipukul. Saya meluat melihat tingkah laku begini sedangkan ia boleh diselesaikan dengan cara yang baik..

Penyelidik : Apakah kesan penglibatan dalam KB?

Peserta 5 : Saya sedar perlunya kita menghormati antara satu sama lain. Dalam keadaan marah kita harus sedar diri kita. Jangan kerana anggapan kita bahawa orang lain lemah maka kita cuba untuk tindas mereka...

(IPGKS/PK1/temkumfokus/Gel1/17.7.2017)



Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian melahirkan rasa benci terhadap individu yang mencederakan guru (klip video dalam aktiviti pra pengajaran). Peserta melahirkan perasaan benci dan meluat terhadap pelajar yang melakukan keganasan terhadap guru. Klip video yang menunjukkan guru ditolak ternyata tidak boleh diterima oleh peserta. Peserta kajian mendedahkan bahawa wujud perasaan benci dan meluat terhadap perilaku pelajar yang sepatutnya mempunyai adab yang tinggi ketika berurusan dengan guru. Peserta mengakui bahawa perbuatan buli terhadap guru menimbulkan rasa marah dan benci. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik : Apa perasaan anda tentang klip video yang mengisahkan guru yang dcederakan?

Peserta 5 : Saya benci melihat ada pelajar yang kononnya ‘emo’ terhadap sikap guru. Saya tak pasti apa yang menyebabkan murid tersebut menolak guru tetapi perbuatan tidak beradab ini..saya tidak boleh terima. Pelajar kena jadi pelajar...tak boleh ikut sesuka hati..itu tak betul..

(IPGKM/PK3/temkumfokus/Gel1/19.7.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka benci dan meluat terhadap isu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta melahirkan perasaan benci dan meluat dengan tindakan pembuli yang menggunakan kata-kata kesat seperti ‘*slut*’ pada tangan mangsa. Peserta menunjukkan rasa benci terhadap tindakan buli fizikal yang berlaku di luar sekolah. Peserta juga mengaku bahawa isu buli fizikal di luar sekolah menyebabkan kesan dan trauma kepada mangsa terutama apabila kata nista dilemparkan.





Di dalam temu bual Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta menunjukkan rasa benci dan meluat terhadap tindakan murid lelaki yang menendang dan menyepak murid lelaki lain apabila tema penganiayaan terhadap manusia dibincangkan. Klip video (isu buli) yang ditonton oleh peserta di dalam aktiviti pra pengajaran membolehkan mereka melahirkan perasaan meluat terhadap tindakan pembuli yang, menurut mereka masih lagi mentah. Peserta juga berkongsi pandangan bahawa isu moral yang berlaku seperti buli merupakan perbuatan yang boleh merosakkan imej sekolah. Peserta juga menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang berlaku dalam kalangan murid perempuan dan lelaki, buli mental, buli siber dan buli jalanan. Peserta kajian juga meluahkan perasaan benci mereka ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di dalam atau di luar bilik darjah. Emosi moral individu berkait dengan kesedaran terhadap perasaan orang lain ketika berhadapan dengan isu moral.



Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang kewujudan kesedaran terhadap perasaan orang lain. Peserta kajian dapat menunjukkan perasaan benci dan meluat terhadap isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran- klip video '*Road Crime in Malaysia*'). Peserta kajian menunjukkan perasaan benci terhadap dua orang penunggang motosikal yang menembak mati seorang lelaki di persimpangan jalan. Peserta kajian menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang terpaksa menanggung kesusahan akibat daripada jenayah jalanan yang berlaku.



Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang memerlukan perhatian oleh masyarakat (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan dalam aktiviti *hot seats* membuatkan peserta melahirkan perasaan benci terhadap individu yang mencemuh secara keterlaluan golongan LGBT. Peserta berpendapat bahawa masyarakat perlu menjadi contoh yang baik kepada tingkah laku yang tidak bermoral. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Penyelidik : Apa kesan penglibatan dalam aktiviti *hot seats*?

Peserta 5 : Saya merasa benci melihat tindakan individu yang mencemuh golongan LGBT. Macam ada kes yang mana golongan lembut dikecam dan dicaci...Kes Sameera yang kami bincang contoh terbaik bagaimana dia dibunuh dengan kejam. Masyarakat yang mencemuh Sameera sebelum dia dijumpai..jadi saya fikir masyarakat perlu tunjukkan contoh dahulu...jangan asyik salahkan individu tanpa sebab yang wajar..  
(IPGKM/PK3/temkumfokus/Gel2/21.9.2017)

Sedutan temu bual Gelung Kedua ini menunjukkan peserta sedar terhadap perasaan orang lain yang mencaci dan mencemuh golongan LGBT. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) sedar bahawa golongan LGBT sama seperti manusia yang lain yang perlu diberikan hak untuk menjalani kehidupan yang normal.



Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, peserta kajian mendapati bahawa isu jenayah siber telah menyebabkan nilai moral manusia tergadai. Peserta menunjukkan rasa benci dan meluat terhadap individu yang menggunakan kanak-kanak untuk memuaskan nafsu mereka. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Apakah yang dapat anda pelajari di dalam sesi interaksi platform *Schoology*?

Peserta 5 : Klip video *Worst Paedophile* yang ditonton menunjukkan manusia menggunakan umpan kanak-kanak untuk memuaskan nafsu mereka..Benci dan meluat dengan manusia bertopengkan binatang..malah binatang pun lebih menyayangi anak mereka..tidak dapat dibayangkan cara mereka mengumpan kanak-kanak lelaki untuk memuaskan nafsu..

(IPGKM/PK2/temkumfokus/Gel3/14.11.2017)



Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Judi Internet’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) menyebabkan peserta kajian menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian benci terhadap aktiviti judi yang merebak kepada golongan muda-mudi. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian benci terhadap aktiviti judi internet yang melibatkan muda-mudi dan menyebabkan judi internet semakin menjadi-jadi. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.

Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja mengembangkan emosi anda?

Peserta 5 : Saya dapati bahawa tiada jalan penyelesaian terhadap isu judi. Sekarang dah mula jadi trend muda-mudi melakukan judi di internet. Judi tetapi judi kan..melekakan. masyarakat yang harus dipersalahkan..saya rasa tidak guna mengaku negara yang





berpegang kepada ajaran agama sedangkan rakyat suka berjudi..apatalah lagi melibatkan belia. Belia tiang negara...  
(IPGKP/PK4/temkumfokus/Gel3/14.11.2017)

Kedua-dua sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang dilahirkan oleh peserta. Perbincangan terhadap tema jenayah siber mendapati peserta sedar tentang perasaan orang lain apabila diajukan situasi moral dan menilai kesan yang bakal berlaku kepada diri, keluarga dan masyarakat sekiranya amalan yang salah dilakukan (sesi interaksi bersemuka).

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) mendapati bahawa peserta kajian mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu moral yang dikemukakan. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta melahirkan rasa benci dan meluat terhadap golongan kapitalis yang sengaja menjerat pekerja. Catatan jurnal berikut menunjukkan emosi moral yang dipamerkan oleh peserta kajian.

Aktiviti menonton klip video membolehkan saya faham tentang sikap sebahagian golongan kapitalis yang sengaja mencemarkan nama baik pekerja. Pekerja kerap jadi mangsa majikan. Saya tidak dapat menerima majikan boleh mencaci pekerja sesuka hati. Itu juga bentuk buli yang tidak boleh diterima.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/10.8.2017)

Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat perbuatan penindasan oleh majikan merupakan satu bentuk perlakuan yang keterlaluan. Kasih sayang sesama insan perlu dipupuk. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta





mencatatkan bahawa golongan pekerja akan terus membenci majikan yang tidak menunjukkan simpati terhadap golongan pekerja. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui perbincangan tadi, saya berpendapat golongan majikan perlu berubah dan tidak berlagak ketika mereka memerah tenaga pekerja. Kadar gaji yang diberi kepada golongan pekerja rata-rata rendah. Lagipun kebanyakan pekerja sudah mula berpendidikan. Mereka juga ingin idea mereka dihargai. Jadi tidak ada salahnya mereka mengemukakan pandangan demi kemajuan syarikat.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/10.8.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mendapati hal sebegini telah mendasari emosi moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, ada kalangan pengamal LGBT yang agak keterlaluan. Emosi moral yang betul juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Aktiviti menonton klip video telah mendedahkan saya kepada sikap sesetengah pengamal LGBT yang keterlaluan dalam perlakuan mereka. Masyarakat di Malaysia masih belum boleh menerima mereka sebagai sebahagian daripada komuniti. Aksi dan tindakan seperti cara berpakaian dan pertuturan yang tidak normal mungkin akan menjejaskan hubungan mereka dengan masyarakat. Saya juga kekok apabila ada golongan lembut yang berpakaian seksi dan tidak endah dengan ahli masyarakat yang lain.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel2/14.9.2017)

Peserta kajian juga dapat meluahkan perasaan benci dan meluat terhadap penipuan yang dilakukan oleh *African Scam* untuk tema jenayah siber di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran-keratan akhbar ‘Penipuan Cinta Siber’). Keratan akhbar tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara sistematik terhadap 1095 mangsa yang terlibat di dalam *Scam* ini (di dalam Gelung Ketiga) membolehkan peserta meluahkan perasaan meluat terhadap pendedah asing yang ‘memerangkap’ wanita untuk mengaut keuntungan. Semasa sesi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa keratan akhbar ‘Penipuan Cinta Siber’ merupakan tindakan tidak bertanggungjawab





pendatang asing di negara ini. Peserta kajian juga mengaku bahawa keratan akhbar tersebut menyedarkan mereka tentang nasib malang wanita yang kehilangan wang ringgit.

Keratan akhbar Penipuan Cinta Siber membuatkan saya rasa meluat dengan tindakan yang dilakukan oleh golongan *African* di negara ini. Ramai yang terpedaya dan tertipu dengan kumpulan ini sehingga menyebabkan mereka hilang wang ringgit. Saya benci dengan tindakan golongan seperti ini yang menjerat kaum wanita yang sepi. Mereka telah mengetahui kelemahan golongan wanita tersebut merancang untuk menipu. Keratan akhbar tersebut menjelaskan kerugian akibat *African Scam* mencecah RM70.1 juta dalam tempoh 2 tahun.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan emosi moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk faham tentang perasaan yang dilalui oleh orang lain dan dapat membentuk emosi moral mereka. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Pada hari ini saya terlibat dengan aktiviti *hot seats*. Aktiviti *hot seats* membantu saya untuk memahami isu jenayah siber. Saya rasa benci apabila penipuan dilakukan secara talian. Kadangkala kita membeli barang secara talian, tetapi barang tersebut tidak seindah seperti yang digambarkan. Ini satu bentuk penipuan dan jenayah. Jenayah siber seperti ini menganiaya pengguna. Ia merupakan satu perlakuan yang tidak wajar.

(IPGKP/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain. Peserta kajian benci terhadap pembuli siber (sesi pra pengajaran) yang melakukan eksploitasi tanpa wajah. Peserta kajian meluahkan perasaan benci terhadap individu yang menyalah guna pengetahuan





komputer dan internet mereka. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian meluahkan rasa meluat dengan individu yang mengedit dan mengalih suara mangsa (sesi interaksi bersemuka). Peserta kajian melahirkan meluat terhadap tindakan sebegini memandangkan kesannya besar. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu tindakan tegas diambil terhadap individu yang menyebarkan berita palsu dan mengubahsuai imej tanpa kebenaran.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian meluahkan perasaan benci dan meluat terhadap murid perempuan yang membuli murid lain. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku memberi gambaran buruk kepada murid perempuan seolah-olah mereka ‘tidak dididik dengan betul’. Peserta kajian berpendapat buli boleh menyebabkan pembuli terjerat kepada jenayah lain yang lebih besar. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan kepada ibu bapa menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, emosi moral individu bergantung pada kesedaran mereka tentang perasaan terhadap orang lain.

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, rakan kolaborasi penyelidik dalam klip video bertajuk ‘Jenayah di Jalan’ mengulas komen peserta yang melahirkan rasa benci dan meluat terhadap tindakan



sekumpulan lelaki yang membelasah mangsa di luar sebuah premis. Peserta kajian mendapati bahawa klip video tersebut memberi imej yang buruk seolah-olah Malaysia sebuah negara yang tidak mempunyai peraturan. Peserta kajian berpendapat setiap individu berperanan untuk mewujudkan suasana kehidupan yang aman dan tenteram.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Tamil/25.8.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) juga mendapati peserta kajian mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu jenayah siber. Peserta kajian menyatakan mereka berasa benci dan meluat terhadap tindakan seorang individu yang memakai *topeng* manusia tetapi merogol gadis bawah umur. Peserta kajian berpandangan aktiviti ‘memancing’ gadis di Internet merupakan perlakuan yang tidak bermoral dan hina. Peserta juga benci terhadap tindakan individu yang dianggap sebagai ‘*pervert*’ dan mempunyai keinginan seksual terhadap gadis bawah umur.

#### 4.6.2.4 Kasih Sayang/Menyayangi

Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta berupaya meluahkan perasaan kasih sayang terhadap orang lain daripada senario dan peristiwa yang diajukan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat meluahkan perasaan kasih sayang terhadap orang lain setelah menonton klip video yang dimuat naik tentang buli fizikal dalam tema penganiayaan terhadap manusia.



Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga dapat menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap orang lain setelah terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini. Peserta meluahkan perasaan kasih sayang terhadap orang lain ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Petikan temu bual menunjukkan keupayaan peserta untuk meluahkan perasaan kasih sayang ketika berbincang isu buli fizikal dan emosi moral peserta kajian berkaitan isu tersebut.

Penyelidik : Jelaskan mengapa KB memudahkan anda untuk faham perasaan orang lain?

Peserta 5 : Dalam sesi interaksi bersemuka, saya rasa kasihan terhadap guru yang ditolak. Guru insan yang banyak memberi sumbangan kepada sekolah. Guru yang sebenarnya mengasuh kita menjadi manusia yang berguna. Mesti ada sebab guru menegur atau memukul seseorang pelajar. Tidak mungkin guru menegur tanpa sebab..

Penyelidik : Apakah kesan penglibatan dalam KB?

Peserta 5 : Saya sedar bahawa dengan melibatkan diri di dalam perbincangan interaksi bersemuka, saya perlu mempunyai kasih sayang terhadap orang lain. Kasih sayang sesama manusia menjadi asas dalam kehidupan kita sebagai manusia. Rasa kasih sayang yang ditunjukkan sesama kita boleh menyelesaikan banyak perkara..

(IPGKS/PK2/temkumfokus/Gel1/17.7.2017)

Selain itu, hasil temu bual dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat meluahkan kasih sayang terhadap guru yang dcederakan oleh pelajar dalam klip video kedua yang ditonton mereka (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat menunjukkan perasaan kasih sayang mereka terhadap guru yang dcederakan. Peserta kajian mendedahkan bahawa wujud perasaan kasih sayang terhadap mangsa buli yang tidak bersalah sebaliknya terpaksa menanggung kesakitan.



Peserta mengakui bahawa manusia perlu sentiasa menyayangi antara satu sama lain bagi menjamin kerukunan hidup. Rujuk temu bual berikut:

- Penyelidik : Apa perasaan anda tentang klip video yang mengisahkan guru yang dcederakan?
- Peserta 5 : Menyedari tentang sumbangan guru yang pernah mengajar saya..mengasuh saya...saya rasa timbul kasih sayang dan menyayangi apabila melihat guru dcederakan. Saya faham perasaan guru tersebut. Mungkin dia kecewa sebab anak muridnya tidak faham mengapa dia bertindak sedemikian. Guru mana yang tidak sayang kepada anak murid mereka?...sebagai guru saya akan menunjukkan kasih sayang terhadap anak murid saya..walau apa terjadi..  
(IPGKM/PK3/temkumfokus/Gel1/19.7.2017)

Pengakuan peserta kajian dalam dialog ini menunjukkan bahawa mereka dapat menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap nasib yang menimpa guru tersebut dalam isu buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain dan dapat mengaitkan dengan peranan mereka sebagai seorang bakal guru di sekolah. Peserta berupaya untuk menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang melibatkan buli fizikal yang berlaku di sekolah. Peserta juga mengaku bahawa perbuatan mencederakan guru oleh murid tidak harus dipandang remeh oleh ibu bapa.

Selain itu, hasil temu bual untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang kewujudan kesedaran terhadap perasaan orang lain. Peserta kajian dapat menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap isu jenayah jalanan yang dipaparkan di dalam klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta kajian dapat menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap individu yang menjadi mangsa jenayah jalanan. Peserta kajian





menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang terpaksa menanggung penderitaan setelah terlibat dalam jenayah jalanan.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu yang memerlukan perhatian oleh masyarakat (sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, perbincangan dalam aktiviti *hot seats* membantu peserta kajian untuk menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap individu LGBT dan masyarakat. Peserta berpendapat bahawa mangsa LGBT memerlukan pembelaan daripada terus dimaki serta dikritik secara berlebihan. Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka.

Penyelidik : Apa kesan penglibatan dalam aktiviti *hot seats*?

Peserta 5 : Ada kalangan masyarakat yang menunjukkan rasa simpati terhadap golongan LGBT..macam dalam klip video ‘Perbincangan murid tentang isu LGBT’..masyarakat mula menunjukkan rasa simpati..ada juga kasih sayang terhadap golongan ini kerana mereka juga manusia biasa..kasih sayang itu muncul..bila ada kes transgender..mereka mengaku diri mereka sepi dan tidak dipedulikan orang..jadi timbul perasaan kasih sayang pada mereka ini...

(IPGKM/PK5/temkumfokus/Gel2/21.9.2017)

Sedutan temu bual Gelung Kedua ini menunjukkan penglibatan peserta dalam aktiviti merangsang emosi mereka untuk menunjukkan kasih sayang terhadap golongan transgender. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) sedar bahawa golongan transgender memerlukan perhatian khusus memandangkan mereka tidak bahagia menjalani kehidupan yang penuh ‘kepura-puraan’. Situasi yang dibangkitkan di dalam perbincangan aktiviti *hot seats* merangsang emosi seperti berasa kasih sayang terhadap penderitaan orang lain.



Ketika aktiviti *trade a problem* (Gelung Ketiga- sesi interaksi bersemuka) untuk tema jenayah siber dijalankan, peserta kajian mendapati bahawa isu jenayah siber telah menyebabkan mereka mempunyai kasih sayang terhadap individu yang kehilangan wang ringgit akibat penipuan jenayah siber. Peserta dapat menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan aktiviti online. Rujuk temu bual berikut.

Penyelidik : Dalam aktiviti *trade a problem* bagaimana anda menunjukkan perasaan anda kepada orang lain?

Peserta 5 : Ada kisah yang dibincangkan tentang seorang kakak yang kehilangan wang..dalam beberapa ribu juga setelah terlibat dalam aktiviti belian di internet..susah cari duit..senang-senang ada yang menangguk ikan di air keruh..timbul rasa simpati dan kasih sayang saya pada akak tersebut...saya faham perasaan orang yang kehilangan duit...saya dapat memahami perasaan mereka..  
(IPGKP/PK5/temkumfokus/Gel3/14.11.2017)

Selain itu, aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang 'Judi Internet' (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka) menyebabkan peserta kajian menunjukkan kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu jenayah siber yang berlaku di persekitaran mereka. Sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian meluahkan perasaan kasih sayang terhadap golongan belia menjadi mangsa kepada kes judi di Malaysia. Perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka dalam tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian meluahkan perasaan kasih sayang terhadap mangsa jenayah siber yang sudah ketagih dengan kegiatan judi internet. Berikut ialah bukti temu bual tersebut.

Penyelidik : Bagaimana aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja menyedarkan anda kepada perasaan orang lain?

Peserta 5 : Saya sedar..tentang perlunya kita menunjukkan perasaan kasih sayang kita terhadap belia..Belia merupakan kumpulan yang penting di dalam pembangunan negara..mereka tidak boleh



terjebak dalam kegiatan yang meleakakan seperti judi....kasihan melihat mereka melakukan aktiviti yang membazir wang dan masa..patutnya mereka melakukan aktiviti yang berfaedah..sebagai seorang guru saya akan tunjukkan perasaan kasih sayang dengan mengajak mereka mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah...

(IPGKM/PK2/temkumfokus/Gel3/14.11.2017)

Kedua-dua sedutan temu bual dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan kesedaran terhadap perasaan orang lain yang dilahirkan oleh peserta. Perbincangan terhadap tema jenayah siber mendapati peserta sedar tentang perasaan orang lain apabila diajukan situasi moral dan menilai kesan yang bakal berlaku kepada diri, keluarga dan masyarakat sekiranya amalan yang salah dilakukan (sesi interaksi bersemuka).

Selain itu, analisis catatan jurnal dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran-menonton klip video dan perbincangan) mendapati bahawa peserta kajian mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu moral yang dikemukakan. Klip video yang ditonton oleh peserta kajian dengan tema penganiayaan terhadap manusia membolehkan peserta meluahkan perasaan kasih sayang terhadap mangsa buli di sekolah. Catatan jurnal berikut menunjukkan emosi moral yang dipamerkan oleh peserta kajian.

Aktiviti menonton klip video membolehkan saya sedar tentang perlunya nilai kasih sayang dalam kehidupan kita. Saya merasa kasihan dan bersimpati dengan murid lelaki yang ditendang dan disepak. Malah kepala budak tersebut dipijak. Sepatutnya ada nilai kasih sayang sesama rakan di sekolah. Sebagai bakal guru, saya akan mengajar murid supaya mengamalkan kasih sayang di dalam sebarang aktiviti yang dilaksanakan.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/10.8.2017)



Setelah terlibat dalam aktiviti pra pengajaran dan sesi interaksi bersemuka, peserta kajian juga berpendapat perbuatan penindasan oleh majikan merupakan manifestasi ketiadaan kasih sayang kepada pekerja. Manusia perlu menunjukkan perasaan kasih sayang sesama insan. Sebagai contoh dalam tema penganiayaan terhadap manusia (Gelung Pertama), peserta mencatatkan bahawa setiap majikan perlu menunjukkan rasa kasih sayang dan saling menyayangi kepada pekerja mereka. Rujuk catatan jurnal berikut.

Hari ini, saya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Melalui perbincangan tadi, saya berpendapat ketiadaan kasih sayang adalah punca majikan membuli pekerja. Majikan berpendapat pekerja adalah kumpulan yang tidak berpendidikan dan perlu diarah. Jadi tiada rasa kepercayaan dan menyebabkan majikan tidak mahu menerima pendapat pekerja. Sepatutnya majikan menyayangi pekerja sekiranya mereka mahu produktiviti yang tinggi.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel1/10.8.2017)

Dalam pada itu, dalam sesi interaksi bersemuka, peserta kajian mendapati hal sebegini telah mendasari emosi moral mereka. Setelah perbincangan tentang tema keprihatinan masyarakat (sesi interaksi bersemuka), peserta mencatatkan bahawa di dalam isu LGBT, masyarakat perlu menyayangi mereka kerana mereka juga '*part of this world*'. Emosi moral yang betul juga dikesan di dalam catatan jurnal dalam Gelung Kedua.

Aktiviti menonton klip video telah menyedarkan saya tentang perlunya nilai kasih sayang terhadap golongan LGBT. Sebagai seorang bakal guru, saya tidak boleh menyisihkan murid yang mengaku diri mereka gay, lesbian atau biseksual. Saya juga tidak akan bercakap tentang identiti murid tersebut di dalam kelas. Saya harus menyayangi semua orang murid tanpa mengambil kira identiti seksual mereka.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel2/14.9.2017)



Peserta kajian juga dapat meluahkan perasaan kasih sayang terhadap gadis bawah umur berdasarkan klip video tentang tema jenayah siber yang ditonton di dalam Gelung Ketiga (aktiviti pra pengajaran). Klip video tentang kisah jenayah siber yang dilakukan secara sistematik terhadap gadis bawah umur di dalam Gelung Ketiga membolehkan peserta meluahkan perasaan kasih sayang terhadap nasib yang menimpa golongan tersebut. Semasa sesi bersemuka, peserta kajian berpendapat bahawa klip video “R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur” merupakan perlakuan yang tidak wajar terhadap gadis bawah umur. Peserta kajian juga mengaku bahawa klip video tersebut menyedarkan mereka kepada peranan ibu bapa untuk menyemai kasih sayang terhadap anak-anak mereka.

Klip video R.A.G.E- Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur menyedarkan saya kepada nilai kasih sayang yang perlu diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka. Ternyata gadis bawah umur tersebut berasa sepi dan terjebak ke dalam aktiviti tidak bermoral ini kerana kurang kasih sayang ibu bapa. Ada ibu bapa yang tidak mengambil tahu tentang aktiviti anak mereka. Kekurangan kasih sayang ibu bapa menyebabkan anak mengambil jalan dengan melakukan aktiviti yang tidak bermoral. (IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.10.2017)

Analisis data catatan jurnal dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menyokong perkembangan emosi moral oleh peserta kajian. Catatan jurnal seorang peserta kajian dalam Gelung Ketiga tentang tema jenayah siber mendedahkan bahawa dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti *hot seats* (sesi interaksi bersemuka), peserta kajian berpeluang untuk faham tentang perasaan yang dilalui oleh orang lain dan dapat membentuk emosi moral mereka. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian.

Pada hari ini saya terlibat dengan aktiviti *hot seats*. Aktiviti *hot seats* membantu saya untuk menyedari bahawa anak-anak mengharapkan kasih sayang daripada ibu bapa mereka. Remaja akan terlibat dengan jenayah siber sekiranya mereka keseorangan dan cuba mempengaruhi orang lain menerusi media sosial. Ternyata media sosial disalah guna oleh remaja untuk melakukan jenayah siber. Maka sebagai guru saya akan



menyemai kasih sayang dan memberitahu ibu bapa agar sentiasa menerapkan nilai kasih sayang pada anak mereka.

(IPGKM/PK1/JurP/Gel3/14.11.2017)

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain. Peserta kajian dapat meluahkan perasaan kasih sayang terhadap mangsa isu buli siber (sesi pra pengajaran) yang diugut secara talian. Peserta kajian meluahkan perasaan kasihan terhadap mangsa buli siber yang keseorangan dan menghabiskan masa di media sosial. Salah seorang pemerhati menyatakan bahawa peserta kajian meluahkan rasa kasih sayang terhadap mangsa yang didera secara fizikal oleh makciknya dan menyebabkan dia keseorangan di sekolah.

Peserta kajian melahirkan rasa kasih sayang terhadap remaja yang menjalani kehidupan secara keseorangan dan terpaksa bergantung pada media sosial untuk berinteraksi. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mahu individu tersebut mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti yang melibatkan interaksi kumpulan.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoolology* (interaksi bersemuka) mendapati peserta kajian dapat meluahkan perasaan kasih sayang terhadap ibu. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa isu moral yang berlaku memberi kesan kepada anak-anak kerana mereka terpaksa bergantung pada Yang Esa untuk melindungi mereka. Peserta kajian berpendapat perlakuan buli menyebabkan anak-anak berasa terlalu takut untuk pergi ke sekolah. Peserta kajian



berpendapat buli memberi implikasi yang negatif kerana anak-anak tidak tahu ‘untuk pergi ke mana’. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam isu buli mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan kepada ibu bapa menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, emosi moral individu bergantung pada kesedaran mereka tentang perasaan terhadap orang lain.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Shasi/14.7.2017)

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam keratan akhbar bertajuk ‘Statistik Jenayah Jalanan’ mengulas komen peserta yang mendapati kecuaiannya pemandu tegar menyebabkan anak dan ibu terbunuh dalam kemalangan. Peserta kajian mendapati bahawa kasih sayang antara ibu dan anak musnah sama sekali akibat perlakuan pemandu tegar. Peserta kajian berpendapat pencegahan jenayah jalanan merupakan usaha yang perlu diperhebat oleh agensi penguat kuasa.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Bard/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), rakan kolaborasi penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Keratan akhbar bertajuk ‘*LGBT entitled to be treated*’ telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian menunjukkan rasa kasih sayang (interaksi bersemuka) terhadap individu yang diabaikan oleh keluarga kerana mengaku diri mereka sebagai gay. Peserta kajian beranggapan tindakan membenci golongan gay akan menyebabkan konflik



berpanjangan di dalam keluarga dan masyarakat. Peserta menambah perasaan kasih sayang sesama manusia akan membolehkan kerukunan kehidupan manusia terpelihara.

Catatan pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) terhadap perbincangan keratan akhbar 'Waspada' juga mendapati peserta kajian mempunyai kesedaran terhadap perasaan orang lain terhadap isu jenayah siber. Peserta kajian menyatakan rasa kasih sayang mereka terhadap individu yang terjerat akibat perlakuan "Catfish". Peserta kajian berpandangan semua individu harus mengamalkan kasih sayang dan berusaha untuk mengelakkan persengketaan.


(IPGKP/pemerh/Gel3/Ramesh/13.10.2017)

#### 4.7 Perkembangan Amalan Moral



Sebanyak sepuluh amalan moral yang selaras dengan nilai dan norma masyarakat Malaysia telah dikenal pasti dalam kajian ini. Kesemua amalan ini telah diulang dalam ketiga-tiga gelung kajian oleh peserta. Antara amalan moral peserta yang dikenal pasti ialah melaksanakan tugas, bekerja bersama-sama, bertolak ansur, berketerampilan dalam menyelesaikan konflik moral, bersikap berani, menunjukkan sikap berdikari, saling menolong, menepati masa, berbudi pekerti mulia dan rajin berusaha. Perbincangan seterusnya ialah kupasan tentang amalan moral para peserta kajian ini. Rujuk Rajah 4.9.





Rajah 4.9. Amalan Moral Peserta Kajian

#### 4.7.1 Amalan Melaksanakan Tugas

Hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta berupaya melaksanakan tugas yang diberikan dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta tekun melaksanakan tugas dengan mencari klip video yang sesuai berkaitan dengan tema dengan menggunakan enjin pencari *Google*. Peserta kajian juga tekun meneliti klip video yang sesuai.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga dapat melaksanakan tugas yang diberikan ketika terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini (Gelung Pertama). Peserta berupaya melaksanakan tugas ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik menunjukkan keupayaan peserta untuk melaksanakan tugas dengan aktif. Peserta juga berbincang mencari jalan penyelesaian terhadap isu moral dengan penuh iltizam. Peserta kajian tidak membuang masa dan bergerak di dalam kumpulan masing-masing untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan. Penyelidik telah memberikan kebebasan kepada ahli kumpulan untuk membentuk kumpulan masing-masing. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta begitu aktif untuk menjana idea dan menggerakkan perbincangan. Peserta juga tidak segan silu untuk menceritakan pengalaman suka-duka mereka ketika berhadapan dengan isu buli fizikal sekolah. Ada kalangan peserta yang menggunakan telefon pintar mereka untuk mendapatkan idea secara spontan. Peserta kemudian bertindak berkongsi idea tersebut dengan rakan yang lain. Para peserta berupaya untuk melaksanakan tugas yang diberikan oleh ketua kumpulan dengan sempurna.

(IPGKP/propemer/Gel1/Hazwani/25.7.2017)

Selain itu, hasil pemerhatian dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian melaksanakan tugas yang diberikan dengan berinteraksi dengan rakan lain di dalam sesi talian *Schoolology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat melaksanakan tugas dengan berinteraksi menerusi talian dengan rakan mereka tentang kesesuaian klip video berkaitan dengan tema. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati bahawa interaksi secara fizikal dengan rakan tidak berlaku



sebaliknya mereka menggunakan peluang interaksi di dalam *Schoology* untuk bertanya secara *private* dengan rakan mereka yang lain.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Di dalam pemerhatian Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat melaksanakan tugas dengan sempurna apabila isu moral tentang tema penganiayaan terhadap manusia diberikan. Peserta kajian telah menonton klip video tersebut secara berulang kali bagi membolehkan mereka memahami dan mengingat peristiwa di dalam klip video tersebut. Aktiviti tontonan klip video yang telah dilaksanakan menyebabkan peserta mengambil inisiatif untuk meneroka sumber lain seperti klip video, keratan akhbar dan gambar di dalam Internet. Peserta didapati melaksanakan tugas yang diberikan tanpa arahan lanjut daripada penyelidik. Peserta juga kelihatan gigih berbincang tentang punca dan kesan buli berdasarkan klip video 'Buli fizikal dalam kelas'. Perbincangan peserta juga melibatkan usik mengusik dan gelak tawa tetapi masih menjurus kepada perkara utama yakni perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia. Mereka telah melaksanakan kewajipan mereka dengan bersungguh-sungguh. Ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di luar bilik darjah, peserta telah mengambil inisiatif dengan berbincang dengan rakan mereka yang lain untuk mendapatkan idea dan pandangan. Amalan moral mereka tidak terhad ketika melaksanakan tugas di dalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah.





Selain itu, hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang amalan moral peserta yakni melaksanakan tugas. Peserta kajian dapat melaksanakan tugas dengan sempurna apabila didedahkan kepada isu jenayah jalanan yang memaparkan klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran) dilaksanakan. Ketika klip video tentang isu jenayah jalanan dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran), peserta telah melaksanakan tugas mereka dengan mencari bahan-bahan dan media-media lain seperti keratan akhbar, gambar, dokumen dan klip video daripada Internet. Peserta kajian bukan sahaja menonton klip video tersebut secara berulang kali tetapi juga membuat catatan di dalam *note pad* mereka. Peserta kajian dapat melaksanakan tugas dengan sempurna dengan menonton klip video dan membuat catatan awal tentang isi klip video.



Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat melaksanakan tugas dengan sempurna terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu penting di dalam masyarakat (Gelung Kedua- sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta melaksanakan tugas dengan sempurna apabila berjaya melakukan perbincangan menerusi aktiviti *hot seats*. Menurut rakan kolaborasi penyelidik, peserta kajian '*hot seats*' menunjukkan keupayaan melaksanakan tugas dengan teliti dengan mengenal pasti soalan-soalan yang hendak dikemukakan dan meneroka maklumat tambahan. Pada masa yang sama peserta kajian juga dilihat merangka poin secara sistematik bagi memastikan soalan-soalan dijawab. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati aktiviti *hot seats* membantu mereka untuk mencari seberapa banyak maklumat menerusi Internet bagi membolehkan mereka menjawab soalan ketika sesi *hot seats*. Ketika melakonkan *hot seats*, jelas peserta telah





melaksanakan tugas dengan mengumpul pelbagai maklumat yang membolehkan beliau menjawab tentang isu berkaitan tema LGBT. Rakan kolaborasi penyelidik berpandangan bahawa penerokaan sendiri peserta tentang video ‘*Pretty Boy Award Winning Short Film*’ membolehkan peserta *hot seats* berjaya menjawab soalan yang dikemukakan oleh peserta lain dengan baik.

(IPGKP/Baarath/propemer/gelu2/23.9.2017)

Hasil pemerhatian di dalam Gelung Kedua ini menunjukkan dapat melaksanakan tugas dengan meneroka pelbagai maklumat. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka dapat mengumpul pelbagai jenis maklumat media (imej, gambar, keratan akhbar) sebagai persediaan awal sebelum mereka berbincang di dalam interaksi bersemuka.



Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian dapat mencari pelbagai maklumat dan mengaitkan dengan jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta dapat memanfaatkan fungsi di dalam *Schoology* yakni *School Educators* untuk mendapatkan maklumat tentang jenayah siber. Peserta kajian juga dapat berinteraksi dengan komuniti pembelajaran di dalam platform *Schoology*. Peserta juga didapati berinteraksi dengan pengguna *Schoology* yang lain untuk bertukar-tukar pandangan tentang isu jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta kajian telah dapat melaksanakan tugas dengan memanfaatkan penggunaan *Schoology* untuk mendapatkan maklumat tentang isu moral. Peserta juga telah berkongsi sumber-sumber digital dengan pengguna *Schoology* yang lain.



Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta dapat melaksanakan tugas dengan baik apabila peserta terlibat dengan aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Anda berjaya menang’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka). Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya melaksanakan tugas dengan baik. Maklumat yang diteroka oleh peserta di dalam sesi interaksi bersemuka berkaitan dengan tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian berupaya melaksanakan tugas dengan baik. Peserta juga telah mempersembahkan tugas mereka menerusi pembentangan menggunakan aplikasi *Prezi* (tema jenayah siber).

(IPGKS/ Amin/propemer/gelu1/19.9.2017)

Catatan pemerhatian penyelidik dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat melaksanakan tugas yang diberi apabila bukan sahaja menonton klip video tetapi menggunakan perpustakaan digital untuk mendapatkan maklumat. Peserta kajian dapat mencari maklumat dan bahan media lain menerusi enjin pencari *Google* terhadap isu buli siber (sesi pra pengajaran). Peserta kajian mempamerkan sikap melaksanakan tugas tanpa sifat tangguh tugas. Pemerhatian rakan penyelidik mendapati peserta kajian sanggup melaksanakan tugas yang diberi dalam masa yang diberikan. Hasil pemerhatian juga menunjukkan mereka bersedia untuk berbincang dan mencari idea-idea baharu menerusi Internet dan berbincang dengan rakan-rakan yang lain. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mampu memikul tanggungjawab dan berusaha untuk melaksanakan tugas yang diberikan.





(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) juga mendapati peserta mampu memikul tanggungjawab untuk melaksanakan tugas dengan baik. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa mereka dapat melaksanakan tugas dengan lebih baik apabila mereka memuat naik hasil kerja mereka (gambar dan keratan akhbar) tentang isu buli ke dalam platform *Schoology*. Peserta kajian berpendapat penerokaan terhadap isu buli siber memberi peluang kepada mereka untuk mencari sendiri bahan-bahan dan menilai kesesuaian bahan untuk dibincangkan di dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta kajian berpendapat penyelidik sebagai guru membantu untuk menjadi moderator di dalam pembelajaran secara talian *Schoology*. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam perbincangan isu buli juga mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, amalan moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas yang diberi.

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, pemerhatian penyelidik dalam klip video bertajuk 'Samun di stesen petrol', peserta berupaya melaksanakan tugas dengan baik kerana peserta telah mempunyai asas pengetahuan yang baik menerusi aktiviti penerokaan ilmu di dalam sesi pra pengajaran. Peserta didapati menggunakan *Google Drive* untuk menyimpan maklumat untuk tujuan perbincangan. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian





berkongsi imej, video, grafik, dokumen dan carta tentang jenayah jalanan di dalam *Google Drive* sebagai panduan di dalam perbincangan di dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta didapati masih menggunakan video yang dimuat turun daripada *Schoology* sebagai panduan untuk perbincangan sesi interaksi bersemuka. Peserta juga didapati menyusun idea tentang jenayah jalanan (sebab, punca dan akibat) dengan menggunakan aplikasi *Prezi*. Elemen-elemen perbincangan ini dilahirkan di dalam bentuk pembentangan peserta dengan menggunakan perisian *Prezi*. Peserta didapati telah mempersembahkan hasil perbincangan mereka (interaksi bersemuka) dengan baik.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), pemerhatian penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Peserta kajian didapati menggunakan bahan-bahan media seperti imej, grafik, carta, dokumen dan video untuk melakukan perbincangan. Peserta masih menggunakan platform *Schoology* untuk *retrieve* semula bahan-bahan yang telah dimuat naik di dalam *Schoology*. Peserta juga menggunakan fungsi *Schoology* untuk *connect* dan berkomunikasi secara maya dengan individu lain (isu LGBT). Pemerhatian penyelidik mendapati Keratan akhbar bertajuk 'LGBT bencana kepada sistem keluarga' telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa penggunaan *Schoology* telah dapat menyebar-luas perbincangan mereka tentang isu LGBT dengan komuniti maya. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta berupaya melaksanakan tugas menerusi perbincangan dengan komuniti maya dalam platform





*Schoology*. Peserta juga telah berkongsi bahan-bahan digital dengan komuniti pembelajaran.

#### 4.7.2 Bekerja Bersama-Sama

Hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta berupaya bekerja bersama-sama ketika melaksanakan aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta bekerja bersama-sama dengan mencari meneroka klip video yang sesuai berkaitan dengan tema dengan menggunakan enjin pencari *Google*. Peserta kajian juga tekun berkolaboratif dengan rakan yang lain dengan berbincang isu tentang tema penganiayaan terhadap manusia.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga bekerja bersama-sama ketika terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini (Gelung Pertama). Peserta berupaya bekerja bersama-sama ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik menunjukkan keupayaan peserta untuk bekerja bersama-sama dengan bersungguh-sungguh. Peserta juga berbincang ketika mencari jalan penyelesaian terhadap isu moral dengan penuh daya usaha. Peserta kajian tidak membuang masa dan bergerak di dalam kumpulan masing-masing untuk bekerja bersama-sama. Kebebasan yang diberikan oleh penyelidik kepada





ahli kumpulan untuk membentuk kumpulan masing-masing digunakan secara optimum. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta aktif untuk bekerja bersama-sama dan menggerakkan perbincangan bagi mencapai kata persetujuan. Peserta juga tidak segan silu untuk menceritakan pengalaman suka-duka mereka ketika berhadapan dengan isu buli fizikal sekolah. Rata-rata kalangan peserta menggunakan telefon pintar mereka untuk mendapatkan idea secara spontan. Peserta kemudian bertindak bekerja bersama-sama dan berkongsi idea tersebut dengan rakan yang lain. Para peserta berupaya untuk bekerja bersama-sama atas arahan ketua kumpulan dan cuba mendapatkan hasil yang baik.

(IPGKP/propemer/Gel1/Hazwani/25.7.2017)



Selain itu, hasil pemerhatian dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian bekerja bersama-sama dengan berinteraksi dengan rakan lain di dalam sesi talian *Schoolology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat bekerja bersama-sama dengan berinteraksi menerusi talian dengan rakan mereka tentang kesesuaian klip video berkaitan dengan tema. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati bahawa peluang interaksi di dalam *Schoolology* digunakan oleh peserta untuk bekerja bersama-sama dengan bertanya secara *private* dengan rakan mereka yang lain.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Di dalam pemerhatian Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat bekerja bersama-sama dengan sempurna apabila isu moral tentang tema penganiayaan terhadap manusia diberikan. Peserta kajian telah menonton klip video tersebut secara berulang kali bagi membolehkan mereka memahami dan





mengingati peristiwa di dalam klip video tersebut. Aktiviti tontonan klip video yang telah dilaksanakan menyebabkan peserta bekerja bersama-sama untuk meneroka sumber lain seperti klip video, keratan akhbar dan gambar di dalam Internet. Peserta didapati bekerja bersama-sama dengan mencari bahan di dalam Internet tanpa bergantung pada arahan lanjut daripada penyelidik. Peserta juga bekerja bersama-sama untuk mencari maklumat lanjut tentang punca dan kesan buli berdasarkan klip video 'Buli fizikal dalam kelas'. Perbincangan peserta juga melibatkan usik mengusik dan gelak tawa tetapi masih menjurus kepada perkara utama yakni perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia. Mereka telah bekerja bersama-sama dengan bersungguh-sungguh. Ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di luar bilik darjah, peserta telah mengambil inisiatif dengan bekerja bersama-sama dengan berbincang dengan rakan mereka yang lain untuk mendapatkan idea dan pandangan. Amalan moral mereka tidak terhad ketika melaksanakan tugas di dalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah.

Selain itu, hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang amalan moral peserta yakni bekerja bersama-sama. Peserta kajian dapat bekerja bersama-sama dengan bersungguh-sungguh apabila didedahkan kepada isu jenayah jalanan yang memaparkan klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran) dilaksanakan. Ketika klip video tentang isu jenayah jalanan dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran), peserta telah bekerja bersama-sama dengan mencari bahan-bahan dan media-media lain seperti keratan akhbar, gambar, dokumen dan klip video daripada Internet. Peserta kajian bukan sahaja menonton klip video tersebut secara berulang kali tetapi juga membuat catatan di dalam *note pad* mereka. Peserta kajian dapat bekerja





bersama-sama dengan sempurna dengan menonton klip video dan membuat catatan awal tentang isi klip video.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat bekerja bersama-sama dengan gigih terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT)* sebagai isu penting di dalam masyarakat (Gelung Kedua- sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta bekerja bersama-sama apabila berjaya melakukan perbincangan menerusi aktiviti *hot seats*. Menurut rakan kolaborasi penyelidik, peserta kajian '*hot seats*' menunjukkan keupayaan bekerja bersama-sama dengan teliti dengan mengenal pasti soalan-soalan yang hendak dikemukakan dan meneroka maklumat tambahan secara berkumpulan. Pada masa yang sama peserta kajian juga dilihat merangka poin secara sistematik bagi memastikan soalan-soalan dijawab. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati aktiviti *hot seats* membantu mereka untuk mencari seberapa banyak maklumat menerusi Internet bagi membolehkan mereka menjawab soalan ketika sesi *hot seats*. Ketika mengendalikan aktiviti *hot seats*, jelas peserta telah bekerja bersama-sama dengan mengumpul pelbagai maklumat yang membolehkan beliau menjawab tentang isu berkaitan tema LGBT. Rakan kolaborasi penyelidik berpandangan bahawa penerokaan sendiri peserta tentang video '*Pretty Boy Award Winning Short Film*' membolehkan peserta *hot seats* berjaya menjawab soalan yang dikemukakan oleh peserta lain dengan baik.

(IPGKP/Baarath/propemer/gelu2/23.9.2017)





Hasil pemerhatian di dalam Gelung Kedua ini menunjukkan dapat bekerja bersama-sama dengan meneroka pelbagai maklumat. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka dapat mengumpul pelbagai jenis maklumat media (imej, gambar, keratan akhbar) sebagai persediaan awal sebelum mereka berbincang di dalam interaksi bersemuka.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian bekerja bersama-sama dengan mencari pelbagai maklumat dan mengaitkan dengan jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta dapat memanfaatkan fungsi di dalam *Schoology* yakni *School Educators* untuk bekerja bersama-sama ketika mendapatkan maklumat tentang jenayah siber. Peserta kajian juga dapat berinteraksi dengan komuniti pembelajaran di dalam platform *Schoology*. Peserta juga didapati berinteraksi dengan pengguna *Schoology* yang lain untuk bertukar-tukar pandangan tentang isu jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta kajian telah dapat bekerja bersama-sama dengan memanfaatkan penggunaan *Schoology* untuk mendapatkan maklumat tentang isu moral. Peserta juga telah berkongsi sumber-sumber digital dengan pengguna *Schoology* yang lain.

Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta dapat bekerja bersama-sama dengan mantap apabila peserta terlibat dengan aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang 'Anda berjaya menang' (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka). Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian berupaya bekerja bersama-sama dengan baik. Maklumat yang diteroka oleh peserta di dalam sesi interaksi bersemuka





berkaitan dengan tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian berupaya bekerja bersama-sama. Peserta juga telah mempersembahkan tugas mereka menerusi pembentangan menggunakan aplikasi *Prezi* (tema jenayah siber).

(IPGKS/ Amin/propemer/gelu1/19.9.2017)

Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan amalan moral yang ditunjukkan oleh peserta. Hasil pencarian maklumat dan penerokaan menerusi enjin pencari *Google* terhadap tema jenayah siber yang mantap mendapati peserta mampu bekerja bersama-sama (sesi interaksi bersemuka).

Catatan pemerhatian penyelidik dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran-menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat bekerja bersama-sama ketika menggunakan perpustakaan digital untuk mendapatkan maklumat. Peserta kajian dapat mencari maklumat dan bahan media lain menerusi enjin pencari *Google* terhadap isu buli siber (sesi pra pengajaran) dan berkongsi dengan rakan peserta yang lain. Peserta kajian mempamerkan sikap bekerja bersama-sama untuk mendapatkan hasil yang baik. Pemerhatian rakan penyelidik mendapati peserta kajian sanggup bekerja bersama-sama walaupun masa yang singkat diberikan. Hasil pemerhatian juga menunjukkan mereka bersedia untuk berbincang dan mencari idea-idea baharu menerusi Internet dan berbincang dengan rakan-rakan yang lain. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mampu memikul tanggungjawab dan berusaha untuk bekerja bersama-sama bagi mencapai hasil yang baik.

(IPGKS/Pemer/Ge11/Tamil/14.7.2017)





Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) juga mendapati peserta mampu memikul tanggungjawab untuk bekerja bersama-sama. Peserta juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa mereka dapat bekerja bersama-sama dengan lebih baik ketika mereka memuat naik hasil kerja mereka (gambar dan keratan akhbar) tentang isu buli ke dalam platform *Schoology*. Peserta kajian berpendapat penerokaan bersama terhadap isu buli siber memberi peluang kepada mereka untuk mencari sendiri bahan-bahan dan menilai kesesuaian bahan untuk dibincangkan di dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta kajian berpendapat penyelidik sebagai guru juga membantu untuk memudahcara proses pembelajaran mereka secara talian *Schoology*. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam perbincangan isu buli juga mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, amalan moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk bekerja bersama-sama terhadap tugas yang diberikan kepada mereka.

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, pemerhatian penyelidik dalam klip video bertajuk 'Samun di stesen petrol', peserta berupaya untuk bekerja bersama-sama dengan bersungguh-sungguh kerana peserta telah mempunyai asas pengetahuan yang baik menerusi aktiviti penerokaan ilmu di dalam sesi pra pengajaran. Peserta didapati menggunakan *Google Drive* untuk menyimpan maklumat untuk tujuan perbincangan. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian berkongsi imej, video, grafik, dokumen dan carta tentang jenayah jalanan di dalam *Google Drive* sebagai panduan di dalam perbincangan di



dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta didapati masih menggunakan video yang dimuat turun daripada *Schoology* sebagai panduan untuk perbincangan sesi interaksi bersemuka. Peserta juga didapati memuat turun bahan tentang jenayah jalanan (sebab, punca dan akibat) dan membuat pembentangan dengan menggunakan peta i-think. Pembentangan peserta telah dilaksanakan dengan menggunakan perisian *Prezi*. Peserta didapati telah mempersembahkan hasil perbincangan mereka (interaksi bersemuka) dengan baik.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), pemerhatian penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Peserta kajian didapati menggunakan bahan-bahan media seperti imej, grafik, carta, dokumen dan video untuk melakukan perbincangan. Peserta masih menggunakan platform *Schoology* untuk *retrieve* semula bahan-bahan yang telah dimuat naik di dalam *Schoology*. Peserta juga menggunakan fungsi *Schoology* untuk *connect* dan berkomunikasi secara maya dengan individu lain (isu LGBT). Pemerhatian penyelidik mendapati Keratan akhbar bertajuk 'LGBT bencana kepada sistem keluarga' telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa penggunaan *Schoology* telah dapat menyebar-luas perbincangan mereka tentang isu LGBT dengan komuniti maya. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta berupaya bekerja bersama-sama menerusi perbincangan dengan komuniti maya dalam platform *Schoology*. Peserta juga telah berkongsi bahan-bahan digital dengan komuniti pembelajaran.





### 4.7.3 Amalan Berkompromi

Hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta berupaya berkompromi dan bertolak ansur ketika terlibat dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta dapat berkompromi dan bertolak ansur untuk mencari bahan mengikut kesesuaian peranti yang ada pada peserta. Peserta kajian juga didapati berkompromi dan bertolak ansur ketika meneliti klip video yang sesuai. Peserta didapati saling menuruti ketika diberikan tugas oleh penyelidik.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)



Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga dapat berkompromi dan bertolak ansur dengan peserta yang lain ketika terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini (Gelung Pertama). Peserta berupaya berkompromi dan bertolak ansur ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik menunjukkan kesanggupan peserta untuk berkompromi dan bertolak ansur ketika mengemukakan pendapat. Peserta juga bertolak ansur ketika mencari jalan penyelesaian terhadap isu moral dengan penuh sabar. Peserta kajian dapat menerima pendapat dan fikiran yang dikemukakan oleh peserta lain di dalam kumpulan masing-masing terhadap tugas yang diamanahkan. Penyelidik telah memberikan kebebasan kepada ahli kumpulan untuk membentuk kumpulan masing-masing. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta begitu aktif untuk menjana idea dan menggerakkan perbincangan. Peserta juga menghormati pendapat yang dikemukakan





oleh peserta lain ketika pengalaman suka-duka mereka ketika berhadapan dengan isu buli fizikal sekolah diluahkan. Kalangan peserta yang menggunakan telefon pintar dan *I pad* mereka untuk mendapatkan idea secara spontan dihargai dan wujud sikap mahu berlebih kurang terhadap usaha memberi dan menerima pendapat. Peserta kemudian bertindak berkongsi idea tersebut dengan rakan yang lain dan peserta lain mahu menerima pendapat yang diutarakan. Para peserta menunjukkan sifat berkompromi dan bertolak ansur serta berlemah lembut dengan arahan yang diberikan oleh ketua kumpulan.

(IPGKP/propemer/Gel1/Hazwani/25.7.2017)

Selain itu, hasil pemerhatian dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian dapat berkompromi dan bertolak ansur ketika berinteraksi dengan rakan lain di dalam sesi talian *Schoology* (aktiviti pra pengajaran).

Peserta dapat bertolak ansur dengan peserta lain yang mengemukakan idea tentang kesesuaian klip video berkaitan dengan tema di dalam talian *Schoology*. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati bahawa interaksi secara fizikal dengan rakan tidak berlaku sebaliknya interaksi di dalam *Schoology* yang lebih *private* dengan rakan mereka yang lain digunakan untuk melibatkan diri di dalam memberi dan menerima idea.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Di dalam pemerhatian Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat berkompromi dan bertolak ansur apabila isu moral tentang tema penganiayaan terhadap manusia diberikan. Peserta kajian telah menonton klip video tersebut secara berulang kali bagi membolehkan mereka memahami dan





mengingati peristiwa di dalam klip video tersebut. Aktiviti tontonan klip video yang telah dilaksanakan menyebabkan peserta mengambil inisiatif untuk meneroka sumber lain seperti klip video, keratan akhbar dan gambar di dalam Internet. Peserta didapati dapat berkompromi dan bertolak ansur dengan arahan lanjut daripada penyelidik. Peserta juga kelihatan dapat memberi dan menerima idea peserta lain tentang punca dan kesan buli berdasarkan klip video 'Buli fizikal dalam kelas'. Perbincangan peserta juga melibatkan usik mengusik dan gelak tawa tetapi masih menjurus kepada perkara utama yakni perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia. Mereka telah mengalah ketika perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia mencapai kata sepakat. Ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di luar bilik darjah, peserta telah mengambil inisiatif dengan berbincang dengan rakan mereka yang lain untuk mendapatkan idea dan pandangan. Amalan moral mereka tidak terhad ketika melaksanakan tugas di dalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah.

Selain itu, hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang amalan moral peserta yakni bertolak ansur. Peserta kajian dapat bertolak ansur dengan memberi dan menerima idea apabila isu jenayah jalanan yang memaparkan klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran) diutarakan. Ketika klip video tentang isu jenayah jalanan dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran), peserta telah bertolak ansur dengan mengagihkan tugas mencari bahan-bahan dan media-media lain seperti keratan akhbar, gambar, dokumen dan klip video daripada Internet. Peserta kajian bukan sahaja menonton klip video tersebut secara berulang kali tetapi juga membuat catatan di dalam *note pad* mereka. Peserta kajian dapat berkompromi dan





bertolak ansur serta dapat mengelakkan perkelahian dengan menerima arahan yang diberikan oleh penyelidik dan ketua kumpulan.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menunjukkan sikap berkompromi dan bertolak ansur terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu penting di dalam masyarakat (Gelung Kedua- sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta bertolak ansur apabila berjaya melakukan perbincangan menerusi aktiviti *hot seats*. Menurut rakan kolaborasi penyelidik, peserta kajian '*hot seats*' menunjukkan sikap berkompromi dan bertolak ansur yang tinggi dengan memberi peluang kepada peserta lain untuk memberi pendapat apabila pertindihan pendapat berlaku. Pada masa yang sama peserta kajian juga memastikan rakan peserta yang lain mendapat peluang sama rata apabila sesi soal-jawab dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati aktiviti *hot seats* membantu mereka untuk mencari seberapa banyak maklumat menerusi Internet bagi membolehkan mereka menjawab soalan. Ketika melakonkan *hot seats*, jelas peserta telah bertolak ansur dengan tidak berkira ketika aktiviti mengumpul pelbagai maklumat yang tentang isu berkaitan tema LGBT dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik berpandangan bahawa penerokaan sendiri peserta tentang video '*Pretty Boy Award Winning Short Film*' membolehkan sesi *hot seats* dilaksanakan di dalam suasana yang harmoni.

(IPGKP/Baarath/propemer/gelu2/23.9.2017)



Hasil pemerhatian di dalam Gelung Kedua ini menunjukkan peserta dapat bertolak ansur ketika meneroka pelbagai maklumat di dalam aktiviti yang dikendalikan. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka dapat mengumpul pelbagai jenis maklumat media (imej, gambar, keratan akhbar) sebagai persediaan awal sebelum mereka berbincang di dalam interaksi bersemuka.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian dapat bertolak ansur ketika aktiviti mencari pelbagai maklumat tentang isu jenayah siber dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta dapat bertolak ansur dengan arahan yang diberikan oleh penyelidik untuk memanfaatkan fungsi di dalam *Schoology* yakni *School Educators* untuk mendapatkan maklumat tentang jenayah siber. Peserta kajian juga dapat berinteraksi dengan komuniti pembelajaran di dalam platform *Schoology*. Peserta juga didapati berkompromi dan bertolak ansur ketika berinteraksi dengan pengguna *Schoology* yang lain untuk bertukar-tukar pandangan tentang isu jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta kajian telah dapat berkompromi dan bertolak ansur dengan memanfaatkan perbincangan di dalam *Schoology* tentang isu moral. Peserta juga telah berkompromi dan bertolak ansur dengan berkongsi sumber-sumber digital dengan pengguna *Schoology* yang lain.

Catatan pemerhatian penyelidik dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta dapat berkompromi dan bertolak ansur ketika arahan diberikan untuk menonton klip video dan menggunakan



perpustakaan digital untuk mendapatkan maklumat. Peserta kajian dapat mencari maklumat dan bahan media lain menerusi enjin pencari *Google* terhadap isu buli siber (sesi pra pengajaran). Peserta kajian mempamerkan sikap berkompromi dan bertolak ansur apabila arahan diberikan kepada mereka untuk mengakses maklumat dengan menggunakan *Google*. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian sanggup berkompromi dan bertolak ansur terhadap arahan yang diberi dalam masa yang diberikan. Hasil pemerhatian juga menunjukkan mereka bersedia untuk berbincang dan mencari idea-idea baharu menerusi Internet dan berbincang dengan rakan-rakan yang lain. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mampu berkompromi dan bertolak ansur untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)



Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) juga mendapati peserta mampu berkompromi dan bertolak ansur ketika memberi dan menerima idea di dalam sesi talian *Schoology*. Penyelidik juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa peserta dapat berkompromi dan bertolak ansur apabila mereka memuat naik hasil kerja mereka (gambar dan keratan akhbar) tentang isu buli ke dalam platform *Schoology*. Penyelidik berpendapat penerokaan peserta terhadap isu buli siber memberi peluang kepada mereka untuk mencari sendiri bahan-bahan dan menilai kesesuaian bahan untuk dibincangkan di dalam sesi interaksi bersemuka. Penyelidik berpendapat peserta kajian menganggap mereka sebagai moderator di dalam pembelajaran secara talian *Schoology*. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam perbincangan isu buli juga mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*,







interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, amalan moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk berkompromi dan bertolak ansur di dalam melaksanakan tugas yang diberi.

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, pemerhatian penyelidik dalam klip video bertajuk 'Samun di stesen petrol', peserta berupaya berkompromi dan bertolak ansur kerana peserta menghormati dan menerima idea serta pandangan yang diberikan oleh rakan peserta mereka yang lain. Peserta didapati menggunakan *Google Drive* untuk menyimpan maklumat untuk tujuan perbincangan. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian berkongsi imej, video, grafik, dokumen dan carta tentang jenayah jalanan di dalam *Google Drive* sebagai panduan di dalam perbincangan di dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta didapati masih menggunakan video yang dimuat turun daripada *Schoology* sebagai panduan untuk perbincangan sesi interaksi bersemuka. Peserta juga didapati berkompromi dan bertolak ansur ketika aktiviti menyusun idea tentang jenayah jalanan (sebab, punca dan akibat) dengan menggunakan aplikasi *Prezi* dilaksanakan. Amalan berkompromi dan bertolak ansur menjadikan sesi pembentangan peserta dengan menggunakan perisian *Prezi* dilaksanakan dengan berkesan. Peserta didapati telah mempersembahkan hasil perbincangan mereka (interaksi bersemuka) dengan baik.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)



Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), pemerhatian penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Peserta kajian didapati menggunakan bahan-bahan media seperti imej, grafik, carta, dokumen dan video untuk melakukan perbincangan. Peserta masih menggunakan platform *Schoology* untuk *retrieve* semula bahan-bahan yang telah dimuat naik di dalam *Schoology*. Peserta juga menggunakan fungsi *Schoology* untuk *connect* dan berkomunikasi secara maya dengan individu lain (isu LGBT). Pemerhatian penyelidik mendapati Keratan akhbar bertajuk ‘LGBT bencana kepada sistem keluarga’ telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa penggunaan *Schoology* telah dapat menyebar-luas perbincangan mereka tentang isu LGBT dengan komuniti maya. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta berupaya berkompromi dan bertolak ansur ketika sesi perbincangan dengan komuniti maya dalam platform *Schoology* walaupun terdapat idea dan pandangan yang dianggap berat sebelah. Peserta juga telah berkongsi bahan-bahan digital dengan komuniti pembelajaran.

#### **4.7.4 Berketerampilan Dalam Menyelesaikan Konflik Moral**

Hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta mempamerkan sikap berketerampilan dalam menyelesaikan konflik moral ketika terlibat dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta mempamerkan



sikap berketerampilan ketika mencari bahan mengikut kesesuaian tema moral. Peserta kajian juga didapati mempamerkan sikap berketerampilan dalam menyelesaikan konflik moral ketika menganalisis klip video yang ditonton. Peserta didapati menunjukkan sikap kesukaan mereka terhadap klip video yang diberikan kepada mereka.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga mempamerkan sikap berketerampilan dalam menyelesaikan konflik moral ketika terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini (Gelung Pertama). Peserta berupaya mempamerkan sikap berketerampilan ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik menunjukkan peserta mempamerkan sikap berketerampilan ketika mengemukakan pendapat. Peserta juga mempamerkan sikap berketerampilan ketika mencari jalan penyelesaian terhadap isu moral dengan yakin dan bijak. Peserta kajian dapat menggunakan bahasa dan gaya yang menarik ketika berbincang di dalam kumpulan masing-masing apabila berhadapan dengan tugas yang diberikan. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta berlumba-lumba untuk mengemukakan pendapat dan berupaya mencorakkan perbincangan yang menarik. Peserta juga menggerakkan perbincangan yang melibatkan peserta lain ketika pengalaman suka-duka mereka ketika berhadapan dengan isu buli fizikal sekolah dibincangkan secara panjang lebar. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta berupaya mengolah hujah secara spontan dengan menggunakan telefon pintar dan *Ipad* mereka. Peserta kemudian bertindak berkongsi idea tersebut dengan rakan yang lain dan mengolah berdasarkan pengalaman mereka sendiri. Para peserta mempamerkan sikap



berketerampilan dan menunjukkan tingkah laku yang mesra ketika berhadapan dengan arahan yang diberikan oleh ketua kumpulan.

(IPGKP/propemer/Gel1/Hazwani/25.7.2017)

Selain itu, hasil pemerhatian dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian mempamerkan sikap berketerampilan ketika berinteraksi dengan rakan lain di dalam sesi talian *Schoolology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta dapat mempamerkan sikap berketerampilan dengan peserta lain yang membincangkan idea yang rencam berkaitan dengan tema di dalam talian *Schoolology*. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati bahawa interaksi secara fizikal dengan rakan tidak berlaku sebaliknya interaksi di dalam *Schoolology* yang lebih *private* dengan rakan mereka yang lain digunakan untuk melibatkan diri di dalam memberi dan menerima

idea.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Di dalam pemerhatian Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta dapat mempamerkan sikap berketerampilan apabila isu moral tentang tema penganiayaan terhadap manusia diberikan. Peserta kajian telah menonton klip video tersebut dengan *rewind* dan *forward* bagi membolehkan mereka memahami dan mengingat peristiwa di dalam klip video tersebut. Aktiviti tontonan klip video yang telah dilaksanakan menyebabkan peserta mengambil inisiatif untuk meneroka sumber lain seperti klip video, keratan akhbar dan gambar di dalam Internet. Peserta didapati mempamerkan sikap berketerampilan apabila mendapat arahan tertentu daripada penyelidik. Peserta juga kelihatan dapat memberi dan menerima idea peserta lain tentang punca dan kesan buli berdasarkan klip video ‘Buli fizikal dalam kelas’.



Perbincangan peserta juga melibatkan usik mengusik dan gelak tawa tetapi masih menjurus kepada perkara utama yakni perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia. Mereka telah menunjukkan kesukaan ketika perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia mencapai kata sepakat. Ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di luar bilik darjah, peserta telah mengambil inisiatif dengan berbincang dengan rakan mereka yang lain untuk mendapatkan idea dan pandangan. Amalan moral mereka tidak terhad ketika melaksanakan tugas di dalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah.

Selain itu, hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang amalan moral peserta yakni sikap berketerampilan. Peserta kajian dapat mempamerkan sikap berketerampilan dengan memberi dan menerima idea apabila isu jenayah jalanan yang memaparkan klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran) diutarakan. Ketika klip video tentang isu jenayah jalanan dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran), peserta telah mempamerkan sikap berketerampilan dengan mengagihkan tugas secara sistematik untuk mencari bahan-bahan dan media-media lain seperti keratan akhbar, gambar, dokumen dan klip video daripada Internet. Peserta kajian bukan sahaja menonton klip video tersebut secara berulang kali tetapi juga membuat catatan di dalam *note pad* mereka. Peserta kajian dapat mempamerkan sikap berketerampilan dalam cara pertuturan dan perbualan ketika menerima arahan yang diberikan oleh penyelidik.



Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian mempamerkan sikap berketerampilan terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT)* sebagai isu penting di dalam masyarakat (Gelung Kedua- sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta mempamerkan sikap berketerampilan apabila berjaya menunjukkan kekuatan berhujah menerusi aktiviti *hot seats*. Menurut rakan kolaborasi penyelidik, peserta kajian *hot seats* mempamerkan sikap berketerampilan yang padu dengan memberi peluang kepada peserta lain untuk memberi pendapat apabila pertindihan pendapat berlaku. Pada masa yang sama peserta kajian juga memastikan rakan peserta yang lain mendapat peluang sama rata apabila sesi soal-jawab dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati aktiviti *hot seats* membantu mereka untuk mencari seberapa banyak maklumat menerusi Internet bagi membolehkan mereka menjawab soalan. Ketika melakonkan *hot seats*, jelas peserta mempamerkan sikap berketerampilan apabila melakukan aktiviti mengumpul pelbagai maklumat yang tentang isu berkaitan tema LGBT dengan pantas. Rakan kolaborasi penyelidik berpandangan bahawa penerokaan sendiri peserta tentang video ‘*Pretty Boy Award Winning Short Film*’ membolehkan sesi *hot seats* dilaksanakan di dalam suasana yang harmoni.

(IPGKP/Baarath/propemer/gelu2/23.9.2017)

Hasil pemerhatian di dalam Gelung Kedua ini menunjukkan peserta mempamerkan sikap berketerampilan ketika meneroka pelbagai maklumat di dalam aktiviti yang dikendalikan. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka dapat cepat dan teliti ketika mengumpul pelbagai jenis maklumat media (imej, gambar, keratan akhbar) sebagai persediaan awal sebelum mereka berbincang di dalam interaksi bersemuka.



Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian mempamerkan sikap berketerampilan ketika aktiviti mencari pelbagai maklumat tentang isu jenayah siber dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta mempamerkan sikap berketerampilan dengan mengikuti arahan yang diberikan oleh penyelidik dengan tekun untuk memanfaatkan fungsi di dalam *Schoology* yakni *School Educators* untuk mendapatkan maklumat tentang jenayah siber. Peserta kajian juga dapat berinteraksi dengan komuniti pembelajaran di dalam platform *Schoology*. Peserta juga didapati mempamerkan sikap berketerampilan ketika berinteraksi dengan pengguna *Schoology* yang lain untuk bertukar-tukar pandangan tentang isu jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta kajian telah mempamerkan sikap berketerampilan dengan memanfaatkan perbincangan di dalam *Schoology* tentang isu moral. Peserta juga telah mempamerkan sikap berketerampilan dengan berkongsi sumber-sumber digital dengan pengguna *Schoology* yang lain.

Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta mempamerkan sikap berketerampilan apabila peserta terlibat dengan aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang 'Anda berjaya menang' (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka). Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) menunjukkan bahawa peserta kajian mempamerkan sikap berketerampilan ketika tugas diberikan kepada mereka. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati cara meneroka maklumat yang aktif di dalam sesi interaksi bersemuka berkaitan dengan tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian dapat mempamerkan sikap berketerampilan. Peserta juga telah mempamerkan sikap berketerampilan ketika



mempersalahkan tugas mereka menerusi pembentangan menggunakan aplikasi *Prezi* (tema jenayah siber).

(IPGKS/ Amin/propemer/gelu1/19.9.2017)

Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan amalan moral yang ditunjukkan oleh peserta. Aktiviti pencarian maklumat dan penerokaan menerusi enjin pencari *Google* terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu mempamerkan sikap berketerampilan (sesi interaksi bersemuka).

Catatan pemerhatian penyelidik dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran-menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta mempamerkan sikap berketerampilan ketika arahan diberikan untuk menonton klip video dan penggunaan perpustakaan digital untuk mendapatkan maklumat dilaksanakan. Peserta kajian dapat mencari maklumat dan bahan media lain menerusi enjin pencari *Google* terhadap isu buli siber (sesi pra pengajaran). Peserta kajian mempamerkan sikap berketerampilan apabila arahan diberikan kepada mereka untuk mengakses maklumat dengan menggunakan *Google*. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian mempamerkan sikap berketerampilan terhadap arahan yang diberi dalam masa yang diberikan. Hasil pemerhatian juga menunjukkan mereka bersedia untuk berbincang dan mencari idea-idea baharu menerusi Internet dan berbincang dengan rakan-rakan yang lain. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mempamerkan sikap berketerampilan apabila tugas diberikan.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)





Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) juga mendapati peserta mampu mempamerkan sikap berketerampilan ketika memberi dan menerima idea di dalam sesi talian *Schoology*. Penyelidik juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa peserta mempamerkan sikap berketerampilan apabila mereka memuat naik hasil kerja mereka (gambar dan keratan akhbar) tentang isu buli ke dalam platform *Schoology*. Penyelidik berpendapat penerokaan peserta terhadap isu buli siber memberi peluang kepada mereka untuk mencari sendiri bahan-bahan dan menilai kesesuaian bahan untuk dibincangkan di dalam sesi interaksi bersemuka. Penyelidik berpendapat peserta kajian menganggap penyelidik sebagai moderator di dalam pembelajaran secara talian *Schoology*. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam perbincangan isu buli juga mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, amalan moral individu bergantung pada keupayaan mereka untuk mempamerkan sikap berketerampilan di dalam melaksanakan tugas yang diberi.

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, pemerhatian penyelidik dalam klip video bertajuk 'Samun di stesen petrol', peserta mempamerkan sikap berketerampilan kerana peserta menghormati dan menerima idea serta pandangan yang diberikan oleh rakan peserta mereka yang lain. Peserta didapati menggunakan *Google Drive* untuk menyimpan maklumat untuk tujuan perbincangan. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian berkongsi imej, video, grafik, dokumen dan carta tentang jenayah jalanan di dalam *Google Drive* sebagai



panduan di dalam perbincangan di dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta didapati masih menggunakan video yang dimuat turun daripada *Schoology* sebagai panduan untuk perbincangan sesi interaksi bersemuka. Peserta juga didapati mempamerkan sikap berketerampilan ketika aktiviti menyusun idea tentang jenayah jalanan (sebab, punca dan akibat) dengan menggunakan aplikasi *Prezi*. Sifat berketerampilan yang dimiliki menjadikan sesi pembentangan peserta dengan menggunakan perisian *Prezi* dilaksanakan dengan berkesan. Peserta didapati telah mempersembahkan hasil perbincangan mereka (interaksi bersemuka) dengan baik.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), pemerhatian penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Peserta kajian didapati menggunakan bahan-bahan media seperti imej, grafik, carta, dokumen dan video untuk melakukan perbincangan. Peserta masih menggunakan platform *Schoology* untuk *retrieve* semula bahan-bahan yang telah dimuat naik di dalam *Schoology*. Peserta juga menggunakan fungsi *Schoology* untuk *connect* dan berkomunikasi secara maya dengan individu lain (isu LGBT). Pemerhatian penyelidik mendapati Keratan akhbar bertajuk 'LGBT bencana kepada sistem keluarga' telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa penggunaan *Schoology* telah dapat menyebar-luas perbincangan mereka tentang isu LGBT dengan komuniti maya. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta mempamerkan sikap berketerampilan ketika sesi perbincangan dengan komuniti maya dalam platform *Schoology* walaupun terdapat idea dan pandangan yang bercanggah.

Penyelidik juga berpendapat peserta berkongsi bahan-bahan digital dengan komuniti pembelajaran agar perbincangan menjadi lebih menarik.

#### 4.7.5 Bersikap Berani

Hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta berani melaksanakan aktiviti ketika terlibat dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta berani untuk meneroka bahan mengikut kesesuaian peranti yang ada pada peserta. Peserta kajian juga didapati berani ketika meneliti klip video yang sesuai. Peserta didapati saling memaparkan sikap bertenaga ketika diberikan tugas oleh penyelidik.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga berani berhadapan dengan pendapat yang disuarakan oleh peserta yang lain ketika terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini (Gelung Pertama). Peserta mempamerkan sikap berani ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik menunjukkan sikap peserta yang berani ketika berhadapan dengan perbezaan pendapat. Peserta juga berani mempertahankan idea ketika mencari jalan penyelesaian terhadap isu moral. Peserta kajian dapat berani memberi pendapat sebaliknya berani menerima pendapat dan buah fikiran yang dikemukakan oleh peserta lain di dalam kumpulan masing-masing. Penyelidik telah memberikan kebebasan

kepada ahli kumpulan untuk membentuk kumpulan masing-masing. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta berani untuk menjana idea dan menggerakkan perbincangan. Peserta juga berani mendengar pendapat yang dikemukakan oleh peserta lain ketika pengalaman suka-duka mereka ketika berhadapan dengan isu buli fizikal sekolah diluahkan. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta berani menggunakan telefon pintar dan *I pad* untuk mendapatkan idea secara spontan, tanpa perlu diarah. Peserta kemudian bertindak berani dengan berkongsi idea tersebut dengan peserta lain yang juga jelas mahu menerima pendapat yang diutarakan. Para peserta menunjukkan sikap berani dengan mematuhi arahan yang diberikan oleh ketua kumpulan.

(IPGKP/propemer/Gel1/Hazwani/25.7.2017)

Selain itu, hasil pemerhatian dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian berani ketika berinteraksi dengan rakan lain di dalam sesi talian *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta berani mengemukakan idea tentang kesesuaian klip video berkaitan dengan tema di dalam talian *Schoology*. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati bahawa interaksi secara fizikal dengan rakan tidak berlaku sebaliknya interaksi di dalam *Schoology* yang lebih *private* dengan rakan mereka yang lain digunakan untuk melibatkan diri di dalam memberi dan menerima idea.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)



Di dalam pemerhatian Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta berani apabila isu moral tentang tema penganiayaan terhadap manusia diberikan. Peserta kajian telah menonton klip video tersebut secara berulang kali bagi membolehkan mereka memahami dan mengingat peristiwa di dalam klip video tersebut. Aktiviti tontonan klip video yang telah dilaksanakan menyebabkan peserta berani untuk meneroka sumber lain seperti klip video, keratan akhbar dan gambar di dalam Internet. Peserta didapati berani untuk menerima arahan lanjut daripada penyelidik. Peserta juga berani memberi dan menerima idea peserta lain tentang punca dan kesan buli berdasarkan klip video 'Buli fizikal dalam kelas'. Perbincangan peserta juga melibatkan usik mengusik dan gelak tawa tetapi masih menjurus kepada perkara utama yakni perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta berani mewajarkan pendapat ketika perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia mencapai kata sepakat. Ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di luar bilik darjah, peserta telah mengambil inisiatif dengan berbincang dengan rakan mereka yang lain untuk mendapatkan idea dan pandangan. Amalan moral mereka tidak terhad ketika melaksanakan tugas di dalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah.

Selain itu, hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang amalan moral peserta yakni berani. Peserta kajian berani dengan memberi dan menerima idea apabila isu jenayah jalanan yang memaparkan klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran) diutarakan. Ketika klip video tentang isu jenayah jalanan dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran), peserta berani dengan mengagihkan tugas kepada peserta lain untuk mencari bahan-bahan dan media-media





lain seperti keratan akhbar, gambar, dokumen dan klip video daripada Internet. Peserta kajian bukan sahaja menonton klip video tersebut secara berulang kali tetapi juga membuat catatan di dalam *note pad* mereka. Peserta kajian berani mengemukakan pendapat secara berhemah serta dapat mengelakkan perkelahian dengan ‘gah berhujah walau bercanggah pendapat’.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menunjukkan sikap berani terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu penting di dalam masyarakat (Gelung Kedua- sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta berani mengemukakan pendapat di dalam perbincangan aktiviti *hot seats*. Menurut rakan kolaborasi penyelidik, peserta kajian ‘*hot seats*’ menunjukkan sikap berani dengan memberi peluang kepada peserta lain untuk memberi pendapat walaupun isu yang berlaku adalah ‘panas dan jarang dibincangkan’. Pada masa yang sama peserta kajian juga berani mempertahankan pendapat rakan peserta yang mengemukakan hujah yang berbeza. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati aktiviti *hot seats* membantu mereka untuk mencari seberapa banyak maklumat menerusi Internet bagi membolehkan mereka menjawab soalan. Ketika melakonkan *hot seats*, jelas peserta mempamerkan sikap berani dengan meneroka aktiviti mengumpul pelbagai maklumat yang tentang isu berkaitan tema LGBT dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik berpandangan bahawa penerokaan sendiri peserta tentang video ‘*Pretty Boy Award Winning Short Film*’ membolehkan sesi *hot seats* dilaksanakan di dalam suasana yang harmoni.

(IPGKP/Baarath/propemer/gelu2/23.9.2017)



Hasil pemerhatian di dalam Gelung Kedua ini menunjukkan peserta dapat menunjukkan sikap berani ketika meneroka pelbagai maklumat di dalam aktiviti yang dikendalikan. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka dapat mengumpul pelbagai jenis maklumat media (imej, gambar, keratan akhbar) sebagai persediaan awal sebelum mereka berbincang di dalam interaksi bersemuka.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian mempamerkan sikap berani ketika aktiviti mencari pelbagai maklumat tentang isu jenayah siber dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta berani bersuara terhadap arahan yang diberikan oleh penyelidik untuk memanfaatkan fungsi di dalam *Schoology* yakni *School Educators* untuk mendapatkan maklumat tentang jenayah siber. Peserta kajian juga dapat berinteraksi dengan komuniti pembelajaran di dalam platform *Schoology*. Peserta juga berani ketika berinteraksi dengan pengguna *Schoology* yang lain untuk bertukar-tukar pandangan tentang isu jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta kajian telah mempamerkan sikap berani dengan berhujah secara terbuka dan berselindung di dalam *Schoology* tentang isu moral. Peserta juga mempamerkan sikap berani dengan berkongsi sumber-sumber digital dengan pengguna *Schoology* yang lain tanpa prejudis.

Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta menunjukkan sikap berani apabila peserta terlibat dengan aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang 'Anda berjaya menang' (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka). Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian menunjukkan sikap berani menyahut cabaran ketika tugas diberikan



kepada mereka. Kesiediaan peserta ketika meneroka maklumat di dalam sesi interaksi bersemuka berkaitan dengan tema jenayah siber tanpa mengira masa menjadi bukti bahawa peserta kajian mempunyai sikap berani terhadap tugas yang diberikan. Peserta juga telah menunjukkan sikap berani ketika mempersembahkan tugas mereka menerusi pembentangan menggunakan aplikasi *Prezi* (tema jenayah siber). Rakan kolaborasi penyelidik menyatakan bahawa peserta kajian tidak gentar apabila soalan demi soalan diajukan oleh rakan peserta yang lain.

(IPGKS/ Amin/propemer/gelu1/19.9.2017)

Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan amalan moral yang ditunjukkan oleh peserta. Aktiviti pencarian maklumat dan penerokaan menerusi enjin pencari *Google* terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu menunjukkan sikap berani terhadap tugas yang diberikan (sesi interaksi bersemuka).

Catatan pemerhatian penyelidik dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran-menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta menunjukkan sikap berani ketika arahan diberikan untuk menonton klip video dan menggunakan perpustakaan digital untuk mendapatkan maklumat. Peserta kajian bukan sahaja mencari maklumat dan bahan media lain menerusi enjin pencari *Google* terhadap isu buli siber tetapi berupaya untuk bertanya soalan agar hasil carian menepati kehendak tugas (sesi pra pengajaran). Peserta kajian menunjukkan sikap berani menentang cabaran apabila arahan diberikan kepada mereka untuk mengakses maklumat dengan menggunakan *Google*.







Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian menunjukkan sikap berani terhadap arahan yang diberi dalam masa yang diberikan. Hasil pemerhatian juga menunjukkan mereka bersedia untuk berbincang dan mencari idea-idea baharu menerusi Internet dan berbincang dengan rakan-rakan yang lain. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian menunjukkan sikap berani untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) juga mendapati peserta menunjukkan sikap berani ketika memberi dan menerima idea di dalam sesi talian *Schoology*. Penyelidik juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa peserta menunjukkan sikap berani apabila mereka memuat naik hasil kerja mereka (gambar dan keratan akhbar) tentang isu buli ke dalam platform *Schoology*. Penyelidik berpendapat penerokaan peserta terhadap isu buli siber memberi peluang tanpa had kepada mereka untuk mencari sendiri bahan-bahan dan menilai kesesuaian bahan untuk dibincangkan di dalam sesi interaksi bersemuka. Penyelidik berpendapat peserta kajian menganggap penyelidik sebagai moderator di dalam pembelajaran secara talian *Schoology*. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam perbincangan isu buli juga mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, amalan moral individu bergantung pada keupayaan mereka menunjukkan sikap berani di dalam melaksanakan tugas yang diberi.





Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, pemerhatian penyelidik dalam klip video bertajuk ‘Samun di stesen petrol’, peserta menunjukkan sikap berani kerana peserta ‘tidak kisah’ idea serta pandangan yang diberikan oleh rakan peserta mereka yang lain. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian berkongsi imej, video, grafik, dokumen dan carta tentang jenayah jalanan di dalam *Google Drive* sebagai panduan di dalam perbincangan di dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta didapati masih menggunakan video yang dimuat turun daripada *Schoology* sebagai panduan untuk perbincangan sesi interaksi bersemuka. Peserta juga didapati menunjukkan sikap berani ketika aktiviti menyusun idea tentang jenayah jalanan (sebab, punca dan akibat) dengan menggunakan aplikasi *Prezi* dilaksanakan. Amalan berani menjadikan sesi pembentangan peserta dengan menggunakan perisian *Prezi* dilaksanakan dengan berkesan. Peserta didapati telah mempersembahkan hasil perbincangan mereka (interaksi bersemuka) dengan yakin.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), pemerhatian penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Peserta kajian didapati menggunakan bahan-bahan media seperti imej, grafik, carta, dokumen dan video untuk melakukan perbincangan. Peserta masih menggunakan platform *Schoology* untuk *retrieve* semula bahan-bahan yang telah dimuat naik di dalam *Schoology*. Peserta juga menggunakan fungsi *Schoology* untuk *connect* dan berkomunikasi secara maya dengan individu lain (isu LGBT). Pemerhatian penyelidik mendapati Keratan akhbar bertajuk ‘LGBT bencana kepada sistem keluarga’ telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan





aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa penggunaan *Schoology* telah dapat menyebar-luas perbincangan mereka tentang isu LGBT dengan komuniti maya. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta menunjukkan sikap berani ketika sesi perbincangan dengan komuniti maya dalam platform *Schoology* walaupun terdapat idea dan pandangan yang dianggap jengkel. Peserta juga menunjukkan sikap berani dengan berkongsi bahan-bahan digital dengan komuniti pembelajaran.

#### 4.7.6 Menunjukkan Sikap Berdikari

Hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta menunjukkan sikap berdikari ketika terlibat dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta menunjukkan sikap berdikari untuk meneroka bahan mengikut kesesuaian peranti yang ada pada peserta. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian menunjukkan sikap berdikari ketika meneliti klip video yang sesuai. Peserta didapati saling memaparkan sikap tidak bergantung pada bantuan orang lain ketika diberikan tugas oleh penyelidik.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)





Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga menunjukkan sikap berdikari ketika terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini (Gelung Pertama). Peserta menunjukkan sikap berdikari ketika terlibat di dalam pertukaran pendapat dalam perbincangan isu dan situasi moral. Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik menunjukkan sikap peserta yang berdikari ketika mencari jalan penyelesaian isu moral. Peserta menunjukkan sikap berdikari mempertahankan idea ketika mencari jalan penyelesaian terhadap isu moral. Peserta kajian bukan sahaja mempamerkan sikap berdikari sebaliknya cuba untuk mencari jalan penyelesaian terhadap konflik moral yang dipaparkan. Penyelidik telah memberikan kebebasan kepada ahli kumpulan untuk membentuk kumpulan masing-masing. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta menunjukkan sikap berdikari untuk menjana idea dan menggerakkan perbincangan. Peserta juga menunjukkan sikap berdikari ketika mencadangkan jalan penyelesaian terhadap peserta lain menyuarakan pengalaman suka-duka terhadap isu buli fizikal sekolah. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta menunjukkan sikap berdikari dengan menggunakan telefon pintar dan *I pad* untuk mendapatkan idea secara spontan, tanpa perlu diarah. Para peserta menunjukkan sikap berdikari dengan cuba mencari jalan penyelesaian terhadap konflik moral yang berlaku.

(IPGKP/propemer/Gel1/Hazwani/25.7.2017)

Selain itu, hasil pemerhatian dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian menunjukkan sikap berdikari berinteraksi dengan rakan lain di dalam sesi talian *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta menunjukkan sikap berdikari ketika mengemukakan idea tentang kesesuaian klip video berkaitan dengan tema di dalam talian *Schoology*. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati





bahawa kebebasan mengetengahkan fikiran digunakan oleh peserta untuk berinteraksi secara bebas dengan rakan peserta yang lain di dalam aktiviti talian *Schoology*.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Di dalam pemerhatian Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta menunjukkan sikap berdikari apabila isu moral tentang tema penganiayaan terhadap manusia diberikan. Peserta kajian telah menonton klip video tersebut secara berulang kali bagi membolehkan mereka memahami dan mengingati peristiwa di dalam klip video tersebut. Aktiviti tontonan klip video yang telah dilaksanakan menyebabkan peserta tidak bergantung pada orang lain untuk meneroka sumber lain seperti klip video, keratan akhbar dan gambar di dalam Internet. Setelah menonton klip video 'Buli fizikal dalam kelas', rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta tidak perlu diarah untuk melaksanakan tugas seterusnya sebaliknya mereka bergantung pada peranti mereka untuk meneroka video tambahan daripada YouTube. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta menunjukkan sikap berdikari ketika mencari jalan penyelesaian yang padu di dalam perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia. Ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di luar bilik darjah, peserta menunjukkan sikap berdikari dengan berbincang dengan rakan mereka yang lain untuk mendapatkan idea dan pandangan. Amalan moral mereka tidak terhad ketika melaksanakan tugas di dalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah.





Selain itu, hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang amalan moral peserta yakni menunjukkan sikap berdikari. Peserta kajian menunjukkan sikap berdikari mencari jalan penyelesaian yang praktikal apabila isu jenayah jalanan yang memaparkan klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Ketika klip video tentang isu jenayah jalanan dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran), peserta menunjukkan sikap berdikari melaksanakan sendiri tugas mencari bahan-bahan dan media-media lain seperti keratan akhbar, gambar, dokumen dan klip video daripada Internet. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta kajian bukan sahaja menonton klip video tersebut secara berulang kali tetapi juga membuat catatan di dalam *note pad* mereka. Peserta kajian menunjukkan sikap berdikari dengan belajar sendiri aplikasi mencatat nota di dalam *I pad*.



Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menunjukkan sikap berdikari terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu penting di dalam masyarakat (Gelung Kedua- sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta menunjukkan sikap berdikari di dalam perbincangan aktiviti *hot seats*. Menurut rakan kolaborasi penyelidik, peserta kajian '*hot seats*' menunjukkan sikap berdikari dengan mencari jalan penyelesaian yang wajar walaupun isu yang berlaku tidak selalu dibincangkan secara terbuka. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati aktiviti *hot seats* membantu peserta untuk mencari seberapa banyak maklumat menerusi Internet bagi membolehkan mereka menjawab soalan. Ketika terlibat di dalam aktiviti *hot seats*, jelas peserta menunjukkan sikap berdikari dengan meneroka sendiri pelbagai maklumat yang tentang isu berkaitan tema LGBT dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik berpandangan bahawa penerokaan sendiri



peserta tentang video ‘*Pretty Boy Award Winning Short Film*’ membolehkan sesi *hot seats* dilaksanakan di dalam suasana yang harmoni.

(IPGKP/Baarath/propemer/gelu2/23.9.2017)

Hasil pemerhatian di dalam Gelung Kedua ini menunjukkan peserta mempunyai sikap berdikari ketika meneroka pelbagai maklumat di dalam aktiviti yang dikendalikan. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka berupaya mengumpul pelbagai jenis maklumat media (imej, gambar, keratan akhbar) sebagai persediaan awal sebelum mereka berbincang di dalam interaksi bersemuka.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian menunjukkan sikap berdikari ketika aktiviti mencari pelbagai maklumat tentang isu jenayah siber dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta tidak bergantung pada orang lain untuk bertindak terhadap arahan yang diberikan oleh penyelidik untuk memanfaatkan fungsi di dalam *Schoology* yakni *School Educators* untuk mendapatkan maklumat tentang jenayah siber. Peserta kajian juga dapat berinteraksi dengan komuniti pembelajaran di dalam platform *Schoology*. Peserta juga berdikari ketika terlibat di dalam aktiviti talian *Schoology* tentang isu jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta kajian telah mempamerkan sikap berdikari dengan ‘bekerja sendiri’ di dalam aktiviti talian *Schoology* tentang isu moral. Peserta juga mempamerkan sikap berdikari dengan mencari sendiri serta berkongsi sumber-sumber digital dengan pengguna *Schoology* yang lain.

Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta berdikari apabila peserta terlibat dengan aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Anda berjaya menang’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka). Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian menunjukkan sikap berdikari apabila memuat turun aplikasi *QR Code* dan melaksanakan aktiviti mengimbas. Kesediaan peserta ketika meneroka maklumat di dalam sesi interaksi bersemuka berkaitan dengan tema jenayah siber tanpa mengira masa menjadi bukti bahawa peserta kajian mempunyai sikap berdikari terhadap tugas yang diberikan. Peserta juga telah mempamerkan sikap berdikari ketika mempersembahkan tugas mereka menerusi pembentangan menggunakan aplikasi *Prezi* (tema jenayah siber). Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta telah mencari sendiri aplikasi *Prezi* di dalam *Google Store*, memuat turun dan menggunakannya untuk ‘menjadikan pembentangan mereka menarik’. Rakan kolaborasi penyelidik menyatakan bahawa keupayaan penyelidik melakukan tugas pentadbiran seperti mencari, memuat turun dan menggunakan aplikasi memudahkan tugas pengajaran.

(IPGKS/ Amin/propemer/gelu1/19.9.2017)

Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan amalan moral yang ditunjukkan oleh peserta. Aktiviti pencarian maklumat dan penerokaan menerusi enjin pencari *Google* terhadap tema jenayah siber mendapati peserta menunjukkan sikap berdikari terhadap tugas yang diberikan (sesi interaksi bersemuka).





Catatan pemerhatian penyelidik dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran- menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta menunjukkan sikap berdikari ketika aktiviti menonton klip video dan menggunakan perpustakaan digital untuk mendapatkan maklumat dilaksanakan. Peserta kajian mempamerkan sikap berdikari dengan mencari maklumat dan bahan media lain menerusi enjin pencari *Google* terhadap isu buli siber (sesi pra pengajaran). Peserta kajian menunjukkan sikap berdikari dengan mengakses sendiri maklumat dengan menggunakan telefon pintar dan *Ipad*. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian menunjukkan sikap berdikari apabila arahan tentang tugas diberikan oleh penyelidik. Hasil pemerhatian juga menunjukkan mereka menunjukkan sikap berdikari dengan berbincang dan mencari idea-idea baharu menerusi Internet. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian mempunyai sikap berdikari untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) juga mendapati peserta menunjukkan sikap berdikari ketika terlibat di dalam sesi talian *Schoology*. Penyelidik juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa peserta menunjukkan sikap berdikari apabila mereka memuat naik hasil kerja mereka (gambar, keratan akhbar dan klip video) tentang isu buli ke dalam platform *Schoology*. Penyelidik berpendapat penerokaan peserta terhadap isu buli siber memberi peluang tanpa had kepada mereka untuk mencari sendiri bahan-bahan dan menilai kesesuaian bahan untuk dibincangkan di dalam sesi interaksi bersemuka. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam perbincangan isu buli juga mendapati



peserta menunjukkan sikap berdikari dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, amalan moral individu bergantung pada keupayaan mereka menunjukkan sikap berdikari di dalam melaksanakan tugas yang diberi.

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, pemerhatian penyelidik dalam klip video bertajuk ‘Samun di stesen petrol’, peserta menunjukkan sikap berdikari apabila peserta mencari maklumat tambahan secara sendiri untuk menyokong hujah peranan masyarakat. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian menunjukkan sikap berdikari dengan menggunakan imej, video, grafik, dokumen dan carta tentang jenayah jalanan di dalam sesi interaksi bersemuka untuk menggerakkan perbincangan. Peserta didapati masih menggunakan video yang dimuat turun daripada *Schoology* sebagai panduan untuk perbincangan sesi interaksi bersemuka. Peserta juga didapati menunjukkan sikap berdikari ketika aktiviti menyusun idea tentang jenayah jalanan (sebab, punca dan akibat) dengan menggunakan aplikasi *Prezi* dilaksanakan. Amalan berdikari peserta menjadikan sesi pembentangan peserta dengan menggunakan perisian *Prezi* dapat dilaksanakan dengan berkesan. Peserta didapati telah mempersembahkan hasil perbincangan mereka (interaksi bersemuka) dengan mantap.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), pemerhatian penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Peserta kajian didapati menggunakan bahan-bahan media seperti imej, grafik, carta, dokumen dan video untuk melakukan perbincangan. Peserta masih menggunakan platform *Schoology* untuk *retrieve* semula bahan-bahan yang telah dimuat naik di dalam *Schoology*. Peserta juga menggunakan fungsi *Schoology* untuk *connect* dan berkomunikasi secara maya dengan individu lain (isu LGBT). Pemerhatian penyelidik mendapati Keratan akhbar bertajuk ‘LGBT bencana kepada sistem keluarga’ telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa penggunaan *Schoology* telah dapat menyebar-luas perbincangan mereka tentang isu LGBT dengan komuniti maya. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta menunjukkan sikap berdikari ketika sesi perbincangan dengan komuniti maya dalam platform *Schoology* walaupun terdapat idea dan pandangan yang berbeza. Peserta juga menunjukkan sikap berdikari dengan tidak mengharapkan peserta lain untuk memberikan bahan pembelajaran kepada mereka.

#### 4.7.7 Saling Tolong Menolong

Hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta saling tolong menolong ketika terlibat dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema

penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta saling tolong menolong berkongsi bahan yang telah diperoleh menerusi peranti yang ada pada peserta. Peserta kajian juga didapati saling tolong menolong ketika mencari bahan tambahan seperti keratan akhbar dan gambar daripada Internet. Peserta didapati saling tolong menolong ketika diberikan tugas oleh penyelidik.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga saling tolong menolong mengiakan atau menidakkan pendapat yang disuarakan oleh peserta yang lain ketika terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini (Gelung Pertama).

Peserta mempamerkan saling tolong menolong ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik menunjukkan sikap peserta yang saling tolong menolong ketika rakan peserta tidak dapat meneruskan hujah. Peserta juga saling tolong menolong dengan membantu mencari idea ketika jalan penyelesaian terhadap isu moral dicari. Peserta kajian dapat saling tolong menolong memberi pendapat dan buah fikiran yang dikemukakan oleh peserta lain di dalam kumpulan masing-masing. Penyelidik telah memberikan kebebasan kepada ahli kumpulan untuk membentuk kumpulan masing-masing. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta saling tolong menolong untuk menjana idea dan menggerakkan perbincangan. Peserta juga saling tolong-menolong mengukuhkan pendapat yang dikemukakan oleh peserta lain ketika sesi perbincangan. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta saling tolong menolong menggunakan telefon pintar dan *I pad* untuk meneroka maklumat daripada Internet. Peserta kemudian saling tolong menolong

dengan berkongsi idea tersebut dengan peserta lain yang juga jelas mahu menerima pendapat yang diutarakan. Para peserta menunjukkan saling tolong menolong dengan memberi penjelasan tambahan sekiranya ada rakan mereka yang gagal menyempurnakan hujah.

(IPGKP/propemer/Gel1/Hazwani/25.7.2017)

Selain itu, hasil pemerhatian dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian saling tolong menolong ketika berinteraksi dengan rakan lain di dalam sesi talian *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta saling tolong menolong mengemukakan idea tentang kesesuaian klip video berkaitan dengan tema di dalam talian *Schoology*. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta mahu saling tolong-menolong berkongsi klip video yang dicari di dalam Internet dengan rakan mereka yang lain agar perbincangan di dalam sesi interaksi bersemuka lebih bermakna.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Di dalam pemerhatian Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta saling tolong menolong apabila isu moral tentang tema penganiayaan terhadap manusia diberikan. Peserta kajian telah menonton klip video tersebut secara berulang kali bagi membolehkan mereka memahami dan mengingati peristiwa di dalam klip video tersebut. Aktiviti tontonan klip video yang telah dilaksanakan menyebabkan peserta saling tolong menolong untuk meneroka sumber lain seperti klip video, keratan akhbar dan gambar di dalam Internet. Peserta didapati saling tolong menolong untuk memastikan rakan peserta yang lain faham akan arahan yang diberikan oleh penyelidik. Peserta juga saling tolong-menolong dengan berkongsi idea peserta mereka tentang punca dan kesan buli berdasarkan klip video 'Buli fizikal



dalam kelas'. Perbincangan peserta juga melibatkan usik mengusik dan gelak tawa tetapi masih menjurus kepada perkara utama yakni perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta saling tolong menolong menghulurkan pendapat ketika perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia agar kata sepakat dicapai. Ketika mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan perbincangan di luar bilik darjah, peserta telah mengambil inisiatif dengan berbincang dengan rakan mereka yang lain untuk mendapatkan idea dan pandangan. Amalan moral mereka tidak terhad ketika melaksanakan tugas di dalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah.

Selain itu, hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik di dalam Gelung



Kedua mengukuhkan lagi tema tentang amalan moral peserta yakni saling tolong menolong. Peserta kajian saling tolong menolong dengan memberi dan menerima idea apabila isu jenayah jalanan yang memaparkan klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran) diutarakan. Ketika klip video tentang isu jenayah jalanan dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran), peserta saling tolong menolong dengan memastikan tugas yang diberikan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Peserta saling tolong menolong menilai bahan-bahan dan media-media lain seperti keratan akhbar, gambar, dokumen dan klip video yang dimuat turun daripada Internet. Peserta kajian bukan sahaja menonton klip video tersebut secara berulang kali tetapi juga membuat catatan di dalam *note pad* mereka. Peserta kajian saling tolong menolong dengan membantu memperkukuhkan pendapat yang dikemukakan oleh rakan peserta lain.



Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menunjukkan sikap saling tolong menolong terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu penting di dalam masyarakat (Gelung Kedua- sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta saling tolong menolong memperkukuhkan pendapat di dalam perbincangan aktiviti *hot seats*. Menurut rakan kolaborasi penyelidik, peserta kajian '*hot seats*' menunjukkan sikap saling tolong menolong dengan memberi peluang kepada peserta lain untuk memberi pendapat walaupun isu yang berlaku adalah sensitif. Pada masa yang sama peserta kajian juga saling tolong menolong mempertahankan pendapat rakan peserta yang mengemukakan hujah yang berbeza. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati aktiviti *hot seats* membantu peserta untuk menonjolkan sikap saling tolong menolong dengan membantu rakan peserta untuk membekalkan maklumat bagi membolehkan mereka menjawab soalan. Ketika melakonkan *hot seats*, jelas peserta mempamerkan saling tolong menolong membekalkan pelbagai maklumat yang tentang isu berkaitan tema LGBT agar sesi soal jawab berjalan dengan lancar. Rakan kolaborasi penyelidik berpandangan bahawa penerokaan sendiri peserta tentang video '*Pretty Boy Award Winning Short Film*' membolehkan sesi *hot seats* dilaksanakan di dalam suasana yang harmoni.

(IPGKP/Baarath/propemer/gelu2/23.9.2017)

Hasil pemerhatian di dalam Gelung Kedua ini menunjukkan peserta dapat menunjukkan saling tolong menolong ketika meneroka pelbagai maklumat di dalam aktiviti yang dikendalikan. Rakan kolaborasi penyelidik menyatakan peserta kajian pada peringkat ini (Gelung Kedua) pertolongan yang diberikan oleh setiap peserta membolehkan mereka berkongsi pelbagai jenis maklumat media (imej, gambar, keratan



akhbar) sebagai persediaan awal sebelum mereka berbincang di dalam interaksi bersemuka.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian mempamerkan sikap saling tolong menolong ketika aktiviti mencari pelbagai maklumat tentang isu jenayah siber dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta saling tolong menolong membantu rakan peserta lain memahami arahan yang diberikan oleh penyelidik untuk memanfaatkan fungsi di dalam *Schoology* yakni *School Educators* untuk mendapatkan maklumat tentang jenayah siber. Peserta kajian juga saling tolong menolong ketika interaksi dengan komuniti pembelajaran di dalam platform *Schoology* dilaksanakan. Peserta juga saling tolong menolong ketika berinteraksi dengan pengguna *Schoology* yang lain dengan bertukar-tukar pandangan tentang isu jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta kajian telah mempamerkan sikap saling tolong menolong dengan membantu memperkukuhkan hujah di dalam *Schoology* tentang isu moral. Peserta juga mempamerkan sikap saling tolong menolong dengan berkongsi sumber-sumber digital dengan pengguna *Schoology* yang lain.

Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta menunjukkan sikap saling tolong menolong apabila peserta terlibat dengan aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Anda berjaya menang’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka). Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian menunjukkan sikap saling tolong-menolong ketika





melaksanakan tugas. Pertolongan yang diberikan oleh peserta ketika meneroka maklumat di dalam sesi interaksi bersemuka berkaitan dengan tema jenayah siber tanpa mengira masa menjadi bukti bahawa peserta kajian mempunyai sikap saling tolong menolong terhadap tugas yang diberikan. Peserta juga telah menunjukkan sikap saling tolong menolong ketika mempersembahkan tugas mereka menerusi pembentangan menggunakan aplikasi *Prezi* (tema jenayah siber). Rakan kolaborasi penyelidik menyatakan bahawa peserta kajian saling tolong-menolong menghasilkan slaid powerpoint dengan menggunakan perisian *Prezi*.

(IPGKS/ Amin/propemer/gelu1/19.9.2017)

Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan amalan moral yang ditunjukkan oleh peserta. Aktiviti pencarian maklumat dan penerokaan menerusi enjin pencari *Google* terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu menunjukkan sikap saling tolong menolong terhadap tugas yang diberikan (sesi interaksi bersemuka).

Catatan pemerhatian penyelidik dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran-menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta menunjukkan sikap saling tolong menolong ketika arahan untuk menonton klip video diberikan. Rakan kolaborasi penyelidik juga berpendapat peserta saling tolong menolong dengan berkongsi kata pengguna dan kata laluan ketika menggunakan perpustakaan digital. Peserta kajian bukan sahaja berkongsi maklumat dan bahan media lain menerusi enjin pencari *Google* terhadap isu buli siber tetapi membantu mengetengahkan soalan yang relevan agar hasil perbincangan memenuhi kehendak tugas (sesi pra pengajaran). Peserta kajian



menunjukkan sikap saling tolong-menolong untuk mengakses maklumat dengan menggunakan *Google*. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian menunjukkan sikap saling tolong menolong rakan peserta yang kurang memahami arahan melaksanakan tugas. Hasil pemerhatian juga menunjukkan mereka bersedia untuk berbincang dan mencari idea-idea baharu menerusi Internet dan berbincang dengan rakan-rakan yang lain. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian menunjukkan sikap saling tolong menolong untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) juga mendapati peserta menunjukkan sikap saling tolong menolong ketika memberikan respons di dalam sesi talian *Schoology*. Penyelidik juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa peserta menunjukkan sikap saling tolong menolong ketika mereka memuat naik hasil kerja mereka (gambar dan keratan akhbar) tentang isu buli ke dalam platform *Schoology*. Penyelidik berpendapat penerokaan peserta terhadap isu buli siber memberi peluang tanpa had kepada mereka untuk mencari sendiri bahan-bahan dan menilai kesesuaian bahan untuk dibincangkan di dalam sesi interaksi bersemuka. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam perbincangan isu buli juga mendapati mereka menunjukkan kesungguhan dengan memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, amalan moral individu bergantung pada keupayaan mereka menunjukkan sikap saling tolong menolong di dalam melaksanakan tugas yang diberi.



Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, pemerhatian penyelidik dalam klip video bertajuk ‘Samun di stesen petrol’, peserta menunjukkan sikap saling tolong menolong kerana ada kalangan peserta yang kurang mahir untuk menterjemahkan idea. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian berkongsi imej, video, grafik, dokumen dan carta tentang jenayah jalanan di dalam *Google Drive* sebagai panduan di dalam perbincangan di dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta didapati masih menggunakan video yang dimuat turun daripada *Schoology* sebagai panduan untuk perbincangan sesi interaksi bersemuka. Peserta juga didapati menunjukkan sikap saling tolong menolong ketika aktiviti menyusun idea tentang jenayah jalanan (sebab, punca dan akibat) dengan menggunakan aplikasi *Prezi* dilaksanakan. Amalan saling tolong menolong menjadikan sesi pembentangan peserta dengan menggunakan perisian *Prezi* dilaksanakan dengan berkesan. Peserta didapati telah mempersembahkan hasil perbincangan mereka (interaksi bersemuka) dengan baik.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), pemerhatian penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Peserta kajian didapati berkongsi bahan-bahan media seperti imej, grafik, carta, dokumen dan video untuk melakukan perbincangan. Peserta masih menggunakan platform *Schoology* untuk *retrieve* semula bahan-bahan yang telah dimuat naik di dalam *Schoology*. Peserta juga menggunakan fungsi *Schoology* untuk *connect* dan berkomunikasi secara maya dengan individu lain (isu LGBT). Pemerhatian penyelidik mendapati keratan akhbar bertajuk ‘LGBT bencana

kepada sistem keluarga' telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa penggunaan *Schoology* telah dapat menyebar-luas perbincangan mereka tentang isu LGBT dengan komuniti maya. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta menunjukkan sikap saling tolong menolong ketika sesi perbincangan dengan komuniti maya dalam platform *Schoology* memandangkan ada kalangan ahli komuniti maya yang bertugas sebagai pendidik. Peserta juga menunjukkan sikap saling tolong menolong dengan berkongsi bahan-bahan digital dengan komuniti pembelajaran.

#### 4.7.8 Menepati Masa

Hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Pertama (aktiviti pra-pengajaran) menunjukkan peserta menepati masa ketika melaksanakan aktiviti ketika terlibat dalam aktiviti pra-pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca-pengajaran. Dalam aktiviti pra-pengajaran, rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta telah menepati masa apabila mereka terlibat di dalam sesi talian *Schoology* berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta menepati masa apabila tugas meneroka bahan dengan menggunakan Internet diberikan kepada peserta. Peserta kajian juga didapati menepati masa apabila arahan had masa untuk menonton klip video diberikan. Peserta didapati memaparkan sikap menepati masa ketika diberikan tugas oleh penyelidik.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)



Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga menepati masa ketika terlibat di dalam perbincangan tingkah laku yang tidak bermoral ini (Gelung Pertama). Peserta mempamerkan sikap menepati masa ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik menunjukkan sikap peserta yang menepati masa ketika terlibat di dalam isu yang panjang lebar. Peserta juga menepati masa dengan apabila penyelidik memberikan had masa untuk mengemukakan jalan penyelesaian terhadap isu moral. Peserta kajian dapat menepati masa apabila berjaya mengupas persoalan di dalam jangka masa yang ditetapkan. Rakan kolaborasi penyelidik menyatakan bahawa aktiviti kumpulan dapat dijalankan dengan lancar dan teratur apabila peserta menepati masa ketika diberikan tugas. Penyelidik telah memberikan kebebasan kepada ahli kumpulan untuk membentuk kumpulan masing-masing. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta menepati masa ketika aktiviti menjana idea dan perbincangan dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta menepati masa apabila telefon pintar dan Internet ketika aktiviti mencari bahan di dalam Internet dilaksanakan. Para peserta menunjukkan sikap menepati masa dengan ada arahan yang diberikan oleh penyelidik atau ketua peserta di dalam aktiviti perbincangan.

(IPGKP/propemer/Gel1/Hazwani/25.7.2017)

Selain itu, hasil pemerhatian dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian menepati masa ketika sesi talian *Schoology* (aktiviti pra pengajaran) dilaksanakan. Peserta menetapkan masa untuk menonton klip video berkaitan dengan tema di dalam talian *Schoology*. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati bahawa interaksi secara fizikal yang terbatas dengan rakan peserta



menyebabkan peserta dapat menepati masa ketika berhadapan dengan aktiviti secara talian.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Di dalam pemerhatian Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta menepati masa apabila terlibat di dalam perbincangan isu moral tentang tema penganiayaan terhadap manusia dilaksanakan. Peserta kajian telah menonton klip video tersebut secara berulang kali bagi membolehkan mereka memahami dan mengingati peristiwa di dalam klip video tersebut. Aktiviti tontonan klip video yang telah dilaksanakan menyebabkan peserta menepati masa agar mereka mempunyai masa yang cukup untuk meneroka sumber lain daripada Internet. Peserta didapati menepati masa ketika penyelidik menetapkan had masa untuk menyempurnakan tugas. Rakan kolaborasi penyelidik menjelaskan ketika peserta menonton klip video 'Buli fizikal dalam kelas', peserta menepati masa dengan menetapkan masa untuk menonton klip video. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta menepati masa ketika perbincangan tema penganiayaan terhadap manusia.

Selain itu, hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang amalan moral peserta yakni menepati masa. Peserta kajian menepati masa apabila menyusun idea apabila isu jenayah jalanan yang memaparkan klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran) dibincangkan. Ketika klip video tentang isu jenayah jalanan dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran), peserta menepati masa ketika agihan tugas kepada peserta lain untuk mencari bahan-bahan dan media-media lain



(seperti keratan akhbar, gambar, dokumen dan klip video daripada Internet) dilaksanakan. Peserta kajian juga menepati masa dengan membuat wajaran masa yang sesuai untuk menonton klip video tersebut dan membuat penyusunan idea di dalam *note pad* mereka.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menunjukkan sikap menepati masa terhadap perbincangan isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT)* sebagai isu penting di dalam masyarakat (Gelung Kedua- sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta menepati masa ketika mengemukakan pendapat di dalam perbincangan aktiviti *hot seats*. Menurut rakan kolaborasi penyelidik, peserta kajian '*hot seats*' menunjukkan sikap menepati masa apabila aktiviti pengajaran mikro dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati aktiviti *hot seats* membantu mereka untuk menepati masa kerana peserta perlu 'mencari seberapa banyak maklumat menerusi Internet bagi membolehkan mereka menjawab soalan'. Ketika mengendalikan aktiviti *hot seats*, jelas peserta mempamerkan sikap menepati masa dengan menetapkan masa untuk meneroka aktiviti mengumpul pelbagai maklumat yang tentang isu berkaitan tema LGBT. Rakan kolaborasi penyelidik berpandangan bahawa penerokaan sendiri peserta tentang video '*Pretty Boy Award Winning Short Film*' membolehkan sesi *hot seats* dilaksanakan dalam waktu yang ditetapkan.

(IPGKP/Baarath/propemer/gelu2/23.9.2017)



Hasil pemerhatian di dalam Gelung Kedua ini menunjukkan peserta dapat menunjukkan sikap menepati masa ketika meneroka pelbagai maklumat di dalam aktiviti yang dikendalikan. Peserta kajian menyatakan pada peringkat ini (Gelung Kedua) mereka dapat mengumpul pelbagai jenis maklumat media (imej, gambar, keratan akhbar) dalam tempoh masa yang ditetapkan sebagai persediaan awal sebelum mereka berbincang di dalam interaksi bersemuka.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian mempamerkan sikap menepati masa ketika aktiviti mencari pelbagai maklumat tentang isu jenayah siber dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta menepati masa apabila arahan diberikan oleh penyelidik untuk menggunakan fungsi *Schoology*. Peserta kajian juga menepati masa ketika berinteraksi dengan komuniti pembelajaran di dalam platform *Schoology*. Peserta juga menepati masa ketika interaksi dengan pengguna *Schoology* yang lain tentang isu jenayah siber berlangsung. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta kajian telah mempamerkan sikap menepati masa dengan menetapkan masa di dalam *Schoology* agar tidak mengganggu masa perbincangan.

Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta menunjukkan sikap menepati masa apabila peserta terlibat dengan aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Anda berjaya menang’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka). Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian menunjukkan sikap menepati masa ketika tugas





diberikan kepada mereka. Rakan kolaborasi penyelidik menjelaskan kesediaan peserta menepati masa ketika aktiviti forum dilaksanakan di dalam sesi interaksi bersemuka berkaitan dengan tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian mempunyai menepati masa terhadap tugas yang diberikan. Peserta juga telah menunjukkan sikap menepati masa ketika mempersembahkan tugas mereka menerusi pembentangan yang mengikut had masa yang ditetapkan (tema jenayah siber). Rakan kolaborasi penyelidik menyatakan bahawa peserta kajian mementingkan sikap menepati masa kerana ‘masa itu emas’.

(IPGKS/ Amin/propemer/gelu1/19.9.2017)

Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan amalan moral yang ditunjukkan oleh peserta. Aktiviti pencarian maklumat, penerokaan menerusi enjin pencari *Google* dan sesi forum terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu menunjukkan sikap menepati masa terhadap tugas yang diberikan (sesi interaksi bersemuka).

Catatan pemerhatian penyelidik dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran-menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta menunjukkan sikap menepati masa ketika menerima arahan daripada penyelidik untuk meneroka maklumat. Peserta kajian bukan sahaja mencari maklumat dan bahan media lain menerusi enjin pencari *Google* terhadap isu buli siber tetapi berupaya untuk bertanya soalan agar hasil carian menepati kehendak tugas (sesi pra pengajaran). Peserta kajian menunjukkan sikap menepati masa apabila mereka diberikan tugas mengakses maklumat dengan





menggunakan *Google*. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian menunjukkan sikap menepati masa di dalam melaksanakan tugas berdasarkan had masa yang diberikan. Hasil pemerhatian juga menunjukkan mereka menggunakan masa secara berhemah untuk berbincang dan mencari idea-idea baharu menerusi Internet. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian menunjukkan sikap menepati masa untuk memastikan tugas yang diberi dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) juga mendapati peserta menunjukkan sikap menepati masa ketika terlibat di dalam sesi talian *Schoology*. Penyelidik juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa peserta menunjukkan sikap menepati masa apabila mereka memuat naik hasil kerja mereka (gambar dan keratan akhbar) tentang isu buli ke dalam platform *Schoology*. Penyelidik berpendapat hasil perbincangan seperti peta i think dan lembaran kerja dimuat naik ke dalam platform *Schoology* sebaik sahaja arahan diberikan kepada peserta (sesi interaksi bersemuka). Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam perbincangan isu buli juga mendapati mereka menunjukkan mereka menepati masa dengan memberikan cadangan dengan cepat dan pantas menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, amalan moral individu bergantung pada keupayaan mereka menunjukkan sikap menepati masa di dalam melaksanakan tugas yang diberi.



Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, pemerhatian penyelidik dalam klip video bertajuk ‘Samun di stesen petrol’, peserta menunjukkan sikap menepati masa kerana melaksanakan tugas yang diberi tanpa lengah. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian berkongsi imej, video, grafik, dokumen dan carta tentang jenayah jalanan di dalam *Google Drive* sebagai panduan di dalam perbincangan di dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta didapati menunjukkan sikap menepati masa ketika aktiviti menyusun idea tentang jenayah jalanan (sebab, punca dan akibat) dengan menggunakan aplikasi *Prezi* dilaksanakan. Amalan menepati masa menjadikan sesi pembentangan peserta dengan menggunakan perisian *Prezi* dilaksanakan dengan lancar. Peserta didapati telah mempersembahkan hasil perbincangan mereka (interaksi bersemuka) dengan sistematik.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), pemerhatian penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Peserta kajian didapati menggunakan bahan-bahan media seperti imej, grafik, carta, dokumen dan video untuk melakukan perbincangan. Peserta masih menggunakan platform *Schoology* untuk *retrieve* semula bahan-bahan yang telah dimuat naik di dalam *Schoology*. Peserta juga menggunakan fungsi *Schoology* untuk *connect* dan berkomunikasi secara maya dengan individu lain (isu LGBT). Pemerhatian penyelidik mendapati Keratan akhbar bertajuk ‘LGBT bencana kepada sistem keluarga’ telah digunakan untuk mencetuskan perbincangan aktiviti *hot seats*. Peserta kajian memberi pengakuan (interaksi bersemuka) bahawa



penggunaan *Schoology* telah dapat menyebar-luas perbincangan mereka tentang isu LGBT dengan komuniti maya. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta menunjukkan sikap menepati masa ketika sesi perbincangan dengan komuniti maya dalam platform *Schoology* walaupun kesuntukan masa. Peserta juga menunjukkan sikap menepati masa dengan berkongsi bahan-bahan digital dengan komuniti pembelajaran pada masa yang ditetapkan.

#### 4.7.9 Berbudi Pekerti Mulia

Hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta berbudi pekerti mulia ketika terlibat dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, peserta menunjukkan budi pekerti, tingkah laku dan berbudi bahasa kepada penyelidik dan rakan kolaborasi. Hasil kajian menunjukkan peserta berbudi pekerti mulia ketika berinteraksi dengan ahli kumpulan mereka. Peserta didapati saling memaparkan sikap berbudi pekerti mulia dengan mengucapkan “terima kasih” kepada penyelidik dan rakan kolaborasi setiap kali sesi aktiviti dijalankan. Peserta lelaki juga bersalam dan mencium tangan penyelidik dan rakan kolaborasi (lelaki) setiap kali berjumpa dan tamat sesi interaksi. Kemesraan di antara penyelidik dan peserta juga dilihat dengan aksi melambai tangan oleh murid-murid perempuan diiringi dengan kata-kata “*bye-bye sir*” atau “*jumpa lagi sir*”.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)



Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga menunjukkan bahasa yang sopan ketika melayan pendapat yang diutarakan oleh rakan peserta lain (Gelung Pertama). Peserta mengucapkan “selamat pagi” dan “terima kasih” ketika terlibat di dalam perbincangan isu dan situasi moral. Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik menunjukkan peserta bangun untuk mengucapkan salam sebelum kelas dan selepas kelas. Peserta juga berani mempertahankan menggunakan bahasa yang sopan ketika mencari jalan penyelesaian terhadap isu moral. Peserta kajian menggunakan kata-kata “ya saya tahu..tetapi dalam konteks..” atau “bagus pendapat itu tetapi” ketika menyatakan pendapat yang berbeza terhadap isu moral. Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta tidak mencabar pengalaman suka-duka yang diceritakan oleh rakan peserta. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta tidak bermasam muka ketika rakan peserta mahu meminjamkan telefon pintar atau *IPad* untuk melakukan pencarian maklumat. Peserta menggunakan bahasa yang lemah lembut di dalam sepanjang perbincangan berlangsung. Para peserta juga rendah diri mematuhi arahan yang diberikan oleh ketua kumpulan ketika aktiviti kumpulan dilaksanakan.

(IPGKP/propemer/Gel1/Hazwani/25.7.2017)

Selain itu, hasil pemerhatian dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta menunjukkan sikap berbudi pekerti mulia ketika sesi terlibat di dalam sesi talian *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta membantu rakan-rakan yang tidak mahir menggunakan platform *Schoology*. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati bahawa peserta yang mahir membantu rakan peserta yang tidak dapat memuat naik video atau gambar di dalam *Schoology*.



(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Di dalam pemerhatian Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), rakan kolaboratif penyelidik mendapati peserta menunjukkan sikap berbudi pekerti mulia apabila terlibat di dalam perbincangan isu moral tentang tema penganiayaan terhadap manusia. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta cuba membantu dan menolong rakan peserta untuk mengetengahkan hujah utama di dalam tema penganiayaan terhadap manusia. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati rakan peserta menunjukkan budi pekerti mulia dengan membantu rakan peserta lain mencari laman web yang sesuai untuk mendapatkan klip video, keratan akhbar dan gambar yang sesuai tentang tema. Peserta didapati rendah diri ketika menerima arahan lanjut daripada penyelidik. Peserta juga rendah diri ketika menerima idea peserta lain tentang punca dan kesan buli berdasarkan klip video 'Buli fizikal dalam kelas'. Sikap peserta yang suka meminta maaf kepada penyelidik dan rakan kolaborasi apabila mereka merasakan tidak akur kepada arahan yang diberikan oleh penyelidik. Ketua kumpulan juga didapati berusaha untuk menjaga nama baik kumpulan dan memastikan ahli kumpulan bersopan santun ketika perbincangan berlangsung.

Selain itu, hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang amalan moral peserta yakni berbudi pekerti mulia. Peserta kajian bersopan santun ketika memberi dan menerima idea apabila isu jenayah jalanan yang memaparkan klip video yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran) diutarakan. Rakan kolaborasi penyelidik menjelaskan peserta menggunakan perkataan "terima kasih", "maklum" atau "baik"





ketika perbincangan di dalam platform *Schoology*. Ketika klip video tentang isu jenayah jalanan dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran), peserta saling tolong-menolong dengan peserta lain untuk mencari bahan-bahan dan media-media lain seperti keratan akhbar, gambar, dokumen dan klip video daripada Internet. Peserta kajian menggunakan bahasa yang sopan ketika mengemukakan pendapat secara berhemah serta dapat mengelakkan penggunaan perkataan yang membangga diri sendiri.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menunjukkan sikap berbudi pekerti mulia terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu penting di dalam masyarakat (Gelung Kedua- sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta menggunakan bahasa yang santun ketika mengemukakan pendapat di dalam perbincangan aktiviti *hot seats*. Menurut rakan kolaborasi penyelidik, peserta kajian '*hot seats*' menunjukkan sikap berbudi pekerti mulia dan tidak merendahkan golongan LGBT walaupun peserta berhujah dari perspektif agama. Peserta juga telah bersikap merendah diri dengan memberi peluang kepada peserta lain untuk memberi pendapat. Pada masa yang sama peserta kajian juga mesra ketika ada rakan peserta yang mengemukakan hujah yang berbeza. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati aktiviti *hot seats* membantu peserta untuk menonjolkan budi pekerti mulia seperti merendah diri dan menggunakan bahasa yang sopan. Ketika melakonan *hot seats*, jelas peserta merendah diri dengan mengucapkan kata-kata seperti "Kita perlu pertimbangkan nasib mereka juga" atau "Kita kena terima juga pendapat mereka" tentang isu berkaitan tema LGBT dibincangkan.

(IPGKP/Baarath/propemer/gelu2/23.9.2017)





Hasil pemerhatian di dalam Gelung Kedua ini menunjukkan peserta dapat menunjukkan sikap berbudi pekerti mulia ketika terlibat dalam aktiviti yang dikendalikan. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta pada peringkat ini (Gelung Kedua) menonjolkan sikap berbudi pekerti mulia dan menjaga air muka rakan peserta yang lain agar pendapat mereka turut dihargai.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian berbudi pekerti mulia ketika aktiviti tentang isu jenayah siber dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta rendah diri terhadap arahan yang diberikan oleh penyelidik untuk meneroka isu tentang jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta menggunakan perkataan “Baik Encik”, “Bole Encik” atau “Kami cuba Encik” terhadap arahan penyelidik. Peserta kajian juga dapat menggunakan bahasa yang sopan ketika berinteraksi dengan komuniti pembelajaran di dalam platform *Schoology*. Peserta juga menggunakan bahasa yang sopan ketika berinteraksi dengan pengguna *Schoology* yang lain tentang isu jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta kajian telah menggunakan bahasa yang sopan ketika berhujah tentang isu moral di dalam *Schoology*. Peserta juga mempamerkan tolong menolong dengan berkongsi sumber-sumber digital dengan pengguna *Schoology* yang lain.

Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta menunjukkan sikap berbudi pekerti mulia apabila peserta terlibat dengan aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang ‘Anda berjaya menang’ (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka). Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi







bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian tidak bermasam muka apabila penyelidik memberikan arahan untuk memuat turun aplikasi *QR Code* dan mengimbas aktiviti yang berkaitan dengan menggunakan imbasan QR Code. Kesediaan peserta ketika meneroka maklumat di dalam sesi interaksi bersemuka berkaitan dengan tema jenayah siber menjadi bukti bahawa peserta kajian berbudi pekerti mulia terhadap tugas yang diberikan. Peserta juga telah menunjukkan rasa rendah diri ketika mempersembahkan tugas mereka menerusi pembentangan menggunakan aplikasi *Prezi* (tema jenayah siber). Rakan kolaborasi penyelidik menyatakan bahawa peserta kajian tidak membangga diri dengan gaya pembentangan mereka sebaliknya merendah diri. Penggunaan kata seperti “Baik Encik”, “Kami akan cuba perbaiki Encik” dan “Harap maklumat pembentangan tadi membantu” jelas menunjukkan peserta rendah diri terhadap diri mereka.



Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan amalan moral yang ditunjukkan oleh peserta. Aktiviti pencarian maklumat dan penerokaan menerusi enjin pencari *Google* terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu menunjukkan amalan berbudi pekerti mulia ketika aktiviti dilaksanakan (sesi interaksi bersemuka).

Catatan pemerhatian penyelidik dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran-menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta menunjukkan amalan bersopan santun ketika penyelidik memberikan arahan untuk menonton klip video dan menggunakan perpustakaan digital. Peserta kajian menggunakan bahasa yang sopan





seperti “terima kasih Encik”, “Baiklah Encik” dan “Kami akan cuba yang terbaik” (sesi pra pengajaran). Peserta kajian menggunakan bahasa yang sopan apabila arahan diberikan kepada mereka untuk mengakses maklumat dengan menggunakan Internet. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian mempunyai sikap tolong-menolong antara satu sama lain apabila tugas meneroka maklumat diberikan. Hasil pemerhatian juga menunjukkan tolong-menolong antara satu sama lain ketika berbincang dan mencari idea-idea baharu menerusi Internet. Pemerhati juga yakin bahawa peserta kajian menunjukkan sikap tolong menolong untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Catatan pemerhatian oleh penyelidik di dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran- menonton klip video) dan perbincangan secara talian *Schoology* (interaksi bersemuka) juga mendapati peserta menunjukkan amalan berbudi pekerti mulia ketika menggunakan platform *Schoology*. Penyelidik juga berkongsi pandangan (interaksi bersemuka) bahawa peserta menunjukkan sikap tolong menolong apabila mereka memuat naik hasil kerja mereka (gambar dan keratan akhbar) tentang isu buli ke dalam platform *Schoology*. Penyelidik berpendapat di dalam sesi interaksi bersemuka peserta mempamerkan sikap tolong-menolong ahli kumpulan yang tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh penyelidik. Pemerhatian terhadap peserta kajian dalam perbincangan isu buli juga mendapati menggunakan bahasa yang sopan ketika memberikan cadangan menerusi platform secara talian *Schoology*, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Ternyata, amalan moral individu bergantung pada keupayaan mereka menunjukkan sikap berbudi pekerti mulia di dalam melaksanakan tugas yang diberi.





Di dalam melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, pemerhatian penyelidik dalam klip video bertajuk ‘Samun di stesen petrol’, peserta menunjukkan berbudi pekerti mulia kerana peserta tidak bermasam muka apabila diberikan sesuatu aktiviti. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian tidak keberatan untuk berkongsi imej, video, grafik, dokumen dan carta tentang jenayah jalanan di dalam *Google Drive* sebagai untuk dijadikan panduan di dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta juga didapati berbudi bahasa ketika aktiviti menyusun idea tentang jenayah jalanan (sebab, punca dan akibat) dilaksanakan. Penyelidik mendapati ucapan “terima kasih”, “Maafkan saya Encik” menjadikan suasana pengajaran lebih harmoni.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)



Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), pemerhatian penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Peserta kajian didapati saling tolong menolong ketika menggunakan bahan-bahan media seperti imej, grafik, carta, dokumen dan video untuk melakukan perbincangan. Peserta masih tolong-menolong ketika memuat turun atau memuat naik bahan-bahan ke dalam platform *Schoology*. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta menunjukkan amalan berbudi pekerti mulia ketika sesi perbincangan dengan komuniti maya dalam platform *Schoology*. Peserta juga menunjukkan sikap tolong menolong dengan berkongsi bahan-bahan digital dengan komuniti pembelajaran.





#### 4.7.10 Rajin Berusaha

Hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Pertama (aktiviti pra pengajaran) menunjukkan peserta rajin berusaha melaksanakan aktiviti ketika terlibat dalam aktiviti pra pengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Dalam aktiviti pra pengajaran, penyelidik telah memuat naik beberapa klip video berkaitan tema penganiayaan yang berlaku di sekolah, dalam alam siber dan alam pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan peserta rajin berusaha mencari koleksi video yang sesuai dengan tema yang dibincangkan. Peserta kajian juga didapati rajin berusaha meneliti klip video yang sesuai. Peserta didapati rajin berusaha mencari bahan yang relevan dengan tema setiap kali klip video ditonton.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)



Dalam aktiviti interaksi bersemuka, peserta juga rajin mengambil bahagian di dalam perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka (Gelung Pertama). Peserta mempamerkan sikap rajin dengan mengangkat tangan ketika perbincangan isu dan situasi moral dilaksanakan. Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik menunjukkan sikap peserta yang rajin berusaha mengetengahkan pandangan. Peserta juga rajin berusaha ketika mencari maklumat untuk jalan penyelesaian terhadap isu moral. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian menunjukkan sikap dedikasi dengan mengambil bahagian tanpa jemu di dalam sesi perbincangan.

(IPGKP/propemer/Gel1/Hazwani/25.7.2017)





Selain itu, hasil pemerhatian dalam Gelung Pertama terhadap isu buli fizikal juga menunjukkan peserta kajian rajin berusaha melibatkan diri dalam sesi talian *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Peserta rajin memberikan komen berkaitan dengan tema di dalam talian *Schoology*. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati bahawa peserta rajin memberikan komen dan maklum balas terhadap idea rakan peserta dalam sesi talian *Schoology*.

(IPGKP/propemer/Gel1/Elora/25.7.2017)

Di dalam pemerhatian Gelung Pertama (menonton klip video dan perbincangan), peserta rajin berusaha menonton klip video tersebut secara berulang kali bagi membolehkan mereka memahami dan mengingat peristiwa di dalam klip video tersebut. Peserta juga rajin meneroka sumber lain seperti klip video, keratan akhbar dan gambar di dalam Internet. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta rajin berusaha mengakses bahan daripada sumber seperti YouTube untuk tema penganiayaan terhadap manusia. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat rajin berusaha mengemukakan cadangan menerusi platform *Schoology* dan mengambil bahagian di dalam perbincangan dengan rakan mereka yang lain untuk mendapatkan idea dan pandangan. Amalan moral mereka tidak terhad ketika melaksanakan tugas di dalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah.

Selain itu, hasil pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik di dalam Gelung Kedua mengukuhkan lagi tema tentang amalan moral peserta yakni rajin berusaha. Peserta kajian rajin berusaha mengakses maklumat yang telah dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran). Ketika klip video tentang isu jenayah





jalan dimuat naik ke dalam platform *Schoology* (aktiviti pra pengajaran), peserta rajin berusaha melakukan pengagihan tugas untuk mencari bahan-bahan dan media-media lain seperti keratan akhbar, gambar, dokumen dan klip video daripada Internet. Peserta kajian juga rajin berusaha menonton klip video tersebut secara berulang kali dan membuat catatan di dalam *note pad* mereka. Peserta kajian rajin mengemukakan pendapat di dalam sesi interaksi dengan mengambil bahagian mengemukakan pandangan tanpa jemu.

Di dalam aktiviti *hot seats*, peserta kajian dapat menunjukkan sikap rajin berusaha terhadap isu *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT) sebagai isu penting di dalam masyarakat (Gelung Kedua- sesi interaksi bersemuka). Dalam sesi interaksi bersemuka, peserta rajin mengemukakan pendapat di dalam perbincangan aktiviti *hot seats*. Menurut rakan kolaborasi penyelidik, peserta kajian '*hot seats*' menunjukkan sikap rajin berusaha dengan memberi pendapat. Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta mempunyai sikap rajin berusaha untuk meneroka pelbagai maklumat tentang isu berkaitan tema LGBT. Rakan kolaborasi penyelidik berpandangan bahawa sikap rajin berusaha peserta berjaya menemukan klip video yang menarik untuk dibincangkan di dalam kelas iaitu '*Pretty Boy Award Winning Short Film*'.

(IPGKP/Baarath/propemer/gelu2/23.9.2017)

Hasil pemerhatian di dalam Gelung Kedua ini menunjukkan peserta dapat menunjukkan sikap rajin berusaha ketika meneroka pelbagai maklumat di dalam aktiviti yang dikendalikan. Rakan kolaboratif penyelidik mendapati sikap rajin berusaha peserta kajian pada peringkat ini (Gelung Kedua) menyebabkan mereka berjaya mengumpul



pelbagai jenis maklumat media (imej, gambar, keratan akhbar) sebagai persediaan awal sebelum mereka berbincang di dalam interaksi bersemuka.

Ketika menonton klip video dalam platform *Schoology* (Gelung Ketiga- aktiviti pra pengajaran) untuk tema jenayah siber, rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta kajian mempamerkan sikap rajin berusaha ketika aktiviti mencari pelbagai maklumat tentang isu jenayah siber dilaksanakan. Rakan kolaborasi penyelidik mendapati peserta rajin berusaha meneroka pelbagai fungsi di dalam *Schoology* seperti *School Educators*, *Attendance*, *Gradebook* dan *Badges* untuk ketika mengambil bahagian dalam jenayah siber. Peserta kajian juga rajin berusaha berinteraksi dengan komuniti pembelajaran di dalam platform *Schoology*. Peserta juga rajin berusaha bertukar-tukar pandangan dengan pengguna *Schoology* tentang isu jenayah siber. Rakan kolaborasi penyelidik berpendapat peserta kajian telah mempamerkan sikap rajin berusaha dengan mengakses bahan dan berkongsi sumber-sumber digital dengan pengguna *Schoology*.

Rakan kolaborasi penyelidik juga mendapati peserta menunjukkan sikap rajin berusaha apabila peserta terlibat dengan aktiviti *QR Code* dan lembaran kerja tentang 'Anda berjaya menang' (Gelung Ketiga- interaksi bersemuka). Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga (sesi interaksi bersemuka) juga menunjukkan bahawa peserta kajian menunjukkan sikap rajin berusaha menyempurnakan tugas yang diberikan. Rakan kolaboratif penyelidik mendapati peserta juga telah menunjukkan sikap rajin berusaha ketika membentang tugas di dalam interaksi bersemuka (tema jenayah siber).

(IPGKS/ Amin/propemer/gelu1/19.9.2017)



Pemerhatian rakan kolaborasi penyelidik dalam Gelung Ketiga ini memperlihatkan amalan moral yang ditunjukkan oleh peserta. Aktiviti pencarian maklumat dan penerokaan menerusi enjin pencari *Google* terhadap tema jenayah siber mendapati peserta mampu menunjukkan sikap rajin berusaha terhadap tugas yang diberikan (sesi interaksi bersemuka).

Catatan pemerhatian penyelidik dalam Gelung Pertama (sesi pra pengajaran-menonton klip video dan sesi perbincangan dalam interaksi bersemuka) untuk tema penganiayaan terhadap manusia menunjukkan peserta menunjukkan sikap rajin berusaha ketika menonton klip video. Penyelidik juga mendapati peserta rajin berusaha menggunakan perpustakaan digital untuk mendapatkan maklumat. Peserta kajian juga rajin berusaha mencari maklumat dan bahan media lain menerusi enjin pencari *Google* (sesi pra pengajaran). Peserta kajian menunjukkan sikap rajin berusaha mengakses maklumat dengan menggunakan *Google* dan *Google Chrome*. Pemerhatian penyelidik mendapati rajin berusaha dalam aktiviti perbincangan dan mencari idea-idea baharu menerusi Internet. Pemerhatian penyelidik juga mendapati bahawa peserta kajian menunjukkan sikap rajin berusaha untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

(IPGKS/Pemer/Gel1/Tamil/14.7.2017)

Di dalam aktiviti menonton video (aktiviti pra pengajaran) dan melaksanakan perbincangan (interaksi bersemuka) untuk tema keprihatinan masyarakat di dalam Gelung Kedua, pemerhatian penyelidik dalam klip video bertajuk ‘Samun di stesen petrol’, peserta menunjukkan sikap rajin berusaha meneroka maklumat daripada Internet. Pemerhatian penyelidik juga mendapati peserta kajian rajin berusaha





berkongsi imej, video, grafik, dokumen dan carta tentang jenayah jalanan di dalam *Google Drive* sebagai panduan di dalam perbincangan di dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta juga didapati menunjukkan sikap rajin berusaha memuat turun aplikasi *Prezi* agar mereka dapat melakukan aktiviti menyusun idea tentang jenayah jalanan (sebab, punca dan akibat). Amalan rajin berusaha menjadikan sesi pembentangan peserta dengan menggunakan perisian *Prezi* dilaksanakan dengan berkesan. Peserta didapati telah mempersembahkan hasil perbincangan mereka (interaksi bersemuka) dengan baik.

(IPGKP/pemerh/Gel2/Shasi/25.8.2017)

Di dalam Gelung Kedua (aktiviti *hot seats*- interaksi bersemuka), pemerhatian penyelidik mendapati fenomena yang sama berlaku apabila perbincangan terhadap isu LGBT dilaksanakan oleh peserta kajian. Peserta kajian didapati rajin berusaha dengan meneroka bahan-bahan media daripada Internet seperti imej, grafik, carta, dokumen dan video untuk melakukan perbincangan. Pemerhatian penyelidik juga mendapati peserta rajin berusaha menggunakan fungsi *Schoology* untuk *connect* dan berkomunikasi secara maya dengan individu lain (isu LGBT). Pemerhatian penyelidik mendapati peserta kajian rajin (interaksi bersemuka) menggunakan *Schoology* untuk menyebarkan perbincangan mereka tentang isu LGBT dengan komuniti maya. Pemerhatian penyelidik mendapati peserta menunjukkan sikap rajin berusaha berkomunikasi dengan komuniti maya dalam platform *Schoology*. Peserta juga menunjukkan sikap rajin berusaha dengan mencari bahan di dalam Internet dan berkongsi dengan komuniti pembelajaran.

#### 4.8 Rumusan Bab

Bab ini telah memperincikan dapatan kajian yang merangkumi lima tema utama dan sepuluh amalan moral. Tema satu hingga tema tiga telah menjawab soalan kajian yang pertama. Tema empat dan lima pula telah menjawab soalan kajian yang kedua. Manakala soalan kajian yang ketiga dijawab dengan perbincangan sepuluh amalan moral peserta kajian.



## BAB 5

### PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini menggalurkan perbincangan, ulasan dan hasil dapatan kajian tentang penggunaan Kelas Berbalik (*Flipped Classroom*) dalam perkembangan moral dalam kalangan GPP di institut pendidikan guru. Perbincangan bab ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan dengan nota refleksi amalan penyelidik tentang penggunaan KB, masalah yang timbul dalam pelaksanaan dan cara mengatasi masalah tersebut.

Bahagian kedua pula diteruskan dengan ulasan dan rumusan perbincangan terhadap dapatan kajian yang diperoleh hasil penglibatan GPP dalam teknik KB. Dapatan kajian ini akan dibincangkan dalam tiga tema utama iaitu (a) Perkembangan pemikiran moral dalam kalangan GPP, (b) Perkembangan emosi moral dalam kalangan GPP dan (c) Perkembangan amalan moral dalam kalangan GPP yang terlibat di dalam KB. Seterusnya, dalam bahagian ketiga, akan menggalurkan aspek cabaran yang dihadapi, sokongan infrastruktur, sokongan moral dan implikasi kajian ini terhadap Pendidikan Moral secara khusus dan terhadap bidang pendidikan secara am. Bahagian





keempat pula akan menghuraikan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan bagi melangsungkan perkembangan bidang ini.

## 5.2 Nota Refleksi Penyelidik

Elemen refleksi dalam kajian tindakan merupakan perkara penting yang telah memberi kefahaman tentang amalan, masalah dan strategi menangani masalah ketika pelaksanaan pengajaran KB dalam pengajaran Pendidikan Moral.

### 5.2.1 Hasil Refleksi Gelung Pertama

Pelan rancangan KB telah digunakan dalam Gelung Pertama kajian ini. Masalah yang dihadapi dalam Gelung Pertama (pelan tindakan am) telah dikategorikan kepada tiga tajuk utama iaitu masalah penglibatan peserta di dalam aktiviti prapengajaran (menonton klip video dan perbincangan secara talian), sesi intervensi yang tidak efektif dan penggunaan platform secara talian *Schoology* yang kurang memuaskan. Berikut ialah hasil refleksi dan perbincangan tentang masalah yang dihadapi dalam Gelung Pertama dan strategi yang dilaksanakan untuk menangani masalah itu melalui pelan tindakan KB A.

#### 5.2.1.1 Masalah Penglibatan Peserta Dalam Aktiviti Prapengajaran

Segelintir peserta masih tidak faham peranan mereka di dalam KB yakni mereka perlu menonton klip video yang dimuat naik ke dalam platform secara talian *Schoology*



sebelum interaksi bersemuka di dalam bilik darjah berlangsung. Peserta gagal untuk memahami peranan mereka di dalam proses pembelajaran secara talian. Tanggung jawab sendiri peserta di dalam proses pembelajaran mereka juga agak kurang. Peserta kerap tidak bersedia sebelum masuk ke dalam kelas menyebabkan perbincangan berdasarkan klip video di dalam interaksi bersemuka tidak dapat dijalankan. Peserta didapati kurang bersedia dan tidak faham kandungan klip video yang diberikan. Implikasinya, sesi interaksi bersemuka tidak dapat dilaksanakan dengan efektif.

Penyelidik telah menangani masalah ini dengan mewujudkan satu kumpulan (*group*) menerusi aplikasi media sosial “*Whatsapp*” dalam kalangan peserta. Kumpulan “*Whatsapp*” ini bertujuan untuk mengingatkan peserta tentang peranan mereka di dalam aktiviti prapengajaran dan pasca pengajaran. Penyelidik kerap memberi peringatan kepada GPP untuk menonton klip video dan membuat catatan refleksi pada jurnal mereka. Penyelidik kerap berkomunikasi dengan peserta kajian menerusi kumpulan “*Whatsapp*” bagi mengetahui tahap kesediaan mereka terhadap pembelajaran. Cara ini juga memberi petunjuk kepada penyelidik tentang soalan dan aktiviti yang perlu dilakukan dalam sesi interaksi bersemuka. Penyelidik juga memberikan motivasi ekstrinsik dengan memberikan hadiah kepada GPP yang berjaya menonton klip video sehingga tamat.

### **5.2.1.2 Sesi Intervensi Yang Tidak Efektif**

Penyelidik telah melaksanakan intervensi KB dengan menggunakan klip video relevan yang dimuat turun dari *YouTube*. Penyelidik juga telah menghasilkan sendiri klip video yang sesuai berdasarkan situasi moral dengan menggunakan perisian *Video Maker*. Namun, klip video yang dihasilkan oleh penyelidik dengan menggunakan perisian



*Video Maker* kurang berjaya menarik minat peserta untuk menonton. Berdasarkan maklum balas daripada peserta kajian selepas aktiviti tontonan klip video, klip video yang dihasilkan didapati kurang berkualiti. Suara yang perlahan dan tersekat-sekat mengganggu tumpuan peserta untuk menonton. Tugas menghasilkan klip video yang berkualiti menjadi cabaran utama penyelidik.

Bagi mengatasi masalah ini, penyelidik telah meneroka sendiri cara-cara menghasilkan klip video setelah menghadiri kursus KB secara talian yang dikendalikan oleh pengasas KB iaitu Jonathan Bergmann dan Aaron Sams. Rujuk Lampiran N. Justeru, penyelidik menangani masalah pembikinan klip video ini dengan menggunakan perisian *iMovie* di dalam telefon pintar *iOS* (*i Operating System*) versi 10. Kaedah ini membantu mengatasi masalah penyelidik untuk merakam, mengedit dan menghasilkan klip video. Peserta kajian yakin bahawa klip video yang dihasilkan dengan menggunakan perisian *iMovie* menarik minat mereka untuk meneroka isu moral.

### 5.2.1.3 Penggunaan *Schoology* Yang Kurang Memuaskan

Platform secara talian *Schoology* telah digunakan untuk membolehkan GPP melibatkan di dalam perbincangan terutamanya di dalam aktiviti prapengajaran dan pasca pengajaran. Masalah di dalam penggunaan *Schoology* berlaku apabila ada peserta kajian yang tidak mendaftarkan diri mereka sebagai pengguna platform *Schoology*. Ini menyebabkan respons mereka terhadap pembelajaran tidak dapat diperolehi. Malah terdapat juga GPP yang tidak berupaya melibatkan diri secara aktif di dalam platform



*Schoology*. Mereka hanya memberi respons yang terbatas dan terus ‘menghilangkan diri’. Di samping itu, respons yang diberikan oleh GPP masih tidak memuaskan. GPP tidak melibatkan diri dan hanya melihat *posting* penyelidik tanpa melibatkan diri.

Masalah ini menyebabkan penyelidik tidak pasti tentang tahap penglibatan peserta. Ini menyebabkan penyelidik terpaksa mengadakan satu sesi penerangan khas kepada GPP tentang penggunaan *Schoology* di dalam kajian ini. Sesi penerangan khas ini penting bagi membolehkan GPP mengetahui tentang ciri dan fungsi yang terdapat di dalam *Schoology*. Sesi ini penting bagi membolehkan GPP mencuba sendiri di dalam sesi penerangan khas tentang ciri yang kerap digunakan di dalam platform *Schoology*. Fungsi seperti “*Add materials*”, “*Add folder*” atau ‘*Publish*’ telah diterangkan secara terperinci oleh penyelidik. Peserta kajian juga telah dilatih tentang cara memuat turun dan memuat naik fail serta klip video yang relevan. Di samping itu, sesi penerangan khas ini telah memberi tumpuan kepada cara mengendalikan perbincangan di dalam platform *Schoology*.

Di dalam gelung ini juga, penyelidik mendapati tahap kesediaan peserta terhadap penggunaan platform *Schoology* masih belum memuaskan. Justeru, dengan menggunakan aplikasi kumpulan “*Whatsapp*”, penyelidik memberi motivasi kepada peserta untuk melibatkan diri di dalam platform *Schoology* agar manfaat pembelajaran mereka dapat dioptimumkan. Penyelidik juga telah memberi galakan dari semasa ke semasa kepada peserta kajian agar sentiasa melibatkan diri dalam platform secara talian *Schoology*.



Pada masa yang sama penyelidik juga telah memuat naik dan mengemas kini pelbagai bahan pengajaran baharu ke dalam platform *Schoology*. Tindakan ini bertujuan untuk mendedahkan peserta kepada bahan-bahan yang berkaitan dengan proses pembelajaran mereka.

## 5.2.2 Hasil Refleksi Gelung Kedua

Refleksi pelan tindakan KB (Gelung Kedua) memperlihatkan dua masalah yang ketara. Masalah-masalah tersebut ialah capaian internet yang lemah, aktiviti interaksi bersemuka yang kurang efektif dan kesukaran untuk merancang pengajaran.



### 5.2.2.1 Capaian Internet Yang Lemah

Di dalam teknik KB, klip video dan akses kepada bahan pembelajaran yang dimuat naik ke dalam platform *Schoology* memerlukan capaian internet yang baik (Jamaludin & Mokhtar, 2014). Namun, capaian internet yang lemah di dalam kawasan kajian menyebabkan peserta tidak dapat mengakses bahan-bahan pembelajaran tersebut dan menyebabkan aktiviti interaksi bersemuka tidak dapat dijalankan dengan baik. Bagi mengatasi masalah ini, penyelidik telah menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi (kelajuan 10Mbps) ketika sesi interaksi bersemuka dijalankan. Cara ini membantu peserta untuk memuat turun dan memuat naik bahan dan klip video yang berkaitan dengan pengajaran. Peserta telah diberi masa yang mencukupi untuk menelaah bahan dan menonton klip video sebelum interaksi bersemuka dilaksanakan.







### 5.2.2.2 Aktiviti Interaksi Bersemuka Yang Kurang Efektif

Sesi interaksi bersemuka di dalam teknik KB memerlukan peserta melibatkan diri dengan aktiviti pengajaran seperti hot-seats, *trade a problem*, *think-pair-share* dan *QR Code*. Ramai peserta yang kurang mahir melibatkan diri di dalam aktiviti pengajaran tersebut. Ini menyebabkan peserta keliru ketika melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut. Penyelidik mengatasi masalah ini dengan melakukan demonstrasi setiap aktiviti pengajaran bagi membolehkan peserta memahami dengan mendalam prosedur pengendalian aktiviti tersebut. Satu sesi penerangan khas telah diadakan kepada GPP untuk memahami peranan mereka di dalam aktiviti pengajaran.

### 5.2.2.3 Kesukaran Untuk Merancang Pengajaran

Di dalam KB, peserta melaksanakan tugas mengikut kadar kemampuan masing-masing. Seseengah peserta dapat menyempurnakan tugas dengan kadar cepat manakala seseengah yang lain mengambil masa yang lebih lama. Terdapat peserta yang tidak berupaya mencari klip video yang berkaitan dengan tema yang dibincangkan. Manakala, ada peserta yang mengakses bahan-bahan pembelajaran yang tidak menepati tema yang ditetapkan. Bagi mengatasi masalah tersebut, penyelidik menyediakan pelan perancangan alternatif dan menetapkan kerangka masa yang perlu disempurnakan oleh peserta. Penyelidik menggunakan *QR Code* untuk membolehkan peserta mengakses terus kepada capaian yang berkaitan. Peserta diminta untuk memasang (*install*) aplikasi *QR Code* di dalam telefon pintar mereka. Aplikasi ini telah digunakan membantu peserta untuk mengakses bahan tanpa membuang masa melakukan aktiviti pencarian bahan pembelajaran.



### 5.2.3 Hasil Refleksi Gelung Ketiga

Refleksi pelan tindakan KB (dalam Gelung Ketiga) menunjukkan peserta kajian dapat melaksanakan KB dengan baik. Refleksi dalam Gelung Ketiga ini membuktikan prosedur kajian yang diamalkan oleh penyelidik adalah betul. Refleksi pelaksanaan pelan tindakan KB A dan pelan tindakan KB B menunjukkan teknik KB telah dilaksanakan sejajar dengan prosedur yang disarankan oleh Bergmann & Sams (2014) dan mengikut acuan model kajian tindakan yang disyorkan oleh Zuber-Skerritt (1995) dan Altrichter et al. (2002). Rumusan pelan tindakan yang digunakan oleh penyelidik dalam ketiga-tiga gelung dinyatakan.

### 5.3 Perkembangan Pemikiran Moral

Hasil kajian menunjukkan KB dapat mengembangkan pemikiran moral GPP. Kajian juga menunjukkan GPP dapat mengembangkan pemikiran moral berdasarkan keupayaan mereka mengenal pasti isu, membuat penelitian dalam membuat keputusan moral dan mempunyai justifikasi terhadap tindakan dalam sesuatu isu moral. Chang (1998) merumuskan bahawa penguasaan elemen-elemen seperti pemikiran, penelitian dan kewajaran membuktikan perkembangan pemikiran moral seseorang individu. Perbincangan seterusnya menjurus kepada dapatan tentang unsur pemikiran moral, unsur penelitian dalam membuat keputusan moral dan unsur justifikasi terhadap tindakan yang diambil.



### 5.3.1 Pemikiran Moral Yang Rasional

Perkembangan pemikiran moral melibatkan unsur pemikiran yang rasional (Gibbs, 2010; Kohlberg, 1981). Analisis dan dapatan kajian menunjukkan GPP mempunyai pemikiran yang positif terhadap isu moral yang dikemukakan. GPP sedar bahawa sebagai manusia mereka harus mempunyai nilai moral yang terpuji seperti prihatin, hormat-menghormati, bertanggungjawab, bersopan santun dan kasih sayang. Peserta dapat menzahirkan pemikiran menerusi aktiviti prapengajaran seperti menonton klip video dan melibatkan diri di dalam perbincangan secara talian *Schoology*. Manakala di dalam aktiviti interaksi bersemuka dan pasca pengajaran pula, peserta melibatkan diri di dalam pembelajaran secara talian *Schoology* dan melaksanakan aktiviti pembelajaran seperti *hot seats*, *trade a problem*, *think-pair-share*. Aktiviti seperti lakonan juga



dilaksanakan dalam sesi interaksi bersemuka.

Aktiviti pasca pengajaran melibatkan penglibatan peserta di dalam platform secara talian *Schoology* dan pelaksanaan aktiviti di dalam lembaran kerja. Hasil kajian menunjukkan peserta kajian dapat menunjukkan pemikiran moral di dalam teknik KB. Dapatan kajian ini menyokong kajian Bergmann & Sams (2014) dan Njie-Carr et al. (2017) bahawa teknik KB merupakan satu pedagogi alaf ini yang membuka peluang kepada pelajar untuk membantu mereka berfikir secara kritis di dalam bilik darjah. Pemikiran secara kritis dan kreatif dalam kalangan GPP merupakan elemen yang sudah lama menjadi lompong di dalam pendidikan guru (Ab Kadir, 2017).



Di dalam teknik KB, GPP jelas telah menunjukkan pemikiran untuk bertindak secara rasional ketika berhadapan dengan isu moral. Di dalam menghadapi situasi moral, GPP dapat mengutamakan perkara yang baik, patut dan betul. Sikap negatif seperti mementingkan diri sendiri demi mencapai kepentingan peribadi merupakan pemikiran negatif yang perlu dielakkan. Elemen pemikiran positif mendasari pemikiran GPP ketika membuat keputusan moral. Sehubungan dengan itu, penglibatan GPP di dalam isu yang melibatkan kebejatan sosial di dalam masyarakat (isu buli, isu jenayah jalanan dan isu jenayah siber) dapat mewujudkan proses pemikiran yang menjurus kepada kebebasan di dalam menyuarakan pendirian dan pendapat. Penglibatan GPP dalam KB juga menerbitkan pegangan mereka terhadap nilai-nilai sejagat seperti tolong-menolong, hormat-menghormati, kasih sayang dan prihatin terhadap orang lain merupakan teras kebahagiaan di dalam mewujudkan kehidupan yang harmoni (Lapsley

& Woodbury, 2016; Freire, 1972).

Penghayatan GPP tentang amalan nilai moral juga menjadi matlamat FPG yang menghendaki guru mempunyai nilai moral yang kukuh. Jelas, FPG bukan sahaja menuntut guru untuk menunjukkan teladan yang baik dan menjadi insan yang bermoral, sebaliknya berpengetahuan dalam teknologi agar etos guru dihasilkan. Maka guru harus bertindak sebagai '*role model*' yang aktif agar aktiviti negatif dapat dihindarkan (Weinstock et al., 2009).

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan pemikiran moral yang rasional yakni orang yang melakukan penganiayaan akan mendapat balasan yang setimpal. Peserta kajian menunjukkan pemikiran tersebut menerusi aktiviti prapengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Ketiga-tiga aktiviti yang

dilaksanakan menjurus kepada unsur kepedulian moral dan keadilan sosial di dalam sesuatu tindakan, yakni mengambil tahu isu moral yang berlaku di persekitaran dan mengambil kira tentang kepentingan orang lain. Unsur ini sebenarnya merupakan pemikiran yang mencerminkan kehendak individu tersebut apabila berada di dalam sistem sosial. Dalam masyarakat plural, setiap warganegara mahu proses keadilan ditegakkan dan manusia dilayan sama rata (Bell & Liu, 2015). Di dalam sistem masyarakat, rakyat mahukan setiap peraturan dipatuhi dan diikuti bagi membolehkan setiap orang mendapat hak yang sama (Moate & Sullivan, 2015).

Konsep '*rule of law*' diinginkan oleh setiap lapisan masyarakat. Apatah lagi di dalam sistem demokrasi, setiap insan ingin peraturan yang ditetapkan dipatuhi oleh semua orang bagi membolehkan keselamatan dan privasi mereka dijaga. Setiap orang tidak mahu ditindas dan dilayan hanya disebabkan oleh perbezaan pemikiran atau perbezaan cara hidup. Prinsip demokrasi dalam kehidupan menjadi teras penting di dalam melahirkan insan bermoral dalam program Pendidikan Moral di Malaysia (Mohamad Khairi & Asmawati, 2010). Di dalam program keguruan, guru diharapkan agar menyemai nilai moral kepada murid agar pembentukan manusia yang mendukung nilai moral dihasilkan (Milner & Delale-O'Connor, 2016).

GPP juga menunjukkan pemikiran yang dapat membezakan tingkah laku yang positif atau negatif apabila berhadapan dengan situasi moral. Ternyata GPP dapat menghindarkan diri apabila berhadapan dengan perkara yang negatif dan bersedia menerima perkara yang positif. Elemen pemikiran yang rasional menjadi tunjang apabila membuat keputusan moral. Penggunaan teknik KB seperti menonton video, perbincangan di dalam bilik darjah, penglibatan secara talian *Schoology* dan aktiviti

pengajaran seperti *hot seats*, *trade a problem* dan *think-pair-share* serta lakonan telah membantu individu untuk memperkukuhkan pemikiran positif. Hasil dapatan kajian ini menyokong kajian Yough et al. (2017) dan Lee & Lai (2017) bahawa unsur utama di dalam KB yakni penglibatan secara aktif berpotensi untuk membentuk pemikiran dan kemahiran membuat keputusan dalam kalangan individu yang terlibat.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan GPP berkeupayaan untuk membuat penelitian terhadap tindakan yang perlu diambil dan dilaksanakan ketika berhadapan dengan konflik. GPP mampu berfikir secara bebas tentang tindakan yang patut dilakukan apabila menghadapi situasi berkonflik. Ternyata, GPP dapat membezakan antara tindakan yang baik atau tindakan yang perlu dihindari. GPP menyokong tindakan yang berlandaskan prinsip yang diterima secara rasional dan sarwajagat. Kepentingan seseorang itu bertingkah laku seiring dengan prinsip rasional, seperti yang ditegaskan oleh GPP. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Fauzi & Hussain (2016) dan DeRuisseau (2016) bahawa KB berfungsi sebagai wahana yang berupaya mengubah pemikiran, kepercayaan dan tindakan individu.

Pemikiran moral GPP bersandarkan kepada kemampuan mereka untuk faham sesuatu konteks situasi dan menterjemahkan ke dalam tindakan berdasarkan prinsip rasional sebelum membuat sebarang keputusan. Kebolehan mereka untuk meneliti isu yang dipaparkan dalam teknik KB adalah petanda bahawa mereka mampu berfikir secara rasional ketika berhadapan dengan konflik moral. Peserta bukan sahaja dapat mengenal pasti isu tetapi juga dapat menilai baik buruknya sesuatu tindakan sebelum membuat keputusan moral. Pengalaman proses pembelajaran yang aktif membolehkan

GPP mendapat pengalaman baharu untuk mencerna konflik berdasarkan perspektif yang berbeza. Fenomena ini juga membuktikan bahawa GPP cuba untuk membina pengetahuan mereka sendiri. Peserta bukan penerima pengetahuan yang pasif sebaliknya berupaya berfikir daripada lensa yang berbeza.

Hasil kajian ini seiring dengan pedagogi kritis yang dicanangkan oleh Freire (1972) dan diperkukuhkan lagi oleh Churcher et al. (2014). Pedagogi kritis merupakan usaha untuk membebaskan pelajar daripada penindasan menerusi kesedaran kritis (Freire, 1972). Aktiviti kritis dalam bilik darjah mendorong mereka untuk melakukan perubahan terhadap pelbagai perkara yang berlaku di dunia. Justeru, KB dilihat mengajak peserta untuk berfikir secara kritis dan menjadi pemangkin untuk melakukan perubahan. Keterlibatan pelajar di dalam kurikulum, melaksanakan aplikasi pengetahuan dan membuat refleksi merupakan transformasi sosial yang memperkukuhkan konteks sosial pelajar (Author & Lewis, 2012). Dalam keadaan ini, KB telah membantu GPP untuk berfikir secara kritis.

Menurut Ouda & Ahmed (2016) pula, KB berupaya untuk mengubah peranan pelajar untuk berfikir dengan lebih kritis. Pandangan ini juga selaras dengan hasrat pedagogi kritis untuk melahirkan individu yang mampu belajar secara sendiri. Sehubungan itu Schleicher (2015) pula berpendapat bahawa tugas guru adalah untuk menyediakan proses pembelajaran yang membolehkan individu menjadi '*self-learners*'. Pandangan Schleicher (2015) ini disokong oleh Correa (2015) bahawa proses pembelajaran aktif seperti teknik KB dapat membentuk proses pemikiran baharu dalam kalangan individu. Hasil kajian ini membuktikan bahawa peserta terlibat di dalam

proses pembelajaran aktif yang menjadikan mereka menjadi ‘*self-learners*’ sejak aktiviti prapengajaran sehingga aktiviti pasca pengajaran.

Dapatan kajian juga menunjukkan salah satu pemikiran moral melibatkan tingkah laku yang terkawal melibatkan tindakan yang boleh diterima akal dan harus berlandaskan batas moral dan sosial. Ini memandangkan tindakan manusia adalah berdasarkan keputusan moral yang dibuat. Hasil kajian menunjukkan bahawa tindakan yang diambil oleh peserta adalah bersandarkan kepada keputusan moral yang telah dibuat terhadap sesuatu situasi. Individu yang membuat keputusan di dalam kerangka peraturan dan bertingkah laku secara terkawal mengharapkan agar orang lain juga melakukan perkara yang baik. Pemupukan kemahiran sosial ini adalah antara matlamat melahirkan guru yang bermoral (Chang, 2013; Cowell, 1995).

Hasil kajian ini juga menunjukkan GPP berpendapat bahawa individu yang membuat keputusan moral dalam sesuatu situasi akan melaksanakan tindakan bermoral di dalam kerangka moral yang ditetapkan oleh mereka sendiri. Seseorang individu yang bertindak mengikut peraturan dan tingkah laku yang terkawal perlu dihargai dan diberi penghormatan. Tingkah laku yang terkawal ini merupakan sebahagian daripada kemahiran sosial yang perlu wujud pada diri seseorang guru. Pemupukan kemahiran sosial ini adalah antara matlamat kompetensi profesional yang perlu dicapai oleh guru berdasarkan KSG.





Manusia perlu mengawal tingkah laku mereka secara terkawal dan tidak menggadaikan maruah diri. Tingkah laku yang terkawal dibina berdasarkan pemikiran secara mendalam dan tanpa terburu-buru bagi mendapatkan perspektif yang berbeza (Eisenberg dan Mussen, 1989). Hasil kajian ini menyokong kajian Danker (2015) bahawa KB mampu membentuk pemikiran yang mendalam, yang menjadi salah satu ciri pemikiran moral. Ini adalah kerana KB dapat membantu seseorang individu untuk berfikir dan mendapatkan perspektif yang berbeza (Abeysekera & Dawson, 2015), yang menjadi inti pati di dalam pemikiran moral seseorang individu. Kebolehan untuk menganalisis sesuatu isu moral berlandaskan perspektif yang berbeza merupakan satu kelebihan di dalam proses pembentukan nilai moral yang sebenar. Perspektif yang berbeza ini ternyata memberi kelebihan kepada seseorang individu untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan kehidupan (Johnson, 2015).



Hasil kajian ini selari dengan pedagogi kritis yang didukung oleh Freire (1972). Menurut Martin (2017), objektif sebenar pedagogi kritis ialah untuk mengenali hubungan antara masalah yang berlaku dan mengaitkannya dengan pengalaman dalam konteks sosial di mana mereka berada. Eksplorasi pengalaman pembelajaran dan kaitan dengan pengalaman peribadi ini menjadikan proses pembelajaran pelajar menjadi aktif dan memecah ‘lompong pasif’ pelajar, yang kerap dikaitkan dengan pelajar. Pengalaman sebegini menjadikan individu berpotensi menjadi *self-directed learners* yang menjadi pemangkin kepada proses pembelajaran yang menyeluruh (Knowles et al., 2005). Knowles et al. (2005) merumuskan kekuatan *self-directed learners* ini sebagai keupayaan individu untuk mempunyai autonomi di dalam proses mencari kebenaran. Tambah Knowles et al. (2005) lagi,





*Autonomy means taking control of goals and purpose of learning and assuming ownership of learning. This leads to internal change of consciousness in which learner sees knowledge as contextual and freely questions what is learners. (p.186).*

Pendapat Knowles et al. (2005) juga disokong oleh Zainuddin & Perera (2017) bahawa KB membantu murid untuk membebaskan diri daripada belunggu konvensional proses pembelajaran dan seterusnya menjadikan pembelajaran mereka berpaksikan individu. Hasil kajian ini menunjukkan peserta mampu memainkan peranan sebagai *self-directed learners* (Green & Schlairet, 2017) sejak aktiviti prapengajaran sehingga aktiviti pasca pengajaran dilaksanakan.

Di dalam aspek menuntut hak sendiri, manusia perlu bertingkah laku secara terkawal dan terhormat dan memikirkan kesan tindakan mereka ke atas orang lain. Manusia tidak boleh memikirkan diri mereka sendiri dan bersikap skeptikal ketika berhadapan dengan isu moral (Pollock, 2015). Walaupun setiap orang mempunyai hak, namun apabila berhadapan dengan kepentingan yang melibatkan masyarakat, hak tersebut juga mempunyai batas dan perlu berlandaskan kepentingan umum. Hasil kajian ini jelas menyokong kajian Hsu et al. (2016) bahawa KB mampu mengawal tingkah laku, yang menjadi salah satu ciri pemikiran moral. Hal ini kerana sesi intervensi dalam KB membantu peserta untuk berada di dalam diri mereka sendiri dan memikirkan elemen terbaik untuk anggota masyarakat yang lain sebelum melaksanakannya Gough et al. (2017). Justeru, KB telah membantu GPP untuk sentiasa memikirkan kepentingan masyarakat apabila berhadapan dengan konflik moral.





### 5.3.2 Penelitian Yang Teliti Dalam Membuat Keputusan

Salah satu ciri pemikiran moral ialah membuat keputusan atau penelitian dalam situasi yang berkonflik (Bonneton, 2017). Seseorang individu perlu memahami situasi sepenuhnya sebelum membuat keputusan yang rasional. Dapatan kajian menunjukkan peserta mampu memahami situasi yang berkonflik yang wujud di dalam ketiga-tiga peringkat aktiviti yang diberikan (aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran). Peserta aktif berfikir, mengetahui dan memahami isu moral dan menilai sebab musabab konflik sebelum mengambil jalan untuk menyelesaikan konflik tersebut. Hal ini menyokong kajian Zainuddin & Attaran (2016) dan McLean et al. (2016) bahawa KB menjadi wahana yang membantu peserta untuk mentafsir situasi berkonflik dengan mudah. Pendedahan kepada situasi berkonflik membolehkan



individu menaakul sesuatu isu dengan lebih kritis (Kraus et al., 2013). Dalam kajian ini, peserta dapat menaakul situasi yang menunjukkan konflik di dalam perbincangan dan membolehkan mereka berfikir secara lebih kritis tentang isu-isu yang dikemukakan. Peserta juga mengambil keputusan atau membuat pertimbangan yang wajar untuk menyelesaikan konflik tersebut. Mereka menjadi peserta yang aktif dan tidak hanya menjadi individu yang pasif untuk melakukan transformasi dalam proses pembelajaran (Al-Zahrani, 2015; Freire, 1972).

Menurut Mitra & Dangwal (2010) dan Häkkinen et al. (2017), pelajar belajar secara mendalam dan terperinci apabila mereka menggunakan pengalaman yang diambil daripada kisah kehidupan mereka untuk menyelesaikan masalah. Penggunaan pengalaman daripada kisah kehidupan menyuburkan proses pembelajaran autentik (Lewis et al., 2016), yang relevan di dalam Pendidikan Moral. Di dalam kajian ini,



peserta berupaya mengenal pasti bahawa punca berlakunya konflik ialah kerana kegagalan watak untuk membuat keputusan moral. Sebagai contohnya di dalam perbincangan isu jenayah siber (*trade a problem*), kegagalan individu untuk membuat pertimbangan yang wajar menyebabkan mereka ditipu dan melibatkan kerugian harta benda dan wang ringgit.

Dalam teknik KB, konflik yang dilalui peserta kajian berdasarkan pengalaman hidup mereka dikongsi bersama di dalam proses pembelajaran. Peserta telah terlibat secara langsung di dalam proses membuat keputusan moral setelah mengambil kira pelbagai pengalaman diri sendiri dan pengalaman rakan mereka yang lain. Hasil kajian ini juga mengesahkan kajian Luo et al. (2014) bahawa KB menjadi wadah utama untuk peserta meluahkan pelbagai isu yang berkaitan dengan budaya masyarakat dan realiti sosial. Pendekatan terhadap budaya masyarakat dan realiti sosial dengan berpaksikan pengalaman sebenar menjadikan suasana pembelajaran KB menarik dan bermakna (Largo, 2017).

Hasil kajian ini membuktikan selepas situasi berkonflik difahami dan peserta menganalisis situasi moral, maka jalan penyelesaian yang wajar diambil. Peserta mempertimbangkan pelbagai faktor seperti peraturan sosial, undang-undang dan kemoralan insan sebagai elemen yang perlu dipertimbangkan sebelum mengambil sesuatu keputusan. Kemahiran penyelesaian konflik ini seiring dengan aspirasi program pendidikan guru. Kemahiran penyelesaian konflik ini juga merupakan satu peluang kepada proses perkembangan moral supaya individu lebih berkebolehan untuk berfikir (Kohlberg et al., 1983a).



Dalam kajian ini, pemikiran peserta membuat keputusan berdasarkan perbezaan nilai yang ada pada diri sendiri dan orang lain. Peserta juga membuat keputusan dengan cara yang positif dan bertimbang rasa. Peserta juga menggunakan kebebasan yang ada untuk menyelesaikan konflik dan mengubah pandangan mereka. Hal ini membuktikan kenyataan McLean et al. (2016) bahawa KB menjadi elemen penting untuk memberi panduan kepada individu untuk menyelesaikan konflik. Pandangan Warnick & Silverman (2011) juga membuktikan bahawa guru perlu mempunyai kemahiran untuk menyelesaikan konflik bagi membantu murid. Guru yang mengambil kira pelbagai pandangan lebih berupaya untuk menyelesaikan konflik. Kesanggupan guru untuk meneroka KB juga merupakan pra syarat (Gunyou, 2015) agar KB diterjemahkan untuk menyelesaikan konflik moral.



Ternyata KB membantu murid untuk berfikir secara mendalam dan berupaya mencari jalan penyelesaian yang sesuai berpandukan kepada sesi perbincangan yang aktif. Hal ini telah mendedahkan guru kepada kemahiran untuk memahami dan menaakul apabila berhadapan dengan situasi dalam kehidupan dan memikirkan kaedah penyelesaian yang wajar berdasarkan prinsip moral seperti yang dikehendaki dalam FPG. Hasil kajian ini jelas menyokong pendapat Winter (2016) bahawa KB berfungsi sebagai pedagogi baharu di dalam pengajaran di samping menyediakan guru kepada kemahiran tertentu dalam menangani konflik.





### 5.3.3 Kewajaran Terhadap Tindakan Yang Diambil

Satu ciri pemikiran moral juga melibatkan isihan tindakan atau tingkah laku yang diambil dalam sesuatu konteks. Kewajaran sesuatu tindakan dilakukan setelah individu membuat isihan tindakan. Gilligan (1982) menyatakan bahawa elemen konteks sesuatu situasi moral lebih dominan ketika membuat keputusan moral. Hal yang sama juga dinyatakan oleh Freire (1972) bahawa 'pengetahuan' adalah bersandarkan kepada konteks dan bukan merupakan suatu yang tetap. Keupayaan pemikiran peserta kajian terbit apabila mereka mempunyai kemahiran isihan tindakan yang wajar ketika berhadapan dengan konflik moral.

Dapatan kajian juga menunjukkan peserta membuat isihan tindakan mematuhi peraturan dan undang-undang apabila berlaku konteks yang melibatkan murid, ibu bapa dan ahli masyarakat. Peserta memberikan kewajaran terhadap isihan tindakan mereka. Dapatan ini juga menyokong pendapat Clark (2015) bahawa KB dapat merangsang dan menggalakkan peserta untuk melihat dari perspektif yang berbeza apabila lebih daripada satu rangsangan diberikan. Oleh itu, KB merupakan satu teknik yang membantu murid untuk belajar daripada pengalaman, refleksi dan interpretasi. Pengalaman, refleksi dan interpretasi digunakan untuk menyisihkan tindakan yang tidak wajar. Pendapat Clark (2015) ini juga disokong oleh Fauzi & Hussain (2016) bahawa kewujudan pengetahuan seperti refleksi seperti yang ditunjukkan oleh peserta kajian harus difahami sebagai hasil proses pemikiran.



Di samping itu juga peserta kajian juga memberikan kewajaran terhadap tindakan yang dipilih dalam hubungan dengan autoriti. Hal ini menunjukkan pemikiran demokrasi dan sosial peserta. Sebagai bakal guru, kepatuhan kepada undang-undang dititikberatkan (De Ruyter & Kole, 2010). Menurut Higgins (2003) pula, hal ini membuktikan bahawa individu sudah memahami hubungan diri sendiri dengan orang lain. Sebagai seorang bakal guru, mereka melihat mereka bukan lagi tergolong dalam satu-satu kumpulan tetapi manusia yang harus berpegang kepada undang-undang demi kesejahteraan manusia.

Semua tindakan ini dibincangkan di dalam bentuk perbincangan dalam sesi intervensi dengan menggunakan perbualan dan bahasa. Mereka telah berfikir dan bertindak untuk membawa satu jalan penyelesaian menerusi perbincangan aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Guru cenderung untuk memilih tindakan yang bermoral dan tidak mahu melanggar undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan apabila berhadapan dengan isu masyarakat. Pemikiran ini ketara di dalam perbincangan yang melibatkan tema penganiayaan terhadap manusia, keprihatinan masyarakat dan jenayah siber. Ini seiring dengan FPG yang bukan sahaja memerlukan guru untuk berfikiran kritis tetapi juga menilai sesuatu tindakan dan memberi justifikasi terhadap tindakan yang diambil. Hasil kajian juga mengesahkan pendapat Meyers & Feeney (2016) bahawa teknik KB dapat memandu murid untuk mengembangkan pemikiran moral dengan mengenal pasti dan menilai pilihan-pilihan berlandaskan prinsip moral.



Dapatan kajian ini menunjukkan dalam konteks kasih sayang, guru memilih tindakan yang lebih bermoral dengan mengambil kira maruah diri dan unsur perikemanusiaan dalam menangani sesuatu isu. Peserta memberikan justifikasi secara kritis terhadap pilihan tindakan mereka ketika menangani sesuatu situasi. Di dalam FPG, guru mempunyai kemahiran pemikiran kritis untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan bermoral. Di dalam senario masa kini di mana berlaku lambakan maklumat, kemahiran berfikir secara kritis merupakan suatu yang tidak dapat dielakkan (Barr et al., 2011). Peserta memilih untuk bertindak berhati-hati dengan maruah diri dan lebih berperikemanusiaan ketika membuat keputusan moral.

Menurut Parker (2003), senario isihan tindakan dan kewajaran terhadap tindakan yang diambil menunjukkan bahawa manusia melihat tentang perlunya manusia memikirkan implikasi sesuatu isu apabila membabitkan situasi moral. Senario ini memperkukuhkan kefahaman bahawa manusia sudah mula berfikir tentang diri sendiri dan orang lain (masyarakat). Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian meletakkan kepentingan diri orang lain apabila mereka berhadapan dengan situasi yang sukar. Ini bertujuan untuk mengekalkan hubungan sesama insan dan mengelakkan konflik. Elemen ini bersesuaian dengan pandangan Chubbuck, Burant, & Whipp (2007) bahawa guru membuat pertimbangan moral agar murid dapat berada di dalam landasan kehidupan yang betul. Guru juga berfungsi untuk menjadi seorang agen moral yang 'baik' (Lickona, 1996) dengan mengutamakan orang lain berbanding diri sendiri. Tambahan pula, guru harus menghormati maruah seseorang murid lain dalam apa jua keadaan.







### 5.3.4 Dapatan Soalan Kajian 1

Hasil kajian menunjukkan KB mampu mengembangkan pemikiran moral GPP. Ketiga-tiga langkah dalam KB merangsang aspek pemikiran moral guru. GPP dapat mengembangkan pemikiran moral dalam aktiviti yang dijalankan. Proses pemikiran moral guru melibatkan tiga unsur pemikiran yang penting iaitu pemikiran yang rasional, penelitian dalam membuat keputusan moral dan kewajaran terhadap tindakan yang diambil.

Justeru, dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Chang (2013) dan Colby & Kohlberg (1987) bahawa maklum balas terhadap situasi berstruktur GPP (tiga langkah dalam KB) dapat mengupas tahap tertinggi pemikiran khususnya pertimbangan dan pemikiran moral seseorang individu. Maka, KB dapat mengembangkan aspek pemikiran moral peserta kajian.

Namun, pemikiran yang dikuasai oleh GPP dalam konteks kajian ini masih terbatas dan menjurus kepada cara bagaimana seseorang individu bertindak di dalam situasi yang diberikan. Ini memberi konotasi bahawa aspek pemikiran peserta lebih menumpukan perhatian kepada keupayaan mereka dalam mempertimbangkan cara penyelesaian yang terbaik bagi menyempurnakan sesuatu tindakan dalam situasi yang diberi.





## 5.4 Perkembangan Emosi Moral Guru

Dapatan kajian untuk perkembangan emosi moral menunjukkan GPP mampu memperluas unsur emosi moral. GPP memperlihatkan emosi moral dalam dua bentuk iaitu kewujudan pelbagai perasaan sendiri dan kesedaran terhadap perasaan orang lain. Dapatan kajian ini seiring dengan kajian Smallhorn (2017) dan Herreid & Schiller, (2013) bahawa KB meningkatkan emosi moral. Penglibatan aktif seseorang individu di dalam aktiviti KB mampu mengetengahkan pelbagai emosi moral seseorang individu. Dapatan kajian juga seiring dengan kajian Thambu & Balakrishnan (2014) bahawa emosi moral tercetus apabila seseorang individu terlibat di dalam pedagogi seperti perbincangan dilema sebenar (*real-life dilemma*) yang berkaitan dengan realiti kehidupan. Perbincangan seterusnya akan menggalurkan kedua-dua bentuk emosi ini.



### 5.4.1 Kewujudan Pelbagai Perasaan Kendiri

Dapatan kajian menunjukkan guru mempunyai pelbagai perasaan sendiri apabila sesuatu isu moral dibincangkan, hasil penglibatan mereka di dalam KB. Perasaan sendiri terhadap isu moral dilihat apabila mereka terlibat di dalam aktiviti KB (prapengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran). Ketika terlibat di dalam aktiviti atas talian *Schoology*, peserta menunjukkan emosi moral di dalam respons yang dikemukakan. Pada awalnya GPP memiliki perasaan tidak kisah terhadap isu moral yang dikemukakan dan tidak melibatkan diri secara aktif di dalam perbincangan isu moral. Namun, setelah mereka menonton beberapa siri klip video yang menunjukkan tema yang sama mereka dapat melibatkan diri secara aktif di dalam perbincangan semasa aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran.



Peserta mengaku dapat menghilangkan perasaan malu berbincang atau berlakon di hadapan rakan-rakan demi kepentingan diri sendiri dan demi kepentingan kumpulan.

Peserta mengaku bahawa isu yang dibangkitkan memerlukan ‘suara’ mereka sebagai guru. Di samping itu juga, sifat malu juga dapat dihindari memandangkan peserta sudah biasa dengan telatah rakan mereka yang lain. Senario ini dapat dikaitkan dengan nilai moral itu sendiri seperti yang dikehendaki di dalam Standard Pendidikan Guru Malaysia dan KSG yang menekankan usaha untuk melahirkan guru yang mempunyai nilai murni.

Perasaan malu juga ditangani apabila GPP mendapat sokongan daripada rakan kolaborasi, penyelidik dan rakan GPP sendiri. GPP menyedari bahawa KB berfungsi sebagai satu platform untuk meluahkan perasaan tanpa adanya sifat malu dan cuak.

Aspek emosi moral perlu dipupuk di dalam program pendidikan guru bagi membantu guru untuk mendapatkan perspektif yang lebih luas. Ini selaras dengan pandangan Winter (2016) bahawa KB sesuai untuk memberi kesedaran sendiri, dan elemen ini sesuai untuk perkembangan emosi moral seseorang guru.

Dapatan kajian juga mengetengahkan sikap peserta kajian yang berasa marah dan kecewa dengan tindakan segelintir masyarakat yang tidak memberikan pertolongan ke atas golongan yang memerlukan. Dapatan kajian menunjukkan sikap sebegini cuba dihindari oleh peserta kajian kerana tidak sesuai dengan jiwa mereka. Peserta juga malu apabila ada anggota masyarakat yang tidak mahu memberikan pertolongan ketika bantuan mereka diperlukan oleh orang lain. Peserta menolak sama sekali perbuatan orang yang meletakkan kepentingan diri mereka. Dapatan ini juga menyokong kajian Luo et al. (2014) bahawa KB memberikan pengalaman pembelajaran yang mampu

memberikan kesedaran emosi moral. Pengalaman menonton pelbagai klip video berkaitan tiga tema memberi pengalaman pembelajaran yang mengubah kesedaran emosi moral peserta.

Di samping memiliki perasaan marah dan kecewa, peserta juga gembira dan bangga selepas melakukan tingkah laku yang positif. Peserta menunjukkan rasa bangga mengetengahkan pendapat yang positif seperti perlunya sifat menyayangi sesama insan dan peri pentingnya sikap bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat. Dapatan ini juga seiring dengan aspirasi program pendidikan guru di negara kita bahawa guru perlu melaksanakan apa yang betul dan mempunyai berasa bersalah jika terlibat dengan tindakan yang tidak bermoral. Dalam konteks kajian ini, peserta kajian sedar akan emosi marah dan kecewa dalam diri mereka dan mereka dapat mengatasi perasaan

ini dengan cara yang bermoral melalui teknik KB.

Selain itu, perasaan menyesal atau rasa bersalah juga ditimbulkan oleh peserta. Dapatan kajian menunjukkan peserta menyuarakan rasa menyesal dan bersalah kerana tidak mampu untuk membantu orang yang memerlukan pertolongan. Mereka menyesal kerana ada kalangan individu yang tidak mahu menolong orang lain yang memerlukan pertolongan. Ada yang menyalahkan diri mereka dan anggota masyarakat sebagai punca kelemahan dan kegagalan mereka dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni. Dapatan ini juga menyokong kajian Beilstein et al. (2017) bahawa menonton klip video, selain meningkatkan interaksi bilik darjah mampu meninggalkan impak terhadap emosi GPP. Maka dapatan kajian ini menunjukkan KB mampu mencetuskan emosi moral dalam kalangan individu.



Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti menonton klip video pada peringkat aktiviti prapengajaran dan sesi interaksi bersemuka menyebabkan peserta mudah memahami perasaan sendiri mereka. Penghayatan dan perbincangan yang mendalam di dalam sesi interaksi bersemuka telah mengukuhkan perasaan diri mereka. Hal ini kerana peserta merasai, menjiwai dan mengalami sendiri perasaan yang wujud di dalam diri mereka hasil tontonan klip video dan perbincangan secara mendalam di dalam teknik KB. Emosi di dalam sesi perbincangan prapengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran diluahkan beriringan dengan komen, maklum balas dan bahasa pertuturan di dalam sesi perbincangan. Dapatan ini seiring dengan pendapat oleh Smith (2015b) bahawa KB mampu untuk membantu individu untuk menunjukkan emosi moral yang positif terhadap proses pembelajaran mereka.





diri sendiri dan memberi kesedaran terhadap perasaan orang lain. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Wang (2017) bahawa sistem pembelajaran menggunakan talian berupaya untuk mencungkil aktiviti penyelesaian masalah dan menggalakkan penyertaan sosial individu lain.

Dalam pada itu, peserta kajian mengaku mereka dapat meluahkan perasaan marah dan kecewa ketika berhadapan dengan situasi moral yang tidak memihak kepada mereka. Peserta juga berasa bersalah kerana tidak membantu murid apabila pertolongan diperlukan (isu buli fizikal). Keadaan ini menyebabkan peserta mengaku bahawa mereka dapat merasai apa yang dirasai oleh orang lain. Dapatan kajian ini menyamai pendapat Jeong et al. (2016) bahawa aktiviti di dalam KB membabitkan luahan watak dan perwatakan yang dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti di dalam bilik darjah. Hal



ini juga menyokong pendapat Asher & Beam (2017) bahawa KB mampu meletakkan diri peserta kajian ke dalam situasi orang lain dan mencipta satu dimensi pengajaran yang baharu berdasarkan watak cereka ataupun pengalaman yang dilalui di dalam kehidupan seharian mereka.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa peserta kajian marah dan kecewa terhadap tindakan watak yang tidak bermoral, tidak sopan dan bersikap individualistik. Aktiviti prapengajaran dan sesi interaksi bersemuka berupaya membangkitkan pelbagai perasaan dalam kalangan individu (Choi & Lee, 2018). Perasaan marah dan kecewa diluahkan kepada individu yang tidak kisah terhadap orang lain seperti anggota masyarakat sebagai agen moral. Refleksi peserta dalam aspek emosi menunjukkan KB merealisasikan objektif pemupukan nilai moral untuk membina guru yang komited dan beretika berdasarkan KSG.



Dalam pada itu, dapatan kajian juga menunjukkan peserta GPP berasa marah dan kecewa terhadap tindakan masyarakat yang tidak peduli terhadap nasib orang lain. Mereka juga marah jika anggota masyarakat tidak menunjukkan kesedaran untuk bekerjasama untuk membendung masalah sosial. Peserta juga kecewa dengan tindakan segelintir masyarakat yang alpa dengan peristiwa yang berlaku di persekitaran mereka. Dapatan ini menyokong kajian Shryock (2015) bahawa KB menyediakan platform kepada individu untuk bersikap bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat dengan melibatkan diri dengan pelbagai isu yang diteroka secara sendiri.

Pada keseluruhannya, peserta memahami emosi negatif yang ditunjukkan dalam aktiviti prapengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran dan mereka berusaha untuk menghindari emosi negatif tersebut dengan emosi positif menerusi aktiviti perbincangan dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta sanggup menghadapi cabaran dengan berbincang tentang konflik yang wujud dan mencadangkan perubahan tingkah laku untuk situasi tersebut. Dapatan kajian ini menyokong kajian Hajera Bibi Abdul Kader (2018) bahawa peserta KB terdedah kepada pemikiran, perasaan, tingkah laku dan refleksi yang positif sebelum mencadangkan penyelesaian yang konkrit terhadap permasalahan yang diberikan.

Hasil kajian juga mendedahkan peserta mempunyai pelbagai perasaan sendiri seperti seronok, gembira, takut, bimbang, benci dan insaf daripada situasi moral yang diberikan. GPP menunjukkan perasaan seronok dan gembira kerana berupaya menyelesaikan tugas seperti mencari, memuat naik dan menganalisis klip video serta bahan media yang lain di dalam platform *Schoology*. Sebelum melaksanakan tugas ini, mereka menunjukkan emosi cuak dan bimbang. Peserta juga berasa bangga

melibatkan diri di dalam perbincangan dan benci serta meluat apabila terlibat di dalam perbincangan yang berakhir dengan penyelesaian negatif. Dapatan ini menyokong pendapat Shaughnessy & Boerst (2018) bahawa guru perlu melalui dan mengalami bentuk emosi untuk mengembangkan empati mereka terhadap orang lain.

GPP juga berasa puas hati dan yakin apabila penglibatan mereka di dalam platform *Schoology* dihargai oleh rakan-rakan dan guru. GPP mengakui bahawa KB menyeronokkan kerana membuka minda mereka untuk meneroka, dan menambah peluang mereka untuk berinteraksi dengan rakan-rakan dan komuniti maya. Dapatan ini mengesahkan pendapat Foldnes (2016) bahawa KB merupakan satu bentuk pembelajaran aktif kerana ia merangsang emosi dan membantu individu untuk meneroka emosi orang lain menerusi interaksi secara talian dengan orang lain.

Hasil kajian menunjukkan KB ialah satu bentuk pembelajaran aktif kerana teknik ini menggabungkan tindakan dan perasaan. Teknik ini mengajak peserta untuk mempraktikkan emosi yang hadir dalam diri mereka apabila mereka terlibat di dalam sesi prapengajaran, interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. KB memberi mereka peluang untuk merasai sendiri emosi diri melalui perbincangan mereka dengan rakan-rakan, guru dan komuniti maya. Kewujudan pelbagai perasaan sendiri dalam kalangan peserta membuktikan KB boleh digunakan untuk mencungkil elemen emosi seperti yang disarankan oleh Ouda & Ahmed (2016). Pandangan oleh Graziano (2017) bahawa KB menyeronokkan dan mampu memupuk perasaan sendiri juga relevan di dalam konteks ini memandangkan peserta kajian lebih yakin ketika mengemukakan pendapat di dalam sesi interaksi bersemuka.





#### 5.4.2 Kesedaran Terhadap Emosi Orang Lain

Dapatan kajian ini menunjukkan peserta mempunyai kesedaran terhadap emosi orang lain dan melihat peri pentingnya perasaan orang lain apabila situasi moral dilontarkan kepada mereka. Peserta menunjukkan perasaan simpati atau belas kasihan, mengambil berat dan menyayangi orang lain menerusi aktiviti prapengajaran, interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. Dapatan kajian ini selaras dengan pandangan Bolotin (2003) bahawa individu berkebolehan menggunakan imaginasi, meningkatkan sensitiviti dan menyayangi orang lain demi kehidupan yang harmoni di dalam bilik darjah Pendidikan Moral.

Emosi terhadap orang lain lahir setelah peserta terlibat dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta bersimpati terhadap nasib orang lain yang dihina dan diperlekehkan oleh masyarakat dalam sesi interaksi bersemuka. Aktiviti *trade a problem*, *think-pair-share* dan *hot seats* mencetuskan emosi moral peserta. Mereka dapat faham emosi orang lain dan tidak dapat menerima reaksi yang berlebihan dan tidak menyenangkan yang dilontarkan terhadap orang lain. Mereka juga kurang senang dengan penderitaan yang dialami oleh orang lain. Dapatan kajian ini membuktikan pendapat Hederman, (1982) dan kajian Crenshaw, Hale, & Harper (2011) bahawa individu faham dan berupaya menjadi lebih manusia apabila hasil refleksi intelek digabungkan dengan aksi dan emosi.





Hasil kajian menunjukkan peserta simpati dengan nasib sesetengah anggota masyarakat yang mengaku secara terbuka tetapi menerima padah dikecam dan dihina hanya semata-mata kerana perbezaan seksual mereka. Peserta kajian prihatin terhadap sesetengah anggota masyarakat yang terperangkap lantaran sikap terbuka dan vokal mereka terhadap isu sensitif seperti LGBT. Keprihatinan peserta terhadap perasaan orang lain dalam kehidupan masyarakat juga membuktikan KB berjaya membangkitkan perasaan yang selaras dengan nilai murni masyarakat Malaysia yang menjadi salah satu objektif kemenjadian guru di negara kita berdasarkan piagam KSG.

Aktiviti prapengajaran dan sesi interaksi bersemuka peserta mendorong penggunaan pelbagai deria seperti penglihatan dan pendengaran untuk berinteraksi dengan mudah. Interaksi yang berlaku melibatkan perkongsian maklumat tentang kisah pengalaman mereka berhubung isu moral. Fenomena ini menyokong kajian Jin (2016) bahawa KB meningkatkan kesedaran deria. Pendapat mereka juga disokong kajian Brevik et al. (2018) bahawa peserta yang terlibat di dalam pengalaman sebenar berupaya mengingati isi kandungan pelajaran apabila pengalaman digabungkan dengan pengetahuan di dalam kelas. Kajian Brevik et al. (2018) juga selaras dengan kajian Lo et al. (2018) bahawa KB menjadi wahana untuk merangsang elemen pemikiran, perasaan dan amalan untuk kehidupan abad ke-21 yang menggabungkan antara pengetahuan dan pengalaman.

Dapatan kajian menunjukkan interaksi dua hala peserta kajian bersama-sama dengan ahli kumpulan dan komuniti maya telah menyediakan platform yang luas kepada peserta untuk mengenali perasaan mereka. Mereka juga menunjukkan kesedaran dan mengambil berat ahli kumpulan yang lain untuk menjayakan aktiviti yang





dilaksanakan. Mereka menunjukkan kewajiban untuk membantu rakan yang memerlukan. Dapatan kajian ini menyokong pendapat Gough et al. (2017) bahawa KB melibatkan keupayaan individu untuk mendekati diri dengan emosi orang lain. Empati telah menjadi elemen penting untuk membolehkan manusia berfikir tentang orang lain (Hoffman, 2001).

### 5.4.3 Dapatan Soalan Kajian 2

Hasil kajian ini menunjukkan KB mengembangkan aspek emosi moral GPP. Teknik KB sesuai digunakan untuk mengkaji emosi moral GPP dalam suasana yang tenang, aktif dan menyeronokkan peserta. Ketiga-tiga langkah KB telah memberikan ruang kepada GPP untuk mencetus dan memekarkan emosi moral dari aspek perasaan sendiri dan kesedaran terhadap perasaan orang lain.

Justeru, dapatan kajian ini menyokong hasil kajian Newman, Deyoe, Connor, & Lamendola (2014) dan Nouri (2016) bahawa elemen pembelajaran aktif seperti KB dapat melahirkan pemahaman tentang aspek kemanusiaan, nilai dan kemahiran di samping membantu mereka untuk tahu diri sendiri dan faham perasaan orang lain.

Satu lagi unsur penting yang dikaitkan dengan emosi moral manusia ialah kesedaran moral (Mustakova-Possardt, 2004). Dalam kajian ini, teknik KB tidak digunakan untuk mengukur kesedaran moral peserta kajian. Namun, dapatan kajian ini iaitu emosi yang diluahkan oleh peserta (perasaan sendiri dan kewujudan perasaan





terhadap orang lain) menerusi teknik KB menunjukkan bahawa perkembangan kesedaran moral peserta sedang berlaku, seperti yang dinyatakan oleh Sherblom (2012).

## 5.5 Perkembangan Amalan Moral

Hasil kajian menunjukkan teknik KB dapat mengembangkan amalan moral dalam kalangan peserta. Peserta menunjukkan amalan moral seperti melaksanakan tugas yang diberi, bekerjasama antara satu sama lain, bertolak ansur, berketerampilan dalam menyelesaikan konflik, bersikap berani, menunjukkan sikap berdikari, saling tolong-menolong, menepati masa, berbudi pekerti mulia dan rajin berusaha. Amalan ini merupakan norma guru Malaysia seperti yang dituntut di dalam KSG dan SGM. Dapatan ini juga menyokong kajian Pathanasetpong (2016) bahawa KB tidak semata-mata meningkatkan pemikiran seseorang individu tetapi membantu memperkukuhkan amalan dan nilai diri seseorang.

Hasil kajian juga menunjukkan peserta memperlihatkan amalan melaksanakan tugas yang diberi ketika mereka menerima arahan melaksanakan tugas di dalam platform *Schoology*, mencari masa yang sesuai untuk melaksanakan aktiviti dan bersedia untuk berbincang bukan sahaja dengan rakan kumpulan tetapi juga dengan komuniti maya. Peserta terlibat secara aktif dengan mengemukakan idea, berbincang dan melibatkan diri di dalam pelbagai aktiviti *Schoology* di dalam dan di luar waktu pengajaran. Dapatan ini menyokong kajian Rosenberg (2011) bahawa individu yang mempunyai tanggungjawab sosial akan juga mempunyai tanggungjawab terhadap diri mereka sendiri. Elemen ini seiring dengan hasrat di dalam SGM yang bertujuan





menyediakan guru tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai individu yang mampu mengubah diri sendiri, murid, keluarga dan ahli masyarakat.

Amalan melaksanakan tugas dipaparkan oleh peserta melalui penghasilan klip video dalam aktiviti pasca pengajaran. Peserta melaksanakan kewajipan dalam meneroka perisian yang sesuai untuk digunakan untuk menghasilkan klip video pendek, menyediakan skrip lakonan dan memuat naik ke dalam platform *Schoology* setelah klip video tersebut dihasilkan. Jelasnya, segala perbincangan dan idea penyelesaian dalam KB telah diterjemahkan di dalam tingkah laku yang boleh dilihat melalui penghasilan klip video. Hasil dapatan kajian ini jelas menyokong pendapat Martin, (2017) bahawa pola pendidikan yang menghubungkan kait antara teori dan amalan membolehkan refleksi sendiri manusia dihasilkan dan menyedarkan diri mereka tentang peranan dan tanggungjawab mereka. Hal yang sama juga menyokong kajian Xu (2018) bahawa KB merupakan rantai yang mengaitkan teori dan amalan seseorang individu.

Dapatan kajian telah menunjukkan amalan bekerja sama secara berpasukan oleh peserta kajian. Amalan bekerja sama merupakan tingkah laku yang memberi manfaat kepada proses pembelajaran sama ada dari segi hasil (*output*) mahupun sahshiah. Hasil kajian ini jelas menyokong kajian Raffaghelli (2017) bahawa KB dapat mengembangkan amalan bekerja sama bersama-sama dalam kumpulan. GPP boleh bekerjasama tanpa mengira bangsa dan agama melaksanakan aktiviti di peringkat prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan aktiviti pasca pengajaran. GPP telah bekerjasama dan menentukan sendiri strategi di dalam merangka proses pembelajaran yang optimum. Hasil kajian ini menyokong kajian Mazur et al. (2015) dan Blair,





Maharaj, & Primus (2016) bahawa KB merupakan satu pendekatan pedagogi yang mengembangkan amalan bekerjasama dalam kumpulan.

Dapatan kajian juga mengetengahkan amalan bertolak ansur peserta kajian. Peserta telah bertolak ansur dan menunjukkan sikap diplomasi serta sentiasa cuba untuk mencari penyelesaian terhadap konflik yang diajukan. Peserta menunjukkan sikap kesabaran. Amalan bertolak ansur ini ditunjukkan melalui sikap sabar dan mengawal diri. Hasil kajian ini menyokong kajian Gubbiyappa et al. (2016) bahawa pelaksanaan pelbagai aktiviti dalam teknik KB membolehkan peserta mempamerkan diri mereka secara matang. Hal ini selaras dengan aspirasi FPG untuk melahirkan guru yang mempamerkan peribadi yang tinggi dan mempunyai kompetensi profesional yang mantap.



Hasil kajian menunjukkan amalan berketerampilan dalam menyelesaikan masalah oleh peserta kajian Peserta tampil menyuarakan pendapat dalam sesi forum dan menyelesaikan masalah dalam sesi interaksi bersemuka. Dapatan ini menyokong kajian Patterson et al. (2018) bahawa satu manfaat KB ialah potensinya untuk mengajak peserta berbicara secara ‘panjang lebar’ kerana peserta mempunyai pengetahuan yang luas. Di dalam sesi interaksi bersemuka, peserta telah berupaya menterjemahkan pemikiran di dalam bentuk interaksi yang menggabungkan pengalaman dan pengetahuan. Pembicaraan pengalaman yang dilalui merupakan suatu fenomena pembelajaran yang unik kerana ia memberi ‘suara’ kepada sesuatu isu yang dibincangkan. Hal ini selaras dengan kehendak KSG yang bertujuan melahirkan GPP yang berketerampilan, berkeyakinan dan tabah dalam menghadapi cabaran dan rintangan dalam kehidupan.





Dapatan kajian juga menunjukkan peserta berani di dalam melontarkan idea dan pendapat mereka. Walaupun ada kalanya peserta tidak berupaya mengutarakan penyelesaian yang konkrit terhadap permasalahan yang dibincangkan, namun peserta masih tampil dengan yakin untuk menyelesaikan masalah tersebut. Hasil kajian ini jelas menyokong pendapat Lee (2018) bahawa teknik KB bertindak sebagai alat untuk mengembangkan keyakinan serta keterampilan individu untuk menyelesaikan masalah. Peserta dapat memanfaatkan kebebasan yang diberikan untuk berinteraksi dan mengemukakan pendapat dengan lebih yakin.

Dapatan kajian juga menunjukkan peserta berani berhujah, berbincang dan memberikan pendapat mereka di dalam platform *Schoology*. Peserta berani mengkritik pandangan yang dilemparkan oleh rakan mereka yang lain kerana gagal menjadi agen moral dalam masyarakat. Dapatan ini menyokong pendapat Freire (1972) dan Wink (2010) bahawa seseorang yang melibatkan diri di dalam aktiviti perbincangan secara aktif mampu melakukan perubahan dan bertindak berani untuk melaksanakan perubahan.

Hasil kajian ini juga menunjukkan sikap berdikari dalam kalangan peserta. Peserta dapat menunjukkan sikap berdiri atas kaki sendiri dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaian terhadap konflik yang berlaku. Amalan peserta ini menyokong kajian Fauzi & Hussain (2016) bahawa teknik KB memberikan kemahiran kepada individu untuk berfikir dan mencari penyelesaian sendiri terhadap permasalahan yang wujud di dalam kehidupan mereka. Pengalaman dan penglibatan peserta di dalam teknik KB memperkukuhkan amalan berdikari dalam kalangan peserta (Strayer, 2012).





Dapatan kajian juga menunjukkan amalan saling menolong dalam kalangan peserta. Amalan ini ketara dalam peringkat pelaksanaan aktiviti prapengajaran dan sesi interaksi bersemuka. Peserta lebih mengutamakan penglibatan dalam kumpulan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Hasil dapatan ini jelas menyokong kajian Sage & Sele (2015) bahawa teknik KB memupuk sikap individu yang bukan sahaja berfikiran kreatif tetapi juga mempunyai pemikiran untuk bertindak secara kolektif. Hal ini selaras dengan hasrat program Pendidikan Moral yang bertujuan masyarakat yang bermoral dan bersatu padu dalam menangani sesuatu cabaran.

Hasil kajian ini juga menunjukkan amalan berbudi pekerti mulia peserta kajian. Peserta menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi dengan rakan kumpulan dan rakan kolaborasi penyelidik. Hasil dapatan ini menyokong pendapat kajian Baytiyeh (2017) bahawa teknik KB mengembangkan komunikasi dan melahirkan suasana pembelajaran yang lebih meyakinkan. Peserta menunjukkan budi pekerti yang baik (memberikan salam, senyuman, melambaikan tangan) dengan rakan sebaya, penyelidik dan rakan kolaborasi penyelidik. Dapatan kajian ini menyokong pendapat Ohtake et al. (2018) bahawa individu yang terlibat dalam teknik KB menunjukkan perubahan positif dalam aspek komunikasi, personaliti dan budi pekerti.

Dapatan kajian juga menunjukkan amalan rajin berusaha peserta kajian. Peserta rajin mengemukakan soalan kepada penyelidik dan rakan-rakan tentang cara melaksanakan aktiviti peringkat prapengajaran dan aktiviti pasca pengajaran. Peserta cuba untuk mencari maklumat tentang penghasilan klip video yang berkualiti pada peringkat pasca pengajaran. Hasil dapatan kajian ini jelas menyokong kajian Quint (2015) dan Smith (2015a) bahawa teknik KB menjadi alat pendidikan yang berpotensi





di dalam bilik darjah dan mampu merangsang naluri pelajar untuk berusaha mencapai matlamat.

### 5.5.1 Dapatan Soalan Kajian 3

Hasil kajian menunjukkan teknik KB berupaya mengembangkan amalan moral GPP. Teknik KB sesuai digunakan untuk mengkaji amalan moral GPP. Ketiga-tiga langkah KB memberikan peluang kepada GPP untuk menterjemahkan pemikiran dan emosi moral ke dalam bentuk amalan moral. Pemikiran, emosi dan amalan moral dapat ditingkatkan dengan menggunakan pendekatan penyelesaian masalah (Johnson, 2015). Dapatan ini membuktikan kajian Chokshi et al. (2017) bahawa KB menjadi teknik pembelajaran yang boleh digunakan untuk mengubah tingkah laku.

Kajian ini juga membenarkan apa yang diutarakan oleh Bergmann & Sams (2014) tentang kesesuaian teknik KB yang boleh digunakan untuk mengubah pemikiran dan emosi individu dalam proses pembelajaran. Setiap individu yang menggunakan elemen pembelajaran sebelum waktu interaksi berupaya untuk mencerna maklumat dan melibatkan diri di dalam sesi interaksi bersemuka dengan lebih bermanfaat (Thambu, 2014). Ciri-ciri ini membolehkan KB menjadi wahana yang mampu mengkaji aspek moral manusia kerana keupayaan KB untuk melihat manusia dari dimensi pemikiran, emosi dan amalan.



## 5.6 Cabaran Yang Dilalui

Penyelidik berhadapan dengan beberapa cabaran sepanjang melaksanakan kajian ini.

Antaranya ialah:

### 5.6.1 Sikap Peserta

Sikap peserta merupakan cabaran utama penyelidik sepanjang menjalankan kajian ini.

Peserta tidak menunjukkan komitmen yang tinggi pada peringkat awal kajian ini.

Mereka tidak yakin dengan teknik KB apabila teknik ini diperkenalkan oleh penyelidik.

Peserta menunjukkan sikap sambil lewa dengan tidak mengakses bahan pembelajaran

yang dimuat naik dalam platform *Schoology*. Peserta juga kerap tidak bersedia di dalam

sesi interaksi bersemuka. Ini menyebabkan sesi interaksi bersemuka tidak dapat

dilaksanakan secara berkesan lantaran kekurangan persediaan rapi peserta kajian.

Peserta kerap menggunakan idea dan bahan perbincangan daripada rakan

peserta lain yang telah membaca bahan di dalam platform *Schoology*. Peserta juga tidak

berusaha untuk menelaah bahan yang dimuat naik dan menganggap pembacaan dalam

sesi prapengajaran sebagai beban. Di samping itu, peserta juga kerap tidak menonton

klip video secara talian yang dimuat naik dalam *Schoology* dan menyelesaikan aktiviti

yang diberikan sebelum melibatkan diri dalam sesi interaksi bersemuka. Keadaan ini

menyebabkan sesi interaksi bersemuka tidak dapat dijalankan secara teratur.



### 5.6.2 Akses Kepada *Schoology*

Memandangkan KB memerlukan akses kepada platform secara talian *Schoology*, sesi interaksi bersemuka sering terganggu kerana peserta tidak dapat mengakses platform secara talian *Schoology*. Peserta juga didapati tidak dapat mengakses bahan-bahan pembelajaran yang dimuat naik dalam *Schoology* pada peringkat aktiviti prapengajaran. Capaian internet yang lemah mengganggu proses pembelajaran peserta untuk memuat turun dan memuat naik bahan-bahan pengajaran.

Walaupun peserta berminat untuk belajar secara talian, akses internet yang terbatas menjadikan proses pembelajaran menjadi hambar. Peserta dapat melakukan pelbagai tugas seperti menghasilkan klip video pendek dengan menggunakan telefon pintar mereka tetapi tidak dapat memuat naik hasil kerja mereka disebabkan oleh capaian internet yang lemah. Peserta kecewa kerana tidak dapat memuat naik klip video yang dihasilkan ke dalam *YouTube*. Senario ini mengganggu tugas penyelidik untuk melaksanakan pengajaran KB.

### 5.6.3 Budaya Belajar

Walaupun peserta kajian ini merupakan GPP, terdapat kalangan peserta kajian yang masih bergantung pada sumber pembelajaran seperti nota dan bahan dalam bentuk *hard copy*. Peserta masih bergantung pada cara pembelajaran lama dengan menggunakan bahan bercetak dan menyatakan bahawa mereka sudah biasa dengan cara pengajaran ini. Mereka menyuarakan rasa cuak kerana tidak biasa dengan teknik KB, walaupun mereka menunjukkan minat terhadap elemen teknologi dalam pengajaran. Mereka,

sejak awal-awal lagi sudah menyatakan kebimbangan bahawa teknik KB mungkin memakan masa kerana mereka terpaksa berinteraksi dalam sesi secara talian.

Sifat taasub mereka terhadap cara pengajaran konvensional menyebabkan mereka merasakan bahawa pembelajaran KB membuang masa dan merupakan satu bebanan dalam proses pembelajaran. Mereka nampak lebih selesa dengan cara pembelajaran konvensional seperti duduk mendengar penerangan guru, membaca nota bercetak, menulis nota, membuat catatan dan menjawab soalan latihan. Senario ini mengelirukan penyelidik kerana GPP merupakan generasi Z yang mahir menggunakan komputer dan telefon pintar dalam kehidupan mereka.

#### 5.6.4 Faktor Bahasa

Penyelidik juga berhadapan dengan halangan bahasa dalam kalangan peserta. Bahasa ibunda kebanyakan peserta ialah bahasa Tamil dan bahasa Mandarin. Pada peringkat awal peserta mempunyai kesukaran untuk menterjemahkan pemikiran mereka dalam penulisan bahasa Melayu di dalam platform secara talian *Schoology*. Mereka mengalami kesukaran untuk menterjemahkan idea mereka dalam bentuk penulisan dalam bahasa Melayu.

## 5.7 Strategi Menangani Cabaran

Pendekatan mesra peserta digunakan oleh penyelidik untuk membantu menangani masalah guru perkhidmatan. Penyelidik sering meluangkan masa bersama dengan peserta untuk membantu mereka ‘bermesra’ dengan platform secara talian *Schoology*. Penyelidik juga bersama-sama mencari bahan-bahan pembelajaran dalam internet dan menentukan kesesuaian bahan-bahan tersebut.

Semua peserta kajian juga telah ditanya sama ada mereka pernah menggunakan aktiviti secara talian *Schoology* atau perisian lain yang membantu mereka menyelesaikan tugas. Peserta telah dibantu untuk menggunakan fungsi dalam *Schoology* dan perisian lain seperti *Microsoft Word*, *Microsoft Powerpoint*, *Prezi*, *Video Maker* dan *YouTube*. Peserta juga dilatih untuk berinteraksi secara efektif dalam *Schoology* agar mereka dapat berinteraksi dengan komuniti maya.

Penyelidik telah menggunakan khidmat bantuan GPP yang berkebolehan mengendalikan perisian agar peserta dapat memanfaatkan proses pembelajaran KB. Khidmat bantuan GPP ini membolehkan peserta mempelajari pelbagai kaedah mudah untuk mencari klip video, memuat naik klip video, membuat rakaman klip video yang berkualiti. Pendekatan ini membantu penyelidik untuk melaksanakan proses pengajaran KB dengan lebih teratur.

## 5.8 Implikasi Dapatan Kajian

Kajian ini dilaksanakan dalam reka bentuk kajian tindakan memandangkan tugas penyelidik untuk memperbaiki amalan pengajaran di bilik darjah. Manakala teknik KB pula digunakan sebagai teknik pengajaran kerana sifat teknik ini yang melibatkan elemen pemikiran, perasaan dan psikomotor individu. Dapatan kajian ini mengupas beberapa implikasi kepada matlamat Pendidikan Moral, guru dan pedagogi pengajaran moral. Antara implikasi tersebut ialah:

### 5.8.1 Implikasi Terhadap Matlamat Pendidikan Moral

Kajian tindakan ini membuktikan bahawa KB berpotensi sebagai teknik pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral khususnya yang melibatkan elemen pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral di bilik darjah. Sumbangan kajian ini ialah perbincangan yang melibatkan elemen pemikiran moral dalam kalangan GPP yang berkisar kepada unsur pemikiran moral yang rasional, penelitian dalam membuat keputusan moral dan justifikasi terhadap tindakan yang diambil. Aspek emosi moral pula melibatkan kesedaran pelbagai perasaan sendiri dan perasaan orang lain.

Amalan moral juga dapat dikembangkan dalam kalangan GPP berdasarkan teknik KB. Amalan ini merupakan sebahagian daripada amalan moral guru yang juga terkandung dalam FPG. Implikasinya, teknik KB boleh digunakan untuk merealisasikan objektif Pendidikan Moral dan pembinaan modal insan yang menjadi teras sistem pendidikan guru (Uskoković, 2018).

### 5.8.2 Implikasi Terhadap Aktiviti Perbincangan Dalam Kelas

Pada peringkat awal sebelum pelaksanaan teknik KB, GPP menunjukkan sikap yang pasif dalam aktiviti perbincangan di dalam kelas Pendidikan Moral. GPP tidak begitu berminat untuk melibatkan diri di dalam aktiviti prapengajaran dan sesi bersemuka di dalam kelas. Kajian ini menunjukkan sikap GPP yang berubah setelah teknik KB digunakan di dalam kelas Pendidikan Moral. GPP mula menggunakan platform secara talian *Schoology* dan berbincang dengan rakan untuk menggunakan platform tersebut. GPP juga melakukan perbincangan secara talian dan mengemukakan pendapat mereka secara bebas. Di dalam sesi bersemuka pula, GPP berbincang tentang apa yang telah mereka lalui di dalam platform secara talian *Schoology*.

Pengalaman belajar di peringkat prapengajaran dan sesi bersemuka ini merupakan pengalaman pembelajaran yang baharu kepada GPP. Aktiviti meneroka secara talian *Schoology* merupakan pengalaman yang agak baharu di mana setiap individu mengulas pengalaman peribadi mereka dan mengaitkan pengalaman tersebut dengan pengetahuan sedia ada berdasarkan kaca mata mereka sendiri. Penerokaan pengetahuan di dalam platform secara talian *Schoology* ini diterjemahkan di dalam perbincangan di dalam sesi interaksi bersemuka yang menjadikan GPP lebih aktif melibatkan diri di dalam aktiviti yang dikendalikan. Ini memandangkan GPP sudah mengetahui dan mendalami isu yang dibincangkan di dalam sesi prapengajaran.

Implikasinya, aktiviti perbincangan dalam platform secara talian *Schoology* telah menggalakkan perkongsian sosial yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat, memahami konflik sosial yang berlaku, berinteraksi secara maya dan membina kaedah untuk menyelesaikan masalah berdasarkan konsep moral. Individu menunjukkan pemikiran kritis kemahiran sosial yang diperlukan oleh seseorang guru.

Rakan sebaya GPP juga telah membantu di dalam penerokaan maklumat ketika aktiviti prapengajaran dilaksanakan menerusi platform secara talian *Schoology*. Guru Pendidikan Moral berpeluang untuk memilih aktiviti perbincangan yang mempunyai kandungan isu sebenar yang berkaitan dengan masyarakat dan mencabar minda untuk terlibat secara aktif di dalam proses pengajaran. Implikasi ini menyokong pendapat yang diutarakan oleh Vishalache (2011) bahawa perbincangan sebenar dilema

kehidupan (*real-life-dilema*) dapat menjadikan pelajar aktif khususnya apabila membicarakan isu-isu moral yang melibatkan masyarakat. Penglibatan aktif pelajar dalam membicarakan isu moral masyarakat memberi manfaat kepada mereka untuk membuat keputusan penting dalam kehidupan (Uskoković, 2018).

Kajian ini juga mendapati persembahan yang dilaksanakan oleh GPP bukan lagi sekadar menjawab soalan dalam bentuk sesi soal jawab. Perbincangan hasil perbincangan lebih dalam bentuk penggunaan perisian seperti *i-think* dan *Prezi*. Pembentangan 'hasil perbincangan' dengan berbantuan perisian merupakan cara mudah untuk menyalurkan maklumat dengan cara yang memudahkan pemahaman pelajar tentang sesuatu isu masyarakat (LaBanca, 2011). Ternyata, kaedah ini dapat menarik minat GPP di samping mereka berupaya memahami konflik moral yang dibincangkan dengan lebih baik. Di samping itu, GPP juga berupaya memahami pola



konflik dengan lebih teratur dan berupaya mencadangkan langkah penyelesaian yang lebih mudah. Cara ini membolehkan GPP menguasai kemahiran penyelesaian konflik.

### 5.8.3 Implikasi Terhadap Teknik Pengajaran

Kajian ini mendapati GPP berupaya mentafsir sesuatu isu yang tidak bermoral dan berkonflik dan diterjemahkan dalam bentuk perbincangan menerusi platform secara talian *Schoology* (prapengajaran) dan perbincangan (sesi interaksi bersemuka) yang melibatkan aktiviti seperti *trade a problem*, *think-pair-share* dan *hot seats*. Isu moral yang dikemukakan dalam platform secara talian *Schoology* membawa kepada perkongsian pelbagai maklumat dalam kalangan GPP dan sesi interaksi bersemuka telah digunakan untuk mencari jalan penyelesaian sesuatu isu moral dengan cara yang

bermoral.

Sesi interaksi bersemuka melibatkan perbincangan aktif dalam kalangan GPP yang telah membawa kepada penyelesaian isu moral. Implikasi teknik dalam pengajaran Pendidikan Moral ini ialah selain mewujudkan sifat sendiri dalam meneroka maklumat dan ilmu juga telah mengembangkan pemikiran moral GPP melalui sesi perbincangan (sesi interaksi bersemuka) dan kemahiran penyelesaian masalah melalui amalan moral.

Aspek pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral telah ditunjukkan secara bersepadu dalam konteks bilik darjah menerusi penglibatan GPP di dalam aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan pasca pengajaran. Pendedahan teknik KB telah memberi pendedahan kepada GPP untuk mengambil kira pelaksanaan teknik KB



sebagai teknik yang akan memperkukuhkan dimensi moral yang merangkumi elemen pemikiran, emosi dan amalan moral. Kajian ini juga membuktikan bahawa elemen pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral boleh diterapkan secara erat melalui penggunaan teknik dan pedagogi yang mantap dalam bilik darjah.

#### 5.8.4 Implikasi Terhadap GPP

Dapatan kajian menunjukkan GPP menjadi unsur penting dalam kejayaan keseluruhan pelaksanaan teknik KB. Implikasi kajian juga menunjukkan GPP berasa seronok dan menunjukkan minat yang tinggi untuk melibatkan diri dalam tiga peringkat pelaksanaan teknik KB yakni peringkat aktiviti prapengajaran, sesi interaksi bersemuka dan peringkat pasca pengajaran. Di dalam peringkat prapengajaran, GPP bukan sahaja melibatkan diri dalam platform secara talian *Schoology* tetapi juga berbincang dan melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan secara maya selain membina rangkaian dengan komuniti maya guru.

Di dalam sesi interaksi bersemuka pula, GPP telah melibatkan diri dengan cara pembelajaran seperti *trade a problem*, *hot seats* dan *think-pair-share*. Di dalam peringkat pasca pengajaran pula, pengalaman berinteraksi dan mengemukakan pendapat di dalam *Schoology* memberi pengalaman baharu kepada GPP. GPP juga berpeluang mempelajari cara menghasilkan klip video dan memuat naik secara talian. Hal ini telah mengubah perspektif GPP terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral. Perubahan sikap GPP terhadap Pendidikan Moral jelas dan mereka yakin akan potensi KB dan mata pelajaran Pendidikan Moral. GPP juga menunjukkan keyakinan KB



sebagai teknik pedagogi abad ke-21 yang mampu menjadi alternatif pedagogi yang berkesan.

Teknik ini juga telah berjaya ‘mengeluarkan’ dan mengembangkan potensi yang ada dalam kalangan GPP seperti bakat, kemahiran menggunakan perisian secara talian, kemahiran menyelesaikan masalah, imaginasi, memberi tumpuan, kebolehan mengemukakan pendapat dan kemahiran menghasilkan klip video. Selain itu, teknik ini mengetengahkan pola pemikiran untuk berfikir secara rasional berdasarkan emosi yang betul sebelum bertindak dengan menggunakan pelbagai sumber. Amalan moral dalam kalangan GPP telah dipupuk menerusi aktiviti seperti lakonan agar GPP menghayati tanggungjawab moral dan sosial terhadap masyarakat.

Dalam kajian ini, GPP juga telah menunjukkan amalan moral menerusi aksi lakonan dan isyarat bukan lisan seperti gerak badan, mimik muka, perawakan badan dan gerak mata ketika penyelesaian masalah isu moral dikemukakan. Ternyata, peserta kajian menerima kesan yang mendalam apabila amalan moral dipaparkan. Luahan pelbagai emosi dan perasaan oleh peserta menunjukkan bahawa komunikasi bukan lisan telah memainkan peranan penting untuk mencungkil emosi peserta. GPP berupaya memahami kepentingan komunikasi bukan lisan yang dipaparkan menerusi emosi, perasaan dan jiwa manusia, Menurut Ba, Baero, In, Pour, & Shokrpour (2017), penggunaan kata-kata bukan sahaja berupaya mengubah suasana (*mood*), sebaliknya boleh meninggalkan kesan yang mendalam terhadap diri seseorang individu. Kemahiran memahami perasaan orang lain daripada bahasa badan dan pengucapan kata-kata orang lain dapat melahirkan guru yang mempunyai sensitiviti moral terhadap orang lain.

Penggunaan teknik KB sebagai alternatif pedagogi abad ke-21 juga memberi perspektif baharu kepada peranan guru Pendidikan Moral. Ternyata, teknik KB mengubah peranan guru sebagai seorang pemberi yang aktif sebaliknya memberi peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Peranan guru berubah kepada seorang pemudah cara yang aktif untuk menggerakkan proses pembelajaran pelajar. Guru harus menggunakan teknik pengajaran seperti KB yang memberi peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Pendekatan sebegini berupaya untuk memberi peluang kepada pelajar untuk menjana idea secara kritis dan kreatif (Keengwe et al., 2014).

Pendedahan peserta kepada perbincangan isu moral yang melibatkan isu masyarakat berupaya mencabar minda peserta. Penerokaan maklumat menerusi platform secara talian *Schoology* telah mengurangkan beban peserta untuk melibatkan diri secara aktif dalam sesi interaksi bersemuka. Peserta mempunyai lebih banyak pilihan untuk mengemukakan pendapat dalam sesi interaksi bersemuka kerana peserta telah meneroka maklumat, berinteraksi dengan rakan peserta dan komuniti maya yang lain untuk mencari penyelesaian tentang isu moral. Penerokaan dan penghayatan terhadap maklumat dengan cara ini telah membolehkan peserta dapat menyelesaikan masalah secara amali (lakonan) dengan cara yang lebih bermoral. Cara ini telah memberi kesedaran kepada guru untuk mengurangkan kebergantungan kepada cara konvensional. Guru perlu tahu cara untuk merangsang murid untuk melaksanakan aktiviti penerokaan maklumat secara sendiri dan membantu murid untuk berfikir, membuat pertimbangan, memupuk perasaan dan bertindak secara bermoral.

Justeru, peluang untuk melibatkan diri secara aktif di dalam bilik darjah kepada murid perlu diberikan oleh guru Pendidikan Moral agar proses membina ilmu dapat diterapkan. Menyebar-luas penggunaan teknik KB yang berpusatkan murid dapat membantu usaha untuk mendekati murid dengan pembelajaran aktif. Guru perlu diberikan sokongan dan bantuan agar mereka dapat melaksanakan ketiga-tiga proses KB dengan baik agar proses pengaliran ilmu di dalam Pendidikan Moral berlaku dengan baik.

### 5.9 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian tentang perkembangan pemikiran, emosi dan amalan moral dalam kalangan GPP yang terlibat dalam teknik KB hanya melibatkan GPP daripada tiga institut pendidikan guru yang terlibat dengan opsyen Pendidikan Moral. Kajian lanjutan dicadangkan untuk menentukan potensi KB dalam latar dan peserta kajian yang berlainan. Teknik KB perlu diuji untuk melihat keberkesannya terhadap guru-guru perkhidmatan yang berkhidmat di bandar dan luar bandar. Hal ini kerana guru Pendidikan Moral di bandar dan luar bandar terdiri daripada komposisi kepakaran yang berbeza di dalam bidang Pendidikan Moral.

Oleh sebab teknik ini menunjukkan kejayaan dalam mengembangkan pemikiran, emosi dan amalan moral dalam kalangan GPP di institut pendidikan perguruan, maka teknik ini juga boleh cuba digunakan terhadap guru yang sedang mengikuti kursus dalam perkhidmatan di institut pendidikan guru bagi mengukuhkan lagi teknik ini. Hal ini kerana, dalam realiti masih ramai lagi guru yang masih menggunakan kaedah konvensional di dalam menyampaikan pengajaran mereka.



Pendekatan berpusatkan guru masih mendasari pengajaran kebanyakan guru (Soysal & Radmard, 2017). Keupayaan teknik KB kepada guru yang tidak menggunakan pengajaran berpusatkan murid perlu dikaji agar teknik ini menjadi pedagogi yang boleh diguna pakai kepada semua guru.

Teknik ini juga perlu dicuba kepada murid sekolah rendah dalam usaha untuk menyebarkan KB sebagai teknik pengajaran Pendidikan Moral. Hal ini kerana peserta kajian juga berpendapat bahawa teknik KB merupakan satu teknik yang baharu dan dicanangkan dalam Pelan Transformasi Pendidikan Negara. Murid sekolah rendah masih belum mendengar konsep-konsep seperti *trade a problem*, *hot seats*, *think-pair-share* apatah lagi menggunakan platform secara talian *Schoology*.



Oleh itu, potensi KB boleh dikaji dalam kalangan murid sekolah rendah memandangkan penggunaan pedagogi abad ke-21 semakin meluas dalam kalangan guru. Sekurang-kurangnya pendedahan awal tentang teknik ini di peringkat sekolah rendah dapat memberikan pengalaman baharu kepada murid sekolah rendah untuk melibatkan diri dalam pembelajaran aktif. Pengalaman pembelajaran sebegini sudah tentu memberi pengalaman berfikir secara matang dan berani, meluahkan emosi dan melaksanakan tindakan moral dengan cara yang betul sebelum mereka menjejaskan kaki ke sekolah menengah.



Kajian lanjutan dengan menggunakan reka bentuk yang melibatkan kajian kualitatif dan kuantitatif serta melibatkan penggunaan instrumen kajian yang sesuai boleh difokuskan untuk meneroka potensi KB. Melalui dapatan tersebut perbandingan boleh dibuat antara konstruk KB dan perkaitannya dengan elemen pemikiran, emosi dan amalan moral.

Dalam kajian ini, teknik KB hanya digunakan untuk meneroka pemikiran, emosi dan amalan moral GPP. Penyelidik tidak menggunakan KB untuk meneliti tahap perkembangan penaaakulan moral. Teknik KB yang distrukturkan boleh digunakan untuk menguji tahap penaaakulan murid. Dalam pada itu, penyelidik juga mencadangkan konsep-konsep bidang moral yang lain seperti kepedulian moral, orientasi moral, autonomi moral dan keadilan moral juga boleh diteroka dengan menggunakan teknik

KB yang bersifat praktikal untuk menjadikan konsep-konsep ini diguna pakai secara bertimbal balik dalam khalayak umum khususnya murid dan guru.

Selain itu, pemikiran moral dan tindakan moral juga melibatkan motivasi moral. Motivasi moral merupakan satu bentuk motivasi kepada seseorang untuk bertindak secara bermoral. Individu yang terlibat dalam kajian ini mempunyai motivasi moral untuk mencadangkan jalan penyelesaian menerusi penglibatan mereka di dalam platform secara talian mahupun aktiviti dalam sesi interaksi bersemuka. KB boleh digunakan untuk meneroka motivasi moral untuk melahirkan guru yang mempunyai nilai dan sahsiah yang tinggi. Elemen ini perlu agar guru menjadi agen moral masyarakat yang berkualiti.



## 5.10 Kesimpulan

KB berpotensi mengembangkan ketiga-tiga aspek dalam dimensi moral GPP. Kajian ini juga memberi nafas baharu kepada perkembangan pedagogi Pendidikan Moral untuk guru. Pendedahan GPP kepada teknik KB berpotensi menjadi nilai tambah (*value added*) kepada proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di negara kita. Pembangunan modal insan yang berkualiti bergantung pada proses penyampaian pengajaran yang berupaya melahirkan individu yang boleh berfikir dan meluahkan emosi dengan cara yang betul memandangkan elemen-elemen ini penting untuk membentuk tingkah laku sejajar dengan usaha melahirkan dan melestarikan guru berkualiti.





## RUJUKAN

A.Bailey, C. (2007). *A Guide to Qualitative Field Research 2nd Ed.* Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Ab Kadir, M. A. (2017). Developing critical thinkers in the 21 st century: gaps in teacher education? *Thinking Skills and Creativity*, 23, 79–90.

Abd. Shatar Bin Che Abd. Rahman. (2007). *Pengetahuan Kandungan Dan Pedagogi Guru Pendidikan Moral Tingkatan Empat Di Sebuah Sekolah.* Tesis yang dikemukakan kepada Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abd Rahim Abd Rashid, . (2001). *Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan - Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru.* Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Abdul Rahman Md. Aroff. (1984). Matlamat Pendidikan Moral: Suatu penilaian terhadap matlamat Projek Pendidikan Moral di Malaysia. *Pendidik Dan Pendidikan*, 6, 52–59.

Abdul Rahman Md Aroff & Chang Lee Hoon. (1994). *Pendidikan Moral.* Selangor: Longman Malaysia.

Abdullah, S. S., Yaacob, A., & Rahim, F. A. (2013). When compelled to FB around academic texts: Postgraduate students reflected on their online experience. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 10, 1–27.

Abeysekera, L., & Dawson, P. (2015). Motivation and cognitive load in the flipped classroom: definition, rationale and a call for research. *Higher Education Research & Development*, 34(1), 1–14. <https://doi.org/10.1080/07294360.2014.934336>

Ahmet Basal. (2015). The Implementation Of A Flipped Classroom In Foreign Language Teaching. *Turkish Online Journal of Distance Education-TOJDE*, 16(4), Article 3.

Al-Zahrani, A. M. (2015). From passive to active: The impact of the flipped classroom through social learning platforms on higher education students' creative



thinking. *British Journal of Educational Technology*, 46(6), 1133–1148.  
<https://doi.org/10.1111/bjet.12353>

Alkurtehe, K. A. M., & Dzakiria, H. (2018). An Overreview of the Sociocultural Theory and Vocabulary Development. *Journal of English Educators Society*, 3(1), 41–50.

Altrichter, H., Kemmis, S., McTaggart, R., Zuber-Skerritt, O., Zuber-Skerritt, O., & Zuber-Skerritt, O. (2002). The concept of action research. *The Learning Organization*, 9(3), 125–131. <https://doi.org/10.1108/09696470210428840>

Aluwihare-Samaranayake, D. (2012). Ethics in qualitative research: A view of the participants' and researchers' world from a critical standpoint. *International Journal of Qualitative Methods*, 11(2), 64–81.

Arawi, T. (2002). Values in education. *Journal of College and Character*, 3(6).

Aristotle. (1925). *The Nicomachean ethics*. Oxford: Oxford University Press.



Aroff, A. R. M. (1999). *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Aroff, A. R. M. (2005). Pembinaan dan Pendidikan Karakter. Dalam *Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Asia-Pacific Moral, Civic and Citizenship Education Conference pada 21-22 September, 2005 di Hotel Concorde, Kuala Lumpur*.

Aroff, A. R. M., & Chang, L. H. (1994). *Pendidikan Moral: dinamika guru*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.

Arthur, J., & Revell, L. (2005). *Character Formation in Schools and the Education of Teachers*. Canterbury, UK: Christ Church University.

Asher, C., & Beam, S. (2017). *The Flipped Classroom: A Program Preparing Faculty to Implement Theory into Practice* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Digital Dissertations. (AAT 10757031).

Aslan, S. (2015). Is learning by teaching effective in gaining 21st century skills? The views of pre-service science teachers. *Kuram ve Uygulamada Egitim Bilimleri*, 15(6), 1441–1457. <https://doi.org/10.12738/estp.2016.1.0019>





Author, O., & Lewis, T. E. (2012). Teaching with Pensive Images: Rethinking Curiosity in Paulo Freire's Pedagogy of the. *Source: The Journal of Aesthetic Education Journal of Aesthetic Education*, 46(1), 27–45. <https://doi.org/10.5406/jaesteduc.46.1.0027>

Ba, F., Baeero, M., In, N., Pour, S. R., & Shokrpour, N. (2017). The impact of the teachers' non-verbal communication on success in teaching. *Journal of Advances in Medical Education & Professionalism*, 5, 51–59.

Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard Guru Malaysia. Standard Guru Malaysia*. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>

Bain, J. D., Ballantyne, R., Packer, J., & Mills, C. (1999). Using journal writing to enhance student teachers' reflectivity during field experience placements. *Teachers and Teaching: Theory and Practice*, 5(1), 51–73. <https://doi.org/10.1080/1354060990050104>

Balakrishnan, V., & Claiborne, L. B. (2012). Vygotsky from ZPD to ZCD in moral education: reshaping Western theory and practices in local context. *Journal of Moral Education*, 41(2), 225–243. <https://doi.org/10.1080/03057240.2012.678056>

Banks, M. (2007). *Using Visual Data in Qualitative Research*. London, UK: Sage. Retrieved from <http://srmo.sagepub.com/view/using-visual-data-in-qualitative-research/SAGE.xml>

Barone, T. N. (2004). Moral dimensions of teacher-student interactions in Malaysian secondary schools. *Journal of Moral Education*, 33(2), 179–196.

Barr, D., Harrison, J., & Conery, L. (2011). Computational Thinking: A Digital Age Skill for Everyone. *Learning and Leading with Technology*, 38(6), 20–23.

Baytiyeh, H. (2017). The flipped classroom model: when technology enhances professional skills. *International Journal of Information and Learning Technology*, 34(1), 51–62. <https://doi.org/10.1108/IJILT-07-2016-0025>

Bebeau, M. J., Rest, J. R., & Narvaez, D. (1999). Beyond the Promise: A Perspective on Research in Moral Education. *Educational Researcher*, 28(4), 18–26.



Beckmann, J., Weber, P., Beckmann, J., & Weber, P. (2016). Cognitive presence in virtual collaborative learning. *Interactive Technology and Smart Education*, 13(1), 52–70.

Beilstein, S. O., Perry, M., & Bates, M. S. (2017). Prompting meaningful analysis from pre-service teachers using elementary mathematics video vignettes. *Teaching and Teacher Education*, 63, 285–295. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.01.005>

Bell, P. E., & Liu, L. (2015). Moral Reasoning of Pre-Service Teachers: The Effects of Instruction in Moral Development Theory and Instructor Moderated Dilemma Discussion in the Asynchronous Online Classroom. *A. International Journal of Technology in Teaching and Learning*.11(1). pp 60-75

Bell, S. K., Kerfoot, B. P., & Gaufer, E. (2014). Online tool to promote medical student professionalism and moral decision making. *Medical Education*, 48(5), 538–539. <https://doi.org/10.1111/medu.12469>

Bergman, R. (2002). Why Be Moral? *Human Development*, 45(2), 104–124.

Bergmann, J., Overmyer, J., & Wilie, B. (2013). The Flipped Class: What it is and What it is Not. *The Daily Riff*. <https://doi.org/10.1017/S0009840X13000711>

Bergmann, J., & Sams, A. (2012). Before you flip, consider this. *Phi Delta Kappan*, 94(2), 25. <https://doi.org/10.1177/003172171209400206>

Bergmann, J., & Sams, A. (2014). Flipping for Mastery. *Educational Leadership*, 71(4), 24–29. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1007/s11528-015-0900-8>

Bergmann, J., & Sams, A. (2014). The flipped classroom. *CSE*, 17(3), 24–27.

Bergmann, J., & Sams A. (2012). *Flip Your Classroom: Reach Every Student in Every Class Every Day*. Eugene, Or: International Society for Technology in Education.

Berk, R. A. (1990). Importance of Expert Judgment in Content-Related Validity Evidence. *Western Journal of Nursing Research*, 12(5), 659–671.

Birt, L., Scott, S., Cavers, D., Campbell, C., & Walter, F. (2016). Member Checking: A Tool to Enhance Trustworthiness or Merely a Nod to Validation? *Qualitative Health Research*, 26(13), 1802–1811. <https://doi.org/10.1177/1049732316654870>

Bishop, J. L., & Verleger, M. A. (2013). The flipped classroom: A survey of the research. Dalam *ASEE Annual Conference and Exposition, Conference Proceedings*. Atlanta.

Blair, E., Maharaj, C., & Primus, S. (2016). Performance and perception in the flipped classroom. *Education and Information Technologies*, 21(6), 1465–1482.

Blasi, A. (1980). Bridging moral cognition and moral action: A critical review of the literature. *Psychological Bulletin*, 88(1), 1–45. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.88.1.1>

Boeije, H. (2014). *Analysis in qualitative research*. Los Angeles: SAGE.

Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2006). *Qualitative research in education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn and Bacon.

Bolotin, J. P. (2003). Teaching about the Moral Classroom: Infusing the moral imagination into teacher education. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 31(1), 7–20. <https://doi.org/10.1080/13598660301617>

Bonnefon, J. F. (2017). *Reasoning unbound: Thinking about morality, delusion and democracy*. *Reasoning Unbound: Thinking about Morality, Delusion and Democracy*. United Kingdom: Springer Nature.

Bourne, R. (1992). *Radical will: Selected writings 1911-1918*. Berkeley, CA: University of California Press.

Boyatzis, R. (1998). *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Brandenburg, R., Glasswell, K., Jones, M., & Ryan, J. (2017). *Reflective Theory and Practice in Teacher Education*. Singapore: Springer Nature. <https://doi.org/10.1007/978-981-10-3431-2>

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.

Brenda, D. (2015). Using Flipped Classroom Approach to Explore Deep Learning in Large Classrooms. *The IAFOR Journal of Education*, III(1), 171–186.

Breslow, L. (2015). The Pedagogy and Pleasures of Teaching a 21st-Century Skill. *European Journal of Education*, 50(4), 420–439. <https://doi.org/10.1111/ejed.12159>

Brevik, L. M., Gunnulfsen, A. E., & Renzulli, J. S. (2018). Student teachers' practice and experience with differentiated instruction for students with higher learning potential. *Teaching and Teacher Education*, 71, 34–45. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.12.003>

Broderick, J. E. (2016). *Flipped Classrooms as an Experiential Learning Strategy: How Do Faculty Adapt to Teaching with Instructional Technology?* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Digital Dissertations. (AAT 10245662).

Brunsell, E., & Horejsi, M. (2013). Flipping Your Classroom in One “Take.” *The Science Teacher*, 80(3), 8.

Bull, N. J. (1969). *Moral education*. London, UK: Routledge & Kegan Paul.

Butt, R.L., Townsend, D., & Raymond, D. (1990). Bringing Reform to Life: Teachers' Stories and Professional Development. *Cambridge Journal of Education*, 20(3), 255–268.

Butt, A. (2014). Student views on the use of a flipped classroom approach: Evidence from Australia. *Business Education and Accreditation*, 6(1), 33–44.

Cahn, L. Van, & Renandya, W. A. (2017). Teachers' English Proficiency and Classroom Language Use: A Conversation Analysis Study. *RELC Journal: A Journal of Language Teaching and Research in Southeast Asia*, 48(1), 67–81. <https://doi.org/10.1177/0033688217690935>

Canter, M. (2012). E-heutagogy for lifelong e-learning. *Procedia Technology*, 1, 129–131. <https://doi.org/10.1016/j.protcy.2012.02.025>





Cargile, L. A., & Harkness, S. S. (2014). Flip or Flop: Are Math Teachers Using Khan Academy as Envisioned by Sal Khan? *TechTrends*, 59(6), 21–28. <https://doi.org/10.1007/s11528-015-0900-8>

Cassidy, A., Fu, G., Valley, W., Lomas, C., Jovel, E., & Riseman, A. (2016). Flexible Learning Strategies in First through Fourth-Year Courses. *Collected Essays on Learning and Teaching*, 9(0), 83–94.

Chang, L. H. (1998). *Moral reasoning of Malaysian students: A study of choices of action, values and orientations of 16 year-old students*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Macquairie.

Chang, L. H. (2002). Perkembangan Domain Moral dalam pengajaran dan pembelajaran sains sosial. Dalam *Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*.

Chang, L. H. (2003). Pendekatan dalam pendidikan moral. Dalam *Kertas kerja yang dibentangkan dalam Kursus Orientasi Jurulatih Utama Pendidikan Moral KBSR/KBSM (semakan), Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*. (pp. 1–8).

Chang, L. H. (2013). Revisiting the Values in Moral Education for Malaysian schools. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 3(2), 49–59.

Chen, S., She, J., Kameda, H., & Ohno, S. (2015). Implementation and Evaluation of Flipped Classroom in Chinese Language Course. Dalam *Proceedings of the Multidisciplinary Academic Conference* (p. 1).

Chen, Y., Wang, Y., Kinshuk, & Chen, N. S. (2014). Is FLIP enough? or should we use the FLIPPED model instead? *Computers and Education*, 79, 16–27.

Cherubini, L. (2009). Exploring prospective teachers' critical thinking: Case-based pedagogy and the standards of professional practice. *Teaching and Teacher Education*. 25 (2). p228-234 <https://doi.org/10.1016/j.tate.2008.10.007>

Chi, M. T. H., Kang, S., & Yaghmourian, D. L. (2017). Why Students Learn More From Dialogue- Than Monologue-Videos: Analyses of Peer Interactions. *Journal of*



*the Learning Sciences*, 26(1), 10–50.

Chiappe, A., & Lee, L. L. (2017). Open teaching: A new way on e-learning? *Electronic Journal of E-Learning*, 15(5), 369–383.

Choi, J., & Lee, Y. (2018). To what extent does ‘flipping’ make lessons effective in a multimedia production class? *Innovations in Education and Teaching International*, 55(1), 3–12. <https://doi.org/10.1080/14703297.2015.1123105>

Chokshi, B. D., Schumacher, H. K., Reese, K., Bhansali, P., Kern, J. R., Simmens, S. J., ... Greenberg, L. W. (2017). A “resident-as-Teacher” Curriculum Using a Flipped Classroom Approach: Can a Model Designed for Efficiency Also Be Effective? *Academic Medicine*, 92(4), 511–514. <https://doi.org/10.1097/ACM.0000000000001534>

Chootongchai, S., & Songkram, N. (2018). Design and development of SECI and moodle online learning systems to enhance thinking and innovation skills for higher education learners. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 13(3), 154–172. <https://doi.org/10.3991/ijet.v13i03.7991>

Choy, S. C., Yim, J. S.-C., & Tan, P. L. (2017). Reflective thinking among preservice teachers: A Malaysian perspective. *Issues in Educational Research*, 27(2), 234–251.

Chubbuck, S. M., Burant, T. J., & Whipp, J. L. (2007). The presence and possibility of moral sensibility in beginning pre-service teachers. *Ethics and Education*, 2(2), 109–130. <https://doi.org/10.1080/17449640701610137>

Chung, K. Lo, & Khe, F. H. (2017). A critical review of flipped classroom challenges in K-12 education: possible solutions and recommendations for future research. *Research and Practice in Technology Enhanced Learning*, 12(1), 4. <https://doi.org/10.1186/s41039-016-0044-2>

Churcher, K. M. A., Downs, E., & Tewksbury, D. (2014). “Friending” Vygotsky: A Social Constructivist Pedagogy of Knowledge Building Through Classroom Social Media Use. *The Journal of Effective Teaching*, 14(1), 33–50.

Clark, K. R. (2015). The Effects of the Flipped Model of Instruction on Student Engagement and Performance in the Secondary Mathematics Classroom. *Journal of Educators Online (JEO)*, 12(1), 91–115.



Cockburn, A. D. (2014). Using Semi-Structured Interviews to Study Mediocre Teachers: Ethical Issues. *SAGE Research Methods Cases*. <https://doi.org/10.4135/978144627305014533935>

Colby, A., & Kohlberg, L. (2011). *The Measurement of Moral Judgment. The measurement of moral judgment: Volume 1*. Cambridge: Cambridge University Press.

Correa, M. (2015). Flipping the Foreign Language Classroom and Critical Pedagogies: A (New) Old Trend. *Higher Education for the Future*, 2(2), 114–125.

Costley, J. (2016). The effects of instructor control on critical thinking and social presence: Variations within three online asynchronous learning environments. *The Journal of Educators Online*, 13(1), 109–171. <https://doi.org/ISSN 1547-500X>

Cowell, B. (1995). Developing a Basis for Moral Thinking. *International Review of Education*, 41(1–2), 33–45.

Coyne, R. D., Lee, J., & Petrova, D. (2017). Re-visiting the flipped classroom in a design context. *Journal of Learning Design*, 10(2), 1–13.

Crenshaw, P., Hale, E., & Harper, S. L. (2011). Producing Intellectual Labor in the Classroom: The Utilization of a Critical Thinking Model to Help Students Take Command of Their Thinking. *Journal of College Teaching & Learning*, 8(7), 13–26.

Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Boston, MA: Pearson.

Creswell, J. W. (2015). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. New York: Pearson.

Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2007). *Designing and Conducting Mixed Method Research*. Thousand Oaks, CA, US: Sage Publications, Inc.

Crowe, A. R., & Cuenca, A. (2016). *Rethinking Social Studies Teacher Education in the Twenty-First Century*. Switzerland: Springer.

Cullity, G. (2018). *A Morality of Relationships*. England, UK: Oxford University Press.

Dart, B. C., Boulton-Lewis, G. M., Brownlee, J. M., & McCrindle, a. R. (1998). Change in knowledge of learning and teaching through journal writing. *Research Papers in Education*, 13(3), 291–318. <https://doi.org/10.1080/0267152980130305>

Davies, R. S., Dean, D. L., & Ball, N. (2013). Flipping the classroom and instructional technology integration in a college-level information systems spreadsheet course. *Educational Technology Research and Development*, 61(4), 563–580. <https://doi.org/10.1007/s11423-013-9305-6>

De Ruyter, D. J., & Kole, J. J. (2010). Our teachers want to be the best: On the necessity of intra-professional reflection about moral ideals of teaching. *Teachers and Teaching: Theory and Practice*, 16(2), 207–218. <https://doi.org/10.1080/13540600903478474>

Delgado, A. J., Wardlow, L., McKnight, K., & O'Malley, K. (2015). Educational Technology: A Review of the Integration, Resources, and Effectiveness of Technology in K-12 Classrooms. *Journal of Information Technology Education*, 14, 397–416. <https://doi.org/10.28945/2298>

Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2000). *The Sage handbook of qualitative research*. (2nd ed). Thousand Oaks.: Sage Publication Inc. <https://doi.org/10.15713/ins.mmj.3>

DeRuisseau, L. R. (2016). The flipped classroom allows for more class time devoted to critical thinking. *Advances in Physiology Education*, 40(4), 522–528. <https://doi.org/10.1152/advan.00033.2016>

Devotta, K., Woodhall-Melnik, J., Pedersen, C., Wendaferew, A., Dowbor, T. P., Guilcher, S. J. T., ... Matheson, F. I. (2016). Enriching qualitative research by engaging peer interviewers: a case study. *Qualitative Research*, 16(6), 661–680.

DeVries, R., & Zan, B. (1994). *Moral Classrooms, Moral Children: Creating a Constructivist Atmosphere in Early Education*. Children. New York: Teachers College Press.

Dewey, J. (1963). *Experience and education*. New York: Macmillan.



Doerksen, R. (2016). Looking Inward to 21 Century Pedagogy. *McGill Journal of Education*, 51(3), 1197. <https://doi.org/10.7202/1039636ar>

Doughty, S., Francksen, K., Huxley, M., & Leach, M. (2008). Technological enhancements in the teaching and learning of reflective and creative practice in dance. *Research in Dance Education*, 9(2), 129–146. <https://doi.org/10.1080/14647890802088041>

Downey, M., & Kelly, A. V. (1985). *Moral Education: Theory and Application*. London, UK: Harper & Row.

Downey, M., & Kelly, A. V. (1978). *Moral Education: Theory and Practice*. London, UK: Harper & Row: Harper & Row.

Durkheim, E. (1961). *Moral Education: A Study in the Theory and Application of the Sociology of Education*. University of California: Free Press.

Dusenbury, M. J. (2016). *The Effects of Flipped Learning on Critical Thinking Disposition Among Undergraduate College Students* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Digital Dissertations. (AAT 10163568).

Eisenberg, N. (2000). Emotion, Regulation, and Moral Development. *Annual Review of Psychology*, 51(1), 665–697. <https://doi.org/10.1146/annurev.psych.51.1.665>

Eisenberg, N., & Mussen, P. H. (1989). *The Roots of Prosocial Behaviour in Children*. New York, NY: Cambridge University Press.

Eisenberg, N., & Strayer, J. (1987). *Empathy and Its Development*. Cambridge, Mass: Cambridge University Press.

Elizabeth Burmeister, E., & M. Aitken, L. M. (2012). Sample size: How many is enough? *Australian Critical Care*, 25, 271—274.

Emmet, D. (1979). *The moral prism*. London, UK: Macmillan.

Etikan, I. (2016). Comparison of Convenience Sampling and Purposive Sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1. <https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>



Eun, B. (2010). From learning to development: A sociocultural approach to instruction. *Cambridge Journal of Education*, 40(4), 401–418. <https://doi.org/10.1080/0305764X.2010.526593>

Farrokhi, F., & Mahmoudi-Hamidabad, A. (2012). Rethinking Convenience Sampling: Defining Quality Criteria. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(4).

Fauzi, S. S. M., & Hussain, R. M. R. (2016). Designing Instruction for Active and Reflective Learners in the Flipped Classroom. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 13(2), 147–173.

Ferguson-Patrick, K. (2007). Writers develop skills through collaboration: an action research approach. *Educational Action Research*, 15(2), 159–180.

Findlay-Thompson, S., & Mombourquette, P. (2014). Evaluation of a Flipped Classroom in an Undergraduate Business Course. *Business Education and Accreditation*, 6(1), 95–108. <https://doi.org/10.1080/08832323.1963.10116709>

Flick, U. (2007). *The Sage Qualitative Research Kit*. SAGE. London, UK: SAGE.

Flumerfelt, S., & Green, G. (2013). Using Lean in the Flipped Classroom for At Risk Students. *International Forum of Educational Technology & Society*, 16(1), 356–366.

Foldnes, N. (2016). The flipped classroom and cooperative learning: Evidence from a randomised experiment. *Active Learning in Higher Education*, 17(1).

Foot, P. (2012). *Virtues and Vices : and other essays in moral philosophy*. UK: Oxford University Press.

Fraenkel, N., and Wallen, H. (2009). *How to design and evaluate research in education*. New York. McGraw-Hill

Freire, P. (1972). *Pedagogy of the oppressed*. Harmondsworth, UK: Penguin Books.

Gallagher, J. J. (1994). Teaching and Learning: New Models. *Annu. Rev. Psychol*, 45,

171–95.






Garrison, J., & Boler, M. (1999). Feeling Power: Emotions and Education. *Educational Researcher* . Vol. 28 (9). pp 33.

Gewirtz, J. L., & Kurtines, W. M. (1991). *Handbook of moral behavior and development*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.

Giannakaki, M.-S. S., & Batziakas, G. (2016). ‘This is a beautiful school.’ ‘This school is useless!’ Explaining disengagement in a Greek vocational school through the examination of teacher ideologies. *Research in Post-Compulsory Education*, 21(4), 409–433. <https://doi.org/10.1080/13596748.2016.1226585>

Gibbs, J. C. (2010). *Moral development & reality : beyond the theories of Kohlberg and Hoffman*. Penguin academics. <https://doi.org/10.4135/9781452233604>

Gilligan, C. (1982). *In a different voice : psychological theory and women’s development*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi  
Gökçe, K. (2017). Implementing the Flipped Classroom in Teacher Education: Evidence from Turkey. *Journal of Educational Technology & Society*, 20(1), 211–221.

Gough, E., DeJong, D., Grundmeyer, T., & Baron, M. (2017). K-12 Teacher Perceptions Regarding the Flipped Classroom Model for Teaching and Learning. *Journal of Educational Technology Systems*, 45(3), 390–423.

Graziano, K. J. (2017). Peer Teaching in a Flipped Teacher Education Classroom. *TechTrends*, 61(2), 121–129. <https://doi.org/10.1007/s11528-016-0077-9>

Green, R. D., & Schlairet, M. C. (2017). Moving toward heutagogical learning: Illuminating undergraduate nursing students’ experiences in a flipped classroom. *Nurse Education Today*, 49, 122–128. <https://doi.org/10.1016/j.nedt.2016.11.016>

Grossman, P., & McDonald, M. (2008). Back to the Future: Directions for Research in Teaching and Teacher Education. *American Educational Research Journal*, 45(1), 184–205. <https://doi.org/10.3102/0002831207312906>



Gubbiyappa, K., Barua, A., Das, B., Vasudeva Murthy, C., & Baloch, H. (2016). Effectiveness of flipped classroom with Poll Everywhere as a teaching-learning method for pharmacy students. *Indian Journal of Pharmacology*, 48(7), 41. <https://doi.org/10.4103/0253-7613.193313>

Gunyou, J. (2015). I Flipped My Classroom: One Teacher's Quest to Remain Relevant. *Journal of Public Affairs Education*, 21(1), 13–24. <https://doi.org/10.2307/24369701>

Haidt, J., Rozin, P., McCauley, C., & Imada, S. (1997). Body, psyche, and culture: The relationship between disgust and morality. *Psychology and Developing Societies*, 9(1), 107–131. <https://doi.org/10.1177/097133369700900105>

Hajera Bibi Abdul Kader. (2018). *The potential of flipped classroom pedagogical practice on classroom interactions in Singapore primary classrooms* (Masters Thesis). Singapore: Nanyang Technological University.

Häkkinen, P., Järvelä, S., Mäkitalo-Siegl, K., Ahonen, A., Näykki, P., & Valtonen, T. (2017). Preparing teacher-students for twenty-first-century learning practices (PREP 21): a framework for enhancing collaborative problem-solving and strategic learning skills. *Teachers and Teaching*, 23(1), 25–41. <https://doi.org/10.1080/13540602.2016.1203772>

Halstead, J. M. (2011). Is moral education working? extracts from the diary of a twenty-first century moral educator. *Journal of Moral Education*, 40(3), 339–347.

Hamid, S. S. B., Nadzar, F. M., & Dollah, W. A. K. W. (2015). Assessment of the quality of information literacy (IL) training among teacher trainees enrolled in selected Northern Malaysian Teacher Education Institutes. *Education for Information*, 31(3), 161–179. <https://doi.org/10.3233/EFI-150956>

Hansen, R. K. (1959). Action research in teacher education. *Relating Theory to Direct Experience*, 10(4), 417–421. <https://doi.org/10.3989/redc.2011.4.836>

Hanushek, E. A. (2011). The economic value of higher teacher quality. *Economics of Education Review*, 30(3), 466–479.

Hargrove, R. A., & Nietfeld, J. L. (2015). The impact of metacognitive instruction on creative problem solving. *Journal of Experimental Education*, 83(3), 291–318.





Harris, E. L. (2017). Which Teacher Should I Choose?: A Xunzian Approach to Distinguishing Moral Experts from Fanatics. *Journal of Religious Ethics*, 45(3), 463–480.

Heath, C., Hindmarsh, J., & Luff, P. (2010). *Video in Qualitative Research. Using video Psychological and social applications*. Retrieved from <http://www.amazon.co.uk/dp/1412929431>

Hederman, M. P. (1982). Paulo Freire's "Pedagogy of the Oppressed." *Latin-American Issue*, 6(2), 58–63.

Hemming, J. (1980). Another aspect of moral education. *Journal of Moral Education*, 9(1), 21–46.

Hennink, M. M. (2013). *Understanding Focus Group Discussions*. New York: Oxford University Press Inc.  
<https://doi.org/10.1093/acprof:osobl/9780199856169.001.0001>

Henry, G. T., Campbell, S. L., Thompson, C. L., Patriarca, L. A., Luterbach, K. J., Lys, D. B., & Covington, V. M. (2013). The Predictive Validity of Measures of Teacher Candidate Programs and Performance: Toward an Evidence-Based Approach to Teacher Preparation. *Journal of Teacher Education*, 64(5), 439–453.

Herreid, C. F. 2 herreid@buffalo. ed., & Schiller, N. A. . (2013). Case Studies and the Flipped Classroom. *Journal of College Science Teaching*, 42(5), 62–66.

Heydenberk, W. R., & Heydenberk, R. A. (2000). *A Powerful Peace: The Integrative Thinking Classroom*. Boston: Allyn and Bacon.

Higgins, C. (2003). Teaching and the good life: A critique of the ascetic ideal in education. *Educational Theory*, 53(2), 131–154.

Hine, G. (2013). The importance of action research in teacher education programs. *Issues in Educational Research*, 23(2), 151–163.

Hmelo-Silver, C. E., & Cindy, E. (2004). Problem-Based Learning: What and How Do Students Learn? *Educational Psychology Review*, 16(3), 235–266.

Hoffman, M. L. (2001). Empathy and Moral Development: Implications for Caring and Justice. *Review Zora Raboteg-Šarić Contemporary Sociology*, 30(5), 487–488.

Hopkins, D. (2008). *A teacher's guide to classroom research*. Philadelphia: Open University Press.

Hsu, S. Der, Chen, C. J., Chang, W. K., & Hu, Y. J. (2016). An investigation of the outcomes of pgy students' cognition of and persistent behavior in learning through the intervention of the flipped classroom in Taiwan. *PLoS ONE*, 11(12).

Huss, H. F., & Patterson, D. M. (1993). Ethics in accounting: Values education without indoctrination. *Journal of Business Ethics*, 12(3), 235–243.

Hutchings, M., & Quinney, A. (2015). The flipped classroom, disruptive pedagogies, enabling technologies and wicked problems: Responding to 'the bomb in the basement.' *Electronic Journal of E-Learning*, 13(2), 105–118.

Huttunen, R. (2012). Hegelians Axel Honneth and Robert Williams on the Development of Human Morality. *Studies in Philosophy and Education*, 31(4), 339–355.

Ismail, R., & Awang, M. (2017). Quality of Malaysian teachers based on education and training. *Quality Assurance in Education*, 25(3), 303–316.

Israel, M., & Hay, I. (2007). *Research ethics for social scientists*. Chicago: Sage Publications.

Jackson, L., Witt, E., Ivan, A., Fitzgerald, H., Von Eye, A., & Zhao, Y. (2012). Information technology use and creativity: Findings from the Children and Technology Project. *Computers in Human Behavior*, 28, 370–376.

Jamaludin, S. Z. M. O. R., & Mokhtar, N. E. (2014). Flipped Classroom and Traditional Classroom: Lecturer and Student Perceptions between Two Learning Cultures, a Case Study at Malaysian Polytechnic. *International Education Research*, 2(4), 16–25.

Janardan Ghimire. (2013). Meaning of Education in the Bhagavad Gita. *Journal of Education and Research*, 3(1), 65–74.  
<https://doi.org/http://dx.doi.org/10.3126/jer.v3i0.7853>





Janesick, V. J. (1999). A Journal About Journal Writing as a Qualitative Research Technique: History, Issues, and Reflections. *Qualitative Inquiry*, 5(4), 505–524.

Jeong, J. S., González-Gómez, D., & Cañada-Cañada, F. (2016). Students' Perceptions and Emotions Toward Learning in a Flipped General Science Classroom. *Journal of Science Education and Technology*, 25(5), 747–758.

Jiang, J., Vauras, M., Volet, S., & Wang, Y. (2016). Teachers' emotions and emotion regulation strategies: Self- and students' perceptions. *Teaching and Teacher Education*, 54, 22–31. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2015.11.008>

Jin, Y. (2016). A case study of interaction analysis between “flipped classroom” and “traditional classroom.” *RISTI - Revista Iberica de Sistemas e Tecnologias de Informacao*, 2016(E11), 395–404.

John-Steiner, V., & Mahn, H. (1996). Sociocultural approaches to learning and development: A Vygotskian framework. *Educational Psychologist*, 31(3–4), 191–206. <https://doi.org/10.1080/00461520.1996.9653266>



Johnson, G. (2012). Students, Please turn to YouTube for your assignment. *Education Canada*, 52(5), 16–18.

Johnson, M. (2015). *Morality for Humans: Ethical Understanding from the Perspective of Cognitive Science*. Chicago: University of Chicago Press.

Johnston, M. (1989). Moral Reasoning and Teachers' Understanding of Individualized Instruction. *Journal of Moral Education*, 18(1), 45–59. <https://doi.org/10.1080/0305724890180105>

Jon Bergmann, & Sams, A. (2014). Flipped learning: Gateway to student engagement. *Learning & Leading with Technology*, 41(7), 18.

Joyce, B., Weil, M., & Calhoun, E. (2000). *Models of Teaching (6th ed.)*. Boston, MA: Allyn & Bacon.

Kalle, R. J., & Suls, J. (1978). The relationship between Kohlberg's moral judgment stages and emotional empathy. *Bulletin of the Psychonomic Society*, 11(3), 191–



192.

Kamii, C., & Ewing, J. K. (1996). Basing Technique on Piaget's Constructivism. *Childhood Education*, 72(5), 260–265.

Kang, M. J., & Glassman, M. (2010). Moral action as social capital, moral thought as cultural capital. *Journal of Moral Education*, 39(1), 21–36.

Kant, I. (1964). *Groundwork of the Metaphysic of Morals*. New York, NY: Harper & Row.

Karpov, Y. V., & Bradford, J. D. (1995). L.S. Vygotsky and the doctrine of empirical and theoretical reasoning. *Educational Psychologist*, 30(2), 61–66.

Kaspar, D. (2015). How we decide in moral situations. *Philosophy*, 90(1), 59–81. <https://doi.org/10.1017/S0031819114000308>

Kassim, J. M., & Abdullah, J. B. (2011). Promoting learning environment and attitude towards change among secondary school principals in Pahang Malaysia: Teachers' perceptions. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 28, 45–49.

Kaur, A., & Kaur, K. (2001). Teacher Survival in a Web-based Constructivist Learning Environment : A Malaysian Experience. *Proceedings of World Conference on Educational Multimedia , Hypermedia and Telecommunications*, 902–905.

Keengwe, J., Onchwari, G., Oigara, J., Newman, D. L., Deyoe, M. M., Connor, K. A., & Lamendola, J. M. (2014). *Promoting Active Learning Through the Flipped Classroom Model*. United States of America: Hershey, PA.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Sekolah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The action research planner*. Victoria, Australia: Deakin University Press.

Kemmis, S., McTaggart, R., & Nixon, R. (2014). *The action research planner. The Action Research Planner: Doing Critical Participatory Action Research*.

Keyte, D., & Richardson, C. (2011). Re-thinking pain educational strategies: Pain a new model using e-learning and PBL. *Nurse Education Today*, 31(2), 117–121.

Kim, M. (2013). Cultivating teachers' morality: The pedagogy of emotional rationality. *Australian Journal of Teacher Education*, 38(1), 12–26.  
<https://doi.org/10.14221/ajte.2013v38n1.2>

Kirschenbaum, H. (1976). Clarifying Values Clarification: Some Theoretical Issues and a Review of Research. In *Group & Organization Management*. Vol. 1, pp. 99–116.

Knowles, M. S., Holton, E. F., & Swanson, R. A. (2005). *The Adult Learner: The Definitive Classic in Adult Education and Human Resource Development*. United States of America: Elsevier Inc

Kohlberg, L. (1981). *The Philosophy of Moral Development*. New York, NY, USA: Harper and Row.

Kohlberg, L. (1984). *The psychology of moral development*. San Francisco, CA: Harper & Row.

Kohlberg, L. (1984). *The Psychology of Moral Development. The Psychology of Moral Development*.

Kohlberg, L., Levine, C., & Hewer, A. (1983). Moral stages: A current formulation and a response to critics. *Contributions to Human Development*, 10, 174.

Koo, K. P., & Tang, C. Y. (1990). *Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Kothari, C. (2004). *Research methodology: methods and techniques. Second Revised Edition* (Second rev). New Delhi: New Age International (P) Limited.

Kraus, S., Sears, S. R., & Burke, B. L. (2013). Is Truthiness Enough? Classroom Activities for Encouraging Evidence-Based Critical Thinking. *The Journal of Effective Teaching*, 13(2), 83–93.



Krueger, R. A., & Casey, M. A. (2009). *Focus groups : a practical guide for applied research / Richard A. Krueger, Mary Anne Casey.* (5th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.

Kurtines, W. M., & Gewirtz, J. L. (1995). *Moral Development: An introduction.* Florida: Allyn & Bacon

Kurubacak, G. (2007). Building knowledge networks through project-based online learning: A study of developing critical thinking skills via reusable learning objects. *Computers in Human Behavior*, 23(6), 2668–2695. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2006.08.003>

Kvale, S. (2006). Dominance Through Interviews and Dialogues. *Qualitative Inquiry*, 12(3), 480–500. <https://doi.org/10.1177/1077800406286235>

Kvale, S., & Brinkmann, S. (2009). *Interviews: Learning the Craft of Qualitative Research Interviewing.* Los Angeles: SAGE Publication Inc.

LaBanca, F. (2011). The 21st-Century Oral Presentation Tool Bag : How to effectively implement oral presentations in your science classroom. *The Science Teacher*, 78(7), 51–55.

LaFee, S. (2013). Flipped Learning. *The Education Digest; Ann Arbor*, 79(3), 13–18.

Lapsley, D., & Woodbury, R. (2016). Moral-Character Development for Teacher Education. *Action in Teacher Education*, 38(3), 194–206.

Largo, K. J. (2017). *The Flipped Learning Model: Teachers' Perceptions and Usage in Secondary Education* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Digital Dissertations. (AAT 10260125).

Lawrence, R. L. (2008). Powerful feelings: Exploring the affective domain of informal and arts-based learning. *New Directions for Adult and Continuing Education*, 2008(120), 65–77. <https://doi.org/10.1002/ace.317>

Lee, G.-L., & Manning, M. L. (2013). Introduction: Character Education Around the World: Encouraging Positive Character Traits. *Childhood Education*, 89(5), 283–285. <https://doi.org/10.1080/00094056.2013.830879>



- Lee, K.-Y., & Lai, Y.-C. (2017). Facilitating higher-order thinking with the flipped classroom model: a student teacher's experience in a Hong Kong secondary school. *Research and Practice in Technology Enhanced Learning*, 12(8), 1–14. <https://doi.org/10.1186/s41039-017-0048-6>
- Lee, M.-K. (2018). Flipped classroom as an alternative future class model?: implications of South Korea's social experiment. *Educational Technology Research and Development*, 66(3), 837–857. <https://doi.org/10.1007/s11423-018-9587-9>
- Lee, S.-S., & Hung, D. (2012). Is There an Instructional Framework for 21st Century Learning? *Creative Education*, 03(04), 461–470. <https://doi.org/10.4236/ce.2012.34071>
- Lee, S. (2014). Rethinking pedagogy for a digital age: designing for twenty-first century learning. *Open Learning: The Journal of Open, Distance and e-Learning*, 29(2), 174–176. <https://doi.org/10.1080/02680513.2014.940498>
- Lenart, R. (2016). *Teacher beliefs about factors that influence student dropout, implicit theories of intelligence and self efficacy* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Digital Dissertations. (AAT 10158956).
- Levykh, M. G. (2008). The Affective Establishment And Maintenance Of Vygotsky's Zone Of Proximal Development. *Educational Theory*, 58(1), 83–101.
- Lewis, G., McCullough, M., Maxwell, A. P., & Gormley, G. J. (2016). Ethical reasoning through simulation: a phenomenological analysis of student experience. *Advances in Simulation*, 1(1), 26. <https://doi.org/10.1186/s41077-016-0027-9>
- Liau, A. K., Liau, A. W. L., Teoh, G. B. S., & Liau, M. T. L. (2003). The case for emotional literacy: The influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students. *Journal of Moral Education*, 32(1), 51–66.
- Lichtman, M. (2006). *Qualitative Research In Education: A User Guide*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Lickona, T. (1983). *Raising good children : helping your child through the stages of moral development*. Toronto: Bantam Books.



Lickona, T. (1996). Eleven Principles of Effective Character Education. *Journal of Moral Education*, 25(1), 93–100. <https://doi.org/10.1080/0305724960250110>

Lincoln, Y. N., & Guba, E. G. (1986). *Naturalistic Inquiry*. Beverly Hills, CA: Sage.

Lo, C. K., Lie, C. W., & Hew, K. F. (2018). Applying “First Principles of Instruction” as a design theory of the flipped classroom: Findings from a collective study of four secondary school subjects. *Computers and Education*, 118, 150–165.

Löfström, E., & Poom-Valickis, K. (2013). Beliefs about teaching: Persistent or malleable? A longitudinal study of prospective student teachers’ beliefs. *Teaching and Teacher Education*, 35, 104–113. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2013.06.004>

Loganathan, R. (1995). *Peringkat perkembangan moral di kalangan pelajar sekolah menengah dari bandar dan luar bandar*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Loughran, J. (2006). *Developing a pedagogy of teacher education: understanding teaching and learning about teaching*. <https://doi.org/10.4324/9780203019672>

Lumpkin, A. (2008). Teachers as Role Models Teaching Character and Moral Virtues. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 79(2), 45–50. <https://doi.org/10.1080/07303084.2008.10598134>

Luo, J. T., Sun, M., Wu, B., & Gu, X. Q. (2014). Exploring the effectiveness of a flipped classroom based on control-value theory: A case study. *Workshop Proceedings of the 22nd International Conference on Computers in Education, ICCE 2014*, 670–675.

Mackay, M. (2016). Making sense of critical participatory action research. Reflections on The Action Research Planner: Doing Critical Participatory Action Research. *International Practice Development Journal*, 6(1), 13. <https://doi.org/10.19043/ipdj.62.013>

Maclean, R. (2017). Life in Schools and Classrooms Past, Present and Future. *Education in the Asia-Pacific Region: Issues, Concerns and Prospects Volume 38*, 690.







Maria Oliver-Hoyo, & Allen, D. (2006). The Use of Triangulation in Qualitative Research. *Journal of College Science Teaching*, 34(4), 42–47. <https://doi.org/10.1188/14.ONF.545-547>

Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Martin, G. (2017). Scaling critical pedagogy in higher education. *Critical Studies in Education*, 58(1), 1–18. <https://doi.org/10.1080/17508487.2015.1115417>

Martin, L., & Schwartz, D. L. (2014). A pragmatic perspective on visual representation and creative thinking. *Visual Studies*, 29(1), 80–93.

Mason, G. S., Shuman, T. R., & Cook, K. E. (2013). Comparing the effectiveness of an inverted classroom to a traditional classroom in an upper-division engineering course. *IEEE Transactions on Education*, 56(4), 430–435. <https://doi.org/10.1109/TE.2013.2249066>

Mason, M. (2010). Sample size and saturation in PhD studies using qualitative interviews. *Forum Qualitative Sozialforschung*, 11(3). <https://doi.org/10.1146/fqs100387>

Mayer, D., Dixon, M., Kline, J., Kostogriz, A., Moss, J., Rowan, L., ... White, S. (2017). *Studying the Effectiveness of Teacher Education: Early Career Teachers in Diverse Settings*. *Studying the Effectiveness of Teacher Education: Early Career Teachers in Diverse Settings*. Singapore: Springer.

Mayhew, M. J., Seifert, T. A., Pascarella, E. T., Laird, T. F. N., & Blaich, C. F. (2012). Going Deep into Mechanisms for Moral Reasoning Growth: How Deep Learning Approaches Affect Moral Reasoning Development for First-year Students. *Research in Higher Education*, 53(1), 26–46. <https://doi.org/10.1007/s11162-011-9226-3>

Mazer, J. P., McKenna-Buchanan, T. P., Quinlan, M. M., & Titsworth, S. (2014). The Dark Side of Emotion in the Classroom: Emotional Processes as Mediators of Teacher Communication Behaviors and Student Negative Emotions. *Communication Education*, 63(3), 149–168. <https://doi.org/10.1080/03634523.2014.904047>

Mazur, A. D., Brown, B., & Jacobsen, M. (2015). Learning designs using flipped



classroom instruction. *Canadian Journal of Learning and Technology*, 41(2), 1–26. <https://doi.org/10.21432/T2PG7P>

McLaughlin, J. E., Griffin, L. T. M., Esserman, D. A., Davidson, C. A., Glatt, D. M., Roth, M. T., ... Mumper, R. J. (2013). Pharmacy student engagement, performance, and perception in a flipped satellite classroom. *American Journal of Pharmaceutical Education*, 77(9). <https://doi.org/10.5688/ajpe779196>

McLean, S., Attardi, S. M., Faden, L., Goldszmidt, M., Bailey, B., Konstan, J., ... Williams, J. (2016). Flipped classrooms and student learning: not just surface gains. *Advances in Physiology Education*, 40(1), 47–55. <https://doi.org/10.1152/advan.00098.2015>

McNally, B., Chipperfield, J., Dorsett, P., Del Fabbro, L., Frommolt, V., Goetz, S., ... Rung, A. (2017). Flipped classroom experiences: student preferences and flip strategy in a higher education context. *Higher Education*, 73(2), 281–298. <https://doi.org/10.1007/s10734-016-0014-z>

Meacham, S. J. (2001). Vygotsky and the blues: Re-reading cultural connections and conceptual development. *Theory into Practice*, 40(3), 190–197.

Meng, C. F. (2012). Kajian tindakan: Ke arah Paradigma Kualitatif. *Asian Education Action Research Journal*, 1, 78–101.

Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Merriam, S. B., & Tisdell., E. J. (2015). *Qualitative research. Marketing Research Methodology*. Boston: Jossey Bass. <https://doi.org/10.1177/1468794115618008>

Meyers, S., & Feeney, L. D. (2016). Examining interactive and metacognitive processes in student learning: Findings from a hybrid instructional environment. *Journal of Asynchronous Learning Network*, 20(3), 110–125.

Mikell, R. (2018). Methods Discussion and Active Learning in a Volatile Age: A Reflection and Analysis. *Journal of Political Science Education*, 1–10.

Miles, M., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Analysis: An Expanded Sourcebook*. Thousand Oaks, CA: Sage.








Mills, G. E. (2003). *Action research: a guide for the teacher researcher*. Action research. Boston: Pearson. <https://doi.org/10.1177/1476750310396944>

Milner, H. R., & Delale-O'Connor, L. (2016). Toward (Whose) Morality in Teacher Education? *Action in Teacher Education*, 38(3), 217–220.

Mitra, S., & Dangwal, R. (2010). Limits to self-organising systems of learning - The Kalikuppam experiment. *British Journal of Educational Technology*, 41(5), 672–688.

Moate, J., & Sullivan, P. (2015). The moral journey of learning a pedagogy: a qualitative exploration of student–teachers’ formal and informal writing of dialogic pedagogy. *Pedagogy, Culture & Society*, 23(April 2015), 1–23.

Mohamad Khairi Othman, & Asmawati Suhid. (2010). Peranan Sekolah Dan Guru Dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *Journal of General Studies*, 11, 117–130.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi  
Mohamed Amin, E. (2013). *Open Educational Resources in Malaysian Higher Learning Institutions*. Selangor Darul Ehsan: Centre For Academic Advancement, Universiti Kebangsaan Malaysia & Department of Higher Education, Ministry of Higher Education.

Mok, H. N. (2014). Teaching Tip: The Flipped Classroom. *Journal of Information Systems Education*, 25(1), 7–11.

Morgan, D. (1997). *Focus Groups as Qualitative Research*. 2nd Edition. Thousand Oaks, Calif: Sage Publications. <https://doi.org/10.4135/9781412984287>

Morrison, C. D. (2014). From “Sage on the stage to guide on the side””: A good start. *International Journal for the Scholarship of Teaching & Learning*, 8(1), 1–15.

Mukherjee, H. (1983). Moral Education in a Plural Society: Malaysia. *Journal of Moral Education*, 12(2), 125–130. <https://doi.org/10.1080/0305724830120209>

Musgrave, P. W. (1978). *The Moral Curriculum: A sociological analysis*. London, UK: Methuen.






Mustakova-Possardt, E. (2004). Education for critical moral consciousness. *Journal of Moral Education*, 33(3), 245–269. <https://doi.org/10.1080/0305724042000733046>

Newman, D. L., Deyoe, M. M., Connor, K. a., & Lamendola, J. M. (2014). *Promoting Active Learning Through the Flipped Classroom Model*. <https://doi.org/10.4018/978-1-4666-4987-3>

Ngang, T. K., & Chan, T. C. (2015). The Importance of Ethics, Moral and Professional Skills of Novice Teachers. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 205, 8–12.

Njie-Carr, V. P. S., Ludeman, E., Lee, M. C., Dordunoo, D., Trocky, N. M., & Jenkins, L. S. (2017). An Integrative Review of Flipped Classroom Teaching Models in Nursing Education. *Journal of Professional Nursing*, 33(2), 133–144.

Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan. Mc Graw Hill Education* (Vol. 2). <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi

Nouri, J. (2016). The flipped classroom: for active, effective and increased learning especially for low achievers.. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 13(1), 1–10. <https://doi.org/10.1186/s41239-016-0032-z>

Nucci, L. P., & Narvaez, D. (Ed. ). (2008). *Handbook of Moral and Character Education*. New York, NY: Routledge.

O’Flaherty, J., & Gleeson, J. (2017). Irish student teachers’ levels of moral reasoning: context, comparisons, and contributing influences. *Teachers and Teaching*, 23(1), 59–77. <https://doi.org/10.1080/13540602.2016.1203777>

OECD. (2018). *The future of education and skills Education 2030*. Retrieved from [http://www.oecd.org/education/2030/OECD Education 2030 Position Paper.pdf](http://www.oecd.org/education/2030/OECD%20Education%202030%20Position%20Paper.pdf)

Ohtake, P. J., Lyons, A., Glogowski, M., Stellrecht, E., Aronoff, N., Grabowski, J., & Zafron, M. L. (2018). Using an interprofessional flipped classroom educational strategy for developing evidence-based practice knowledge and skills. *Journal of Interprofessional Education and Practice*, 11, 7–11.

Oja Lisa, S. N. S. (1989). *Collaborative action research: a developmental approach*.

*Social research and educational studies series; 007*. London, UK: Falmer Press.

Olsen, W. (2012). *Data Collection: Key Debates and Methods in Social Research*. London, UK: SAGE. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.4135/9781473914230>

Oppong, S. H. (2013). The problem of sampling in qualitative research. *Asian Journal of Management Sciences and Education*, 2(2), 202–210.

Othman, L. (2012). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ouda, H., & Ahmed, K. (2016). Flipped Learning As A New Educational Paradigm: An Analytical Critical Study. *European Scientific Journal*, 12(10), 1857–7881.

Panti, N., & Wubbels, T. (2012). *The role of teachers in inculcating moral values: Operationalisation of concepts*. *Journal of Beliefs and Values* Vol 33 (1), pp55-69

Pardjono. (2002). Active Learning: The Dewey, Piaget, Vygotsky, and Constructivist Theory Perspectives. *Jurnal Ilmu Pendidikan*, 163–177. <https://doi.org/10.17977/jip.v9i3.487>

Patanwala, A. E., Erstad, B. L., & Murphy, J. E. (2017). Student use of flipped classroom videos in a therapeutics course. *Currents in Pharmacy Teaching and Learning*, 9(1), 50–54. <https://doi.org/10.1016/j.cptl.2016.08.043>

Pathanasetpong, A. (2016). *Flipped Classroom in a Collectivistic Society: Reactions & Suggestions (Master's thesis)*. Harvard Medical School.

Patterson, B., McBride, C. R., & Gieger, J. L. (2018). Flipped Active Learning in Your Mathematics Classroom Without Videos. *PRIMUS*. <https://doi.org/DOI:10.1080/10511970.2017.1423141>

Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Sage Publications (4th editio). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Phillips, C., & Trainor, J. (2014). Millennial Students and the Flipped Classroom. In *Journal of Business and Educational Leadership* (Vol. 21, pp. 519–531).



Piaget, J. (1932). *The moral judgement of the child*. London, UK: Penguin Books.

Polat, H. (2015). Undesired Teacher Behaviours According to the Studentship Memories of Prospective Teachers in Primary School. *Journal of Education and Training Studies*, 3(6), 29–39. <https://doi.org/10.11114/jets.v3i6.1044>

Pollock, R. (2015). “*The Party Of Humankind*”: *Sociality And Moral Revision In David Hume* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Digital Dissertations. (AAT 3715557).

Francisca, S., & Rizqi, M. A. (1998). Listening Class and Moral Education. *Language and Language Teaching Journal*, 21(1), 75–81. <https://doi.org/10.24071/llt.2018.210108>

Prince, M. (2004). Does Active Learning Work ? A Review of the Research. *Library*, 93(July), 223–231. <https://doi.org/10.1002/j.2168-9830.2004.tb00809.x>

Quint, C. L. (2015). *A study of the efficacy of the flipped classroom model in a university mathematics class*.



Rachels, J. (1993). *The Elements of Moral Philosophy* (Vol. 10). New York, NY: McGraw-Hill.

Raffaghelli, J. E. (2017). Does Flipped Classroom work? Critical analysis of empirical evidences on its effectiveness for learning. *Form@ Re-Open Journal per La Formazione in Rete*, 17(3), 116–134.

Rahman, A. A., Aris, B., Mohammed, H., Zaid, N. M., & Abdullah, Z. (2014). Flipped Classroom dalam konteks Malaysia. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik*, 7.

Rahman, S. A., & Manaf, N. F. A. (2017). A Critical Analysis of Bloom’s Taxonomy in Teaching Creative and Critical Thinking Skills in Malaysia through English Literature. *English Language Teaching*, 10(9), 245. <https://doi.org/10.5539/elt.v10n9p245>

Raths, L., Harmin, M., & Simon, S. B. (1966). *Values and teaching*. Ohio: Charles E. Merrill.



Rawls, J. (1971). *A Theory of Justice*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Renfro, A. (2014). *Assessing The Effects Of A Flipped Classroom Approach On Student Achievement, Mathematical Thinking, Attitudes, And Teacher Perceptions In An Undergraduate Calculus Class Using A Participatory Action Research Approach*. Retrieved from ProQuest Digital Dissertations. (AAT 3733912).

Rest, J. (1984). *The major components of morality*. In W. Kurtines & J. Gewirtz (Eds.) *Morality, moral behavior, and moral development* (pp. 24-38). New York, NY: Wiley.

Rest, J., Narvaez, D., Bebeau, M. J., & Thoma, S. J. (1999). Postconventional Moral Thinking: A Neo-Kohlbergian Approach. *Educational Psychology Review*, 11(4), 291–324.

Rice, M., & Pinnegar, S. (2012). *Video in qualitative research: analysing social interaction in everyday life*. *Teacher Development* (Vol. 16). London, UK: SAGE.

Richards, J. C., & Lockhart, C. (1996). *Reflective Teaching in Second Language Classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.

Roach, T. . b. (2014). Student perceptions toward flipped learning: New methods to increase interaction and active learning in economics. *International Review of Economics Education*, 17, 74–84. <https://doi.org/10.1016/j.iree.2014.08.003>

Robinson, O. C. (2014). Sampling in Interview-Based Qualitative Research: A Theoretical and Practical Guide. *Qualitative Research in Psychology*, 11(1), 25–41.

Rodriguez, V. (2012). The teaching brain and the end of the empty vessel. *Mind, Brain, and Education*, 6(4), 177–185. <https://doi.org/10.1111/j.1751-228X.2012.01155.x>

Roebben, B. (1995). Catching a glimpse of the palace of reason: The education of moral emotions. *Journal of Moral Education*, 24(2), 185–197. <https://doi.org/10.1080/0305724950240206>

Roehl, A., Reddy, S. L., & Gayla Jett Shanon. (2013). *The Flipped Classroom: An*

Opportunity To Engage Millennial Students Through Active Learning Strategies. *Journal of Family and Consumer Sciences*, 105(2), p.44-49.

Rolling, J. H. (2018). Rethinking Preservice Teacher Education. *Art Education*, 70(3), 4–5. <https://doi.org/10.1080/00043125.2017.1294917>

Rosenberg, G. (2011). The Social Cognitive Development Approach to Moral Education. *Curriculum Inquiry*, 41(1), 153–155.

Roth, W.-M., & Jornet, A. (2017). *Understanding Educational Psychology* (Vol. 3). Switzerland: Springer Nature.

Rowley, C. (2012). Human capital management in Malaysia: local & foreign perspectives. *Asia Pacific Business Review*, 18(1), 127–128. <https://doi.org/10.1080/13602381.2010.527450>

Ruiz-López, M., Rodriguez-García, M., Villanueva, P. G., Márquez-Cava, M., García-Mateos, M., Ruiz-Ruiz, B., & Herrera-Sánchez, E. (2015). The use of reflective journaling as a learning strategy during the clinical rotations of students from the faculty of health sciences: An action-research study. *Nurse Education Today*, 35(10), e26–e31.

Rusdi, S. H., & Umar, I. N. (2015). Students' Levels of Critical Thinking, Supportive Behaviors and Types of Questions in an Online Forum Learning Environment. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 197, 1752–1758.

Ryan W. Fuller. (2016). *Using a Learning Management System To Support Blended Professional Learning At Polytech High School* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Digital Dissertations. (AAT 10191332).

Sabilan, S., & Lip, S. M. (2018). Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ( FPK ). In *Conference: International Conference On Moslem Society 2016* (pp. 0–13).

Sage, M., & Sele, P. (2015). Reflective Journaling as a Flipped Classroom Technique to Increase Reading and Participation with Social Work Students. *Journal of Social Work Education*, 51(4), 668–681. <https://doi.org/10.1080/10437797.2015.1076274>

Salleh, L., & Dol Karim, N. M. (2016). Membina Kemahiran Pembelajaran Kendiri



Melalui Kaedah Flipped Classroom. *Seminar Bahasa Melayu 2016*, 110–115.

Sams, A., & Aglio, J. (2017). Three Ways the Flipped Classroom Leads to Better Subject Mastery. *The Education Digest*, 82(5), 52–54.

Sams, A., & Bergmann, J. (2013). Flip Your Students' Learning. *Educational Leadership*, 70, 16–20.

Santos, M. E. (2011). Human Capital and the Quality of Education in a Poverty Trap Model. *Oxford Development Studies*, 39(1), 25–47.

Schleicher, A. (2015). *Schools for 21st-Century Learners: Strong Leaders, Confident Teachers, Innovative Approaches*. International Summit on the Teaching Profession, OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/9789264231191-en>

Schleicher, A. (2018). *How to build a 21st-century school system*. Paris: OECD.

Seliger, H. W., & Shohamy, E. (1989). *Second language research methods*. Oxford: Oxford University Press.

Selvaratnam, V. (2016). Malaysia's Higher Education and Quest for Developed Nation Status By 2020. *Southeast Asian Affairs*, 199–221.

Sharan B. Merriam, Juanita Johnson-Bailey, Ming-Yeh Lee, Youngwha Kee, Gabo Ntseane, & Mazanah Muhamad. (2001). Power and positionality: negotiating insider/ outsider status within and across cultures. *International Journal of Lifelong Education*, 20(5), 405–416.

Shaughnessy, M., & Boerst, T. A. (2018). Uncovering the skills that preservice teachers bring to teacher education: The practice of eliciting a student's thinking. *Journal of Teacher Education*, 69(1), 40–55. <https://doi.org/10.1177/0022487117702574>

Sherblom, S. A. (2012). What develops in moral development? A model of moral sensibility. *Journal of Moral Education*, 41(1), 117–142.

Shively, K., & Palilonis, J. (2018). Curriculum Development: Preservice Teachers' Perceptions of Design Thinking for Understanding Digital Literacy as a Curricular Framework. *Journal of Education*, 198(3), 202–214.

<https://doi.org/10.1177/0022057418811128>

Shryock, K. J. (2015). Engaging students inside the classroom to increase learning. In *Proceedings - Frontiers in Education Conference, FIE* (Vol. 2014).

Silverman, M. (2017). *A Pedagogy of Humanist Moral Education*. New York: Springer Nature. <https://doi.org/10.1057/978-1-137-56068-1>

Sim, J. (1998). Collecting and analysing qualitative data: Issues raised by the focus group. *Journal of Advanced Nursing*, 28(2), 345–352. <https://doi.org/10.1046/j.1365-2648.1998.00692.x>

Smallhorn, M. (2017). The flipped classroom: A learning model to increase student engagement not academic achievement. *Student Success*, 8(2), 43–53.

Smit, J., Van Eerde, H. A. A., & Bakker, A. (2013). A conceptualisation of whole-class scaffolding. *British Educational Research Journal*, 39(5), 817–834.

Smith, J. P. (2015b). *The efficacy of a flipped learning classroom* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Digital Dissertations: (AAT 3719573).

Snyder, H. (1996). *Qualitative interviewing: The art of hearing data*. *Library & Information Science Research* (Vol. 18). [https://doi.org/10.1016/S0740-8188\(96\)90024-9](https://doi.org/10.1016/S0740-8188(96)90024-9)

Souto-Manning, M. (2012). Teacher Action Research in Teacher Education. *Childhood Education*, 54–56. <https://doi.org/10.1080/00094056.2012.643726>

Soysal, Y., & Radmard, S. (2017). An exploration of Turkish teachers' attributions to barriers faced within learner-centred teaching. *Educational Studies*, 43(2), 186–209. <https://doi.org/10.1080/03055698.2016.1248903>

Spiecker, B. (1988). *Education and the moral emotions*. In B. Spiecker & R. Straughan (Eds.), *Philosophical issues in moral education and development* (pp. 43-63) (Vol. 23). Great Britain: Arrowsmith.

Staats, C. (2016). Understanding implicit bias: What educators should know. *American Educator*, Winter(2015–2016), 29–33.



Strasser, D. (2014). An Open Letter on Teacher Morale. *Educational Leadership*, 71(5), 10–13.

Strauss, A. L., & Corbin, J. M. (1998). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory*. *Basics of Qualitative Research* (3rd ed). Thousand Oaks: Sage. <https://doi.org/10.4135/9781452230153>

Strayer, J. F. (2012). How learning in an inverted classroom influences cooperation, innovation and task orientation. *Learning Environments Research*, 15(2), 171–193.

Suana, W., Maharta, N., Nyeneng, I. D. P., & S. Wahyuni. (2017). Design And Implementation Of Schoology-Based Blended Learning Media For Basic Physics I Course. *Jurnal Pendidikan IPA Indonesia*, 6(1), 170–178.

Suri, H. (2011). Purposeful Sampling in Qualitative Research Synthesis. *Qualitative Research Journal*, 11(2), 63–75. <https://doi.org/10.3316/QRJ1102063>

Szeto, E., Cheng, A. Y. N., & Hong, J. C. (2016). Learning with Social Media: How do Preservice Teachers Integrate YouTube and Social Media in Teaching? *Asia-Pacific Education Researcher*, 25(1), 35–44. <https://doi.org/10.1007/s40299-015-0230-9>

Teroni, F., & Bruun, O. (2011). Shame, guilt and morality. *Journal of Moral Philosophy*, 8(2), 223–245. <https://doi.org/10.1163/174552411X563574>

Thambu, N. (2014). *Penggunaan Teater Forum Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Moral Di Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah yang belum diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Thambu, N., & Balakrishnan, V. (2014). Teater forum sebagai strategi perkembangan emosi moral: Satu kajian tindakan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3), 11–21.

Thoma, S. J. (2014). Measuring moral thinking from a neo-Kohlbergian perspective. *Theory and Research in Education*, 12(3), 347–365. <https://doi.org/10.1177/1477878514545208>

Thomas, M. D., Blacksmith, J., & Reno, J. (2000). Utilizing insider-outsider research teams in qualitative research. *Qualitative Health Research*, 10(6), 819–828.



<https://doi.org/10.1177/104973200129118840>

- Thompson, C., & Kleine, M. (2016). Using literature to explore interpersonal theory: Representation of rhetorical objectification and oppression. *Journal of Pedagogy*, 7(2), 97–115. <https://doi.org/10.1515/jped-2016-0013>
- Treepuech, W. (2011). The application of using social networking Sites with available online tools for teaching and learning management. In *2011 IEEE International Symposium on IT in Medicine and Education* (Vol. 1, pp. 326–330).
- Tshabalala, M., Ndeya-Ndereya, C., & van der Merwe, T. (2014). Implementing blended learning at a developing university: Obstacles in the way. *Electronic Journal of E-Learning*, 12(1), 101–110.
- Turiel, E. (2002). *The Culture of morality: Social development, context, and conflict*. New York, NY, US: Cambridge University Press.
- Uskoković, V. (2018). Flipping the flipped: the co-creational classroom. *Research and Practice in Technology Enhanced Learning*, 13(11). <https://doi.org/10.1186/s41039-018-0077-9>
- Uysal, H. H., & Bardakci, M. (2014). Teachers ' experience of the implementation of values in education in schools : “ Mind the gap .” *South African Journal of Education*, 34(1), 1–13.
- Vaughan, M., & Burnaford, G. (2016). Action research in graduate teacher education: a review of the literature 2000–2015. *Educational Action Research*, 24(2), 280–299. <https://doi.org/10.1080/09650792.2015.1062408>
- Vaughn, S., Sinagub, J. M., & Schumm, J. S. (1996). *Focus Group Interviews in Education and Psychology*. Thousand Oaks, CA, US: Sage Publications.
- Veugelers, W. (2008). Moral Values in Teacher Education. In *First Symposium on Moral and Democratic Education in Florina*.
- Vishalache Balakrishnan. (2010). Isu-isu dalam pendidikan dan pembelajaran moral di Malaysia. *Masalah Pendidikan/Issues in Education*, 33, 1–12.



Vishalache Balakrishnan. (2011). *Real-life dilemmas in Moral Education*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.

Vygotsky, L. (1962). *Studies in communication. Thought and language* (E. Hanfmann & G. Vakar, Eds). Cambridge, MA, US: MIT Press.  
<https://doi.org/10.1037/11193-000>

Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.  
<https://doi.org/10.1007/978-3-540-92784-6>

Walker, D. I., Roberts, M. P., & Kristjánsson, K. (2015). Towards a new era of character education in theory and in practice. *Educational Review*, 67(1).

Walliman, N. (2010). *Research Methods : The Basics*. London, UK: Routledge.

Walter C. Parker. (2003). *Teaching Democracy: Unity and Diversity in Public Life*. New York, NY: Teachers College Press.  
<https://doi.org/10.1177/1477878505049838>

Wan Hasmah Wan Mamat. (2000). *Values education in Malaysian schools: Facing the challenges of government policy in Vision 2020*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Monash University.

Wang, F. H. (2017). An exploration of online behaviour engagement and achievement in flipped classroom supported by learning management system. *Computers and Education*, 114, 79–91. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2017.06.012>

Wang, T. (2017). Overcoming barriers to ‘flip’: building teacher’s capacity for the adoption of flipped classroom in Hong Kong secondary schools. *Research and Practice in Technology Enhanced Learning*, 12(1), 6.  
<https://doi.org/10.1186/s41039-017-0047-7>

Wanner, T., & Palmer, E. (2015). Personalising learning: Exploring student and teacher perceptions about flexible learning and assessment in a flipped university course. *Computers and Education*, 88, 354–369.  
<https://doi.org/10.1016/j.compedu.2015.07.008>

Warnick, B. R., & Silverman, S. K. (2011). A framework for professional ethics courses in teacher education. *Journal of Teacher Education*, 62(3), 273–285.

Watkins, C., & Mortimore, P. (1999). Pedagogy: What do we know? *Understanding Pedagogy*, 1–19. <https://doi.org/10.4135/9781446219454>

Weinstock, M., Assor, A., Galia Broide, & Broide, G. (2009). Schools as promoters of moral judgment: the essential role of teachers' encouragement of critical thinking. *Soc Psychol Educ*, 12, 137–151. <https://doi.org/DOI 10.1007/s11218-008-9068-9>

Weissbourd, R. (2003). Moral Teachers , Moral Students. *Educational Leadership*, 60(6), 6–11.

Wertsch, J. V. (1985). *Culture communication, and cognition : Vygotskian perspectives*. New York: Cambridge University Press.

Williams, B. (1993). *Morality: An introduction to ethics*. New York: Harper & Row. <https://doi.org/10.1086/500610>

Wilson, J. (1972). *Practical methods of moral education*. London, UK: Heinemann.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi  
Wink, J. (2010). *Critical Pedagogy: Notes from the Real World*. Upper Saddle River, N.J: Pearson.

Wink, J., & Putney, L. (2002). *A Vision of Vygotsky*. Boston: Allyn and Bacon.

Winter, J. W. (2016). *Flipped learning in a middle school classroom: Analysis of the individual and group learning spaces* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Digital Dissertations. (AAT 10295989).

Wolf, Z. R. (2003). Exploring the audit trail for qualitative investigations. *Nurse Educator*, 28(4), 175–178. <https://doi.org/10.1097/00006223-200307000-00008>


Wood, L., Louw, I., & Zuber-Skerritt, O. (2017). Enhancing postgraduate learning and development: a participatory action learning and action research approach through conferences. *Action Learning: Research and Practice*, 14(2), 120–135.

Xu, Z. (2018). Application of Constructivist Theory in Flipped Classroom — Take College English Teaching as a Case Study. *Theory and Practice in Language Studies*, 8(7), 880–887.

- Yang, Y. T. C., Gamble, J. H., Hung, Y. W., & Lin, T. Y. (2014). An online adaptive learning environment for critical-thinking-infused English literacy instruction. *British Journal of Educational Technology*, 45(4), 723–747. <https://doi.org/10.1111/bjet.12080>
- Yin, R. K. (2009). *Case study research: Design and methods*. Sage. Thousand Oaks, CA. <https://doi.org/10.1016/j.jada.2010.09.005>
- Yiqi, L. (2012). Enhancing Critical Thinking: Analyzing Classroom Interactions in the Age of Web 2.0. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 51, 386–391.
- Yough, M., Merzdorf, H. E., Fedesco, H. N., & Cho, H. J. (2017). Flipping the Classroom in Teacher Education: Implications for Motivation and Learning. *Journal of Teacher Education*, 1–13.
- Yu, Z., & Zhu, Q. (2016). Comparison of Satisfaction in EFL Flipped and Traditional Classrooms. In *2nd International Conference on Humanities and Social Science Research (ICHSSR 2016)* (p. 3260330).
- Zainuddin, Z., & Attaran, M. (2016). Malaysian students' perceptions of flipped classroom: a case study. *Innovations in Education and Teaching International*, 53(6), 660–670. <https://doi.org/10.1080/14703297.2015.1102079>
- Zainuddin, Z., & Perera, C. J. (2017). Exploring students' competence, autonomy and relatedness in the flipped classroom pedagogical model. *Journal of Further and Higher Education*, 1–12. <https://doi.org/10.1080/0309877X.2017.1356916>
- Zeichner, K. (2005). Becoming a teacher educator: a personal perspective. *Teaching & Teacher Education*, 21(2), 117–124.
- Zuber-Skerritt, O. (1995). Models for Action Research. In *in Pinchen, S. and Passfield, R. (Eds), Moving on: Creative Applications of Action Learning and Action Research* (pp. 2–29). Brisbane: ALARPM Association.

## LAMPIRAN

## A E-mel pelaksanaan KB dalam Pendidikan Moral





## B Protokol Pemerhatian Bilik Darjah

Kelas: .....Tarikh: .....Waktu Pengajaran: .....

Nama Pemerhati: .....

**Arahan:** Soalan-soalan yang diberikan dalam Protokol Pemerhatian ini sebagai panduan sahaja. Pemerhati digalakkan untuk mencatatkan maklumat tambahan yang diperhatikan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

A. Guru Praperkhidmatan (GPP) Menonton Video/Penglibatan Dalam *Schoology*. (Bagaimana tontonan video/Penglibatan dalam *Schoology* dapat meningkatkan pemikiran moral)

GPP dapat memahami isu yang terdapat di dalam video

- GPP menghayati
- GPP berkolaboratif dengan rakan
- GPP dapat memaparkan
- Mereka berbincang
- Mereka membuat keputusan
- Memberi alasan
- Mereka mempertimbangkan
- Mereka memilih

B. Perbincangan/Aktiviti *hot seats, trade a problem, think-pair-share*. (Bagaimana Kelas Berbalik dapat meningkatkan pemikiran moral)

- GPP dapat meramal
- GPP dapat mengekspresikan
- GPP dapat menghuraikan
- GPP dapat melahirkan
- GPP mengelaskan masalah/perkara
- GPP dapat mencerakin
- Mereka mengesan
- Mereka mengenal pasti
- GPP dapat menerangkan
- Mereka menilai
- Mereka mempertimbangkan
- Mereka membuat keputusan
- Mereka membahs
- Mereka mencadangkan



- Mereka menilai
- Mereka menentukan keutamaan
- GPP menjana
- Mereka mencadangkan

C. Intervensi Kelas Berbalik. (Bagaimana intervensi Kelas Berbalik dapat meningkatkan pemikiran, emosi dan amalan)

- GPP menunjukkan perlakuan
- GPP dapat mengekspresikan
- GPP dapat menghuraikan
- GPP dapat menggunakan kata
- GPP menggambarkan
- GPP menunjukkan cara
- GPP dapat melakonkan
- GPP dapat mendemonstrasikan
- GPP dapat menghayati
- GPP dapat membezakan
- Mereka mengesan
- Mereka memaparkan
- Mereka memilih
- Mereka membuat keputusan
- Mereka menyokong
- Mereka mencadangkan
- GPP menjana
- Mereka mencadangkan
- Watak menyusun semula
- GPP merumuskan



Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim,  
Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Tel: +605 450 5047  
Faks: +605 459 8606  
Emel: info@fsk.upsi.edu.my

Profesor Emeritus Dr. Othman Bin Lebar  
Fakulti Pendidikan & Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Rujukan kami:  
Tarikh: 14 Julai 2017

Yg. Berbahagia Dato' Prof/Prof/Prof. Madya Dr/Dr,

**PELANTIKAN SEBAGAI PENILAIAN PAKAR KEESAHAN INSTRUMEN**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pelajar seperti butiran di bawah merupakan pelajar Program Pengajian bagi Ijazah Kedoktoran (Pendidikan Moral) di bawah seliaan saya (Dr Nadarajan Thambu), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI):

Nama pelajar : Shasitharan Raman Kutty  
No Matrik : P20161000919  
Program : Ijazah Kedoktoran (Pendidikan Moral)  
Tajuk kajian : **Penggunaan Flipped Classroom (FC) dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru Praperkhidmatan Pendidikan Moral**

3. Sehubungan itu, saya ingin memohon khidmat kepakaran Yg. Berbahagia Dato' Prof/Prof/Prof. Madya Dr/Dr sebagai penilai kesahan instrumen dalam penyelidikan beliau supaya ia lebih signifikan dan relevan. Sebarang pertanyaan mohon berhubung dengan Encik Shasitharan RK di talian 01110273549 atau [rshash@hotmail.com](mailto:rshash@hotmail.com). Kerjasama dan kesudian pihak Yg. Berbahagia Dato' Prof/Prof/Prof. Madya Dr/Dr amat kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"Komited Membawa Perubahan dalam Pendidikan"**

Yang menjalankan tugas,

(DR. NADARAJAN A/L THAMBU)  
DR. NADARAJAN A/L THAMBU  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Pengajian  
Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris



Fakulti Sains Kemanusiaan

fsk.upsi.edu.my

**D Protokol Temu bual**

Gelungan : Tarikh :  
Tempat : Masa :  
Nama Penyelidik : Nama Kumpulan :

## A. Pendahuluan

- i. Penerangan tentang objektif kajian, cara pengutipan data kajian, kegunaan data dan jaminan kerahsiaan identiti peserta kajian dan tempoh masa temu bual
- ii. Para peserta akan membaca dan menandatangani surat pengakuan persetujuan berpengetahuan (*informed consent*).
- iii. Menguji alat perakam dan merakam temu bual

## B. Soalan Temu bual Separa Berstruktur

- i. Bagaimana penggunaan Kelas Berbalik memudahkan anda memahami nilai-nilai moral yang dipelajari di dalam bilik darjah?
- ii. Bagaimana penggunaan Kelas Berbalik membantu anda mengenali isu-isu moral?
- iii. Bagaimana Kelas Berbalik memudahkan anda memahami situasi moral?
- iv. Sejauh manakah Kelas Berbalik mampu `meletakkan diri anda ke dalam situasi orang lain`?
- v. Bagaimana Kelas Berbalik merangsang aspek pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral anda?
- vi. Adakah penggunaan Kelas Berbalik telah membantu anda mengambil keputusan untuk bertindak dengan bermoral? Jelaskan.
- vii. Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan Kelas Berbalik ini telah menentukan amalan moral anda? Berikan alasan anda.
- viii. Huraikan kelebihan Kelas Berbalik ini dari aspek pembelajaran dalam kemahiran anda untuk membuat keputusan yang membawa kepada tingkah laku moral.
- ix. Apakah kesan penglibatan Kelas Berbalik terhadap diri anda?
- x. Pada pendapat anda, apakah kekuatan Kelas Berbalik dalam pembelajaran Pendidikan Moral?
- xi. Pada pendapat anda, bolehkah Kelas Berbalik membantu anda untuk menghadapi konflik moral dalam kehidupan yang sebenar?

## C. Kesimpulan. Ucapan terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

## E Panduan Penulisan Jurnal

### A. Soalan Panduan Penulisan Jurnal


1. Bagaimana aktiviti hari ini membantu saya memahami nilai-nilai moral yang dipelajari?
2. Bagaimana aktiviti hari ini membantu saya dalam membuat keputusan moral?

3. Bagaimana aktiviti tadi membantu saya dalam mengembangkan aspek pemikiran moral?
4. Bagaimana aktiviti tadi membantu saya dalam aspek emosi moral?
5. Bagaimana aktiviti tadi membantu saya dalam aspek amalan moral?
6. Bagaimana aktiviti tadi membantu tabiat moral saya?
7. Bagaimana penglibatan dalam aktiviti tadi mengembangkan amalan moral saya?
8. Bagaimana aktiviti ini dapat mencetuskan pemikiran moral saya?
9. Sejauh mana aktiviti ini mendorong saya berkelakuan baik?
10. Komen saya tentang penggunaan Kelas Berbalik sebagai teknik pembelajaran Pendidikan Moral.
11. Apakah kelebihan penggunaan Kelas Berbalik dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas?
12. Apakah kekurangan penggunaan Kelas Berbalik dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas?
13. Pilih aktiviti yang anda sukai dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknik Kelas Berbalik dan tulis komen tentangnya. (Contoh aktiviti: menonton video, penglibatan di dalam *Schoology*, *trade a problem*, *hot seats*, *think-pair-share*, *QR Code*, penghasilan video). Peserta diminta untuk menulis jurnal refleksi dalam format jadual seperti di bawah.


Aktiviti yang disertai	Apakah perasaan saya	Perkara yang dipelajari	Pengalaman yang diperoleh	Kepentingan pengalaman ini dalam kehidupan harian
Menonton video				
<i>Schoology</i>				

14. Kelas Berbalik wajar dijadikan pedagogi pengajaran Pendidikan Moral untuk mengembangkan pemikiran, emosi dan amalan moral kerana...

#### F Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (KPM)



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA**  
**BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN**  
**EDUCATIONAL PLANNING AND RESEARCH DIVISION**  
 ARAS 1-4, BLOK E8  
 KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
 62604 PUTRAJAYA



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

Telefon : 03-8884 6500  
 Faks : 03-8884 6439  
 Laman Web : www.moe.gov.my

---

Ruj. Kami : KPM.600-3/2/3 Jld 46 (20)  
 Tarikh : 22 Mei 2017

**Shasitharan A/L Raman Kutty**  
 K.P.:70082505311

1544 Jalan SJ 10/13  
 Taman Seremban Jaya  
 70450 Seremban  
 Negeri Sembilan

Tuan,

**KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH, INSTITUT PENDIDIKAN GURU, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI DAN BAHAGIAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

---

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti di bawah telah diluluskan.

**“Penggunaan Flipped Classroom (FC) dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Guru Pra Perkhidmatan Pendidikan Moral”**

3. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada Bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua / Guru Besar yang berkenaan.


4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **01 Jun 2017 hingga 03 November 2017**.

5. Tuan juga mesti menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat Pdf di dalam CD kepada Bahagian ini. Tuan diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum, seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.


**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DR ROSLI BIN ISMAIL)**  
 Ketua Sektor  
 Sektor Penyelidikan dan Penilaian  
 b.p. Pengarah  
 Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
 Kementerian Pendidikan Malaysia


---




CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO: AR 3166

### G Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (IPGM)





**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA**  
*Institute of Teacher Education Malaysia*  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Ministry of Education Malaysia*  
ARAS 1-3, BLOK 2250, JALAN USAHAWAN 1  
63000 CYBERJAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN



Tel : 03-83126666  
Faks : 03-83126655  
Web : www.ipgm.edu.my

**“1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Ruj. Kami : KPMSP.600-3/1/37JLD.2(43)  
Tarikh : 23 Ogos 2017

**Encik Shasitharan Raman Kutty**  
1544 Jalan SJ 10/13,  
Taman Seremban Jaya,  
70450 Seremban,  
Negeri Sembilan.

Tuan,


**KELULUSAN MENJALANKAN KAJIAN DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)**


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat tuan bertarikh 12 Julai 2017.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) **tiada halangan** berkaitan permohonan tuan untuk menjalankan penyelidikan bertajuk **Penggunaan *Flipped Classroom* dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Guru Pra Perkhidmatan Pendidikan Moral peringkat Ijazah Sarjana** di kampus-kampus IPG bermula **01 Ogos 2017** hingga **31 Disember 2017**.

3. Walau bagaimanapun, kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) telah mendapat kelulusan daripada Pengarah IPG Kampus yang berkenaan untuk menjalankan kajian; dan
- b) tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain di kampus IPG terbabit.





( Sila catatkan rujukan Institut ini apabila berhubung )

### H Sinopsis Klip Video Gelung 1

Gelung	Tema	Tajuk Klip Video	Durasi Video	Sinopsis Klip Video

Gelung 1	Penganiayaan terhadap manusia	Berita buli di dalam kelas	90 saat	Mengisahkan tentang seorang guru yang ditendang oleh murid di Kangar, Perlis. Perkataan gila babi digunakan oleh murid ketika menyerang guru terbabit.
		Buli fizikal dalam kalangan budak perempuan	3.02 minit	Mengisahkan sekumpulan murid perempuan yang menggunakan kekerasan terhadap murid lain. Pembuli dilihat menendang, memukul dan menyepak mangsa. Kejadian tersebut disaksikan oleh sekumpulan murid lain. Perkataan mencarut digunakan di dalam video ini.
		Buli fizikal dalam kelas	2.12 minit	Mengisahkan seorang murid lelaki ditendang dan disepak. Kepala murid dipijak. Murid yang dibuli menangis dan meraung tetapi tidak dipedulikan oleh pembuli. Mangsa mengerang kesakitan. Muka mangsa ditelangkupkan dengan baldi.
		Buli fizikal di luar sekolah	6.18 minit	Kisah drama melibatkan si abang yang terlibat dengan kejadian buli. Amir (watak cereka) digambarkan sebagai penyayang tetapi suka membuli di luar sekolah. Abang menerima akibatnya apabila adiknya turut sama menjadi mangsa buli.
		Buli mental	1.59	Kisah yang berlaku di luar sekolah ini berkisar kepada mangsa yang dibuli dengan kata-kata nista menyebabkan mangsa trauma dan tidak mahu ke sekolah. Kata-kata yang menyakitkan seperti `slut` ditulis pada tangan yang

				menyebabkan mangsa menjadi trauma dan mempunyai rasa rendah diri yang ketara.
		Buli pekerjaan	7.01	Kisah buli yang berlaku di tempat kerja ini dianggap sebagai buli senyap. Mangsa trauma kerana tiada tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini. Tindakan menghamburkan kata-kata yang bersifat maki dianggap sebagai tindakan 'malicious' yang menjejaskan reputasi seseorang
		Buli jalanan	4.06	Kejadian yang berlaku di Subang Jaya ini tular di internet. Tindakan pemandu Myvi yang menceroboh dan menyekat laluan serta membunyikan hon mendapat kecaman ramai netizen.
		Buli siber	5.49	Sebuah kisah pendek tentang isu buli siber yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Buli siber bermula dengan hubungan alam maya. Kesannya mangsa mengambil jalan mudah dengan menamatkan kehidupan akibat tidak tahan dimalukan.

### I Sinopsis Klip Video Dalam Gelung 2

Gelung	Tema	Tajuk Klip Video	Durasi Video	Sinopsis Klip Video
Gelung 2	Keprihatinan masyarakat	Jenayah di jalan	3.01 minit	Kisah mangsa dikejar oleh sekumpulan lelaki di luar sebuah premis. Mangsa dibelasah dan berbaring di jalan raya.



		Kes Samun Di Taman Midah Cheras	1.15 mint	Kisah seorang wanita yang disamun oleh penjenayah. Jiran cuba datang membantu. Wanita tersebut terkejut dan tidak mampu berbuat apa-apa.
		Langkah penyelesaian jenayah jalanan	3.02 mint	Perbincangan tentang cara mencegah jenayah jalanan di Parlimen.
		Road Crime in Malaysia	40 saat	Klip video ini menunjukkan dua orang penunggang motosikal yang menembak mati seorang lelaki di persimpangan jalan. Jenayah berlaku di persimpangan jalan yang sesak.
		Statistik jenayah jalanan	1.07 minit	Klip video ini menunjukkan indeks jenayah yang dilaporkan oleh pihak berkuasa.
		Video jenayah jalanan	3.08 mint	Klip video yang dirakam di sebuah kondominium ini menunjukkan seorang pemandu lori yang dibelasah kerana enggan mengalihkan kereta. Mangsa dibelasah oleh sekumpulan lelaki yang muncul dari kereta Mercedes Benz. Kelihatan pengawal keselamatan melarikan diri sebaik sahaja dikejar oleh sekumpulan lelaki tersebut. Kedengaran beberapa das tembakan.
		Samun di stesen petrol	52 saat	Mengisahkan rakaman video seorang wanita yang disamun dan diserang oleh penunggang motosikal. Wanita tersebut dilihat membaling selipar ke arah penunggang motosikal
		Samun di luar kompleks beli belah	46 saat	Mengisahkan samun yang berlaku di bank (di tempat mesin mengeluarkan wang). Penjenayah dengan selamba mengacukan pistol dan melarikan wang.

		Isu LGBT _ Apa Kata Rakyat Malaysia	2.03 minit	Pandangan rakyat Malaysia tentang isu LGBT
		LGBT Apa Yang Anda Perlu Tahu	3.15 minit	Maklumat asas tentang LGBT dibincangkan di dalam klip video ini.
		Perbincangan murid isu LGBT	5.12 minit	Sebuah kisah di dalam bilik darjah yang meneroka pemikiran murid tentang isu LGBT. Guru di dalam klip video ini memberi penerangan tentang kumpulan LGBT.

Maklumat dokumen yang dimuat naik ke dalam schoology (gambar/keratan akhbar, bertulis) berdasarkan tema

Gelung	Tema	Jenis media	Tajuk gambar/keratan akhbar	Sinopsis Keratan akhbar
Gelung 2	Keprihatinan masyarakat	Gambar	Diragut	Seorang wanita diragut ketika sedang berjalan
		Keratan akhbar	Ditetak enggan mengalah	Seorang pembantu klinik dilibas ketika bergelut dengan peragut semata-mata untuk menyelamatkan beg tangan
		Keratan akhbar	Samseng tumbuk polis	Seorang lelaki buli pemandu Perodua Kancil hingga terbabas
		Dokumen	Ke aras pengurangan indeks jenayah jalanan di Pusat Bandar Kuala Lumpur	Jenayah jalanan meliputi tiga kategori utama perlakuan jenayah iaitu curi ragut, samun tanpa bersenjata api dan samun berkawan tanpa bersenjata api.
		Keratan akhbar	LGBT bencana kepada sistem keluarga	Gejala lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) adalah satu bencana kepada sistem kekeluargaan yang 'dieksport' ke seluruh dunia melalui proses globalisasi.
		Keratan akhbar	LGBT entitled to be treated	LGBT bukanlah perkara yang baru dalam abad ke-21. Mereka


				perlu diberi penghormatan yang sama seperti orang biasa.
		Keratan akhbar	Penularan gejala LGBT	Gaya hidup di universiti yang bebas tanpa pemantauan ibu bapa dan guru seperti sekolah, memberi ruang mengamalkan LGBT tanpa sembunyi atau dikongkong mana-mana pihak.

### J Rancangan Pengajaran Harian Kelas Berbalik


Mata pelajaran	Isu Moral dan Peranan Agen-agen Moral
Unit	Pendidikan Moral Semester 1 Tahun 2
Bilangan GPP	6 orang
Tarikh/Hari	18/8/2017
Masa	12.00 – 1.00 tengah hari (1 jam)
Tema	<i>Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT)</i>
Tajuk	Prihatin terhadap Isu Semasa
Pengetahuan sedia ada	Peserta telah menonton tiga (3) klip video yang berkaitan dengan LGBT

Hasil Pembelajaran Kursus	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjelaskan peranan agen sosialisasi dalam pembentukan moral individu dalam masyarakat;</li> <li>2. Menganalisis kesan dan akibat isu moral di peringkat sekolah, tempatan dan global; dan</li> <li>3. Membincangkan secara kritis satu strategi penyelesaian konflik moral dalam penyelesaian isu-isu moral tempatan secara pembentangan kumpulan.</li> </ol>
Objektif pembelajaran	<p>Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, peserta dapat;</p> <p>Penaakulan : Menyenaraikan tiga kesan amalan LGBT</p> <p>Perasaan : Menceritakan perasaan apabila mengikuti kisah individu yang terjebak di dalam LGBT.</p> <p>Perlakuan : Mengelakkan diri daripada terjebak dalam kegiatan tidak bermoral</p>
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	Analisis
Elemen merentas kurikulum (EMK)	Bahasa, Kemahiran Berfikir
Penerapan nilai	Hak-hak asasi manusia
Sumber Bantu Mengajar	Klip video, kertas A4, lembaran kerja
Sumber Bahan Bantu Mengajar Kelas Berbalik	Klip video, Kapsyen Video dan Keratan Akhbar

Langkah/ Masa	Isi pelajaran	Aktiviti pembelajaran dan pengajaran	Catatan
<b><u>Pra Pengajaran</u></b>	<p>Klip video</p> 	Guru memuat naik klip video LGBT di dalam <i>Schoology</i> . GPP menonton klip video dan meneroka isu berkaitan dengan LGBT di dalam internet. GPP membuat catatan tentang isu dan persoalan di dalam klip video yang ditonton. GPP	<p>BBM:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Klip video</li> <li>2. Bahan daripada internet seperti keratan akhbar dan laman web tentang LGBT.</li> </ol>

		mencatat soalan-soalan berbangkit.	
<p><b><u>Interaksi Bersemuka</u></b></p> <p>Set Induksi (5 minit)</p>	<p><u>Contoh soalan:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Apakah tema utama yang anda dapat kenal pasti di dalam klip video tersebut ?</li> <li>2. Beri pendapat anda tentang isu berbangkit di dalam klip video tersebut .</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• GPP menonton sedutan kapsyen video.</li> <li>• Guru membahagikan GPP kepada 3 kumpulan.</li> <li>• Setiap kumpulan diberikan kertas mahjung. GPP diminta menulis topik di tengah-tengah kertas mahjung.</li> <li>• Setiap ahli pasukan menulis idea dalam peta minda mengikut warna pen yang berbeza untuk menunjukkan sumbangan idea setiap GPP.</li> <li>• Guru menyoal dan mengaitkan isi pelajaran/ nilai yang akan dipelajari.</li> </ul>	<p>Kemahiran utama : Pemerhatian Analisis</p> <p>BBM: 1. Kapsyen klip video LGBT 2. Kertas mahjung</p>
<p>Langkah 1 (15 minit)</p>	<p>Gambar tentang</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Equal People</i></li> <li>• <i>Equal Rights</i></li> <li>• <i>Equal Love</i></li> </ul> 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru menyoal GPP tentang definisi LGBT.</li> <li>• Guru mengemukakan gambar kepada pelajar. GPP mengemukakan pendapat.</li> <li>• Dengan menggunakan peta bulatan, GPP menyenaraikan implikasi LGBT.</li> </ul>	<p>Kemahiran utama : Penjanaan idea Sintesis idea</p> <p>BBM: Kertas sebak Kad gambar</p>

<p>Langkah 2 (10 minit)</p>	<p><u>Trade a Problem</u></p> <p><u>Soalan 1</u></p> <p>Seorang murid perempuan datang mengadu kepada anda bahawa beliau suka kepada rakan perempuan beliau di dalam kelas. Apakah tindakan anda?</p> <p><u>Soalan 2</u></p> <p>Anda memerhatikan seorang murid lelaki menggeletek seorang murid lelaki lain di dalam kelas. Apakah tindakan anda?</p> <p><u>Soalan 3</u></p> <p>Seorang murid melaporkan kejadian perarakan kumpulan NGO yang menyokong LGBT di bandar beliau tinggal. Apakah nasihat anda kepada murid tersebut?</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru mengagihkan GPP kepada tiga kumpulan.</li> <li>• Pasukan 1 dikehendaki membina masalah/soalan dan menghantar kepada pasukan lain untuk mencari jalan penyelesaian.</li> <li>• Dengan menggunakan kertas sebak, setiap kumpulan dikehendaki untuk mengemukakan jalan penyelesaian.</li> </ul>	<p>Kemahiran utama: Penambahbaikan</p> <p>BBM:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kad manila</li> <li>• marker</li> </ul> <p>Nilai Murni:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• bekerjasama</li> <li>• keberanian</li> </ul>
---------------------------------	--	--	---

<p>Langkah 3 (15 minit)</p>	<p><u>Hot seats</u></p> <p>Langkah untuk mengatasi penularan LGBT dalam kalangan masyarakat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memberi penerangan dan arahan berkaitan aktiviti i-think (peta alir) mengikut kumpulan.</li> <li>• Guru memberikan satu gambar situasi kepada GPP.</li> <li>• GPP membuat satu Peta ALIR mengenai aktiviti yang boleh dilakukan untuk mencegah penularan LGBT dan mengaitkan dengan perasaan mereka.</li> <li>• GPP membuat penilaian terhadap hasil kerja rakan bersama guru</li> </ul>	<p>Kemahiran utama: Menilai</p> <p>BBM:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad gambar</li> <li>• Kad manila</li> <li>• Pen Marker</li> <li>• Pen warna</li> </ul> <p>Nilai: Bertanggungjawab</p> <p>EMK:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kreatif</li> </ul> <p>Objektif 2</p>
<p>Langkah 4 (10 minit)</p>	<p><u>Keratan akhbar:</u></p> 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memberikan beberapa keratan akhbar tentang kes buli semasa.</li> <li>• Guru memberi arahan kepada GPP.</li> <li>• GPP menerangkan satu peristiwa berkaitan dengan buli.</li> </ul>	<p>Kemahiran utama: Pelaksanaan</p> <p>BBM:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembaran kerja</li> </ul>
<p>Penutup (5 minit)</p>	<p>Semangat hormat-menghormati</p>	<p>GPP menerangkan semula isi-isi pelajaran pada hari ini</p>	<p>Kemahiran berkomunikasi dengan membuat kesimpulan</p>

<b><u>Pasca Pengajaran</u></b>	Menyayangi	GPP memberi maklum balas dan komen tentang hasil perbincangan dalam platform secara talian <i>Schoology</i>	Kemahiran menyelesaikan masalah
--------------------------------	------------	---	---------------------------------



Nota: GPP= Guru praperkhidmatan


### RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN KELAS BERBALIK PENDIDIKAN MORAL (GELUNG KETIGA)


Mata pelajaran	Isu Moral dan Peranan Agen-agen Moral
Unit	Pendidikan Moral
Bilangan GPP	6 orang
Tarikh/Hari	2/9/2017
Masa	1.30 tengah hari – 2.30 petang (1 jam)
Tema	Jenayah Siber
Tajuk	Jenayah Siber
Pengetahuan sedia ada	GPP telah menonton lima (5) klip video yang berkaitan dengan jenayah siber
Hasil Pembelajaran Kursus	<p>4. Menjelaskan peranan agen sosialisasi dalam pembentukan moral individu dalam masyarakat</p> <p>5. Menganalisis kesan dan akibat isu moral di peringkat sekolah, tempatan dan global</p> <p>6. Membincangkan secara kritis satu strategi penyelesaian konflik moral dalam penyelesaian isu-isu moral tempatan secara pembentangan kumpulan.</p>
Objektif pembelajaran	<p>Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, GPP dapat;</p> <p>Penaakulan : 1. Memberi definisi jenayah siber 2. Menyenaraikan punca jenayah siber</p> <p>Perasaan : 1. Menceritakan perasaan apabila mengikuti kisah individu yang terlibat di dalam jenayah siber 2. Menghuraikan kesan jenayah siber.</p> <p>Perlakuan : 1. Melakonan satu situasi individu yang berupaya mengelakkan diri daripada terjebak dengan jenayah siber</p>




Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	Reka cipta, Menilai, Menganalisis
Elemen merentas kurikulum	Bahasa, Kemahiran Berfikir
Penerapan nilai	Menghormati hak individu
Sumber Bantu Mengajar	Klip video, Perisian <i>Video maker</i> , Perisian <i>QR Code</i>
Sumber Bahan Bantu Mengajar Kelas Berbalik	Klip video, kapsyen video dan imej keratan akhbar

Langkah/Masa	Isi pelajaran	Aktiviti pembelajaran dan pengajaran	Catatan
<b>Aktiviti pra pengajaran</b>	Platform secara talian <i>Schoology</i> digunakan untuk membolehkan pelajar mengakses bahan pembelajaran berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>Lima imej tentang Jenayah Siber</li> <li>Tiga klip video daripada YouTube tentang Jenayah Siber</li> </ol>	Guru memuat naik ke dalam <i>Schoology</i> bahan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>Imej tentang contoh insiden keselamatan siber</li> <li>Klip video jenayah siber</li> <li>Artikel jenayah siber</li> </ul> Pelajar melihat imej. Pelajar menonton klip video. Pelajar membaca artikel jenayah siber. Pelajar mencatat soalan-soalan berbangkit. Pelajar juga memberikan pendapat secara bertulis di dalam platform secara talian <i>Schoology</i> .	BBM: <ol style="list-style-type: none"> <li>Imej 4 contoh jenayah siber</li> </ol> <p>Contoh 1</p>  <p>Contoh 2</p>  <ol style="list-style-type: none"> <li>Tiga capaian klip video daripada YouTube</li> </ol> <p>Capaian 1</p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=kBRA7o2IW98">https://www.youtube.com/watch?v=kBRA7o2IW98</a></p> <p>Capaian 2</p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=pjks_vsG300">https://www.youtube.com/watch?v=pjks_vsG300</a></p>

			Capaian 3  <a href="https://www.youtube.com/watch?v=-0Y_hI_hkE8">https://www.youtube.com/watch?v=-0Y_hI_hkE8</a>
<b><u>Interaksi Bersemuka</u></b>  Set Induksi (5 menit)	<b><u>Team Word Web</u></b>  <b><u>Contoh soalan:</u></b> 3. Apakah tema utama yang anda dapat kenal pasti di dalam klip video tersebut? 4. Beri pendapat anda tentang isu berbanding di dalam klip video tersebut.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar menonton sedutan kapsyen video.</li> <li>• Guru membahagikan pelajar kepada 3 kumpulan.</li> <li>• Dengan menggunakan pengurusan grafik, pelajar melukis idea utama tentang isu jenayah siber.</li> <li>• Setiap ahli pasukan menghasilkan pengurusan grafik mengikut warna yang berbeza untuk menunjukkan sumbangan idea setiap pelajar.</li> <li>• Guru menyoal dan mengaitkan isi pelajaran/ nilai yang akan dipelajari.</li> </ul>	Kemahiran utama : Analisis  BBM: 3. Kapsyen klip video jenayah siber 4. Perisian <i>Prezi</i>
Langkah 1 (15 menit)	QR Code tentang peningkatan kes jenayah siber.  	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru menyoal pelajar tentang definisi jenayah siber. Guru meminta pelajar mengimbas QR Code yang diberikan menerusi telefon pintar.</li> </ul>	Kemahiran utama : Penjanaan idea Sintesis idea  BBM: Kertas sebak Kad gambar Objektif 1

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Secara berpasangan, guru meminta pelajar untuk melakukan aktiviti think-pair-share tentang isu peningkatan jenayah siber.</li> <li>• Pelajar mengemukakan pendapat. Guru melaksanakan perbincangan.</li> </ul>	
Langkah 2 (10 minit)	<p>Mengulas isu di dalam blog</p> 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru meminta pelajar untuk mengimbas QR Code bagi membolehkan mereka mengkaji isu jenayah siber</li> <li>• Pelajar menjawab soalan yang dikemukakan.</li> </ul>	
Langkah 2 (10 minit)	<p><u>Trade a Problem</u></p> <p><u>Soalan 1</u></p> <p><u>Soalan 2</u></p> <p><u>Soalan 3</u></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru mengagihkan pelajar kepada tiga kumpulan.</li> <li>• Setiap kumpulan dikehendaki membina masalah/soalan dan menghantar kepada pasukan lain untuk mencari jalan penyelesaian.</li> <li>• Setiap kumpulan dikehendaki untuk mengemukakan jalan penyelesaian.</li> </ul>	<p>Kemahiran utama: Penambahbaikan</p> <p>BBM:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kad manila</li> <li>• marker</li> </ul> <p>Nilai Murni:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• bekerjasama</li> <li>• keberanian</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru melaksanakan perbincangan</li> </ul>	
Langkah 3 (15 minit)	<p><u>Aktiviti menghasilkan video</u></p> <p>Contoh</p> 	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru memberi penerangan dan arahan dengan penghasilan klip video pendek tentang jenayah siber.</li> <li>Guru memberikan contoh situasi yang boleh menggambarkan tema jenayah siber.</li> <li>Pelajar berbincang di dalam kumpulan untuk menghasilkan klip video pendek</li> <li>Pelajar diminta untuk memuat naik klip video yang dihasilkan ke dalam YouTube</li> <li>GPP membuat penilaian terhadap hasil kerja</li> </ul>	<p>Kemahiran utama: Menilai</p> <p>BBM:</p> <p>Nilai: Bertanggungjawab</p> <p>EMK:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kreatif</li> </ul>
Penutup (5 minit)	Menghormati hak individu	GPP menerangkan semula isi-isi pelajaran pada hari ini. Sesi soal jawab.	Kemahiran berkomunikasi dengan membuat kesimpulan
<u>Pasca Pengajaran</u>	Perbincangan di dalam <i>Schoology</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelajar mencatatkan pandangan/memberi maklum balas. Pelajar digalakkan memuat naik imej/klip video/artikel/ laman web yang</li> </ul>	<i>Schoology</i>

		sesuai dengan tajuk <ul style="list-style-type: none"> <li>Guru memantau aktiviti akademik yang dilaksanakan oleh pelajar</li> </ul>	
--	--	---	--

GPP= Guru praperkhidmatan

### K Sinopsis Klip Video Dalam Gelung 3

Gelung	Tema	Tajuk Klip Video	Durasi Video	Sinopsis Klip Video
Gelung 3	Jenayah siber	AWAS ! JENAYAH SIBER	4.23 minit	Sebuah kisah masyarakat yang menarik tentang mangsa yang mendapat panggilan telefon untuk memindahkan wang ke dalam akaun bank.
		Jenayah Siber (Short Story)	3.37 minit	Sebuah klip video yang mengisahkan tentang implikasi aktiviti penggodaman satelit ( <i>cyber warfare</i> )
		Klik Dengan Bijak - Buli Siber	5.02 minit	Sebuah kisah yang mengajak masyarakat untuk mengambil ikhtibar daripada pembelian secara talian.
		Worst Paedophile	1.58	Kisah pedofil seorang pemuda yang menggunakan rangkaian internet untuk melakukan kegiatan jenayah.
		R.AGE_ Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur	10.22 minit	Sebuah klip video yang membongkar jenayah merogol gadis bawah umur. Klip video yang dihasilkan oleh R.A.G.E ini memberi maklumat tentang aktiviti jenayah siber yang semakin berleluasa.

Maklumat dokumen yang dimuat naik ke dalam schoology (gambar/keratan akhbar, bertulis) berdasarkan tema



Gelung	Tema	Jenis media	Tajuk gambar/keratan akhbar	Sinopsis Keratan akhbar
Gelung 3	Jenayah siber	Keratan akhbar	Anda berjaya menang	Kecurian maklumat peribadi boleh terjadi di alam siber yang boleh menyebabkan seseorang itu terdedah kepada bahaya.
		Keratan akhbar	Data jenayah siber	Internet menjadi suatu kemestian dalam kehidupan masyarakat moden. Penipuan di alam maya berlaku apabila seseorang memalsukan atau meniplak sesuatu maklumat tertentu.
		Keratan akhbar	Guru ditipu kekasih siber	Guru curiga apabila kekasih hatinya tidak memberi respons selepas wang berjumlah RM 20,200 dimasukkan ke dalam akaun bank seperti diminta.
		Keratan akhbar	Judi Internet	Setiap tahun kita melihat ada juga pembukaan pusat-pusat perjudian siber di merata-rata tempat.
		Keratan akhbar	Judi Internet	Sindiket judi yang bertambah di negara kita yang semakin lama semakin susah untuk ditangkap.
		Keratan akhbar	Pedofil guna internet wujud rangkaian	Laporan polis tentang kes yang melibatkan pedofil Richard Huckle yang disiasat berhubung salah laku jenayah seksual di alam siber.
		Keratan akhbar	Pengawasan jenayah siber	Melalui sistem ini, ia dapat mengenal pasti serangan siber yang berlaku dalam sesebuah rangkaian, menyimpan bukti digital berkaitan serangan terbabit dan menyediakan laporan lengkap untuk memudahkan pihak berkuasa melakukan siasatan dan pendakwaan.
		Keratan akhbar	Penipuan cinta siber	Kerugian RM70.1 juta dalam tempoh dua tahun akibat <i>African Scam</i> . Seramai 1095 mangsa penipuan cinta siber terlibat di dalam scam ini.



		Keratan akhbar	Waspada	Waspada dengan semua maklumat iklan ubat di media sosial. Adakah ia boleh merawat seribu satu penyakit?
		Keratan akhbar	Wujudkan mahkamah jenayah siber	NGO cadang tubuh institusi undang-undang khas adil pesalah internet dan media sosial.

### L Sinopsis Klip Video Berdasarkan Tema

Gelung	Tema	Tajuk Klip Video	Durasi Video	Sinopsis Klip Video
Gelung 1	Penganiyaan terhadap manusia	Berita buli di dalam kelas	90 saat	Mengisahkan tentang seorang guru yang ditendang oleh murid di Kangar, Perlis. Perkataan gila babi digunakan oleh murid ketika menyerang guru terbabit.
		Buli fizikal dalam kalangan budak perempuan	3.02 minit	Mengisahkan sekumpulan murid perempuan yang menggunakan kekerasan terhadap murid lain. Pembuli dilihat menendang, memukul dan menyepak mangsa. Kejadian tersebut disaksikan oleh sekumpulan murid lain. Perkataan mencarut digunakan di dalam video ini.
		Buli fizikal dalam kelas	2.12 minit	Mengisahkan seorang murid lelaki ditendang dan disepak. Kepala murid dipijak. Murid yang dibuli menangis dan meraung tetapi tidak dipedulikan oleh pembuli. Mangsa mengerang kesakitan. Muka mangsa ditelangkupkan dengan baldi.
		Buli fizikal di luar sekolah	6.18 minit	Kisah drama melibatkan si abang yang terlibat dengan kejadian buli. Amir (watak cereka) digambarkan sebagai penyayang tetapi suka membuli di luar sekolah. Abang menerima akibatnya apabila



				adiknya turut sama menjadi mangsa buli.
		Buli mental	1.59	Kisah yang berlaku di luar sekolah ini berkisar kepada mangsa yang dibuli dengan kata-kata nista menyebabkan mangsa trauma dan tidak mahu ke sekolah. Kata-kata yang menyakitkan seperti 'slut' ditulis pada tangan yang menyebabkan mangsa menjadi trauma dan mempunyai rasa rendah diri yang ketara.
		Buli pekerjaan	7.01	Kisah buli yang berlaku di tempat kerja ini dianggap sebagai buli senyap. Mangsa trauma kerana tiada tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini. Tindakan menghamburkan kata-kata yang bersifat maki dianggap sebagai tindakan 'malicious' yang menjejaskan reputasi seseorang
		Buli jalanan	4.06	Kejadian yang berlaku di Subang Jaya ini tular di internet. Tindakan pemandu Myvi yang menceroboh dan menyekat laluan serta membunyikan hon mendapat kecaman ramai netizen.
		Buli siber	5.49	Sebuah kisah pendek tentang isu buli siber yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Buli siber bermula dengan hubungan alam maya. Kesannya mangsa mengambil jalan mudah dengan menamatkan kehidupan akibat tidak tahan dimalukan.
Gelung 2	Keprihatinan masyarakat	Jenayah di jalan	3.01 minit	Kisah mangsa dikejar oleh sekumpulan lelaki di luar sebuah premis. Mangsa dibelasah dan berbaring di jalan raya.
		Kes Samun Di Taman	1.15 mint	Kisah seorang wanita yang disamun oleh penjenayah. Jiran cuba datang





	Midah Cheras		membantu. Wanita tersebut terkejut dan tidak mampu berbuat apa-apa.
	Langkah penyelesaian jenayah jalanan	3.02 mint	Perbincangan tentang cara mencegah jenayah jalanan di Parlimen.
	Road Crime in Malaysia	40 saat	Klip video ini menunjukkan dua orang penunggang motosikal yang menembak mati seorang lelaki di persimpangan jalan. Jenayah berlaku di persimpangan jalan yang sesak.
	Statistik jenayah jalanan	1.07 minit	Klip video ini menunjukkan indeks jenayah yang dilaporkan oleh pihak berkuasa.
	Video jenayah jalanan	3.08 mint	Klip video yang dirakam di sebuah kondominium ini menunjukkan seorang pemandu lori yang dibelasah kerana enggan mengalihkan kereta. Mangsa dibelasah oleh sekumpulan lelaki yang muncul dari kereta Mercedes Benz. Kelihatan pengawal keselamatan melarikan diri sebaik sahaja dikejar oleh sekumpulan lelaki tersebut. Kedengaran beberapa das tembakan.
	Samun di stesen petrol	52 saat	Mengisahkan rakaman video seorang wanita yang disamun dan diserang oleh penunggang motosikal. Wanita tersebut dilihat membalang selipar ke arah penunggang motosikal
	Samun di luar kompleks beli belah	46 saat	Mengisahkan samun yang berlaku di bank (di tempat mesin mengeluarkan wang). Penjenayah dengan selamba mengacukan pistol dan melarikan wang.
	Isu LGBT _ Apa Kata	2.03 minit	Pandangan rakyat Malaysia tentang isu LGBT

		Rakyat Malaysia		
		LGBT Apa Yang Anda Perlu Tahu	3.15 minit	Maklumat asas tentang LGBT dibincangkan di dalam klip video ini.
		Perbincangan murid isu LGBT	5.12 minit	Sebuah kisah di dalam bilik darjah yang meneroka pemikiran murid tentang isu LGBT. Guru di dalam klip video ini memberi penerangan tentang kumpulan LGBT.
Gelung 3	Jenayah siber	AWAS ! JENAYAH SIBER	4.23 minit	Sebuah kisah masyarakat yang menarik tentang mangsa yang mendapat panggilan telefon untuk memindahkan wang ke dalam akaun bank.
		Jenayah Siber (Short Story)	3.37 minit	Sebuah klip video yang mengisahkan tentang implikasi aktiviti penggodaman satelit ( <i>cyber warfare</i> )
		Klik Dengan Bijak - Buli Siber	5.02 minit	Sebuah kisah yang mengajak masyarakat untuk mengambil iktibar daripada pembelian secara talian.
		Worst Paedophile	1.58	Kisah pedofil seorang pemuda yang menggunakan rangkaian internet untuk melakukan kegiatan jenayah.
		R.AGE_ Merungkai Jenayah Seksual Bawah Umur	10.22 minit	Sebuah klip video yang membongkar jenayah merogol gadis bawah umur. Klip video yang dihasilkan oleh R.A.G.E ini memberi maklumat tentang aktiviti jenayah siber yang semakin berleluasa.

## M Transkripsi Temu Bual

